

PRINSIP PERLEMBAGAAN

dan

PEMERENTAHAN DI-MALAYSIA

**PRINSIP PERLEMBAGAAN DAN PEMERENTAHAN
DI-MALAYSIA**

OLEH

DATO' MOHAMED SALLEH BIN ABAS, D.P.M., J.M.N. dan S.M.T.,
LL.B. (Hons.) Wales, Barrister at Law,
Middle Temple, London, Peguamchara
Negara, Malaysia.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur

1968

Siri Pengetahuan Umum DBP Bil 18

Cetak Pertama 1968

Hakcipta Terpelihara

M
354.595
MSA

Pb 5622

Di-cetak oleh

Perchetakan Kum, Kuala Lumpur

\$ 4.50

11 JUL 1972
Perpustakaan Negara
Malaysia

*Kapada dan untok
Negara dan Ra'ayat Malaysia.*

Koleksi

ISI-NYA

Muka surat

Sa-Patah Kata	ix	
Kata Pengantar	xi	
Pendahuluan	xv	
Rujukan	xvii	
BAB I	- Permulaan	1
BAB II	- Tawarikh Perlembagaan Persekutuan	13
BAB III	- Persekutuan	38
BAB IV	- Yang Di-Pertuan Agong ✓ ✓	47
BAB V	- Parlimen ✓	56
BAB VI	- Ketertinggian Parlimen ✓	92
BAB VII	- Pemerentahan ✓	102
BAB VIII	- Pentadbiran ✓	107
BAB IX	- Perkhidmatan Awam ✓	114
BAB X	- Kewangan Negara	132
BAB XI	- Kerajaan di-Bawah Undangz Dan Kuasa-nya Mengenai Hal Ahwal Luar Negeri	147
BAB XII	- Pilehanraya ✓	155
BAB XIII	- Kehakiman ✓	203
BAB XIV	- Perlembagaan Negeri ✓	215
BAB XV	- Perhubungan di-Antara Persekutuan Dengan Negeri	223
BAB XVI	- Kedudukan Negeriz Borneo Dalam Malaysia	249
BAB XVII	- Kerajaan Tempatan ✓	265
BAB XVIII	- Kewarganegaraan ✓	283
BAB XIX	- Berbagaiz Peruntukan Perlembagaan	310
BAB XX	- Hak Asasi ✓	332
BAB XXI	- Dharurat	360
BAB XXII	- Penutup	368

SA-PATAH KATA

Mengetahui dan memahami kehendak2 yang terkandong di-dalam Perlembagaan dan chara2 pemerentahan negara sendiri ada-lah suatu perkara yang agak perlu bagi sa-saorang warga negara, sa-tidak2-nya dengan sa-chara umum. Oleh yang demikian nyata-lah amat mustahak ada-nya buku2 yang dapat memenohi maksud ini, lebeh2 lagi dalam bahasa kebangsaan. Maka dengan terbit-nya buku ini membawa erti bahawa suatu kekosongan dalam bidang ini telah dapat di-isi.

Buku ini menghuraikan hal ahwal dan selok-belok segala sa-suatu yang tersurat di-dalam Perlembagaan negara kita Malaysia ini dengan chara yang luas lagi meliputi, istimewa pula dengan menggunakan jalan bahasa yang agak sederhana dan mudah di-faham. Ini ia-lah kerana pengarang-nya bukan sahaja terkenal ahli dalam lapangan ilmu undang2 bahkan juga memang sa-orang ahli dalam lapangan bahasa. Kerana itu, dengan tidak ragu2 lagi saya menyatakan bahawa buku ini amat berguna kapada sa-genap lapisan warga negara kita, sarna ada dari golongan ahli politik atau pun ra'ayat biasa, istimewa pula kapada yang hanya memahami bahasa kebangsaan kita.

Memang sedia kita ma'alumi buku saperti ini, demikian juga buku2 yang mengenai lapangan undang2 dan hal ahwal pemerentahan negara amat-lah sadikit bilangan-nya yang telah di-terbitkan dalam bahasa kebangsaan kita. Bagaimana pun, patut di-sebut bahawa sa-belum buku ini di-usahakan, Dato' Mohamed Salleh bin Abas, pengarang buku ini telah berjaya menghasilkan dua buah karya-nya ia-itu "Kenapa Pilehanraya Di-adakan", dan "Mengenal Undang2."

Sa-sunggoh-nya segala sumbangan Dato' Mohamed Salleh bin Abas dalam lapangan ini ada-lah berupa suatu kebaktian yang amat

tinggi nilai-nya, lebeh2 lagi dalam usaha menjulang ketinggian taraf bahasa kebangsaan kita. Di-samping uchapan sa-tinggi2 tahniah dari saya, amat-lah di-harap kira-nya beliau akan meneruskan usaha menabor derma bakti yang mulia ini, demikian juga di-harap mogaz ramai lagi golongan peguam2 kita yang arif dalam lapangan ilmu undang2 tampil ka-muka untok menyumbang derma bakti masing2.

Kuala Lumpur, Mei 1968.

Syed Nasir bin Ismail.
Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

KATA PENGANTAR

Penerbitan karya ilmiah chiptaan Dato' Mohamed Salleh bin Abas, Peguamchara Negara, Malaysia ini ada-lah suatu peristiwa penting dalam sa'at perkembangan Bahasa Kebangsaan dalam bidang undang². Tidak-lah dapat di-sangkal bahawa karya ini sunggoh rumit di-karang kerana beberapa istilah undang² perlu di-gunakan; yang demikian, sa-bagaimana yang kita saksikan bukti-nya sekarang, jelas-lah bahawa memang benar dan tepat pepatah yang mengatakan "Hendak sa-ribu daya tidak hendak sa-ribu daleh." Pengarang-nya sedar bagaimana penting-nya sa-buah buku saperti ini di-karang, dan beliau telah mengorbankan masa lapang-nya sa-lepas pejabat dan masa chuti rehat-nya untuk mengarang buku ini. Bahkan demi mustahak-nya karya ini di-terbitkan dengan sa-chepat mungkin beliau dengan tidak teragak² lagi sanggup menggunakan di-mana perlu perkataan dan istilah² Inggeris dalam tanda-kurong untuk menjelaskan maksud-nya kerana beliau tidak sempat menunggu Jawatan-kuasa Istilah Undang² menggubal dan menyusun istilah² tersebut dalam Bahasa Kebangsaan. Sa-kira-nya di-bacha sa-kali lalu, buku ini memang di-dapati sukar sadikit dan payah hendak di-faham; akan tetapi karya saperti ini yang maudhu'-nya sunggoh berat, sa-memang pada keselurohan-nya sa-orang pembacha di-perlukan membacha-nya dengan lambatz atau membacha-nya dua tiga kali sa-kira-nya ingin mengechap faedah-nya dengan erti-kata yang sa-benar-nya.

Sa-hingga hari ini belum lagi terdapat suatu terjemahan rasmi Perlembagaan Malaysia dalam Bahasa Kebangsaan dan ini menyebabkan buku ini lebih berharga lagi bagi mereka yang tidak memahami bahasa Inggeris tetapi ingin mengetahui dengan lebih mendalam lagi akan Perlembagaan Malaysia dan asas perjalanan kerajaan. Apabila naskhah Perlembagaan Malaysia di-terbitkan dalam Bahasa Kebangsaan kelak

maka tidak-lah di-ragukan bahawa buku ini akan menjadi benar2 ber-guna sa-bagai buku rujukan atau sa-bagai buku untuk menjelaskan ba-hagianz atau perkaraZ yang sukar di-faham dalam Perlembagaan itu.

Malaysia ada-lah di-perentah menurut Perlembagaan-nya dan menurut segala undang2 yang di-buat di-bawah-nya. Sa-orang ahli falsafah Greek purba bernama ARISTOTLE berkata: "Manusia ia-lah haiwan yang berpolitik" (a political animal) yang berma'ana bahawa sa-saorang manusia itu tidak dapat di-pisahkan daripada politik dan kerajaan. Ini sa-sunggoh-nya benar, terutama sa-kali bagi sa-sabuah negara yang mengamalkan demokrasi dan yang mempunyai kerajaan berparlimen. Sa-lanjut-nya, pepatah ada mengatakan bahawa tiap2 sa-orang itu ada-lah di-anggap mengetahui undang2 negeri-nya. Sa-sunggoh-nya, bukan-lah tiap2 orang itu di-anggap mengetahui undang2 negeri-nya dengan erti-kata yang sa-benar-nya tetapi sa-saorang itu ada-lah di-kehendaki me-ngetahui sa-kurang2-nya Perlembagaan negeri-nya dengan sa-chara umum dan bagaimana Kerajaan menjalankan tugas2-nya. Khusus-nya ahliZ politik, penjawatZ perkhidmatan awam dan juga tiap2 sa-orang pengundi yang berhemat ada-lah di-kehendaki memahami perkaraZ tersebut dengan lebuh mendalam lagi daripada orang2 awam yang lain. Bahkan ini-lah satu daripada mas'alah asas sa-kira-nya sa-sabuah kerajaan yang ber-bentuk demokrasi di-harapkan dapat menjalankan tugas2-nya dengan lichin dan sihat. Oleh kerana sa-bahagian besar warga negara Malaysia tidak tahu berbahasa Inggeris tetapi tahu berbahasa Melayu, sa-sunggoh-nya kita patut berterima-kaseh dan kita berasa terhutang budi kapada pengarang yang arif ini. Kerana walau pun beliau sentiasa sibok dengan kewajipanZ rasmi-nya beliau telah dapat menumpukan segala usaha dan tenaga-nya dalam masa yang terhad itu untuk menghasilkan karya ilmiah-nya ini yang boleh kita sifatkan sa-bagai suatu tanda sejarah dalam per-kembangan negara kita. Memandang kapada kelayakanZ-nya dalam ilmu undang2, pengalamanZ-nya yang matang dan berbagai rupa dalam Perkhidmatan undang2, pengetahuan-nya yang luas dalam Bahasa Ke-bangsaan dan juga kapada minat-nya menjalankan kewajipan-nya dengan ta'at dan tekun, pada pendapat saya memang kena-lah pada tempat-nya dan tidak-lah terdapat saya sa-orang lain yang lebuh layak lagi daripada beliau, untuk menulis dalam Bahasa Kebangsaan sa-buah buku yang mengandungi maudhu' yang berat sa-rupa ini, melainkan pengarang yang arif ini sendiri. Mudah2an buku ini akan menjadi bintang yang akan memandu mereka yang berkehendakkan panduan mengenai Perlembagaan, undang2 dan peratoranz Kerajaan Malaysia. Bagitu juga di-

harap buku ini akan menjadi perangsang pula kapada mereka yang sanggup mengorbankan masa lapang dan tenaga-nya menulis lebih banyak lagi karyaz mengenai undang2 atau penerangan2 lanjut berhubung dengan undang2 negeri kita dalam Bahasa Kebangsaan. Kerana dengan chara ini-lah sahaja sa-saorang itu boleh menyumbang usaha tenaga terhadap perkembangan Bahasa Kebangsaan kita dengan pesat-nya.

(TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF)

P.M.N., B.J.K., P.J.K.,
Peguam Negara,
Malaysia.

Jabatan Peguam Negara,
Malaysia,
Kuala Lumpur.
26hb. Februari, 1968.

PENDAHULUAN

A New Beginning

Buku ini di-tulis untuk mengambil sempena Act Bahasa Kebangsaan, 1967. Mudah2an buku ini akan menjadi satu bukti yang nyata bahawa bahasa Melayu memang-nya boleh di-gunakan dalam lapangan undang2; dan juga di-harap supaya buku ini akan menjadi satu bahan yang berguna dalam bahasa Kebangsaan am-nya, khas-nya kapada pembachaz yang ingin meluaskan pandangan-nya dalam undang2 tetapi tidak tahu bahasa Inggeris.

Oleh kerana saya hanya mempunyai masa yang singkat dan terhad untuk berusaha menulis buku ini, istimewa pula ini-lah kali yang pertama-nya saya chuba menulis satu maudhu' yang terlampaui besar dan mustahak, maka saya sedia menyedari ia-itu tentu-lah buku ini tidak sunyi daripada mengandungi kekhilafan, baik tentang ejaan atau pun tentang jalan bahasa. Saya sedar juga ia-itu satengah2 Bab ada-lah panjang, manakala satengah2-nya pula singkat. Keadaan ini tidak dapat di-elakkan kerana saya tidak mempunyai masa yang memuaskan untuk mengarang buku ini sa-kali gus. Satengah2 Bab itu di-tulis dalam masa yang lama berselang, terkadang2 hampir satu tahun sa-tengah lama-nya. Dan lagi segala rujukan undang2 yang di-buat dalam buku ini ia-lah boleh dikatakan semua-nya undang2 di-Malaysia Barat. Segala buah fikiran dan pendapatz yang terkandong di-dalam buku ini hanya-lah tanggong-jawab saya sendiri dan bukan-lah merupakan sa-bagai pandangan atau pendapat Kerajaan dan Jabatan Peguam Negara.

Sa-lain daripada itu saya berasa terhutang budi kapada Dewan Bahasa dan Pustaka, khas-nya kapada Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah bersetuju menerbitkan buku ini. Saya suka juga menguchap terima-kaseh kapada Miss Joyce Pearl Nathan yang telah berusaha menaipkan buku ini dan kapada Enche'

A. Samad bin Ahmad, Pengarang Sastera Lama, Dewan Bahasa dan Pustaka, yang telah berusaha menyemakkan jalan bahasa dan ejaan buku ini. Akhirnya saya uchapkan terima-kaseh yang tiada terhingga kapada sahabat dan ketua saya, Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof, Peguam Negara, Malaysia, yang telah membenarkan saya berchuti untuk menyelesaikan penulisan buku ini, lebeh2 lagi atas kesudian beliau menulis kata pengantar kapada buku ini.

Demikian-lah di-harapkan moga2 buku ini menjadi berguna kapada pembachaz-nya.

Dato' Mohamed Salleh bin Abas

Kuala Lumpur, 5hb. Februari, 1968.

R U J O K A N

Undangz

Enactment Sekatan Tempat Tinggal – N.M.B. Bab. 39
Restricted Residence Enactment – F.M.S. Cap. 39.

Enactment Askar Melayu – N.M.B. Bab. 42.
Malay Regiment Enactment – F.M.S. Cap. 42.

Enactment Pegangan Tanah Adat – N.M.B. Bab. 215.
Customary Land Tenure Enactment – F.M.S. Cap. 215.

Ordinance Hak Tanah Adat Melaka – N.S. Bab. 125.
Malacca Lands Customary Rights – S.S. Cap. 125.

Ordinance Perbandaran Negeri Selat – N.S. Bab. 133.
Municipal Ordinance of Straits Settlements – S.S. Cap. 133.

Ordinance Peguambela bagi Sabah Bab. 2.
Advocates Ordinance Sabah Cap. 2.

Ordinance Peguambela bagi Sarawak Bab. 10.
Advocates Ordinance of Sarawak Cap. 10.

Enactment Lembaga Bandaran Terengganu No. 12 t. 1355.
Town Boards Enactment of Terengganu No. 12 of 1355.

1904 – Enactment "Naturalisation" 1904 – N.M.B. Bab. 117.
Naturalisation Enactment 1904 – F.M.S. Cap. 117.

- 1922 - Enactment Menyekatkan Orang2 Negara Asing (1922) - N.M.B. Bab. 116; N.S. Bab. 92.
 Restriction of Aliens Enactment (1922) - N.M.B. Bab. 116; N.S. Bab. 92.
- Enactment Menyekat Penumpang2 (1922) - N.M.B. Bab. 119; N.S. Bab. 93.
 Passenger Restriction Enactment (1922) - F.M.S. Cap. 119; S.S. Cap. 93.
- Enactment Orang2 Negara Asing - N.M.B. Bab. 113.
 Aliens Enactment F.M.S. Cap. 113.
 Ordinance Orang2 Negara Asing - N.S. Bab. 90.
 Aliens Ordinance S.S. Cap. 90.
- 1934 - Enactment Imigeresen Orang2 Negara Asing (1934) — N.M.B. Bab. 115.
 Aliens Immigration Enactment (1934) - F.M.S.Cap. 115.
- 1935 - Enactment Lembaga Bandaran Johor No. 118 t. 1935.
 Town Boards Enactment of Johore No. 118 of 1935.
- 1938 - Enactment Perbandaran Kelantan - No. 20 t. 1938.
 Kelantan Municipal Enactment - No. 20 of 1938.
- 1940 - P.W. No. 4436 t. 1940.
 G.N. No. 4436 of 1940.
- 1948 - P. W. 1921 t. 1948.
 G. N. 1921 t. 1948.
- Ordinance Mahkamah 1948 - No. 43 t. 1948.
 Courts Ordinance 1948 - No. 43 of 1948.
- Ordinance Asutan 1948 - No. 14 t. 1948.
 Sedition Ordinance 1948 - No. 14 of 1948.
- Ordinance Penchetak Surat khabar, 1948 - No. 12. t. 1948.
 Printing Presses Ordinance, 1948 - No. 12 of 1948.

Ordinance Pertubuhan Sharikat Bekerjasama, 1948 - No. 33 tahun 1948.
Co-operative Societies Ordinance, 1948 - No. 33 of 1948.
Ordinance Peratoran Dharurat, 1948, - No. 10 t. 1948.
Emergency Regulations Ordinance, 1948 - No. 10 of 1948.

P.W. No. 1921 t. 1948.
G.N.No. 1921 of 1948.

Ordinance Tafsiran dan Fasal2 Am, 1948 - No. 7 t. 1948.
Interpretation and General Clauses Ordinance, 1948 -
No. 7 of 1948.
P.W. Selangor No. 63, 64, 65, 66, 68 dan 69 t. 1948.
Selangor G.N. Nos. 63, 64, 65, 66, 67 and 68 of 1948.

Ordinance (Perluasan Kuasa) Perbandaran, 1948 - No. 3t.
1948.
Municipal Ordinance (Extended Application), 1948 -
No. 3 of 1948.

P.W. Selangor. No. 63 - 69 t. 1948.
Selangor. G. N. Nos. 63 - 69 of 1948.
W.K. Persekutuan. No. 1921 t. 1948.
F.G. No. 1921 of 1948.

Ordinance Perlindongan Pehak-berkuasa Awam, 1948 -
No. 19 t. 1948.
Public Authorities Protection Ordinance, 1948 - No. 19
of 1948.

Ordinance Peratoran Dharurat, 1948 - No. 10t. 1948
Emergency Regulations Ordinance, 1948 - No. 10 of 1948

- 1949 - Ordinance Konterek Kerajaan, 1949 - No. 67 t. 1949.
Government Contracts Ordinance, 1949 - No. 67 of 1949.
- 1950 - Ordinance Pilehanraya Pehak Yang Berkuasa Tempatan,
1950 - No. 52 t. 1950.
Local Authority Elections Ordinance, 1950 - No. 52 of 1950.

- Ordinance Kenyataan 1950 – No. 11 t. 1950.
Evidence Ordinance, 1950 – No. 11 of 1950.
- Ordinance (Pindaan) Perbandaran, 1952 – No. 53 t. 1950
Municipal (Amendment) Ordinance, 1952 – No. 53 of 1950.
- 1951 – Ordinance Penchen, 1951 – No. 1 t. 1951.
Pensions Ordinance, 1951 – No. 1 of 1951.
- Ordinance Mahkamah Rendah, 1951 (Sabah) – Bab. 29.
Subordinate Courts Ordinance, 1951 (Sabah) – Cap. 29.
- P.W. Sl. No. 351 t. 1951.
Sl. G.N. No. 351 of 1951.
- Ordinance (Pemindahan Tugas) Kerajaan Persekutuan 1951 – No. 15 t. 1951.
- Federal Government (Transfer of Functions) Ordinance, 1951 – No. 15 of 1951.
- 1952 – W.K. Persekutuan. No. 1473 t. 1952.
F.G. No. 1473 of 1952.
- Enactment Ra'ayat Negeri, 1952.
State Nationality Enactment, 1952.
- Ordinance Majlis Tempatan, 1952 – No. 36 t. 1952.
Local Council Ordinance, 1952 – No. 36 of 1952.
- Ordinance Askar Persekutuan 1952 – No. 27 t. 1952.
Federation Regiment Ordinance, 1952 – No. 27 of 1952.
- Ordinance Pasukan Tentera 1952 – No. 47 t. 1952.
Military Forces Ordinance, 1952 – No. 47 of 1952.
- Ordinance Mahkamah Rendah 1952 (Sarawak) – Bab. 42.
Subordinate Courts Ordinance, 1952 (Sarawak) – Cap. 42.

Enactment Pentadbiran Hukum Sharat Selangor, 1952 –
No. 3 t. 1952.

Administration of Muslim Law Enactment of Selangor,
1952 – No. 3 of 1952.

Ordinance Perkhidmatan Negara, 1952 – No. 37 t. 1952.
National Service Ordinance, 1952 – No. 37 of 1952.

Ordinance Penjara, 1952 – No. 81 t. 1952.
Prisons Ordinance, 1952 – No. 81 of 1952.

Ordinance (Hak Keutamaan dan Kuasa) Majlis Parlimen,
1952 – No. 15 t. 1952.

Houses of Parliament (Privileges and Powers) Ordinance,
1952 – No. 15 of 1952.

P.W. Pulau Pinang, No. 371 t. 1952.
Pg. G.N. No. 371 of 1952.

P.W. Pulau Pinang, No. 372 t. 1952.
Pg. G.N. No. 372 of 1952.

1953 – P.W. No. 34 t. 1953.
G.N. No. 34 of 1953.

P.W. No. 35 t. 1953.
G.N. No. 35 of 1953.

1954 – Ordinance Kesalahan Pilehanraya, 1954 – No. 9 t. 1954.
Election Offences Ordinance, 1954 – No. 9 of 1954.

P.W. No. 33 t. 1954.
G.N. No. 33 of 1954.

Ordinance (Pindaan) Lembaga Bandaran – No. 40 t. 1954.
Town Boards (Amendment) Ordinance – No. 40 of 1954.

Ordinance (Pindaan) Perbandaran – No. 20 t. 1954.
Municipal (Amendment) Ordinance – No. 20 of 1954.

- 1955 - Ordinance Penchegah Jenayah, 1955 - No. 13 t. 1959.
Prevention of Crime Ordinance, 1955 - No. 13 of 1959.
Ordinance Kesalahan Kechil, 1955 - No. 3 t. 1955.
Minor Offences Ordinance, 1955 - No. 3 of 1955.
- 1956 - P.A. 1956
G.O. 1956.

Ordinance Penda'awaan Kerajaan, 1956 - No. 58 t. 1956,
Government Proceedings Ordinance, 1956 - No. 58 of 1956.
- 1957 - Act Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, 1957 -
526 Eliz. 2 Ch. 60.
F. of M. Independance Act, 1957 - 526 Eliz. 2 Ch. 60.

Ordinance Singapura 1957 - No. 35 tahun 1957.
Singapore Ordinance, 1957 - No. 35 of 1957.

Ordinance Surohanjaya Perkhidmatan, 1957 - No. 74 t. 1957.
Service Commission Ordinance, 1957 - No. 74 of 1957.

Ordinance Peratoran Kewangan, 1957 - No.62 t. 1957.
Financial Procedure Ordinance, 1957 - No.62 of 1957.

Ordinance (Peruntukan) Kumpulan Wang Berkenaan, 1957-
No.73 t. 1957.
Statutory Funds (Appropriation) Ordinance, 1957 - No. 73
of 1957.

Ordinance Odit 1957 - No.60 t. 1957.
Audit Ordinance, 1957 - No.60 of 1957.

Act (Sara) Mentri 1957 - No.63 t. 1957.
Ministers (Remuneration) Act, 1957 - No.63 of 1957.
- 1958 - Ordinance (Kelepasan dari Chukai Pendapatan) Perusahaan
Perintis, 1958 - No.31 t. 1958.
Pioneer Industries (Relief from Income Tax) Ordinance,
1958 - No.31 of 1958.

- Ordinance Kumpulan Wang Pembangunan, 1958 – No.18 t.
1958.
- Development Fund Ordinance, 1958 – No.18 of 1958.
- Perentah (Mempersempadankan Kawasan2 Pilehanraya
Parlimen) Pilehanraya, 1958 – P.U. 280/58.
- Elections (Delimitation of Parliamentary Constituencies)
Order, 1958 – L.N. 280/58.
- Ordinance Pilehanraya, 1958 – No.33 t. 1958.
Elections Ordinance, 1958 – No.33 of 1958.
- Peratoran Pilehanraya (Pendaftaran Pengundiz) 1958 –
P.U. 252 t. 1958.
- Elections (Registration of Electors) Regulations, 1958 –
L.N. 252 of 1958.
- P.U. No.1254 t. 1958.
L.N. 1254 of 1958.
- Ordinance (Memelihara) Ketenteraman Awam, 1958 –
No.46 t. 1958.
- Public Order (Preservation) Ordinance, 1958 – No.46
of 1958.
- Ordinance Mengawal Penerbitan2 Luar Negeri, 1958 –
No.44 t. 1958.
- The Control of Imported Publications Ordinance, 1958 –
No.44 of 1958.
- Ordinance Lalu-lintas Jalan, 1958. – No.49 t. 1958.
Road Traffic Ordinance, 1958 – No.349 of 1958.
- Ordinance (Pindaan Sementara) Perlembagaan, 1958 –
No.42 t. 1958.
- The Constitution (Temporary Amendment) Ordinance,
1958 – No.42 of 1958.

- 1959 - Peratoran Pilehanraya (Pengundi Dengan Jalan Pos) 1959 -
P.U. 71 t. 1959.
Elections (Postal Voting) Regulations, 1959 - L.N. 71 of
1959.
- Peratoran Pilehanraya (Perjalanan Pilehanraya), 1959 -
P.U. 69 t. 1959.
Elections (Conduct of Elections) Regulations, 1959 - L.N.
69 of 1959.
- Ordinance Menchegah Jenayah, 1959 - No.13 t. 1959.
Prevention of Crime F.M. Ordinance - No.13 of 1959.
- Ordinance Pembuangan Negeri, 1959 - No.11 t. 1959.
Banishment Ordinance, 1959 - No.11 of 1959.
- Ordinance Kesatuan Sckerja, 1959 - No.23 t. 1959.
Trade Unions Ordinance, 1959 - No.23 of 1959.
- Ordinance Jalan Persekutuan 1959 - No.42 t. 1959.
Federal Roads Ordinance, 1959 - No.42 of 1959.
- Ordinance Imigeresen, 1959 - No.12 t. 1959.
Immigration Ordinance, 1959 - No.12 of 1959.
- 1960 - Act Pilehanraya Kerajaan Tempatan 1960 - No.11 t. 1960.
Local Government Elections Act, 1960 - No.11 of 1960.
- Peratoran Perlembagaan (Surohanjaya Pilehanraya) 1960 -
P.U. No.110 t. 1960.
Constitution (Election Commission) Rules, 1960 - L.N.
No.110 of 1960.
- Peratoran (Pendaftaran Pengundi) Kerajaan Tempatan,
1960 - No.112 t. 1960.
Local Government (Registration of Electors) Regulations,
1960 - No.112 of 1960.

Peratoran (Perjalanan Pilehanraya) Kerajaan Tempatan, 1960 - No.111 t. 1960.

Local Government (Conduct of Elections) Regulations, 1960 - No.111 of 1960.

Act Keselamatan Dalam Negeri, 1960 - No.18 t. 1960.
Internal Security Act, 1960 - No.18 of 1960.

Act Mengambil Balek Tanah, 1960 - No.34 t. 1960.
Land Acquisition Act, 1960 - No.34 of 1960.

P.U. No.185 t. 1960.

L.N. No.185 of 1960.

Act (Gaji) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960 - No.2 t. 1960.

President of the Senate (Remuneration) Act, 1960 - No.2 of 1960.

Act (Gaji Ahli) Parlimen, 1960 - No.4 t. 1960.

Parliament (Members Remuneration) Act, 1960 - No.4 of 1960.

Act (Gaji) Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat, 1960 - No.7 t. 1960.

Speaker (Remuneration) Act, 1960 - No.7 of 1960.

Act (Pindaan) Perlembagaan, 1960 - No.10 t. 1960.

Constitution (Amendment) Act, 1960 - No.10 of 1960.

Act Ibu Kota Persekutuan, 1960 - No.35 t. 1960.

Federal Capital Act, 1960 - No.35 of 1960.

1961 - P.U. Perak. No. 10 t. 1961.

Perak. L.N. No.10 of 1961.

P.U. Pulau Pinang No.2 t. 1961.

Pg. L.N. No.2 of 1961.

P.U. Melaka. No.4 t. 1961.
Malacca. L.N. No.4 of 1961.

P.U. Pulau Pinang. No.17 t. 1961.
Penang. L.N. No.17 of 1961.

P.U. Pulau Pinang. No.15 t. 1961.
Penang. L.N. No.15 of 1961.

P.U. Pulau Pinang. No.18 t. 1961.
Penang. L.N. No.18 of 1961.

P.U. Pulau Pinang. No.16 t. 1961.
Penang. L.N. No.16 of 1961.

P.U. Melaka. No.12 t. 1961.
Malacca. L.N. No.12 of 1961.

P.U. Melaka. No.13 t. 1961.
Malacca. L.N. No.13 of 1961.

P.U. Melaka. No.14 t. 1961.
Malacca. L.N. No.14 of 1961.

1962 - Enactment Kedah 1962 - No.9 t. 1962.
Kedah Enactment, 1962 - No.9 of 1962.

Act Penyerahan Hasil (Chukai Eksepot Bijeh Besi) 1962 -
No.27 t. 1962.
Assignment of Revenue (Export Duty on Iron Ore) Act,
1962 - No.27 of 1962.

P.U. Perak. No.119 t. 1962.
Perak. L.N. No.119 of 1962.

P.W. Perak No.119 t. 1962.
Perak G.N. No.119 of 1962.

P.U. Kelantan. No.24 t. 1962 – 44 t. 1962.
Kelantan. L.N. No.24 of 1962 – 44 of 1962.

P.U. Kedah. No.15 – 41 t. 1962 dan 54 t. 1962.
Kedah. L.N. No.15 – 41 of 1962 and 54 of 1962.

P.U. Johor. No.5 t. 1962 – 95 t. 1962.
Johor. L.N. No.5 of 1962 – 95 of 1962.

P.U. Pahang. No.14 t. 1962 – 40 t. 1962.
Pahang. L.N. No.14 of 1962 – 40 of 1962.

P.U. Negeri Sembilan. No.12 t. 1962 – 24 t. 1962.
Negeri Sembilan. L.N. No.12 of 1962 – 24 of 1962.

P.U. Perak. No.38 t. 1962 – 118 t. 1962.
Perak. L.N. No.38 of 1962 – 118 of 1962.

P.U. Perlis. No.9 t. 1962 – 10 t. 1962.
Perlis. L.N. No.9 of 1962 – 10 of 1962.

P.U. Selangor. No.20 t. 1962 – 43 t. 1962.
Selangor. L.N. No.20 of 1962 – 43 of 1962.

Act (Pindaan) Perlembagaan, 1962 – No.14 t. 1962.
Constitution (Amendment) Act, 1962 – No.14 of 1962.

1963 – Act Pinjaman Luar Negeri 1963 – No.22 t. 1963.
External Loans Act, 1963 – No.22 of 1963.

Act Perkhidmatan Parlimen 1963 – 12 t. 1963.
Parliamentary Service Act, 1963 – No.12 of 1963.

Act Gaji Hakim 1963 – No.36 t. 1963.
Judges' Remuneration Act, 1963 – No.36 of 1963.

Act Imigeresen 1963 – No.27 t. 1963.
Immigration Act, 1963 – No.27 of 1963.

P.U. Terengganu. No.18 t. 1963 - 24 t. 1963.
Trengganu. L.N. No.18 of 1963 - 24 of 1963.

Act (Pindaan) Perlembagaan, 1963 - No.25 t. 1963.
Constitution (Amendment) Act, 1963 - No.25 of 1963.

Act Malaysia, 1963 - No.26 t. 1963.
Malaysia Act, 1963 - No.26 of 1963.

Act Bahasa Kebangsaan, 1963 - No.10 t. 1963.
National Language Act, 1963 - No.10 of 1963.

1964 -
Act Kehakiman 1964 - No.7 t. 1964.
Courts of Judicature Act, 1964 - No.7 of 1964.

P.U. 12/64, 243/64, 245/64, 271/64, 273/64, 286/64,
335/64, 420/64, 421/64.

L.Ns. 12/64, 243/64, 245/64, 271/64, 273/64, 286/64,
335/64, 420/64, 421/64.

Act Penyerahan Chukai Eksepot (Bijeh Galian) 1964 -
No.27 t. 1964.

Assignment of Export Duty (Mineral Ores) Act, 1964 -
No.27 of 1964.

Perentah (Kuasa Undang2) Negeri Borneo - P.U.17 t. 1964.
Borneo States (Legislative Powers) Order, 1963 - L.N. 17
of 1964.

P.U. No.19 t. 1964.
L.N. No.19 of 1964.

Peraturan Kewarganegaraan, 1964 - P.U. No.82 t. 1964.
Citizenship Rules, 1964 - L.N. No.82 of 1964.

Act (Pindaan) Perlembagaan, 1964 - No.19 t. 1964.
Constitution (Amendment) Act, 1964 - No.19 of 1964.

Perentah Menteri Kerajaan Persekutuan, 1964-P.U. 143 t.
1964.

Ministers of the Federal Government Order, 1964 - L.N.
143 of 1964.

Act (Kuasa Penting) Dharurat, 1964 - No.30 t. 1964.
Emergency (Essential Powers) Act, 1964 - No.30 of 1964.

1965 - P.U. Negeri Sembilan. 11/65, 21/65, 9/65.
Negeri Sembilan. L.N. 11/65, 21/65, 9/65.

Perlembagaan dan Act (Meminda Singapura) Malaysia,
1965 - No.53 t. 1965.

Constitution and Malaysia (Singapore Amendment) Act,
1965 - No.53 of 1965.

Act Kemerdekaan Repablik Singapura, 1965 - Actz Tam-
baham Warta Singapura No.2 t. 1965.

Republic of Singapore Independence Act, 1965 - Singapore
Gazette Acts Supplement No.2 of 1965.

Perjanjian Perpisahan Singapura - Warta Singapura No.
1824/1965.

Separation Agreement between Singapore and Malaysia -
Singapore Gazette No.1824/1965.

Peratoran Dharurat (Menggantong Pilehanraya Kerajaan
Tempatan) 1965 - P.U. 75/65 dan P.U. 312/65.

Emergency (Suspension of Local Government Elections)
Regulations, 1965 - L.N. 75/65 and L.N. 312/65.

Act Sharikat, 1965 - No.79 t. 1965.

Companies Act, 1965 - No.79 of 1965.

P.U. 75/65, 121/65, 122/65, 251/65, 355/65, 443/65,
451/65, 33/65, 35/65, 22/65, 106/65.

L.N. 75/65, 121/65, 122/65, 251/65, 355/65, 443/65,
451/65, 33/65, 35/65, 22/65, 106/65.

- 1966 - P.U. 189 t. 1966.
L.N. 189 of 1966.
- Act Pertubohan, 1966 - No.13 t. 1966.
Societies Act, 1966 - No.13 of 1966.
- Act (Mengawal dan Melesenkan) Pembangunan2 Rumah, 1966 - No.38 t. 1966.
Housing Developers (Control and Licensing) Act, 1966 - No.38 of 1966.
- Act MARA, 1966 - No.20 t. 1966.
MARA Act, 1966 - No.20 of 1966.
- P.U. 187 t. 1966.
L.N. 187 of 1966.
- P.U. 242 t. 1966.
L.N. 242 of 1966.
- Act (Pindaan) (No. 2) Pilehanraya Kerajaan Tempatan, 1966 - No.67 t. 1966.
Local Government Elections (Amendment) (No.2) Act, 1966 - No.67 of 1966.
- Enactment (Pindaan) Perbandaran, 1966 - P.U. Pulau Pinang No.7 t. 1967.
Municipal (Amendment) Enactment, 1966 - Penang L.N. No.7 of 1967.
- Enactment (Pindaan) Perbandaran, 1966 - P.U. Melaka No.21 t. 1967.
Municipal (Amendment) Enactment, 1966 - Malacca L.N. No.21 of 1967.
- Perentah (Pemindahan Tugas2) Majlis Bandar Raya George Town, 1966 - P.U. P.P. No.46 t. 1966.
Citi Council of George Town (Transfer of Functions) Order, 1966 - Pg. L.N. No.46 of 1966.

Perlantekan Surohanjaya Penyiasat – P.U. Pulau Pinang No.45 t. 1966.

Appointment of a Commission of Inquiry – Penang. L.N. No.45 of 1966.

Perentah (Pemindahan Tugas) Majlis Perbandaran Melaka, 1966 – P.U. Melaka. 26 t. 1966.

Malacca Municipal Council (Transfer of Functions) Order, 1966 – Malacca L.N. No.26 t. 1966.

Perentah (Penggantongan) Perlembagaan Perbandaran Bandar dan Kuba Melaka, 1966 – P.U. Melaka No. 27 t. 1966. Constitution of the Municipality of the Town and Fort of Malacca (Suspension) Order, 1966 – Malacca. L.N. No.27 of 1966.

Act (Pindaan) Pilehanraya Kerajaan Tempatan, 1966 – No.55 t. 1966.

Local Government Election (Amendment) Act, 1966 – No.55 of 1966.

P.U. Johor 26 t. 1966.
Johore L.N. 26 of 1966.

P.U. Johor 31 t. 1966.
Johore L.N. 31 of 1966.

1967 – P.U. 291/1967, P.U. 292/1967.
L.N. 291/1967, L.N. 292/1967.

Act Kastam, 1967 – No.2 t. 1967.
Customs Act, 1967 – No.2 of 1967.

Act Perhubungan Perusahaan, 1967 – No.35 t. 1967.
Industrial Relations Act, 1967 – No.35 of 1967.

Act Bahasa Kebangsaan 1967 – No.7 t. 1967.
National Language Act, 1967 – No.7 of 1967.

P.U. 410 t. 1967.
L.N. 410 of 1967.

P.U. 411 t. 1967.
L.N. 411 of 1967.

Kes Mahkamah

A.G. Australia v. Colonial Sugar Refining Co. (1914) A.C.2

A.G. Ontario v. A.G. Canada (1912) A.C. 571.

Baron v. Denman (1848) 2 Ex. 167.

Bhagat Singh v. Emperor (1930 - 31) 58 Indian Appeals 169.

Bowles v. The Bank of England (1913) 1 Ch. 57.

Dunn v. The Queen (1895) 1 Q.B. 116.

Emperor v. Benoari Lal A.I.R. (1945) P.C.48.

Fletcher v. Peck (1810) 6 Cranch (U.S.) 87.

Gould v. Stuart (1896) A.C. 575.

Government of the Federation v. Kerajaan Kelantan (1967) S. Ti
2.12.67.

Government of the Federation v. Kalong Ningkan (1967) S. Ti
2.10.67.

Johnstone v. Pedlar (1910) 2 A.C. 262.

Kanda Singh v. Government of the Federation (1962) M.L.J.

Lake v. The King (1668) 1 Saunders 131.

Lilawati, A.I.R. (1952) Madhy Bh.105.

- Liversidge v. Anderson (1942) A.C. 257.
- Lowenthal v. A.C. (1948) 1 All E.R. 295.
- Mangold Patent, In the matter of (1951) 68 R.P.C.1.
- Marbury v. Madison, 1 Cranch 137 (U.S. 1803).
- C.237 McCulloch v. Maryland 4 Wheat 316 (U.S. 1819).
- Maritime Bank v. Receiver General of New Brunswick (1892) A.C. 437.
- Mohd. Hussein v. Hyderabad, A.I.R. (1953) Hyd. 298.
- Mortenson v. Peters (1906) 8 F (Court of Session) 93.
- Munusamy v. Government of the Federation (1960) M.L.J. 220.
- Nationality Decree in Tunis & Morocco (1923) P.C. 1J. Series B No.4.
- Nottobohm (Merits) 1955 1 C.J. Report 4.
- Proclamation (1911) 12 Co. Rep. 74; K. & L. 78.
- Rangchari, A.I.R. (1937) P.C.27.
- Times
Times Rivlin v. Bilainkin (1953) 1 Q.B. 485.
- Shenton v. Smith (1895) A.C. 229.
- State of West Bengal v. Anwar Ali & another A.I.R. (1952) S.C.75.
- Stockdale v. Hansard (1839) 9 A. & E.1.
- L.J.169.
Stoeck v. Public Trustee (1921) 2 Ch. 67.
- Terrel v. S.S. for Colonies (1953) 2 Q.B. 482.

Venkata Rao, A.I.R. (937) P.C. 31.

Walker v. Baird (1892) A.C. 491.

Wason v. Walter (1868) L.R. 4 Q.B.73.

Bukuz

Alan Gledhill: Fundamental Rights in India (1956) Stevens and Sons.

Basu's Commentary on the Constitution of India 5th Edition. Volume I and V.

Constitution of the United States (1952) Senate Document No.170.

Clive Parry Nationality and Citizenship Laws (1960) Stevens and Sons.

Cobbold Report (1962) Government Printer.

Dicey, A.V. The Law of the Constitution (1959) 10th Edition, MacMillan.

Groves, H.E.: The Constitution of Malaysia (1964) Malaysia Publication Ltd.

Hewart: New Despotism (1929) Benn.

Hickling, R.H. Fundamental liberties under the Constitution of the Federation of Malaya (1963) M.L.J. XLIV.

Hood Phillips: The Constitutional Law, 2nd Edition.

Inter-Governmental Committee Report (1962).

Jennings: The Law and the Constitution, 4th Edition, University of London Press.

Jennings: The Approach to Self-Government (1958) Cambridge University Press.

Jennings: Constitutional Laws of the Commonwealth (1957) Oxford University Press, Volume I.

Laskin: Canadian Constitutional Law (1966) Carswell 3rd Edition.

Lawson and Bentley: Constitutional & Administrative Law (1961) Butterworths.

Malayan Constitutional Reports (1957).

Mervyn Jones: British Nationality (1956) Clarendon Press.

Peaslee: Constitution of Nations – Volume III.

Penyata Pilihanraya Umum Parlimen dan Dewan Negeri (1964) Penchetaik Kerajaan.

Proceedings of the Federal Legislative Council: 1950 – 1951 and 1952 – 1953.

Quick & Garran: Constitution of Commonwealth of Australia (1961).

Schwartz, B: The American Constitutional Law (1955) Cambridge University Press.

Sheridan, L.A. Federation of Malaya Constitution (1961) University of Malaya Land Review.

Sheridan, L.A. The British Commonwealth (1961) Stevens & Sons, Vol.9.

Wade and Phillips: Constitutional law, 7th Edition.

Wheare, K.C.: Federalism (1956) Oxford University Press.

ISHARAT HURUF RINGKAS

D.N.	=	Dewan Negara.
D.R.	=	Dewan Ra'ayat.
F.G.	=	Federal Gazette
F.M.S.	=	Federal Malay States
F.M.	=	Federation of Malaya
G.N.	=	Gazette Notification
G.O.	=	General Order
L.N.	=	Legal Notification
M.S.	=	Muka Surat.
N.M.B.	=	Negeri2 Melayu Bersekutu
No.	=	Nombor
Per.	=	Perkara dalam Perlembagaan.
P.T.	=	Perentah Tetap.
P.U.	=	Pemberitahu Undangan.
P.W.	=	Pemberitahu Wartta
t.	=	tahun
J.	=	Johor
K.	=	Kedah
Kn.	=	Kelantan
Mk.	=	Melaka
N.S.	=	Negeri Sembilan
P.	=	Perlis
Ph.	=	Pahang
Pk.	=	Perak
P.P.	=	Pulau Pinang
Sl.	=	Selangor
Tr.	=	Terengganu

BAB I

PERMULAAN

Apa dia perlombagaan itu?

Professor Dicey¹ berpendapat bahawa undang² perlombagaan itu mengandungi dua prinsip sahaja, ia-itu:—

- (a) prinsip ketertinggian parlimen (sovereignty of Parliament); dan
- (b) hukum undang² (rule of law).

Jikalau kita pandang akan perlombagaan sa-sabuah negara moden, lebeh² lagi Perlombagaan Malaysia, maka sudah tentu ta'rif perlombagaan yang di-buat oleh Professor Dicey tidak menchukupi, kerana apa yang terkandong di-dalam perlombagaan itu bukan sahaja halz mengenai Parliment dan hak asasi, bahkan berjenis² perkara yang lain. Dari itu ta'rif yang di-buat oleh Professor Dicey itu hanya-lah merupakan sa-bahagian sahaja daripada bermacham² perkara yang terkandong dalam perlombagaan.

Walau pun mas'alah ta'rif itu ia-lah satu mas'alah yang sukar dan tidak ada sa-orang pendita pun lagi yang berjaya dengan sa-ratus peratus membuat ta'rif yang tepat dan dengan tidak mendapat tegoran (criticism) daripada penditaz yang lain, tetapi untok buku ini memadai-lah jika kita anggapkan bahawa perlombagaan itu ia-lah satu suratan² (document) atau surat chara (instrument) yang mengandungi semua

(1) A.V. Dicey: The Law of the Constitution (1959) 10th. Edit — Mac-Millan.
(2) Ta'rif ini hanya-lah mengenai perlombagaan bertulis.

undang2 tertinggi (higher law) yang di-fikirkan mustahak bagi mewujudkan sa-buah negara yang moden. Undang2 tertinggi ini-lah menjadi sa-bagai puncha (source) bagi kesemua undang2 yang ada dalam negara itu dan kesemua undang2, baik pun yang sudah ada atau yang akan dibuat, hendak-lah jangan bertentang dengan perlembagaan; kerana jika bertentang neschaya terbatal-lah undang2 itu. Dalam Fasal (1) Perkara 4 Perlembagaan Malaysia ada-lah di-sebutkan bagini:—

"Perlembagaan ini ia-lah undang2 tertinggi (supreme law)³ bagi Persekutuan dan mana2 undang2 yang di-buat lepas dari pada Hari Merdeka yang bertentang dengan Perlembagaan ini maka sa-takat mana pertentangan itu terbatal-lah undang2 itu."

Perlembagaan sa-bagai undang2 tertinggi mengandungi prinsip2 mengenai bentuk atau rangka dan tugas2 badan2 pemerentah (organs of government) seperti Parlimen, Jema'ah Menteri, mahkamah dan lain2; dan juga prinsip2 mengenai perhubungan di-antara satu badan pemerentah dengan satu badan pemerentah yang lain. Tetapi Perlembagaan Malaysia bukan sahaja mengandungi prinsip2 yang tersebut di atas, bahkan juga prinsip2 yang lain, seperti kewarganegaraan, hak asasi, ugama rasmi, bahasa kebangsaan dan lain2-nya. Banyak mana perkara2 yang hendak di-kandongi oleh perlembagaan itu tertinggal-lah kapada penduduk2 negara yang berkehendakkan kapada perlembagaan itu. Sataengah perlembagaan seperti Amerika Sharikat ada-lah ringkas, tetapi Perlembagaan India ada-lah panjang mengandungi bermacam2 perkara.

Perlembagaan Bertulis dan Perlembagaan tidak Bertulis.

Kesemua negaraz yang moden pada hari ini mempunyai perlembagaan yang bertulis (written), ia-itu semua prinsip2 mengenai perlembagaan di-kumpul dan di-susun di-dalam satu suratan, melainkan United Kingdom sahaja yang tidak mempunyai perlembagaan yang bertulis. Perlembagaan United Kingdom di-katakan tidak bertulis (unwritten), kerana kesemua prinsip2 mengenai perlembagaan tidak boleh di-dapati terkumpul dalam satu suratan. Dengan sebab tidak ada satu suratan yang mengandungi semua prinsip2 perlembagaan, maka bukanlah pula ma'ana-nya yang United Kingdom tidak mempunyai perle-

(3) Undang2 tertinggi ini di-sebutkan dengan menggunakan bermacam2 kata: seperti higher law, supreme law, fundamental law, basic law (undang2 asasi) atau organic law. Walau pun apap2 kata di-gunakan, konsep-nya sama sahaja, ia-itu undang2 lain yang bertentang dengannya ada-lah terbatal.

bagaan langsung. Ini sa-kadarkan bahawa prinsip2 perlembagaan United Kingdom boleh di-dapati bertabor dalam beberapa Act Parlimen-nya, keputusan2 mahkamah dan lebeh2 lagi dalam adat resam perlembagaan (constitutional convention) dan juga fikiran2 dan pendapat pen-ditaz yang terkenal dan terkemuka.

Manakala memandangkan kapada perlembagaan United King-dom, maka nyata-lah kapada kita ia-itu perkataan "perlembagaan" itu mempunyai dua ma'ana. Yang pertama ia-lah suratan yang mengandungi prinsip2 perlembagaan dan yang kedua ia-lah prinsip2 itu sendiri. Ta'rif perlembagaan yang di-buat di atas ia-lah beralas-kan kapada perlembagaan bertulis.

Biasa-nya sa-sabuah negara yang mempunyai perlembagaan bertulis ia-lah sa-buah negara yang membuat perubahan baharu dan menghapuskan halz dan adat resam yang lamaz yang biasa-nya tidak bertulis. Perlembagaan bertulis mula di-buat di-negara Perancis dan Amerika Sharikat. Kedua2 buah negara ini mengalami pembe-rontakan pada abad yang kedelapan belas. Di-negeri Perancis pem-berontakan itu ia-lah menentang pemerentahan Kerajaan Louis XIV dan pemberontakan di-Amerika Sharikat pula ia-lah menentang pe-merentahan penjajahan British. Apakala pemberontakan ini telah berjaya, pemerentahan baharu yang berjaya menggulingkan pemer-en-tahan lama berkehendakkan prinsip2 dan fikiran2 yang kemas, terang dan jelas untuk membentuk satu masharakat politik atau negara ke-bangsaan moden. Dengan ini terpaksa-lah di-karangkan satu surat-an yang mengandungi semua prinsip2 yang di-anggap mustahak dan ta' dapat tiada mesti di-adakan. Ada-lah di-fikirkan ia-itu sa-lagi prinsip2 ini tidak tertulis di-dalam suratan itu, maka hasil2 pembe-rontakan itu belum lagi di-chapai dan maseh lagi merupakan kezalim-an yang akan membawa kapada satu pemberontakan yang lain.

Tuladan yang di-buat oleh negeri Perancis dan Amerika Sha-rikat di-turuti oleh negaraz Eropah yang lain. Negaraz di-Benua Asia pun tidak ketinggalan. Di-bawah pengaroh falsafah Eropah, negaraz di-Benua Asia pun sama2 mengubahkan chara pemerentahan lama kapada pembentukan sa-buah negara kebangsaan moden yang mana suratan perlembagaan ia-lah menjadi satu tapak asas pendirian negara itu.

Walau pun United Kingdom tidak mempunyai perlembagaan bertulis, tetapi kesemua tanah2 jajahan-nya apakala mendapat kemer-dekaan mempunyai perlembagaan bertulis. Yang demikian semua

negara moden dalam dunia ini, kechua li United Kingdom sahaja, mempunyai perlembagaan bertulis.

United Kingdom tidak mempunyai perlembagaan bertulis, bukan-nya kerana di-negara itu tidak ada pemberontakan dan bukan-nya tidak mempunyai perkembangan politik yang mengerikan dan raja z yang zalim. Sebab yang sa-benar-nya ia-lah kerana orangz Inggeris mempunyai chiri (characteristic) yang mana mereka boleh menyesuaikan hal dan adat resam yang lama dengan prinsipz yang baru. Bukan-nya tidak boleh jika segala prinsipz perlembagaan United Kingdom itu di-kumpulkan dan di-karangkan ka-dalam satu suratan perlembagaan, tetapi ini tidak mustahak di-buat demikian kerana orangz Inggeris berasa terjamin di-dalam kehidupan mereka dengan adat resam perlembagaan (constitutional convention) mereka dan kebijaksanaan mahkamah mereka.

Tiapz perlembagaan bertulis ada-lah mempunyai tiga sifat. Yang pertama, perlembagaan itu keras "rigid" ia-itu sukar hendak di-pinda melainkan ada peruntukan di-dalam perlembagaan itu yang membolehkan di-buat pindaan itu. Walau macam mana sa-kali pun, pindaan perlembagaan hendak-lah di-buat mengikut charaz yang di-untokkan dalam perlembagaan itu, seperti dengan jalan pungutan suara (referendum) atau mendapat suara banyak (majority) yang tertentu dalam Parlimen. Tetapi bagi perlembagaan tidak bertulis, perubahan perlembagaan ada-lah datang-nya dengan tidak di-sedari, kerana pindaan itu datang-nya beransor dengan sebab perubahan adat resam perlembagaan.

Sifat yang kedua bagi perlembagaan bertulis ia-lah tentang kuasa Parlimen. Parlimen hanya-lah mempunyai kuasa membuat undangz di-dalam apaz perkara yang terkandong di-dalam perlembagaan itu. Biasa-nya perlembagaan melarang Parlimen daripada membuat undangz yang bertentang dengan hak asasi (fundamental liberties). Di-sini berma'ana-lah perlembagaan itu lebuh tinggi daripada Parlimen. Tetapi bagi perlembagaan yang memang boleh di-pinda, larangan ini boleh di-hapuskan dengan jalan di-pindakan perlembagaan itu.

Sifat yang ketiga ia-lah mengenai tugas mahkamah. Oleh kerana perlembagaan itu bertulis, maka amat-lah perlu-nya peruntukanz perlembagaan itu mendapat tafsiran yang jelas dan mu'tamad. Dari itu tugas mentafsirkan perlembagaan terpaksa-lah terletak di-tangan

mahkamah. Dan ini bererti-lah bahawa mahkamah itu ia-lah sebagai penjaga (guardian) perlombagaan.

Jenis Negara.

Negara kebangsaan (nation state) itu ia-lah satu masharakat politik yang merdeka dan tiap2 buah negara kebangsaan itu berkehendakkan kapada:—

- (a) sa-buah kerajaan yang tegoh (effective government);
- (b) wilayah (territory); dan
- (c) pendudok (population).

Manakala ada tiga perkara ini baharu-lah sa-suatu masharakat politik itu di-katakan sa-buah negara kebangsaan.⁴ Sa-buah kerajaan yang tegoh amat-lah mustahak, kerana jikalau tidak tegoh, segala perrentah2-nya tidak di-patohi oleh ra'ayat dan kerajaan itu bukan perrentah nama-nya. Dari sini terbit-lah kekachauan dan kehuru-haraan. Wilayah ada-lah di-kehendaki, kerana untuk di-liputi-nya dengan bidang kuasa kerajaan itu, dan bagitu-lah jua di-kehendaki pendudok kerana untuk mewujudkan kerajaan dan mematohi kerajaan itu.

Mengikut segi bentukan perlombagaan-nya negara2 moden ada-lah terbahagi kapada beberapa jenis seperti berikut:—

- (i) Negara Bersatu (Unitary State). Ini ma'ana-nya dalam negara itu ada satu kerajaan sahaja dan semua kuasa pemerintahan datang-nya daripada pusat (centre) dan oleh kerana hanya ada satu kerajaan sahaja, maka kuasa ini tidak-lah di-bahagikan. Walau pun dalam negara ini ada badanz yang lain daripada kerajaan, maka badanz ini ada-lah rendah taraf-nya daripada kerajaan. Mithal negara bersatu ia-lah United Kingdom yang merupakan perchantuman negeriz England, Wales, Scotland dan Ireland.

(4) Ini-lah ta'rif yang di-buat oleh peguam undang2 antarabangsa.

- (ii) Negara Berkandong (Composite State). Ini berma'ana ia-itu sa-buah negara itu mengandungi beberapa buah negeri. Semua-nya di-chantum dan di-kandongi menjadi sa-buah negara; mithal-nya Empayar British yang mengandungi United Kingdom dan tanah2 jajahan-nya.
- (iii) Persatuan Raja (Personal Union). Ini ma'ana-nya ia-lah Raja bagi sa-sabuah negara menjadi Raja bagi sa-buah negara yang lain. Yang demikian keduaz negara ini terchandum menjadi satu dengan sebab mempunyai Raja yang satu sahaja.
- (iv) Persekutuan-Bersama (Confederation). Ini berlaku manakala dua atau beberapa buah negara telah di-rapatkan di-antara satu dengan lain oleh satu perjanjian untuk menjaga keamanan dan juga mendapat kemajuan. Dengan perjanjian ini-lah maka di-wujudkan satu badan pemerentah (Confederate Government) untuk menyamakan polisiz pemerentah di-dalam tiap2 buah negara yang menjadi ahli persekutuan-bersama itu. Badan pemerentah ini tidak mempunyai kuasa terus ka-atas pendudok2 di-dalam persekutuan-bersama. Tetapi sa-kira-nya badan pemerentah ini mempunyai kuasa terus, maka perchantuman negaraz ini di-namakan pertubuhan tertinggi daripada kebangsaan (supra-national organization). Pertubuhan saperti ini di-tubuhkan di-antara 6 buah negeri Eropah, Perancis, Jerman Barat, Italy, Belanda, Belgium dan Luxemburg dalam Perjanjian Rom (1955) mengenai hal ahwal pasaran bersama (European Common Market).
- (v) Persatuan Sa-benar (Real Union). Ini berlaku manakala dua buah negeri di-chantumkan dengan perjanjian, yang mana keduaz-nya menjadi satu dan dudok-nya pun di-bawah perentah sa-orang Raja.
- (vi) Negara Persekutuan (Federal State). Negara ini wujudnya manakala beberapa buah negara telah bersetuju dengan jalan perjanjian menubohkan sa-buah kerajaan pusat yang di-beri tugasz dan kuasaz yang tertentu. Sementara itu kerajaanz negeri pun maseh juu hidup dan mempunyai tugas dan kuasa yang tertentu. Dalam tiap2 negara persekutuan perlembagaan-nya terpaksa-lah bertulis dan mengandongi perkara pembahagian kuasa di-antara kerajaan pu-

sat dengan kerajaan negeri, dan mahkamah di-beri kuasa penuh untuk mentafsirkan perlembagaan.

Di-antara jenis2 negara yang di-atorkan di atas yang mustahak pada hari ini ia-lah Negara Bersatu dan Negara Persekutuan.

Adat Resam Perlembagaan (Constitutional Convention).

Sa-lain daripada undang2 ada amalan2 (practice) yang di-anggap mustahak menjadi sa-bahagian daripada prinsip2 perlembagaan. Amalan2 ini di-namakan adat resam perlembagaan (constitutional convention) dan mesti-lah di-patohi oleh mereka yang berkenaan mengenai perlembagaan. Sunggoh pun mustahak, sa-kira-nya amalan2 ini tidak di-patohi tidak-lah boleh di-bawakan perkara ini kepada mahkamah supaya di-paksakan mematohi-nya; tetapi jikalau tidak di-patohi neschaya sukar-lah bagi sa-suatu perlembagaan itu hendak berjalan dengan lichin-nya.

Adat resam perlembagaan amat-lah penting dalam negara yang tidak mempunyai perlembagaan bertulis. Mithal-nya di-United Kingdom, segala prinsip2 mengenai jema'ah menteri dan kuasa raja adalah di-dapati di-dalam adat resam perlembagaan, dan adat resam ini tidak ada sa-siapa pun yang berani atau berfikir hendak melanggar-nya. Jika di-anggap prinsip2 perlembagaan hanya-lah di-dapati dalam adat resam perlembagaan seperti yang di-amalkan oleh United Kingdom, tetapi di-Malaysia prinsip2 ini ada-lah tertulis dengan jelas-nya. Ini ia-lah kerana perlembagaan itu ia-lah satu perlembagaan yang bertulis. Tetapi walau bagai mana pun, adat resam perlembagaan sama-lah jua mustahak-nya bagi perlembagaan bertulis sa-bagaimana kepentingan-nya bagi perlembagaan tidak bertulis. Sa-kadar-kan bagi perlembagaan bertulis, mas'alah mentafsirkan perlembagaan itu ada-lah lebuh utama daripada adat resam perlembagaan. Lagi pun bagi negaraz, yang baharu sahaja wujud dan tidak banyak lagi pengalaman di-dalam hal ahwal perjalanan perlembagaan, sukar hendak di-tentukan sama ada satuz perkara itu adat resam perlembagaan, kerana sa-belum di-jadikan adat resam perkara2 itu mesti-lah di-amalkan beberapa kali sa-hingga merupakan satu perjanjian di-antara raya yang mesti di-patohi. Manakala perkara itu mempunyai chiri yang saperti ini baharu-lah boleh di-anggap menjadi adat resam perlembagaan dan merupakan sa-bahagian prinsip perlembagaan.

Kenapa-kah adat resam perlembagaan itu di-patohi? Jawapan ini hanya-lah terpaksa kita berpandu kapada apa yang terjadi di-

United Kingdom kerana di-negeri itu-lah adat resam perlembagaan mempunyai peranan yang penting. Adat resam perlembagaan itu ada-lah berasaskan kapada keperluan politik (political expediency) kerana jikalau tidak di-patohi neschaya berlaku beberapa kerumitan politik (political crisis) yang sangat tidak di-ingini. Juga adat resam perlembagaan ini di-patohi, kerana tiapz orang yang melanggar-nya akan terdedah kapada fikiran orang ramai dan sa-mesti-nya akan hilang keharuman nama-nya pada sisi orang awam.

Mas'alah Perlembagaan.

Bukan sahaja sa-sabuah negara itu mesti mempunyai perlembagaan, tetapi perlembagaan itu mesti-lah mewujudkan satu pemerentah yang adil dan membawakan kesenangan dan kebahagian ra'ayat jelata. Tidak guna-nya kapada ra'ayat kira-nya perlembagaan itu membawa kapada kezaliman dan kepapaan ra'ayat jelata. Dari itu mas'alah perlembagaan bukan sahaja mesti membicharakan halz yang berkenaan dengan mengadakan berbagai badan pemerentah, bahkan terutama sa-kali mesti-lah membicharakan halz dan charaz hendak mengawalkan kuasaz yang di-beri kapada badan pemerentah itu. Jikalau sa-sabuah kerajaan itu terdiri atas nama ra'ayat dan untuk ra'ayat, maka perlembagaan mesti-lah menentukan—

- (a) bagaimana-kah kuasa pemerentah itu boleh di-dapati? dan
- (b) apabila di-dapati, bagaimana-kah kuasa itu di-gunakan supaya dapat ra'ayat sakalian terjamin daripada kezaliman akibat kuasa pemerentah itu?

Maka mas'alah2 ini-lah yang menyebab pendita2 dan ahli2 fikir menciptakan bermacam2 tiori dan konsep. Di-antara tiori2 ini ada dua tiori yang mustahak, ia-itu tiori mengenai perasingan kuasa (separation of powers) dan tiori hukum undang2 (rule of law). Tiori hukum undang2 akan di-binchangkan di-dalam bab mengenai hak asasi (fundamental liberties). Tetapi buat sementara ini, tiori perasingan kuasa akan di-terangkan dalam bab ini.

Perasingan Kuasa (Separation of Powers).

Penchipta⁵ tiori ini ia-lah sa-orang ahli fikir bangsa Perancis bernama Montesquieu. Pada abad yang ka-delapan belas negeri Pe-

(5) Penchipta yang mulaz sa-kali ia-lah sa-orang pendita Inggeris bernama John Locke. Dengan memandangkan kapada apa yang berlaku dalam abad yang ke-17 di-England Locke berfikir kuasa membuat undang2 dan pemerentah patut benar di-asingkan. Tetapi Locke tidak memanjangkan fikiran ini sa-bagaimana yang di-buat oleh Montesquieu.

ranchis ada-lah di-perentah oleh sa-orang raja bernama Louis XIV yang mempunyai kuasa mutlak (absolute power). Kuasa mutlak ini membawa kapada kezaliman dan kekejaman yang akhirnya menimbulkan pemberontakan yang menggulingkan Louis XIV. Oleh kerana memandangkan kapada kezaliman Louis XIV Montesquieu berusaha mencipta suatu tiori supaya ra'ayat sakalian terjamin daripada kezaliman pemerentah. Peluang ini terdapat kapada-nya manakala dia datang ka-England dan di-lihat-nya perjalanan perlombagaan England. Dengan ini lalu di-tulis-nya ka-dalam buku yang bernama "Spirit des Lois" seperti berikut: —

"Apabila kuasa membuat undang2 dan kuasa memerentah ke-dua2-nya di-punyai oleh sa-orang sahaja atau oleh satu pehak yang berkuasa sahaja, neschaya tidak boleh di-dapati kebebasan kerana harus orang itu atau pehak yang berkuasa itu akan membuat undang2 yang zalim supaya dapat di-jalankan satu pemerentahan yang zalim. Dan juga tidak terdapat kebebasan itu sa-kira-nya kuasa kehakiman tidak di-asingkan daripada kuasa membuat undang2 dan kuasa memerentah. Sa-kira-nya kuasa kehakiman itu di-satukan dengan kuasa membuat undang2, kuasa mengenai jiwa dan harta ra'ayat akan menjadi berleluasa (arbitrary), kerana hakim itu-lah juga yang akan menjadi pembuat undang2. Dan lagi jika kuasa kehakiman itu di-satukan dengan kuasa memerentah, maka hakim itu akan mempunyai segala kekuatan sa-orang yang zalim. Segala2-nya akan hilang dan binasa sa-kira-nya orang itu juga, atau pehak yang berkuasa itu juga mempunyai dan menjalankan ketigaz kuasa ini; ia-itu membuat undang2, menjalankan pemerentahan negeri dan menghukumkan jenayah dan pertelingkahan di-antara ra'ayat."

Pada hakikat-nya tiori perasingan kuasa ini ia-lah bermaksud ia-itu:—

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

- (a) badan yang membuat undang2 hanya-lah membuat undang2 dan tidak boleh menyerahkan kuasa ini kepada siasapa pun dan juga tidak boleh mempunyai kuasaz yang lain lagi;
- (b) badan yang memerentah hanya-lah menjalankan pemerentah negeri sahaja dan tidak boleh membuat undang2 dan penghakiman; dan

- (c) badan kehakiman hanya-lah membuat penghakiman sahaja, dan tidak boleh membuat undang2 atau menjalankan pemerentahan.

Sebab2 di-buatkan perasingan kuasa ini ia-lah sa-mata2 hendak mengelakkan pakatan jahat (conspiracy) di-antara badan2 pemerentah supaya kebebasan ra'ayat sakalian terjamin dan terjauh daripada kezaliman.

Tiori perasingan kuasa ini di-terima dengan sa-bulat2-nya di-Amerika Sharikat. Umpama-nya Perlembagaan Massachusetts berterus terang berbunyi demikian:—

"Di-dalam pemerentahan negeri ini, badan membuat undang2 tidak akan menjalankan kuasa memerentah dan kuasa kehakiman, atau salah satu daripada-nya, badan kehakiman tidak akan menjalankan kuasa membuat undang2 dan kuasa memerentah atau salah satu daripada-nya, dan ini ia-lah supaya terdapat pemerentahan sa-chara undang2 dan bukan-nya sa-chara manusia."

Kerana mengikut tiori ini-lah maka di-dalam Perlembagaan Amerika Sharikat, Yang di-Pertua Negara-nya (President) tidak menjadi ahli dalam badan perundangan (Congress).

Tetapi mengikut perlembagaan Malaysia dan negeriz di-dalam Komanwel tiori perasingan kuasa yang di-anggapkan sa-bagai batu asas kebebasan ra'ayat itu tidak di-pakai dengan sa-bulat2-nya tetapi di-pakai dengan sa-chara berpinda (modified form). Walau pun Parlimen mempunyai kuasa membuat undang2, tetapi sa-bahagian besar daripada undang2 di-negeri ini ia-lah di-buat oleh badan pemerentah seperti Yang Di-Pertuan Agong, Menteri dan lain2. Undang2 ini di-buat kerana kuasa membuat undang2 ini di-wakilkan kepada pemerentah oleh Parlimen. Undang2 ini di-namakan undang2 berwakilan (delegated legislation). Di-sini nyata-lah kapada kita bahawa kebebasan ra'ayat di-negeri ini bukan-nya bergantong kapada tiori perasingan kuasa lagi, bahkan kapada mahkamah dan Parlimen. Pemerentah yang membuat undang2 itu mesti-lah bertanggong-jawab kepada Parlimen, dan undang2 yang di-buat itu jangan-lah melebihi had kuasa (ultra vires) yang di-beri oleh Parlimen, kerana jika lau lebih (ultra vires) maka mahkamah akan menghukumkan bahawa undang2 itu terbatal dan tidak sah.

Dan juga mengikut tiori perasingan kuasa pemerentah hanya-lah menjalankan tugas pemerentahan-nya sahaja dan tidak boleh menjalankan kuasaz kehakiman. Tetapi mengikut sistem di-Malaysia dan di-negeriz Komanwel pemerentah di-beri juga tugas men-

jalankan kehakiman. Umpama-nya di-dalam Act keselamatan Dalam Negeri, Menteri berhak membuat keputusan ia-itu sa-suatu tindakan itu ada-lah untuk keselamatan negeri dan keputusan ini tidak boleh lagi di-so'al di-dalam manaz mahkamah. Bagitu juga di-dalam halz yang saperti ini bolch di-dapati dalam undangz lain. Di-sini nampak-lah dalam chara pemerentahan bahawa kuasa membuat peng-hakiman bukan lagi menjadi hak mahkamah sahaja, bahkan pemerentah pun di-beri kuasa itu.

Tiori perasingan kuasa juga berma'ana ia-itu ahliz Parlimen tidak boleh menjadi ahli pemerentah. Jikalau di-ikuti akan tiori ini dengan sa-penohz-nya neschaya tidak-lah terdapat di-Malaysia dan di-negeriz Komanwel sistem yang di-namakan kerajaan bertanggong-jawab (responsible government) sa-bagaimana yang ada sekarang. Sistem kerajaan bertanggong-jawab berkehendakkan Menteriz yang menjalankan kuasa pemerentah supaya bertanggong-jawab kapada Parlimen dan mesti menjawab segala pertanyaanz yang di-buat kapadanya di-dalam Parlimen mengenai perjalanan kuasa-nya. Ini berm'a'ana-lah mereka itu mesti menjadi ahli Parlimen. Jikalau tidak, tidak-lah ada tanggong-jawab mereka kapada Parlimen. Juga untuk menunjukkan tiori perasingan kuasa ini tidak di-ikuti dengan sa-bulatz-nya oleh Perlembagaan Malaysia, kita boleh memandang kapada kedudukan Yang Di-Pertuan Agong. Baginda ada-lah menjadi satu unsor⁶ (element) Parlimen dan juga menjadi ketua Pemerentah⁷ dan Negara.⁸

Tiori perasingan kuasa ini hanya-lah boleh di-dapati dalam pentadbiran mahkamah sahaja, kerana Hakimz Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi ia-lah terasing daripada Parlimen dan pemerentah. Di-sini tiori ini bersebat dengan tiori kebebasan mahkamah (independence of judiciary).⁹

(6) Per. 44: "kuasa membuat undangz Persekutuan ada-lah di-punyai oleh Parlimen yang mengandungi Yang Di-Pertuan Agong dan dua Majlis di-namakan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat."

(7) Per. 39: "Kuasa memerentah Persekutuan ada-lah di-punyai oleh Yang Di-Pertuan Agong dan boleh di-jalankan, terba'slok kapada pertubuhan manaz undangz Persekutuan dan Jadual yang kedua, oleh-nya atau oleh Jema'ah Menteri atau sa-orang Menteri yang di-kuasakan oleh Jema'ah Menteri, tetapi Parlimen boleh dengan jalan undangz memberi tugas pemerentah kepada orang lain."

(8) Per. 32: "Hendak-lah ada sa-orang Ketua Negara Persekutuan yang di-namakan Yang Di-Pertuan Agong, siapa yang akan ada keutamaan daripada semua orang di-dalam Persekutuan ini dan tidak boleh di-d'awa ka-dalam manaz Mahkamah."

(9) Berikut. Lihat bab XIII.

Oleh kerana tiori perasingan kuasa ini tidak boleh di-dapati dengan sa-bulat2-nya dalam Perlembagaan Malaysia dan Komanwel tetapi dengan chara berpinda sahaja, maka nyata-lah kapada kita ia-itu hal kebebasan ra'ayat itu bukan sa-mesti-nya boleh di-cha-pai dengan tiori ini sahaja, bahkan juga dengan sistem kerajaan bertanggong-jawab dan tiori kebebasan mahkamah. Yang sa-benar-nya manakala Montesquieu menchiptakan tiori ini dia hanya-lah ber-usaha untuk menchari satu tiori yang boleh melawan kezaliman Louis XIV. Oleh kerana dia memandangkan bahawa orang2 Inggeris le-bih bebas daripada orang Peranchis, dengan tidak mengkaji prinsip2 perlumbagaan British dengan lebh lanjut lagi dia terus menchiptakan tiori ini.

Pada akhir-nya tiori ini di-pakai di-Malaysia dan negeriz Komanwel dengan sa-chara kasar dan berpinda sahaja yang mana Par-limen ada-lah tertinggi daripada pemerentah dan mahkamah yang memang-nya terasing mempunyai kuasa memberi pemulehanz (rem-e-dies) bagi segala pelanggaran undangz yang di-buat oleh pemerentah. Di-Amerika Sharikat pula tiori ini ada-lah di-amalkan dengan sa-bu-latz-nya, yang mana badan perundangan (Congress) ada-lah terasing daripada Pemerentah dan Mahkamah Tertinggi Amerika Sharikat (Supreme Court of the United States) yang memang-nya terasing di-beri kuasa menghukumkan sama ada Act Congress itu sah atau tidak.¹⁰ Di-negeri Peranchis pula, Parlimen ada-lah tertinggi, tetapi mahka-mah di-sana tidak berkuasa membuat penghakiman tentang sah atau tidak sah-nya segala undangz yang di-buat oleh Parlimen dan segala tugasz yang di-jalankan oleh pemerentah.¹¹

(10) Ini bukan-lah sahaja di-sebabkan oleh tiori perasingan kuasa, bahkan oleh kerana perlumbagaan Amerika Sharikat ia-lah bertulis. Di-Malaysia pun Mahkamah Persekutuan boleh membuat penghakiman s1periti ini.

(11) Jenings: *The Law and the Constitution*. Fourth Edition University of London Press. p. 28.

BAB II

TAWARIKH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Tawarikh perlembagaan Persekutuan boleh-lah di-katakan berasal daripada semenjak Malaya berlindong di-bawah naungan Kerajaan British pada akhir abad yang kesembilan belas. Kerana dari-pada semenjak tarikh ini-lah negeriz Melayu mulai menerima pentadbiran baharu, yang di-bawa oleh Kerajaan British.

Manakala Kerajaan British bertapak di-negeriz selat; ia-itu Singapura, Pulau Pinang dan Melaka pada awal abad yang kesembilan belas, maka mulai-lah pula orangz British menunjok kegemaran mereka kapada negeriz Melayu di-Semenanjong. Oleh kerana negeriz melayu pada masa itu tidak di-perentah dengan rapi-nya, dan selalu menghadapi perang sama sendiri, dan kerap-kali menentang mu-sohz dari luar, umpama-nya Siam dan Bugis, maka amat-lah senangnya Kerajaan British dapat bertapak di-negeriz ini. Hal ini hanya-lah di-dapati manakala Rajaz Melayu dan Kerajaan British menantangani beberapa perjanjian yang mana Rajaz Melayu telah berse-tuju menerima naungan Kerajaan British dan nasihat-nya di-dalam sa-genap lapangan pemerentahan negeri.

Negeri Perak. Negeri ini ia-lah asal-nya sa-buah negeri ta'lok Melaka dan telah kemudian menjadi sa-buah negeri yang merdeka. Dalam kurun yang ke-19, negeri Perak tidak mempunyai keamanan yang kekal, dan selalu hidup dalam keadaan huru-hara. Mu-laz-nya negeri ini di-langgar oleh orang Siam dan kemudian-nya di-serang pula oleh orang Bugis. Sa-lain daripada itu satu pergaduhan

antara orang2 China kerja lombong telah berbangkit dan peristiwa ini menyebabkan keamanan teranchar. Akhirnya pada tahun 1874 negeri Perak telah menerima naungan British.

Selangor. Dalam abad yang kedelapan belas, Selangor mempunyai Raja sendiri. Tawarikh Selangor penoh dengan rekod2 berperang sama sendiri dan di-serang oleh lanun2 laut. Akhirnya pada tahun 1873, Kerajaan British masuk champor tangan, dan pada tahun 1874 sa-orang pegawai British bernama Frank Swettenham telah di-hantar oleh Gabenor Singapura untuk bertugas sa-bagai penasihat dan pengadil Mahkamah. Pada tahun 1882 sa-telah Selangor menerima naungan British Frank Swettenham telah di-jadikan Residen British.

Negeri Sembilan. Asalnya negeri ini dudok di-bawah perentah Melaka. Manakala Kerajaan Melaka jatoh ka-tangan Portugis, Negeri Sembilan beraja ka-Johor. Di-dalam abad yang kedelapan dan kesembilan belas, Negeri Sembilan selalu berperang sama sendiri dan akhirnya pada tahun 1889, Negeri ini menerima naungan British.

Pahang. Negeri ini asalnya dudok di-bawah perentah Melaka. Manakala Melaka telah jatoh ka-tangan Portugis, negeri ini beraja ka-Johor. Akhirnya Pahang mempunyai Raja sendiri dan pada tahun 1882 negeri ini tidak-lah lagi dudok di-bawah perentah Johor. Pada tahun 1888, Pahang menerima naungan British.

Johor. Negeri ini di-buka oleh Sultan Melaka yang lari di-kalahkan oleh Portugis. Pada tahun 1885, Temenggong Abu Bakar telah di-lantek menjadi Sultan dan pada tahun itu juga, Johor telah menerima naungan British, tetapi Pegawai Penasihat British hanya-lah datang ka-Johor mulai tahun 1914.

Kedah. Negeri ini pun asalnya dudok di-bawah naungan Melaka. Manakala Melaka telah jatoh, negeri Kedah telah menjadi sa-buah negeri yang dudok di-bawah naungan Aceh dan kemudianya Siam. Beberapa peperangan yang hebat telah berlaku di-antara Kedah dengan Siam, dan akhirnya pada tahun 1909 Kedah masuk di-bawah naungan British.

Perlis. Negeri Perlis asalnya ia-lah sa-bahagian daripada negeri Kedah. Pada tahun 1821 hingga tahun 1842, negeri Kedah telah dudok di-bawah perentah Siam. Tetapi pada tahun 1842, Siam telah membenarkan Raja Kedah memerentah negeri itu sendiri, ma-

nakala Perlis pula telah di-jadikan sa-buah negeri yang terasing daripada Kedah dan mempunyai Raja sendiri. Pada tahun 1909 Perlis telah menerima naungan British.

Kelantan dan Terengganu. Keduaz buah negeri ini asalnya dudok di-bawah naungan Melaka. Tetapi manakala Melaka telah jatoh, Keduaz-nya masok di-bawah naungan Kerajaan Siam. Tiap2 tahun keduaz buah negeri ini menghantar upeti atau bunga mas kapada Kerajaan Siam. Akhir-nya, sa-bagaimana negeri Kedah dan Perlis, keduaz buah negeri ini — ia-itu Kelantan dan Terengganu masok bernaungan di-bawah bendera British pada tahun 1909, dan dengan kerana ini satu perjanjian telah di-tandatangani oleh Kerajaan Siam dan British di-Bangkok pada akhir tahun 1910.

NEGERIz MELAYU YANG BERSEKUTU

Sa-bagaimana yang di-sebut di atas tadi Kerajaan British telah mulai meletak tapak pemerentahan-nya di-negeri Melayu pada tahun 1874, dan sa-lepas itu demi sa-buah negeri ka-sabuah Negeri Melayu termasok di-bawah naungan-nya, sa-hingga akhir sa-kali negeriz Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu telah di-serahkan oleh Kerajaan Siam supaya di-masokkan di-bawah naungan British pada tahun 1909 kerana mengikut kehendak Perjanjian Bangkok pada tahun itu.

Negeriz Melayu yang bersekutu (Federated Malay States) ialah Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, dan persekutuan keempatz buah Negeri ini telah di-tubohkan pada tahun 1895. Tetapi sa-belum di-tubohkan persekutuan ini, negeriz ini di-perentah oleh Rajaz masingz dengan mengikut nasihat yang di-beri oleh Penasihat British. Penasihat ini bertanggong-jawab kapada Gabenor di-Singapura. Sa-telah persekutuan di-tubohkan, sa-orang pegawai British telah di-hantarkan tinggal di-Kuala Lumpur. Segala penasihatz British yang ada di-dalam negeriz yang bersekutu semua-nya bertanggong-jawab kapada pegawai British ini, dan pegawai ini pula bertanggong-jawab kapada Gabenor di-Singapura. Kerana Gabenor Singapura pada masa itu mempunyai kuasa sa-bagai Pesurohjaya Tinggi bagi Negeriz Melayu yang bersekutu.

Persekutuan ini telah di-tubohkan mengikut Perjanjian tahun 1895 di-antara Rajaz Melayu dengan Kerajaan British. Menurut

Perjanjian ini, kedaulatan Raja2 Melayu ada-lah di-akui, tetapi hendak-lah baginda menerima nasihat daripada Penasihat British di-dalam apa2 jua hal ahwal pemerentah negeri, di-kechualikan hal adat isti'adat orang2 Melayu dan ugama Islam sahaja. Kuasa yang tertinggi sa-kali ia-lah terletak pada Raja di-dalam Meshuarat (Ruler in Council). Ra'ayat Raja Melayu mempunyai taraf sa-bagai orang di-bawah na-ungan British (British Protected Person).

Sunggoh pun Perjanjian tahun itu (1895) mengadakan Perseku-tuan, tetapi tidak-lah ada apaz pembahagian kuasa di-antara Kerajaan pusat dengan kerajaan negeri, dan tidak-lah juga di-tubohkan satu badan perundangan pusat. Dari itu Persekutuan ini hanya sa-mataz menyatukan hal pentadbiran dan kehakiman sahaja. Akhirnya pada tahun 1905, satu badan perundangan pusat yang di-nama-kan Majlis Meshuarat Persekutuan (Federal Council) telah di-tuboh-kan. Di-sini tidak juga di-tentukan apa-kah jenis undang2 yang bo-leh di-buat oleh Majlis Meshuarat Persekutuan. Tetapi semua un-dang2 yang di-buat oleh manaz negeri mestilah bersesuai dan jangan bertentang dengan undang2 yang di-buat oleh Majlis Meshuarat Per-sekutuan. Jikalau bertentang atau tidak bersesuai, neschaya terba-tal-lah undang2 negeri itu. Nampaknya Majlis Persekutuan boleh membuat undang2 atas apaz perkara jua, melainkan atas hal ahwal ugama Islam dan kedudukan Raja2 Melayu sahaja. Tiap2 rang un-dang2 yang akan di-luluskan oleh Majlis Persekutuan mestilah di-siarkan dalam Warta Kerajaan sa-lewat2-nya satu bulan sa-belum di-bawa masok ka-dalam meshuarat; tetapi undang2 yang di-kehendaki lulus dengan segera hendak-lah di-kemukakan dengan satu perakuan oleh Pengerusi Majlis itu.

Sa-lain daripada ini, Majlis Meshuarat Persekutuan juga mem-punyai tugas menimbangkan peranggaran belanjawan dan hasil tahan-an bagi tiap2 negeri yang bersekutu.

Dalam tahun 1912 dan tahun 1924 Perjanjian Persekutuan te-lah di-pinda mengenai ahli2 Majlis Meshuarat Persekutuan. Dan pada tahun 1927 Perjanjian ini di-pinda sa-kali lagi, ia-itu di-sebut dengan jelasnya bahawa Majlis Meshuarat Persekutuan ada-lah ber-kuasa membuat undang2 bagi seluroh negeri2 bersekutu, dan tiap2 undang2 itu sa-belum daripada berjalan kuat-kuasa-nya hendak-lah di-tandatangani oleh Raja2 Melayu dan Yang di-Pertuan Besar Ne-geri Sembilan sa-bagai wakil Dato'2 Undang negeri itu. Manaz un-

dang2 yang di-buat oleh negeri tidak-lah sah atau mesti-lah terbatas kira-nya di-dapati bertentang dengan undang2 yang di-buat oleh Majlis Meshuarat Persekutuan. Majlis Meshuarat Persekutuan mesti menimbangkan peranggaran dan segala mata perbelanjaan hendak-lah di-luluskan oleh enactment (undang2) perbekalan yang di-buat oleh Majlis itu.

Sementara itu dalam tahun 1927 Raja2 Melayu dengan sendiri-nya telah berhenti daripada mengambil bahagian di-dalam perbinchan dan mashuarat Majlis Meshuarat Persekutuan ini. Dengan ini kuasa kerajaan pusat menjadi kuat, dan sa-balek-nya pula kuasa kerajaan negeri menjadi bertambah lemah. Dari itu, Dewan Negeri (State Council) telah di-perkuatkan, dan kapada-nya di-serahkan beberapa kuasa yang dahulu-nya di-jalankan oleh sa-orang Pegawai British yang bergelar Ketua Setia-usaha (Chief Secretary). Jua jawatan Ketua Setia-usaha telah di-ubah nama-nya dengan di-panggilkan Setia-usaha Persekutuan (Federal Secretary).

Walau pun satengah2 kuasa telah di-pindahkan kepada Dewan Negeri, tetapi kerajaan pusat maseh lagi mempunyai kuasa membentuk polisi negeri dan kewangan.

Ahli2 Dewan Negeri di-lantek oleh Raja negeri masing2, dan Dewan ini hanya-lah sa-bagi menasihatkan Raja sahaja di-dalam lapangan membuat undang2 dan pentadbiran negeri.

Demikian-lah keempat2 buah Negeri Melayu ini di-perentah sa-hingga Perang Dunia Yang Kedua pada tahun 1940.

NEGERI2 MELAYU YANG TIDAK BERSEKUTU

Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu sa-belum menerima naungan British pada tahun 1909 telah bernaung di-bawah kuasa Kerajaan Siam. Tetapi mengikut Perjanjian Bangkok pada tahun itu negeriz ini di-serahkan oleh Kerajaan Siam kepada Kerajaan British. Negeri Johor pula menerima naungan British pada tahun 1885 dan pada tahun 1914 Johor telah menerima sa-orang pegawai Penasihat British.

Di-dalam tiap2 buah negeri yang lima ini, kuasa memerentah terletak di-tangan Sultan masing2. Tetapi yang menjalankan pemerintahan negeri itu ia-lah sa-orang pegawai Melayu dengan gelaran Menteri Besar. Mengikut chara pemerintahan, Menteri Besar di-

kahendaki menerima nasihat pegawai Penasihat British dalam segala hal ahwal pemerentahan, melainkan hal adat resam orang Melayu dan Ugama Islam sahaja. Chara pemerentahan kelimaz buah negeri ini berkekalan hingga Perang Dunia Yang Kedua dalam tahun 1940.

NEGERI SELAT

Negeri Selat ia-lah terkandong kapada tiga buah tanah jajahan (colony) British, ia-lah Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

Pulau Pianng telah menjadi tanah jajahan British dari semenjak di-serahkan Pulau itu oleh Sultan Kedah kepada Kaptan Sir Francis Light pada tahun 1786. Dan pada tahun 1800 Province Wellesley pula di-serahkan oleh Sultan Kedah kepada Kompeni Hindia Timor.

Melaka telah menjadi tanah jajahan British pada tahun 1824, manakala negeri ini di-serahkan oleh Kerajaan Belanda kapada Kerajaan Britsh sa-bagai pertukaran tanah jajahan British di-Sumatera yang di-serahkan kapada Kerajaan Belanda. Dan mengikut Perjanjian menyerah dan menukar tanah jajahan ini, Kerajaan Belanda telah mengaku ia-itu mereka tidak lagi akan champor tangan dengan hal di-Malaya, kerana Malaya di-akui oleh mereka sa-bagai negeri yang jatoh di-bawah kawasan pengaroh (sphere of influence) British.

Singapura pula telah menjadi tanah jajahan British pada tahun 1819, sa-telah pulau ini di-jumpai oleh Sir Stamford Raffles untuk keperluan Kompeni Hindia Timor.

Pada tahun 1826, ketigaz tanah jajahan ini telah di-satukan dengan nama Negeri Selat (Straits Settlements), dan di-letakkan ketigaz-nya di-bawah perentahan Kerajaan Benggala di-India. Ibu negeri Selat pada masa itu ia-lah George Town (Pulau Pinang). Tetapi oleh kerana Singapura menjadi bertambah maju, maka ibu negeri itu di-pindahkan ka-Singapura pada tahun 1832. Pada tahun 1867 pemerentahan ketigaz Negeri Selat ini di-pindahkan pula dari pada Kerajaan Benggala kapada Jabatan Tanah Jajahan British di-London. Negeriz Selat di-perentah oleh Kerajaan British sa-bagai sa-buah negeri dengan mempunyai sa-orang Gabenor dan Setia-usaha tanah jajahan (colonial Secretary). Demikian-lah chara pemerentahan ini berlangsung hingga Perang Dunia Yang Kedua manakala Negeri Selat dan Negeriz Melayu telah di-duduki oleh Kerajaan Jepun.

Termasok juga di-bawah pemerentahan Negeri Selat beberapa buah daerah yang tersebut di-bawah ini:—

- (a) **Dinding.** Dinding ini di-jadikan tanah jajahan British pada tahun 1874, tetapi di-serahkan balek kapada Sultan Perak pada tahun 1934.
- (b) **Labuan.** Daerah pulau ini telah menjadi tanah jajahan British pada tahun 1846 manakala pulau ini di-serahkan oleh Sultan Berunai kapada Kerajaan British, dan pada tahun 1887 Pulau ini di-masukkan menjadi Negeri Selat.
- (c) **Pulau Kokos.** Pulau ini di-pindahkan daripada Kerajaan Ceylon kapada Negeri Selat pada tahun 1886.
- (d) **Pulau Christmas.** Pulau ini masuk ka-bawah pemerentahan Negeri Selat pada tahun 1900. Tetapi sa-belum daripada tarikh ini Pulau ini ia-lah sa-buah tanah jajahan British yang berasingan.

MALAYAN UNION (PERSATUAN MALAYA)

Di-dalam Perang Dunia Yang Kedua (1942 — 1945) Se-menanjong Tanah Melayu telah di-duduki oleh Jepun dan sa-lepas perang ini, telah di-letakkan di-bawah Pertadbiran Tentera British yang berakhir pada 31hb. Mac tahun 1946. Apabila tamat Pertadbiran Tentera British sa-buah kerajaan baru yang di-namakan Malayan Union (Persatuan Malaya) telah di-tubohkan. Malayan Union ini di-tubohkan dengan sebab hasil Surohanjaya Sir Harold MacMicheal, wakil Raja Inggeris, datang berjumpa dengan Rajaz Melayu.

Dengan sebab pertubuhan Malayan Union ini, Negeriz Selat telah di-mansuhkan, manakala Singapura telah di-jadikan sa-buah tanah jajahan British yang berasingan. Pulau Kokos dan Christmas di-letakkan di-bawah pemerentahan Singapura, manakala Pulau Labuan di-letakkan di-bawah pemerentahan Kerajaan Borneo Utara. Pulau Pinang dan Melaka masuk berchantum dengan kesembilan buah Negeriz Melayu, Kelantan, Kedah, Perlis, Terengganu, Johor, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Maka dengan perchantuman kesembilan buah Negeriz Melayu dan keduaz buah tanah jajahan British ini-lah Malayan Union telah di-tubohkan, dan dengan sebab pertubuhan ini, Negeriz Melayu yang bersekutu telah di-mansuhkan.

Pertubuhan Malayan Union ini ia-lah sa-mataz untuk menyenangkan pentadbiran British sahaja. Segala kuasa ada-lah terletak di-tangan Gabenor Malayan Union, sa-hinggaan kuasa memberi am-pun kapada orang salah pun ada di-tangan Gabenor. Gabenor boleh membatalkan segala keputusan yang di-buat oleh Majlis Perundangan. Berkenaan dengan kedudukan Rajaz Melayu, mereka hanya-lah mempunyai kuasa berkenaan dengan hal ahwal Ugama Islam dan adat resam orangz Melayu sahaja. Majlis Perundangan Negeri yang di-tubohkan di-dalam tiapz buah negeri hanya-lah boleh membuat undangz mengenai perkara tempatan sahaja. Dalam pada ini pun, undangz yang di-buat oleh-nya boleh di-batalkan oleh Majlis Perundangan Malayan Union.

Dengan susunanz saperti di atas tadi maka orangz Melayu yang di-ketuai Allah Yarham Dato' Onn bin Ja'afar tidak bersetuju dengan pertubuhan Malayan Union. Beliau menumpukan tenaga-nya untuk menentang perkekalan chara pemerentahan baharu ini. Padam fikiran orangz Melayu, Malayan Union itu ia-lah merupakan sa-bagai satu kerugian besar kapada Rajaz Melayu dan ra'ayat mereka, kerana semua kuasa terserah kapada Kerajaan British. Yang ada tinggal di-tangan Rajaz hanya-lah kuasa mengenai Ugama Islam.

Dengan sebab penentangan dari kalangan orangz Melayu, maka pada tahun 1948 Malayan Union telah di-mansukhkan dan di-gantikan dengan perlembagaan baharu dengan nama Persekutuan Tanah Melayu, Persekutuan ini di-tubohkan pada zhb. Februari tahun 1948.

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Persekutuan ini di-tuboh kerana menurut satu perjanjian yang telah di-tandatangani oleh duliz yang maha mulia Rajaz Melayu dan baginda King George VI, Raja Inggeris. Negeriz yang masok dalam persekutuan ini ia-lah sembilan buah Negeri Melayu dan dua buah tanah jajahan British:— Pulau Pinang dan Melaka. Tiapz buah negeri ada mempunyai kuasa dan hak yang tertentu, manakala Kerajaan Pusat pula mempunyai kuasaz yang tertentu juga, tetapi kuasa ini luas dan di-anggapkan mustahak untuk menubohkan sa-buah Kerajaan Pusat yang kuat dan gagah.

Ketua bagi Persekutuan yang baharu ini ia-lah Pesurohjaya Tinggi. Sa-bagai menjadi wakil Raja Inggeris, dia mempunyai ku-

sa yang luas dalam hal membuat undang2 dan menjalankan pentadbiran negeri. Majlis Perundangan Persekutuan mengandungi Pesurohjaya Tinggi sa-bagai pengurusinya; tiga orang pegawai tetap: ia-itu Peguam Negara, Ketua Setia-usaha dan Setia-usaha Kewangan; sa-belas orang pegawai dan 34 orang yang bukan pegawai. Kesemua mereka ini di-lantek oleh Pesurohjaya Tinggi. Majlis Perundangan Persekutuan ini mempunyai kuasa membuat undang2 sa-bagaimana yang di-tuliskan di-dalam Jadual Perjanjian itu. Tetapi Pesurohjaya Tinggi ada mempunyai kuasa pembatal (veto) untuk menahan manaz rang undang2 yang telah di-luluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan daripada menjadi undang2, jika dia berfikir patut dan mustahak untuk keamanan dan faedah ramai. Dan juga dia boleh menjadikan undang2 sa-suatu rang undang2 yang tidak di-luluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Wa'l-hal-nya Pesurohjaya Tinggi itu menjadi wakil Raja Inggeris dan berkuasa menjalankan pentadbiran negeri ini dengan tidak usah mengikuti kehendak Majlis Perundangan Persekutuan.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 juga telah menuahkan satu majlis yang bernama Majlis Rajaz. Majlis Rajaz berhak mengetahui segala perkara mengenai dasar atau polisi yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Pesurohjaya Tinggi ada-lah berkewajipan memberitahu hal ini kapada Majlis Rajaz supaya dia dapat tahu apa fikiran mereka mengenai hal itu. Rajaz Melayu bersetuju menerima nasihat daripada Pesurohjaya Tinggi berkenaan dengan pemerentahan negeri mereka masing2.

Di-dalam lapangan pentadbiran Pesurohjaya Tinggi mempunyai kuasa di-dalam segala hal yang di-serahkan kepada Kerajaan Persekutuan (Kerajaan Pusat). Untuk menasihatkan Pesurohjaya Tinggi satu badan yang di-namakan Majlis Meshuarat Kerajaan (Executive Council) telah di-tubohkan. Tetapi Pesurohjaya Tinggi boleh menjalankan tugas-nya dengan tidak menghiraukan nasihat2 Majlis Meshuarat ini.

Untuk negeri di-dalam Persekutuan pula, Majlis Perundangan Negeri (Council of State) mempunyai kuasa yang singkat sahaja: ia-itu kuasa yang di-sebutkan di-dalam Jadual yang Kedua bagi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Majlis ini mempunyai kuasa membuat undang2 mengenai adat resam orang Melayu dan ugama Islam dan apaz perkara yang di-serahkan oleh Majlis Perundangan Per-

sekutuan. Tiap2 negeri Melayu ada mempunyai sa-orang pegawai yang bernama Menteri Besar dan sa-buah Majlis Meshuarat Kerajaan (State Executive Council). Majlis Meshuarat ini di-tubohkan untuk menasihatkan Raja; tetapi baginda boleh mengingkar daripada mengikut nasihat Majlis ini, jikalau di-fikirkan patut dan mustahak. Rajaz Melayu sanggup dan bersetuju memerentah negeri mereka mengikut Perlembagaan Negeri mereka masing2 dan bersetuju bertanggongjawab untuk menggalakkan orang2 Melayu dalam bidang pelajaran dan berlateh supaya dapat mereka hidup sesuai dengan kehendak kemajuan ekonomi, kebajikan masharifikat dan pentadbiran negeri.

Untuk melaksanakan polisi penjajahan (colonial) British, sa-orang pegawai British yang bernama Penasihat British telah di-lantekkan dalam tiap2 buah Negeri. Penasihat British ini berhak memberi nasihat kepada Rajaz Melayu dalam segala lapangan pemerintahan negeri, di-kechualikan dalam hal ahwal adat resam orang Melayu dan Ugama Islam sahaja; dan baginda Rajaz Melayu bersetuju menerima nasihat itu.

Dari semenjak tahun 1948 tiap2 buah Negeri Melayu ada mempunyai Perlembagaan Negeri masing2; tetapi Negeri Johor dan Terengganu sa-memangnya sudah mempunyai perlembagaan sa-belum dari-pada tarikh ini. Negeri Johor mempunyai Perlembagaan dari semenjak tahun 1895 dan negeri Terengganu dari semenjak tahun 1911. Perlembagaan keduaz buah Negeri ini di-pinda supaya di-sesuaikan dengan kehendak2 Perjanjian Persekutuan 1948.

Oleh kerana Pulau Pinang dan Melaka pada tahun 1948 masih lagi di-punyai oleh Kerajaan British sa-bagai tanah jajahan-nya, maka keduaz buah negeri itu sa-kadarkan masok berchantom menjadi satu Persekutuan dengan Negeriz Melayu kepunyaan Rajaz Melayu. Maka keduaz-nya hanya-lah di-namakan settlement (tempat kediaman). Bagitu-lah juga Majlis Perundangan dalam keduaz buah negeri ini di-namakan Settlement Council, dan Majlis Meshuarat Kerajaan di-namakan Nominated Council. Ketua bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka di-gelarkan Pesurohjaya Tempatan (Resident Commissioner) dan dia hanya-lah menjadi sa-bagai wakil kepada Pesurohjaya Tinggi yang mana kuasa penoh ada di-tangan Pesurohjaya Tinggi. Yang demikian tidak-lah dapat dia melawan pendapat Majlis Perundangan Negeri dan Majlis Meshuarat Kerajaan.

Menuju Ka-arah Merdeka

Demi sahaja Persekutuan Tanah Melayu di-tubohkan pada tahun 1948, Parti Komunis Malaya mulai mengangkat senjata melawan Kerajaan dengan maksud hendak merebut kuasa dan menggulingkan kerajaan. Chitaz mereka hampir berjaya, Untuk menchegahkan gerakan Parti Komunis ini, keadaan dharurat telah di-mash-horkan pada 13hb. Julai tahun 1948. Dengan ini Kerajaan Persekutuan telah di-beri kuasa mengambil sa-barang langkah untuk menchegah bahaya komunis itu. Di-antara langkah yang di-ambil oleh kerajaan ia-lah memindahkan orang yang dudok jauh daripada bandar, terpenchil dan berselerak di-pinggir hutan; yang mana mereka ini akan senang sahaja menjadi mangsa dan jatoh di-bawah pengaroh Parti Komunis. Dengan demikian mereka telah di-pindahkan ka-tempatz yang khas yang di-gelarkan sa-bagai Kampong Baharu (New Village). Kampong ini di-kawal dengan rapi-nya supaya terpelihara daripada bahaya komunis. Kerajaan telah mengishtiharkan satengah tempat yang di-anggap merbahaya sa-bagai kawasan hitam (black area) dan di-jaga kawasan ini dengan perentah berkuron (curfew) dan kawalan pergerakan makanan. Dengan langkahan yang saperti ini askarz Keselamatan Kerajaan dapat menumpukan tenaga mereka dengan berperang dan menangkap puak komunis yang bersenjata. Sa-lain dari pada itu kerajaan juga telah memberi tawaran kapada puak komunis supaya menyerah diri dengan jaminan yang mereka tidak akan di-dawa ka-dalam mahkamah. Di-dalam Undangz Dharurat barang siapa yang ada di-dalam milek-nya senjata api atau peluru boleh di-hukumkan gantong. Oleh kerana gerakan komunis ini di-anggap sa-bagai gerakan asing, yang boleh di-katakan tidak di-sokongi oleh orang Melayu, maka sadikit demi sadikit kerajaan telah beransor2 berjaya mengalahkan pemberontakan komunis ini.

Langkah yang di atas itu ia-lah mustahak untuk menghadapi perperangan komunis dengan chara senjata. Tetapi komunism ia-lah satu keperchayaan politik. Untuk melawan keperchayaan ini dan menahankan-nya daripada merebak ka-seluroh Negeri, maka pemerentah British dengan beransor2 mengambil langkah melengkapkan negeri ini dengan perubahan politik yang baharu. Beberapa buah derma pelajaran dan biasiswa dan kursusz di-beri kapada penuntutz di-bangku sekolah dan pegawaiz yang dalam perkhidmatan. Untuk melatehkan pendudukz negeri ini menggunakan kuasa, maka beberapa

buah Majlis Tempatan telah di-tubohkan pada tahun 1952,¹ dan pada tahun 1950² ahli2 bagi Pehak Yang Berkuasa Awam Tempatan ini hendak-lah dari ahli2 yang di-pileh.

Di-dalam lapangan pemerentahan Kerajaan Pusat, satu perchubaan telah di-buat ia-itu dengan di-adakan satu sistem baharu, bernama Member System. Mengikut sistem ini 9 orang ahli Majlis Perundangan Persekutuan di-beri tanggong-jawab mengenai beberapa buah jabatan dan pekerjaan kerajaan; seperti hal ahwal keselamatan dalam negeri, kesihatan pelajaran dan lain2-nya. Orang yang di-beri tanggong-jawab itu di-namakan Ahli (Member) dan dia bertanggong-jawab kapada Ketua Setia-usaha (Chief Secretary).

Pada bulan Jun tahun 1955, pilehanraya yang pertama kali telah di-adakan untuk memilih ahli2 Majlis Perundangan Persekutuan. Oleh kerana pilehanraya ini, Majlis Perundangan Persekutuan telah di-pinda supaya mengandungi 52 orang ahli yang di-pileh, 34 orang ahli yang di-lantek dan 12 orang pegawai kerajaan, dan sa-orang Penggerusi yang di-lantek oleh Pesurohjaya Tinggi dengan persetujuan Rajaz Melayu. Di-antara 12 orang Pegawai yang menjadi ahli ia-lah Ketua Setia-usaha, Peguam Negara, Setia-usaha Kewangan dan 9 orang Menteri Besar. Di-antara ahli2 yang di-lantek ia-lah 2 orang wakil dari Pulau Pinang dan Melaka, 6 orang wakil perdagangan, 6 orang wakil dari perusahaan peladang, 4 orang wakil dari perusahaan lombong, 2 orang wakil dari perusahaan tanaman, 4 orang wakil dari persatuan pekerja2, sa-orang mewakili orang2 Ceylon, sa-orang mewakili orang serani, sa-orang mewakili orang asli, 2 orang pegawai dan 5 orang lagi di-lantek oleh Pesurohjaya Tinggi sa-lepas di-binchang-kan dengan Ketua Menteri (Chief Minister).

Oleh kerana hasil pilehanraya itu telah di-menangi oleh Parti Perikatan yang mengandungi UMNO, MCA dan MIC dengan mendapat 51 buah kerusi, dan hanya-lah satu kerusi sahaja yang di-menangi oleh Parti Islam Sa-Malaya, maka Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj sa-bagi Ketua Parti Perikatan telah di-lantek menjadi Ketua Menteri.

Sa-imbang dengan pilehanraya persekutuan, pilehanraya telah di-adakan juga di-dalam tahun itu untuk memilih ahli Majlis Per-

(1) Ordinance Majlis Tempatan, 1952. No.36t. 1952.

(2) Ordinance Pilehanraya Pehak Yang Berkuasa Awam Tempatan, 1950 No. 52t. 1950.

undangan Negeri (Council of State).³ Pilehanraya ini pun telah di-menangi oleh Parti Perikatan juga. Yang demikian pada akhir tahun 1955, semua badan perundangan di-Malaya telah mempunyai ahli yang di-pilih oleh orang ramai.

Kemenangan Parti Perikatan di-dalam pilehanraya tahun itu telah menjadi satu peristiwa yang besar dalam perkembangan politik di-Malaya. Apa-tah lagi di-samping itu Kerajaan Perancis telah memberi kemerdekaan kapada jajahan ta'alok-nya di-Laos, Cambodia dan Vietnam. Parti Perikatan melipat kali gandakan usaha-nya untuk menchapai kemerdekaan Malaya. Anakz negeri Malaya yang telah pergi belajar di-luar negeri telah pulang penoh dengan semangat baharu dan mulai memegang jawatanz yang dahulu-nya di-pegang oleh pegawai Eropah. Pada akhir-nya sa-lepas daripada lawatan Setia-usaha Tanah Jajahan British ka-Malaya pada bulan Ogos tahun 1955, satu persidangan telah di-adakan di-London dalam bulan Januari dan Februari tahun 1956. Persidangan itu telah bersetuju ia-itu Malaya akan menjadi sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat pada 31 haribulan Ogos tahun 1957. Buat sementara itu, Malaya telah di-beri kemerdekaan dalam negeri, dan satu jawatan-kuasa akan di-tubohkan untuk menyiasat dan membuat laporan dan shor mengenai Perlembagaan negara yang akan merdeka itu.

Mengikut persidangan itu juga, buat sementara menanti ketibaan tarikh yang di-tetapkan untuk Kemerdekaan, Pesurohjaya Tinggi hendak-lah bertugas mengikut nasihat Majlis Meshuarat Kerajaan Persekutuan, dan manaz ahli Majlis Meshuarat ini boleh mengemukakan apaz so'alan dan kernushkilan ka-dalam Majlis ini. Ahli Majlis Meshuarat Perundangan Persekutuan yang sa-memang-nya di-lantek oleh Pesurohjaya Tinggi tidak boleh di-lantek oleh-nya melainkan sa-lepas di-binchangkan perlentekan ini dengan Ketua Menteri, Menteriz Kewangan, Perdagangan Pertahanan dan Keselamatan dalam Negeri. Ketua Setia-usaha hanya-lah bertanggong-jawab dalam hal ahwal pentadbiran dan perkhidmatan awam sahaja. Dalam pada itu pun, hal ahwal luar negeri maseh lagi di-tangan British. Ada-lah di-persetujui juga ia-itu semua Penasihat British di-Negeriz Melayu hendak-lah di-tarek balek dengan beransor2 supaya kesemua-nya habis di-tarek balek di-dalam tempoh satu tahun.

Jawatan-kuasa Perlembagaan yang di-janjikan dalam persidangan itu telah di-lantekkan dalam bulan Mach tahun 1956, dengan di-

(3) Sekarang di-beri nama Legislative Assembly.

ketuai oleh Lord Reid. Jawatan-kuasa ini telah menjalankan kerjanya dalam bulan Jun tahun 1955 dan telah mengeluarkan laporan-nya dalam bulan Disember tahun itu juga. Jawatan-kuasa ini telah di-beri tugas untuk merangkakan satu perlembagaan persekutuan yang mewujudkan satu kerajaan pusat yang kuat supaya pentadbiran di-negeri ini boleh di-jalankan dengan licin dan rapi-nya. Jawatan-kuasa ini berpendapat ia-itu betapa mustahak-nya di-adakan taraf kewarganegaraan yang sama bagi seluruh Persekutuan. Tiap2 buah negeri yang berchanton di-dalam persekutuan ini patut-lah di-beri kuasaz yang tertentu dan Rajaz Melayu mesti-lah di-jadikan sa-bagai Raja yang berpelembagaan dengan mempunyai kedaulatan dan kebesaran sahaja, tetapi kuasaz-nya di-jalankan oleh Menteri Besar atau Meshuarat Kerajaan. Hak2 istimewa orang Melayu mesti-lah di-kekalkan dengan sa-chara mana di-anggapkan sesuai dengan kepentingan orang2 yang bukan Melayu. Dan juga negara yang merdeka ini patut-lah menjadi sa-buah negara dalam Komanwel dan mempunyai sa-orang Ketua Negara yang berpelembagaan.

Dengan menerima chadangan2 Jawatan-kuasa Ried ini maka Perlombagaan Persekutuan telah di-lahirkan dan Persekutuan Tanah Melaya menjadi sa-buah negara yang bebas lagi berdaulat pada 31 hari-bulan Ogos tahun 1957. Kemerdekaan ini di-chapai kerana mengikut perjanjian yang di-tandatangani di-antara baginda Raja British dan Rajaz Melayu tahun 1957. Sa-lepas itu Parlimen British telah meluluskan satu undang² membenarkan kemerdekaan kapada Persekutuan Tanah Melayu dan di-bawah kuasa undang2 ini-lah Raja British membuat satu perlembagaan untuk kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang berjalan kuat-kuasa-nya pada 31 haribulan Ogos 1957. Sementara itu, perlembagaan itu juga di-luluskan oleh Majlis Perundungan Persekutuan pada 27 haribulan Ogos 1957. Dengan chara ini-lah Persekutuan Tanah Melayu menjadi negara yang berdaulat mengambil peranan-nya di-dalam perhubungan antarabangsa.

Menjelang Ka-Malaysia

Sa-lepas mendapat kemerdekaan, Persekutuan Tanah Melayu berusaha untuk menghapuskan baki pengkhianat2 komunis, membangunkan taraf hidup orang2 di-luar bandar, memajukan ekonomi dan le-

(4) The Federation of Malaya Independence Act, 1957—5 and 6Eliz. 2Ch.60

Lihat juga Ordinance Perlombagaan Persekutuan, 1957, No. 55t. 1957.

beh2 lagi mengenalkan mana Persekutuan di-kalangan antarabangsa. Boleh di-katakan usahaz ini semua-nya berjaya, Dharurat (emergency) yang di-ishtiharkan pada 13 haribulan Julai⁵ 1948 telah tamat pada 31 haribulan Julai 1960,⁶ dan usahaz Kerajaan menjaga keselamatan negeri hanya-lah untuk menchegah perbuatan2 niat jahat (subversion) dan menghapuskan baki pengkhianat komunis di-sempadan Malaya dengan Thailand. Untuk pembangunan taraf hidup penduduk2 di-luar bandar, Kerajaan Persekutuan telah melancharkan beberapa skim untuk pembangunan luar bandar. Sementara itu ekonomi negara di-perbaiki dengan chara menggalakkan orang2 asing supaya menanam modal mereka di-negeri ini. Kelepasan chukai sa-lama lima tahun di-beri kepada penanam2 modal⁷ itu. Dengan ini ekonomi negara pun bertambah maju.

Dalam lapangan politik antarabangsa pula, Persekutuan Tanah Melayu berpegang kapada chogan (charter) Pertubuhan Bangsa2 Bersatu; ia-itu polisi bersahabat dan menghormati hak asasi manusia (human right). Dengan beralaskan kapada polisi ini-lah, maka Persekutuan Tanah Melayu bersama dengan Negara Republic Eire telah membuat satu usul di-persidangan yang keempat belas bagi Persidangan Majlis Perhimpunan Agong (General Assembly) Bangsa2 Bersatu pada 12 haribulan Oktober, 1959⁸ mengecam Kerajaan China Komunis kerana tindakan-nya ka-atas negeri Tibet yang menyebabkan Dalai Lama, Raja Tibet, terpaksa lari keluar daripada negeri-nya. Dan juga di-atas nama hak asasi manusia, di-dalam Persidangan Perdana2 Menteri Komanwel di-London pada 1960 dan 1961⁹ Tunku Abdul Rahman telah menchabar Kerajaan Afrika Selatan kerana polisi-nya terhadap orang2 berwarna kulit. Chabaran ini ada-lah merupakan satu perkara yang hebat, sa-hingga akhir-nya terpaksa-lah Kerajaan Afrika Selatan menarek diri keluar daripada negara2 Komanwel.

Persekutuan Tanah Melayu yang mengalami kekachauan dan penderitaan daripada tangan komunis dari semenjak tahun 1948 sudah

(5) P.W. 1921/1948.

(6) P.U. 185 t. 1960.

(7) Pioneer Industries (Relief from Income Tax) Ordinance, 1958 No.31 of 1958.

(8) Usul ini di-terima oleh General Assembly pada 21.10.1959 sa-bagai usul 1353(xiv).

(9) Persidangan ini di-adakan pada tahun 1960 daripada 3hb. hingga 13hb. Mei, dan pada tahun 1961 daripada 8hb. hingga 17hb. Mac. Dalam Persidangan tahun 1961, South Africa telah membuat pengumuman menarek keluar daripada Komanwel.

tentu berikhtiar untuk menjaga keselamatan negeri ini dan jiran-nya daripada ancaman komunis. Ini-lah dia batu asas yang mewujudkan Malaysia. Pada 23 haribulan Ogos 1961 Tunku Abdul Rahman telah mencapai satu persetujuan dengan Mr. Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura supaya di-chantumkan kedua2 buah negeri itu — Malaya dan Singapura — sharatz perchantuman itu ada-lah di-persetujui akan dibinchangkan terlebih lanjut lagi kelak. Pada masa itu Singapura mempunyai Kerajaan bertanggong-jawab dan tidak mempunyai kuasa penoh. Hal ahwal keselamatan dalam negeri terserah kepada Majlis Keselamatan Dalam Negeri yang mengandungi Kerajaan British, Singapura dan Malaya, manakala hal ahwal pertahanan dan luar negeri maseh lagi terletak di-tangan Kerajaan British. Parti Tindakan Ra'ayat (DAP) yang memerentah Singapura dan di-ketuai oleh Mr. Lee Kuan Yew berpendapat bahawa sa-baik2 chara untuk mencapai kemerdekaan Singapura ia-lah dengan berchantum dengan Malaya. Maka hasil daripada pendapat ini-lah maka persetujuan 23 haribulan Ogos 1961 itu tercapai di-antara Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri itu.

Tetapi sa-belum daripada persetujuan itu, Tunku Abdul Rahman telah membuat satu uchapan di-dalam satu majlis makan tengah hari yang di-beri oleh wartawan2 pada 27 haribulan Mei 1961. Di-dalam uchapan itu, Tunku telah berkata ia-itu ketigaz wilayah di-Borneo Utara ia-itu Berunei, Sarawak dan Sabah boleh di-chantumkan dengan Malaya dengan nama Malaysia. Uchapan ini di-sambut baik oleh Kerajaan British, yang mana Tunku telah di-jemput oleh Mr. Harold Macmillan Perdana Menteri British untuk menghadiri satu persidangan mengenai, hal ini di-London pada 20 hingga 22 November 1961. Kedua2 pehak telah bersetuju akan menyiasat lebuh lanjut lagi mengenai rancangan hendak menubohkan Malaysia itu. Menurut persetujuan yang tercapai dalam persidangan ini satu jawatan-kuasa yang di-ketuai oleh Lord Cobbold telah di-lantek untuk menyiasat kehendak2 penduduk2 di-Sabah dan Sarawak. Jawatan-kuasa itu telah menjalankan tugas2-nya pada akhir bulan February 1962 dan telah tamat menulis laporan-nya pada 21hb. June 1962.

Sementara itu, perkembangan politik di-Malaya, Singapura dan wilayah Borneo Utara heboh membinchangkan hal penubohan Malaysia. Tunku telah membuat penjelasan dalam Parlimen pada 12hb. Ogos tahun 1963¹⁰ ia-itu bagaimana mustahak-nya pada segi keselamatan

(10) Parliamentary Debates: Volume V pp. 670-683.

demokrasi yang Malaysia ini akan di-tubohkan dan kuasa keselamatan dalam dan luar negeri hendak-lah di-serahkan kepada Kerajaan pusat. Di-Singapura puia, satu pungutan suara telah di-adakan untuk menentukan ia-itu sama ada ra'ayat sakalian bersetuju kapada perchantuman Singapura dengan Malaya. Partiz politik di-Sabah dan Sarawak membuat beberapa lawatan ka-Kuala Lumpur untuk membinchangkan lebeh lanut lagi hal penubohan Malaysia ini.

Dalam pada itu Kerajaan Filipina telah membuat satu tuntutan mengenai Sabah ia-itu kata-nya Sabah itu ia-lah hak kepunyaan Raja Sulu dan sekarang telah pula menjadi hak milek Kerajaan Filipina. Tuntutan itu di-tolak oleh Kerajaan British. Sementara itu Parti Komunis Indonesia yang di-ketuai oleh D.N. Aidit telah membuka suara menentang ranchangan penubohan Malaysia. Tetapi yang sa-benar menghalangkan penubohan Malaysia ia-lah datang-nya daripada Pemerentahan Indonesia dan Sheikh Azhari Ketua Parti Ra'ayat Berunai. Pada 8hb. Disember 1962 Azhari telah mulai berontak melawan Sultan Berunai dan Kerajaan British di-Sarawak dan Sabah. Azhari dan pengikut2-nya menubohkan satu angkatan bersenjata (army) yang dinamakan Tentera Kalimantan Utara. Pemberontakan ini ada-lah mendapat sokongan daripada Pemerentahan Indonesia yang pada masa itu berterus terang berkata yang mereka tidak bersetuju dengan ranchangan penubohan Malaysia, kerana ranchangan itu ia-lah ranchangan penjajahan baharu (neo-colonialism). Akhir-nya perhubungan diplomatik di-antara Malaya dengan Indonesia telah menjadi genting. Sementara itu Pemerentahan Filipina telah menekan dengan berlipat ganda akan tuntutan-nya mengenai Sabah. Akhir-nya kedua2 buah Pemerentahan ini menggesa supaya satu pungutan suara mesti di-adakan di-Sabah dan Sarawak sa-belum di-tubohkan Malaysia. Jikalau tidak mereka kedua tidak akan mengitiraf kelahiran Malaysia.

Dengan sebab ini Tunku Abdul Rahman telah berjumpa dengan Peresiden Sukarno di-Tokyo pada 31hb. Mei hingga 1hb. Jun 1963 dan kemudian satu perjumpaan lagi telah di-adakan di-Manila pada 30hb. Julai hingga 5hb. Ogos 1963 di-antara Tunku, Peresiden Sukarno dan Peresiden Macapagal, Ketua Negara Filipina. Ketiga2 pemimpin negara ini bersetuju yang mereka tidak akan membantah kelahiran Malaysia kira-nya satu siasatan akan di-buat oleh satu jawatan-kuasa untuk menentukan kehendak2 pendudok di-Sabah dan di-Sarawak tentang kelahiran Malaysia. Jawatan-kuasa ini hendak-lah di-lantek oleh Setia-usaha Agong Bangsaz Bersatu. Tetapi malang-nya apabila

Jawatan-kuasa ini telah membuat penyiasatan itu dan menghantarkan pendapat-nya kapada Setia-usaha Agong Bangsaz Bersatu, Peresiden Sukarno dan Peresiden Macapagal enggan menerima pendapat dan laporan Jawatan-kuasa ini.¹¹ Manakala Malaysia telah di-tubohkan pada 16hb. September 1963, kedua2 buah negara ini tidak mengiktiraf Malaysia dan akhir-nya perhubungan diplomatik di-antara Malaysia dengan Indonesia dan Filipina telah terputus. Dengan ini Indonesia pun mula-lah melancharkan polisi berseteru (confrontation policy) menentang wujud Malaysia.

Apabila Laporan Cobbold itu di-serahkan kapada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan British, pada 1hb. Ogos 1962 kedua2 buah kerajaan ini telah bersetuju menubohkan Malaysia pada 31hb. Ogos 1963 dan buat sementara waktu satu Jawatan-kuasa di-antara Kerajaan (Inter-Governmental Committee) ada-lah di-tubohkan untuk memereksa lebuh lanjut lagi akan susunan2 penubohan Malaysia. Jawatan-kuasa ini di-pengerusi oleh Lord Lansdown, Menteri Jabatan Tanah Jajahan British dan Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaya, Jawatan-kuasa ini mulai bekerja pada 30hb. Ogos 1962 dan telah tamat kerja-nya pada 19 Disember tahun itu juga. Di-dalam keadaan suasana yang terancham daripada Indonesia dan Filipina, kerana kedua2-nya tidak bersetuju kapada kelahiran Malaysia, maka Perjanjian Malaysia telah di-tandatangani di-London oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak pada 9hb. Julai 1963. Kerajaan Berunai yang dahulu telah menyatakan keinginan-nya hendak masok ka-dalam Malaysia dan turut bersama2 hadhir di-dalam persidangan menandatangani Perjanjian Malaysia telah enggan menandatangani-nya dan telah mengundorkan diri daripada masok ka-dalam Malaysia. Ini ia-lah di-sebabkan oleh dua perkara: ia-itu taraf kedudukan Sultan Berunai dan chara pembahagian hasil minyak yang mana di-anggapkan oleh Berunai merupakan satu kerugian besar kapada-nya.¹²

Mengikut Perjanjian Malaysia ini, Parlimen Kerajaan British akan meluluskan satu undang2 untuk memberi kemerdekaan kapada

(11) Laporan Jawatan-kuasa ini tidak di-siarkan kepada orang awam.

(12) Kerajaan Berunai telah menafikan tuduhan2 yang mengatakan Berunai tidak masok dalam Malaysia kerana persetujuan tidak tercapai mengenai taraf kedudukan Sultan Berunai. Penafian ini telah di-buat dengan chara di-siarkan kapada orang ramai satu surat yang dikatakan di-tulis oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman. Surat ini mengatakan ia-itu sebab2 Berunai tidak masok Malaysia ia-lah kerana so'al kewangan dan bukan-nya so'al taraf kedudukan Sultan Berunai. Lihat surat khabar Straits Times 4.9.1968.

Singapura, Sabah dan Sarawak dan tiap2 buah negeri ini akan mempunyai perlembagaan baharu. Bagi pehak Persekutuan Tanah Melayu pula, Parlimen Persekutuan akan meluluskan satu undang2 bernama Act Malaysia untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang ada supaya di-sesuaikan dengan konsep dan susunan penubohan Malaysia, Act Malaysia¹³ itu telah di-luluskan pada 26hb. Ogos 1963. Walau pun Act ini di-jangka mesti berjalan kuat-kuasa-nya pada 31hb. Ogos 1963 dan penubohan Malaya mesti di-tetapkan wujud pada hari itu juga, tetapi oleh kerana bantahan daripada Kerajaan Indonesia dan Filipina kelahiran Malaysia ada-lah di-tanggohkan hingga pada 16hb. Ogos 1963. Tanggohan penubohan Malaysia ini ia-lah sa-mata2 hendak memeliharaikan polisi berjiran dan bersahabat dengan Indonesia dan Filipina tetapi akhir-nya tidak juga berjaya, kerana kedua2 buah negara ini enggan mengitiraf Malaysia dan perhubungan diplomatik dengan Indonesia dan Filipina pun putus.

MALAYSIA

Malaysia yang lahir pada 16hb. September 1963 itu ia-lah sa-buah persekutuan yang terdiri daripada sa-belas buah Negeri di-Tanah Melayu dua buah Negeri Borneo ia-itu Sabah dan Sarawak dan Singapura.

Apakala sahaja Malaysia di-lahirkan Kerajaan Indonesia pun mulai-lah melancharkan polisi berseteru menentang wujud Malaysia. Polisi ini bukan sahaja merupakan perperangan diplomatik, ekonomi bahkan juga senjata manakala bumi Malaysia telah di-langgar oleh askar2 dan penyeludup2 dari Indonesia. Dengan sebab ini terpaksa-lah Kerajaan Persekutuan mengisitiarkan dharurat sa-kali lagi.

Sementara itu, perhubongan di-antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Singapura, walau pun pada awal-nya elok, dari sa-hari ka-sahari menjadi bertambah burok. Akhir-nya satu perjanjian di-antara Menteriz Kerajaan Persekutuan dengan Menteri Kerajaan Singapura dengan keadaan yang senyap2 dan sulit telah di-tandatangani pada 7hb. Ogos 1965.¹⁴ Mengikut perjanjian ini Malaysia bersetuju bahawa Singapura akan keluar daripada Malaysia dan akan menjadi sa-buah negara yang berdaulat dan merdeka. Manakala membinchangkan satu rang undang2 berkenaan dengan kemerdekaan Singapura di-dalam

(13) Act. No.26t. 1963.

(14) Singapore Gazette. 1965 p.2188-2192.

Parlimen Persekutuan pada 9 haribulan Ogos 1965, Tunku Abdul Rahman berkata yang beliau telah berfikir panjang daripada A sa-hingga Z dan akhir-nya telah berpendapat ia-itu elok-lah Singapura berpisah dari Malaysia dan menjadi sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat dan berharap mogaz perhubongan di-antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Singapura akan menjadi elok. Rang undangz itu di-luluskan, dan Singapura pun menjadi-lah sa-buah negara yang berdaulat dan merdeka pada 9hb. Ogos 1965.

Sementara itu, pada 1hb. Oktober 1965 Kerajaan Indonesia telah mengalami pemberontakan yang di-buat oleh Parti Komunis Indonesia yang di-ketuai oleh D.N. Aidit. Pemberontakan itu tidak berjaya walau pun enam orang panglima tentera Indonesia telah di-bunuh oleh puak pemberontak. Akhir-nya Peresiden Sukarno telah terpaksa menyerahkan kuasa memerentah Indonesia kapada General Suharto, seorang Panglima yang berjaya menghanchorkan pemberontakan itu. Dengan berpindah-nya kuasa pemerentahan di-Indonesia kapada General Suharto, Menteriz Indonesia yang sa-belum daripada 1hb. Oktober 1965 sama ada di-singkir atau di-tahan, dan Menteriz baharu di-lantek menjadi ganti. Dr. Subandrio, Menteri luar di-bawah Peresiden Sukarno dahulu telah di-tahan dan di-ganti oleh Tuan Adam Malek. Dengan berlaku-nya peralihan kuasa di-Indonesia maka dengan beransor² polisi berseteru yang di-lancharkan oleh Sukarno itu menjadi kurang, dan suasana pun baik untuk mencapai perdamaian di-antara Malaysia dengan Indonesia. Akhir-nya Satu perjanjian damai telah tercapai di-antara Tun Abdul Razak dan Adam Malek di-Bangkok pada 29hb. Mei – 1hb. Jun, 1966 dan perjanjian itu sa-telah di-sahkan oleh Parlimen Indonesia dan kerajaan Malaysia langsung di-tandatangani di-Jakarta pada 11hb. Ogos 1966. Dengan ini tamat-lahapolisi berseteru itu dan perhubongan di-antara Malaysia dan Indonesia pun kembali-lah seperti sedia-kala. Akhir-nya pada 31hb. Ogos, 1967, keduaZ buah negara ini telah memulihkan sa-mula perhubongan diplomatik.

Bantahan Kerajaan Filipina ka-atas penubohan Malaysia ia-lah kerana tuntutan-nya ka-atas Sabah tidak lagi selesai, dan tidak di-endahkan oleh Kerajaan British. Apabila Malaysia telah di-tubohkan, Kerajaan Filipina telah memutuskan perhubongan diplomatik dengan Malaysia. dan engkar daripada mengi'tiraf Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat. Tetapi pada akhir-nya oleh kerana sukar bagi keduaz negara ini berjalan dengan tidak langsung mempunyai perhubongan di-antara satu dengan lain, maka dalam bulan Mei tahun 1964, perhubongan sa-chara

consul telah di-tubohkan. Dan kemudian-nya pada 3hb. Jun, 1966, perhubongan diplomatik di-antara kedua2-nya telah di-pulehkan sa-mula.

Sekarang perhubongan diplomatik di-antara kedua2 buah negeri ini ada-lah genting dengan sebab Filipina telah memperhebatkan tuntutan ka-atas Sabah. Pada mulaz-nya ada repot yang mengatakan Kerajaan Filipina bersahabat dan bertanggong-jawab tentang memberi latehan kapada satu kumpulan khas yang mengandungi orang2 Islam dari Selatan Filipina untuk menyerang Sabah (Peristiwa Corregidor). Dengan sebab berita ini, Malaysia telah membuat satu bantahan yang keras. Sa-lepas daripada itu, satu perjumpaan telah di-buat di-antara pehak Malaysia dengan pehak Filipina di-Bangkok untuk menyelesaikan so'al tuntutan Filipina ka-atas Sabah. Tetapi perjumpaan ini telah gagal. Berikutan dengan kegagalan itu, Kerajaan Filipina telah memerentah supaya Duta Besar-nya di-Kuala Lumpur dan pegawai2 yang lain kembali ka-Manila dan yang tinggal di-Kuala Lumpur ia-lah sa-orang pegawai pendadbir sahaja. Tetapi langkah ini tidak di-jalankan oleh Kerajaan Filipina. Sementara itu, untuk mengekalkan tali persahabatan kedua2 buah negeri, Tun Abul Razak dan Tuan Ramos, Setiausaha Luar Kerajaan Filipina, telah bersetuju tatkala mereka berjumpa di-Jakarta supaya so'al Sabah di-persejokkan buat sementara. Tetapi baharuz ini Kongres Filipina telah meluluskan satu rang undang2 yang mengatakan Sabah ia-lah sa-bahagian daripada wilayah kepunyaan Filipina walau pun bantahan yang keras telah di-buat oleh Malaysia. Rang undang2 ini hanya-lah menanti di-tandatangani oleh Peresiden Marcos. Dengan sebab ini kedudukan perhubongan diplomatik di-antara kedua2 buah negeri ada-lah sangat penting.

Sa-belum di-tutupkan bab ini, elok-lah di-sebut dengan sa-chara ringkas tawarikh mengenai Singapura dan Sarawak.

Singapura

Sa-belum Perang Dunia Yang Kedua, Singapura telah menjadi kepala negeriz Selat, dan Gabenor Singapura pada masa itu bukan sahaja berkuasa dalam Negeri Selat bahkan juga menjadi Pesurohjaya Tinggi bagi Negeriz Melayu yang bersekutu, dan mempunyai kuasa ka-atas Penasihat2 British yang bertugas di-Negeriz Melayu yang tidak bersekutu. Sa-lepas perang, Negeriz Selat ini di-mansukhkan pada tahun 1946, manakala Pulau Pinang dan Melaka di-chantumkan dengan sembilan buah Negeriz Melayu menjadi Persatuan Malaya (Malayan Union) dan kemudian-nya Persekutuan Tanah Melayu; Pulau Labuan telah

di-satukan dengan Borneo Utara (Sabah); dan Singapura bersama2 dengan Pulau Cocos dan Pulau Christmas telah menjadi satu sa-buah jajahan British yang terasing. Tetapi keduaz buah pulau ini ia-itu Cocos dan Christmas telah di-serahkan kapada Kerajaan Australia Pulau Cocos pada tahun 1955 dan Christmas pada tahun 1958.

Di-antara tahun 1946 dan tahun 1955, Singapura telah di-perentah sa-bagaimana kebanyakannya tanah jajahan British; ia-itu mempunyai sa-orang Gabenor yang menjadi sa-bagai wakil Raja British. Gabenor ini mempunyai kuasa penoh dalam hal pentadbiran negeri melainkan dalam beberapa perkara2 yang tertentu sahaja; dan di-kehendaki se-nantiasa berhubung dengan Jabatan Tanah Jajahan British di-London. Untuk menolong Gabenor dalam hal ahwal membuat undang2, satu Majlis Perundangan telah di-tubohkan yang mengandungi kebanyakannya pegawai2 kerajaan dan orang2 yang di-pileh dan di-lantek oleh Gabenor. Tugas Majlis Perundangan ini hanya-lah memberi nasihat kepada Gabenor, tetapi tidak-lah pula Gabenor itu mesti menurut keputusan2 yang di-buat oleh Majlis Perundangan itu. Dalam hal pemerentahan, satu Majlis Meshuarat Kerajaan (Executive Council) telah di-lantekkan mengandungi pegawai2 kerajaan dan orang2 yang di-lantek oleh Gabenor. Di-sini pun Gabenor tidak sa-mesti-nya mengikut nasihat dan keputusan Majlis Meshuarat Kerajaan itu. Untuk menjalankan pentadbiran dan melaksanakan polisiz kerajaan ada-lah di-lantekkan sa-orang pegawai turus yang mengawal semua jabatan2 Kerajaan. Pegawai ini bergelar Ketua Setia-usaha (Chief Secretary) dan bertanggong-jawab mengenai semua jabatan2 kerajaan kepada Gabenor.

Dharurat yang menimpa Malaya di-sebabkan oleh Komunis telah jua di-deritai oleh Singapura, tetapi tidak-lah berpanjangan dan lama masa-nya saperti di-Malaya, kerana Singapura tidak ada hutan2 menasabah untuk melindongkan gerila komunis. Dalam pada itu perkembangan politik di-Singapura menekan Kerajaan British supaya di-beri satu perlembagaan yang menuju ka-arrah merdeka. Pada tahun 1955 satu perlembagaan baharu telah di-beri oleh Kerajaan British, yang mana Majlis Perundangan Singapura telah mempunyai kebanyakannya ahli2 yang di-pileh dengan pilchanraya dan Majlis Meshuarat Kerajaan adalah di-ketuai oleh sa-orang Ketua Menteri yang di-lantek oleh Gabenor daripada parti politik yang menang pilehanraya itu. Dalam pada itu pun Gabenor maseh lagi mempunyai kuasa mengatasi keputusan Majlis Perundangan dan Majlis Meshuarat Kerajaan.

Oleh kerana merdeka daripada British ia-lah chogan kata bagi tiap2 Parti politik di-Singapura, maka satu perjumpaan perlembagaan telah di-adakan di-London di-antara Kerajaan British dengan Kerajaan Singapura yang di-ketuai oleh Dato' David Marshall, yang pada masa itu menjadi Ketua Menteri Singapura. Mengikut persetujuan perjumpaan ini Singapura telah mendapat satu perlembagaan baharu pada tahun 1959 yang merupakan kemerdekaan dalam negeri (internal self government). Semua ahli Majlis Perundangan hendak-lah di-pileh dengan chara pilehanraya, dan kuasa pemerentahan ada-lah terletak di-tangan Gabenor, yang di-tukarkan gelaran-nya kapada Yang Di-Pertuan Negara kerana mengambil sempena bahawa jawatan ini tidak lagi akan di-pegang oleh sa-orang pegawai British tetapi oleh sa-orang peranakan tempatan. Sunggoh pun kuasa pemerentahan ada-lah terletak di-tangan Yang Di-Pertuan Negara, kuasaz ini di-jalankan oleh sa-buah Jema'ah Menteri (Cabinet) atau oleh Yang Di-Pertuan Negara dengan nasihat Jema'ah Menteri yang terdiri daripada ahli2 Majlis Perundangan. Singapura tidak mempunyai kuasa di-dalam hal ahwal luar negeri, pertahanan dan keselamatan dalam negeri.

Pada tahun 1957 Singapura telah mempunyai undang2 kewarganegaraan-nya¹⁵ sendiri, yang mana kewarga-negaraan Singapura boleh di-dapati dengan sebab kelahiran di-Singapura atau keturunan, masukan (naturalization) dan daftaran. Apabila Singapura menyertai Malaysia, kewarga-negaraan Singapura maseh di-pakai dan tiap2 orang warga negara Singapura mempunyai kewarga-negaraan persekutuan demikian juga kewarga-negaraan Singapura. Undang2 pilehanraya Singapura yang dibuat pada tahun 1954¹⁶ ada-lah membenarkan warga negara United Kingdom dan tanah jajahan-nya menjadi pengundi dan pada tahun 1959 undang2 ini telah di-pinda supaya tiap2 pengundi mesti-lah terpaksa mengundi.

Dalam pilehanraya tahun 1959 untuk memenohi Majlis Perundangan di-bawah perlembagaan baharu, Parti Tindakan Ra'ayat (PAP) yang di-ketuai oleh Lee Kuan Yew telah mendapat kemenangan. Maka dengan usaha tenaga parti ini-lah satu persetujuan tercapai di-antara Kerajaan Singapura dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang mana Singapura pada 16hb. September 1963 telah berchamtum menjadi

(15) Ordinance Singapore No.351 1957.

(16) Ordinance Singapore Bab. 53.

satu anggota Malaysia, dan pada 9hb. Ogos¹⁷ 1965 telah berpisah dari pada Malaysia dan menjadi sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat.

Sarawak

Sarawak ia-lah asal-nya di-punyai oleh Sultan Berunai. Orang2 di-negeri itu terpaksa membayar chukai kapada Sultan Berunai, dan oleh kerana kekerasan chara memungut chukai ini, maka orang2 Sarawak telah memberontak pada tahun 1839 melawan Sultan Berunai. Sa-telah itu satu perjumpaan telah di-adakan di-Kuching di-antara Raja Muda Berunai dengan sa-orang Inggeris bernama James Brook. Raja Muda ini ia-lah Bendahara dan juga bapa saudara kapada Sultan Berunai. Dalam perjumpaan itu James Brook telah bersetuju menolong Sultan Berunai memadamkan pemberontakan itu. Akhir-nya pada tahun 1841 orang Sarawak bersetuju memberhentikan pemberontakan mereka dengan sharat-nya James Brook di-jadikan Raja mereka.

James Brook mulai-lah memerentah Sarawak dengan di-gelarkan Raja Brook. Barangkali oleh kerana di-pengarohi oleh pemberontakan, Raja Brook telah membuat satu undang2 bernama Undang2 Sarawak yang Kesembilan ("the Nine Cardinal Principles of the Rule of the English Rajah"). Mengikut undang2 ini Sarawak ia-lah negeri kepunyaan ra'ayat, Raja Brook hanya-lah memerentah negeri itu sa-bagai memegang amanah dan untuk faedah ra'ayat sahaja yang mana pelajaran di-kalangan ra'ayat dan kemajuan negeri hendak-lah di-galakkan. Sarawak telah di-jadikan sa-buah negeri di-bawah naungan British. Demikian-lah Sarawak di-perentah sa-hingga ka-masa mulai Peperangan Jepun pada akhir tahun 1941.

Sa-telah tamat peperangan itu pada tahun 1946 Sarawak telah di-jadikan tanah jajahan British dan di-perentah sama seperti tanah jajahan British yang lain; ia-itu dengan memakai sa-orang gabenor.

Dalam tahun 1961 hingga tahun 1963, politik2 di-Sarawak membincangkan hal penubuhan Malaysia yang di-sebutkan oleh Tunku Abdul Rahman dalam uchapan-nya pada 27hb. Mei 1961. Dan akhirnya pada 16hb. September 1963 Sarawak masok berchantum menjadi sa-buah negeri di-dalam Malaysia.

(17) Constitution and Malaysia (Singapore Amendment) Act, 1965. No. 53/1965 dan Republic of Singapore Independence Act, 1965 — Singapore Gazette Acts Supplement No.2/1965. Perjanjian Perpisahan Singapura — Singapore Gazette 1965 p.2188 —2199.

Sabah

Dalam tahun 1877 sa-orang saudagar Jerman bernama Gustavas Baron de Overbeck dan sa-orang saudagar Inggeris bernama Alfred Dent, keduanya menjadi wakil kapada sharikat perniagaan Inggeris yang bernama British North Borneo Company telah mendapat tanah di-Borneo Utara daripada Sultan Abdul Munin, Raja Berunai dan daripada Sultan Abdul Jalil, Raja Sulu. Kedua orang Sultan ini telah melantek Gustavas Baron de Overbeck memerentah di-kawasan itu dengan mempunyai kuasa penoh: ia-itu kuasa hidup dan mati ka atas sakalian penduduk2 di-sana.

Pada tahun 1881 British North Borneo Company pun mulai lah memerentah kawasan ini dengan mendapat naungan Kerajaan British, dan kawasan pemerentahan itu di-namakan Borneo Utara (North Borneo), barangkali kerana mengambil kesempatan nama Sharikat British ini. Demikian-lah Borneo Utara ini di-perentah sa-hingga tamat Perang Jepun.

Pada tahun 1946, Borneo Utara dan Pulau Labuan telah di-jadikan tanah jajahan British dengan di-perentah oleh sa-orang Gabenor sa-bagaimana tanah jajahan British yang lain. Mengikut perkembangan2 politik di-negeri itu, pemerentahan British di-negeri ini tamat pada 16hb. September 1963 apabila Borneo Utara telah masuk menjadi sa-buah negeri di-dalam Malaysia dan nama-nya pun di-ubah dari-pada Borneo Utara menjadi Sabah dan sekarang di-kenali sa-bagai Sabah.

BAB III

PERSEKUTUAN

Malaysia ia-lah sa-buah negara yang bersekutu, dan dari se-menjak 9hb. Ogos, 1965, ia-itu tarikh Singapura keluar daripada Malaysia dan menjadi sa-buah negara merdeka yang terasing. Persekutuan Malaysia ada-lah mengandungi tiga belas buah negeri: ia-itu sa-belas buah negeriz di-Tanah Melayu ia-itu, Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu; dan dua buah negeriz Borneo ia-itu, Sabah dan Sarawak.¹ Sa-kira-nya pada suatu masa yang akan datang kelak ada negeriz lain hendak masok ka-dalam lengkongan persekutuan ini, maka bolehlah Parlimen meluluskan satu undang² untok di-masukkan negeri itu ka-dalam Malaysia.² Sempadan negeriz dalam persekutuan ini ia-lah segala sempadan yang di-akui sa-belum hari lahir Malaysia, tetapi sempadan³ ini boleh di-pinda oleh Parlimen kira-nya pindaan itu di-persetujui oleh Majlis Perundangan Negeri dan Majlis Meshuarat Rajaz.³

Professor Dicey⁴ mena'rifkan sa-buah negara persekutuan itu sa-bagai suatu helah atau rekaan politik mensesuaikan perpaduan dan kuasa negara dengan wujud-nya bermacham² hak kepentingan negeri yang masok dalam persekutuan itu. Dengan sebab ada-nya perpa-

(1) Per. 1(2).

(2) Per. 2.

(3) Per. 2.

(4) The Law of the Constitution 10th Ed. Macmillan p.143.

duan dan kuasa negara dan hak2 kepentingan negeri, maka di-dalam manaz2 persekutuan ta'dapat tiada mesti-lah wujud sa-buah kerajaan pusat dan beberapa buah kerajaan negeri. Yang demikian, segala kua-sa dalam negara persekutuan mesti-lah di-bahagi di-antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri.

Hakim di-dalam kes *Liquidators of the Maritime Bank v. Receiver General of New Brunswick* (1892) A.C. 437 at p.441 berkata:—⁵

"Kesimpulan yang mustahak bagi sa-suatu perlembagaan persekutuan ia-lah pembahagian kuasa membuat undang2 di-antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Pembahagian kuasa ini ia-lah merupakan satu persetujuan di-antara puak2 yang boleh mewujudkan satu perchantuman dengan puak2 yang menghalangkan pembentukan satu perchantuman yang rapat. Pembahagian kuasa ini juga menjadi sa-bagai suatu had bagi apa yang boleh di-buat dengan perjanjian dan suatu sempadan sa-takat mana masing2 negeri boleh di-benarkan tidak bersetuju dan menjalankan tugas2-nya untuk nasib negeri itu."

Oleh kerana pada hakikat persekutuan itu mesti ada pembahagian kuasa biasa nya pembahagian kuasa itu di-susun demikian: ia-itu kerajaan pusat di-beri kuasa yang meliputi keseluroh negara dan mengenai perkara2 yang mustahak pada segi kepentingan negara, dan kerajaan negeri di-beri kuasa yang meliputi seluroh negeri itu sahaja dan hanya-lah mustahak untuk kepentingan tempatan (local interest) sahaja. Tetapi untuk penjelasan yang tepat, maka charaz pembahagian ini mengikut-lah apa yang tertulis di-dalam Perlembagaan itu sendiri.

(5) "The vital core of a federal constitution is the division of legislative powers between central authority and the component states or provinces. This division represents the compromise between the forces which makes union possible and those which inhibit the formation of a closer union. It marks the limits of which can be done by common agreement or the extent to which the separate states must be permitted to differ and work out their own destinies." Lord Haldane dalam kes A.G. Australia v. Colonial Sugar Refining Company 1914 A.C. 237, ada berkata ia-itu Perlembagaan Kanada tidak-lah boleh di-sifatkan sa-bagai satu persekutuan yang tepat pada ma'ana-nya. Ta'rif yang saperti ini ada-lah sempit kerana apa yang mustahak pada segi persekutuan ia-lah pembahagian kuasa di-antara badan perundangan pusat dengan badan perundangan tempatan atau negeri yang mana kedua2 badan tidak ada kuasa membuat apap2 perubahan mengenai pembahagian kuasa itu. Tentang bagaimana chara pembahagian kuasa itu di-buat tidak-lah bagitu penting. Lihat K.C. Wheare: *Federal Government* 3rd Ed. Oxford pp.13-14.

Di-negeri Australia, yang ia-nya juga sa-buah Negara bersesekutu, kerajaan pusat (di-namakan Kerajaan Komanwel) telah di-beri beberapa kuasa yang tertentu, manakala kerajaan negeri pula mempunyai segala kuasa yang tidak di-tentukan ya'ani kerajaan negeri mempunyai kuasa yang baki. Tetapi di-dalam Perlembagaan Negeri Kanada, kerajaan pusat (di-namakan Kerajaan Dominion) mempunyai kuasa yang baki, manakala kerajaan negeri mempunyai kuasa yang tertentu. Perbedaan tentang pembahagian kuasa di-dalam Perlembagaan kedua-dua buah negeri ini ia-lah kerana tujuan dan kehendak Perlembagaan itu tidak sama. Perlembagaan Australia telah di-pengarohi oleh Perlembagaan Amerika Sharikat yang mana di-tegaskan ia-itu segala kuasa itu datangnya daripada negeri dan kerajaan pusat hanya-lah mempunyai sa-takat mana kuasa yang di-serah kepada-nya oleh kerajaan negeri sahaja. Dengan fikiran yang berchorak semacam ini-lah maka kerajaan pusat itu ada-lah di-anggap hanya-lah sa-mata2 menjadi sa-bagai ajen atau wakil kerajaan negeri sahaja. Walau pun negeriz di-Australia bimbang akan kuasa Jepun dan Jerman di-Luatan Pasifik pada akhir abad yang kesembilan belas, tetapi oleh kerana mereka sayang akan kebebasan negeri, maka tidak-lah mereka bersetuju hendak menubuhkan sa-buah kerajaan pusat yang mempunyai kuasa yang luas.

Tetapi di-negeri Kanada,⁶ sebab2 yang utama sa-kali persekutuan itu di-tubohkan ia-lah kerana negeriz di-Kanada berasa bimbang akan kekuatan Amerika Sharikat, sa-buah negara tetangga di-selatan-nya. Dari itu, persekutuan ada-lah di-fikirkan sa-bagai suatu mas'alah yang boleh menyelesaikan beberapa perkara. Salah satu daripada perkaraz itu ia-lah hendak mewujudkan sa-buah negara yang kuat supaya dapat menentang beberapa hal, baik pun di-dalam negeri bahkan jua di-luar negeri. Dengan berasaskan kapada dasar ini-lah maka kerajaan pusat (Dominion) telah di-beri kuasa yang luas, manakala negeriz pula di-beri hanya-lah kuasaz yang tertentu.

Bagaimana-kah pula Perlembagaan Malaysia di-bentok? Jawapan ini boleh-lah di-dapati daripada Laporan Perlembagaan yang di-buat oleh Jawatan-kuasa Reid. Untuk pendirian Persekutuan yang baharu, dua tugas ada-lah mustahak: ia-itu mengembang dan menyuborkan pertumbuhan demokrasi, dan membangun serta membuka-nan negeri dengan menggunakan kekayaan negeri dan isi bumi-nya.

(6) Laskin: Canadian Constitutional Law (1966) Carswell. 3rd. Ed. pp1-3

Dari itu amat-lah mustahak-nya di-adakan sa-buah kerajaan pusat yang kuat. Manakala Malaysia di-lahirkan pada 16hb. September, 1963, kemustahakan mengadakan sa-buah kerajaan pusat yang kuat tidak-lah dapat di-elakkan. Kerana Malaysia itu di-tubohkan dengan berasaskan kapada keselamatan (security) negara daripada bahaya anchaman komunis yang bermaharaja-lela di-negeri Vietnam, Indonesia dan juga di-sakitar Asia Tenggara. Untuk menyelamatkan negara daripada anchamanz yang seperti ini, kerajaan pusat mesti mempunyai kuasa yang luas. Charaz pembahagian kuasa, mengikut tugas Jawatan-kuasa Reid, hendak-lah di-buat supaya di-adakan sa-buah Kerajaan pusat yang kuat dan di-samping-nya pula ada Kerajaan negeri yang mempunyai kuasa yang tertentu. Dengan mengikut asasz ini, maka Kerajaan pusat di-beri kuasa yang luas, sa-bagaimana yang di-terakam di-dalam Senarai I Jadual yang Kesembilan, manakala kerajaan negeri pula di-beri kuasa, yang tidak bagitu luas, sa-bagaimana yang di-tera di-dalam Senarai II.

Kuasaz yang di-beri kapada kerajaan pusat, bukan sahaja luas, bahkan jua mustahak untuk pendirian negara dan bangsa. Satengahz daripada kuasa ini ia-lah hal ahwal luar negeri, pertahanan, keselamatan dalam negeri, undangz mal dan jenayah dan peratoranz menge-nai undangz itu dan pentadbiran keadilan, kewarga-negaraan, kewangan perniagaan, perdagangan dan perusahaan, perkapanan, pelayaran dan perikanan, perhubungan dan pengangkutan, pelajaran, kesihatan, hal ahwal buroh, kebajikan orang asli, pekerjaan perahlian dan lainz.

Berkenaan dengan kuasaz negeri pula, ini kebiasaan-nya ia-lah mengenai hal ahwal adat istiadat, hal ahwal ugama Islam, tanah, pertanian dan perhutanan, kerajaan tempatan yang lain daripada Ibu Kota dan beberapa perkara yang mempunyai kepentingan tempatan sahaja. Walau pun kuasaz kerajaan pusat dan kerajaan negeri di-sebutkan dengan nyata-nya dalam Senarai I dan senarai II Jadual Yang Kesem-bilan, tetapi boleh jadi kuasaz ini tidak habis di-nyatakan. Dari itu kapada Kerajaan yang mana-kah kuasa yang tidak tertulis, ia-itu kuasa yang baki-nya patut di-beri? Mengikut Perlembagaan Malaysia,⁷ segala kuasa yang tidak di-sebutkan di-dalam senarai I dan II terpulang-lah kapada kerajaan negeri. Mengenai chara pembahagian kuasa baki ini, pembahagian itu sama-lah saperti dalam perlembagaan Amerika Sharikat dan Australia, yang mana kuasa baki itu di-beri kapada Kera-

jaan negeri; tetapi di-Kanada, kuasa baki itu di-punyai oleh kerajaan pusat (Dominion).

Sunggoh pun kuasa tertentu dan khas di-beri dan di-bahagikan di-antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri, biasa-nya dalam perjalanan pemerentahan hari2, amat-lah sukar hendak di-tentukan kapada siapa-kah sa-suatu kuasa itu telah di-beri oleh perlembagaan. Kekusutan yang sa-macham ini pernah berlaku di-Australia, dan untuk mengelakkan-nya, Perlembagaan Australia telah mengadakan kuasa bersama (concurrent powers) yang mana dalam beberapa perkara yang tertentu kerajaan pusat dan kerajaan negeri ada mempunyai kuasa yang sama untuk melaksanakan mas'alah perkara itu. Perlembagaan Malaysia tidak-lah juga sunyi daripada mengadakan kuasa bersama yang di-punyai oleh kerajaan pusat dan kerajaan negeri dalam beberapa perkara yang tertentu. Kuasa ini ada-lah di-atorkan di-dalam Senarai III Jadual Yang Kesembilan. Sa-tengah daripada perkara2 yang termasuk di-bawah kuasa bersama ia-lah perkara mengenai kebajikan masyarakat, derma pelajaran, haiwan, peminta sedekah, penjaja barang2, taliayer, kesihatan awam dan sa-bagai-nya.⁸

Untuk negeri Sabah dan Sarawak, kuasa2 khas negeri dan kuasa bersama ada-lah lebuh luas daripada kuasa2 yang di-punyai oleh negeriz di-Tanah Melayu. Perbedaan tentang pembahagian kuasa ini ia-lah untuk mensesuaikan kemasukan negeriz itu ka-dalam Malaysia, kerana ini-lah kali yang pertama negeriz ini masok berchamtum dengan negeriz di-Tanah Melayu. Lagi pun perkara2 yang di-pegang oleh negeriz itu ia-lah perkara2 yang hanya khas kapada negeriz itu sahaja.

Tiap2 perlembagaan persekutuan tentu-lah bertulis dan tiap2 perlembagaan bertulis tentu-lah mempunyai satu peruntukan yang mengatakan bahawa perlembagaan itu ia-lah undang2 tertinggi (supreme law) atau undang2 asas (fundamental) bagi negara itu. Dalam Perkara VI Perlembagaan Amerika Sharikat ada-lah di-peruntukan ia-itu "Perlembagaan ini dan undang2 Amerika Sharikat yang di-buat mengikut Perlembagaan, dan semua perjanjian (treaties) yang di-buat atau yang akan di-buat atas nama pehak berkuasa Amerika Sharikat ada-lah undang2 tertinggi dalam negara ini, dan Hakim2 dalam tiap2 buah negeri hendak-lah mengikut-nya, walau pun apaz yang terkandong di-dalam Perlembagaan atau undang2 negeri ada-lah sa-balek-

(8) Undang2 persekutuan atau negeri mengenai perkara bersama boleh memberi kuasa kepada badan pemerintah pusat dengan sa-penohz-nya sa-hinggaikan kerajaan negeri tidak ada kuasa lagi. Per. 80(2).

nya".⁹ Dengan ada-nya peruntukan tertinggi ini (supremacy provision), maka dapat-lah sistem persekutuan itu berjalan dengan rapi dan tegas-nya. Kerana peruntukan tertinggi ini menahan kerajaan pusat daripada menjadi rendah daripada kerajaan negeri dan juga menghalang kerajaan negeri daripada mengachau perjalanan kerajaan pusat.¹⁰ Dan juga walau pun di-Amerika Sharikat pembahagian kuasa di-antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri di-buat atas taraf yang sama, tetapi dengan sebab peruntukan tertinggi ini kebebasan kerajaan negeri ada-lah tersekut oleh apa yang termasuk dalam bidang kuasa kerajaan pusat. Kerajaan negeri tidak berkuasa menyekat, menghalang atau membebani atau mengawal perjalanan undang2 yang di-buat oleh Kongres untuk menjalankan kuasa yang terserah kepada-nya. Ini, kita fikir, ada-lah satu natijah yang ta' dapat tiada datang-nya daripada ketinggian yang di-akui oleh perlombagaan.¹¹

Perlombagaan Malaysia mengandungi peruntukan¹² ia-itu perlombagaan ini ia-lah undang2 tertinggi dalam Persekutuan dan manaz undang2 yang di-buat sa-lepas daripada Hari Merdeka yang bertentang dengan Perlombagaan ini, sa-takat mana yang bertentang, ada-lah terbatal." Jua dalam satu peruntukan yang lain,¹³ jikalau manaz jua undang2 negeri bertentang dengan undang2 persekutuan, maka undang2 persekutuan-lah yang mesti di-pakai dan undang2 negeri itu pun sa-takat mana yang bertentang ada-lah terbatal. Peruntukan tertinggi ada jua di-dapati dalam Perkara 81 yang berbunyi demikian: "Kuasa pemerintahan yang di-punyai oleh tiap2 buah negeri hendaklah di-jalankan supaya (a) dapat di-patohi manaz undang2 persekutuan yang berjalan kuat-kuasa-nya di-negeri itu dan (b) supaya jangan menghalang atau merosakkan perjalanan kuasa pemerintahan yang di-punyai oleh kerajaan persekutuan.

Peruntukan tertinggi ini amat-lah mustahak-nya bagi sa-buah negara persekutuan, kerana jika tidak ada tentu-lah sukar kerajaan pu-

(9) "This Constitution, and the Laws of the United States which shall be made in pursuance thereof; and all Treaties made, or which shall be made, under the authority of the United States, shall be the supreme Law of the Land; and the Judges in every State shall be bound thereby, anything in the Constitution or Laws of any States to the contrary notwithstanding". — Schwartz: *American Constitutional Law* (1955) Cambridge University Press m.s.S41

(10) B. Schwartz: "American Constitutional Law" (1955) Cambridge University Press. p. 39.

(11) Tuan Hakim Besar John Marshall, dalam kes *McCulloch v. Maryland* 4 Wheat: 316,436 (U.S. 1819).

(12) Per. 4

(13) Per. 75.

sat hendak menjalankan pemerentahan dan pentadbiran dengan tegas dan rapi-nya.

Peruntukan tertinggi itu bukan sahaja berma'ana ia-itu kerajaan negeri tidak boleh menghalang kerajaan pusat, tetapi juga merupakan kerendahan Parlimen dan Dewan Negeri daripada Perlembagaan: ia-itu Parlimen dan juga Dewan Negeri tidak berkuasa membuat undang² yang bertentang dengan Perlembagaan atau di-luar kuasa-nya masing². Mithal-nya Parlimen tidak boleh membuat undang² menyalahi peruntukan mengenai hak asasi atau pun juga undang² mengenai ugama Islam. Undang² yang di-buat oleh Parlimen atau undang² yang di-buat oleh Dewan Negeri dengan menentangi Perlembagaan atau di-luar kuasa-nya masing² ada-lah tidak sah, dan boleh di-so'al di-dalam pembicharaan dalam mahkamah. Tetapi undang² yang di-buat oleh Parlimen kerana menchegah dharurat, walau pun bertentang dengan Perlembagaan ada-lah sah.¹⁴ Fasal (3) Perkara 4 berbunyi demikian: sah atau tidak sah undang² yang di-buat oleh Parlimen atau Dewan Negeri tidak boleh di-so'alkan dengan sebab undang² itu mengandungi peruntukan² yang tidak di-punyai kuasa-nya oleh Parlimen atau Dewan Negeri, melainkan di-dalam perbicharaan untuk meminta perakuan (declaration) bahawa undang² itu tidak sah dengan sebab itu atau pun (a) di-dalam pembicharaan di-antara Persekutuan dengan sa-sabuah atau beberapa buah negeri jika undang² itu di-buat oleh Parlimen atau (b) di-dalam perbicharaan di-antara Persekutuan dengan negeri, jika undang² itu di-buat oleh negeri itu. Dan Perkara 128(1)(a) menguntukkan ia-itu Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa memutuskan apaz so'alan sama ada undang² yang di-buat oleh Parlimen atau Dewan Negeri itu sah atau tidak oleh sebab undang² itu mengandungi peruntukan² yang mana kuasa mengenai-nya tidak di-punyai oleh Parlimen atau Dewan Negeri.

Dengan sebab undang² yang di-buat oleh Parlimen dan Dewan Negeri boleh di-chabar dalam Mahkamah Persekutuan, maka perlembagaan Persekutuan ada-lah merupakan ketertinggian perlembagaan itu dan kerendahan parlimen dan badan perundangan negeri. Professor Dicey berkata: Sa-buah Negara Persekutuan itu wujud-nya dengan sebab perlembagaan sama-lah saperti wujud manapun

(14) Per. 150 Fasal (6).

Undang² yang di-buat oleh Parlimen pada masa berjalan kuat-kuasa dharurat, jika undang² itu di-kehendaki dengan sebab dharurat, tidaklah boleh di-katakan tidak sah walau pun bertentang dengan Perlembagaan.

perbadanan dengan sebab ada-nya undang² yang menubohkan-nya atau yang membolehkan penubohan-nya. Yang demikian tiap² kuasa, baik pun kuasa pemerentah, kuasa membuat undang² atau kuasa kehakiman, sama ada di-punyai oleh negara itu atau oleh masing² negeri dalam persekutuan itu, ada-lah rendah (subordinate) dan terkawal oleh Perlembagaan.¹⁵

Tetapi di-United Kingdom, oleh kerana perlembagaan-nya tidak bertulis tidak-lah ada apa² had atau sekatan ka-atas kuasa Parlimen, dan pada segi undang² Parlimen di-England boleh membuat dan mengubah undang² mengenai apa jenis perkara pun, dan mahkamah tidak akan menyo' al sama ada sah atau tidak sah undang² itu. Mahkamah hanya-lah akan menerima dan membuat tafsiran atas undang² itu. Konsep ini di-namakan ketertinggian Parlimen (parliamentary supremacy). Ketertinggian Parlimen di-England ada-lah pada segi undang² sahaja, kerana Mahkamah tidak akan menolak undang² Parlimen, tetapi pada segi politik harus Parlimen tidak berani hendak membuat satu² undang² yang boleh membangkitkan pertelingkahan politik yang akibat-nya bolch membawa kapada kekalahan parti yang memerentah.

Tiap² perlembagaan persekutuan mesti-lah berkehendakkan kapada sa-suatu badan yang tertentu untuk mentafsirkan perlembagaan, kerana perlembagaan itu ada-lah satu undang² tertinggi daripada undang² biasa. Kuasa mentafsirkan perlembagaan ini di-berikan hanya-lah kapada satu Mahkamah yang tertentu. Di-Amerika Sharikat kuasa ini terserah kapada Mahkamah Tinggi (Supreme Court). Di-Malaysia kuasa ini ada-lah terletak di-tangan Mahkamah Persekutuan. Fasal (2) Perkara 128 Perlembagaan Malaysia menguntokkan ia-itu jika timbul di-dalam manaz perbicharaan di-hadapan manaz Mahkamah satu so'alan mengenai natijah peruntukan perlembagaan ini, maka Mahkamah Persekutuan-lah yang berkuasa membuat keputusan itu, dan sa-lepas daripada di-putuskan so'alan itu baharu-lah di-pulangkan kes itu kapada Mahkamah asal supaya di-habiskan perbicharaan itu. Dan juga Perkara 130 memberi kuasa kapada Yang Di-Pertuan Agong untuk meminta fikiran Mahkamah Persekutuan mengenai apaz so'alan yang di-anggapkan oleh Yang Di-Pertuan Agong mengenai natijah peruntukan Perlembagaan ini.¹⁶

(15) The Law of the Constitution, p.144.

(16) Kuasa ini telah di-guna oleh Yang Di-Pertuan Agong dalam Kes: Kerajaan Persekutuan v. Kerajaan Kelantan mengenai tafsiran Perkara III — Lihat Straits Times 2-12-1967.

Konsep memberi kuasa kepada mahkamah supaya mentafsirkan perlembagaan ada-lah di-namakan semakan mahkamah (judicial review). Konsep ini bermula di-Amerika Sharikat dan di-ikuti pula oleh negeriz lain, seperti Kanada, Australia, Ireland dan juga Malaysia. Di-Amerika Sharikat kuasa semakan mahkamah ini tidak ter tulis di-dalam Perlembagaan tetapi ia-lah berdasarkan kapada pendapat Hakim Besar Amerika, John Marshall yang telah mensifatkan kuasa ini sa-bagai satu kesimpulan yang ta' dapat tiada mesti bersebat dengan kewajipan kehakiman (judicial duty).¹⁷ Tetapi di-Malaysia kuasa semakan mahkamah ini ada-lah berdasarkan kapada Perkara 128 dan Perkara 130.

(17) *Marbury v. Madison* 1 Cranch 137, 177 (U.S. 1803).

BAB IV

YANG DI-PERTUAN AGONG

I. Yang Di-Pertuan Agong sa-bagai Ketua Tertinggi bagi Malaysia.

Yang Di-Pertuan Agong ia-lah menjadi Ketua Negara. Baginda-lah orang yang sa-habis² tinggi dan sa-habis² mulia di-dalam Malaysia. Baginda mempunyai keutamaan (precedence) yang lebuh daripada semua orang di-dalam Malaysia dan tidak boleh di-da'awa di-dalam perbicharaan manaz mahkamah sa-kali pun.¹

Yang Di-Pertuan Agong ia-lah sa-orang Raja Melayu di-pileh oleh Majlis Rajaz dengan mengikut atoran yang terkandong dalam Jadual III Perlembagaan Malaysia. Tiap2 sa-orang raja ada-lah mempunyai kelayakan di-pileh menjadi Yang Di-Pertuan Agong, melainkan ia tidak chukup umor, atau tidak mahu di-pileh atau ia di-fikirkan oleh Majlis Rajaz dengan undi sulit tidak layak menjadi Yang Di-Pertuan Agong dengan sebab keudzoran akal dan badan-nya atau apaz sebab yang lain. Untuk pilehan ini hendak-lah di-adakan satu senarai pilehan yang mengandungi negeriz yang beraja, dan negeriz itu di-ator mengikut susunan keutamaan yang di-i'tiraf oleh raja2 itu sendiri. Dengan menggunakan senarai ini, Majlis Rajaz akan menawarkan jawatan Yang Di-Pertuan Agong kapada raja yang layak yang mana negeri-nya terletak pada pertama kali di-dalam senarai itu. Apabila raja itu me-

(1) Per. 32.

nerima tawaran itu, Majlis Rajaz pun akan mengishtiharkan bahawa Yang Di-Pertuan Agong sudah-lah di-pileh dan Penyimpan Mohor Besar Rajaz akan memberitahu natijah pilehan itu dengan surat kapada keduaz Majlis Parlimen: Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara.

Apabila di-pileh, Yang Di-Pertuan Agong akan memegang jawatan sa-lama lima tahun. Tetapi dia boleh meletakkan jawatan sa-belum habis tempoh itu dengan menulis surat kapada Majlis Rajaz, atau boleh diluchutkan daripada jawatan oleh Majlis itu.² Dia tetap akan berhenti daripada jawatan jika ia sudah tidak lagi menjadi raja. Isteri Yang Di-Pertuan Agong ada-lah di-gelarkan dengan nama Raja Permaisuri Agong dan mempunyai keutamaan sa-lepas sahaja daripada Yang di-Pertuan Agong.

Tiapz sa-orang yang mulia dan terutama terpaksa-lah di-tegah daripada mempunyai kebebasanz yang di-punyai oleh orang awam; bagitu-lah juga Yang Di-Pertuan Agong. Sa-bagai Ketua Negara Malaysia dia mempunyai beberapa pantangan.³ Dia tidak boleh lagi menjalankan tugasz mengenai Negeri-nya, melainkan:—

- (a) tugasz sa-bagai Ketua Islam dalam Negeri-nya;
- (b) tugas dan kuasa yang berkaitan dengan pindaan Perlembagaan Negeri-nya; dan
- (c) tugas dan kuasa melantek sa-orang Pemangku Raja atau ahliz Majlis Pangkuhan Raja.

Sa-lain daripada ini Yang Di-Pertuan Agong tidak-lah boleh membuat beberapa perkara saperti yang tersebut di-bawah:—

- (a) tidak boleh memegang jawatan bergaji;
 - (b) tidak boleh dengan giat-nya masok champor dalam perniagaan;
 - (c) tidak boleh menerima sa-barang gaji daripada Negeri-nya (walau apaz jenis sa-kali pun), jika guji itu di-bayar kapadanya sa-bagai Raja bagi Negeri-nya;
 - (d) tidak boleh pergi ka-luar daripada Malaysia sa-lama tempoh yang lebih daripada lima belas hari, melainkan hendak-lah di-persetujui oleh Majlis Rajaz atau kerana membuat lawatan Negara ka-sasabuah negeri luar.
-
- (2) Ketetapan Majlis Rajaz untuk meluchutkan Yang Di-Pertuan Agong daripada jawatan-nya hendak-lah di-sokongi oleh lima undi — Bahagian III, Jadual Yang Ketiga.
 - (3) Per. 34.

Demikian-lah juga Raja Permaisuri Agong tidak boleh memegang apa2 jawatan di-bawah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.⁴

Untuk tanggongan-nya Parlimen hendak-lah membuat Peruntukan Diraja⁵ (Civil List) bagi Yang Di-Pertuan Agong dan Peruntukan Diraja ini hendak-lah juga mengandungi satu bayaran tahunan untuk Raja Permaisuri Agong. Peruntukan Diraja ini ada-lah di-kena sa-bagai hutang yang mesti di-bayar daripada Kumpulan Wang Persekutuan Yang di-Satukan dan Peruntukan ini tidak boleh di-kurangkan dalam tempoh Yang Di-Pertuan Agong itu memegang jawatan. -

Yang Di-Pertuan Agong ada-lah menjadi sa-bagai Pemerentah Tertinggi (Supreme Commander) bagi angkatan bersenjata Persekutuan,⁶ dan mempunyai kuasa pengampunan mengenai kesalahan2 yang di-bicharakan oleh mahkamah tentera dan kuasa untuk mengurangkan hukuman2 yang di-jatohkan oleh mahkamah itu.⁷ Tetapi kuasa pengampunan mengenai kesalahan2 yang di-bicharakan oleh mahkamah biasa, kuasa ini ada-lah terserah kepada Raja atau Gabenor bagi negeri yang berkenaan ia-itu negeri tempat berlaku kesalahan itu.

Sa-bagai sa-orang Ketua Negara, Yang Di-Pertuan Agong ada-lah menjadi puncha bagi segalaz kuasa di-Malaysia ini, baik pun kuasa membuat undang2, kuasa pemerentahan dan kuasa kehakiman. Dia menjadi satu daripada tiga⁸ unsor (elements) Parlimen, kerana Parlimen itu ia-lah mengandungi Yang Di-Pertuan Agong dan dua buah Majlis, ia-itu Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat. Yang Di-Pertuan Agong-lah yang memanggil⁹ Parlimen supaya bersidang dan dia-lah yang berkuasa menanggoh dan membubarkan Parlimen. Semua rang undang2 yang di-juluskan oleh keduaz Majlis Parlimen hendak-lah mendapat per-setujuan Yang Di-Pertuan Agong sa-belum daripada menjadi undang2.¹⁰ Dan lagi dia berhak membuat uchapan Diraja kepada keduaz Majlis Parlimen bersekali atau kapada satuz-nya.¹¹ Sa-bagai ketua pemerentahan, Yang Di-Pertuan Agong mempunyai kuasaz untuk memerentah negara walau pun kuasaz ini di-jalankan oleh Jema'ah Menteri atau manaz Menteri yang di-tauliahkan oleh Jema'ah Menteri itu.¹² Jika kuasa

(4) Per. 34(6).

(5) Per. 35(1).

(6) Per. 41.

(7) Per. 42.

(8) Per. 44.

(9) Per. 55.

(10) Per. 66(4) dan (5).

(11) Per. 60.

(12) Per. 39.

itu di-jalankan oleh Yang Di-Pertuan Agong sendiri, hendak-lah di-jalankan dengan mengikut nasihat Jema'ah Menteri, dan jika di-jalankan oleh Jema'ah Menteri atau sa-orang Menteri yang di-tauliahkan, Yang Di-Pertuan Agong berhak mendapat segala ma'lurmatz tentang perjalanan kuasa itu.¹³ Dan Yang Di-Pertuan Agong-lah yang menyimpan Mohor Persekutuan.¹⁴ Sa-bagai Ketua Negara juga, Yang Di-Pertuan Agong di-beri kuasa oleh Perlembagaan untuk melantek Hakimz Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi,¹⁵ Jema'ah Menteri¹⁶ dan Menteriz dan beberapa jawatan yang lain, saperti:—

- (a) Pengurus dan ahli Surohanjaya Pilehanraya;¹⁷
- (b) Pengurus dan ahli Surohanjaya Perkhidmatan;¹⁸
- (c) Ahli Dewan Negara yang lain daripada ahli yang di-pilih oleh Negeriz;¹⁹
- (d) Peguam Negara;²⁰
- (e) Juru Odit Negara;²¹
- (f) Setia-usaha Dewan Negara dan Setia-usaha Dewan Ra'ayat;²² dan
- (g) beberapa pegawai yang di-lantek di-bawah undang2 Persekutuan, mithal-nya Ketua Polis Negara, Ketua Pos Negara dan sa-bagai-nya.

Sa-lain daripada yang di-sebutkan di atas Yang Di-Pertuan Agong ada mempunyai satu tanggongan khas untuk memelihara hak keistimewaan orang2 Melayu;²³ ia-itu pada menjalankan kuasa2 di-bawah Perlembagaan ini atau undang2 Persekutuan hendak-lah di-jalankan kuasa2 itu mengikut chara yang di-fikirkan mustahak untuk memelihara hak keistimewaan orang2 Melayu dan membolehkan mereka bekerja dalam perkhidmatan awam, mendapat biasiswa pelajaran, lesen2 perniagaan dan perusahaan dan kemudahan2 yang lain. Untuk menyelenggarakan hal ini, Yang Di-Pertuan Agong ada hak mengeluarkan

(13) Per. 40(1).

(14) Per. 36.

(15) Per. 122B.

(16) Per. 40(2)(a) dan Per. 45.

(17) Per. 114.

(18) Per. 139(4).

(19) Per. 45(L)(b).

(20) Per. 145.

(21) Per. 105.

(22) Per. 25.(6)

(23) Per. 153.

arahanz yang mesti di-patohi oleh manaz Surohanjaya yang berkenaan atau oleh manaz pehak yang berkuasa tentang pemberian biasiswa, kemudahan pelajaran dan latehan lesen2 berniaga dan lain kemudahan yang khas.

Sa-be lum daripada memegang jawatan, Yang Di-Pertuan Agong ada-lah di-kehendaki mengangkat sumpah di-hadapan²⁴ Majlis Rajaz yang mesti di-hadhiri oleh Ketua Hakim Negara atau sa-orang Hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan, jika Ketua Hakim Negara itu tidak ada atau tidak dapat hadhir. Sumpah ini ada-lah di-saksikan oleh dua orang yang di-lantek untuk itu oleh Majlis Rajaz. Di-dalam sumpah²⁵ ini Yang Di-Pertuan Agong berikrar akan memerentah negeri dengan adil mengikut undang2 dan Perlembagaan, dan ia akan berdiri tetap atas hukum undang2 (rule of law). Dengan sebab ini, maka keselamatan negeri dan ketenteraman awam ada-lah menjadi satu tanggongan Yang Di-Pertuan Agong dan Kerajaan-nya. Dari itu Yang Di-Pertuan Agong di-beri kuasa mengishtiharkan²⁶ dharurat apabila dia puas hati bahawa keadaan dharurat telah timbul dengan sebab keselamatan dan kehidupan ekonomi Persekutuan atau sa-bahagian-nya telah terancham.

Dalam hal ahwal ugama Islam, Yang Di-Pertuan Agong di-dalam sumpah-nya berikrar memelihara ugama ini pada sa-tiap masa; dan lagi dia-lah yang menjadi Ketua Ugama Islam bagi Negeriz Pulau Pinang dan Melaka.²⁷

II. Timbalan Yang Di-Pertuan Agong.

Malaysia ada mempunyai sa-orang Timbalan Ketua Negara yang di-gelarkan dengan nama Timbalan²⁸ Yang Di-Pertuan Agong. Timbalan Yang Di-Pertuan Agong akan menjalankan tugas2 dan kerjaz Yang Di-Pertuan Agong dan mempunyai kelebihan2-nya apabila Yang Di-Pertuan Agong itu sakit atau tidak ada dalam negeri kerana membuat lawatan ka-luar negeri, tetapi sharat-nya hendak-lah lawatan itu di-jangka akan mengambil masa sa-kurang2-nya lima belas hari. Dan lagi sa-be lum ia menjalankan tugas2 Yang Di-Pertuan Agong maka hendak-lah Timbalan itu mengangkat sumpah²⁹ di-hadapan Majlis Rajaz

(24) Per. 37(1).

(25) Jadual Yang Keempat.

(26) Per. 150.

(27) Per. 3(3).

(28) Per. 33(1).

(29) Per. 37(2).

dengan di-hadhiri oleh Ketua Hakim Negara, atau oleh sa-orang Hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan, jika Ketua Hakim Negara itu tidak dapat hadhir.

Timbalan Yang Di-Pertuan Agong ada-lah di-pileh³⁰ oleh Majlis Raja2 untuk tempoh lima tahun. Jika ia di-pileh dalam tempoh pilehan sa-saorang Yang Di-Pertuan Agong, maka tempoh pilehan Timbalan itu akan tamat bersamaz dengan tempoh pilehan Yang Di-Pertuan Agong. Tetapi ia boleh berhenti daripada menjadi Timbalan jika ia menulis surat untok ini kapada Majlis Raja2 atau jika ia telah berhenti daripada menjadi Raja bagi negeri-nya. Jika dalam tempoh pilehan Timbalan Yang Di-Pertuan Agong ada berlaku kekosongan dalam jawatan Yang Di-Pertuan Agong, Timbalan itu akan berhenti menjadi Timbalan apabila kekosongan itu telah di-penohi.³¹

Walau pun Perlembagaan mewujudkan Timbalan Yang Di-Pertuan Agong untuk menjalankan tugas dan kuasa Yang Di-Pertuan Agong, tetapi mungkin akan berlaku suatu peristiwa yang mana tugas2 dan kuasa itu tidak boleh di-jalankan oleh Timbalan Yang Di-Pertuan Agong. Dari itu Parlimen ada-lah di-beri kuasa membuat undang2 supaya kuasaz dan tugas yang tidak boleh di-jalankan oleh Timbalan Yang Di-Pertuan Agong itu di-jalankan oleh sa-orang Raja,³² tetapi undang2 itu hendak-lah di-luluskan sa-lepas mendapat persetujuan daripada Majlis Raja2.

Gaji Timbalan Yang Di-Pertuan Agong dan gaji Raja yang di-beri kuasa menjalankan tugas2 dan kuasa Timbalan Yang Di-Pertuan Agong ada-lah di-tetapkan oleh undang2³³ yang di-buat oleh Parlimen, dan peruntokan2 yang di-buat mengenai hal ini ada-lah di-kenakan sa-bagai hutang ka-atas Kumpulan Wang Persekutuan Yang Di-Satukan.

III. Majlis Raja2 Melayu.

Majlis Raja2 ia-lah sa-buah majlis yang mengandungi raja2 dan gabenor2 bagi negeri yang tidak beraja.

Majlis Raja2 ada-lah merupakan suatu peruntukan mustahak bagi menyatu padukan raja2 sakalian supaya Persekutuan ini menjadi lebuh rapat lagi dengan negeri2 yang menjadi ahli (member) Persekutuan.

(30) Per. 33(2).

(31) Per. 33(3).

(32) Per. 33(5).

(33) Per. 35(2).

Majlis Rajaz memangnya sudah ada pada masa Negeri Melayu bersekutu lagi tetapi tidak-lah berjalan dengan bagitu rapi seperti sekarang. Majlis ini di-peruntokkan juga dalam Perlembagaan Malayan Union (1946) dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang di-tubohkan pada tahun 1948. Tetapi kuasa2 Majlis ini tidak-lah luas seperti sekarang, kerana Majlis itu hanya-lah berkuasa mengenai hal ahwal adat resam orang2 Melayu dan Ugama Islam sahaja.

Di-bawah Perlembagaan Malaysia, Majlis Rajaz mempunyai tugas seperti berikut;—

- (a) memileh Yang Di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang Di-Pertuan Agong;³⁴
- (b) memberi persetujuan atau penolakan mengenai adat istiadat ugama Islam bagi seluroh Persekutuan tetapi tidak termasuk negeriz Sabah dan Sarawak;
- (c) memberi persetujuan atau enggan daripada memberi persetujuan kapada manaz undang³⁵ atau memberi nasihat tentang perlantekan kapada manaz jawatan yang mana undang2 itu atau perlantekan itu mesti di-persetujui oleh Majlis Rajaz atau pun yang mesti di-binchangkan oleh Majlis ini terlebeh dahulu;
- (d) memikirkan apaz so'al mengenai polisi negara dan apaz perkara yang di-fikirkan patut.

Apabila Majlis Rajaz membinchangkan perkara2 mengenai polisi negara, Yang Di-Pertuan Agong akan di-iringi oleh Perdana Menteri, raja2 lain di-iringi oleh menteri2 besar-nya dan gabenor2 di-iringi oleh Ketua Menteri-nya masing2. Dalam perbinchangan polisi negara, Majlis Rajaz berhak membinchangkan tugas dan kuasa2 yang di-jalankan oleh Yang Di-Pertuan Agong dengan mengikut nasihat Jema'ah Menteri, dan tugas2 dan kuasa2 yang di-jalankan oleh raja2 lain dan gabenor2 dengan mengikut nasihat Majlis Meshuarat Kerajaan-nya masing2.

Di-bawah Perlembagaan Malaysia, kedudukan Rajaz Melayu ada-lah terjamin. Perkara 38(4) ada-lah menguntokkan ia-itu undang2 mengenai keutamaan, kedudukan dan kemuliaan Rajaz Melayu tidak-lah

(34) Gabenor tidak di-anggap menjadi ahli Majlis Rajaz apabila Majlis itu akan memileh Yang Di-Pertuan Agong dan Timbalan-nya.

(35) Undang2 mengubah sempadan sa-buah2 Negeri tidak-lah boleh diluluskan oleh Parlimen melainkan terlebeh dahulu mendapat persetujuan Negeri itu dan Majlis Rajaz. Per. 2.

boleh di-luluskan oleh Parlimen dengan tidak mendapat persetujuan Majlis Raja2. Dan lagi Perlembagaan tidak boleh di-pinda, jika pindaan itu akan menyentoh hal ahwal Raja2 Melayu, melainkan hendak-lah terlebeh dahulu mendapat persetujuan daripada Majlis Raja2. Bagitulah juga Majlis Raja2 ada-lah menjadi satu badan untuk memelihara hak2 keistimewaan orang Melayu, kerana apaz perubahan polisi mengenai kedudukan orang2 Melayu hendak-lah di-binchangkan terlebeh dahulu dalam Majlis ini.

Di-antara kuasa2 yang di-punyai oleh Raja2 Melayu ia-lah kuasa memberi pengampunan kapada orang2 yang di-thabit salah oleh Mahkamah kerana melaku sa-suatu kesalahan jenayah. Berkait dengan polisi berseteru ka-atas Malaysia yang di-lancharkan oleh Persiden Sukarno, beberapa orang telah di-hukum bunoh dan hukuman itu telah pun di-jalankan kerana mereka2 ini telah membuat kesalahan membawa senjata api ia-itu satu kesalahan yang mesti di-hukum bunoh mengikut Undang2 Keselamatan Dalam Negeri. Pada awal tahun ini (1968) ada 13 orang lagi yang mana hukuman bunoh ka-atas-nya belum lagi di-jalankan, ia-itu 11 orang di-negeri Johor dan 2 orang di-negeri Perak. Beberapa rayuan telah di-buat oleh kaum kerabat sahabat handai dan teman2 mereka kapada Sultan Johor dan Sultan Perak supaya keduaz Raja ini menggunakan kuasa pengampunan-nya. Bagitu-lah jua Tunku Abdul Rahman sendiri telah membuat rayuan supaya di-penjarakan mereka sa-umur hidup sahaja. Tetapi keduaz Raja ini enggan membuat pengampunan tersebut. Sa-lepas daripada itu, satu usul telah di-bawa oleh ketua parti P.P.R. menveru Kerajaan mengambil langkah untuk di-luluskan satu undang2 oleh Parlimen supaya kesalahan 13 orang ini di-pinda menjadi satu kesalahan yang tidak sa-mesti-nya di-hukum bunoh. Tetapi usul ini dengan sendiri-nya telah di-tarek oleh ketua parti itu. Yang demikian tidak-lah ada apaz bahathan yang di-adakan dalam Parlimen sa-lain daripada uchapan ketua parti menyeru mudahzan keduaz Sultan Johor dan Sultan Perak menggunakan kuasa pengampunan-nya itu. Adalah di-ingatkan di-sini ia-itu jika usul ini di-bahathkan dalam Parlimen, ini ada-lah menjadi satu perkara yang melanggar Perlembagaan kerana Parlimen tidak berkuasa membuat pindaan hukuman ka-atas orang yang telah di-hukum dan tidak boleh menjalankan kuasa raja sa-kira-nya raja itu enggan menggunakan kuasa-nya. Sementara itu, di atas kehendak Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman,³⁶ Sultan Johor telah berkenan supaya 11 orang yang salah di-negeri Johor itu di-hukum penjara sa-umur

(36) Straits Times 25.8.1968.

hidup. Kemudian Sultan Perak pun turut-lah juga membuat pengampunan yang tersebut, ia-itu 2 orang yang salah di-Perak itu ada-lah di-hukum penjara sa-umur hidup.

Majlis Rajaz mempunyai satu Mohor yang di-simpan oleh sa-orang pegawai yang di-namakan Penyimpan Mohor Besar Rajaz dan pegawai ini juga menjadi Setia-usaha kapada Majlis itu. Segala persetujuan, perlantekan dan nasihat yang di-buat oleh Majlis Rajaz ada-lah di-isharatkan dengan Mohor Besar itu. Quorum bagi Majlis Rajaz ia-lah lebuh daripada separoh ahli Majlis itu dan keputusan yang tidak dapat sa-bulat suara ada-lah di-buat dengan mendapat suara banyak ahli yang mengundi.

Yang Di-Pertuan Agong dan Majlis Rajaz ada-lah unsur2 teradisi (traditional element) yang amat mustahak bagi pendirian Persekutuan Malaysia. Kapada orang2 Melayu, lebeh2 lagi orang2 Melayu yang tinggal di-kampong2 dan desa, Yang Di-Pertuan Agong dan Rajaz Melayu ada-lah harapan mereka dan juga oleh kerana Negara ini mengandungi ra'ayat dan berbagai2 keturunan bangsa maka Yang Di-Pertuan Agong ada-lah menjadi satu lambang untuk penyatuan dan perpaduan ra'ayat di-Negara ini. Ini ia-lah kerana Yang Di-Pertuan Agong bukan-nya di-pileh dengan sa-chara politik sa-bagaimana di-pileh sa-orang Peresiden bagi sa-sabuah Negara Repablik, dan juga Yang Di-Pertuan Agong ada-lah sa-orang raja yang terpelihara daripada politik, kerana letak-nya di-bawah Perlembagaan.

BAB V

PARLIMEN

Parlimen ia-lah badan perundangan bagi Malaysia dan terdiri daripada tiga unsur: ia-itu Yang Di-Pertuan Agong dan dua Majlis Parlimen — Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat.¹

Dewan Negara.

Tiap2 buah negara bersekutu, badan perundangan-nya ada-lah pada ghalib-nya mempunyai dua Majlis, ia-itu Majlis Rendah (Lower House) dan Majlis Tinggi (Upper House). Dewan Negara di-Malaysia ada-lah merupakan Majlis Tinggi. Mustahak-nya di-tubohkan Majlis Tinggi itu ia-lah untuk membahathkan rang undang2 dengan lebuh halus dan lebuh teliti lagi daripada Majlis Rendah dan membinchangkan perkara2 yang menjadi kepentingan umum. Dan lagi oleh kerana Majlis Rendah itu biasa-nya di-pileh untuk mewakili orang ramai, maka Majlis Tinggi ada-lah di-tubohkan supaya mewakili Negeriz dalam Persekutuan dan pehak2 awam yang berkepentingan. Dengan demikian ada-lah di-anggapkan bahawa penubohan Parlimen itu betul2 mewakili (truly representative).

Dewan Negara mempunyai ahli2 yang terdiri daripada dua kumpulan.² Ia-itu:—

- (1) ahli yang di-pileh oleh tiap2 buah Dewan Negeri³ dan ramai-nya dua orang bagi tiap2 buah Negeri; dan

(1) Per. 44.

(2) Per. 45.

(3) Chara pilehan ini ada-lah di-buat mengikut peraturan yang terkandong dalam Jadual Yang ketujoh.

- (2) ahli yang di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong dan ramai-nya 32 orang.

Ahli² yang di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong ada-lah terdiri dari-pada orang² yang telah membuat jasa yang chemerlang dalam perkhidmatan awam, atau orang yang telah mendapat kenamaan dalam profession-nya atau dalam lapangan perniagaan, perusahaan, pertanian, bahagian seni atau kebajikan awam, atau orang yang mewakili kaum yang sa-bahagian kecil (minority) atau orang yang boleh mewakili kepentingan orang² asli.⁴

Tempoh jawatan (tenure of office) bagi tiap² orang ahli Dewan Negara ada-lah biasa-nya enam tahun dan jawatan-nya itu tidak-lah tertamat dengan sebab pembubaran Parlimen.⁵ Tetapi jika ia di-lantek atau di-pileh menjadi ahli kerana mengganti sa-orang ahli yang telah mati atau sudah berhenti, maka tempoh jawatan itu ia-lah sa-lama tempoh baki itu sahaja.⁶ Sa-saorang ahli Dewan Negara boleh berhenti daripada menjadi ahli dengan menulis sa-puchok surat kapada Yang di-Pertua Dewan itu;⁷ dan kira-nya dia tidak hadhir dalam tiap² meshuarat Dewan Negara sa-lama enam bulan dengan tidak mendapat idzin daripada Dewan itu,⁸ maka boleh-lah Dewan itu mengishtiharkan bahawa tempat-nya menjadi kosong; Dan jika dia tidak mengambil tempat-nya dalam tempoh tiga bulan lepas daripada pilehan-nya atau dalam tempoh yang di-tetapkan oleh Dewan itu,⁹ maka terhenti-lah ia daripada menjadi ahli. Dan lagi jika berlaku sa-suatu kekosongan dalam Dewan ini, maka tempat kosong itu hendak-lah di-penohi dalam tempoh enam puluh hari daripada tarikh berlaku kekosongan itu; dan pilehan atau perlantekan hendak-lah di-buat untok menentukan ahli baharu.¹⁰ Tiap² orang ahli Dewan Negara ada-lah di-kehendaki mengangkat sumpah ta'at setia kepada Malaysia dan Perlembagaan-nya sa-belum daripada mengambil tempat-nya; tetapi sa-belum bersumpah dia boleh mengambil bahagian dalam pilehan Yang di-Pertua Dewan itu.¹¹

(4) Per. 45(4).

(5) Per. 45(3).

(6) Seksyen 8, Bahagian II, Jadual Yang ketujoh.

(7) Per. 51.

(8) Per. 52.

(9) Per. 59(2).

(10) Per. 54.

(11) Per. 59(1).

Kedudukan Dewan Negara ini boleh di-pinda oleh Parlimen dengan jalan di-luluskan satu undang.¹² Pindaanz yang boleh dibuat oleh Parlimen ia-lah:—

- (1) untuk menambahkan banyak ahli yang di-pileh oleh negeri, supaya menjadi tiga orang bagi tiap2 buah negeri;
- (2) untuk mengubahkan chara pilehan ahli2 itu supaya tiap2 orang mewakili dan di-pileh oleh negeri hendak-lah di-pileh dengan undi orang ramai; dan
- (3) untuk mengurangkan ramai ahli2 yang di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong atau pun untuk di-hapuskan semua sa-kali.

Untuk menjalankan kerja2-nya, Dewan Negara ada-lah mempunyai sa-orang Yang di-Pertua dan sa-orang Timbalan-nya.¹³ Kedua2-nya di-pileh daripada ahli2 Dewan itu sendiri; dan sa-lagi Yang di-Pertua itu belum di-pileh, maka tidak-lah dapat Dewan itu membincangkan apa2 perkara, melainkan perkara memilih Yang di-Pertua sahaja. Jika pilehan itu terjatoh kapada ahli Dewan Negeri, maka hendak-lah dia berhenti menjadi ahli Dewan Negeri sa-belum daripada dia menjalankan kerja2 Yang di-Pertua Dewan Negara.¹⁴ Ahli yang di-pileh menjadi Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua boleh berhenti dengan meletakkan jawatan-nya itu; dia juga akan terhenti daripada jawatan ini, apabila dia berhenti menjadi ahli Dewan Negara, walau pun keberhentian-nya itu di-sebabkan oleh apa2 hal sa-kali pun.¹⁵ Jika Yang di-Pertua Dewan Negara tidak hadhir, maka kerja2-nya akan di-sempurnakan oleh Timbalan-nya buat sementara waktu; tetapi jika Timbalan-nya pun tidak hadhir, maka kerja2 Yang di-Pertua itu boleh-lah di-jalankan oleh sa-orang ahli yang di-pileh mengikut Peratoranz Dewan itu.¹⁶

Gaji Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan-nya¹⁷ dan gaji ahli2 Dewan¹⁸ itu boleh-lah di-tetapkan oleh Parlimen dengan meluluskan satu undang2. Gaji Yang di-Pertua Dewan dan Timbalan-

(12) Per. 45(4).

(13) Per. 56.

(14) Per. 56(4).

(15) Per. 56(2).

(16) Per. 56(3).

(17) Per. 58.

(18) Per. 64.

3
7/8
5

nya di-tetapkan oleh Act (Gaji) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960,¹⁹ dan gaji ahli Dewan itu di-tetapkan oleh Act (Gaji Ahli) Parliment 1960.²⁰

Dewan Negara mempunyai sa-orang pegawai bernama Setia-usaha Dewan Negara.²¹ Pegawai ini di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong dan akan memegang jawatan itu sa-hingga dia chukup umor 60 tahun atau umor yang di-tetapkan oleh undang²² Parliment. Setia-usaha Dewan ini boleh berhenti sa-belum chukup umor itu atau boleh dibuang daripada jawatan-nya; tetapi chara hendak membuang dia dari-pada jawatan hendak-lah di-ikuti chara hendak meluchutkan jawatan sa-orang Hakim Mahkamah Persekutuan. Ia-itu hendak-lah di-adakan suatu siasatan oleh satu Jema'ah Hakim, dan laporan Jema'ah Hakim ini hendak-lah di-serahkan kapada Yang Di-Pertuan Agong. Hal²³ mengenai kelayakan perlantekan dan sharatz kerja Setia-usaha Dewan Negara dan kaki-tangan Dewan itu ada-lah di-tetapkan oleh undang²² Persekutuan.²⁴

Dewan Ra'ayat.

Dewan Ra'ayat ia-lah sa-buah Majlis Parliment yang amat mustahak, kerana ahli²⁵ Dewan ini ada-lah di-pileh oleh orang ramai dalam pilehanraya yang tepat (direct election).

Sa-belum daripada Singapura berpisah keluar daripada Malaysia, jumlah ahli²⁶ Dewan Ra'ayat ia-lah 159 orang, tetapi sekarang dari sejak tarikh kemerdekaan Singapura Dewan Ra'ayat mempunyai 144²⁷ orang ahli yang terbahagi daripada kumpulan yang berikut,²⁸ ia-itu:

- (1) 104 orang ahli bagi Negeri di-Tanah Melayu;
- (2) 16 orang ahli bagi Negeri Sabah; dan
- (3) 24 orang ahli bagi Negeri Sarawak.

Tempoh jawatan ahli Dewan Ra'ayat akan tamat apakala Parliment telah di-bubarkan oleh Yang Di-Pertuan Agong yang mana pembubarannya akan di-ikuti oleh satu pilehanraya umum untuk memilih ahli²⁹ baharu. Tetapi ahli Dewan Ra'ayat juga boleh berhenti³⁰ daripada menjadi ahli dengan menulis sa-puchok surat kepada Yang di-Pertua

(19) Act No. 21.1960.

(20) Act No. 41.1960.

(21) Per. 65.

(22) Lihat Act Perkhidmatan Parliment 1963 No. 121.1963.

(23) Sa-masa dalam Malaysia, ahli bagi Singapura ia-lah ramai-nya 15 orang.

(24) Per. 46.

(25) Per. 51.

Dewan Ra'ayat; dan dia akan di-anggapkan berhenti jika dia telah hilang kelayakan²⁶ menjadi ahli, atau jika dia tidak hadhir²⁷ dalam tiap2 meshuarat Dewan itu sa-lama enam bulan dengan tidak mendapat idzin daripada-nya, atau jika dia tidak mengambil²⁸ tempat-nya dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh Dewan itu mulaz bersidang lepas daripada pilehanraya; tetapi tempoh tiga bulan ini boleh di-panjangkan oleh Dewan Ra'ayat. Jika berlaku salah satu daripada hal ini, maka tempat-nya menjadi kosong dan kekosongan itu hendak-lah di-penohi dalam tempoh enam puluh hari mulai daripada tarikh berlaku kekosongan itu, dan pilehanraya kecil hendak-lah di-adakan untuk memilih ahli baharu.²⁹

Tiap2 orang ahli Dewan Ra'ayat ada-lah di-kehendaki mengangkat sumpah³⁰ ta'at setia kepada Malaysia dan Perlembagaan-nya sa-belum daripada mengambil tempat-nya dalam Dewan itu; tetapi sa-belum ber-sumpah dia boleh mengambil bahagian dalam pilehan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat itu.

Sa-bagaimana Dewan Negara, Dewan Ra'ayat pun ada juga mempunyai sa-orang Yang di-Pertua Dewan³¹ (Speaker) dan sa-orang Timbalan-nya; dan sa-lagi jawatan Yang di-Pertua Dewan itu maseh kosong, maka tidak-lah dapat Dewan itu membinchangkan lain2 hal, melainkan hal pemilihan Yang di-Pertua itu sahaja. Yang di-Pertua Dewan boleh-lah di-pileh daripada ahli Dewan itu sendiri, atau orang yang mempunyai kelayakan menjadi ahli Dewan Ra'ayat jika bakal yang akan di-pileh menjadi Yang di-Pertua Dewan itu bukan-nya sa-orang ahli Dewan Ra'ayat.³² Ini berma'ana-lah bahawa orang2 yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam, Hakim2 Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi dan lain2-nya tidak-lah boleh di-pileh menjadi Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat kerana mereka ini tidak layak menjadi ahli Dewan Ra'ayat. Jika Yang di-Pertua Dewan itu di-pileh daripada orang yang bukan ahli Dewan Ra'ayat, dia ada-lah di-anggap sa-bagai menjadi ahli tambahan kapada Dewan itu, dan sa-belum memegang jawatan itu hendak-lah dia mengangkat sumpah ta'at setia kepada Malaysia dan Perlembagaan-nya. Sunggoh pun Yang

(26) Per. 50.

(27) Per. 52.

(28) Per. 59(2).

(29) Per. 54.

(30) Per. 59(1).

(31) Per. 57.

(32) Per. 57(1)(a).

di-Pertua Dewan Ra'ayat itu boleh di-pileh daripada orang yang bukan ahli Dewan itu, dan dengan sebab pilehan ini dia dianggap menjadi ahli Dewan Ra'ayat, tetapi tidak-lah pula dia dengan kerana ini boleh di-lantek menjadi Perdana Menteri, Menteri, Menteri Muda dan Setia-usaha Parliment, dan juga dia tidak mempunyai undi dalam sa-barang perkara yang di-bahathkan dalam Dewan itu³³. Jikalau sa-orang ahli Dewan Negeri telah di-pileh menjadi Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat, maka hendak-lah ia berhenti daripada menjadi ahli Dewan Negeri itu terdahulu sa-bbelum daripada memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat.³⁴

Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat pada bilaz masa pun boleh meletakkan jawatan-nya³⁵ dengan menghantar sa-puchok surat kapada Setia-usaha Dewan itu, dan jawatan-nya akan terhenti:—

- (a) apabila Dewan Ra'ayat mengadakan meshuarat yang pertama kali lepas daripada pilehanraya umum;
- (b) apabila dia telah berhenti menjadi ahli Dewan Ra'ayat, atau telah hilang kelayakan menjadi ahli Dewan Ra'ayat (kirananya dia orang yang bukan ahli Dewan itu); dan
- (c) jika Dewan Ra'ayat sendiri berkehendakkan supaya dia berhenti.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat boleh juga meletakkan jawatan-nya³⁶ pada bilaz masa pun dengan menghantar sa-puchohurat kapada Seti-usaha Dewan itu, dan jawatan itu akan terhenti apabila dia berhenti menjadi ahli Dewan Ra'ayat atau apabila dia dikehendaki berhenti oleh Dewan itu sendiri.

Jika Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat tidak hadhir, maka kerjazannya boleh-lah di-jalankan oleh Timbalan-nya; tetapi jika Timbalannya pun juga tidak hadhir, maka kerjaz itu hendak-lah di-buat oleh sa-orang ahli Dewan Ra'ayat itu yang di-pileh menjadi pemangku jawatan itu dan pilehan itu hendak-lah di-buat mengikut peratoran Dewan Ra'ayat itu.³⁷

Gaji bagi Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Timbalan-nya dan juga bagi ahli2 Dewan Ra'ayat boleh-lah di-tetapkan oleh Parlimen³⁸ dengan chara di-luluskan satu undang2; dan gaji yang di-Pertua

(33) Sharat bagi Perkara 57(1A).

(34) Per. 57(4).

(35) Per. 57(2).

(36) Per. 57(2A).

(37) Per. 57(3).

(38) Per. 58.

Dewan Negara dan Timbalan-nya boleh di-dapati dalam Act (Gaji) Yang di-Pertua, 1960,³⁹ dan gaji ahli Dewan Ra'ayat pula telah di-tetapkan oleh Parlimen dalam Act (Gaji Ahli) Parlimen 1960.⁴⁰

Kelayakan atau hilang kelayakan menjadi Ahli Majlis Parlimen:

Tiapz sa-orang warga negara yang bermastautin di-dalam Persekutuan dan tidak hilang apaz kelayakan-nya boleh-lah menjadi ahli Dewan Negara atau Dewan Ra'ayat;⁴¹ tetapi jika ia hendak menjadi ahli Dewan Negara hendak-lah dia berumor tidak kurang daripada tiga puloh tahun; dan jika ia hendak menjadi ahli Dewan Ra'ayat mestilah dia berumor tidak kurang daripada dua puloh satu tahun.

Orangz yang di-sebutkan di-bawah ini ada-lah di-anggap hilang kelayakan-nya dan tidak-lah boleh menjadi ahli bagi manaz Majlis⁴² — baik pun Dewan Negara atau Dewan Ra'ayat, ia-itu:—

- (1) orang gila;
- (2) orang muflis (bankrupt) yang belum lagi di-bebaskan dari-pada kebengkerapan-nya;
- (3) orang yang memegang jawatan berfaedah atau bergaji. Jawatan⁴³ ini ia-lah jawatanz yang mengambil masa penoh di-dalam perkhidmatan awam, dan termasok-lah juga:—
 - (i) Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi;
 - (ii) Juru Odit Negara;
 - (iii) Ahli Surohanjaya Pilehanraya, ahli Surohanjaya Perkhidmatan Persekutuan atau Surohanjaya Perkhidmatan Awam Negeri; dan
 - (iv) Manaz jawatan yang di-tetapkan oleh undangz persekutuan sa-bagai menjadi jawatan berfaedah;
- (4) orang yang mungkir menghantarkan penyata perbelanjaan pilehanraya bagi Parlimen atau Dewan Negeri di-dalam tempoh yang di-tetapkan sa-telah ia-nya mengambil bahagian dalam pilehanraya itu sa-bagai chalun atau wakil pilehanraya. Tempoh ini ia-lah 33 hari sa-lepas di-siarkan keputusan pilehanraya;⁴⁴

(39) Act No. 711960.

(40) Act No. 411960.

(41) Per. 47.

(42) Per. 48.

(43) Per. 48 dan Per. 160(2).

(44) 23 Ordinance Kesalahan Pilehanraya, 1954. No. 911954.

- (5) orang yang telah di-thabit melakukan sa-suatu kesalahan jenayah oleh manaz Mahkamah dalam Persekutuan, dan telah di-hukum dengan penjara yang tidak kurang daripada satu tahun lama-nya atau dengan denda yang tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat ampun;
- (6) orang yang telah memperolehi dengan sukarela-nya sendiri kewarganegaraan negeri asing, atau pun telah menerima faedah2 kewarganegaraan ini, atau pun telah membuat pengakuan ta'at setia-nya kepada negeri asing itu.

Berkenaan dengan orangz yang di-thabit melakukan kesalahan jenayah mengenai pilehanraya, dia tidak boleh menjadi ahli Dewan Negara atau Dewan Ra'ayat, hanya dalam tempoh yang di-hadkan oleh undangz persekutuan.⁴⁵ Mengenai hal ini, Ordinance Kesalahan Pilehanraya telah menetapkan tempoh itu sa-lama lima tahun dari tarikh sa-saorang itu di-thabit salah.⁴⁶

Berkenaan dengan orangz yang hilang mempunyai kelayakan dengan sebab tidak menghantarkan penyata perbelanjaan pilehanraya, atau pun dengan sebab di-thabit salah oleh manaz Mahkamah dalam Persekutuan kerana melakukan satu kesalahan jenayah, tempoh hilang kelayakan itu ia-lah sa-lama lima tahun mulai daripada tarikh yang dia mesti hantarkan penyata itu, atau daripada tarikh yang dia di-bebas-kan daripada penjara atau daripada tarikh yang dia di-kenakan denda; melainkan hilang kelayakan itu di-hapuskan oleh Yang Di-Pertuan Agong sa-belum habis tempoh lima tahun yang tersebut di atas.⁴⁷

Tiapz sa-orang itu tidak-lah boleh menjadi:⁴⁸—

- (a) ahli bagi keduaz Majlis Parlimen, ia-itu ahli bagi Dewan Negara dan juga ahli bagi Dewan Ra'ayat; atau
- (b) ahli Dewan Ra'ayat bagi lebeh daripada satu kawasan pilehanraya; atau
- (c) ahli Dewan Negara bagi lebeh daripada satu buah Negeri, atau menjadi sa-bagai ahli yang di-pileh dan juga sa-bagai ahli yang di-lantek.

Jika sa-saorang ahli Dewan Negara atau Dewan Ra'ayat telah hilang kelayakan-nya (disqualified) untuk menjadi ahli, maka tempatnya pun menjadi kosong.⁴⁹ Tetapi sa-kira-nya sa-saorang itu memang-

(45) Per. 48(2).

(46) S.27, Ordinance No. 911954.

(47) Per. 48(3).

(48) Per. 49.

(49) Per. 50(1).

nya tidak layak, dan kemudian-nya di-pileh dalam pilehanraya menjadi ahli Dewan Ra'ayat, atau pun di-pileh atau di-lantek menjadi ahli Dewan Negara, maka pilehan dan lantekan itu tidak sah.⁵⁰ Dan juga sa-saorang itu tidak-lah boleh di-namakan untuk di-pileh menjadi ahli Dewan Negara atau Dewan Ra'ayat, melainkan dia telah bersetuju dengan chadangan itu.⁵¹

Jikalau ada berbangkit apaz so'alan sama ada sa-saorang ahli Majlis Parlimen itu telah hilang kelayakan menjadi ahli Majlis itu, maka so'alan⁵² ini terpulang-lah kepada keputusan Majlis itu sendiri, dan keputusan-nya ia-lah mu'tamad. Dan Majlis itu boleh menanggohkan membuat keputusan itu.

Meshuarat Parlimen.

Parlimen akan bersidang apabila di-panggil oleh Yang di-Pertuan Agong,⁵³ dan tidak-lah boleh di-biarkan enam bulan berselang di-antara meshuarat akhir bagi satu persidangan dengan meshuarat pertama bagi persidangan yang akan datang. Peruntukan ini mustahak supaya meshuarat itu sentiasa di-adakan untuk mengawal keperluan ra'ayat. Dan juga Yang Di-Pertuan Agong berkuasa menamatkan persidangan Parlimen dan membubarkan Parlimen itu terus.

Parlimen hanya-lah kekal sa-lama lima tahun mulai daripada tarikh meshuarat-nya yang pertama dan apabila chukup lima tahun maka terbubar-lah Parlimen itu dengan sendiri-nya melainkan sa-be-lum chukup tempoh ini ia telah di-bubarkan oleh Yang Di-Pertuan Agong.⁵⁴ Apabila Parlimen itu terbubar dengan sebab chukup masa atau kerana di-bubarkan oleh Yang Di-Pertuan Agong, maka pilehan-rayanya umum hendak-lah di-adakan di-dalam tempoh enam puluh hari daripada tarikh pembubaran-nya itu bagi Negeriz di-Tanah Melayu dan sembilan puluh hari bagi Negeriz Borneo, dan Parlimen hendak-lah di-panggil bersidang tidak lewat daripada sa-ratus dua puluh hari daripada tarikh pembubaran-nya itu.⁵⁵ Di-sini berma'ana-lah yang negeri kita hanya-lah tidak berparlimen sa-habis⁵² lama sa-ratus dua puluh hari sahaja, dan tidak-lah sa-bagaimana negeriz yang di-perentah oleh kuasa tentera atau diktator yang lain yang mana mereka tidak

(50) Per. 50(2).

(51) Per. 50(4).

(52) Per. 53.

(53) Per. 55(1).

(54) Per. 55(3).

(55) Per. 55(4).

langsung menggunakan Parlimen di-dalam pentadbiran dan pemerintahan negeri.

Pada segi tawarikh, Parlimen ia-lah sa-bagai satu badan yang menasihatkan Raja dalam pemerintahan-nya hariz. Dengan sebab ini, maka Parlimen sekarang mengandungi Yang Di-Pertuan Agong sa-bagai satu unsor-nya; dan sa-bagai unsor Parlimen, Yang Di-Pertuan Agong mempunyai hak untuk membuat uchapan kepada Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara atau kepada kedua2 Majlis itu sa-kali.⁵⁶

Oleh kerana Menteriz Kerajaan (ahli Jema'ah Menteri) adalah di-lantek daripada ahli2 Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara, melainkan Perdana Menteri sahaja yang mesti di-lantek daripada sa-orang ahli Dewan Ra'ayat, maka Menteriz Kerajaan ada berhak mengambil bahagian dalam apaz perbicharaan yang sedang berjalan di-dalam manaz Majlis Parlimen walau pun mereka tidak menjadi ahli Majlis itu,⁵⁷ tetapi tidak-lah mereka boleh mengundi dalam Majlis itu.

Di-United Kingdom, Peguam Negara dan Peguamchara Negara ia-lah menjadi ahli Dewan Ra'ayat dan mempunyai pangkat menteri. Tetapi di-Malaysia jawatan Peguam Negara dan Peguamchara Negara di-pegang oleh pegawai dalam perkhidmatan awam Persekutuan. Dengan sebab itu-lah mereka tidak boleh menjadi ahli Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara. Tetapi Peguam Negara boleh di-lantek menjadi ahli bagi manaz jawatan kuasa sa-suatu Majlis Parlimen⁵⁸ dengan tidak mempunyai hak mengundi dalam jawatan-kuasa itu.

Di-antara meshuarat2 Parlimen, meshuarat untuk membahathkan titah uchapan diraja (speech from the throne) dan meshuarat belanjawan ada-lah yang mustahak sa-kali.

Titah uchapan diraja ada-lah di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong pada tiap2 tahun apabila Parlimen memulakan meshuarat yang pertama dalam sa-suatu tahun. Biasa-nya meshuarat ini berlaku pada awal tahun. Titah uchapan diraja ini mengandungi segala tugas2 Kerajaan yang telah di-jalankan dan menerangkan polisiz baharu yang akan di-jalankan pada masa hadapan. Oleh kerana Kerajaan bertanggong-jawab mengenai dengan titah uchapan diraja ini, maka isi atau kandongan titah uchapan ini akan di-bahathkan oleh Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara dan perbahathannya ini ada-lah terbuka kapada semua ahli2 Parlimen, dan ada-lah di-anggap menjadi sa-bagai satu forum

(56) Per. 60.

(57) Per. 61(1).

(58) Per. 61(2).

perbahasan mengenai kedudukan politik dan perjalanan Kerajaan. Perbahasan ini juga telah di-nisbahkan oleh sa-orang pengarang British sa-bagai suatu penyelidikan besar bagi negara.⁵⁹

Meshuarat belanjawan ia-lah merupakan meshuarat Parlimen yang akhir bagi tiap2 tahun. Dalam meshuarat ini Menteri Kewangan akan membuat suatu uchapan belanjawan (budget speech) yang mana ia akan membuat laporan berkenaan dengan hasil yang di-anggar dan di-pungut pada tahun yang lepas dan juga perbelanjaan yang di-anggar dan yang sa-benar-nya di-belanjakan pada tahun yang lepas. Uchapan ini juga akan membincangkan perbelanjaan yang di-anggarkan pada tahun baharu dan chadangan2 Kerajaan untuk mendapatkan wang bagi membolehkan Kerajaan membuat perbelanjaan yang di-anggarkan itu. Dengan ini berma'ana-lah tiap2 uchapan belanjawan (budget speech) akan mengandungi beberapa chadangan untuk menaikkan chukai atau mengadakan chukai2 yang baharu. Oleh yang demikian, isi atau kandongan uchapan belanjawan ini ada-lah menjadi satu rahsia yang besar pada Kerajaan kerana jikalau tidak neschaya segala chukai2 dan chadangan2 yang akan di-buat oleh Kerajaan ti-dak-lah akan berjaya.

Peratoran Parlimen.

Tiap2 buah Majlis Parlimen — Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara — ada hak membuat peratoran⁶⁰ menyusunkan kerja2-nya dan boleh menjalankan kerja2-nya walau pun ada kekosongan ahli-nya, atau walau pun orang2 yang bukan ahli-nya ada hadhir atau mengambil bahagian dalam perjalanan kerja2 itu.⁶¹ Keputusan yang di-buat oleh tiap2 buah Majlis itu, kalau tidak dengan sa-bulat suara, hendak-lah di-ambil dengan suara banyak ahli yang hadir dan mengundi. Pada biasa-nya ahli yang mengerusi perbicharaan dalam tiap2 Majlis Parlimen tidak boleh mengundi, tetapi untuk mengelakkan timbul sama banyak undi untuk "ya" dengan undi untuk "tidak", maka boleh-lah dia memberi undi putus (casting vote).⁶² Jika Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat itu bukan-lah ahli Dewan itu pada asal-nya, bahkan

(59) Wade & Phillips: Constitutional Law 7th Edition page 120 — "It is in this role that Parliament acts as the grand inquest of the nation and a private member has the chance of contributing to the debate without undue fear of the party whip".

(60) Per. 62(1).

(61) Per. 62(2).

(62) Per. 62(3).

di-sifatkan menjadi ahli dengan sebab di-pilih memegang jawatan itu, maka tidak-lah boleh dia memberi undi putus itu.

Ahli yang tidak hadir tidak-lah boleh di-benarkan mengundi.

Apabila tiap2 buah Majlis Parlimen membuat peratoran mengenai kerja2-nya, boleh-lah Majlis itu membuat satu peruntukan ia-itu sa-suatu keputusan tidak boleh di-ambil⁶³ melainkan dengan mendapat satu suara banyak yang tertentu atau satu bilangan undi yang tertentu.

Chara Membuat Undang2.

Kuasa membuat undang2 itu ia-lah di-punyai oleh Parlimen dan chara Parlimen membuat undang2 ia-lah dengan jalan Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara meluluskan sa-suatu rang undang2 dan rang undang2 yang di-lulus itu di-persetujui oleh Yang Di-Pertuan Agong.⁶⁴ Dari itu sa-suatu ka'edah itu tidak akan mempunyai kuat-kuasa sa-bagai undang2 jika hanya-lah di-persetujui atau di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat sahaja. Ini ada-lah di-putuskan oleh Mahkamah dalam kes Bowles v. The Bank of England, yang mana ketetapan yang di-buat oleh Dewan Orang Ramai England (House of Commons) mengenakan chukai tidak-lah boleh di-jadikan asas bagi pungutan chukai, kerana ketetapan itu tidak mempunyai kuat-kuasa sa-bagai undang2.⁶⁵ Bagitu-lah juga dalam kes Stockdale v. Hansard,⁶⁶ Mahkamah telah membuat keputusan ia-itu ketetapan yang di-buat oleh Dewan Orang Ramai England untuk melindungi sa-orang penchetak kertas2 Parlimen daripada guaman libel (fitnah) tidak-lah memberi bekas sa-bagai undang2.

Tiap2 rang undang2 yang di-luluskan oleh keduaz Majlis Parlimen itu hendak-lah di-luluskan dengan mengikut peratoranz yang tertentu bagi Majlis itu dan mengikut charaz yang di-tetapkan oleh Perlembagaan. Mahkamah akan hanya-lah menerima sa-suatu undang2 itu sa-bagai sah jika charaz yang tersebut telah di-patohi. Untuk menentukan sama ada charaz itu di-patohi atau tidak, Mahkamah tidak berhak menyelidik apa yang berlaku dalam empat penjuru Maj-

(63) Per. 62(4).

(64) Per. 66.

(65) (1913) 1 Ch. 57.

(66) (1839) 9A & E.1.

lis Parlimen, bahkan hanya-lah terpaksa menerima akuan daripada Yang di-Pertua Majlis yang tertentu sa-bagai mu'tamad.⁶⁷

Sa-bagaimana yang kita dapat iaitu undang2 itu di-buat oleh semua ketigaz unsur Parlimen dengan chara di-luluskan rang undang2 oleh Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara dan kemudian-nya di-persetujui oleh Yang Di-Pertuan Agong. Tetapi jika di-pandang pada segi rupa dan tiori, sa-suatu undang2 itu ada-lah di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong dengan mengikut nasihat yang di-persetujui oleh kedua2 Majlis Parlimen. Dengan sebab ini-lah tiap2 undang2 mempunyai ayat permulaan-nya (enacting clause) saperti berikut:—

"MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG2 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang i-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara Dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen dan dengandkuasa daripadanya saperti berikut:—" ⁶⁸

Ini ia-lah kerana pada segi tawarikh, kuasa membuat undang2 itu memang-nya ada pada tangan Raja dan Parlimen hanya-lah menjadi sa-bagai badan penasihat Raja sahaja. Tetapi dengan perubahan zaman, kuasa mutlak yang di-punyai oleh Raja itu telah beransor2 menjadi kurang, sa-hingga pada akhir-nya kuasa Raja mengenai membuat undang2 hanya-lah terhad kapada memberi persetujuan kapada rang undang2 yang telah di-persetujui oleh Parlimen.

Rang undang2 itu boleh-lah di-mulai dalam salah satu Majlis Parlimen.⁶⁹ Tetapi jika rang undang2 itu ia-lah rang undang2 ke-wangan, hendak-lah ia di-mulai dalam Dewan Ra'ayat,⁷⁰ kerana Dewan Ra'ayat-lah yang berkuasa dalam hal ahwal kewangan. Dan lagi bukan sahaja rang undang2 kewangan itu mesti di-mulai dalam Dewan Ra'ayat, tetapi juga hendak-lah di-kemukakan oleh sa-orang Menteri.

Mengikut Perentah Tetap bagi Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara, pehak Kerajaan berhak mengemukakan rang undang2 ka-dalam manaz Majlis Parlimen dengan tidak payah mendapat perentah dari-pada Majlis Parlimen itu, tetapi sharat-nya hendak-lah di-beri sa-ku-

(67) Peruntukan yang saperti ini boleh di-dapati dalam Fasal 4 Perkara 68 ia-itu apabila rang undang2 itu di-persembahkan kapada Yang Di-Pertuan Agong dengan tidak mendapat persetujuan Dewan Negara rang undang2 itu hendak-lah mengandungi satu akuan daripada Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat mengenai hal ini, dan akuan ini ada-lah mu'tamad bagi segala perkara dan tidak boleh di-so'al dalam manaz Mahkamah.

(68) P.T. 95 D.R.

(69) Per. 66(2).

(70) Per. 67(1).

rang2-nya satu hari notis.⁷¹ Dan jika rang undang2 yang akan dikemukakan oleh Kerajaan ia-lah rang undang2 perbekalan, ia-itu rang undang2 yang menchadangkan perbelanjaan oleh Kerajaan untuk ber-macham2 perkhidmatan, satu peranggaran hendak-lah di-bentangkan ka-dalam Dewan Ra'ayat terlebeh dahulu, dan rang undang2 ini hendak-lah di-kemukakan dalam Dewan Ra'ayat. Rang undang2 yang akan di-kemukakan oleh sa-saorang ahli Majlis Parlimen tidak-lah boleh di-kemukakan melainkan hendak-lah terlebeh dahulu mendapat kebenaran (leave) daripada Majlis Parlimen itu.⁷² Dan lagi jika rang undang2 yang akan di-kemukakan oleh sa-saorang ahli Majlis Parlimen itu ia-lah rang undang2 sendirian ia-itu rang undang2 yang akan memberi faedah atau menef'a't kepada sa-saorang, sa-suatu perbadanan atau sharikat, sa-kurang2-nya satu bulan sa-belum dari-pada tarikh kebenaran itu akan di-pohon hendak-lah di-siarkan tujuan2 rang undang2 itu dalam Warta Kerajaan.⁷³ Apabila kebenaran ini di-beri oleh Majlis Parlimen, baharu-lah rang undang2 itu boleh di-kemukakan oleh penchipta-nya dalam Majlis Parlimen.

Walau pun pada segi tiori sa-saorang ahli Majlis Parlimen dengan atas nama-nya sendiri boleh mengemukakan rang undang2 sa-lepas mendapat kebenaran daripada Majlis Parlimen, tetapi pada segi peraktik, boleh di-katakan semua rang undang2 ada-lah di-kemukakan oleh pehak Kerajaan dan rang undang2 itu di-mulai dalam Dewan Ra'ayat. Ini ia-lah kerana undang2 itu di-kehendaki oleh Kerajaan untuk menjalankan tugas2 pemerentahan dan pentadbiran negeri.

Rang undang2 yang di-kemukakan oleh Kerajaan ia-lah di-gubal oleh bahagian penggubal undang2 dalam Jabatan Peguam Negara. Rang undang2 ini di-gubal atas perentah Kementerian yang tertentu atau atas perentah Jema'ah Menteri dan jua di-karang dengan mengikut polisiz yang di-tentukan oleh Kementerian itu atau oleh Jema'ah Menteri. Dari itu, Penggubal Undang2 tidak-lah bertanggong-jawab pada isi kandongan rang undang2 itu tetapi tugas-nya ia-lah untuk memberi ma'ana undang2 kapada polisiz yang di-tetapkan itu. Tentang sama ada elok atau tidak-nya polisiz itu, terpulang-lah kapada Kementerian dan Jema'ah Menteri. Dari itu, pegawai2 pentadbir yang bertanggong-jawab memberi nasihat kapada Menteri dan Jema'ah Menteri mengenai sa-suatu polisi ada-lah mempunyai tanggongan

(71) P.T. 48 D.R.; P.T. 47 D.N.

(72) P.T. 49 D.R.; P.T. 48 D.N.

(73) P.T. 50 D.R.; P.T. 49 D.N.

yang berat kerana di atas nasihat mereka-lah polisiz Kerajaan itu dibentok. Tetapi pada segi peraktik nampaknya Penggubal Undang2 ini di-kehendaki oleh Kerajaan mengarangkan undang2 walau pun polisiz itu belum lagi di-tentukan dan di-atorkan sa-bagai mu'tamad. Ini ada-lah menyusahkan kerja dan membuangkan masa sahaja kerana ada-lah di-ingatkan bahawa Penggubal Undang2 itu bukan-lah sa-orang manusia luar biasa yang boleh mengarang undang2 dengan tidak mengetahui apa yang di-kehendaki sa-benarz-nya oleh Kerajaan. Yang demikian, amat-lah mustahak-nya polisi yang akan di-kandongi oleh rang undang2 itu di-kaji dengan sa-habisz halus dan mu'tamad oleh Kementerian yang berkenaan sa-belum di-beri perentah kepada Penggubal Undang2 menyediakan sa-suatu rang undang2.

Tiap2 rang undang2 yang di-luluskan oleh sa-sabuah Majlis Parlimen itu ada-lah melalui empat tingkat perjalanan-nya; ia-itu:—

- (a) bachaan yang pertama;
- (b) bachaan yang kedua;
- (c) perbicharaan dalam jawatan-kuasa; dan
- (d) bachaan yang ketiga.

(a) Bachaan Yang Pertama:

Bachaan yang pertama ia-lah bachaan atas tajok rang undang2 itu sahaja oleh Setia-usaha Majlis Parlimen, pada ketika rang undang2 itu di-kemukakan oleh penchadang-nya. Apabila rang undang2 itu telah di-bacha pada kali yang pertama, rang undang2 itu akan di-chetak jika belum lagi di-chetak dan akan menanti untuk di-bacha pada kali yang kedua.

Berkenaan dengan rang undang2 yang di-kemukakan oleh sa-saorang ahli Majlis Parlimen dengan chara bersendirian, apabila sudah di-bacha pada kali yang pertama, rang undang2 itu ada-lah terserah kapada sa-orang Menteri yang bertanggong-jawab mengenai halz yang di-kandongi oleh rang undang2 itu. Di-sini nasib rang undang2 itu, sama ada di-bacha pada kali yang kedua atau tidak, tertinggal-lah kepada budi bichara Menteri itu, kerana mengikut Perentah Tetap⁷⁴ sa-barang perbicharaan ka-atas rang undang2 itu tidak-lah boleh dibuat melainkan sa-telah Menteri itu melaporkan ka-Majlis Parlimen.

(b) Bachaan Yang Kedua:

Sa-patutnya satu tempoh yang lama juga akan menyenggangkan di-antara bachaan yang pertama dengan bachaan yang kedua. Tetapi oleh kerana Kerajaan berkehendakkan undang² itu dengan sa-berapa cepat yang mungkin, bachaan yang kedua dan ketiga ada-lah di-adakan dalam satu persidangan meshuarat yang sama dengan bachaan yang pertama.

Tetapi mengenai rang undang² yang berchadang akan mengada atau meminda undang² mengenai perkaraZ dalam Senarai Bersama atau Senarai Negeri,⁷⁵ yang mana di-bawah undang² itu Kerajaan Persekutuan di-beri beberapa tugas dan kuasa, maka rang undang² itu hendak-lah mempunyai akuan daripada Yang di-Pertua Majlis Parlimen, dan tidak boleh di-jalankan sa-barang perbinchangan ka-atas-nya melainkan sa-telah berselang empat puloh hari dari tarikh tersiar rang undang² itu dalam Warta Kerajaan. Ini ia-lah supaya membolehkan rundingan di-buat dengan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Tempoh ini boleh di-kurangkan supaya dapat di-binchangkan rang undang² itu sa-belum habis tempoh empat puloh hari, jika Yang di-Pertua Majlis Parlimen telah memberi kebenaran dengan sebab mustahak di-cheputkan (grounds of urgency). Kebenaran ini hanya-lah di-beri oleh Yang di-Pertua sa-telah ia puas hati bahawa Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri telah di-rundingkan.

Bachaan yang kedua itu ia-lah juga bachaan tajok rang undang² itu oleh Setia-usaha Majlis Parlimen sa-lepas usul⁷⁶ menchadangkan bachaan ini telah di-persetujui oleh Majlis Parlimen. Bahathan mengenai usul ini meliputi prinsip rang undang² itu dan juga baik dan burok-nya.

Mengikut Perentah Tetap⁷⁷ usul bagi bachaan yang kedua tidak boleh di-chadangkan melainkan hendak-lah satu notis untuk bachaan itu di-beri serta-merta sa-lepas daripada bachaan yang pertama, dan juga hendak-lah di-bahagikan rang undang² itu kepada ahli Majlis Parlimen supaya dapat mereka mengkaji-nya.

(75) Per. 79.

(76) Usul ini berbunyi: "ia-itu rang undang² ini di-bacha kali yang kedua sekarang". Usul ini boleh di-pinda supaya berbunyi "ia-itu rang undang² ini di-bacha kali yang kedua enam bulan dari hari ini" atau supaya mengandungi perkataan yang memberi penentangan kepada rang undang² itu. Jika pindaan ini di-benar, rang undang² itu menjadi siaz sahaja dan tidak di-bacha pada kali yang kedua.

(77) P.T. 53 D.R.; dan P.T. 52 D.N.

Dan lagi mengenai rang undang2 perbekalan, jika usul untuk bahaan yang kedua akan di-chadangkan pada hari bahaan yang pertama itu juga, usul ini tidak boleh di-chadangkan melainkan sa-telah di-beri satu notis.⁷⁸ Apabila usul itu di-chadangkan, bahathan ka-atasnya ada-lah di-tanggohkan sa-kurang2-nya sa-lama dua hari, dan bahathan ka-atasnya akan mengambil masa sa-lama lima hari. Jika rang undang2 itu ia-lah rang undang2 perbekalan tambahan,⁷⁹ maka perbahathan ka-atas usul bagi bahaan yang kedua tidak-lah di-tanggohkan dan lama tempoh bahathan itu tidak lebuh daripada satu hari.

(c) Perbinchangan Dalam Jawatan-kuasa:

Apabila rang undang2 itu di-bacha kali yang kedua, maka rang undang2 itu akan di-binchangkan dengan halus-nya dalam jawatan-kuasa. Jawatan-kuasa yang akan menimbangkan rang undang2 itu ia-lah terbahagi kepada tiga jenis, ia-itu:—

- (i) jawatan-kuasa meliputi semua ahli Majlis Parlimen;
- (ii) jawatan-kuasa perbekalan; dan
- (iii) jawatan-kuasa pilehan.

(i) Jawatan-kuasa meliputi semua ahli Majlis Parlimen.⁸⁰

Tugas jawatan-kuasa ini ia-lah menimbangkan rang undang2 biasa yang lain daripada rang undang2 perbekalan dan rang undang2 hybrid, ia-itu rang undang2 yang akan mengganggu hak sa-saorang. Tugas jawatan-kuasa perbekalan⁸¹ ia-lah untuk menimbangkan rang undang2 perbekalan, manakala jawatan-kuasa pilehan⁸² ia-lah tugas-nya untuk menimbang rang undang2 hybrid dan rang undang2 yang lain, jika rang undang2 itu di-edarkan kapada-nya untuk di-timbang oleh jawatan-kuasa pilehan itu.

Jawatan-kuasa meliputi semua ahli Majlis Parlimen itu ia-lah mengandungi semua ahli². Semua rang undang2 yang lain daripada rang undang2 perbekalan dan rang undang2 hybrid ada-lah terserah kapada jawatan-kuasa ini melainkan Majlis Parlimen itu merujok rang undang2 itu kapada jawatan-kuasa pilehan. Apabila jawatan-kuasa meliputi semua ahli Majlis Parlimen bersidang, rang undang2 itu ada-lah di-timbang mengikut susunan ini, ia-itu mulaz2-nya fasal rang undang2 itu di-bin-

(78) P.T. 48 dan 66 D.R.

(79) P.T. 67 D.R.

(80) P.T. 54 D.R. dan P.T. 53 D.N.

(81) P.T. 66 DR.

(82) P.T. 58 D.R. dan P.T. 57 D.N.

changkan-nya satu lepas satu hingga habis, kemudian di-binchangkan pula jadual rang undang² itu, kemudian pendahuluan (preamble) jika rang undang² itu ada pendahuluan, dan akhir-nya sa-kali di-binchangkan tajok rang undang² itu. Jawatan-kuasa ini berhak membuat pindaan ka-atas rang undang² itu dan jika pindaan itu berlawanan dengan tajok rang undang² itu maka tajok itu hendak-lah juga di-pindakan.

Perbinchangan dalam jawatan-kuasa tidak-lah lagi menyentoh perkara² polisi dan prinsip² rang undang² itu, bahkan ia-lah terhad kapada butir² (detail) rang undang² itu supaya jawatan-kuasa itu berse-tuju meluluskan tiap² fasal tiap² jadual, pendahuluan, jika ada, dan tajok bagi rang undang² menjadi sa-bahagian daripada rang undang². Segala pindaan⁸³ yang akan di-kemukakan ka-atas rang undang² itu hendak-lah di-buat dalam perbinchangan jawatan-kuasa pada masa yang tertentu, mithal-nya jika pindaan itu ia-lah mengenai fasal, maka pindaan itu hendak-lah di-jalankan ketika jawatan-kuasa itu membinchangkan fasal² dan jika pindaan itu mengenai pindaan ka-atas jadual, masa mem-binchangkan-nya ia-lah ketika jadual itu di-binchangkan.

Apabila rang undang² itu telah selesai di-timbang oleh jawatan-kuasa, sama ada dengan pindaan atau dengan tidak ada pindaan, maka rang undang² itu pun akan di-bawa sa-mula kepada Majlis Parlimen.

(ii) **Jawatan-kuasa Perbekalan:**⁸⁴ Jawatan-kuasa ini terdiri daripada semua ahli² Majlis Dewan Ra'ayat, dan tugas-nya ia-lah untuk menimbangkan rang undang² perbekalan, yang menchadangkan perbelanjaan bagi bermacham² perkhidmatan.

Sa-belum daripada di-kemukakan rang undang² perbekalan, satu peranggaran perbelanjaan⁸⁵ yang menunjukkan butir² perbelanjaan Kerajaan yang akan di-buat hendak-lah terlebih dahulu di-bentangkan dalam Dewan Ra'ayat. Sa-bagaimana yang kita ketahui, apabila usul untuk di-bacha kedua kali akan di-chadangkan pada hari bachaan yang pertama, satu notis hendak-lah di-beri dan sa-telah usul itu di-chadangkan, bahathan ka-atas-nya ada-lah di-tanggohkan sa-lama sa-kurang²-nya dua hari. Apabila Dewan Ra'ayat bersidang lepas tanggohan itu untuk membahathkan usul itu, tempoh yang akan di-hadkan untuk ini ia-lah tidak lebuh daripada lima hari, yang mana sa-kurang²-nya satu hari di-untokkan bagi Menteri menjawabkan bahathan² itu. Apabila usul untuk di-bacha rang undang² perbekalan itu pada kali yang kedua

(83) P.T. 57 D.R. dan P.T. 56 D.N.

(84) P.T. 66 DR.

(85) P.T. 65 D.R.

telah di-persetujui, maka bacaan yang kedua pun di-buat dengan di-bachakan tajok rang undang2 itu oleh Setia-usaha Dewan Ra'ayat. Sälpas itu rang undang2 perbekalan itu pun terserah-lah kepada jawatan-kuasa perbekalan.

Perbinchangan dalam jawatan-kuasa ini ka-atas rang undang2 itu ia-lah tidak lebeh daripada empat belas hari, dan susunan perbinchangan itu ia-lah mula2-nya di-timbangkan jadual rang undang2 itu, kemudian fasal-nya dan akhir sa-kali tajok rang undang2 itu. Perbinchangan dalam jawatan-kuasa ini ia-lah bermaksud supaya chadangan hendak membelanjakan wang bagi tiap2 maksud yang di-tetapkan dalam jadual rang undang2 itu di-luluskan. Jadual ini mengandungi beberapa kepala perbelanjaan dan tiap2 kepala itu menetapkan perbelanjaan bagi perkhidmatan yang tertentu. Dari itu apabila jawatan-kuasa perbekalan menimbangkan jadual itu, kepala perbelanjaan itu di-timbang, lepas satu-satu sa-hingga habis. Bahathan ka-atas kepala perbelanjaan ini, atau fasal dan tajok rang undang2 itu dalam jawatan-kuasa ada-lah terhad kepada polisi dan perjalanan Kementerian2 dan jabatan2 Kerajaan.

Apabila rang undang2 perbekalan itu selesai di-timbang oleh jawatan-kuasa perbekalan, rang undang2 itu akan di-serah balek kapada Dewan Ra'ayat untuk di-bacha pada kali yang ketiga dan di-luluskan.

(iii) **Jawatan-kuasa Pilehan:** Di-antara tugas2 jawatan-kuasa ini ia-lah untuk menimbangkan rang undang2 sendirian, rang undang2 hybrid dan juga rang undang2 lain yang di-rujok kepada-nya oleh Majlis Parlimen. Jawatan-kuasa Pilehan ini terdiri daripada sa-bahagian dari-pada ahli2 Majlis Parlimen dan hendak-lah di-susun supaya menunjukkan perwakilan partiz politik yang mempunyai ahli dalam Majlis Parlimen itu.⁸⁶

Mengikut Perentah Tetap⁸⁷ tiap2 rang undang2 sendirian dan rang undang2 hybrid ada-lah terserah untuk di-kajikan oleh jawatan-kuasa pilehan, apabila rang undang2 itu telah di-bacha kali yang kedua. Tugas jawatan-kuasa pilehan mengenai rang undang2 ini ia-lah untuk menyiasat sama ada rang undang2 itu mesti di-luluskan, dan jika jawatan-kuasa itu berpendapat bahawa rang undang2 itu patut di-luluskan, maka rang undang2 itu akan di-timbangkan satu fasal ka-suatu fasal sa-hingga selesai, seperti perbinchangan yang ada dalam jawatan-kuasa meliputi semua ahli Majlis Parlimen. Jawatan-kuasa pilehan ini ber-

(86) P.T. 82 D.R dan P.T. 74 D.N.

(87) P.T. 50(3) DR. dan P.T. 49(3) D.N.

kuasa juga membuat pindaan ka-atas rang undang² itu, jika di-anggap perlu. Tetapi pindaan yang akan di-buat ka-atas rang undang² sendirian itu tidak-lah boleh berlawanan dengan kenyataan yang di-siarkan dalam Warta Kerajaan, pada masa rang undang² itu hendak di-kemukakan ka-dalam Majlis Parlimen untuk bачaan yang pertama.

Untuk menyiasat sama ada sa-suatu rang undang² sendirian atau rang undang² hybrid patut di-luluskan, jawatan-kuasa pilehan akan mendengar apaz rayuan yang di-buat kapada Majlis Parlimen ka-atas rang undang² itu oleh orang² awam yang menyokong atau membantahnya. Perayu² ini boleh di-wakili oleh penasihat undang² mereka dan boleh membawa saksiz mereka. Jawatan-kuasa pilehan berhak memanggil orang hadhir mengambil kenyataan dan memereksa segala suratanz yang di-kemukakan kepada-nya. Kenyataan ini ada-lah di-anggap sa-bagai rahsia dan tidak boleh di-zahirkan oleh sa-siapa pun, melainkan sa-telah jawatan-kuasa pilehan ini menghantarkan report-nya kapada Majlis Parlimen.⁸⁸

Di-sini tugas Jawatan-kuasa Pilchan ini ada-lah umpama sa-bagai Hakim yang akan menyelidik dengan sa-halus²-nya sama ada sa-suatu undang² itu mesti di-buat atau tidak. Dengan sebab ini tiap² ahli jawatan-kuasa ini di-kehendaki membuat pengakuan bahawa dia tidak mempunyai apaz kepentingan mengenai rang undang² itu, dan juga di-kehendaki⁸⁹ berikrar bahawa dia tidak akan mengundi atas perkara yang akan timbul atau yang mana kenyataan mengenai-nya dia tidak dengar.

Mengenai rang undang² yang lain daripada rang undang² sendirian dan rang undang² hybrid, yang di-rujok kapada-nya oleh Majlis Parlimen, chara jawatan-kuasa ini menimbangkan rang undang² itu ada-lah seperti jawatan-kuasa meliputi semua ahli Majlis Parlimen menimbang rang undang² biasa; ia-itu dengan di-timbangkan fasal² rang undang² itu satu persatu, kemudian-nya jadual, pendahuluan (jika ada) dan akhirnya tajok rang undang² itu.

Apabila perbinchangan dalam Jawatan-kuasa Pilehan ini telah tamat, jawatan-kuasa ini akan mengemukakan satu laporan kapada Majlis Parlimen. Sama ada laporan itu di-terima atau tidak oleh Majlis itu tertinggal-lah kapada keputusan Majlis Parlimen itu. Majlis itu boleh, jika di-fikirkan patut, merujukkan rang undang² itu kapada jawatan-kuasa yang meliputi semua ahli Majlis Parlimen. Jika laporan itu di-terima,

(88) P.T. 85 D.R. dan P.T. 77 D.N.

(89) P.T. 50(4) D.R. dan P.T. 49(4) D.N.

rang undang² itu akan di-chadangkan untuk bahaan yang ketiga dan di-luluskan.

(d) Bahaan Yang Ketiga:

Bahaan yang ketiga⁹⁰ bagi sa-suatu rang undang² itu ia-lah bahaan yang akhir dan dengan bahaan ini rang undang² itu ada-lah di-anggap sa-bagai di-luluskan oleh Majlis Parlimen. Bahaan ini pun ia-lah juga bahaan tajok rang undang² itu oleh Setia-usaha Majlis Parlimen itu.

Bahaan ini berlaku apabila usul yang menchadangkan bahaan ini telah di-persetujui dan usul ini di-buat sa-lepas daripada jawatan-kuasa yang berkenaan telah tamat membinchangkan rang undang² itu. Tetapi sa-belum daripada usul itu di-buat rang undang² yang telah di-binchangkan dalam jawatan-kuasa itu boleh di-hantarkan sa-mula⁹¹ ka-dalam jawatan-kuasa untuk di-timbang sa-mula semua atau sa-bahagian daripada rang undang² itu.

Jika di-kaji dengan teliti-nya charaz membuat rang undang² itu ada-lah chukup menjaga kepentingan ra'ayat. Bukan sahaja pehak penchadang rang undang² itu mesti menerangkan sebab² dan prinsip² rang undang² itu, bahkan juga rang undang² itu akan di-bahath pada segi polisi dan butir²-nya. Sa-lain daripada itu, orang² awam yang bukan menjadi ahli Majlis Parlimen boleh dengan sendiri-nya atau melalui peguam-nya membuat rayuan⁹² mengenai sa-suatu rang undang² yang akan menyentoh hak dan kepentingan-nya; dan juga mereka berhak hadhir untuk mengemukakan pandangan²-nya kapada jawatan-kuasa yang tertentu, jika rayuan itu di-buat. Tetapi di-negeri kita ini tidak siapa pun yang hirau kapada peratoran ini, walau pun peratoran ini ada tertulis dalam Perentah Tetap bagi Majlis Parlimen—Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara.

Apabila rang undang² itu sudah di-luluskan oleh sa-buah Majlis Parlimen yang dalam-nya rang undang² itu telah di-mulai, rang undang² itu pun akan di-hantarkan kapada Majlis yang satu lagi. Dan apabila ia-nya di-luluskan oleh Majlis ini, maka baharu-lah ia di-sembahkan kapada Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapat persetujuan-nya. Kira-nya rang undang² itu telah Di-pinda oleh Majlis ini, pindaan itu hendak-lah di-persetujui oleh Majlis yang memulai rang undang² itu dan ke-

(90) P.T. 61 D.R. dan P.T. 60 D.N.

(91) P.T. 59 D.R. dan P.T. 58 D.N.

(92) P.T. 52 D.R. dan P.T. 51 D.N.

mudian-nya baharu-lah boleh di-sembahkan kapada Yang Di-Pertuan Agong.⁹³

Persetujuan Yang Di-Pertuan Agong kapada sa-suatu rang undang² ada-lah di-isharatkan dengan di-chapkan Mohor Negara ka-atas-nya, dan lepas itu rang undang² itu dengan perentah-nya akan di-siarkan sa-bagai undang² kapada orang ramai.⁹⁴ Siaran ini ada-lah di-buat dalam Warta Kerajaan dan pada tarikh siaran ini-lah undang² itu berjalan kuat-kuasa-nya; tetapi Parlimen berkuasa menanggohkan perjalanan kuat-kuasa undang² itu kapada suatu masa yang akan datang, atau mendahulukan-nya kapada tarikh yang telah lalu atau manaz tarikh sa-belum daripada di-siarkan undang² itu.⁹⁵ Kebanyakan undang² sekarang mengandungi peruntukan memberi kuasa kepada Yang Di-Pertuan Agong atau Menteri yang berkenaan untuk menentukan tarikh berjalan kuat-kuasa undang² itu. Ini ada-lah mustahak untuk melichinkan pentadbiran Kerajaan.

Rang Undang² Kewangan.

Rang undang² kewangan⁹⁶ ia-lah satu rang undang² yang di-fikirkan oleh Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat mengandungi peruntukan di-bawah ini:—

- (a) untuk mengena atau menaikkan chukai, atau mengurang, menghapus atau membayar balek manaz chukai yang ada;
- (b) untuk membolehkan Persekutuan meminjam wang atau memberi jaminan kapada pinjaman itu, atau untuk meminda undang² mengenai tanggongan kewangan bagi Persekutuan;
- (c) untuk menyimpankan Kumpulan Wang yang di-Satukan, atau untuk di-kenakan bayaran ka-atas Kumpulan Wang itu, atau menghapus atau mengembalikan bayaran² yang telah di-kenakan itu;
- (d) untuk membayar wang ka-dalam Kumpulan Wang yang di-Satukan, atau mengeluarkan daripada Kumpulan Wang itu manaz wang yang tidak di-kenakan bayaran-nya ka-atas Kumpulan Wang itu atau untuk menambahkan pengeluaran wang itu;
- (e) untuk menyelesai atau mengurangkan hutang Persekutuan;

(93) Per. 66(3).

(94) Per. 66(4).

(95) Per. 66(5).

(96) Per. 68(6).

- (f) untuk memindahkan chukai atau bayaran kapada Negeri, atau untuk memberi pemberian kapada Negeri;
- (g) untuk menerima wang bagi Kumpulan Wang Yang di-Satukan atau untuk menyimpan atau mengeluarkan wang itu atau untuk mengoditkan kiraz wang Persekutuan dan Negeri;
- (h) untuk perkara yang berkaitan dengan perkara yang tersebut.

Hal ahwal kewangan ada-lah hak kepunyaan Dewan Ra'ayat. Sebab itu-lah rang undang² kewangan atau pindaan kapada undang² itu tidak boleh di-mulai dalam Dewan Negara dan jika rang undang² kewangan itu di-tetapkan oleh Menteri Kewangan sa-bagi bukan satu perkara sambilan sahaja, maka rang undang² itu hendak-lah di-kemuka dan di-bawa oleh sa-orang Menteri.⁹⁷ Apabila rang undang² ini telah di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat, tetapi tidak di-luluskan oleh Dewan Negara dalam tempoh satu bulan daripada tarikh di-hantarkan rang undang² itu kapada Dewan itu, maka rang undang² itu⁹⁸ pun boleh-lah di-sembahkan kapada Yang Di-Pertuan Agong. Dewan Negara tidak berkuasa membuat apa2 pindaan kapada rang undang² itu.

Di-antara rang undang² kewangan, rang undang² perbekalan ada-lah mustahak. Chara rang undang² ini di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat sudah-lah kita kajikan. Di-sini elok-lah kita kaji pula chara meluluskan rang undang² perbekalan tambahan dan rang undang² mendahulukan perbelanjaan sa-belum rang undang² perbekalan di-luluskan.

Untuk mengemukakan rang undang² perbekalan tambahan,⁹⁹ satu peranggaran belanja tambahan hendak-lah di-bentangkan ka-dalam Dewan Ra'ayat sa-kurang2-nya tiga hari sa-belum di-kemukakan rang undang² itu. Chara Dewan Ra'ayat meluluskan rang undang² perbekalan tambahan itu sarna-lah saperti Majlis Parlimen itu meluluskan rang undang² perbekalan tahunan, sa-kadarkan perjalanan-nya ada-lah ringkas sadikit. Mithal-nya bahathan ka-atas usul bagi bachaan yang kedua kali tidak-lah payah di-tanggohkan saperti bahathan mengenai rang undang² perbekalan tahunan. Dan lagi tempoh untuk bahathan ini ia-lah tidak lebuh daripada satu hari, pada hal tempoh untuk bahathan rang undang² perbekalan tahunan tidak lebuh daripada lima hari. Sa-

(97) Per. 67(1).

(98) Per. 68(1).

(99) P.T. 67 D.R.

lain daripada itu tempoh rang undang² perbekalan tambahan akan di-kajikan oleh jawatan-kuasa perbekalan tidak lebih daripada dua hari, manakala tempoh bagi rang undang² perbekalan tahunan ia-lah tidak lebih daripada empat belas hari.

Rang undang² mendahuluikan perbelanjaan¹⁰⁰ (expenditure on account) ada-lah mustahak di-luluskan supaya membolchkan Kerajaan membelanjakan wang untuk perkhidmatan² yang tertentu sa-belum Parlimen meluluskan rang undang² perbekalan tahunan. Segala perbelanjaan yang di-buat di-bawah undang² mendahuluikan perbelanjaan akan di-masukkan dalam perkiraan perbelanjaan di-bawah undang² perbekalan tahunan. Oleh kerana kesempitan masa untuk meluluskan rang undang² ini, dan memandang kapada mustahak-nya supaya rang undang² ini di-luluskan, maka Perentah Tetap bagi Dewan Ra'ayat¹⁰¹ mengenai rang undang² ini ia-lah untuk meringkaskan chara² meluluskan rang undang² ini. Mithal-nya bahathan ka-atas usul bagi bacaan yang kedua tidak boleh melanchong kapada perkara polisi atau sebabz kenapa wang itu di-kehendaki untuk di-belanjakan. Pindaan ka-atas rang undang² ini tidak boleh di-kemukakan melainkan di-atas usul yang di-buat oleh Menteri, dan keputusan mengenai fasal dan jadual rang undang² itu boleh di-ambil dengan tidak payah di-adakan perba-hathan.

Peranggaran Pembangunan.

Kita telah dapat bahawa hal ahwal wang ia-lah hak keutamaan yang mutlak bagi Dewan Ra'ayat, dan tiap2 perbelanjaan itu hendak-lah di-benarkan oleh undang². Tetapi berkenaan dengan perbelanjaan wang untuk pembangunan, kuasa Kerajaan membelanjakan wang itu ada-lah sa-mataz tergantong kapada ketetapan yang di-buat oleh Dewan Ra'ayat. Ordinance Kumpulan Wang Pembangunan, 1958¹⁰² telah memperuntokkan ia-itu wang daripada Kumpulan wang ini hanya boleh di-belanjakan untuk pembangunan, apabila ketetapan membenarkan perbelanjaan itu ada di-buat oleh Dewan Ra'ayat, dan perbelanjaan itu hendak-lah menurut ketetapan itu. Untuk mendapat ketetapan daripada Dewan Ra'ayat, pada tiap2 tahun pehak Kerajaan akan membentangkan satu peranggaran perbelanjaan untuk pembangunan.¹⁰³ Dan Dewan

(100) Per. 102 Perlembagaan.

(101) P.T. 68A D.R.

(102) Ordinance No. 18t1958.

(103) P.T. 67A D.R.

Ra'ayat berkuasa meluluskan semua atau sa-bahagian daripada perbelanjaan yang tersebut dalam peranggaran itu.

Mengikut Perentah Tetap bagi Dewan Ra'ayat,¹⁰⁴ peranggaran pembangunan itu hendak-lah di-bentangkan ka-dalam Dewan Ra'ayat sa-belum daripada di-kemukakan ketetapan mengenai-nya. Sa-orang Menteri akan membuat usul supaya ketetapan itu di-rujukkan kapada jawatan-kuasa perbekalan; tetapi jika ketetapan itu hanya-lah untuk sa-bahagian daripada perbelanjaanz yang tersebut dalam peranggaran itu, maka atas kebenaran Yang di-Pertua ketetapan itu tidak-lah payah di-rujukkan kapada jawatan-kuasa. Bahathan yang timbul mengenai usul merujukkan ketetapan ini kapada jawatan-kuasa boleh-lah meliputi polisi Kerajaan mengenai pembangunan dan maksud2 perbelanjaan yang di-chadangkan itu, dan akan mengambil masa tidak lebih daripada tiga hari.

Apabila usul ini di-luluskan, ketetapan itu akan di-rujukkan ka-pada Jawatan-kuasa Perbekalan yang mana masa yang di-untokkan bagi Jawatan-kuasa ini menimbangkan ketetapan ini tidak-lah lebih daripada empat hari. Tugas Jawatan-kuasa ini ia-lah untuk menimbangkan sama ada perbelanjaanz yang terkandong dalam peranggaran pembangunan itu patut di-luluskan atau tidak. Tiap2 tajok perbelanjaan akan di-binchang dan di-luluskan sa-hingga selesai. Menteri yang berkenaan akan menerangkan tajok perbelanjaan yang mengenai Kementerian-nya dan meminta supaya di-luluskan.

Apabila perbinchangan dalam jawatan-kuasa itu tamat, maka ketetapan itu di-serah kembali kapada Dewan Ra'ayat untuk di-lulus oleh-nya.

Chara Dewan Ra'ayat meluluskan ketetapan bagi peranggaran pembangunan tambahan sama-lah juga dengan charaz Dewan meluluskan peranggaran perbelanjaan tahunan dan tambahan, ia-itu ketetapan itu akan di-rujukkan kapada jawatan-kuasa perbekalan, dan sa-telah jawatan-kuasa ini membinchangkan tajok2 perbelanjaan itu akan di-hantar kembali kapada Dewan Ra'ayat untuk meluluskan-nya. Apa yang berlainan hanya-lah tempoh yang di-untok bagi perbinchangan ada-lah singkat sadikit. Mithal-nya bahathan ka-atas usul untuk merujukkan ketetapan kapada jawatan-kuasa tidak lebih daripada satu hari dan perbinchangan dalam jawatan-kuasa tidak lebih daripada dua hari.

(104) P.T. 67A dan 67B D.R.

Perhubungan di-antara Dewan Ra'ayat dengan Dewan Negara.

Sa-bagaimana yang kita telah tahu, chara membuat undang² itu berkehendakkan kapada persetujuan Yang Di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat. Mengikut adat resam perlembagaan, Yang Di-Pertuan Agong tidak akan enggan memberi persetujuan-nya kapada rang undang² yang di-luluskan oleh Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat. Tetapi jika rang undang² yang di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat telah di-tolak atau di-pinda oleh Dewan Negara dan pindaan itu tidak di-terima oleh Dewan Ra'ayat, bagaimana-kah pula jadi-nya? Jikalau persetujuan keduaz Majlis Parliment itu mesti juga di-kehendaki, sudah tentu tidak ada satu rang undang² pun yang boleh di-buat, terutama sa-kali apabila keduaz-nya selalu bertelingkah.

Peristiwa yang saperti ini selalu berlaku di-England di-antara 1905 hingga 1906. Pada masa itu Kerajaan United Kingdom ada-lah di-kuasai oleh Parti Liberal. Beberapa buah rang undang² mengandungi polisi Parti itu telah di-tolak oleh Dewan Pertuanan (House of Lords), meski pun rang undang² itu telah di-luluskan oleh Dewan Orang Ramai (House of Commons) yang memang-nya di-ketuai oleh Parti itu. Akhirnya apabila Dewan Pertuanan telah menolak Rang Undang² Kewangan dalam tahun 1909, maka atas permintaan Perdana Menteri Lloyd George, Parliment telah di-bubarkan dan satu pilehanraya telah di-adakan. Dalam pilehanraya itu Parti Liberal juga yang menang dan rang Undang² itu pun di-luluskan pada tahun 1910. Walau pun rang undang² ini di-luluskan, Dewan Pertuanan maseh lagi mempunyai kuasa menolak rang undang². Akhirnya Dewan Orang Ramai pada tahun 1910 telah me-luluskan satu rang undang² lagi untuk menghapuskan kuasa Dewan Pertuanan daripada menolak rang undang². Lagi sa-kali rang undang² ini di-tolak dan lagi sa-kali satu pilehanraya umum telah di-adakan, dan lagi sa-kali Parti Liberal telah menang. Dengan ugutan hendak di-tambahkan ahli² Dewan Pertuanan supaya mengandungi banyak lagi ahli² yang menyokong Kerajaan sa-bagaimana yang telah di-janjikan oleh King George V, maka rang undang² itu telah di-luluskan pada tahun 1911 oleh Dewan Pertuanan dan langsung menerima persetujuan Raja.

Undang² yang di-luluskan oleh Parliment United Kingdom¹⁰⁵ mempunyai peruntukan yang sama dengan Perkara 68 Perlembagaan Malaysia.

(105) Parliament Act, 1911 — 1 and 2 Geo 5, C.23.

Mengikut Perkara 68, Dewan Negara hanya-lah berkuasa dalam perkara membuat undang2 untuk menanggohkan pembuatan undang2 itu sahaja. Dewan ini tidak berkuasa menolak rang undang2 yang telah di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat, dan tidak juga Dewan itu berkuasa membuat sa-barang pindaan ka-atas rang undang2 itu, kira-nya pindaan itu tidak di-terima oleh Dewan Ra'ayat. Lama masa rang undang2 yang di-lulus oleh Dewan Ra'ayat itu boleh di-tanggohkan oleh Dewan Negara ia-lah satu bulan bagi rang undang2 kewangan dan satu tahun bagi rang undang2 lain. Tempoh ini di-hitung daripada tarikh rang undang2 itu di-hantarkan kepada Dewan Negara.

Dengan ini kuasa Dewan Negara itu hanya-lah untuk melengahkan rang undang2 dan sa-benar2-nya tidak mempunyai kuasa membuat undang2, kerana pada peraktik-nya semua rang undang2 bermula dari Dewan Ra'ayat, dan juga Dewan Negara tidak berkuasa menolak rang undang2 yang di-hantar kapada-nya apabila telah di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat. Jadi apa-kah guna-nya di-ada Dewan Negara? Sung-goh pun Dewan Negara tidak berkuasa menolak rang undang2, tetapi Dewan ini ada juga lagi guna-nya kapada masharakat. Dengan kuasa menanggohkan rang undang2 Dewan ini dapat meminta Dewan Ra'ayat mengkaji rang undang2 itu sa-mula. Boleh jadi kerisis yang sa-macham ini, jika berlaku, menggalakkan orang ramai membincangkan rang undang2 itu; dan ini akan pula menggalakkan peroses demokrasi. Tetapi guna yang besar sa-kali ia-lah Dewan Negara ini menjadi sa-bagai satu badan semakan rang undang2, dan tugas ini boleh di-jayakan kerana di-antara ahli2-nya ada orang2 yang berpengalaman di-dalam segala lapangan.

Hak Keutamaan Parlimen.

Tiap2 badan tertinggi seperti Parlimen mesti-lah mempunyai hak keutamaan supaya membolehkan badan itu menjalankan tugas2-nya. Dengan sebab itu, Parlimen mempunyai hak keutamaan dan hak ini ada-lah menjadi sa-bahagian undang2 di-Malaysia ini,¹⁰⁶ dan akan di-hormati oleh mahkamah.

Hak keutamaan ini ia-lah terkandong dalam Ordinance (Kuasa dan Hak Keutamaan) Majlis Parlimen, 1952, dan dalam Perkara 63 Perlembagaan Malaysia. Hak keutamaan ini ia-lah untuk membolehkan satu perbahathan yang bebas di-adakan; dan boleh-lah di-bahagikan kepada tiga jenis:—

* (106) S. 34, Ordinance (Hak Keutamaan dan Kuasa) Majlis Parlimen, 1952, No. 151 1952.

- (a) kuasa Majlis Parlimen;
- (b) kedudukan sa-saorang ahli Majlis Parlimen;
- (c) kedudukan sa-saorang yang bukan ahli.

Sa-tengah daripada hak keutamaan yang di-punyai oleh sa-sautu Majlis Parlimen itu ia-lah hak:—

- (i) menentukan bahawa sa-saorang ahli-nya telah hilang kelayakan;¹⁰⁷
- (ii) membuat peraturan untuk menyusun kerjaz-nya dengan rapi-nya;¹⁰⁸
- (iii) menegah orang yang bukan ahli daripada hadhir dalam Majlis itu dan menangkap sa-siapa yang membuat kachau dalam-nya;¹⁰⁹
- (iv) mendenda sa-saorang sama ada ahli atau tidak yang membuat kesalahan terhadap-nya;¹¹⁰
- (v) mengeluarkan warrant untuk di-tangkap orang2 yang di-denda itu, dan membolehkan orang yang menjalankan warrant itu masuk ka-dalam rumah kerana hendak menangkap orang itu;¹¹¹
- (vi) mengeluarkan saman untuk memanggil mana2 saksi hadhir ka-Majlis Parlimen atau ka-hadapan Jawatan-kuasa Majlis itu;¹¹²
- (vii) memereksa saksiz itu dengan mengangkat sumpah dan memaksa saksiz itu menjawab so'alz yang di-tanya kapada-nya dengan betul dan benar dan juga berkuasa supaya melepaskan saksi itu daripada menjawab so'alan itu;¹¹³
- (viii) menentukan sama ada sah atau tidak-nya sa-suatu perbicaraan dalam Majlis itu; dan hal ini tidak-lah boleh di-so'al dalam manaz Mahkamah.¹¹⁴

Mengadakan perbahathan dengan bebas-nya ada-lah satu hak yang amat mustahak, kerana demokrasi tidak akan terpelihara jika ahli2 Majlis Parlimen itu tidak berhak mengata dan menyebutkan fikiran-nya tentang sa-suatu perkara yang sedang di-bahathkan. Dengan sebab

(107) Per. 53.

(108) Per. 62.

(109) S. 14, Ordinance 1952.

(110) S. 10.

(111) S. 12 dan 16, Ordinance 1952.

(112) S. 17, Ordinance 1952.

(113) S. 19 dan 20, Ordinance, 1952.

(114) 63(1).

ini-lah Perkara 63(2) Perlembagaan Malaysia menguntokkan ia-itu sa-saorang itu tidak boleh di-da'awa dalam manaz mahkamah dengan sebab perkataan-nya atau memberi undi dalam sa-suatu Majlis Parlimen atau jawatan-kuasa Majlis itu. Ini berma'ana-lah sa-saorang ahli Majlis Parlimen itu atau sa-saorang yang bukan ahli yang di-panggil oleh Majlis Parlimen sa-bagai saksi berhak berchakap dan berbahath dengan bebas-nya.¹¹⁵ Tetapi kebebasan berchakap ini bukan-lah bererti yang tiapz sa-orang itu boleh menggunakan perkataanz yang keji dan tidak di-ingini. Yang di-Pertua Majlis Parlimen itu sa-bagai pengurus berhak mengawal segala kataz dan perchakapan dalam Majlis itu supaya memelihara kemuliaan dan ketenteraman Majlis itu.

Juga untok kebebasan berbahath dalam Majlis Parlimen, ada-lah di-untokkan ia-itu sa-saorang ahli Majlis Parlimen itu tidak boleh menjadi sa-orang juri dan pada masa Majlis Parlimen itu bersidang tidak pula boleh ia di-kehendaki hadhir menjadi saksi dalam manaz mahkamah, melainkan mahkamah itu berbichara di-Kuala Lumpur.¹¹⁶ Dan juga sa-saorang ahli Majlis Parlimen itu tidak boleh di-da'awa dalam manaz perbicharaan, baik pun jenayah atau civil, dan tidak boleh ditangkap' di-penjara atau di-hukum supaya membayar pampasan jika da'awaan itu mengenai apaz yang di-lafaz dan di-kemukakan-nya dalam Majlis Parlimen itu.¹¹⁷

Kebebasan berbahath tidak boleh di-adakan melainkan ahliz itu mendapat ma'lumat daripada orang bukan ahli, dan perbahathan itu di-siarkan untok orang ramai. Di-sini bagaimana pula kedudukan orang yang memberi ma'lumat yang di-gunakan oleh ahli Majlis Parlimen dalam perbahathan itu? Dan bagaimana-kah pula kedudukan orang yang menyiar dan menyibarkan perbahathan itu?

Sa-saorang yang memberi ma'lumat kapada ahli Majlis Parlimen boleh di-da'awa dalam Mahkamah dan akan bertanggong-jawab, kira-nya ma'lumat itu bohong dan menchachi sa-saorang lain, walau pun ma'lumat itu di-beri dalam Majlis Parlimen.¹¹⁸ Tetapi sa-orang ahli yang menerima ma'lumat itu tidak termesti-nya menzahirkan sumber ma'lumat itu kapada mahkamah ia-itu dari mana-kah ia mendapat ma'lumat itu, melainkan Majlis Parlimen itu sendiri menarek balek hak keutamaan ini daripada ahli itu.¹¹⁹

(115) S. 3, Ordinance(Kuasa dan Hak Keutamaan) Majlis Parlimen, 1952.

(116) S. 7.

(117) S. 8.

(118) Hakim McNair dalam Rivlin v. Bilainkin (1953) 1 QB 485.

(119) Hood Phillips, Constitutional Law p. 147—Kes Mr. Duncan Sandys (1938)

Berkenaan dengan penyiaran perbicharaan dan perbahathan yang berlaku dalam sa-suatu Majlis Parlimen, sa-saorang yang menyiar-kan hal ini tidak-lah boleh di-da'awa dalam Mahkamah dan tidak pula bertanggong-jawab mengenai penyiaran itu, jika:—

- (a) penyiaran itu di-buat kerana di-perentah oleh Majlis Parlimen itu;¹²⁰ atau
- (b) penyiaran itu di-fikirkan oleh Mahkamah di-buat dengan suchi hati dan tidak dengan niat jahat.¹²¹

Penyiaran perkara mengenai Majlis Parlimen daripada ahli¹²² Majlis itu tidak boleh di-da'awa dalam mahkamah, walau pun perkara itu mengandungi kataz keji terhadap sa-saorang.¹²³ Tetapi perlindungan yang di-beri kapada penyiar² perbicharaan dalam Majlis Parlimen kapada orang ramai hanya-lah berasal dalam 100 tahun sahaja. Pada mula-nya penyiar ini boleh di-da'awa. Ini telah berlaku di-England dalam satu kes bernama Stockdale v. Hansard (1839).¹²⁴ Hansard telah menchetak satu laporan Dewan Orang Ramai yang mengandungi kataz kaji terhadap Stockdale. Kemudian Stockdale pun menda'awa Hansard dalam Mahkamah. Dalam perbicharaan itu, Hansard menjawab ia-itu laporan itu di-buat atas perentah Dewan itu. Tetapi Mahkamah telah menolak jawapan itu dan menegaskan ia-itu perentah sa-buah Majlis Parlimen tidak boleh melindungi sa-saorang itu daripada kena da'awa dalam mahkamah dan sa-suatu undang² itu tidak boleh di-buat atau di-ubah hanya dengan satu usul yang di-luluskan oleh satu Majlis Parlimen itu sahaja. Dengan sebab ini, Parlimen telah meluluskan satu undang² bernama Act Kertas² Parlimen, 1840,¹²⁴ memberi perlindungan kapada penchetak² dan penyiar² perbahathan dan perbicharaan dalam Majlis Parlimen jika penyiaran itu di-buat atas perentah Majlis itu.

Berkenaan dengan penyiaran yang tidak di-perentah oleh Majlis Parlimen, perlindungan daripada kena da'awa ini di-beri oleh mahkamah dalam kes Wason v. Walter (1868)¹²⁵ yang mana Hakim Besar Cockburn berkata ia-itu perbahathan dalam Majlis Parlimen itu amat-lah mustahak kapada orang ramai dan negara supaya di-ketahui

(120) Per. 63(3), s. 9.

(121) S. 28 dan Hakim Besar Cockburn dalam Wason v. Walter (1868) L.R. 4 Q.B. 73.

(122) Lake v. King (1968) 1 Saunders 131.

(123) (1839) 9A. & E. 1.

(124) Parliamentary Papers Act, 1840, 3 & 4 Vict. c.9.

(125) (1868) L.R. 4 Q.B. 73.

oleh mereka, tetapi sharat-nya penyiaran itu jangan-lah di-buat dengan menggunakan bahasaz yang mengkeji sa-saorang. Di-Malaysia, ka'edah ini boleh di-dapati dalam seksen 28 Ordinance (Kuasa dan Hak Keutamaan) Majlis Parlimen, 1952.

Nampak-nya dalam hak keutamaan Parlimen ini, walau pun sa-suatu Majlis Parlimen itu boleh menentukan sama ada sa-suatu perkara itu hak keutamaan-nya, kuasa ini tidak-lah boleh mengubahkan undang2 negeri melainkan dengan di-buat sa-suatu undang2 lain. Jikalau hak keutamaan itu di-tegaskan di atas alasanz yang tidak terang, nampak-nya mahkamah berhak menentukan bahawa perkara itu bukan-lah hak keutamaan Majlis Parlimen.

Jawatan-kuasa Parlimen.

Tiap2 Majlis Parlimen ada mempunyai beberapa buah jawatan-kuasa untuk menjalankan tugas2-nya. Bagi Dewan Ra'ayat¹²⁶ jawatan-kuasa yang bertugas untuk membinchang atau menimbangkan rang undang2 sudah-lah di-sebut di-dalam perengganz yang telah lalu. Di-sini memadai-lah di-sebut ia-itu jawatan-kuasa yang tersebut ia-lah terbahagi kapada tiga:—

- (a) Jawatan-kuasa yang meliputi semua Ahli Dewan Ra'ayat yang bertugas untuk menimbang rang undang2 yang lain daripada rang undang2 perbekalan, rang undang2 sendirian dan rang undang2 hybrid;
- (b) Jawatan-kuasa Perbekalan yang bertugas untuk membinchangkan rang undang2 perbekalan peranggaran perbelanjaan tahunan, rang undang2 perbekalan tambahan, peranggaran perbelanjaan tambahan, ketetapan bagi peranggaran pembangunan;
- (c) Jawatan-kuasa Pilehan yang mana tugas-nya ia-lah untuk membinchangkan rang undang2 sendirian dan rang undang2 hybrid dan manaz rang undang2 yang di-rujok kepada-nya oleh Dewan Ra'ayat.

Bagi Dewan Negara¹²⁷ pula jawatan-kuasa untuk menimbang rang undang2 ia-lah terdiri daripada dua jenis jawatan-kuasa sahaja, ia-itu:—

- (a) Jawatan-kuasa yang meliputi semua ahli2 Dewan Negara;

(126) P.T. 50, 54 dan 66 D.R.

(127) P.T. 49 dan 53 D.N.

- (b) Jawatan-kuasa Pilehan yang mana tugas-nya ia-lah untuk menimbaangkan rang undang2 sendirian dan rang undang2 hybrid dan manaz rang undang2 yang di-rujok kapada-nya oleh Dewan Ra'ayat.

Oleh kerana Dewan Negara tidak mempunyai hak dalam hal ahwal kewangan, maka Dewan ini tidak-lah mempunyai jawatan-kuasa perbekalan sa-bagaimana Dewan Ra'ayat.

Sa-lain daripada jawatan-kuasa yang menimbaangkan rang undang2, tiap2 buah Majlis Parlimen ada mempunyai beberapa jawatan-kuasa lagi.

Jawatan-kuasa bagi Dewan Ra'ayat:

Jawatan-kuasa bagi Dewan Ra'ayat yang lain daripada jawatan-kuasa untuk membinchangkan rang undang2 ia-lah saperti berikut:—

- (1) Jawatan-kuasa Pemilih;
- (2) Jawatan-kuasa Kiraz Wang Negara;
- (3) Jawatan-kuasa Peratoran Meshuarat;
- (4) Jawatan-kuasa Dewan (House Committee);
- (5) Jawatan-kuasa Hak Keutamaan (Committee of Privileges); dan
- (6) Jawatan-kuasa Pilehan Khas.

Sa-lain daripada Jawatan-kuasa Pilehan Khas, semua Jawatan-kuasa Dewan Ra'ayat ada-lah di-lantek pada awal tiap2 penggal Parlimen. Kebanyakan Jawatan-kuasa ini mempunyai enam orang ahli dan sa-orang Pengerusi yang biasa-nya ia-lah Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat itu sendiri. Ahliz bagi Jawatan-kuasa ini ada-lah di-lantek oleh Dewan itu sendiri atau terdiri daripada ahliz yang di-namakan oleh Jawatan-kuasa Pemilih. Dan lagi, sa-lain daripada Jawatan-kuasa Kiraz Wang Negara, Jawatan-kuasa Hak Keutamaan dan Jawatan-kuasa Pilehan, Jawatan-kuasaz yang lain tidak mempunyai kuasa untuk memanggil sa-saorang hadhir ka-hadapan-nya atau membawa suratanz kapada-nya, melainkan di atas perentah Dewan Ra'ayat sendiri.

Jawatan-kuasa Pilehan¹²⁸ ia-lah di-lantek pada awal tiap2 penggal Parlimen untuk menjalankan tugas2-nya di-bawah Perentah Tetap bagi Dewan Ra'ayat dan apaz perkara yang di-tugaskan kapada-nya oleh Dewan itu. Di-antara tugas2-nya ia-lah untuk melantek ahliz Dewan menjadi ahli bagi jawatan-kuasa yang lian. Jawatan-kuasa ini ia-lah terdiri daripada Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat menjadi sa-

(128) P.T. 76 D.R.

bagai Pengerusi dan enam orang ahli Dewan itu yang di-lantek oleh Dewan Ra'ayat itu sendiri. Pada menjalankan tugas2-nya jawatan-kuasa ini tidak mempunyai kuasa untuk memanggil sa-saorang hadhir ka-hadapan-nya atau membawa suratan2 kapada-nya melainkan di atas perentah Dewan Ra'ayat itu sendiri. Dan lagi apabila sa-saorang Ahli Dewan Ra'ayat telah di-lantek menjadi ahli kapada manaz jawatan-kuasa, maka hendak-lah Jawatan-kuasa Pemileh ini memberitahu Dewan Ra'ayat.

Jawatan-kuasa Kiraz Wang Negara:¹²⁹ Jawatan-kuasa ini ia-lah juga di-lantek pada awal tiap2 penggal untuk memereksa—

- (a) kiraz wang Kerajaan dan peruntukan wang yang di-tetapkan oleh Parlimen bagi menemui perbelanjaan yang di-luluskan;
- (b) kiraz wang pehak yang berkuasa awam dan lain2 perbadanan yang mentadbirkan tabong wang awam sa-bagaimana yang di-bentangkan di-hadapan Dewan Ra'ayat;
- (c) laporan Juru Odit Negara yang di-bentangkan di-hadapan Dewan Ra'ayat mengikut Perkara 107 Perlembagaan Malaysia; dan
- (d) lain2 perkara yang Jawatan-kuasa itu fikir patut atau yang di-rujukkan kapada-nya oleh Dewan Ra'ayat.

Jawatan-kuasa ini mempunyai sa-orang Pengerusi yang di-lantek oleh Dewan Ra'ayat dan tidak lebih daripada enam orang ahli yang dinamakan (nominated) oleh Jawatan-kuasa Pemileh pada awal penggal Parlimen. Oleh kerana tugas Jawatan-kuasa ini ia-lah untuk memereksa kiraz wang negara, dari itu sa-saorang Menteri itu tidak-lah dapat dilantek menjadi pengerusi atau ahli bagi Jawatan-kuasa ini. Pada menjalankan tugas2-nya Jawatan-kuasa ini mempunyai kuasa untuk memanggil sa-siapa pun hadhir di-hadapan-nya atau membawa suratan2 dan rekod2 kapada-nya. Jawatan-kuasa ini mempunyai kuasa membuat laporan daripada satu masa ka-satu masa.

Jawatan-kuasa Peratoran Meshuarat:¹³⁰ Jawatan-kuasa ini terdiri daripada Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat yang menjadi sa-bagai Pengerusi dan mempunyai enam orang ahli yang lain yang dinamakan (nominated) oleh Jawatan-kuasa Pemileh pada awal tiap2 penggal Parlimen. Jawatan-kuasa ini mempunyai tugas dari satu

(129) P.T. 77 D.R.

(130) P.T. 78 D.R.

masa ka-satu masa untuk menimbangkan perkara2 yang mengenai peratoran meshuarat yang di-rujukkan kepada-nya oleh Dewan Ra'ayat dan membuat laporan ka-atas perkara2 itu. Yang demikian tiap2 usul yang menchadangkan pindaan kapada peratoran meshuarat hendak-lah disertai dengan pindaan2 yang di-chadangkan dan usul ini ada-lah di-rujukkan kapada Jawatan-kuasa ini untuk di-timbang oleh-nya. Usul itu tidak boleh di-binchangkan lagi melainkan sa-telah Jawatan-kuasa ini membuat satu laporan kapada Dewan Ra'ayat mengenai pindaan yang di-chadang itu. Jawatan-kuasa ini tidak mempunyai kuasa untuk memanggil sa-saorang hadhir ka-hadapan-nya atau membawa apa2 suratan melainkan di-atas perentah Dewan Ra'ayat itu sendiri.

Jawatan-kuasa Dewan:¹³¹ Jawatan-kuasa ini ia-lah terdiri dari-pada Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat menjadi sa-bagai Pengerusi dan enam orang ahli yang di-namakan oleh Jawatan-kuasa Pemileh, pada awal tiap2 penggal Parlimen. Tugas Jawatan-kuasa ini ia-lah untuk memberi nasihat kapada Yang di-Pertua mengenai segala perkara2 yang berkaitan dengan kesenangan dan kemudahan bagi ahli2 Dewan Ra'ayat. Jawatan-kuasa ini tidak mempunyai kuasa untuk memanggil sa-siapa hadir ka-hadapan-nya atau membawa apa2 suratan melainkan di-atas perentah Dewan Ra'ayat itu sendiri. Minit meshuarat Jawatan-kuasa ini hendak-lah di-kelilingkan kapada semua ahli2 Dewan Ra'ayat.

Jawatan-kuasa Hak Keutamaan:¹³² Jawatan-kuasa ini terdiri dari-pada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menjadi sa-bagai Pengerusi dan enam orang ahli yang di-namakan oleh Jawatan-kuasa Pemileh pada awal tiap2 penggal Parlimen. Tugas Jawatan-kuasa ini ia-lah untuk menimbangkan perkara2 mengenai hak keutamaan Dewan Ra'ayat. Dari itu segala perkara2 yang bersangkut dengan hak keutamaan ada-lah sa-mesti-nya di-rujukkan kapada Jawatan-kuasa ini untuk di-timbangkan oleh-nya dan sa-lepas itu satu laporan akan di-kemukakan kapada Dewan Ra'ayat. Jikalau Dewan Ra'ayat tidak bermeshuarat, apa2 perkara yang melanggar hak keutamaan Dewan Ra'ayat ini boleh-lah di-rujukkan kapada Jawatan-kuasa ini oleh Yang di-Pertua Dewan itu. Pada menjalankan tugas2-nya Jawatan-kuasa ini mempunyai kuasa untuk memanggil sa-saorang hadhir ka-hadapan-nya dan membawa surata2 kapada-nya

(131) P.T. 79 D.R.

(132) P.T. 80 D.R.

dan juga Jawatan-kuasa ini bertugas membuat laporan dari satu masa ke-satu masa.

Jawatan-kuasa Pilehan Khas:¹³³ Jawatan-kuasa ini ia-lah satu Jawatan-kuasa yang di-lantek untuk menimbangkan sa-suatu perkara dan bukan-nya di-lantek pada awal tiap2 penggal Parlimen, sa-bagaimana Jawatan-kuasaz yang lain. Jawatan-kuasa Pilehan Khas ini ada-lah dilantek di atas perentah Dewan Ra'ayat dan akan mengandungi ahli2 yang di-namakan oleh Jawatan-kuasa Pemileh. Jawatan-kuasa ini berkuasa memileh Pengerusi-nya sendiri melainkan perentah Dewan Ra'ayat itu sendiri telah menentukan Pengerusi itu. Jikalau sa-saorang ahli bagi Jawatan-kuasa ini tidak dapat hadir di-dalam meshuarat Jawatan-kuasa ini, maka sa-orang ahli yang lain boleh-lah di-lantek untuk menghadiri meshuarat itu sahaja.

→ Jawatan-kuasa bagi Dewan Negara:¹³⁴

Bagi Dewan Negara pula jawatan-kuasa yang lain daripada jawatan-kuasa untuk menimbang rang undang2 ia-lah :—

- (1) Jawatan-kuasa Pemileh;
- (2) Jawatan-kuasa Dewan (House Committee);
- (3) Jawatan-kuasa Hak Keutamaan; dan
- (4) Jawatan-kuasa Peratoran Meshuarat.

Jawatan-kuasaz ini ada-lah di-lantek pada awal tiap2 penggal Parlimen dan mempunyai tugas sama saperti Jawatan-kuasa bagi Dewan Ra'ayat yang sa-nama dengan-nya (counterpart). Pengerusi bagi tiap2 Jawatan-kuasa Dewan Negara ia-lah Yang di-Pertua Dewan itu sendiri, dan ramai bilangan ahli bagi tiap2 Jawatan-kuasa itu dengan tidak termasuk Pengerusi ia-lah empat orang. Ini ada-lah berlainan dengan bilangan ahli bagi sa-sabuah Jawatan-kuasa Dewan Ra'ayat, kerana Jawatan-kuasa itu ada mempunyai enam orang ahli. Ahli bagi Jawatan-kuasa Pemileh ada-lah di-lantek oleh Dewan Negara sendiri, tetapi ahli bagi ketigaz Jawatan-kuasa yang lain ada-lah di-namakan oleh Jawatan-kuasa Pemileh. Di antara keempatz Jawatan-kuasa ini, Jawatan-kuasa Hak Keutamaan sahaja-lah yang mempunyai kuasa untuk memanggil sa-saorang hadir di-hadapan-nya dan membawa suratan2 kapada-nya. Jawatan-kuasa yang lain tidak mempunyai kuasa ini, melainkan sa-saorang itu di-perentah

(133) P.T. 81 D.R.

(134) P.T. 70, 71, 72, 73 dan 74 D.N.

oleh Dewan Negara sendiri supaya hadhir atau membawa suratan kahadapan Jawatan-kuasa itu.

Jawatan-kuasa bersama:

Oleh kerana Parlimen itu ada mempunyai dua buah Majlis, maka mustahak-lah pertadbiran dan perjalanan kedua2 Majlis ini di-buat dengan sa-rapatz-nya. Untuk melaksanakan tugas2 ini, Perentah Tetap bagi Dewan Ra'ayat dan juga bagi Dewan Negara ada mempunyai peruntukan untuk melantek satu Jawatan-kuasa Bersama atau pun untuk membolehkan Jawatan-kuasa Pilehan bagi Dewan Ra'ayat menjalankan tugas-nya bersama2 dan bermuafakat dengan Jawatan-kuasa Pilehan bagi Dewan Negara, jika kedua2 buah Majlis Parlimen ini bersetuju.¹³⁵

(135) P.T. 87 D.R. dan P.T. 79 D.N.

BAB VI

KETERTINGGIAN PARLIMEN

Erti Ketertinggian Parlimen.

D i-United Kingdom, salah satu daripada sifat2 perlumbagaan-nya ia-lah ketertinggian Parlimen (supremacy or sovereignty Parliament). Konsep ini mempunyai dua ma'ana, ia-itu ketinggian kuasa membuat undang2 (legislative supremacy) dan tanggong-jawab pemerentah kepada Parlimen (responsibility of the executive to the government). Dalam bab ini kita hanya-lah akan binchangkan ketinggian kuasa membuat undang2 sahaja, dan tanggong-jawab pemerentah kepada Parlimen akan di-kaji dalam Bab VII yang akan berikut.

Ketinggian kuasa membuat undang2 itu erti-nya ia-lah kuasa ini tidak di-punyai oleh sa-siapa atau manaz badan melainkan oleh Parlimen sahaja, dan Parlimen berkuasa membuat undang2 mengenai segala perkara dengan tidak ada apaz had-nya. Oleh kerana kuasa membuat undang2 itu hanya-lah di-punyai oleh Parlimen, Mahkamah¹ mestilah menerima undang2 yang di-buat oleh Parlimen sa-bagai sah dan sa-suatu Parlimen tidak boleh menghadkan kuasa Parlimen yang akan datang. Konsep yang betulz-nya sa-macham ini sudah tentu tidak boleh di-

(1) Tidak ada satu Act Parlimen atau keputusan Mahkamah yang mengatakan Mahkamah mestilah menerima undang2 itu, tetapi Mahkamah menerima undang2 itu kerana perkara ini telah menjadi satu bahagian undang2 England. Perlumbagaan Malaysia tidak juga mempunyai peruntukan ini; ia-itu Mahkamah mestilah menerima undang2 yang di-buat oleh Parlimen dan Dewan Negeri. Saperti England, konsep ini pun di-terima saperti satu bahagian undanga Malaysia.

dapati dalam Perlembagaan Malaysia kerana kuasa membuat undang² di-Malaysia bukanlah hanya terserah kapada Parlimen sahaja, bahkan terbahagi di-antara Parlimen dan tiga belas buah Dewan Negeri.³ Lagi pula, kuasa Parlimen membuat undang² ada-lah terhad kapada perkaraz yang mana bidang kuasa mengenai-nya di-punyai oleh Persekutuan, ia-itu perkaraz dalam senarai I Jadual Yang Kesembilan.⁴ Dan lagi Parlimen Malaysia tidak boleh membuat undang² yang menentangi peruntukan Perlembagaan, walau pun undang² itu mengenai perkaraz yang mana bidang kuasa-nya di-punyai oleh Persekutuan.⁵ Umpama-nya Parlimen tidak boleh membuat undang² melawan hak asasi.⁶ Dan lagi undang² yang di-buat oleh Parlimen itu boleh di-chabar dalam Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah ini berhak mengishtiharkan baawa undang² itu tidak sah.⁷ Maka dengan segala sekatan yang tersebut di atas itu-lah sahaja, bahawa konsep ketertinggian Parlimen boleh di-dapati dalam Perlembagaan Malaysia. Dengan erti-kata yang lain hanya-lah konsep yang sa-akan² dengan ketertinggian Parlimen sahaja yang boleh di-dapati.

Tawarikh Ketertinggian Parlimen.

Konsep ketertinggian undang² itu timbul di-England sa-bagai hasil atau natijah perbalahan politik di-antara Raja dengan Parlimen. Pada awal-nya Raja mempunyai kuasa membuat undang² dan Parlimen hanya-lah sa-bagai satu badan yang di-tubohkan untuk menasihatkan Raja itu. Tetapi oleh Kerana Raja telah menggunakan kuasa ini untuk kepentingan-nya sendiri dan telah melanggar batasan, maka Parlimen pun mulai-lah bertegang melawan Raja dan membuat tuntutan ka-atas-nya, ia-itu:—

- (i) Raja tidak lagi berkuasa membuat undang² dengan jalan perishtiharan (proclamation) dengan tidak mendapat persetujuan;⁷
- (ii) Raja tidak boleh mengada atau mengenakan chukai ka-atas-ra'ayat dengan tidak di-beri kuasa oleh undang² dan persetujuan Parlimen;⁸

(2) Per. 73.

(3) Per. 74.

(4) Per. 4.

(5) Tetapi undang² saperti ini boleh di-buat dalam masa dharurat, dan pada segi undang² peruntukan hak asasi itu boleh di-hapuskan dengan jalan di-pinda Perlembagaan itu.

(6) Per. 4(3) dan (4) dan Per. 128.

(7) Case of Proclamation (1611) 12 Co.Rep.74; K.&L.78 Wade & Phillips: 6th Edition p.36.

(8) Bill of Right (1688) Wade & Phillips p.37.

- (iii) Raja tidak boleh melepaskan sa-saorang daripada memgoati undang2 dan juga tidak boleh menepikan atau menggantunkan kuat-kuasa sa-suatu undang2; dan
- (iv) Hakim2 yang di-lantek oleh Raja hendak-lah bebas dan tidak termesti-nya mengikut kehendak Raja sahaja; jikalau tidak, sa-suatu undang2 itu boleh di-tafsirkan oleh Hakim untuk kepentingan Raja sahaja.

Tuntutan2 ini pada akhirnya telah di-terima oleh Raja pada akhir abad yang ketujoh belas, yang mana Raja hanya-lah berkuasa memberi persetujuan sahaja kapada rang undang2 yang di-luluskan oleh Parlimen. Case of Proclamation (1611)⁹ telah menegah Raja daripada membuat dan mengubahkan undang2 dan kuasa Raja hanya-lah apa yang di-beri kepada-nya oleh undang2. Dengan jalan perishtiharan Raja hanya-lah boleh menyuroh ra'ayat supaya ta'tat kepada undang2.

Berkenaan dengan kuasa Raja mengenakan chukai ka-atas ra'ayat, kuasa ini telah di-luchutkan daripada tangan-nya oleh Bill of Rights (1688). Bill of Rights telah mengaskan ia-itu mengenakan chukai dengan tidak mendapat persetujuan Parlimen dan pada tempoh yang lebih panjang daripada yang di-benarkan oleh Parlimen ada-lah tidak sah.

Kuasa menepikan undang2 dan menggantungkan kuat-kuasa sa-suatu undang2 telah juga di-hapuskan oleh Bill of Rights, ia-itu kuasa Raja mengenai perkara ini ada-lah tidak sah.

Berkenaan dengan kedudukan Hakim pula, kebebasan-nya telah terjamin oleh Act of Settlement 1700¹⁰ yang mana sa-saorang Hakim itu berhak memegang jawatan sa-lagi dia berkelakuan baik (quamdui se bene gesserint), dan gaji-nya hendak-lah di-tentu dan tetapkan, dan pemecahan-nya daripada jawatan hanya-lah boleh di-buat dengan chara di-kemukauan satu usul dalam keduaz Majlis Parlimen. Dengan ini tidak-lah lagi ada keimbangan bahawa sa-saorang Hakim itu akan menyebelahi pemerentah atau Raja.

Ketinggian kuasa membuat undang2 telah tercapai dalam akhir abad yang ketujoh belas dan kebebasan Hakim telah di-terima oleh Act of Settlement (1700). Kuasa pemerentahan ada-lah tertinggal di-tangan Raja. Kuasa2 ini ada-lah di-jalankan oleh Raja dengan kehendak-nya

(9) Coke sa-bagai sa-orang Hakim dalam Kes itu berkata ia-itu bukan-lah Raja itu duduk di-bawah manusia, tetapi di-bawah tuhan dan undang2, kerana undang2-lah yang menjadikan Raja. *Rex non debet esse sub homine sed sub deo et sub lege, quia lex facit regem.*

(10) Wade & Phillips p.40.

dengan tidak terkawal. Tetapi dengan sa-chara beransor2 kuasa ini telah di-jalankan oleh Menteri dan pada akhir-nya boleh-lah di-katakan kesemua-nya di-jalankan oleh Jema'ah Menteri melainkan kuasa melantek Perdana Menteri dan membubar Parlimen sahaja. Kuasa mengenai keduaz perkara ini ada-lah di-jalankan oleh Raja atas budi bichara-nya sendiri.

Pada mula2-nya sa-saorang Menteri yang menjalankan kuasa itu tidak bertanggong-jawab kapada Parlimen, kerana kata-nya perjalanan kuasa itu ada-lah di-buat atas perentah Raja. Keadaan yang seperti ini tentu-lah tidak memuaskan. Dan lagi Act of Settlement (1700) telah chuba mengasingkan Menteriz daripada menjadi ahli Dewan Orang Ramai atau Dewan Pertuanan. Tetapi peruntukan ini telah di-batal sa-belum di-jalankan kuat-kuasa-nya. Sa-kira-nya tidak di-batalkan sudah tentu United Kingdom pada hari ini tidak mempunyai sistem kerajaan yang mana Menteriz dan Jema'ah Menteri bertanggong-jawab kapada Parlimen.

Dengan chara yang beransor2 Menteri telah mulai bertanggong-jawab kapada Parlimen tentang hal ahwal perjalanan kuasa itu. Tanggong-jawab ini pada mula2-nya ia-lah dengan chara kesaorangan, tetapi apabila kuasa pemerentahan itu di-jalankan atas anjoran Jema'ah Menteri, maka tanggong-jawab itu telah bertukar menjadi tanggong-jawab bersama, yang mana apabila pehak Kerajaan telah tewas dalam sa-suatu perbahathan dalam Parlimen tentang dasar dan polisi-nya, maka terpaksa-lah semua Menteriz berhenti daripada jawatan mereka, melainkan Parlimen itu telah di-bubarkan oleh Raja di atas permintaan Perdana Menteri.¹¹

Dengan sebab Perdana Menteri dan Menteriz ain bertanggong-jawab kapada Parlimen, maka terpelihara-lah Raja daripada medan politik, dan kuasa Raja hanya tinggal pada nama-nya sahaja, sa-hingga di-katakan bahawa Raja itu berkuasa tetapi tidak memerentah. Ini-lah yang di-katakan Raja berpelembagaan: serba-serbi-nya di-jalankan atas nama-nya dan tanggong-jawab tidak ada pada-nya bahkan pada mereka yang menjalankan kuasa itu.

Hakikat Konsep Ketertinggian Parlimen.

Konsep ketertinggian Parlimen¹² ini ia-lah konsep pada segi tiori undangz sahaja, dan bukan-nya pada segi politik. Pada segi politik

(11) Per. 43(4).

(12) Konsep ini pada asal-nya konsep ugama. Bodin, sa-orang pendita Perancis (1576) mensifatkan ketinggian sa-bagai kuasa tertinggi ka-atas semua ra'ayat dengan tidak di-sekati oleh undangz. (Jennings; The Law and the Constitution p.138).

Parlimen tidak mempunyai ketinggian, kerana umor sa-suatu Parlimen itu di-hadkan lima tahun¹³ dan boleh di-kurangkan kira-nya sa-belum daripada itu ia telah di-bubarkan. Juga, ahlia Parlimen itu ia-lah orang yang di-pileh oleh ra'ayat. Yang demikian mereka mesti senentiasa memerlukan hal ra'ayat. Jadi pada segi politik ketinggian dalam sa-sabuah negara yang berdemokrasi itu ada kapada ra'ayat.

Pada segi undang2 keteringgian Parlimen berma'ana ia-itu Parlimen mempunyai kuasa membuat undang2 mengenai apa2 perkara sa-kali pun. Undang2 yang di-buat itu boleh berjalan kuat-kuasa-nya kepada orang2 yang di-luar negeri dan juga walau pun, bertentang dengan undang2 antarabangsa. Professor Jennings¹⁴ dan Professor Wade and Phillips¹⁵ berkata bahawa Parlimen di-United Kingdom boleh membuat undang2 bagi menegah orang Perancis menghisap rokok di-tengah jalan dalam bandar Paris. Kata-nya walau pun undang2 saperti ini sa-sunggoh-nya ganjil, jika lau benar di-buat, mesti-lah di-akui oleh Mahkamah. Kerana mengikut konsep ini Mahkamah tidak berkuasa membuat keputusan mengatakan undang2 itu tidak sah. Dari itu pada segi undang2 konsep ini merupakan ketiadaan batasan kapada kuasa Parlimen, sa-hinggaan sa-orang perempuan itu boleh di-anggap sa-bagai sa-orang laki2 dan demikian-lah sa-balek-nya.¹⁶ Tetapi pada segi nyataan (facts) sudah tentu walau macham mana pun orang perempuan tinggal menjadi perempuan dan orang lelaki tinggal menjadi laki2.

Walau pun pada segi undang2 Parlimen boleh membuat bermacham2 undang2 dan mengenai beberapa perkara, sa-hingga kapada perkara2 yang ganjil saperti menukar jentina, tetapi pada segi politik perkara demikian sudah tentu susah hendak berlaku. Parlimen, yang di-ketuai oleh Kerajaan, tentu tidak akan menchuba hendak meluluskan rang undang2 mengenai perkara yang bukan2 yang boleh menimbulkan kerumitan politik, atau rang undang2 yang bersalahan dengan undang2 antara bangsa.

Keteringgian Parlimen dalam Perlembagaan Malaysia.

Sa-bagaimana yang kita telah dapati konsep yang betul2 saperti yang ada dalam Perlembagaan United Kingdom tidak terdapat dalam Perlembagaan Malaysia. Ini ia-lah kerana Perlembagaan kita berdasarkan

(13) Per. 55(3).

(14) The Law and the Constitution p.149.

(15) Constitutional Law p.44.

(16) Jennings p.149.

kapada persekutuan dan tiap2 persekutuan mesti membahagikan kuasa di-antara Persekutuan dengan Negeri. Yang demikian kuasa membuat undang2 pun terpaksa-lah di-bahagikan di-antara Parlimen dengan tiga belas buah Dewan Negeri. Ia-itu kuasa membuat undang2 mengenai perkara2 dalam Senarai I, Jadual Kesembilan ada-lah hak Parlimen,¹⁷ dan kuasa membuat undang2 mengenai perkara dalam Senarai II, Jadual itu dan kuasa baki ada-lah hak Dewan Negeri.¹⁸ Kedua2 Parlimen,¹⁹ dan Dewan Negeri boleh membuat undang2 mengenai perkara bersama dalam Senarai III Jadual Yang Kesembilan. Tetapi jika ada pertentangan di-antara undang2 Persekutuan dengan undang2 Negeri maka undang2 Persekutuan akan terpakai dan undang2 Negeri di-anggap terbatal sa-takat mana ada-nya pertentangan itu.²⁰ Undang2 yang di-buat oleh Dewan Negeri hanya-lah berjalan kuat-kuasa-nya dalam Negeri itu sahaja,²¹ dan undang2 yang di-buat oleh Parlimen berjalan kuat-kuasa-nya pada seluroh Persekutuan²² dan boleh, jika di-kehendaki, di-kuat-kuaskan kapada orang atau perkara2 yang berlaku di-luar Malaysia. Tetapi sunggoh pun demikian, tidak-lah Parlimen boleh membuat undang2 yang menyalahi Perlumbagaan, seperti menentangi hak asasi dan sa-bagai-nya,²³ melainkan undang2 itu di-buat dalam dharurat untuk menchegah dharurat.²⁴

Sa-bagaimana Parlimen di-United Kingdom, Parlimen Malaysia boleh, jika di-kehendaki, membuat undang2 yang menyalahi undang2 antarabangsa.²⁵ Di-sini Mahkamah akan mematohi undang2 itu, melainkan undang2 itu tidak berapa terang pada segi ma'ana dan maksud-nya. Jikalau demikian, ya'ani tidak terang, baharu-lah Mahkamah membuat tafsiran yang berdasarkan kapada hajat Parlimen; ia-itu tidak-lah boleh di-anggapkan melainkan ada perkataan2 yang terang dan jelas bahawa Parlimen itu berhajat hendak melanggar undang2 antarabangsa.²⁶ Ada-lah di-ingatkan di-sini ia-itu undang2 yang menyalahi undang2 antarabangsa itu bukan-lah tidak sah. Undang2 ini ada-lah sah, tetapi dari segi antarabangsa-nya pula, Malaysia telah membuat

(17) Per. 74(1). Parlimen dan kuasa membuat undang2 mengenai perkara Negeri. Lihat Per.76.

(18) Per. 74(2) dan 77.

(19) Per. 74.

(20) Per. 75.

(21) Per. 73(b).

(22) Per. 73(a).

(23) Per. 4(1).

(24) Per. 150(6).

(25) Wade and Phillips p.46 dan Jennings p.154.

(26) Mortenson v. Peters (1906) 8 F. (Court of Session) 93.

satu kesalahan di-bawah undang2 itu dan mesti-lah membuat pembetulannya. Peristiwa yang saperti ini harus-lah jarang timbul, lebeh2 lagi polisi Malaysia dalam lapangan antarabangsa ia-lah berdasarkan kapada persahabatan dan perhubungan rapat dengan semua negara.

Oleh yang demikian dalam Perlembagaan Malaysia, walau pun Parlimen berhak membuat undang2 mengenai perkara dalam Senarai I Jadual Sembilan, dan badan2 lain atau pehak yang berkuasa lain tidak boleh membuat undang2 atas perkara ini melainkan dengan tauliah Parlimen, tetapi kuasa Parlimen dalam hal ini ada-lah terhad kapada apa yang di-tentukan oleh Perlembagaan, dan juga terhad oleh tafsiran2 yang akan di-beri oleh Mahkamah. Tafsiran ini akan di-beri oleh Mahkamah sama ada dalam perbicharaan yang mana Mahkamah di-minta supaya membuat keputusan ia-itu sa-suatu undang2 persekutuan itu tidak sah kerana bertentang dengan Perlembagaan, atau pun dalam manaz perbicharaan yang mana Mahkamah itu di-minta supaya memberi ma'ana dan erti kapada sa-suatu undang2 Persekutuan. Ma'ana dan erti ini boleh jadi berkenaan atau berlawanan dengan maksud dan hajat undang2 itu. Dari itu dengan sebab Mahkamah mempunyai kuasa men-tafsirkan undang2 supaya di-nisbahkan sa-suatu undang2 persekutuan itu terbatal atau supaya di-beri ma'ana yang tidak menepati hajat2 dan maksud Parlimen, maka dalam Perlembagaan Malaysia, Mahkamah ada-lah merupakan satu badan yang tinggi. Bila dikatakan di-sini Mahkamah boleh memberi ma'ana dan erti kapada sa-suatu undang2 persekutuan yang mana ma'ana itu berlainan dengan hajat dan kehendak Parlimen, bukan-lah di-maksudkan ia-itu Mahkamah selalu atau mesti memberi pengertian itu. Yang dimaksudkan di-sini ia-lah pengertian itu akan di-beri oleh Mahkamah jika perkataan2 yang di-gunakan dalam undang2 itu tidak terang dan jelas dan boleh memberi dua ma'ana.²⁷ Jikalau demikian, Mahkamah akan memberi ma'ana yang bermenefa't kepada ra'ayat.

Sa-bagaimana yang kita telah dapati, Mahkamah mempunyai kuasa membatalkan undang2 Parlimen kerana kuasa ini ia-lah suatu perkara yang tidak dapat di-clakkan, apabila sa-sabuah negara itu mempunyai satu perlombagaan persekutuan.²⁸ Dengan sebab ini banyak ahli-

(27) Sebab ini-lah Penggubal Undang2 mesti berhalus2 dan berjagaz dalam kerja-nya, jikalau tidak undang2 itu tidak boleh menyampaikan maksud Parlimen.

(28) Perlombagaan Kanada, Australia dan Amerika Sharikat mempunya peruntukan yang saperti ini. Lihat Perkara 128.

fikir di-Amerika Sharikat²⁹ yang berfikir ia-itu tidak-lah patut sama sa-kali di-beri kuasa pembatalan ini kapada Mahkamah, terutama sa-kali perkara yang boleh di-batal itu ia-lah perkara kehendak ra'ayat. Tetapi di-sini tidak-lah pula Mahkamah berdasarkan kapada politik manakala menggunakan kuasa itu. Mahkamah sa-bagai badan kehakiman tetap akan menggunakan undangz untuk menjalankan kuasa ini. Yang demikian tidak-lah salah atau menjadi apa2 kira-nya kuasa ini di-beri kapada Mahkamah, bahkan ini akan merupakan lagi suatu sifat kebebasan ra'ayat, yang menunjukkan negeri ini berada di-bawah undangz.

Undangz perwakilan (delegated legislation).³⁰

Mengikut konsep ketertinggian Parlimen dan konsep perasingan kuasa, Parlimen sahaja-lah yang mempunyai kuasa membuat undangz dan kuasa ini tidak-lah di-punyai oleh pehak pemerentah dan pehak kehakiman atau manaz pehak pun. Kuasa ini di-beri kapada Parlimen ia-lah untuk memelihara ra'ayat daripada undangz yang kejam dan zalim yang harus di-buat oleh pehak pemerentah. Dari sebab itu-lah konsep ketertinggian Parlimen dan perasingan kuasa itu di-anggap sa-bagai asas kapada hak asasi dan kebebasan ra'ayat. Tetapi oleh sebab kusut-nya mas'alah pentadbiran dan kerajaan pada kurun yang kedua puluh ini, maka tidak-lah dengan sa-bulat2-nya konsep ketertinggian Parlimen itu boleh di-ikuti. Mas'alah pentadbiran senentiasa berkehendakkan kapada pengetahuan yang pakar dan mengambil masa yang lama. Ini sudah tentu tidak dapat di-selenggarakan oleh Parlimen. Yang demikian, pada hari ini sudah menjadi kebiasaan bagi Parlimen menyerahkan kuasa membuat undangz kapada pehak pemerentah, seperti Yang Di-Pertuan Agong dan Menteriz dan lainz badan yang berkuasa. Undangz yang di-buat oleh pehakz yang tersebut di-bawah kuasa yang di-wakilkan oleh Parlimen ada-lah di-namakan dalam bahasa Inggeris sa-bagai delegated legislation atau undangz perwakilan.

Undangz perwakilan ini jika-lau di-benarkan dengan tidak di-hadkan kapada beberapa sempadan yang tertentu, sudah tentu akan mencheroboh prinsip perasingan kuasa dan ketertinggian Parlimen yang di-anggapkan menjadi sa-bagai asas kapada kebebasan ra'ayat. Kerana jika Parlimen hanya-lah membuat undangz untuk menyerah atau mewakilkan kuasa kapada sa-saorang Menteri atau sa-suatu perbadanan untuk membuat

(29) B.Schwartz. American Constitutional Law (1955) Cambridge University Press pp 125-160.

(30) Prinsip ini ada di-bahathkan dalam Bab I dan Bab XX.

undang2 dengan tidak sadikit pun mempunyai batasan, ini berma'ana-lah ketertinggian Parlimen itu akan binasa dan dengan-nya kebebasan ra'ayat dan hak2 asasi mereka akan hilang, walau pun kuasa yang di-beri itu boleh di-tarek balek oleh Parlimen. Jika hal yang saperti ini akan berlaku, Parlimen hanya wujud dengan tidak bertugas, manakala undang2 dan pemerintahan negeri di-buat dan di-jalan oleh pehak yang lain. Sikap yang saperti ini boleh di-anggap sa-bagai bertentang dengan Perlembagaan itu sendiri dan tidak ada bedza-nya dengan negeriz yang di-perentah oleh Peresiden dengan mengeluarkan decree.

Sekatan ka-atas undang2 perwakilan ia-lah prinsip ultra vires. Tiap2 undang2 perwakilan yang di-buat di-bawah kuasa yang di-wakilkan oleh Parlimen jangan-lah menentang atau terkeluar daripada kuasa dan maksud Parlimen. Jika bertentangan atau terkeluar daripada kuasa itu, undang2 itu tidak akan menjadi sah dan tidak mempunyai kuat-kuasa sa-bagai undang2 yang mesti di-patohi oleh ra'ayat. Tetapi prinsip ultra vires ini hanya-lah boleh di-gunakan jika undang2 perwakilan itu di-chabar di-dalam Mahkamah. Sa-lagi Mahkamah tidak membuat keputusan mengenai-nya, undang2 perwakilan itu maseh di-anggap sah dan berjalan kuat-kuasa-nya. Dari itu amat-lah mustahak-nya undang2 perwakilan itu di-selideki pada ketika sedang di-buat lagi. England mempunyai dua ka'edah (formula) untuk memberi kuat-kuasa kepada undang2 perwakilan. Satu daripada ka'edah ini ia-lah tiap2 undang2 perwakilan yang di-buat oleh sa-saorang Menteri atau lain2 pehak yang berkuasa tidak akan berjalan kuat-kuasa-nya melainkan sa-telah di-persetuju oleh Parlimen. Satu ka'edah lagi, ia-lah sa-suatu undang2 perwakilan itu akan hanya-lah berjalan kuat-kuasa-nya dalam tempoh satu bulan atau satu tempoh yang tertentu sahaja, melainkan Parlimen mengesahkan undang2 itu. Dengan chara ini, tiap2 undang2 perwakilan dapat di-selideki dan di-pereksa oleh Parlimen. Di-Amerika Sharikat pula ada di-tubohkan satu badan untuk menyelideki undang2 perwakilan ini. Dari itu, tiap2 undang2 perwakilan yang akan berjalan kuat-kuasa-nya sa-bagai undang2 mesti-lah di-luluskan oleh badan ini. Ka'edah yang saperti ini di-anggap sa-bagai compromise di-antara prinsip ketinggian Parlimen dan peri kemustahakan undang2 perwakilan.

Di-Malaysia, batasan ka-atas undang2 perwakilan ghalib-nya hanya-lah prinsip ultra vires sahaja. Kebanyakan undang2 perwakilan yang di-buat oleh Menteri dan pehak yang berkuasa lain berjalan kuat-kuasa-nya terus apabila di-siarkan dalam Warta Kerajaan de-

ngan tidak ada langsung penyelidekan ka-atas-nya melainkan pada satu masa kelak undang2 ini akan di-chabar dalam Mahkamah di-atas alasan ultra vires, ia-itu melanggar kuasa yang di-beri oleh Parlimen. Sabelum daripada itu, undang2 ini tidak di-bentangkan ka-dalam Parlimen untok mendapat persetujuan-nya. Keadaan yang saperti ini tidak-lah hairan kerana sistem yang ada sekarang hanya-lah maseh lagi memanjang dan mengamalkan sistem yang di-tinggalkan oleh pehak pemerentah penjajahan British, yang mana undang2 boleh di-buat, di-gantong kuat-kuasa-nya atau di-batalkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British jika undang2 itu tidak bersesuai dengan kehendak dan dasar pemerintah British di-London.

Dari itu sistem yang ada sekarang patut-lah di-seledeki.

BAB VII

PEMERENTAHAN

Mengikut tiori perasingan kuasa yang di-buat oleh Mantesquieu, pemerentahan (executive) ada-lah salah satu daripada tiga kuasa dalam sa-sabuah negara. Tugas pemerentahan ia-lah menjalankan kuasa yang di-berikan oleh undang². Dalam Perlembagaan Malaysia,¹ kuasa memerentah yang di-punyai oleh Persekutuan ada-lah terletak di-tangan Yang Di-Pertuan Agong dan kuasa ini boleh di-jalankan oleh-nya sendiri, atau oleh Jema'ah Menteri atau sa-orang Menteri yang di-tauliahkan oleh Jema'ah Menteri itu. Tetapi Parlimen boleh dengan chara undang² memberi tugas memerentah kapada orang lain, seperti Pengawal Kastam Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Lembaga Letrik Negara, Majlis Amanah Ra'ayat dan lain² orang dan perbadanan lagi.

Apabila Yang Di-Pertuan Agong sendiri menjalankan kuasa pemerentahan ini, maka hendak-lah ia mengikut nasihat Jema'ah Menteri atau sa-orang Menteri yang di-tauliahkan oleh Jema'ah Menteri itu, melainkan kuasaz itu kuasa yang memang-nya boleh di-jalankan oleh-nya atas budi bichara-nya sendiri.² Oleh kerana Perlembagaan kita ini mempunyai konsep kerajaan yang bertanggong-jawab, maka kuasa yang boleh di-jalankan oleh Yang Di-Pertuan Agong atas budi bichara-nya sendiri amat-lah sadikit dan hanya-lah ada tiga sahaja,³ ia-itu:—

(1) Per. 39.
(2) Per. 40(1).
(3) Per. 40(2).

- (a) untuk melantek sa-orang Perdana Menteri;
- (b) untuk menolak permintaan Perdana Menteri supaya dibubarkan Parlimen yang ada; dan
- (c) untuk memanggil Majlis Rajaz supaya bersidang sa-mataz bagi membicharakan hak keutamaan, kedudukan kemuliaan dan darjah Rajaz Melayu dan apaz tindakan yang akan diambil dalam persidangan Majlis itu.

Di-sini ma'ana-nya walau pun Yang Di-Pertuan Agong mempunyai semua kuasa pemerentahan, boleh di-katakan hampir kesemua-nya sa-kali di-jalankan oleh Jema'ah Menteri atau di-jalankan oleh-nya sendiri atas nashihat Jema'ah Menteri itu. Jika kuasa itu di-jalankan oleh Jema'ah Menteri atau oleh sa-orang Menteri yang di-kuasakan oleh Jema'ah Menteri, Yang Di-Pertuan Agong berhak mendapat ma'lumat tentang pemerentahan negeri, kira-nya ma'lumat itu ada pada Jema'ah Menteri.⁴

Oleh kerana kuasa pemerentahan ini ada-lah di-jalankan oleh Jema'ah Menteri dan jikalau di-jalankan oleh Yang Di-Pertuan Agong sendiri ada-lah di-jalankan atas nasihat Jema'ah Menteri itu, maka tanggong-jawab dalam hal ini tidak-lah termesti-nya terletak pada Yang Di-Pertuan Agong, bahkan hendak-lah di-pikul oleh Menteriz itu. Perlembagaan telah menguntokkan ia-itu Jema'ah Menteri itu ada-lah bersama2 bertanggong-jawab kapada Parlimen.⁵ Dengan sebab ini terkeluar-lah Yang Di-Pertuan Agong daripada beban dan tanggong-jawab pada segi politik mengenai perjalanan kuasa pemerentah itu. Kedudukan yang saperti ini-lah yang di-katakan bahawa Yang Di-Pertuan Agong itu ia-lah sa-orang Raja berperlembagaan (Constitutional monarchy); ia-itu Raja yang mempunyai kuasa yang terhad dan bukannya kuasa mutlak; dan mengenai kuasa ini dia hanya duduk di atas takhta Kerajaan sahaja manakala pemerentahan-nya di-jalankan oleh Menteriz-nya.

Tanggong-jawab Jema'ah Menteri kapada Parlimen ada-lah merupakan ketertinggian Parlimen, kerana mereka terpaksa menjawab so'alan2 yang di-buat dalam Parlimen; dan ini tidak akan tercapai melainkan hendak-lah Menteriz itu menjadi ahli bagi salah satu dari pada Majlis Parlimen supaya membolehkan Menteriz itu menjawab segala pertanyaan2 mengenai kuasa2 yang di-jalankan oleh Kementerian mereka masing2 atau oleh Jema'ah Menteri. Mengikut Per-

(4) Per. 40(1).

(5) Per. 43(3).

lembagaan⁶ Jema'ah Menteri itu ada-lah mengandungi sa-orang Perdana Menteri untuk mengetuai Jema'ah itu dan beberapa orang menteri lagi. Perdana Menteri ia-lah di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong daripada orang yang menjadi ahli Dewan Ra'ayat dan mempunyai keperchayaan lebih daripada separoh ahli Dewan itu. Orang yang menjadi warganegara Persekutuan dengan jalan masukan atau daftaran di-bawah Perkara 17 tidak boleh di-lantek menjadi Perdana Menteri.⁷ Menteriz lain ada-lah di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan tiap2 orang Menteri itu hendak-lah menjadi ahli salah satu daripada kedua2 Majlis Parlimen itu.

Perdana Menteri itu memegang jawatan-nya sa-lagi dia mendapat keperchayaan lebih daripada separoh ahli Dewan Ra'ayat. Yang demikian, apabila dia tidak lagi mempunyai keperchayaan ini, maka hendak-lah ia meletakkan jawatan-nya supaya dapat Yang Di-Pertuan Agong melantek sa-orang Perdana Menteri lain. Tetapi walau pun ia telah hilang keperchayaan itu ia tidak termesti meletakkan jawatan-nya, jika Yang Di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen atas permintaan Perdana Menteri itu. Di-sini apabila dia telah di-kalahkan dalam sa-suatu perbahathan dalam Parlimen, maka hendak-lah Perdana Menteri itu membuat salah satu daripada dua perkara ini, ia-itu:-

- (a) meletakkan jawatan-nya, yang mana semua Menteriz lain mesti berhenti bersama2 dengan-nya; atau
- (b) menasihatkan Yang Di-Pertuan Agong supaya di-bubarkan Parlimen.

Sama ada di-bubarkan Parlimen itu atau tidak ini ia-lah satu kuasa yang boleh di-jalankan oleh Yang Di-Pertuan Agong atas budi bicharanya sendiri. Tetapi walau pun demikian, tentu-lah susah jika Yang Di-Pertuan Agong tidak menerima nasihat Perdana Menteri itu. Apabila Parlimen di-bubar, Perdana Menteri dan Menteriz lain tidak-lah payah meletak jawatan melainkan mereka telah kalah dalam pilehanraya umum yang di-adakan berikut dengan pembukaran Parlimen itu.

Sa-lain daripada mereka mesti meletak jawatan bersama2 dengan Perdana Menteri, apabila Perdana Menteri itu telah hilang keperchayaan

(6) Per. 43(2).

(7) Per. 43 (7) Per. 17 telah di-batalkan mulai daripada 1hb. Julai, 1963, oleh Act (Pindaan) Perlembagaan No.14t. 1962. Mengikut Per. 17, orang yang berumur 18 tahun ka atas yang ada tinggal dalam Persekutuan pada Hari Merdeka boleh di-daftar menjadi warganegara jika ia tinggal dalam Persekutuan sa-lama 8 tahun dalam tempoh 12 tahun terdahulu dan hingga tarikh permohonan-nya, dan berkelakuan baik dan tahu bahasa Melayu yang mudah.

lebih daripada separoh ahli Dewan Ra'ayat, maka tiap2 orang Menteri lain ada-lah memegang jawatan atas kesukaan Yang Di-Pertuan Agong; ia-itu sa-saorang Menteri itu boleh di-luchutkan daripada jawatannya oleh Yang Di-Pertuan Agong jika di-nasihatkan demikian oleh Perdana Menteri. Tetapi Menteriz itu dengan sendiri-nya boleh meletakkan jawatan mereka.

Dengan sebab tanggong-jawab Jema'ah Menteri kapada Parlimen itu ia-lah tanggong-jawab bersama, maka tiap2 orang Menteri hendak-lah menjalankan tugas-nya dengan bersatu hati, dan jikalau sa-saorang Menteri itu tidak puas hati atas sa-suatu keputusan atau polisi yang di-buat oleh Jema'ah Menteri maka hendak-lah ia berhenti daripada menjadi Menteri. Demikian-lah juga tiap2 polisi yang akan di-jalankan oleh sa-saorang Menteri itu mesti-lah boleh di-sokongi oleh Menteriz yang lain. Yang demikian sa-belum daripada di-jalankan polisi itu hendak-lah Menteri itu bincangkan polisi itu dahulu dalam meshuarat Jema'ah Menteri. Dan lagi apabila berlaku sa-suatu fitnah mengenai Kementerian-nya atau terhadap diri-nya sendiri, sa-saorang Menteri itu hendak-lah meletakkan jawatan supaya terpelihara kedudukan Menteri2 yang lain. Dengan ini terpelihara-lah Jema'ah Menteri daripada mendapat undi tewas dalam Dewan Ra'ayat. Dari sini nyata-lah kapada kita bahawa perjalanan pemerentahan tidak-lah sangatz mesti di-paksa dari luar, bahkan hendak-lah tiap2 mereka yang berkenaan menghormati peratoranz itu. Jangan-lah nanti di-tiup wisil keluar padang baharu Menteriz itu meletakkan jawatan. Jikalau mereka menanti kapada Yang Di-Pertuan Agong melu-chutkan jawatan, sudah tentu Perlembagaan tidak boleh berjalan dengan lichin dand emokrasi ada-lah dalam bahaya, kerana demokrasi itu hanya boleh hidup jikalau orang bertanggong-jawab akan menghormati atoran2 demokrasi. Ia-itu buat dahulu sa-belum di-perentah dan atoran2 itu di-patohi dengan tidak menanti kapada apaz kekerasan dan desakan dari luar.

Dengan sebab Jema'ah Menteri itu bertanggong-jawab kapada Parlimen, ini ada-lah merupakan Parlimen itu tinggi dan satu daripada tugas2 Parlimen itu ia-lah untuk mengarahkan dasar2 dan polisi yang di-buat oleh Jema'ah Menteri. Tiap2 orang ahli Majlis Parlimen boleh menyo'al manaz Menteri tentang hal ahwal Kementerian-nya. Bagitu-lah juga perbahathan boleh di-adakan mengenai sa-suatu hal ini jikalau satu notis meminta perbahathan itu di-beri tidak kurang daripada tempoh empat belas hari sa-belum daripada tarikh hendak di-

adakan perbahathan itu.⁸ Tetapi jikalau sa-suatu hal itu ada-lah perkara kemustahakan awam dan mesti di-binchangkan dengan sa-berapa segera, tiap2 sa-orang ahli Dewan Ra'ayat boleh-lah meminta supaya perbicharaan hal lain di-tanggohkan dan perkara yang mustahak itu di-binchangkan dahulu.⁹ Apabila pehak pemerentah telah kalah undi dalam sa-suatu perbahathan dalam Parlimen, maka undi itu ada-lah di-anggap sa-bagai undi tidak perchaya, dan Perdana Menteri serta Menteriz yang lain mesti-lah meletakkan jawatan, melainkan Parlimen itu di-bubarkan oleh Yang Di-Pertuan Agong mengikut nasihat Perdana Menteri.¹⁰

Sunggoh pun di-katakan Parlimen boleh mengawal pemerentah dan boleh memaksa-nya supaya berhenti dengan chara undi tidak perchaya, hal ini hanya-lah benar, jikalau Jema'ah Menteri itu terdiri daripada beberapa parti politik dan tiap2 satu parti itu tidak mempunyai satu dasar yang boleh menyatukan mereka. Tetapi jika Jema'ah Menteri itu terdiri daripada satu parti atau champoran daripada beberapa buah parti yang mempunyai dasar yang tegoh, nampak-nya Jema'ah Menteri pula yang boleh mengawal Parlimen. Kerana Kerajaan yang mempunyai suara banyak (majority) yang terbesar boleh membuat serba-serbi dalam Parlimen dan boleh menewaskan manaz chabarhan yang di-buat ka-atas-nya. Ini-lah dia hakikat demokrasi, ia-itu majority mempunyai kuasa-nya tetapi minority (pehak yang bersuara sedikit) hanya-lah berhak berkataz sahaja. Akhir-nya kawalan Parlimen ka-atas Kerajaan dan tanggong-jawab Kerajaan kapada Parlimen ia-lah merupakan satu chara memerentah sahaja; ia-itu pemerentahan dibawah perlembagaan itu ia-lah pemerentahan yang mendapat persetujuan Parlimen, dan persetujuan itu sentiasa di-dapati jika Kerajaan mempunyai majority.

Konsep tanggong-jawab pemerentah kapada Parlimen yang ada dalam Perlembagaan Malaysia ini ia-lah berasal daripada Perlembagaan United Kingdom, yang mana konsep ini ada-lah tergantong kapada adat resam perlembagaan-nya sahaja dan tidak tertulis. Tawarikh mengenai konsep ini telah di-jelaskan dalam Bab VI dan tidak-lah perlu di-ulangi di-sini.

(8) P.T. 27(3) D.R.

(9) P.T. 18 D.R.

(10) Per. 43(4).

BAB VIII

PENTADBIRAN

Pada hari ini tugas pemerentahan bukan-lah hanya untuk mengadakan keamanan dan ketenteraman awam sahaja, tetapi lebih lagi untuk mentadbirkan bermacam-macam perkara dan hal untuk faedah dan kemudahan raya. Tiap-tiap negara moden yang baharu muncul, pendirian negara-nya ia-lah pembangunan negara supaya raya-jelata boleh chukup pakai, chukup makan dan ada bermacam-macam kesenangan lagi. Dengan sebab ini sistem pentadbiran sudah menjadi rumit dan jika tidak di-atur dengan rapi neschaya akan menjadi bertambah kusut.

Untuk menjalankan tugas-tugas ini, pentadbiran Kerajaan ada-lah di-jalankan dengan melalui beberapa buah pehak yang berkuasa awam. Pehak yang berkuasa awam ini ada-lah terbahagi kepada :—

- (i) beberapa buah Kementerian dan jabatan; dan
- (ii) beberapa perbadanan yang di-wujudkan oleh undang-undang.

Kementerian dan Jabatan.

Kerajaan yang ada sekarang mempunyai dua puluh buah¹ Kementerian. Tiap-tiap buah Kementerian itu di-ketuai oleh seorang Menteri yang menjadi ahli Jema'ah Menteri. Satengah Kementerian yang besar ada pula di-bantu oleh Menteri Muda, Setia-usaha Parlimen dan Setia-usaha Politik. Untuk mengurangkan bilangan Menteri, ada beberapa

(1) Ministers of the Federal Government Order 1964. P.U. 143 t. 1964, dan Federal Government (Transfer of Functions) Ordinance, 1951 No. 15 t. 1951.

buah Kementerian di-letakkan di-bawah jagaan sa-orang Menteri sahaja. Menteri Muda ada-lah di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.² Setia-usaha Parlimen dan Setia-usaha Politik ada-lah di-lantek oleh Perdana Menteri. Tiap2 orang yang di-lantek menjadi Menteri Muda hendak-lah orang yang menjadi ahli bagi salah satu daripada Majlis Parlimen; dan Setia-usaha Parlimen ada-lah terdiri daripada ahli Dewan Ra'ayat. Orang yang di-lantek menjadi Setia-usaha Politik tidak-lah mustahak menjadi ahli bagi manaz Majlis Parlimen, tetapi tidak-lah boleh ia menjadi ahli Perkhidmatan Awam Persekutuan, melainkan hendak-lah dia berhenti daripada memegang jawatan dalam perkhidmatan awam terlebih dahulu.

Perdana Menteri, Menteri, Menteri Muda, Setia-usaha Parlimen dan Setia-usaha Politik ada-lah di-kenali dengan erti kata ahli pemerentahan (*members of administration*).³ Kesemua mereka ini ia-lah dari golongan ahli politik dan semua-nya menjadi ahli bagi Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara, melainkan Setia-usaha Politik sahaja yang tidak payah menjadi ahli kepada manaz Majlis Parlimen dan jawatannya pun boleh di-tamatkan oleh Perdana Menteri. Kesemua-nya mesti meletakkan jawatan apabila Perdana Menteri telah berhenti dengan sebab kalah dalam undi tidak perchaya. Tetapi kira-nya Parlimen itu telah di-bubarkan atas permintaan Perdana Menteri, maka Menteriz, Menteri Muda dan Setia-usaha Parlimen tidak-lah usah meletak jawatan melainkan mereka telah tidak lagi di-pileh dalam pilehanraya itu atau di-pileh tetapi tidak di-lantek sa-mula.

Gaji Perdana Menteri, Menteri, Menteri Muda dan Setia-usaha Parlimen ada-lah di-tetapkan oleh Parlimen dengan chara undang;⁴ tetapi gaji bagi Setia-usaha Politik ada-lah di-tetapkan oleh Jema'ah Menteri sahaja.⁵ Gajiz mereka ini ada-lah di-bayar daripada wang yang di-untokkan oleh estimate dan di-bayar daripada Kumpulan Wang Yang Di-Satukan.

Tugas Menteri dalam sa-sabuah Kementerian itu hanya-lah membuat keputusan mengenai polisi parti-nya, dan polisi yang di-putuskan itu ada-lah di-laksanakan oleh pegawai Kerajaan yang menjadi ahli Perkhidmatan Awam Persekutuan. Pegawai2 ini tetap tinggal memegang jawatan, walau pun Menteriz mereka telah berhenti

(2) Per. 43A.

(3) Per. 162.

(4) Act (Sara) Menteri, No. 63 t. 1957.

(5) Per. 43C(4).

dan di-ganti oleh Menteriz lain. Dalam tiap2 Kementerian pegawai2 Kerajaan ada-lah terator saperti demikian. Sa-tinggi2 pegawai ia-lah Setia-usaha Tetap,⁷ kemudian Timbalan Setia-usaha Tetap, kemudian Ketua Penolong Setia-usaha dan beberapa Penolong Setia-usaha. Pegawai2 ini pula di-bantu oleh Penolong Pentadbiran dan beberapa orang kerani, juru-taip, juru trengkas, peon, jaga, driver dan tukang kebun. Dengan ini lengkap-lah kaki-tangan sa-sabuah Kementerian itu.

Satengah2 Kementerian pula ada mempunyai beberapa buah jabatan pula di-bawah tanggongan-nya. Umpama-nya di-bawah Kementerian Kewangan, terletak Jabatan Kastam dan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Bagi Kementerian Dalam Negeri pula terletak Jabatan Polis, Penjara, Pencetak Kerajaan, Pendaftaran Negara, Imigeresen dan lain2-nya. Tiap2 Jabatan ini mengandungi pegawai keahlian (professional) dan di-ketuai oleh pegawai yang kadang2 terkenal sa-bagai Pengawal atau Pengarah.

Tiap2 pegawai kanan yang berkhidmat dalam sa-sabuah Kementerian atau Jabatan bukan sahaja menolong Menteri mereka melaksanakan polisi2 yang di-buat oleh Menteri atau Jema'ah Menteri, bahkan juga menolong merangkakan polisi, memberi nasihat dan pandangan kapada Menteri itu, supaya polisi yang hendak di-ambil itu di-halus dengan chermat, dan terpelihara-lah Menteri itu dan rakan2-nya daripada kena so'al dan desakan dalam Parlimen. Kerana walau pun Kerajaan mempunyai majority dalam Parlimen, dan boleh manafikan segala desakan dan so'alan, sudah tentu tidak adanya-orang Menteri atau sa-orang pegawai pun yang suka di-tanya2 mengenai-nya dan mengenai Kementerian-nya.

Boleh jadi so'al2 dan desakan dalam Parlimen membawa malu kapada Kementerian-nya atau Kementerian rakan2-nya dan juga seluroh Jema'ah Menteri, dengan sebab itu tiap2 sa-orang Menteri itu pada segi tiori ada-lah menjalankan tugas2-nya di-bawah anjoran Jema'ah Menteri, dan jika ia berkehendakkan kapada sokongan daripada Menteriz lain maka hendak-lah dia membinchangkan hal itu dalam meshuarat Jema'ah Menteri dahulu.

Ketua Setia Usaha Negara.

Untuk membolehkan sa-sabuah Kementerian itu berjalan dengan rapi-nya dan supaya mengelakkan daripada berlaku satu pekerjaan yang sa-rupa di-buat oleh dua tiga buah Kementerian, maka sa-orang pegawai

telah di-lantek menjadi Ketua Setia-usaha Negara. Pegawai ini ia-lah yang sa-habis2 kanan sa-kali dalam Perkhidmatan Awam dan tugas-nya ia-lah mengeluarkan arahan2 kapada pegawai2 kementerian dan jabatan kerajaan dan juga untuk mengadakan penyamaan (co-ordination) bagi semua Kementerian.

Ketua Setia-usaha Negara ada-lah menjadi sa-bagai Setia-usaha Jema'ah Menteri, Dari itu segala minit, kertas2 meshuarat Jema'ah Menteri ada-lah di-siap oleh-nya atau atas nama-nya.

Bagaimana Jema'ah Menteri itu di-lantek telah kita nyatakan dalam Bab VII. Di-sini memadai-lah di-sebutkan ia-itu segala meshuarat Jema'ah Menteri ada-lah sulit dan keputusan-nya pun sulit. Tetapi sa-tengah daripada sa-tengah keputusan itu dapat kita ketahui kerana kadang2 pada tiap2 kali lepas meshuarat itu Perdana Menteri atau Timbalan-nya selalu membuat siaran akhbar.

Perbadanan Berkanun.

Walau pun tiap2 buah Kementerian itu di-lengkapi dengan beberapa lapisan dan jenis pegawai, kerja2 yang boleh di-laksanakan oleh-nya ada-lah terhad. Dari itu untuk menyelenggarakan kerja2 yang khas dan penting, Kerajaan telah menubohkan beberapa perbadanan berkanun dengan chara undang2. Sa-tengah daripada perbadanan ini ia-lah mithalnya Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memajukan bahasa kebangsaan, Lembaga Letrik Negara untuk perkembangan letrik, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan untuk memajukan rancangan luarbandar, Majlis Amanah Ra'ayat untuk menaikkan taraf penghidupan bumiputera dan lain2 perbadanan dengan bermacam2 tujuan-nya yang tertentu.

Mengikut perlembagaan bagi sa-suatu perbadanan, polisi-nya ada-lah di-pegang oleh satu jema'ah, manakala menjalankan polisi itu ada-lah tugas bagi Pengarah atau Pengerusi perbadanan itu. Tiap2 buah perbadanan di-beri kuasa memegang wang-nya sendiri dan memakai beberapa orang pegawai dan kaki-tangan, dan gajiz mereka ini ada-lah di-bayar oleh perbadanan itu daripada wang-nya sendiri. Biasa-nya polisi sasabuah perbadanan itu di-kawal oleh sa-orang Menteri yang berkenaan, yang demikian Menteri itu di-beri kuasa oleh undang2 untuk mengeluarkan arahan2 am supaya di-turut oleh perbadanan itu. Tentang kerja-nya sa-hariz tidak-lah boleh di-ganggu oleh Menteri. Dan lagi dengan sebab Menteri di-beri kuasa mengawal polisi perbadanan itu maka boleh-lah ia di-tanya dalam Parlimen mengenai perjalanan perbadanan itu. Umpama-nya kerap-kali kita mendengar beberapa so'alan

di-buat mengenai Lembaga Letrik Negara, Keretapi Tanah Melayu dan lain2-nya.

Pada segi undang2 sa-sabuah perbadanan itu di-anggap saperti sa-orang manusia biasa, dan dengan ini boleh-lah perbadanan itu membuat apa yang boleh di-buat oleh manusia biasa dan boleh memegang harta dan menda'awa dan di-da'awa. Tetapi pegawaiz yang memegang jawatan dalam-nya pun mesti-lah turut bersama2 boleh di-da'awa ka-dalam Mahkamah.

Tiap2 perbadanan mesti-lah mempunyai satu meterai (seal) yang mesti di-terakan ka-atas manaz suratan dan suratchara yang di-buat oleh perbadanan itu.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA Peguam Negara.

Tiap2 buah negara yang berjalan di atas dasar dan panduan undang2 serba serbi-nya mesti-lah di-buat dan di-jalankan dengan mengikut undang2. Dari itu tiap2 polisi yang hendak di-rangkakan dan tiap2 tindakan yang telah di-ambil mesti-lah di-perekxa terlebih dahulu pada segi undang2. Jikalau tidak, sa-suatu tindakan itu akan membawa kapada kerugian besar kepada Kerajaan.

Dengan sebab ini-lah Perlumbagaan Malaysia telah memperuntokkan ia-itu penasihat undang2 bagi Yang Di-Pertuan Agong, Jema'ah Menteri atau manaz Menteri ia-lah sa-orang pegawai bergelar Peguam Negara.⁶

Peguam Negara ia-lah di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, dan ia ada-lah sa-orang yang berkelayakan menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan: ia-itu ia ada-lah sa-orang warganegara dan mempunyai pengalaman sa-bagai sa-orang peguam sa-kurang2-nya sa-lama sa-puloh tahun, sa-belum daripada perlantekannya itu. Pengalaman-nya itu boleh jadi di-dapati dalam perkhidmatan kehakiman dan undang2 atau pun sa-bagai sa-orang peguambela dan chara, atau pun berchampor2; sa-tengah-nya dalam perkhidmatan kehakiman dan undang2 dan sa-tengah-nya sa-bagai peguambela dan chara.

Peguam Negara memegang jawatan atas kesukaan Yang di-Pertuan Agong, ia-itu dia boleh di-luchutkan daripada jawatan, jikalau di-fikirkan mustahak oleh Yang Di-Pertuan Agong. Dan lagi Peguam Negari tidak-lah termasuk dalam golongan pegawaiz yang terletak di-bawah

bidang kuasa Surohanjaya Perkhidmatan;⁷ bahkan pula dia telah menjadi sa-bagai sa-orang ahli bagi Surohanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang².⁸ Dengan sebab dia bukan pegawai dalam Perkhidmatan Awam dan dia hanya memegang jawatan atas kesukaan Yang Di-Pertuan Agong, maka tidak-lah dia berhak kapada perlindongan yang di-beri oleh Perlembagaan kepada pegawai dalam Perkhidmatan Awam. Yang demikian jika dia di-luchutkan daripada jawatan oleh Yang Di-Pertuan Agong tidak-lah dia boleh menda'awa kapada Mahkamah. Tetapi keadaan yang sa-macham ini hanya-lah di-kenakan kapada orang yang di-lantek menjadi Peguam Negara sa-lepas daripada tarikh 16hb. September, 1963.⁹ Gaji Peguam Negara ada-lah di-tetapkan oleh Yang Di-Pertuan Agong.

Sa-lain daripada menasihatkan hal undang² kapada Kerajaan, Peguam Negara mempunyai tugas² yang tertentu. Dia mempunyai kuasa yang di-jalankan atas budibichara-nya sendiri untuk memula, menjalan dan memberhentikan manaz perbicharaan dan da'awaan mengenai kesalahan jenayah. Tetapi dia tidak mempunyai kuasa mengenai kesalahanz yang akan di-bicharkan dalam Mahkamah Sharaiah, Mahkamah orang bumi-putra atau Mahkamah Tentera. Di-bawah Kanun Peratoran Jenayah, Peguam Negara ada-lah di-jadikan sa-bagai Penda'awa Raya, yang mempunyai kuasa penoh tentang memula dan menjalankan da'awaan jenayah. Segala da'awaan ini di-buat di atas nama-nya, walau pun da'awaan itu di-buat oleh beberapa orang pegawai lain: Timbalan Penda'awa Raya, pegawai Polis dan lain², kerana dia-lah yang mewakili negara dalam da'-awaan jenayah.

Ada-lah di-ingatkan di-sini ia-itu Peguam Negara itu bukan-lah sa-orang peguam yang memberi nasihat kapada orang awam. Untuk menasihatkan orang² awam ia-lah tugas peguam² yang bekerja sendiri (private lawyers). Tetapi jika sa-suatu perkara yang timbul dalam manaz perbicharaan mustahak di-tentukan sama ada perkara itu ia-lah hak atau tanggungan Kerajaan Persekutuan atau Negeri, maka atas permintaan pehak yang berguam boleh-lah Peguam Negara mengeluarkan satu perakuan menentukan perkara itu, dan perakuan ini akan di-terima

(7) Per. 132(4)(b).

(8) Per. 138(2)(b).

(9) Per. 145(6). 16hb September, 1963, ia-lah tarikh berjalan kuat-kuasa Per. 145 baharu. Per. 145 lama di-batalkan oleh Act (Pindaan) Perlembagaan, No. 10 t. 1960 Mengikut Per. 145 lama, Peguam Negara ia-lah sa-orang pegawai dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Undang² dan memegang jawatan sama seperti Hakim Mahkamah Persekutuan.

oleh Mahkamah dengan tidak bertanya lagi.¹⁰ Dan lagi Peguam Negara mempunyai kuasa tentang hal ahwal amanah untuk maksud kebajikan (trust for charitable purposes). Jika amanah ini telah pechah, Peguam Negara dengan sendiri boleh menjalankan da'awaan mengenai pechah amanah itu; dan jika da'awaan itu akan di-buat oleh orang lain, maka persetujuan daripada Peguam Negara hendak-lah di-dapati terlebih dahulu.¹¹

Untuk menjalankan tugas2-nya Peguam Negara mempunyai hak untuk beruchap (right of audience) dalam mana2 Mahkamah dalam Persekutuan dan mempunyai keutamaan atas orang2 lain yang hadhir dalam Mahkamah itu. Peguam Negara ada-lah di-bantu oleh beberapa orang pegawai2 undang2 Persekutuan. Kesemua pegawai2 ini ia-lah ahli dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Undang2. Di-antara mereka ini patut-lah di-sebut dua orang pegawai undang2 ia-itu Peguamchara Negara dan Penggubal Undang2 Parlimen.

Peguamchara Negara ia-lah bertugas sa-bagai penolong Peguam Negara dan dia-lah yang menjalankan tugas dan kuasa Peguam Negara,¹² apabila Peguam Negara itu tidak dapat menjalankan kerjaz-nya sebab sakit, chuti atau pergi ka-luar negeri dan sa-bagai-nya. Segala guaman2 kerajaan dalam Mahkamah ada-lah di-buat di-bawah anjoran-nya.

Penggubal Undang2 Parlimen ia-lah sa-orang pegawai undang2 yang menyiapkan rang undang2 yang akan di-kemukakan oleh Kerajaan ka-dalam Parlimen. Apabila Kerajaan berkehendakkan kapada sa-suatu undang2 untuk melaksanakan polisiz-nya, maka Kementerian yang berkenaan hendak-lah berhubung dengan Penggubal Undang2 Parlimen supaya di-gubalkan satu rang undang2 yang bersesuaian dengan polisi yang hendak di-laksanakan.

Apabila rang undang2 itu telah di-gubal dan di-persetujui oleh Jema'ah Menteri, bahru-lah ia di-bawa ka-dalam Dewan Ra'ayat untuk di-luluskan dan di-ambil segala tindakan supaya pada akhir-nya di-jadikan undang2.

(10) Per. 167(6).

(11) S. 9, Ordinance Da'awaan Kerajaan No. 58 t. 1956.

(12) Jadual Yang Kedua belas, dan s. 40A Ordinance No. 7 t. 1948.

BAB IX

PERKHIDMATAN AWAM

I. Prinsip tidak champor politik.

Perkhidmatan awam ada-lah merupakan sa-bagai kaki-tangan kerajaan untuk melaksanakan polisiz yang di-tetapkan oleh kerajaan dan juga untuk memberi nasihat dan pandangan mengenai polisiz yang akan di-tetapkan oleh kerajaan. Yang demikian amat-lah mustahak-nya bahawa ahli2 perkhidmatan awam itu hendak-lah bertugas dengan perasaan yang bebas, adil dan tidak takut. Keadaan ini tidak akan tercapai jika ahli2 perkhidmatan awam itu masok champor dalam politik. Prinsip ini ada-lah di-sebut dalam Penyata Meshuarat Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang di-adakan di-London dalam bulan Januari dan Februari. Penyata itu berbunyi demikian:—¹

"40. The first essential for ensuring an efficient administration is that the political impartiality of the public service should be recognized and safeguarded. Experience has shown that this is best secured by recognising the service as a corporate body owing its allegiance to the Head of State and so retaining its continuous existence irrespective of changes in the political complexion of the government of the day. The public service is necessarily and rightly subject to ministerial direction and control in the determination and execution of government policy, but in order to do their job effectively public servants must feel free to tender advice to Ministers,

(1) Malayan Constitutional Reports 1957 p.66.

without fear or favour, according to their conscience and to their view of the merits of the case.

41. One of the most essential ingredients of a contented and efficient service is that promotions policy should be regulated in accordance with publicly recognised professional principles. The service must feel confident that promotions will be determined impartially on the basis of official qualifications, experience and merit.....

42. Similarly, a reasonable security of tenure and an absolute freedom from the arbitrary application of disciplinary provisions are essential foundations of a public service

43. The most generally accepted method of ensuring the observance of the foregoing principles is by the establishment of an independent Public Service Commission.....".

Prinsip yang terkandong dalam Penyata ini di-persetujui oleh Jawatan-kuasa Reid dan di-terima oleh Perlembagaan Malaysia. Keadaan neutrality ia-itu tidak berpehak kapada manaz parti politik ada-lah menjadi asas kapada perkhidmatan awam negeri ini dan boleh-lah dikatakan sa-bagai satu daripada chiriz Perlembagaan Malaysia. Ini bererti ia-itu pegawai2 dalam perkhidmatan awam, baik pun askar, polis dan pegawai biasa, ada-lah tetap bekerja dan memegang jawatan mereka walau pun Perdana Menteri dan Menteriz lain terpaksa berhenti dengan sebab kekalahan undi dalam Parlimen atau dalam Pilehanraya. Dan jika berlaku-nya peristiwa ini, tentu-lah sa-orang Perdana Menteri baharu dan beberapa orang Menteriz lain akan di-lantek. Di-sini pegawai2 dalam perkhidmatan awam di-kehendaki memberi perkhidmatan yang penoh kapada Menteriz baharu ini, tidak kurang dan tidak lebih sama-lah seperti perkhidmatan yang mereka beri kapada Menteriz yang sudah berhenti itu. Keadaan ini susah hendak di-chapai melainkan sa-kurang2-nya pegawai2 dalam perkhidmatan awam di-tegah daripada menchampori politik, dan ta'at setia mereka mesti di-tumpukan kapada perkhidmatan mereka. Mereka mesti berasa bangga di-atas perkhidmatan mereka. Peratoran Tatatertib² telah menegahkan pegawai2 dalam Bahagian I, II dan III daripada menchampori politik. Mereka tidak boleh bertanding dalam sa-barang pilehanraya, sama ada pilehanraya Parlimen, pilehanraya Dewan Negeri atau pilehanraya kapada Bandaran dan Majlis Tempatan, melainkan hendak-lah mereka berhenti dari pada menjadi

(2) G.O.D.18 dan 19.

pegawai dalam perkhidmatan awam. Tetapi sa-tengah daripada pegawai dalam bahagian IV dan buroh kasar boleh di-benarkan masuk bertanding dalam pilihanraya bagi Majlis Tempatan.

II. Jenis Perkhidmatan Awam.

Perkhidmatan Awam yang di-maksudkan oleh Perlembagaan ia-lah:—

- Perkhidmatan Awam bagi Kerajaan Persekutuan;
- Perkhidmatan Awam bagi Kerajaan Negeri;
- Perkhidmatan Awam bersama bagi Kerajaan Persekutuan dan sa-buah atau beberapa buah Kerajaan Negeri atau perkhidmatan awam bersama bagi dua atau beberapa buah Kerajaan Negeri dengan tidak termasuk Kerajaan Persekutuan.⁽³⁾

Perkhidmatan Awam bagi Persekutuan ia-lah terdiri daripada:⁴

- angkatan bersenjata;
- perkhidmatan kehakiman dan undangz;
- perkhidmatan awam yang 'am bagi Persekutuan;
- pasukan polis; dan
- perkhidmatan keretapi.

Mengikut Perlembagaan mereka yang tersebut di-bawah ini tidak-lah termasuk dalam perkhidmatan awam:⁵

- jawatan sa-bagai ahli pentadbiran bagi Persekutuan atau negeri, ia-itu Menteri, Menteri Muda, setia-usaha Parlimen, setia-usaha politik Menteri Besar, Ketua Menteri dan ahliz Meshuarat Kerajaan Negeri⁽⁶⁾;
 - Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua bagi keduaz Majlis Parlimen dan Dewan Negeri;
-
- Perkhidmatan ini ada-lah di-tubohkan oleh undangz Parlimen. Satu-satu saya tidak ada lagi satu undangz Parlimen di-buat mengenai hal ini. Jika sa-saorang pegawai dalam manaz perkhidmatan awam, sama ada perkhidmatan awam Persekutuan atau perkhidmatan awam negeri telah ditugaskan bekerja sa-bahagian-nya untuk maksud persekutuan dan sa-bahagian lagi untuk maksud negeri, bahagian gaji yang akan di-bayar kepada pegawai itu oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ada-lah di-tetapkan oleh satu perjanjian di-antara keduaz Kerajaan itu. Jika tidak di-tetapkan oleh perjanjian bahagian gaji itu akan di-tetapkan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam: Per 133. Semua Persetujuan mengenai hal ini yang di-buat sa-belum Merdeka ada-lah di-anggap berjalan kuat-kuasa-nya hingga di-ganti dengan perjanjian baharu: Per. 179.
 - Per. 132(1).
 - Per. 132(3).
 - Per. 161.

- (c) Hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan;
- (d) ahli bagi manaz Surohanjaya atau Majlis yang di-wujudkan oleh Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan Negeri;
- (e) jawatan diplomat Malaysia ka-negeri asing yang di-tetapkan oleh Yang Di-Pertuan Agong.⁷

Untuk mengasingkan beberapa jawatan daripada perkhidmatan awam, Perlembagaan telah membuat peruntukan supaya mengeluarkan beberapa jawatan daripada termasuk dalam perkhidmatan awam biasa. Tujuan-nya ia-lah supaya mengasingkan jawatan ini daripada terletak di-bawah bidang kuasa manaz Surohanjaya Perkhidmatan. Jawatan ini⁸ ia-lah :—

- (a) Setia-usaha bagi Kedua2 Majlis Parlimen dan kaki-tangan Parlimen;
- (b) Peguam Negara, atau Penasihat Undang2 Negeri, jika chara perlantekan dan pembuangan kerja-nya ada di-tetapkan oleh Perlembagaan Negeri, atau jika ia di-lantek daripada orang yang bukan pegawai dalam Perkhidmatan kehakiman dan Undang2; dan
- (c) kaki-tangan mengenai urusan Yang Di-Pertuan Agong, Raja dan Gabenor bagi sa-sabuah negeri.

Semua ahli perkhidmatan awam itu di-bahagi kepada lima bahagian: ia-itu bahagian I, bahagian II, bahagian III, bahagian IV dan bahagian buroh kasar. Pegawai dalam bahagian I ia-lah pegawai yang mempunyai kelulusan tinggi dan tugas-nya banyak menggunakan otak. Bagi pegawai dalam bahagian I hingga IV, semua pegawai ini terbahagi pula kapada dua jenis: ia-itu pegawai berpenchen dan pegawai sementara, ia-itu tidak berpenchen. Pegawai berpenchen akan mendapat penchen apabila mereka bersara dengan sebab sampai umor bersara,⁹ manakala pegawai sementara pula tidak mendapat penchen apabila mereka berhenti daripada perkhidmatan, tetapi jika perkhidmatan-nya baik dan genap sapuloh tahun, mereka akan di-beri hadiah bersara atau hadiah yang di-tetapkan dalam satu konterek jika mereka itu pegawai yang berkhidmat mengikut konterek.

(7) Jika tidak ada ketetapan itu di-buat, jawatan diplomat ada-lah termasuk dalam perkhidmatan awam.

(8) Per. 132(4).

(9) Lihat Note (13): S. 8 Ordinance Penchen No.1 t.1951.

III. Kelayakan dan sharatz Perkhidmatan.

(a) Kelayakan:

Berkenaan dengan kelayakan bagi perlantekan ka-dalam perkhidmatan awam Persekutuan dan Perkhidmatan awam bersama dan sharatz mengenai perkhidmatanz itu boleh-lah di-tetapkan oleh undangz Parlimen atau peratoranz yang di-buat oleh Yang di-Pertuan Agong.¹⁰ Pada masa ini tidak ada satu undangz pun lagi yang di-luluskan oleh Parlimen mengenai kelayakan perlantekan dan sharatz perkhidmatan. Ada ta' ada hanya-lah undangz penchen sahaja.¹¹ Berkenaan dengan kelayakan bagi perlantekan ka-dalam perkhidmatan awam negeri dan sharatz perkhidmatan itu ada-lah di-tetapkan oleh undangz negeri atau peratoran yang di-buat oleh Raja atau Gabenor negeri itu.

(b) Gaji:

Gajiz pegawai dalam perkhidmatan awam tidak di-tetapkan oleh undangz khas, sa-bagaimana gajiz Hakim, Menteri dan sa-bagai-nya, Gajiz mereka ada-lah di-tetapkan oleh Kerajaan, ia-itu Jema'ah Menteri dari satu masa ka-suatu masa. Tangga gaji bagi tiapz jenis jawatan dan kelayakan sa-saorang untuk di-lantek kapada sa-suatu jawatan itu boleh-lah di-dapat dalam sa-buah buku yang bernama scheme of service (Sekim Perkhidmatan). Gajiz mereka ada-lah di-bayar daripada wang yang di-untokkan oleh peranggaran tiapz tahun dan di-bayar daripada Kumpulan Wang yang di-satukan. Oleh kerana gajiz mereka termasuk dalam peranggaran maka pada tiapz tahun peruntukan ini akan di-binchang dan di-semak oleh Dewan Ra'ayat.

(c) Mewujudkan jawatan baharu:

Sa-bagaimana yang kita sudah tahu ia-itu pertadbiran itu pada hari ini ada-lah merupakan satu pertubuhan yang rumit, kerana tugas kerajaan telah meluas kapada bermachamz hal untuk memberi kesenangan kepada ra'ayat. Yang demikian tentu-lah Kerajaan mesti memakai ramai pegawai dan kaki-tangan. Dan dengan ini, jawatanz baharu mesti-lah diwujudkan untuk keperluan pentadbiran. Keputusan hendak mewujudkan jawatanz baharu ada-lah di-buat oleh Jema'ah Menteri, tetapi oleh kerana wang mesti di-kehendaki bagi mengadakan sa-suatu jawatan, maka tiapz satu ranchangan hendak mengadakan jawatan baharu mesti-

(10) Per. 132(2).

(11) Ordinance Penchen. Tetapi kelayakan ini boleh di-dapat dalam buku Sekim Perkhidmatan.

lah mendapat persetujuan Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam terlebih dahulu. Persetujuan Perbendaharaan ada-lah di-kehendaki kerana tiap2 jawatan itu ada-lah merupakan sa-bagai perbelanjaan dan ini hanya Perbendaharaan sahaja yang boleh menentukan. Bagitu-lah juga persetujuan Jabatan Perkhidmatan Awam di-anggapkan mustahak kerana sa-suatu jawatan yang baharu itu mesti-lah di-sesuaikan dengan jawatan2 yang sudah ada.

Kebebasan Kerajaan Negeri mewujudkan jawatan dan menaikkan gaji pegawai2 dalam perkhidmatan awam-nya ada-lah terhad. Jika sa-sabuah Kerajaan Negeri hendak mewujudkan jawatan berpenchen yang bergaji lebeh daripada \$100/- sa-bulan, atau jawatan tidak berpenchen yang bergaji lebeh daripada \$400/- sa-bulan, atau jika Kerajaan itu hendak menaikkan gaji pegawai2-nya yang mana tanggongan Kerajaan Persekutuan mengenai penchen dan hadiah bersara akan menjadi bertambah, maka hendak-lah Kerajaan Negeri itu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Kerajaan Persekutuan. Ini ia-lah kerana Kerajaan Persekutuan bertanggong-jawab tentang pembayaran penchen.¹²

(d) Lama tempoh berjawatan:

Sa-saorang pegawai dalam perkhidmatan awam itu boleh bekerja sampai ia chukup umor untuk bersara, melainkan sa-belum daripada itu ia sendiri telah berhenti atau di-luchutkan daripada jawatan-nya atau di-berhentikan daripada jawatan kerana jawatan itu telah di-hapuskan.

Umor bersara bagi sa-saorang pegawai itu, mengikut undang2 penchen ia-lah:¹³

- (a) 50 tahun, jika dapat kebenaran Kerajaan;
- (b) 55 tahun dengan tidak mendapat kebenaran itu; dan
- (c) 45 tahun bagi pegawai polis yang berpangkat rendah daripada A.S.P., pegawai penjara yang berpangkat rendah daripada Superintendent, atau jururawat laki2 yang bertugas di-rumah sakit otak, atau bagi pegawai2 perempuan.

(e) Perluchutan jawatan:

Tiap2 orang ahli perkhidmatan awam Persekutuan ada-lah memegang jawatan atas kesukaan Yang Di-Pertuan Agong dan tiap2 orang ahli

(12) Per. 112.

(13) S. 8: Ordinance Penchen Bil. 1/1951.

perkhidmatan awam negeri ada-lah memegang jawatan atas kesukaan Raja atau Gabenor.¹⁴ Ini ma'ana-nya segala2-nya tentang jawatan-nya bergantong kapada kehendak polisi awam.¹⁵ Sebab itu-lah gajiz mereka mesti di-binchang dan di-luluskan oleh Parlimen pada tiap2 tahun. Dan lagi oleh kerana mereka memegang jawatan atas kesukaan Yang Di-Pertuan Agong, maka jawatan mereka boleh di-luchutkan oleh Kerajaan dengan beralaskan apa2 sebab sa-kali pun,¹⁶ dan mereka tidak berhak menda'awa kapada mahkamah supaya di-batalkan perluchutan jawatan-nya itu. Mahkamah menganggapkan bahawa hal ahwal perkhidmatan awam ia-lah terta'alok kapada bidang kuasa Pemerentah yang mana tidak termesti-nya di-champor-tangan oleh Mahkamah. Jadi di-sini pada segi undang2 ahli2 perkhidmatan awam ada-lah seperti duduk di atas hujong tandok; mereka boleh di-berhentikan kerja bilaz masa yang di-kehendaki sahaja. Tetapi sunggoh pun demikian, pada segi praktik kedudukan mereka ada-lah lebih terjamin lagi daripada kedudukan pekerja2 yang lain. Ini ia-lah kerana di-sebabkan oleh adat resam perlembagaan dan undang2 mengenai perkhidmatan awam dan juga oleh konsep keadilan asli (natural justice) yang terkandong dalam Perkara 135.

Konsep ini di-tuliskan ka-dalam Perlembagaan ia-lah untuk memberi perlindongan kapada pegawai2 dalam perkhidmatan awam daripada kuasa leluasa (arbitrary power) yang di-punyai oleh Kerajaan. Mengikut Perkara 135, tiap2 sa-orang pegawai Kerajaan itu tidak dapat di-luchutkan daripada jawatan atau di-turunkan pangkatnya melainkan:—

- (i) pehak yang berkuasa mengenai hal ini jangan-lah rendah daripada pehak yang berkuasa melantekkan dia; dan
- (ii) dia hendak-lah di-beritahu sebab2 chadangan perluchutan jawatan itu atau chadangan menurunkan pangkat-nya, dan dia mesti-lah di-beri peluang untuk membela diri-nya.

Jika perlindongan ini tidak di-beri kapada ahli2 perkhidmatan awam, maka boleh-lah ia, jika tidak puas hati, menda'awa ka-Mahkamah Tinggi supaya di-ishtiharkan bahawa tindakan yang telah di-ambil oleh

(14) Per. 132(2A).

(15) Per. 132(2A).

(16) Terrell v. S.S. for Colonies (1953) 2 QB 482; Dunn v. The Queen 1895 1 QB 116; Gould v. Stuart (1896) A.C. 575; Shenton v. Smith (1895) A.C. 229.

Kerajaan ka-atas-nya ada-lah tidak sah, kerana melanggar Perlembagaan. Dalam Mahkamah beberapa perkara akan menjadi so'alan. Apa-kah erti luchutkan jawatan dan apa-kah erti memberi peluang. Memberhentikan sa-orang pegawai yang berkhidmat dalam perchubaan tidak berma'ana meluchutkan jawatan.¹⁷ Dan memberi peluang itu berma'ana ia-itu sa-saorang pegawai itu hendak-lah di-beritahu segala keteranganz ka-atas-nya supaya dapat ia membela diri-nya.¹⁸

Sebabz dan charaz hendak meluchutkan sa-saorang ahli perkhidmatan awam ada-lah terkandong dalam Peratoran Am.¹⁹ Peratoran ini telah menentukan beberapa sebab yang membolehkan Kerajaan mengambil tindakan ka-atas sa-saorang ahli perkhidmatan. Di-antara-nya ia-lah:—

- (1) kerana ia di-sabitkan salah oleh Mahkamah bahawa ia telah melakukan satu kesalahan jenayah;
- (2) kerana berhutang terlampau banyak dan menerima hadiahz daripada orang;
- (3) kerana melakukan sa-suatu perbuatan yang boleh membawa perkhidmatan awam kapada kekejadian;
- (4) kerana melakukan sa-suatu perbuatan yang boleh menjadi pertelengkahan di-antara kepentingan-nya dengan kepentingan awam; dan
- (5) kerana beberapa sebab lagi.

Jikalau sa-suatu tindakan hendak di-jalankan ka-atas sa-saorang ahli perkhidmatan, maka pehak yang berkuasa tata-tertib (Surohanjaya Perkhidmatan yang berkenaan) akan melantek sa-orang pegawai kanan atau satu jawatan-kuasa yang mengandungi tiga orang pegawai kanan untuk menyiasat dan melaporkan kapada pehak yang berkuasa tata-tertib itu. Jikalau di-dapati bahawa tudohanZ ka-atas sa-saorang ahli perkhidmatan awam itu benar, maka baharu-lah di-buat satu pertuduhan ka-atas-nya dan di-minta ia menjawab pertuduhan itu. Pertuduhan itu boleh di-jawab dengan suratan atau dengan jalan sendiri hadhir bersamaZ dengan peguam-nya jika peguam-nya di-benar hadhir. Pada menjawabkan pertuduhan itu sa-saorang ahli perkhidmatan awam ada mempunyai hak memereksa saksiz dan membuat rayuan.

(17) Munusamy (1960) M.L.J.220.

(18) Kanda Singh (1962) M.L.J.169.

(19) G.O.D.

Apabila pehak yang berkuasa tata-tertib telah berasa puas hati bahawa sa-saorang ahli perkhidmatan awam itu tidak lagi patut berkhidmat, maka bolehlah ahli perkhidmatan awam itu di-luchutkan daripada jawatan-nya. Jikalau tidak puas hati, tindakan yang di-jalankan itu tamat-lah sa-takat itu sahaja, melainkan pehak yang berkuasa tata-tertib hendak menjatohkan hukum² yang lain, seperti di-tahan kenaikan gaji dan sa-bagai-nya. Keputusan ini tidak-lah boleh di-chabar dalam mahkamah, melainkan pehak yang tidak puas hati itu dapat membuktikan bahawa keputusan itu di-buat dengan hati yang tidak ikhlas - (Without good faith).

(f) Majlis Whitley Negara:

Sa-lain daripada itu untuk mengelokan perkhidmatan dan mengelakkan daripada perasaan tidak puas hati di-kalangan ahli perkhidmatan awam, ada di-tubohkan satu badan (machinery) untuk di-adakan perundingan di-antara ahli perkhidmatan awam dengan Kerajaan mengenai sharaz perkhidmatan dan gajiz mereka. Badan ini di-panggil Majlis Whitley Negara dan mengandungi dua pehak. Satu pehak untuk kaki-tangan Kerajaan (staff side) dan satu pehak lagi di-panggil pehak pegawai (official side) yang menjadi sa-bagai wakil Kerajaan. Keputusan yang di-buat oleh Majlis ini di-siarkan dalam surat pekeliling keluaran Jabatan Perjawatan dan kuat-kuasa-nya di-ikut sa-bagai undang² khas bagi perkhidmatan awam.

(g) Undang² Perkhidmatan Awam:

Undang² mengenai perkhidmatan awam boleh di-dapati dalam Peratoran 'Am dan Peratoran Kewangan yang di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong, dan dalam beberapa surat pekeliling yang di-keluarkan oleh Perbendaharaan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perjawatan, Pesurohjaya Perkhidmatan Awam dan beberapa Kementerian dan Jabatan lagi. Peratoran² dan surat² pekeliling ini hendak-lah di-patohi oleh tiap2 ahli Perkhidmatan awam sa-bagaimana undang² biasa. Tetapi Peratoran² dan surat² pekeliling ini di-anggapkan oleh Mahkamah sa-bagai satu perkara yang di-luar bidangkuasa Mahkamah,²⁰ dan di-anggapkan oleh-nya sa-bagai tidak mengikatkan Kerajaan.

(20) Mohd. Hussein v. Hyderabad AIR (1953) Hyd. 298; Lilawati AIR 1952 Madhy Bh.105;
Rangchari AIR 1937 P.C.27; Venkata Rao AIR 1937 P.C.31.

IV. Surohanjaya Perkhidmatan.

Untuk mengasingkan pegawai2 dalam perkhidmatan awam daripada politik supaya dapat mereka menjalankan tugas2 mereka dengan bebasnya, Perlembagaan telah menubohkan empat buah Surohanjaya Perkhidmatan bagi mentadbirkan hal ahwal mengenai perkhidmatan awam. Surohanjaya Perkhidmatan ini ia-lah:—

- (a) Surohanjaya Perkhidmatan Awam;
- (b) Surohanjaya Perkhidmatan Penghakiman dan Undang2;
- (c) Surohanjaya Perkhidmatan Polis;
- (d) Surohanjaya Perkhidmatan Kereta Api.

Sa-lain daripada itu Perlembagaan telah juga membenarkan undang2 Negeri (melainkan Penang dan Melaka sahaja) menubohkan Surohanjaya Perkhidmatan bagi mentadbirkan hal ahwal perkhidmatan awam negeri itu. Jika sa-sabuah Negeri itu tidak menubohkan Surohanjaya itu, maka hal ahwal perkhidmatan awam negeri ini akan terتا'lok di-bawah bidang kuasa Surohanjaya Perkhidmatan Awam bagi Persekutuan.²¹

Dalam Bab ini kita hanya-lah akan binchangkan Surohanjaya Perkhidmatan bagi Persekutuan.

(a) Surohanjaya Perkhidmatan Awam:

Bidang kuasa Surohanjaya ini ada-lah meliputi orang2 yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam, perkhidmatan bersama bagi Persekutuan dengan Negeri, dan perkhidmatan awam Negeri Pulau Pinang dan Melaka, dan perkhidmatan awam negeri lain, sa-takat mana yang di-beri oleh undang2 negeri itu. Surohanjaya ini mempunyai sa-orang Pengerusi, sa-orang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada empat orang tetapi tidak lebih daripada dua belas orang ahli biasa. Kesemua mereka ini ia-lah di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri sa-lepas di-binchangkan perlantekan itu dalam Majlis RajaZ.²²

(21) Per. 139(2). Semua Negeriz melainkan Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Melaka, ada mempunyai Surohanjaya Perkhidmatan Awam-nya sendiri. Hal ahwal perkhidmatan awam bagi ketigaz buah negeri ini ada-lah di-letak di-bawah bidangkuasa Surohanjaya Perkhidmatan Awam. Bidangkuasa Surohanjaya itu di-lanjutkan ka-Negeri Sembilan oleh Enactment Negeri itu No. 5 t. 1959, manakala bidangkuasa-nya telah di-pangangkan ka-Pulau Pinang dan Melaka oleh Per. 139(1).

(22) Per. 139(4).

(b) Surohanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang2:

Surohanjaya ini mempunyai bidang kuasa ka-atas pegawai2 dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Undang2.

Surohanjaya ini ia-lah terdiri daripada²³:

- (i) Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam yang menjadi sa-bagai Pengerusi Surohanjaya ini;
- (ii) Peguam Negara; dan
- (iii) sa-orang atau lebih daripada sa-orang ahli yang di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong sa-lepas daripada di-binchangkan perlantekan itu dalam Majlis Rajaz, dan orang yang layak di-lantek itu ia-lah orang yang sedang atau sudah menjadi Hakim Mahkama Persekutuan atau Mahkamah Tinggi.

(c) Surohanjaya Perkhidmatan Polis:

Surohanjaya ini mempunyai bidang kuasa atas orang2 yang berkhidmat dalam Pasukan Polis dan ada-lah terdiri daripada²⁴:

- (i) Menteri yang bertanggong-jawab dalam hal ahwal polis menjadi sa-bagai Pengerusi Surohanjaya ini;
- (ii) Pegawai Polis yang mempunyai perentah umum atas seluruh pasukan Polis;
- (iii) Setia-usaha kapada Kementerian yang bertanggong-jawab dalam hal ahwal Polis;
- (iv) sa-orang ahli Surohanjaya Perkhidmatan Awam yang di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong; dan
- (v) tidak kurang daripada dua tetapi tidak lebih daripada empat orang ahli lain yang di-lantek oleh Yang Di-Pertua Agong.

(d) Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi:

Surohanjaya ini mempunyai bidang kuasa ka-atas semua orang yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Keretapi, Surohanjaya ini mengandungi:²⁵

- (i) Pengerusi;
- (ii) Timbalan Pengerusi; dan

(23) Per. 138(2).

(24) Per. 140(3).

(25) Per. 141(2).

- (iii) tidak kurang daripada dua tetapi tidak lebih daripada enam orang ahli biasa.

Semua mereka ini di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri sa-lepas di-binchangkan perlantekan itu dalam Majlis Raja2. Sa-orang daripada ahli2 Surohanjaya ini hendak-lah di-lantek daripada ahli2 Surohanjaya Perkhidmatan Awam, dan dua orang daripadanya hendak-lah di-lantek daripada orang2 yang mempunyai pengalaman dalam pentadbiran keretapi, jika ada.

Untuk menjauhkan perkhidmatan awam daripada politik jua, orang2 yang di-ator di-bawah tidak boleh di-lantek menjadi ahli Surohanjaya Perkhidmatan:—²⁶

- (a) Ahli Dewan Ra'ayat, ahli Dewan Negara dan ahli Dewan Negeri;
- (b) pegawai2 dalam perkhidmatan awam;
- (c) pegawai dan orang2 yang bekerja dengan pehak yang berkuasa tempatan, atau perbadanan atau manaz pehak yang berkuasa yang di-wujudkan oleh undang2 untuk maksud awam;
- (d) ahli persatuan pekerja atau badan atau persatuan yang berhubung dengan persatuan pekerja itu.

Tiap2 ahli Surohanjaya Perkhidmatan ada-lah di-lantek untuk tempoh lima tahun,²⁷ tetapi ia boleh di-lantek untuk kurang daripada tempoh itu, jika Yang Di-Pertuan Agong fikirkan patut sa-telah menim-bangkan nasihat Perdana Menteri. Dan jika tamat tempoh perlantekan itu, sa-saorang ahli Surohanjaya itu boleh di-lantek sa-mula melainkan ia tidak lagi mempunyai kelayakan untuk menjadi ahli Surohanjaya Perkhidmatan. Sa-belum daripada menjalankan tugas-nya, sa-saorang ahli Surohanjaya itu hendak-lah mengangkat sumpah²⁸ ta'at setia kepada Persekutuan di-hadapan sa-orang Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi.

Ahli2 Surohanjaya Perkhidmatan tidak boleh di-luchutkan daripada jawatan mereka sa-belum tamat perlantekan-nya melainkan atas sebab2 yang tertentu dan mengikut chara dan atoran hendak meluchutkan sa-

(26) Per. 142(1) dan (2).

(27) Per. 143.

(28) Per. 142(6).

saorang Hakim Mahkamah Persekutuan.²⁹ Ini berma'ana-lah yang mereka ini hanya-lah boleh di-luchutkan daripada jawatan sa-telah satu penyiasatan telah di-buat oleh satu Jema'ah Hakim yang mengandungi lima orang Hakim dan Jema'ah ini telah membuat shor supaya sa-saorang ahli itu di-luchutkan daripada jawatan-nya. Yang demikian harus mereka ini tidak terluchut daripada jawatan-nya.³⁰

Untuk membolehkan ahli Surohanjaya Perkhidmatan menjalankan tugas2-nya dengan bebas, gajiz dan elauan mereka ada-lah di-tetapkan oleh undang2 persekutuan dan di-bayar daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan dengan tidak di-binchangkan lagi. Gajiz itu di-kenakan sa-bagai hutang ka-atas Kumpulan Wang itu. Dan juga gajiz dan elauan mereka itu tidak boleh di-kurangkan sa-lagi mereka menjadi ahli, tetapi boleh di-tambah.³¹

Tugas sa-suatu Surohanjaya Perkhidmatan itu ia-lah untuk membuat perlantekan ka-dalam perkhidmatan awam, menetap dan meletakkan pegawai2 ka-dalam bahagian penchen, menaik dan menurunkan pangkat pegawai2 dalam perkhidmatan itu, dan mengambil tindakan tata-tertib (discipline) ka-atas pegawai2 yang membuat kesalahan dan melanggar peratoran2 kerja dan tata-tertib.³²

Pada menjalankan tugas2 dan kuasa2-nya, sa-suatu Surohanjaya Perkhidmatan itu boleh mewakilkan kuasa2-nya kapada sa-saorang pegawai atau kapada sa-suatu jema'ah pegawai, dan kuasa2 yang di-wakilkan itu hendak-lah di-jalankan di-bawah arahan dan kawalan Surohanjaya Perkhidmatan itu.³³

Sa-lain daripada itu Parlimen boleh membuat undang2³⁴ dan Yang Di-Pertuan Agong boleh membuat peratoran supaya kuasa2 yang di-punyai oleh sa-suatu Surohanjaya Perkhidmatan itu di-jalankan oleh sa-saorang pegawai atau suatu jema'ah pegawai, tetapi sharat-nya, kuasa2 ini bukan-lah kuasa untuk perlantekan kali yang pertama kapada jawatan berpenchen atau untuk menaikkan pangkat. Dan jika sa-saorang pegawai tidak puas hati dengan sebab penjalanan kuasa oleh sa-saorang pegawai

(29) Per. 142(1)(c).

(30) Per. 125(4).

(31) Per. 143(2) dan (3) dan Ordinance Surohanjaya Perkhidmatan, 1957 No.74 t. 1957.

(32) Per. 144(1).

(33) Per. 144(6).

atau jema'ah pegawai, maka boleh-lah ia merayu kepada Surohanjaya itu sendiri dalam tempoh dan mengikut chara yang di-tetapkan oleh undang² atau peratoran itu. Dan Surohanjaya itu akan membuat keputusan yang menasabah dan patut.³⁴

Baharu² ini oleh kerana hendak menguatkan tindakan tata-tertib dalam perkhidmatan awam, Perlembagaan telah di-pinda³⁵ supaya membolehkan satu jema'ah pegawai yang di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong menjalankan kuasa² Surohanjaya Perkhidmatan Awam, tetapi sharat-nya kuasa² itu bukan-lah kuasa perlantekan pertama kali kapada jawatan berpenchen. Dan sa-lagi kuasa ini di-jalankan oleh jema'ah pegawai, sa-lama itu-lah Surohanjaya Perkhidmatan Awam tidak boleh menjalankan kuasa² itu. Barang siapa yang tidak puas hati mengenai penjalanan kuasa ini boleh-lah membuat rayuan kapada satu jema'ah rayuan yang juga di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong. Untuk melaksanakan pertukaran kuasa ini, Yang Di-Pertuan Agong telah di-beri kuasa membuat peratoran mengenai perlantekan dan perjalanan jema'ah² ini.

Untuk memgambil kesempatan ini dua peratoran telah di-buat oleh Yang di-Pertuan Agong, ia-itu :— Peratoran Lembaga Naik Pangkat bagi Perkhidmatan Awam, 1967,³⁶ dan Peratoran Lembaga Tata-tertib bagi Perkhidmatan Awam, 1967.³⁷

Peratoran Naik Pangkat bagi Perkhidmatan Awam, 1967, telah menubohkan beberapa buah Lembaga Penaik-pangkat yang terdiri dari pada pegawai kanan dalam Perkhidmatan Awam. Lembaga² ini mempunyai tugas dan bidang kuasa untuk menaikkan pangkat pegawai² dalam perkhidmatan awam yang am (general public service) dan pegawai² dalam perkhidmatan awam bersama bagi Persekutuan dan Negeri. Keputusan yang di-buat oleh sa-sabuah Lembaga ini boleh-lah di-rayukan kapada satu Lembaga Rayuan yang tertentu. Peratoran ini telah menubohkan empat buah Lembaga Rayuan, sa-buah Lembaga bagi pegawai² dalam bahagian I, sa-buah bagi pegawai² dalam bahagian II, sa-buah bagi pegawai² dalam bahagian III dan sa-buah bagi pegawai² dalam bahagian IV. Keputusan rayuan yang di-buat oleh tiap² buah Lembaga Rayuan ini ada-lah mu'tamad.

(34) Per. 144(5A).

(35) Per. 144(5B).

(36) P.U. 291 t. 1967.

(37) P.U. 292 t. 1967.

Peratoran Lembaga Tata-tertib bagi Perkhidmatan Awam, 1967, menubohkan beberapa buah Lembaga Tata-tertib yang mempunyai bidang kuasa ka-atas pegawai2 dalam perkhidmatan awam am dan pegawai2 dalam perkhidmatan bersama. Tetapi Lembaga Tata-tertib ini tidak mempunyai kuasa ka-atas pegawai yang menjawat atau memangku jawatan Ketua Setia-usaha Negara, Setia-usaha Tetap Perbendaharaan dan Pengarah Perjawatan. Sa-sabuah Lembaga Tata-tertib itu terdiri dari pada pegawai2 kanan dalam perkhidmatan awam. Bidang kuasa yang di-punya1 oleh Lembaga Tata-tertib bagi pegawai dalam bahagian I, II dan III tidak-lah meliputi kapada membuang kerja, menurun pangkat atau menahalkan kenaikan gaji. Lembaga Tata-tertib yang mempunyai kuasa2 ini ia-lah terhad kapada Lembaga Tata-tertib bagi pegawai2 rendah dalam banggian IV dan pegawai2 dalam Bahagian Buroh Kasar. Tiap2 keputusan yang di-buat oleh sa-sabuah Lembaga Tata-tertib itu boleh-lah di-rayukan kapada Lembaga Rayuan Tata-tertib yang berkenaan. Bagi pegawai dalam tiap2 bahagian ada mempunyai sa-buah Lembaga Rayuan. Lembaga Rayuan ini terdiri daripada pegawai2 kanan, tetapi Lembaga Rayuan bagi pegawai2 dalam bahagian I mempunyai Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam sa-bagai Pengerusi Lembaga itu. Dan lagi apabila Lembaga Tata-tertib bagi pegawai2 rendah dalam bahagian IV dan Bahagian Buroh Kasar akan mendengar rayuan mengenai buang kerja, Lembaga ini akan di-pengerusikan oleh Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam. Di-sini nampaknya undang2 ini dengan tidak sengaja menjadi kusut, kerana kuasa tata-tertib yang sa-benar maseh lagi di-punya1 oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam, walaupun Perkara 144(5B) dan Peratoran ini chuba memindahkan kuasa itu kapada Lembaga Tata-tertib. Sa-lain daripada ini keputusan2 yang di-buat oleh sa-sabuah Lembaga Tata-tertib itu ada-lah mu'tamad.

V. Angkatan Bersenjata.

Angkatan bersenjata, ia-itu angkatan tentera darat, laut dan udara, ada-lah satu daripada kakitangan Kerajaan yang mustahak untuk mengegahkan musoh dalam dan luar negeri. Dari itu angkatan bersenjata itu ada-lah satu daripada kumpulan2 perkhidmatan awam persekutuan, dan ada-lah di-letakkan oleh Perlembagaan di-bawah bidang kuasa Majlis Angkatan Bersenjata. Majlis ini ada-lah terdiri daripada:—³⁸

(38) Per. 137(3).

- (a) Menteri yang bertanggong-jawab mengenai hal ahwal pertahanan menjadi sa-bagai Pengerusi Majlis itu;
- (b) sa-orang ahli yang mewakili Rajaz Melayu, yang dilantek oleh Majlis Rajaz;
- (c) Ketua Turus Angkatan Bersenjata yang dilantek oleh Yang Di-Pertuan Agong;
- (d) Setia-usaha Kementerian Pertahanan yang menjadi sa-bagai setia-usaha bagi Majlis itu;
- (e) Dua orang pegawai turus bagi Angkatan Bersenjata Persekutuan yang juga dilantek oleh Yang Di-Pertuan Agong;
- (f) sa-orang pegawai kanan bagi angkatan Laut Persekutuan yang dilantek oleh Yang Di-Pertuan Agong;
- (g) sa-orang pegawai kanan bagi angkatan udara yang dilantek oleh Yang Di-Pertuan Agong; dan
- (h) dua orang pegawai tambahan, sama ada pegawai askar atau pegawai biasa, yang dilantek oleh Yang Di-Pertuan Agong.

Majlis Angkatan Bersenjata ini ada-lah bertanggong-jawab³⁹ kapada kuasa am Yang Di-Pertuan Agong mengenai pemerintahan, tata-tertib (discipline) dan pentadbiran ka-atas angkatan bersenjata dan beberapa perkara lagi yang bersangkutan dengan angkatan bersenjata, tetapi bukan-lah perkara2 yang berkait dengan penggunaan angkatan bersenjata itu. Maka dengan kuasa ini-lah beberapa perentah dan peraturan2 telah di-buat mengenai tata-tertib, sharat bekerja sa-saorang askar dan beberapa perentah lagi yang mana kesemua-nya di-kenali dengan nama undang2 tentera.

Mengada dan memeliharaikan angkatan bersenjata tentu-lah berkehendakkan wang yang banyak, walau pun angkatan itu tidak besar. Walau macham mana sa-kali pun tidak-lah dapat di-nafikan lagi betapa mustahak-nya bagi sa-sabuah negara itu mempunyai angkatan bersenjata-nya sendiri untuk sa-kurang2-nya mempertahankan kemerdekaan-nya. Oleh kerana wang terpaksa di-kehendaki dan kuasaz lain mestilah di-beri ka-atas Kerajaan, maka tiap2 penubuhan sa-suatu pasukan dalam angkatan bersenjata hendak-lah di-benarkan oleh undang2. Mithal-nya Askar Melayu Diraja ada-lah di-tauliahkan oleh Enactment Askar Melayu.⁴⁰ Askar Persekutuan ada-lah di-wujudkan di-bawah Ordinance Askar

(39) Per. 137 (1).

(40) NMB Bab 42.

Persekutuan,⁴¹ manakala Ordinance Pasukan Tentera⁴² telah memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mewujudkan beberapa pasukan tentera yang lain daripada yang tersebut.

Gajiz askar dan pegawaiz mereka dan segala perbelanjaan mengenai angkatan bersenjata ada-lah di-bayar daripada wang yang di-untokkan kepada Kementerian Pertahanan dalam peranggaran pada tiap2 tahun oleh Parlimen.

VI. Penyudah.

Kedudukan pegawaiz dalam perkhidmatan awam sa-bagaimana yang kita dapati ia-lah mereka memegang jawatan di atas kesukaan Yang Di-Pertuan Agong. Tetapi untuk melindongkan mereka daripada kuasa leluasa yang mungkin akan timbul jika pegawai itu bertugas dengan bebas, Perlembagaan telah memberi kepada mereka tiga perlindongan:—

- (i) mereka di-letak di-bawah bidang kuasa Surohanjaya Perkhidmatan yang bebas;
- (ii) mereka tidak boleh di-buang kerja atau di-turunkan pangkat melainkan oleh pehak yang berkuasa yang tidak rendah daripada pehak yang berkuasa melanekkan-nya dan mereka berhak membela diri supaya jangan di-buang kerja atau di-turunkan pangkat-nya;
- (iii) pegawaiz awam dalam tingkatan yang sama hendak-lah di-beri layanan yang sama dengan tidak ada apaz perbedaan, melainkan apa yang di-dapati dalam sharat perkhidmatan mereka sahaja.⁴³

Peruntokanz ini hanya-lah untuk melindongkan pegawaiz daripada kuasa leluasa (arbitrary power) yang di-punyai oleh Kerajaan. Tetapi jika pegawaiz sendiri telah menunjukkan keadaan yang tidak bertanggong-jawab yang akan merosakkan perkhidmatan awam, maka tidak-lah boleh di-salahkan jika perlindongan itu telah di-usek. Yang demikian, ter-pulang-lah kapada pegawaiz sakalian untuk menunjukan sikap yang bertanggong-jawab, yang menasabah dengan ta'at setia mereka kapada negara dan Yang Di-Pertuan Agong. Demikian-lah juga ahliz politik dan wakilz ra'ayat hendak-lah menghormati ka'edah ini dan jangan-lah mereka

(41) Ordinance No. 27 t. 1952.

(42) Ordinance No. 47 t. 1952.

(43) Per. 136.

champor-tangan dalam perkara pentadbiran.⁴⁴ Jika mereka champor-tangan, sudah tentu prinsip neutrality bagi perkhidmatan awam tidak dapat di-pelihara.

(44) Pada masa sekarang ahli2 politik nampak-nya chenderong benar mengganggu pekerjaanz pegawai. Lihat Straits Times zohb. Disember, 1967.

BAB X KEWANGAN NEGARA

Untuk memerentah dan menjalankan pentadbiran negeri tentu-lah Kerajaan berkehendakkan wang. Hospital dan sekolah2 yang di-dirikan mesti-lah menelan wang. Gajiz doktor dan guru dan lain2-nya mesti di-bayar. Demikian-lah juga perbelanjaanz yang lain. Oleh kerana pentadbiran pada zaman ini telah menjadi kusut (complicated) sebab adanya bermachamz perkhidmatan untuk kesenangan ra'ayat, maka tentu-lah wang yang di-kehendaki oleh Kerajaan akan bertambah banyak daripada masa yang sudah2.]

Kita telah dapati bahawa di-United Kingdom hal ahwal kewangan ada-lah hak Parlimen. Oleh sebab Raja telah mengenakan chukai kapada ra'ayat dengan tidak mendapat persetujuan Parlimen, maka ra'ayat telah menentang, dan satu tuntutan yang hebat telah di-buat ka-atas Raja yang mana chukai itu tidak boleh di-kenakan dan di-pungut melainkan ada kuasa yang di-beri oleh undangz. Tuntutan ini telah di-terima menjadi satu batu asas kepada Perlembagaan United Kingdom pada tahun 1689 yang mana timbul-lah sistem pentadbiran wang negara ia-itu Kerajaan akan meminta wang kapada Parlimen dan Parlimen akan meluluskan permintaan itu. Sistem ini boleh di-dapati dalam semua negeriz Komanwel dan juga Malaysia. Sistem ini terdiri daripada 5 prinsip yang berikut, ia-itu :—

- (a) segala chukai, kadar dan hasil² yang lain tidak boleh di-kenakan dan di-pungut melainkan ada undang² yang membenarkan pengenaan dan pemungutan chukai itu;¹
- (b) semua pinjaman wang hendak-lah di-kuasakan oleh undang² dan bagitu-lah juga semua jaminan wang atau manaz urusan yang melibatkan Kerajaan menjadi sa-bagai penjamin hendak-lah di-tauliahkan oleh Perbendaharaan mengikut undang².³
- (c) semua hasil² yang di-pungut dan semua wang yang di-perolehi oleh Kerajaan hendak-lah di-masukkan ka-dalam satu Kumpulan-wang yang di-namakan Kumpulan-wang yang di-Satukan;⁴
- (d) semua perbelanjaan Kerajaan ada-lah di-bayar daripada Kumpulan-wang ini dan hendak-lah di-tauliahkan oleh undang²;⁵
- (e) Kerajaan dengan menerusi Menteri Kewangan ada-lah bertanggong-jawab bagi menguruskan Kumpulan-wang yang di-satukan dan juga untuk menyelia, mengawal dan mengarahkan segala² perbelanjaan Kerajaan dan segala perkara² yang berkaitan dengan hal ahwal kewangan negara;⁶
- (f) semua perbelanjaan dan kiraz wang Kerajaan ada-lah diperekси oleh sa-orang pegawai bernama Juru Odit Negara,⁷ dan oleh satu jawatan-kuasa Parlimen bernama Jawatan-kuasa Kiraz Wang Negara.⁸

Dalam cheraiān yang berikut kita akan binchangkan konsep² ini.

Hasil.

Wang dan hasil Kerajaan untuk menjalankan pentadbiran negara boleh-lah di-katakan datang-nya daripada chukai dan bayaran² yang di-kenakan ka-atas ra'ayat dan juga daripada pinjaman. Sa-bagaimana yang kita tahu, semua chukai dan bayaran hendak-lah berasaskan kapada undang², jika lau tidak, segala bayaran yang di-buat dan di-pungut tidak-lah sah. Sa-tengah daripada chukaiz yang di-kenakan ka-atas ra'ayat ia-lah :—

(1) Per. 96.

(2) Per. 111(1).

(3) Ordinance Peratoran Kewangan, 1957 (No. 62 t. 1957)s. 14.

(4) Per. 97(2).

(5) Per. 104.

(6) Ordinance Peratoran Kewangan 1957, sekshen 6.

(7) Per. 106.

(8) Peratoran Majlis Meshuarat Dewan Ra'ayat, Peratoran 77.

- (a) chukai pendapatan di-benarkan oleh Act Chukai Pendapatan, 1967, (No. 47 t. 1967);
- (b) bayaran pendaftaran dan lesen kereta di-bawah Ordinance Lalu-lintas, 1958, (No. 49 t. 1958);
- (c) chukai barang impot dan eksepot di-benarkan oleh Ordinance Kastam, 1952, (No. 42 t. 1952);⁹
- (d) bayaran lesen radio, talivishen dan talipon di-bawah Ordinance Talikom, 1950 (No. 28 t. 1950);
- (e) chukai barang2 buatan Malaysia di-benarkan oleh Act Excise, 1961 (No. 34 t. 1961);
- (f) chukai pembayaran gaji di-kenakan oleh Act Kewangan, 1965, (No. 2 t. 1965);
- (g) chukai hasil perniagaan di-kenakan oleh Act Chukai Hasil Perniagaan, 1965, (No. 41 t. 1965);
- (h) chukai Harta Pesaka, di-kenakan oleh undang2 F.M.S. No. 7t. 1941, Sabah Bab 42, Sarawak Bab 29 dan Act Kewangan (Harta Pesaka) 1965 (No. 29 t. 1965);
- (i) chukai memberi sewa filem wayang gambar di-bawah Act Chukai Sewa Filem Wayang Gambar, 1965, (No. 45 t. 1965);
- (j) lain2 bayaran lagi yang di-kenakan di-bawah Ordinance Bayaran, 1951, (No. 22 t. 1951) dan undang2 lain lagi.

Segala chukaiz dan bayaran2 itu telah menjadi sa-bagai satu perkara yang biasa sahaja, chuma kadar bayaran-nya yang di-ubah pada tiap2 tahun.

Pinjaman2 yang di-buat oleh Kerajaan ia-lah untuk menjalankan beberapa ranchangan, dan undang2 yang meluluskan pinjaman ini terbahagi kepada dua jenis. Undang2 pinjaman bagi tiap2 satu ranchangan dan undang2 yang membenarkan Kerajaan meminjam daripada manapun (source) sa-banyak mana jumlah yang di-tentukan oleh undang2 itu.¹⁰ Sa-lagi pinjaman itu belum lagi mencapai jumlah itu, sa-lagilah boleh Kerajaan meminjam dengan memakai undang2 ini. Apabila jumlah ini sudah sampai, tidak-lah boleh di-buat pinjaman lagi melainkan satu undang2 lain mesti di-luluskan oleh Parlimen. Undang2 pinjaman bagi satuz ranchangan itu habis-lah kuasa-nya jika pinjaman itu telah dibuat.]

(9) Lihat Act Kastam No. 62 t. 1967 yang telah di-luluskan oleh Parlimen tetapi belum berjalan kuat-kuasa-nya lagi.

(10) Act-Pinjaman Luar Negeri (No. 22 t. 1963) membenarkan pinjaman sa-banyak 1,070 juta ringgit untuk pembangunan negeri dan membayar balek pinjaman2 yang di-buat dahulu.

Kumpulan-wang yang di-satukan.

Kumpulan-wang ini ada-lah merupakan sa-bagai satu tabong wang yang mana semua hasil2 Kerajaan dan wang2 yang di-dapati oleh Kerajaan dengan atas jalan apa pun hendak-lah di-masukkan ka-dalam-nya.¹¹ Kumpulan-wang yang di-satukan ini mempunyai tiga kiraz wang, ia-itu:—¹²

- (1) Kiraz hasil yang di-satukan;
- (2) Kiraz wang pinjaman yang di-satukan;
- (3) Kiraz wang amanah yang di-satukan.

Kiraz hasil yang di-satukan mengandungi semua kiraz hasil yang di-pungut oleh Kerajaan mengikut undang2 yang berkenaan. Bagitulah juga kiraz wang pinjaman yang di-satukan mengandungi semua kiraz wang yang di-pinjam oleh Kerajaan, baik pun daripada orang2 dalam Malaysia atau pun luar Malaysia. Kiraz wang amanah yang di-satukan ada-lah mengandungi semua kiraz wang yang di-amanahkan kepada Kerajaan dan wang yang di-untokkan bagi sa-suatu perbelanjaan yang tertentu.¹³

Semua wang yang di-bayar ka-dalam Kumpulan2 Wang yang di-satukan hendak-lah di-simpan dalam satu bank yang di-tetapkan oleh Perbendaharaan.¹⁴ Nampaknya pada masa ini kebanyakan wang Kerajaan ada-lah dalam simpanan Bank Negara Malaysia. Wang2 yang di-simpan dalam bank itu ada-lah di-sifatkan sa-olah¹⁵ bank itu telah meminjam wang daripada Kerajaan. Dan lagi tidak ada sa-orang pegawai pun yang boleh membuka kiraz rasmi untuk wang Kerajaan dalam manaz bank, melainkan hendak-lah terlebih dahulu pegawai itu mendapat kuasa daripada Perbendaharaan, dan bank tidak boleh memberi overdraft di atas kiraz wang Kerajaan melainkan hendak-lah bank itu terlebih dahulu mendapat kuasa atau kebenaran daripada Perbendaharaan atau melainkan ada-nya satu undang2 yang membenarkan pinjaman itu.¹⁶

Wang2 Kerajaan yang di-simpan dalam manaz bank atau di-manaz pun boleh-lah di-laborkan oleh Menteri Kewangan dengan di-simpankan sa-bagai deposit dalam bank itu, atau dengan chara yang di-

(11) Per. 97(2).

(12) S. 7 Ordinance Peratoran Kewangan, 1957.

(13) Ordinance Peratoran Kewangan 1959, s. 9 dan 10.

(14) S. 8 Ordinance Peratoran Kewangan, 1957.

(15) S. 8.

(16) S. 5.

benarkan oleh undang2 pemegang amanah untuk melaborkan wang amanah, atau di-simpan dalam manaz Kumpulan-wang yang di-pegang oleh Crown Agent di-London, atau dengan apa chara pun yang di-luluskan oleh undang2 atau satu usul Dewan Ra'ayat.¹⁷

Perbelanjaan.

Segala perbelanjaan ada-lah di-buat daripada Kumpulan-wang yang di-satukan dan hendak-lah di-luluskan oleh undang2.¹⁸ Perbelanjaan itu ada-lah terbahagi kepada dua jenis, ia-itu perbelanjaan tetap¹⁹ dan perbelanjaan tahunan.²⁰

Perbelanjaan tetap ia-lah perbelanjaan yang telah di-kenakan ka-atas Kumpulan-wang yang di-satukan oleh Perlembagaan dan beberapa undang2 yang lain. Yang demikian, perbelanjaan ini tidak-lah lagi mesti di-luluskan (voted) oleh Parlimen, walau pun kepala2 dan butir2 perbelanjaan ini ada di-zahirkan dalam peranggaran. Perbelanjaan ini ada-lah di-anggap menjadi sa-bagai tanggongan negara dan terdiri daripada perkara2 yang tersebut di-bawah:—

- (1) semua penchen, pampasan kerana hilang jawatan dan semua ganjaran yang menjadi tanggongan Kerajaan;²¹
- (2) semua bayaran tanggongan hutang Kerajaan;²²
- (3) semua bayaran untuk menyelesaikan hukum atau keputusan Mahkamah atau manaz tribunal;²³
- (4) Peruntukan Diraja bagi Yang Di-Pertuan Agong dan bayaran tahunan kapada Raja Permaisuri Agong;²⁴
- (5) Gajiz Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi,²⁵ gajiz ahli Surohanjaya Pilehanraya²⁶ dan ahli Surohanjaya Perkhidmatan²⁷ gaji Yang Di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Yang di-Pertua Dewan Negara,²⁸ gaji Juru

(17) S. 8(3) Ordinance Peratoran Kewangan, 1957.

(18) Per. 104.

(19) Per. 98.

(20) Per. 99, 100, 101 dan 102.

(21) Per. 98(t)(a).

(22) Per. 98(t)(b).

(23) Per. 98(t)(c).

(24) Per. 35 dan 98(t).

(25) Per. 125(6).

(26) Per. 114(5).

(27) Per. 143(2).

(28) Per. 58.

- Odit Negara,²⁹ dan gaji Setia-usaha Dewan Ra'ayat dan Setia-usaha Dewan Negara.³⁰
- (6) pembayaran kepada Negeri³¹ dan sa-bahagian daripada chukai eksepot bijeh timah yang mesti di-bayar kapada Negeri yang mengeluarkan bijeh itu; dan
 - (7) pembayaran balek yang di-kuasakan oleh undang² supaya wang yang telah di-bayar ka-dalam Kumpulan-wang yang di-satukan itu di-bayar balek kapada pembayar-nya.³²

Perbelanjaan tahunan ia-lah perbelanjaan yang di-chadang akan di-bayar daripada Kumpulan-wang yang di-satukan dan perbelanjaan ini ada-lah di-luluskan oleh satu undang² yang mesti di-buat pada tiap2 tahun. Undang² ini bernama Act Perbekalan.³³ Perbelanjaan ini ia-lah meliputi semua perbelanjaan wang Kerajaan yang tidak termasuk dalam jenis perbelanjaan tetap, seperti gajiz pegawai Kerajaan, belanjaz pejabat, sekolah dan hospital dan harga menjalan sa-suatu ranjangan dan lainz-nya.

Peranggaran.

Oleh kerana perbelanjaan tahunan itu mesti di-kuasai oleh Act Perbekalan, maka pada tiap2 tahun Parlimen akan bersidang untuk meluluskan rang undang² perbekalan itu dan rang undang² ini hendak-lah di-sokong oleh satu peranggaran perbelanjaan tahunan itu. Mengikut Peratoran Majlis Meshuarat Dewan Ra'ayat 1965, peranggaran perbelanjaan tahunan yang di-chadang akan di-bayar daripada Kumpulan-wang yang di-satukan hendak-lah di-hantar kapada Parlimen sa-bbelum daripada di-chadangkan rang undang² perbekalan mengenai-nya.

Charaz membuat peranggaran ada-lah terkandong dalam peruntukan Perkara 99 Perlombagaan Malaysia dan seksen 15 Ordinance Peratoran Kewangan, 1957 (Bil.62 tahun 1957). Peranggaran ini ada-lah di-buat oleh masing2 Kementerian dan jabatan pada tiap2 tahun.³⁴ Biasa-nya peranggaran itu di-buat pada awal tahun. Oleh kerana Perbendaharaan bertanggong-jawab dalam hal ahwal penyimpanan

(29) Per. 105(4).

(30) Act Perkhidmatan Parlimen, 1963 (No. 12 t. 1963).

(31) Per. 109(4), 110(3) dan 110(5).

(32) Ordinance Peratoran Kewangan, 1957, s.14A.

(33) Per. 100 dan 101.

(34) Treasury Instructions (1966) Government Printer.

dan perbelanjaan wang kerajaan, maka semua peranggaran yang dibuat oleh masing-masing Kementerian dan jabatan ada-lah di-semak dan di-kawal oleh Perbendaharaan. Biasa-nya ada perbelanjaan yang dianggarkan tidak di-persetujui oleh Perbendaharaan, dan yang demikian jika timbul pertelingkahan seperti ini di-antara Perbendaharaan dengan sa-suatu Kementerian dan sa-suatu jabatan, keputusan mu'tamad mengenai hal ini ada-lah di-buat oleh Jema'ah Menteri. Sa-telah siap mendapat persetujuan Jema'ah Menteri, peranggaran perbelanjaan yang di-chadang akan di-bayar daripada Kumpulan-wang yang di-satukan itu pun di-hantar ka-Parlimen untuk di-bahagikan kepada ahli2-nya. Ini biasa-nya satu bulan sa-belum daripada di-chadangkan rang undang-Perbekalan.

Tiap2 peranggaran mempunyai beberapa kepala perbelanjaan.³⁵ Kepala perbelanjaan tetap di-kenal dengan huruf C, manakala kepala perbelanjaan tahunan di-kenal dengan huruf S, dan tiap2 satu kepala perbelanjaan ada-lah di-kenal dengan nombor pula, mithal-nya S1, S2, S3 dan sa-bagai-nya. Tiap2 kepala perbelanjaan ada mempunyai tiga pechahan kepala - Pechahan yang pertama ia-lah berkenaan dengan gaji2 pegawai dan kaki-tangan Kementerian atau jabatan yang berkenaan, pechahan yang kedua ia-lah mengenai perbelanjaan yang berulang tiap2 tahun, seperti belanja api letrik, ayer, menchuchi dan mengemasan pejabat, alat tulis dan sa-bagai-nya. Pechahan kepala yang ketiga ia-lah mengenai perbelanjaan yang khas dan tidak berulang2, seperti harga kereta bagi sa-sabuah pejabat itu.

Pada masa sekarang, pechahan kepala yang ketiga itu tidak-lah banyak mengandungi jenis perbelanjaan, kerana kebanyakan perbelanjaan mengenai satuz ranchangan ada-lah di-untokkan dalam peranggaran pembangunan (development estimate).

Peranggaran Pembangunan.

Peranggaran perbelanjaan Kerajaan ia-lah terbahagi kepada dua jenis:-

- (i) peranggaran biasa,³⁶ dan
- (ii) peranggaran pembangunan.

Peranggaran biasa sudah-lah di-terangkan di atas. Peranggaran pembangunan ia-lah di-buat di-bawah Act Kumpulan-wang Pembangunan

(35) Ordinance Peratoran Kewangan, 1957, sekshen 15.

(36) sudah di-terangkan.

1958 (Bil 18 tahun 1958). Satu kumpulan wang yang di-namakan Kumpulan-wang Pembangunan telah di-wujudkan di-bawah Act Peratoran Kewangan Negara, 1957, dan Kumpulan-wang ini mengandungi wang yang di-untokkan bagi pembangunan, dan wang2 pinjaman kerana itu. Pada tahun 1957 wang yang di-untokkan bagi Kumpulan-wang ini berjumlah \$24,600,000.³⁷ Tiap2 perbelanjaan yang akan di-bayar daripada Kumpulan-wang Pembangunan ini hendak-lah di-masukkan ka-dalam peranggaran pembangunan dan peranggaran ini hanya-lah akan di-luluskan oleh usul Dewan Ra'ayat sahaja, dengan tidak payah di-luluskan dengan chara undang2.³⁸

Rang Undang2 Perbekalan.

Sa-bagaimana yang di-terangkan di atas, rang undang2 perbekalan dan peranggaran perbelanjaan hendak-lah di-luluskan oleh Parlimen pada tiap2 tahun. Apabila rang undang2 ini sudah di-bacha pada kali yang pertama, Menteri Kewangan akan membuat satu usul supaya rang undang2 itu di-bacha pada kali yang kedua. Manakala membuat usul ini-lah Menteri itu akan membuat satu uchapan yang panjang lebar mengenai kedudukan ekonomi negara. Uchapan ini di-namakan belanjawan (budget) dan mengandungi anggaran perbelanjaan dan chadanganz Kerajaan hendak mendapatkan wang untuk menunaikan perbelanjaan itu. Di-sini sama ada Kerajaan akan menaikkan kadar2 chukai yang sudah di-kenakan atau mewujudkan chukaiz baharu yang belum di-kenakan lagi.³⁹

Sa-telah tamat uchapan ini, bahathan mengenai usul hendak membacha rang undang2 perbekalan itu pada kali yang kedua pun di-tanggohkan sa-lama dua hari, dan apabila chukup dua hari, bahathan atas usul itu akan di-jalankan sa-lama tiga hari sahaja. Manakala rang undang2 itu di-bacha pada kali yang kedua pada akhir bahathan itu, maka rang undang2 itu dan peranggaran perbelanjaan keduanya pun akan di-timbangkan dengan satu persatu-nya dalam satu jawatan-kuasa Parlimen, bernama Jawatan-kuasa Perbekalan Jawatan-kuasa ini mengandungi semua ahli Dewan Ra'ayat. Bahathan

(37) Ordinance (Peruntukan) Kumpulan-wang Berkanun, 1958 (No. 73 t. 1957)

(38) Ordinance Kumpulan-wang Pembangunan, 1958 (No. 18 t. 1958) s. 4(2). Jumlah perbelanjaan yang di-luluskan pada tahun 1966 ia-lah \$879,884, 370. (Peranggaran Pembangunan 1966).

(39) Chukai ini, jika di-wujudkan, hendak-lah di-tauliahkan oleh undang2. Tetapi untuk menaikkan kadar chukai, mengikut kebanyakan undang2 yang ada memerlukan perentah naik chukai itu di-bentangkan dalam Dewan Ra'ayat.

dalam Jawatan-kuasa ini akan mengambil masa sa-lama 14 hari, yang mana tiap2 kepala perbelanjaan akan di-binchangkan satu demi satu. Apabila tamat perbinchangan ini, rang undang2 itu pun di-bawa sa-mula ka-dalam Dewan Ra'ayat dan sa-terus-nya di-bacha pada kali yang ketiga dan di-luluskan oleh Dewan itu.⁴⁰

Kelulusan Perbelanjaan atas Kiraz dan atas Keperchayaan.

Hendak meluluskan rang undang2 perbekalan tentu-lah mengambil masa yang panjang, dan jikalau hendak di-nantikan sudah tentu Kerajaan tidak boleh membuat perbelanjaan2 yang di-anggarkan dalam peranggaran itu. Dengan sebab ini, sa-belum daripada di-luluskan rang undang2 perbekalan itu Parlimen buat sementara boleh meluluskan satu undang2 untuk membenarkan perbelanjaan bagi sa-bahagian tahun.⁴¹ Ini di-namakan kelulusan atas kiraz (votes on account). Perbelanjaan yang di-buat di-bawah undang2 ini akan di-persesuaikan dengan perbelanjaan di-bawah peranggaran.

Segala perbelanjaan dalam peranggaran ia-lah berbelanjaan yang boleh di-tentukan. Tetapi jika ada perbelanjaan yang tidak boleh di-tentukan jumlah perbelanjaan-nya, atau jika ada perbelanjaan yang mesti di-buat dengan segera, maka perbelanjaan yang saperti ini boleh-lah di-luluskan oleh Parlimen dengan chara di-luluskan satu undang2, tetapi tidak-lah payah di-ikutkan peratoran meluluskan peranggaran dan rang undang2 Perbekalan.⁴² Perbelanjaan yang saperti ini di-namakan kelulusan atas keperchayaan (vote of credit).

Peranggaran Tambahan dan Rang Undang2 Perbekalan Tambahan.

Terkadang2 wang yang di-untokkan dalam Act Perbekalan itu tidak mencukupi untuk perbelanjaan2 yang hendak di-buat. Dan juga boleh jadi timbul satu mata perbelanjaan baharu yang tidak dimasukkan dalam peranggaran yang di-luluskan oleh Act Perbekalan. Terkadang2 Kerajaan telah membelanjakan wang lebih daripada jumlah yang di-benarkan oleh Act Perbekalan. Dengan sebab ini, wang yang di-kehendaki untuk di-belanjakan itu dan perbelanjaan yang sudah di-buat dengan tidak mendapat kebenaran undang2 itu hendak-lah di-tauliahkan oleh satu Act Perbekalan Tambahan. Dan untuk ini

(40) Lihat peratoran 65, 66 bagi P.T.D.R.

(41) Per. 102(a).

(42) Per. 102(b).

hendak-lah di-siapkan satu peranggaran tambahan. Act Perbekalan Tambahan ini dan peranggaran tambahan ada-lah di-lulus dan dibinchangkan oleh Dewan Ra'ayat sama-lah seperti chara Dewan itu melulus dan membinchangkan Act Perbekalan dan Peranggaran, sa-kadarkan masa-nya ada-lah singkat sadikit.

Kawalan Perbendaharaan.

Perbendaharaan di-beri kuasa mengawal perbelanjaan wang Kerajaan oleh Ordinance Peratoran Kewangan.⁴³ Kawalan ini-lah -

- (1) walau pun kepala perbelanjaan telah di-benarkan oleh Act Perbekalan, tetapi wang maseh tidak lagi boleh di-keluaran daripada kumpulan-wang yang di-satukan melainkan mengikut charaz yang di-buat oleh undang.⁴⁴ Ia-itu dengan suatu warrant yang di-tandatangani oleh Menteri Kewangan.
- (2) Perbelanjaan yang di-buat oleh Kementerianz dan jabatanz bukan sahaja jangan melebhi jumlah yang di-benarkan oleh Act Perbekalan, bahkan jumlah ini boleh di-kurangkan oleh Menteri Kewangan.⁴⁵ Dan lagi taipz perbelanjaan hendak-lah berbetulan dengan mata dan butiran perbelanjaan. Jika hendak di-tukarkan jumlah wang yang di-untokkan bagi satu mata perbelanjaan kepada satu mata perbelanjaan yang lain, maka kebenaran Perbendaharaan hendak-lah di-dapatkan terlebeh dahulu. Ini di-namakan virement, tetapi sharat-nya jumlah perbelanjaan semua sa-kali jangan-lah melebhi apa yang di-luluskan oleh Act Perbekalan.⁴⁶
- (3) Tiapz kepala perbelanjaan ada-lah di-jaga oleh sa-orang pegawai pengawal, yang di-lantek oleh Menteri Kewangan.⁴⁷ Pegawai ini bertanggong-jawab kepada Menteri dan kepada Jawatan-kuasa Kiraz wang Kerajaan supaya segala perbelanjaan ada-lah di-buat mengikut kepalaZ yang tertentu. Pegawai pengawal ini boleh discharge oleh Surohanjaya

(43) S. 6.

(44) S. 13 dan Per. 104(3).

(45) S. 13(3)(b).

(46) S. 15.

(47) S. 15A.

Perkhidmatan kira-nya ia telah mungkir daripada menjalankan kewajipan-nya.⁴⁸

- (4) Manaz wang yang tidak habis di-belanjakan hendak-lah di-masukkan balek ka-dalam Kumpulan-wang yang di-satukan.

Kumpulan-wang Luar Jangka (Contingency Fund).

Kita telah dapati ia-itu semua perbelanjaan ada-lah di-untokkan dalam peranggaran dan Act Perbekalan. Kadangz ada timbul beberapa jenis perbelanjaan baharu yang tidak di-untokkan, dan oleh kerana perbelanjaan ini mustahak di-buat sa-belum mendapat kelulusan daripada Parlimen, maka Perlembagaan⁴⁹ telah membenarkan Kerajaan mewujudkan satu Kumpulan-wang, di-namakan Kumpulan-wang Luar Jangka. Wang yang di-masukkan dalam Kumpulan-wang ini ia-lah datang-nya daripada Kumpulan-wang yang di-satukan dan wang ini hanya-lah boleh di-gunakan untuk perbelanjaan luar jangka dan juga untuk membuat bayaran dan pinjaman kapada negeri.⁵⁰

Apabila wang daripada Kumpulan-wang Luar Jangka telah di-belanjakan, maka wang ini hendak-lah di-ganti sa-mula. Dengan sebab itu, satu peranggaran tambahan mesti di-siapkan dan Act Perbekalan Tambahan mesti di-luluskan.⁵¹

Kumpulan-wang Simpanan Negeri (State Reserve Fund).

Mengikut Perlembagaan, Kerajaan Persekutuan hendak-lah pada tiap2 tahun dan juga dari satu masa ka-satu masa membuat bayaran dan memberi bantuan dan pinjaman kapada Negeri. Untuk menyenangkan pengiraan hal ini Perlembagaan telah mewujudkan satu Kumpulan-wang yang di-namakan Kumpulan-wang Simpanan Negeri.⁵² Wang yang akan di-bayar ka-dalam kumpulan-wang ini datang-nya daripada Kumpulan-wang yang di-satukan⁵³ dan jumlah-nya ada-lah di-tentukan oleh Kerajaan Persekutuan sa-lepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara.⁵⁴

(48) S. 18.

(49) Per. 103 dan Ordinance Peratoran Kewangan, 1957, s. 11.

(50) Per. 109(5).

(51) Per. 103(2).

(52) Per. 109(6).

(53) Ordinance Peratoran Kewangan 1951, s. 12.

(54) Per. 109(6)(b).

Kumpulan-wang Berkanun atau Amanah Kerajaan.

Kita telah dapat, salah satu daripada prinsip pentadbiran wang negara ia-lah kawalan yang di-buat oleh Perbendaharaan. Oleh kerana kawalanz ini amat ketat, maka tidak-lah sesuai jikalau tiapz kali hendak di-belanjakan wang, kebenaran daripada Perbendaharaan mesti di-dapati dan peranggaran dan Act Perbekalan mesti di-luluskan. Dengan sebab ini-lah beberapa Kumpulan-wang amanah atau berkanun telah di-wujudkan di-bawah Ordinance Peratoran Kewangan, 1957.⁵⁵ Salah satu daripada kumpulan-wang ini ia-lah Kumpulan-wang Pembangunan.

Wang yang akan di-masukkan ka-dalam Kumpulanz-wang ini ia-lah datang-nya daripada Kumpulan-wang yang di-satukan. Wang dalam Kumpulan-wang ini hendak-lah di-belanjakan untok sa-suatu ranchangan yang di-tentukan oleh Dewan Ra'ayat dari satu masa ka-satu masa. Manaz wang yang tidak di-belanjakan mesti-lah di-masukkan ka-dalam Kiraz Wang Amanah yang di-satukan.

Kiraz Wang Amanah.

Kerajaan ada memegang beberapa jumlah wang yang tert'a'alok kapada sa-suatu amanah. Wang ini boleh jadi kepunyaan Kerajaan yang telah di-untokkan bagi sa-suatu perbelanjaan tertentu atau pun kepunyaan orang awam yang di-terima dan di-pegang oleh Kerajaan sa-bagai amanah untok sa-suatu perkara. Untuk menyenangkan pengiraan kiraz Amanah yang di-satukan, segala wangz ini hendak-lah di-masukkan ka-dalam kiraz yang di-namakan Kiraz Wang Amanah. Kiraz ini ada-lah di-wujudkan oleh Perbendaharaan di-bawah Ordinance Peratoran Kewangan,⁵⁶ 1967, dan di-jagai dan di-kawal oleh Perbendaharaan. Jika maksud amanah itu telah habis di-sempurnakan kiraz itu pun boleh-lah di-tutup, dan wang yang baki dalam kiraz itu hendak-lah di-bayar ka-dalam kiraz Pinjaman yang di-satukan jika kiraz wang Amanah itu ada mendapat wang daripada Kiraz Pinjaman itu. Sa-lepas itu, jikalau ada lagi baki, baharu-lah di-bayar ka-dalam kiraz Hasil yang di-satukan. Tetapi jika kiraz wang Amanah itu ada tanggongan, maka segala tanggongan itu mesti-lah di-selesaikan terlebih dahulu sa-belum di-tutup kiraz itu.

(55) S. 10.

(56) S. 9.

Juru Odit Negara.

Prinsip yang kelima untuk pentadbiran wang Kerajaan ia-lah pemereksaan yang di-buat oleh Juru Odit Negara dan Jawatan-kuasa Kiraz Wang Kerajaan.

Perkara 106 memberi kewajipan kepada Juru Odit⁵⁷ Negara supaya memereksa semua kiraz wang Kerajaan dan sa-lepas itu melaporkan satu penyata kepada Yang Di-Pertuan Agong. Penyata ini akan di-bentangkan oleh Yang Di-Pertuan Agong di-hadapan Dewan Ra'ayat.⁵⁸ Penyata ini mengandungi segala tegoranz dan pemandangan-nya mengenai kiraz wang dan setor Kerajaan.

Pemerekasaan kiraz ini ada-lah di-jalankan oleh Juru Odit Negara untuk menentukan sama ada perbelanjaan wang Kerajaan di-buat mengikut undangz dan dengan sa-berapa chermat dan teliti.

Untuk menjalankan tugas ini Juru Odit Negara berkuasa penoh bagi mendapat segala ma'lumat dan keterangan dan penjelasan mengenai wang Kerajaan. Dan juga dia boleh memereksa manaz buku, voucher dan lainz suratan, dan boleh memereksa sa-saorang dengan jalan memberi keterangan bersumpah, memberi tauliah kapada manaz pegawai untuk menjalankan penyiasatan dan pemerekasaan.⁵⁹ Sa-lain daripada itu dia boleh mendapat nasehat undangz daripada Peguam Negara. Tetapi segala keterangan dan ma'lumat yang di-dapati oleh Juru Odit Negara berkaitan dengan penjalanan kewajipan-nya hendak-lah di-simpan sa-bagi rahsia.⁶⁰

Juru Odit Negara ada-lah di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong dengan nasehat Perdana Menteri sa-lepas di-binchangkan perlantekan itu dalam Majlis Rajaz. Oleh kerana kewajipan yang di-beri kapada Juru Odit Negara itu ada-lah berat dan mesti di-jalankan oleh-nya dengan tidak menghirau dan menakuti siapaz pun, maka mustahak-lah bahawa kedudukan-nya mesti terjamin dan bebas. Dari itu tiapz orang yang di-lantek menjadi Juru Odit Negara walau pun di-anggap sa-bagai pegawai dalam Perkhidmatan Awam, tetapi apabila tamat lantekan itu tidak pula boleh ia masok bekerja dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri.⁶¹ Juru Odit Negara boleh berkhidmat sa-hingga

(57) Ordinance Odit 1957 (No. 60 t. 1957) s. 5.

(58) Per. 107 dan s. 9.

(59) S. 7.

(60) S. 8.

(61) Per. 105(2) dan s. 3, Ordinance Odit, 1957 (No. 60 t. 1957).

sampai masa dia bersara, tetapi tidak ada apa2 tegahan kira-nya ia-hendak meletakkan jawatan sa-belum sampai masa itu.⁶²

Gaji-nya ada-lah di-tentukan oleh Parlimen mengikut undang2 yang di-buat oleh-nya, dan gaji-nya ia-lah satu perbelanjaan tetap yang mesti di-kenakan ka-atas Kumpulan-wang yang di-satukan.⁶³ Gajiz ini tidak boleh di-kurangkan sa-lagi Juru Odit Negara itu maseh ber-khidmat, tetapi memang-nya boleh di-tambah.⁶⁴

Jika hendak di-luchutkan Juru Odit Negara ini daripada jawatan-nya dengan kerana sa-suatu sebab, maka chara perluchutan jawatan sa-orang Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi hendak-lah di-patohi. Ia-itu satu penyiasatan akan di-buat oleh satu Jema'ah. Hakim sa-ramai lima orang dan satu laporan hasil penyiasatan itu akan di-hantarkan kapada Yang Di-Pertuan Agong. Apabila Jema'ah Hakim ini membuat shor untok di-luchutkan jawatan Juru Odit Negara itu baharu-lah boleh Yang Di-Pertuan Agong meluchutkan jawatan-nya.⁶⁵

Jawatan-kuasa Kiraz Wang Negara.

Penyata yang di-buat oleh Juru Odit Negara itu akan di-pereksa oleh satu jawatan-kuasa Parlimen yang di-namakan Jawatan-kuasa Kiraz Wang Negara. Jawatan-kuasa ini mengandungi sa-orang pengerusi yang di-lantek oleh Majlis Dewan Ra'ayat dan tidak lebeh daripada enam orang ahli yang di-namakan (nominated) oleh satu jawatan-kuasa lagi yang di-namakan Jawatan-kuasa Pemileh. Perlantekan dan penamaan ini ada-lah di-buat dengan sa-berapa segera sa-lepas daripada di-mulakan tiap2 penggal Parlimen.

Untuk menjadikan jawatan-kuasa ini sa-bagai satu jawatan-kuasa yang bebas, sa-saorang Menteri tidak-lah boleh di-lantek atau di-namakan menjadi pengerusi atau ahli bagi Jawatan-kuasa Kiraz Wang Negara. Dan lagi Jawatan-kuasa ini boleh memanggil sa-siapa pun supaya hadhir di-hadapan-nya dan boleh meminta di-keluarkan suratz dan rekodz dan juga membuat penyata kapada Majlis Dewan Ra'ayat dari satu masa ka-satu masa.

Tugas Jawatan-kuasa Kiraz Wang Negara ini ia-lah untuk memerek-ka pada awal tiap2 penggal Parlimen:—

(62) Per. 105(3).

(63) Per. 105(4) dan s. 4.

(64) Per. 105(5).

(65) Per. 105(3), 125(3), 125(4) dan 125(4).

- (a) kira2 Kerajaan Malaysia dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh Parlimen untuk di-belanjakan;
- (b) kira2 wang bagi pehak yang berkuasa awam atau manaz pertubuhan yang mentadbirkan wang negeri yang di-bentangkan di-hadapan Majlis Dewan Ra'ayat;
- (c) penyata Juru Odit Negara; dan
- (d) apa2 perkara lain yang di-fikirkan oleh Jawatan-kuasa itu patut di-pereksa atau apa2 perkara yang di-serahkan oleh Majlis Dewan Ra'ayat kepada Jawatan-kuasa itu.⁶⁶

(66) P.T. 77 D.R.

BAB XI ✓

KERAJAAN DI-BAWAH UNDANG2 DAN KUASA-NYA MENGENAI HAL AHWAL LUAR NEGERI

Kewajipan yang utama sa-kali bagi tiap2 sa-buah Kerajaan ia-lah mewujud dan menjaga keamanan dan ketenteraman dalam negeri (Law and order), supaya dapat ra'ayat sakalian hidup dan menjalankan kerja masing2 dalam keadaan yang tenang dan bebas dan tidak dengan perasaan takut dan bimbang. Tetapi dalam abad yang kedua puloh ini tidak ada sa-buah Kerajaan pun dalam dunia ini yang hanya berpuas hati dengan mewujud dan menjaga keamanan negeri sahaja. Di-bawah pengaroh konsep hak asasi manusia, semua kerajaan berikhtiar dan berusaha untuk memberi segala kemudahan2 kapada ra'ayat. Perbedzaan di-antara kaya dan miskin mesti di-kurangkan, dan kesusahan yang di-alami oleh ra'ayat mesti di-ganti dengan kesenangan. Dengan sebab ini apabila keamanan dan ketenteraman telah terwujud, kerajaan pun mulai-lah menjalankan tugas2 pembinaan untuk kesenangan ra'ayat.

Tugas pembinaan ini sudah tentu akan melibatkan hak2 kepunyaan sa-saorang ra'ayat. Umpama-nya jika hendak di-dirikan hospital, sekolah, pasar dan lain2 lagi tentu-lah tanah untuk tapak pendirian bangunan2 itu mesti di-kehendaki. Jika tuan empunya tanah itu tidak mahu menjual-nya Kerajaan mesti mempunyai kuasa untuk membeli dengan chara paksa. Dari sini nyata-lah kapada kita ia-itu tiap2 satu kerja pembangunan itu mesti-lah berkehendakkan kuasa (power) supaya membolehkan Kerajaan menjalankan tugas2-nya itu. Kuasa ini ada-lah

di-beri oleh Parlimen dengan jalan di-luluskan satu undang² berkenaan.¹ Mithal-nya untuk menjalankan ranchangan luarbandar, undang² Lemba-ga Tanah Persekutuan (FLDA) telah di-luluskan, untuk menjalankan loteri Kebajikan Mashakarat, undang² mengenai-nya telah di-luluskan, bagitu-lah juga bagi menjalankan tugas² yang lain. Undang² yang memberi kuasa kepada Kerajaan itu di-namakan oleh penditaz sa-bagai undang² pentadbiran, kerana undang² itu menjadi sa-bagai alat pentad-biran.

Walau pun kuasa itu mesti di-beri oleh Parlimen, jika kita hendak memeliharaikan sa-buah Kerajaan di-bawah undang², kuasa itu mesti-lah di-hadkan, kerana jika kuasa itu tidak di-hadkan, sa-buah Kerajaan dik-tator sudah tentu akan timbul. Tugas untuk menentukan had ini ia-lah Parlimen itu sendiri. Pada masa Parlimen itu berbahath untuk melu-luskan rang undang² itu, sa-yogia-lah tiap² ahli Majlis Parlimen menilek rang undang² itu dengan chermat. Apabila rang undang² di-lulus menjadi undang², tugas ini tertinggal-lah kepada Mahkamah. Di-sini Mahkamah mempunyai satu tanggongan yang berat untuk mensesuaikan dua faktor yang sa-memang-nya bertelingkahan. Faktor ini ia-lah kebebasan ra'ayat dan kuasa Kerajaan. Kuasa Kerajaan bererti keku-rangan kebebasan ra'ayat, dan kebebasan ra'ayat akan merupakan ketiada-an kuasa Kerajaan dan akhir-nya menghamparkan undang² Parlimen. Yang demikian kerja Mahkamah senantiasa mencari jalan tengah supaya pendapat-nya tidak berat sa-belah. Usaha untuk mensesuaikan kedua-z faktor ini telah di-buat beribuz tahun yang lampau dan hingga hari ini pun mianusia belum lagi dapat mencapai satu natijah yang mu'tamad, walau pun beberapa peperangan telah berlaku dari semenjak itu.

Kerajaan di-bawah undang² itu bukan sahaja mempunyai kuasa yang terhad, bahkan juga ia-lah sa-buah Kerajaan yang boleh di-da'awa ka-dalam Mahkamah, jika Kerajaan itu menjalankan tugas²-nya dengan tidak mempunyai kuasa atau dengan melebihi kuasa atau pun dengan tidak menghiraukan prinsip keadilan asli (natural justice) atau dengan tidak ikhlas hati (good faith).

Tidak ada Kuasa dan melebihi Kuasa

Ini dalam bahasa Latin di-namakan Ultra vires dan berlaku apabila had² kuasa yang di-tentukan dalam undang² telah di-lebahi. Yang demikian kerja yang di-jalankan sa-macham itu di-anggapkan tidak sah,

(1) Act Mengambil Balek Tanah, 1960-No. 34. t. 1960.

dan jika kerugian telah berlaku ka atas sa orang ra'ayat, maka orang itu berhak mendapatkan pampasan atau ganti-rugi nya.

Perinsip Ke'adilan Asli (natural justice)

Prinsip ini mempunyai dua erti. Yang pertama ia itu sa-saorang itu tidak boleh menjadi hakim dalam hal yang ia nya sendiri mempunyai kepentingan. Mithal nya sa orang yang mempunyai kepentingan dalam sa-suatu hal itu tidak-lah boleh membuat keputusan mengenai hal itu. Yang kedua ia itu sa-saorang itu tidak-lah boleh di-hukum ka atas nya, melainkan sa telah di-beri peluang kapada nya untuk memberi penjelasan bagi mengelakkan hukuman itu. Mithal nya untuk mengambil balek tanah, tuan yang empunya tanah itu hendak-lah di-panggil hadhir untuk memberi penjelasan mengenai harga tanah itu. Bagitu-lah juga sa belum di-luchutkan sa-saorang itu daripada jawatan nya hendak-lah ia di-beri peluang membela diri nya daripada perluchutan jawatan itu.

Melanggar hak sa-saorang ra'ayat.

Kerajaan di-bawah undang2 juga mempunyai ma'ana ia itu Kerajaan itu boleh membuat da'awaan dan boleh di-da'awa.² Kerajaan boleh di-da'awa ka-dalam Mahkamah dengan sebab perkara2 mengenai:—

- (a) pengunaan dan pendudukan tanah Kerajaan
- (b) undang2 hasil
- (c) Kontrek (perjanjian) yang di-buat dengan kuasa Kerajaan.³
- (d) tuntutan kerugian dan pampasan.

Dan lagi sa-saorang pegawai kerajaan itu walau pun sa-rendah2 pangkat nya ada-lah di-sifatkan oleh undang2 sa-bagi wakil Kerajaan. Yang demikian jikalau dengan sebab pekerjaan pegawai itu sa-orang ra'ayat telah mendapat kerugian dan chedera, maka Kerajaan pun bersama2-lah bertanggong-jawab dan boleh di-da'awa.⁴ Hal yang saperti ini selalu berlaku apabila driver2 kerajaan telah melanggar orang dalam kemalangan jalan raya atau doktor2 dan kaki-tangan hospital membuat pembedahan dengan tidak mendapat persetujuan daripada orang sakit.

(2) Per. 69.

(3) Mengikut s.2 Ordinance Kontrek Kerajaan, 1949 (No. 67 t. 1949) semua Kontrek Kerajaan hendak-lah di-tandatangani oleh Menteri, atau oleh sa-orang pegawai yang di-tauliahkan untuk itu oleh Menteri.

(4) S.5 Ordinance Penda'awaan Kerajaan, 1956 (No. 58 t. 1956).

Di-sini Kerajaan hanya-lah bertanggong-jawab jika pegawai itu pegawai Kerajaan dan da'awaan itu di-buat tidak lewat daripada satu tahun sa-lepas daripada tarikh belaku hal itu.⁵

Jenis Hukuman.

Jenis hukuman yang akan di-jatohkan oleh Mahkamah ka-atas Kerajaan ada-lah berlainan sedikit daripada hukuman yang di-jatohkan ka-atas sa-saorang ra'ayat. Hukuman itu ia-lah biasa-nya dengan chara perakuan (declaration) sahaja, ia-itu Mahkamah akan melafadzkan ia-itu Kerajaan tidak mempunyai hak dalam perkara yang menjadi penda'awaan itu atau pun hak sa-saorang ra'ayat itu telah di-langgar oleh Kerajaan.

Hukuman sa-chara memerentah dan menegah Kerajaan membuat sa-suatu perkara tidak-lah boleh di-kenakan, kerana hukuman sa-chara perakuan itu sudah memadai dan Kerajaan akan mengambil tindakan untok membetuli kerja2-nya mengikut undang2 yang di-tafsirkan dalam hukuman itu, walau pun Mahkamah tidak melarang atau memerentah Kerajaan supaya menunaikan-nya. Bagitu-lah juga Mahkamah tidak akan memerentah supaya wang dan hartaz yang ada di-tangan Kerajaan di-tahan untok di-serahkan kepada sa-saorang, melainkan hendak-lah terlebih dahulu mendapat kebenaran Menteri Kewangan.

Perwakilan Kerajaan.

Apabila Kerajaan menda'awa atau di-da'awa dalam manaz Mahkamah, perwakilan-nya dalam Mahkamah itu ada-lah di-buat oleh Peguam Negara dan peguam2 Kerajaan yang di-tauliahkan oleh Peguam Negara. Demikian-lah juga Kerajaan boleh di-wakili oleh sa-orang peguam bela, jika dia telah di-tauliahkan oleh Peguam Negara.

Mereka berhak penoh membuat apaz tindakan untok menjalan dan membela penda'awaan itu.

Peguam Negara dengan orang awam.

Tugas Peguam Negara selalu di-salah faham oleh kebanyakan orang. Banyak orang2 awam menulis surat kapada Peguam Negara untok meminta nashihat dan fatwa undang2. Ini bukan-lah tanggongan Peguam Negara. Kerana dia bukan-nya menjadi penasihat bagi semua ra'ayat tetapi hanya-lah bagi Kerajaan sahaja. Segala fikiran dan nasihat-nya ia-lah sa-mataz untok Kerajaan, dan jika orang ramai

(5) S.2(a) Ordinance Perlindungan Pehak Berkuasa Awam, 1948 (19 t. 1948).

tidak puas hati tentang fikiran-nya itu sa-saorang daripada mereka itu boleh pergi menda'awa ka-Mahkamah untuk menchabar salah betulnya fikiran yang di-buat oleh Peguam Negara itu. Dengan sebab kedudukan-nya menyebelahi Kerajaan, maka tidak-lah dapat Peguam Negara memberi nasihat kepada orang awam, kerana boleh jadi nasihat itu bertelingkah dengan polisi Kerajaan. Yang demikian penasihat undangz bagi orang awam ia-lah segala peguamz bela yang bertugas sendiri di-serata Malaysia ini.

Sunggoh pun Peguam Negara tidak boleh memberi nasihat undangz kepada orang awam, tetapi dalam tiga perkara yang tersebut di-bawah, Peguam Negara ada kuasa untuk menolong orang awam. Yang pertama sa-saorang itu tidak boleh membuat da'awaan mengenai mudzarat awam (public nuisance) melainkan hendak-lah terlebih dahulu ia mendapat persetujuan Peguam Negara.⁶ Yang kedua, berkenaan dengan amanah untuk faedah awam, ugama, masharakan dan kebajikan, da'awaan mengenai-nya tidak-lah boleh di-buat melainkan hendak-lah terlebih dahulu mendapat persetujuan Peguam Negara.⁷ Dan yang ketiga, jika ada timbul satu kemushkilan sama ada sa-suatu perkara itu hak atau tanggongan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, kemushkilan ini boleh-lah di-putuskan dengan mendapat satu perakuan (certificate) daripada Peguam Negara, dan perakuan-nya itu ada-lah mu'tamad dan tidak boleh di-so'al lagi.⁸

Kawalan Mahkamah ka-atas Badanz berkanun.

Kita telah dapatti bahawa sistem pentadbiran hari ini ia-lah dengan chara mewujudkan beberapa badan berkanun, lengkap dengan kuasaaz-nya untuk menjalankan tugasz dan maksud penubohan badan itu. Di-sini pun amat-lah mustahak-nya badanz berkanun ini dikawal dengan rapi-nya supaya mereka tidak akan melebahi kuasa-nya dan menjalankan tugas-nya menyalahi perinsip kадilan.

Sa-lain daripada ini, ada tiga chara yang mana badanz berkanun boleh di-kawal oleh Mahkamah, ia-itu certiorari, prohibition dan mandamus. Ketigaz chara ini pun boleh jua di-kenakan ka-atas pegawai-z Kerajaan yang menjalankan kuasa yang di-beri kepada-nya oleh undangz.

Pada mulaz-nya certiorari, prohibition dan mandamus ada-lah di-gunakan oleh Mahkamah untuk mengawal keputusan mahkamahz

(6) S.8, Ordinance Da'awaan Kerajaan No. 58 t. 1956.

(7) S.9.

(8) Per. 167(6) dan Act Malaysia 1963 s.76(3).

rendah. Tetapi oleh kerana dalam abad yang kedua puluh ini badan berkanun dan bermacham² pehak yang berkuasa awam telah di-wujudkan, maka certiorari, prohibition dan mandamus pun di-gunakan oleh Mahkamah untuk mengawal badan dan pehak² yang berkuasa itu, walau pun mereka bukan-nya mahkamah, tetapi asalkan kerja-nya merupakan kehakiman (judicial). Yang demikian certiorari, prohibition dan mandamus ini hanya-lah boleh di-gunakan jika sa-suatu badan atau pehak berkuasa itu merupakan satu badan penghakiman.

Certiorari.

Ini erti-nya keputusan sa-suatu badan atau pehak yang berkuasa awam itu di-minta supaya di-batalkan oleh Mahkamah, kerana keputusan itu di-buat menyalahi undang² atau pun melebihi kuasa.

Prohibition.

Ini erti-nya sa-suatu badan atau pehak yang berkuasa itu di-minta supaya di-tegah oleh Mahkamah daripada menjalankan sa-suatu ranchangan-nya dengan sebab ranchangan itu menyalahi undang² atau melebihi kuasa.

Mandamus.

Jikalau sa-suatu badan atau pehak yang berkuasa itu di-beri satu kewajipan awam dan kewajipan itu tidak di-sempurnakan, yang mana sa-saorang ra'ayat telah berkehilangan hak-nya maka boleh Mahkamah itu di-minta supaya memaksakan badan atau pehak yang berkuasa itu eq. menunaikan kewajipan itu.

Ketigaz hukum ini ada-lah budi bichara mahkamah, yang demikian tidak-lah boleh di-minta oleh sa-saorang sa-bagai hak-nya. Tetapi mahkamah akan membuat hukum² ini, jika orang yang meminta itu menunjukkan hujjah² yang boleh di-terima oleh Mahkamah yang mana jika tidak di-beri hukum ini neschaya teraniaya-lah orang itu.

Kuasa Hal Ahwal Luar Negeri

Perlembagaan Malaysia telah menguntokkan ia-itu hal ahwal luar negeri itu ada-lah kuasa Kerajaan Persekutuan.⁹ Yang demikian Parlimen telah di-beri kuasa membuat undang² untuk mematohi treaty dan perjanjian² dengan negeriz luar, walau pun treaty dan perjanjian itu mengenai perkara yang mana bidang kuasa-nya di-punyai oleh Kerajaan Negeri.¹⁰

(9) Jadual 9, senarai I, butiran(i).

(10) Per. 76(1)(a).

Sa-bagai negara yang mematohi undang², Perlembagaan Malaysia telah juga membuat peruntukan ia-itu segala treaty dan perjanjian yang di-buat oleh Kerajaan British dengan Malaysia sa-belum merdeka ada-lah menjadi tanggongan dan hak Kerajaan Malaysia, sa-olah² treaty dan perjanjian itu di-buat oleh Kerajaan Malaysia sendiri.¹¹ Ini bukan-lah bererti bahawa Kerajaan Persekutuan terus menerima beban-an treaty itu dengan tidak mempunyai peluang menolak-nya. Mengikut undang² antarabangsa, Malaysia sa-bagai negara yang merdeka memang-nya berhak memereksa treaty² ini dengan satu persatu-nya supaya di-pileh yang mana boleh di-kekalkan dan yang mana mesti di-buat sa-mula.

Kuasa mengenai Hal ahwal luar negeri ia-lah satu sifat kemer-dekaan sa-sabuah negara dan hal ini ada-lah merupakan satu politik yang tinggi. Peperangan boleh berlaku, bagitu-lah juga keamanan boleh di-wujudkan dengan sebab kuasa menjalankan hal ahwal luar negeri. Undang² antarabangsa tidak mempunyai alat dan kelengkapan untuk memaksa sa-sabuah negara mematohi undang² itu. Ini hanya-lah tertinggal kapada kehendak negeri itu sendiri. Yang demikian jika negeri itu kuat dan kaya, biasa-nya sa-makin kuat kuasa-nya dalam politik an-tarabangsa.

Oleh kerana hal ahwal luar negeri itu ia-lah satu politik tinggi maka perjalanan kuasa mengenai hal ini di-Malaysia ada-lah di-kawal oleh Parlimen, ia-itu Kerajaan bertanggong-jawab untuk memberi pe-nerangan dan polisiz mengenai-nya jika di-so'al dalam Parlimen.

Perbuatan Negara (Act of state)

Kuasa mengenai hal ahwal luar negeri ada-lah satu sifat kemer-dekaan sa-sabuah negara, dan merupakan satu politik yang tinggi. Perlembagaan dan undang² Malaysia tidak mempunyai apaz sekatan mengenai perjalanan kuasa ini. Apa yang di-buat oleh Kerajaan me-negenai sa-sabuah negeri luar atau ra'ayat negeri itu tidak-lah menjadi suatu perkara yang boleh di-da'awa ka-dalam Mahkamah dalam Malay-sia, melainkan ra'ayat negeri itu berada dalam perlindungan Malaysia. Konsep ini di-namakan perbuatan negara (Act of State). Jika Keraja-an Malaysia telah membuat perjanjian dengan Kerajaan negeri luar, perjanjian itu pada sisi undang² tidak-lah menimbulkan apaz hak bagi

(11) Per. 169.

ra'ayat negeri ini atau ra'ayat negeri itu. Sa-tengah daripada perbuatan negara ia-lah mengishtiharkan peperangan, membuat perdamaian, mengakui sa-sabuah Kerajaan luar dan membuat treaty dan perjanjian.

Perbuatan negara tidak-lah boleh di-benarkan jika perbuatan itu mengganggu hak ra'ayat negeri ini.¹² Tetapi perbuatan negara itu boleh di-benarkan jika perbuatan ini hanya mengenai orang luar negeri sahaja.¹³ Jika orang luar negeri itu ra'ayat negeri sahabat dan tinggal dalam negeri ini, maka perbuatan negara itu tidak-lah boleh di-benarkan oleh Mahkamah.¹⁴ Perbuatan negara mengenai ra'ayat negeri Komanwel barangkali tidak boleh di-benarkan.

Mengesahkan Treaty (Ratification Treaty)

Tiap2 treaty dan perjanjian yang di-tandatangani dengan negeri luar walau pun sah pada sisi undang2 antarabangsa tidak-lah menjadi sa-bahagian daripada undang2 Malaysia, melainkan hendak-lah terlebih dahulu di-sahkan treaty itu.

Chara2 mengesahkan treaty itu ada terbahagi kepada dua. Jika sa-suatu treaty itu bertentang dengan undang2 dalam Malaysia ini, chara mengesahkan treaty itu ada-lah di-buat dengan jalan di-luluskan satu undang2 oleh Parlimen untuk mengubahkan undang2 dalam Malaysia itu, atau mensesuaikan undang2 itu dengan treaty. Jika tidak di-ubah undang2 itu, treaty itu tidak-lah boleh di-patohi oleh Kerajaan Malaysia, kerana Mahkamah lebih mengutamakan undang2 lagi daripada treaty, walau pun pada sisi undang2 antarabangsa Malaysia telah melanggar treaty itu.¹⁵ Tetapi jika sa-suatu treaty itu tidak bertentangan dengan undang2 dan boleh di-patohi oleh Kerajaan dengan tidak di-ubah manaz undang2, chara mengesahkan treaty itu memadai-lah dengan di-bentangkan treaty itu ka-dalam Parlimen, supaya ahli2 Parlimen sakalian dapat peluang membinchang dan membahathikan treaty itu.

(12) *Walker v. Baird* (1892) A.G. 491.

(13) *Baron v. Denman*, (1848) 2 Ex. 167.

(14) *Johnstone v. Pedlar* (1921) 2 A.G. 262.

(15) Jika herbangkit satu so'al pertelingkahan di-antara treaty dengan undang2 negeri, Mahkamah akan mentafsirkan undang2 itu supaya sesuai dengan treaty itu. Tetapi jika perkataan dalam undang2 itu terang dan jelas bertelingkah dengan treaty, maka Mahkamah tidak ada upaya lagi untuk mengelakkan pertelingkahan itu, melainkan membuat keputusan mengutamakan undang2 itu — *Mortensen v. Peters* (1906) 8F. (Court of Session) 93.

BAB XII

PILEHANRAYA

Kenapa Di-adakan Pilehanraya.

Perbedaan di-antara demokrasi dengan dictatorship ia-lah bergantong kapada chara mendapat kuasa memerentah negeri. Bagi Kerajaan yang berdemokrasi, kuasa ini ada-lah di-tentukan dengan chara pilehanraya yang berma'ana ra'ayat di-beri hak memilih kerajaan mereka sendiri. Dari sini ma'ana-nya kerajaan berdemokrasi ia-lah kerajaan yang tertakalok kapada persetujuan ra'ayat dan kerajaan itu pula hendak-lah menjalankan tugas2 dan polisi-nya untuk melaksanakan kehendak2 ra'ayat. Tetapi kerajaan yang berpandukan kapada dictatorship pilehanraya ada-lah menjadi suatu perkara yang haram. Kuasa memerentah dan asas kerajaan-nya ada-lah bergantong kapada kekuatan senjata. Ra'ayat tidak di-beri hak memilih kerajaan dan juga tidak di-benarkan membuat sa-barang tegoran atau chabaran mengenai polisi dan tugas kerajaan. Jikalau ra'ayat engkar daripada menurut tegahan2 ini lambat bangat maka ra'ayat akan di-penjara dan boleh jadi di-habiskan nyawa-nya. Dengan sebab ini-lah di-dalam manaz sistem kerajaan yang berdictatorship angkatan bersenjata amat-lah di-perbesarkan dan di-utamakan dan orang2 yang mempunyai kuasa memerentah ada-lah di-kawal dengan rapi-nya oleh ahli2 angkatan senjata itu, sehingga mereka ini telah tersinggung jauh benar daripada ra'ayat. Oleh yang demikian, tidak-lah hairan jikalau di-dalam pemerentah yang samacham ini ada berlaku dari satu masa ka-satu masa pemberontakan untuk menjatuhkan kerajan yang kejam itu.

Oleh kerana demokrasi berpegang kepada pilehanraya sa-bagai uatu chara atau alat hendak menentukan kuasa memerintah, maka amat-lah mustahak-nya bahawa pilehanraya itu di-jalankan dengan adil dan jauh daripada perkara2 yang di-anggap boleh merosakkan pilehanraya itu. Kerana pilehanraya yang mengandungi perkara2 yang tidak di-ingini sama-lah juga saperti mendapat suatu kuasa dengan sa-chara tipu yang tidak akan memberi puas hati di-kalangan ra'ayat. Ini pun akan juga membawa kapada pemberontakan senjata sa-bagai mana yang berlaku di-satengah2 negeri dalam dunia ini.

Untuk di-adakan suatu pilehanraya yang bersih dan bebas daripada perkara2 yang tidak senonoh itu, maka amat-lah mustahak di-adakan sharatz yang tersebut di-bawa ini:

- (1) pilehanraya itu hendak-lah di-anjorkan oleh satu badan yang jujor dan boleh di-perchayai oleh ra'ayat;
- (2) undang2 pilehanraya itu mesti-lah berasaskan kapada ke-adilan dan menegahkan perkara2 yang tidak elok;
- (3) segala pertelingkahan mengenai pilehanraya mesti-lah di-selesaikan dengan sa-berapa segera oleh satu Mahkamah khas.

Badan Mentadbir Pilehanraya.

Untuk mentadbirkan pilehanraya Perkara 113 Perlembagaan Malaysia telah menubohkan satu surohanjaya yang bernama Surohanjaya Pilehanraya. Surohanjaya ini ada-lah terdiri daripada sa-orang pengurus dan tiga orang ahli yang lain. Keempat2-nya di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong sa-telah di-pandang dan di-halus bagaimana mustahak-nya di-lantek satu Surohanjaya yang boleh di-hormati dan Di-perchayai oleh ra'ayat sakalian. Yang demikian, orang2 yang difikirkan boleh terpengaroh saperti orang yang di-bawah ini tidak-lah boleh di-lantekkan. Orang2 ini ia-lah:—

- (1) Orang yang miflis (bankrup).
- (2) Orang yang memegang jawatan yang bergaji.
- (3) Ahli bagi manaz Majlis Parlimen, ia-itu Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara, atau ahli bagi Dewan Negeri.

Apabila telah di-lantek, sa-saorang Ahli Surohanjaya itu akan memegang jawatan ini sa-hingga genap umor-nya enam puloh lima tahun, melainkan sa-belum sampai umor itu dia meletakkan jawatannya atau hilang keyakinan-nya menjadi Ahli Surohanjaya itu. Sa-telah di-lantek, sa-orang Ahli itu tidak bolch di-pechat daripada jawatan-nya melainkan sa-telah mendapat pandangan dan shor daripada Juma'ah Hakim yang terdiri daripada lima orang Hakim Mahkamah Tinggi. Ini bererti-lah peratoran memechat sa-saorang ahli itu sama-lah seperti peratoran memechat sa-saorang Hakim Mahkamah Perse-kutuan dan Mahkamah Tinggi.

Gaji Ahli Surohanjaya itu di-tetapkan oleh Udangz dan di-tentu-kan bayaran-nya daripada Kumpulan-wang yang di-satukan. Sa-lagi dia menjadi ahli, gaji-nya tidak boleh di-kurangkan, tetapi boleh di-tambah.

Untuk menjalankan kewajipan-nya, Surohanjaya Pilehanraya di-beri kuasa membuat beberapa peratoran dan melantek beberapa pega-wai dan kaki-tangan untuk menyelenggarakan pilehanraya.

Surohanjaya Pilehanraya ada-lah di-beri tugas oleh Perlembagaan untuk menjalankan pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri bagi negeriz dalam Persekutuan ini, dan juga untuk menyiapkan dan menyemak daftar pengundiz bagi pilehanraya yang tersebut. Sa-lain daripada menjalankan pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri, Surohanjaya Pilehanraya itu juga boleh menjalankan pilehan-rayanya kapada Kerajaan Tempatan sa-kira-nya Surohanjaya itu di-beri kuasa oleh undangz Persekutuan atau Negeri. Mengenai hal ini, Act Pilehanraya Kerajaan Tempatan 1960¹ telah memberi kuasa kapada Surohanjaya Pilehanraya menjalankan pilehanraya kapada Perban-daran, Majlis Bandar dan Majlis Tempatan. Surohanjaya Pilehanraya ini juga di-beri kuasa membuat beberapa peratoran untuk menjalan-kan tugas-nya.

Oleh kerana tiapz pilehanraya itu mesti berdasarkan kapada ka-wasan pilehanraya yang di-wujudkan dengan memandang kapada jumlah pengundiz di-dalam tiapz satu kawasan, maka Surohanjaya ini telah juga di-beri kuasa untuk menyemak dan mengubah kawasanz pilehan-rayaya ini.

Bagi membolehkan Surohanjaya Pilehanraya menjalankan tugas-nya di-bawah Perlembagaan, Surohanjaya itu telah di-beri kuasa mema-

(1) Act No. 11 t. 1960.

kai beberapa orang pegawai dan kaki-tangan dan sharatz perkhidmatan mereka itu ada-lah di-buat sa-bagai mana yang di-tetapkan oleh Surohanjaya dengan persetujuan Yang Di-Pertuan Agong.² Dan lagi, segala pehak yang berkuasa awam hendak-lah memberi pertolongan kapada Surohanjaya Pilehanraya sa-kira-nya pertolongan itu di-minta oleh Surohanjaya. Bagi menjalankan kerja-nya untuk menetukan kawasan pilehanraya, Surohanjaya Pilehanraya hendak-lah meminta nasihat daripada dua orang pegawai Kerajaan Persekutuan yang mempunyai pengetahuan mengenai topography dan ramai penduduk dan kedua-dua pegawai ini hendak-lah di-pilih untuk ini oleh Yang Di-Pertuan Agong.

Kawasan Pilehanraya.

Di-dalam tiap2 sistem pilehanraya amat-lah mustahak di-bahagikan kesemua negeri kapada beberapa kawasan pilehanraya yang mana penduduk2 di-dalam tiap2 kawasan ini akan di-wakili oleh sa-orang atau beberapa orang wakil ra'ayat. Mengikut sistem yang ada di Malaysia, tiap2 satu kawasan pilehanraya hanya-lah di-wakili oleh sa-orang wakil ra'ayat sahaja, dan bukan-nya oleh beberapa orang wakil ra'ayat.³ Oleh yang demikian, bilangan kawasan pilehanraya bagi pilehanraya kapada Dewan Ra'ayat ada-lah sama banyak-nya dengan bilangan ahli2 Dewan Ra'ayat. Bagitu-lah juga bilangan kawasan pilehanraya kapada Dewan Negeri ada-lah sama banyak-nya dengan bilangan ahli2 Dewan Negeri.⁴

Bilangan ahli Dewan Ra'ayat bagi Negeri2 di-Tanah Melayu ia-lah 104. Yang demikian, jumlah kawasan pilehanraya-nya pun ia-lah 104 juga. Kawasan ini telah di-tentukan pada tahun 1958 untuk di-adakan pilehanraya yang pertama kapada Dewan Ra'ayat sa-lepas merdeka.⁵

Berkenaan dengan bilangan kawasan pilehanraya kapada Dewan Negeri, ini tergantung-lah pada bilangan ahli Dewan Negeri sa-bagai mana yang telah di-tetapkan oleh Perlembagaan Negeri masing2. Walau macham mana pun, jumlah kawasan pilehanraya bagi tiap2 buah Negeri mesti-lah sa-kurang2-nya sama banyak atau dua kali ganda dengan jumlah kawasan pilehanraya kapada Dewan Ra'ayat yang di-tetap-

(2) Per. 115

(3) Per. 116(2)

(4) Per. 117

(5) Elections (Delimitation of Parliamentary Constituencies) Ordinance, 1958 L.N. 280/58.

kan kapada Negeri itu. Mengikut Perlembagaan tiap2 buah Negeri jumlah ahli2 Dewan Negeri ada-lah seperti berikut:—

Johor	32
Kedah	24
Kelantan	30
Melaka	20
Negeri Sembilan	24
Pahang	25
Pulau Pinang	24
Perak	40
Perlis	12
Selangor	28
Terengganu	24

Sungggh pun kesemua Negeriz di-Malaya ini ada-lah di-bahagikan kapada beberapa buah kawasan pilehanraya yang mana bilangannya sama banyak dengan jumlah ahli2 Dewan Ra'ayat, maka besar kecilnya kawasan pilehanraya itu dan chara menentukan sempadan adalah di-tetapkan oleh Perlembagaan. Ini boleh di-dapati dalam Jadual Yang Ke-13. Mengikut Jadual ini ada-lah empat prinsip yang mustahak di-ikuti untuk menentukan dan menyemak sa-mula sempadan2 kawasan pilehanraya, baik pun mengenai pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat atau pilehanraya bagi Dewan Negeri. Keempatz prinsip ini adalah saperti berikut, ia-itu:-

- (a) sa-sabuah kawasan pilehanraya itu hendak-lah di-semparkan supaya jangan melintas sempadan Negeri dan hendak-lah juga di-timbangkan segala kesukaran yang akan timbul sa-kira-nya kawasan pilehanraya bagi Dewan Negeri akan melintas sempadan kawasan pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat.
- (b) hendak-lah juga di-timbangkan segala kesenangan dan kemudahan pentadbiran yang ada di-dalam kawasan pilehanraya itu untuk menjalankan pendaftaran2 pengundi;
- (c) jumlah pengundi2 di-dalam tiap2 kawasan pilehanraya itu hendak-lah dengan sa-berapa hampir-nya bersamaan bagi seluroh negeri di-kechualikan bagi tempatz di-luar bandar. Oleh kerana keadaan-nya tidak sama dengan tempatz di-

dalam bandar, maka chara keberatan undi hendak-lah digunakan dan chara ini boleh membenarkan sa-hingga di-dalam suatu kawasan pilehanraya di-luar bandar boleh mempunyai bilangan pengundi-nya separoh sahaja daripada pengundi- yang ada di-dalam kawasan pilehanraya dalam bandar;

- (d) hendak-lah juga di-timbang segala kesukaran yang akan timbul apabila kawasan pilehanraya itu di-tukarkan dan juga betapa mustahak-nya di-kekalkan perhubungan tiap2 sa-orang dengan tempat-nya.

Apabila Surohanjaya Pilehanraya membuat apa2 shor untuk mengubahkan kawasan pilehanraya, maka hendak-lah Surohanjaya itu memberitahu kapada Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Perdana Menteri dan juga shor2 itu hendak-lah di-siarkan di-dalam Warta Kerajaan dan di-dalam sa-kurang2-nya satu akhbar yang berkelilingi dalam kawasan pilehanraya. Siaran ini hendak-lah memberitahu segala perubahan dan shor2 ini boleh di-lihat pada suatu tempat yang tertentu di-dalam kawasan pilehanraya itu dan juga meminta supaya di-buat apaz bantahan kepada Surohanjaya Pilehanraya mengenai shor2 itu. Bantahan itu hendak-lah di-buat di-dalam tempoh satu bulan sa-lepas di-siarkan pemberitahu itu. Apabila bantahan terhadap shor2 itu di-buat oleh Kerajaan Negeri atau pehak yang berkuasa tempat yang berkenaan atau oleh satu kumpulan yang mengan-domi 100 orang pengundi bagi kawasan yang berkenaan yang mana namaz mereka terkandong di-dalam daftar pengundi2, maka hendak-lah Surohanjaya Pilehanraya itu membuat satu penyiasatan mengenai hal ini.

Sa-kira-nya sa-lepas di-buat penyiasatan Surohanjaya Pilehanraya terpaksa meminda shor2-nya, maka hendak-lah pula Surohanjaya itu menyiarkan pemberitahu sa-bagaimana yang tersebut di atas, tetapi tidak-lah mustahak di-adakan penyiasatan lebih daripada dua kali.

Apabila selesai semua-nya, maka hendak-lah Surohanjaya Pilehanraya menyerahkan satu laporan mengenai kawasan pilehanraya kepada Perdana Menteri. Laporan ini hendak-lah menunjukkan kawasan pilehanraya yang di-chadangkan itu dan nama2-nya. Jikalau tidak hendak di-ubah kawasan pilehanraya itu maka hendak-lah juga di-laporkan.

Apabila Perdana Menteri menerima laporan ini, hendak-lah ia membentangkan laporan ini di-dalam Dewan Ra'ayat bersama2 dengan satu deraf Perentah (draft Order) yang di-kehendaki untuk mengkuat-kuasakan shor yang terkandong di-dalam laporan itu. Laporan ini hendak-lah di-luluskan oleh satu usul yang di-sokong oleh undi yang tidak kurang daripada separoh daripada jumlah ahli2 Dewan Ra'ayat. Jika deraf Perentah itu di-luluskan, maka deraf Perentah itu pun akan di-persembahkan kapada Yang Di-Pertuan Agong untuk di-kuat-kuasakan-nya sa-bagai undang2.

Sa-kira-nya deraf Perentah itu di-tolak oleh Dewan Ra'ayat atau pun di-tarek balek, maka boleh-lah Perdana Menteri sa-lepas daripada berunding dengan Surohanjaya Pilchanraya meminda deraf Perentah itu dan bentangkan sa-kali lagi deraf Perentah yang di-pinda itu. Jika deraf Perentah yang di-pinda ini di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat dengan undi yang tidak kurang daripada separoh daripada jumlah ahli-nya, maka hendak-lah Perdana Menteri mempersempahkan deraf Perentah yang di-pinda itu kapada Yang Di-Pertuan Agong supaya di-kuat-kuasakan-nya sa-bagai undang2.

Chalun.

Orang2 yang boleh menjadi chalun dalam pilehanraya kapada Dewan Ra'ayat dan pilehanraya kapada Dewan Negeri hendak-lah terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri. Di-sini tidak-lah payah di-terangkan dan di-nyatakan lagi siapa-kah yang layak menjadi ahli2 Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri itu kerana hal ini boleh di-dapati dalam Bab yang Kelima.⁶

Pengundi.

Dalam tiap2 sistem pilehanraya mestilah ada pengundi. Dari itu amat-lah mustahak-nya di-tentukan siapa-kah yang boleh menjadi pengundi. Mengikut Perlembagaan Malaysia pengundi2 dalam pilehan-rayaya kapada Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri ia-lah orang yang menjadi warga negara Malaysia, yang berumur 21 tahun pada tarikh kelayakan dan pada tarikh itu ia ada bermastautin dalam kawasan pilehan-rayanya, atau jika tidak bermastautin, ada-lah di-anggap oleh undang2 sa-bagai sa-orang pengundi yang tidak hadhir.⁷

(6) Per. 48 dan Perlembagaan Negeri masing2.

(7) Per. 119

Jikalau sa-saorang itu terjatoh kapada golongan orang² yang tersebut di-bawah ini, maka tidak-lah dapat dia menjadi pengundi dalam pilehanraya, baik pun dalam pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat atau Dewan Negeri. Merekaz ini ia-lah:—

- (1) orang yang pada tarikh kelayakan telah di-tahan sa-bagai sa-orang yang tidak sempurna akal, atau di-tahan kerana menjalankan hukuman penjara yang di-kenakan ka atas-nya;
- (2) sa-belum daripada tarikh kelayakan orang itu telah di-thabit salah dalam manaz negeri Komanwel kerana melakukan kesalahan dan dengan sebab itu telah di-hukum mati atau penjara yang mana lama-nya lebih daripada dua belas bulan, dan pada tarikh kelayakan dia maseh lagi menanggong kewajipan menjalankan hukuman itu.

Tarikh kelayakan itu ia-lah satu perkataan yang teknikal yang di-maksudkan kapada satu tarikh yang menjadi pedoman kapada kerja² menyemak dan menyiapkan daftar² pengundi yang di-jalankan pada tiap² tahun. Mengikut ketetapan yang di-buat oleh Ordinance Pilehanraya⁸ tarikh ini biasa-nya pada tiap² tahun terjatoh pada 31 haribulan Ogos.⁹ Yang demikian tiap² warga negara yang chukup umurnya 21 tahun pada 31 haribulan Ogos dan pada tarikh ini ada bermastautin dalam kawasan pilehanraya-nya dan tidak pula mempunyai segala chachatan yang tersebut dapat-lah menjadi pengundi dalam pilehanraya kapada Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri.

Perkataan bermastautin itu ia-lah juga satu perkataan yang teknikal dan mengikut Perkara 119(2), jikalau sa-orang itu berada di-dalam suatu kawasan pilehanraya dengan sebab hanya menjadi sa-orang sakit di-dalam suatu tempat yang di-gunakan untuk menerima dan mera-

(8) Ordinance No. 33 to 1958.

(9) Mengikut Ordinance Pilehanraya No. 33 t. 1958, tarikh kelayakan itu ada-lah di-tetapkan sa-hari terdahulu daripada tarikh permulaan tempoh bagi menjalankan kerja² menyemak dan menyiapkan daftar² pengundi. Lama tempoh ini pada segi undang² tidak kurang daripada 30 hari dan tidak lebih daripada 60 hari. Pada biasa-nya tempoh ini di-tetapkan pada tiap² tahun oleh Surohanjaya Pilehanraya sa-bagai bermula pada 1 haribulan September. Yang demikian, tarikh kelayakan itu pun terjatoh-lah pada 31 haribulan Ogos pada tiap² tahun. Jika sa-kira-nya tarikh kelayakan ini akan terjatoh kapada hari yang lain daripada tarikh yang terdahulu daripada tarikh permulaan tempoh bagi menjalankan kerja² menyemak dan menyiapkan daftar² pengundi, maka tarikh ini hendak-lah di-siarkan dalam Warta Kerajaan-(Per. 119(4), S. 11 Ordinance Pilehan-rayaya No. 33 t. 1958, dan Cheraian 8 P.U. 252 t. 1958).

wat orang2 sakit otak atau kekurangan akal atau dengan sebab dia di-tahan untok ini, maka orang itu tidak-lah di-anggap menjadi sa-bagai bermastautin di-dalam kawasan pilehanraya itu. Untuk mengetahui ma'ana bermastautin, maka hendak-lah di-timbang beberapa faktor. Bermastautin itu bukan-lah hanya berma'ana bahawa tiap2 sa-orang itu mesti ada tinggal di-rumah kediaman-nya; bahkan ketiadaan-nya di-situ pun boleh juga di-anggapkan yang dia maseh lagi bermastautin di-dalam kawasan pilehanraya-nya itu, jika ada beberapa faktor yang boleh menunjukkan yang dia maseh lagi bermastautin di-situ. Mithal-nya, jika sa-saorang itu keluar meninggalkan rumah-nya kerana pergi menjalankan sa-suatu kewajipan mengenai kerja-nya dia maseh lagi di-anggap bermastautin di-rumah-nya, walau pun di-dalam tempoh sa-peninggalan itu dia telah beri kebenaran kapada orang lain untok menduduki rumah-nya itu; tetapi shartat-nya:—¹⁰

- (a) kebenaran yang di-beri itu hanya-lah untok tempoh sa-peninggalan-nya; atau
- (b) dia berhajat akan kembali tinggal di-rumah-nya dalam tempoh sembilan minggu dan kebenaran yang di-beri itu tidak menghalangkan dia daripada kembali tinggal di-rumah-nya itu; atau
- (c) dia berhajat akan kembali tinggal di-rumah-nya dalam tempoh enam bulan sa-lepas daripada dia berhenti daripada jawatan-nya atau kerja-nya.

Sa-kira-nya sa-saorang warga negara itu tidak bermastautin pada tarikh kelayakan dalam kawasan pilehanraya-nya, maka dapat-lah juga dia mengundi sa-kira-nya dia terjatoh dalam golongan pengundiz yang tidak hadhir. Pengundi yang tidak hadhir ini ia-lah warga negara yang tidak kurang daripada 21 tahun umur-nya; dan pada segi undang2 terbahagi kepada 3 jenis sa-bagaimana yang berikut:—

- (i) sa-saorang warga negara yang sedang berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata Persekutuan atau Negara Komanwel; dan isteri kapada orang itu dan pada tarikh dia membuat permohonan untok mendaftarkan diri-nya sa-bagai sa-orang

(10) Peraturan Perlembagaan (Surohanjaya Pilehanraya) 1960 - P.U. 110 t. 1960.

pengundi pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat atau Dewan Negeri dia ada tinggal di-rumah yang di-sediakan oleh Angkatan itu;

- (ii) sa-saorang warga negara yang berkhidmat di-dalam perkhidmatan awam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau pehak yang berkuasa tempatan atau yang berkanun jika ia tinggal bertugas di-luar sempadan Persekutuan; dan isteri kapada orang itu jika isteri-nya tinggal bersama2 dengan-nya di-luar sempadan Persekutuan pada tarikh permohonan mendaftarkan diri-nya sa-bagai sa-orang pengundi pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat atau Dewan Negeri;¹¹
- (iii) sa-saorang warga negara yang belajar dengan sa-penoh masa di-Universiti, Maktab Teknik, Maktab Latehan atau lain² yayasan pelajaran di-luar sempadan Persekutuan; dan isteri kapada penuntut itu jika isteri-nya tinggal bersama2 dengan-nya di-luar sempadan Persekutuan pada tarikh permohonan mendaftarkan diri-nya sa-bagai sa-orang pengundi pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat atau Dewan Negeri.¹¹

Tiap2 sa-saorang pengundi yang tidak hadhir itu hendak-lah mengundi dengan jalan pos. Dalam perkara berkenaan dengan pengundi2 yang mengundi dengan jalan pos ini bukan-lah hanya terhad kapada pengundi yang tidak hadhir bahkan juga di-benarkan kapada mereka2 yang dibawah ini:—

- (i) Ahli² Pasukan Polis dalam Persekutuan sa-lain daripada ahli Pasukan Polis Simpanan Sukarela;
- (ii) orang² yang terpaksa bertugas pada hari mengundi dan kerjanya berkaitan dengan menjalankan pilehanraya;
- (iii) Ahli² Surohanjaya Pilehanraya;
- (iv) orang² yang di-tetapkan dari satu masa ka-satu masa oleh Surohanjaya Pilehanraya dan di-siarkan dalam Warta Kerajaan sa-bagai pengundi dengan jalan pos.¹²

Daftar Pengundi.

Walau pun sa-orang warga negara itu mempunyai kelayakan mengundi sa-bagai orang yang bermastautin atau pengundi yang tidak hadhir, maka tidak-lah dapat juga dia mengundi melainkan nama-nya

(11) Peraturan Pilehanraya (Pendaftaran Pengundi) 1958 - P.U. 252 t. 1958.

(12) Peraturan Pilehanraya (Pengundi Dengan Jalan Pos) 1959 - P.U. 71 t. 1959.

ada terkandong di-dalam daftar pengundi, dan daftar pengundi itu ia-lah menjadi satu keterangan yang prima facie untuk di-tentukan sama ada sa-saorang itu berhak atau tidak mengundi dalam sa-suatu pilehanraya di-dalam sa-suatu kawasan pilehanraya. Dan juga sa-saorang itu tidak boleh di-benarkan mengundi dalam manaz tempat mengundi melainkan bahagian daftar pengundi yang mengandungi nama-nya ada-lah di-tentukan pada tempat mengundi itu.¹³ Juga ada-lah di-peruntokkan oleh undang¹⁴ ia-itu sa-saorang itu tidak-lah boleh di-masukkan ka-dalam daftar sa-bagai pengundi lebih daripada satu kawasan pilehanraya.

Yang demikian amat-lah mustahak-nya bagi sa-suatu sistem pilehanraya di-adakan daftar pengundi yang boleh menjadi sa-bagai keterangan yang mu'tamad yang menentukan pengundiz. Daftar pengundiz ini ada-lah di-siap dan di-semak pada tiap2 tahun oleh Surohanjaya Pilehanraya.

Untuk menjalankan kerja ini, Surohanjaya Pilehanraya memakai beberapa orang pegawai yang di-gelarkan dengan nama Pegawai Pendaftar, Penolong Pegawai Pendaftar, Pegawai Penyemak, Penolong Pegawai Penyemak, Ketua Pegawai Pendaftar dan Ketua Pegawai Penyemak. Dan juga di-dalam pekerjaan ini, tiga senarai ada-lah di-gunakan. Senarai A ia-lah daftar pengundi yang sedang berjalan kuat-kuasa-nya; senarai B ia-lah satu senarai yang mengandungi namaz orang yang mempunyai kelayakan dan membuat permohonan untuk di-daf-tarkan dan juga namaz orang yang berjaya membuat tuntutan untuk di-masukkan ka-dalam daftaran pengundi; dan senarai C ia-lah satu senarai yang mengandungi namaz orang yang sudah mati atau telah hilang kelayakan-nya dari semenjak tarikh kelayakan pada tahun yang lepas.

Apabila kerja untuk menyiapkan daftar pengundi hendak di-jalankan, Surohanjaya Pilehanraya akan menyiarkan satu pemberitahu dalam Warta Kerajaan meminta tiap2 orang yang mempunyai kelayakan dan mahu di-daftarkan nama-nya sa-bagai pengundi bagi pilehan-ray Persekutuan dan pilehanraya Negeri dalam Negeri itu supaya menghantarkan permohonan-nya kepada Pegawai Pendaftar atau kepada Penolong Pegawai Pendaftar. Permohonan ini hendak-lah di-hantarkan di-dalam tempoh yang di-tentukan oleh Surohanjaya Pile-

(13) Peraturan 14 dan 15 Peraturan Pilehanraya (Perjalanan Pilehanraya) 1959 - P.U. 69 t. 1959.

(14) S. 10, Ordinance Pilehanraya. No. 33 t. 1958.

anraya yang mana tempoh itu tidak kurang daripada 30 hari dan tidak lebih daripada 60 hari. Pada biasa-nya tempoh ini ada-lah di-tetapkan bermula pada tiap2 tahun pada 1hb. September dan berakhir pada 30hb. Oktober tahun itu.¹⁵ Apabila permohonan itu telah di-terima, maka Pegawai Pendaftar dan Penolong2-nya ada-lah berkewajipan menyiapkan daftar pengundi itu, dengan di-masukkan ka-dalam-nya nama2 orang yang di-fikirkan oleh-nya layak menjadi pengundi. Untuk kemudahan kerja2-nya pegawai2 ini di-beri kuasa meminta segala keterangan2 dan membuat penyiasatan mengenai hal ini. Sa-telah daftar pengundi itu siap, maka hendak-lah di-siarkan satu pemberitahu dalam Warta Kerajaan bahawa daftar pengundi yang telah siap itu boleh di-perekra di-dalam pejabat Pegawai Pengundi atau Penolong Pegawai Pengundi pada ketika yang di-tentukan.

Barang siapa yang tidak puas hati mengenai daftar pengundi yang telah di-siapkan dan telah di-siarkan itu sama ada dengan sebab nama-nya tidak terkandong di-dalam daftar itu atau pun dengan sebab nama orang lain yang tidak layak ada terkandong di-dalam-nya, maka boleh-lah dia membuat tuntutan supaya nama-nya boleh di-masukkan ka-dalam daftar itu atau membuat bantahan supaya di-batalkan nama orang yang sedang terkandong di-dalam daftar itu. Bantahan dan tuntutan ini hendak-lah di-buat di-dalam tempoh 28 hari daripada tarikh tersiar-nya pemberitahu mengenai penyiasatan daftar pengundi itu dalam Warta Kerajaan. Apabila tuntutan itu di-buat, maka hendak-lah Pegawai Pendaftar menampalkan di-tempat yang terang di-dalam pejabat-nya satu pemberitahu yang mengandungi nama2 dan alamat2 orang yang membuat tuntutan itu. Bagitu-lah juga apabila satu bantahan telah di-buat, maka Pegawai Pendaftar hendak-lah menghantarkan satu pemberitahu kapada orang yang nama-nya telah di-jadikan sa-bagai bantahan.

Kemudian daripada itu, maka hendak-lah Pegawai Pendaftar itu mengadakan satu penyiasatan awam mengenai tuntutan dan bantahan itu. Di-dalam penyiasatan awam ini, orang yang membuat tuntutan dan bantahan dan orang2 lain yang ada mempunyai kepentingan dalam hal ini boleh-lah hadhir untuk memberi pandangan masing2 dan Pegawai Pendaftar boleh meminta orang yang membuat tuntutan dan orang yang membuat bantahan supaya memberi buktiz dan keterangan2 mengenai tuntutan dan bantahan-nya. Apabila penyiasatan awam itu telah tamat

(15) Peraturan 8 dalam Peraturan Pilchanraya (Pendaftaran Pengundi) 1958 - P.U. 252 t. 1958.

maka Pegawai Pendaftar pun hendak-lah membuat keputusan-nya sama, ada di-benarkan tuntutan atau bantahan itu atau di-tolakkannya sama sa-kali. Jika pada hari yang di-tentukan di-adakan penyiasatan awam itu orang yang membuat tuntutan dan orang yang membuat bantahan tidak hadhir, maka berkuasa-lah Pegawai Pendaftar menolak tuntutan dan bantahan itu.

Jika orang yang membuat tuntutan atau orang yang membuat bantahan atau orang yang telah di-jadikan sa-bagai bantahan berasa tidak puas hati kapada keputusan yang di-buat oleh Pegawai Pendaftar itu, maka boleh-lah dia membuat rayuan kapada Pegawai Penyemak. Rayuan itu hendak-lah di-buat dengan beralaskan pada beberapa hal dan hendak-lah di-dengari oleh Pegawai Penyemak di-dalam tempat awam. Segala keputusan-nya mengenai hal ini ada-lah mu'tamad dan keputusan ini hendak-lah di-hantarkan kapada Pegawai Pendaftar supaya di-ambil tindakan sama ada di-ubah atau tidak daftar pengundi yang telah siap itu mengikut keputusan yang di-buat oleh Pegawai Penyemak itu.

Tiapz daftar pengundi yang telah di-siapkan hendak-lah di-akui sah sa-bagai mu'tamad. Pengakuan ini boleh-lah di-buat apabila Pegawai Pendaftar telah memberi keputusan-nya kapada segala tuntutan dan bantahan walau pun tuntutan dan bantahan itu telah di-rayukan dan maseh lagi belum di-bicharakan oleh Pegawai Penyemak. Chara pengakuan itu ada-lah di-buat dengan di-siarkan satu pemberitahu dalam Warta Kerjaan bahawa daftar itu telah di-akui sah dan boleh-lah dipereksa pada waktu yang patut di-dalam pejabat Pegawai Pendaftar atau pada tempat lain yang di-tentukan dalam pemberitahu itu. Dan pada tarikh pemberitahu ini daftar pengundi yang telah di-akui sah itu ada-lah berjalan kuat-kuasa-nya terba'alok kapada apaz perubahan yang akan di-buat sementara menanti keputusan rayuan, dan kuat-kuasa itu akan tamat pada 31hb. Macam yang mengikuti satu pengakuan yang lain akan di-buat pada masa yang akan datang.

Di-dalam cherian yang terdahulu, kita sebutkan bagaimana chara hendak menyiapkan daftar pengundi. Sekarang kita kaji pula chara hendak menyemak daftar pengundi.

Pada tiapz tahun mulai daripada 1hb. September hingga 12hb. Oktober, tiapz orang yang berkelayakan dan mahu mendaftarkan dirinya sa-bagai pengundi tetapi belum lagi di-daftarkan demikian, atau pun sudah di-daftarkan tetapi mahu di-daftarkan ka-dalam kawasan pilehan-rayaya yang lain, boleh-lah menghantarkan permohonan-nya untuk ini kapada Pegawai Pendaftar di-dalam tempoh yang tersebut itu. Apabila

permohonan itu telah di-terima oleh Pegawai Pendaftar, maka hendak-lah dia menyemak daftar pengundi itu dan untuk kemudahan-nya dia di-beri kuasa untuk mendapat ma'lumat mengenai hal ini. Apabila daftar pengundi itu telah sudah di-semak, maka hendak-lah dia menyiarkan satu pemberitahu dalam Warta Kerajaan menyatakan bahawa penyemakan itu telah siap dan daftar yang telah di-semak itu boleh di-pereksa pada waktu yang menasabah di-dalam pejabat Pegawai Pendaftar atau Penolong Pegawai Pendaftar. Dengan ini dapat-lah mereka yang tidak puas hati mengenai daftar yang di-semak itu dengan sebab nama-nya tidak di-masukkan mengikut permohonan-nya membuat tuntutan dan bantahan mengenai daftar yang di-semak itu. Tuntutan2 dan bantahan2 ini ada-lah di-bicharakan sa-bagaimana yang telah di-sebutkan mengenai penyiapan daftar pengundi itu, ia-itu di-bicharakan oleh Pegawai Pendaftar dan boleh di-rayukan kapada Pegawai Penyemak dan keputusan-nya itu ada-lah tamat dan akan di-sampaikan kapada Pegawai Pendaftar untuk di-baiki sa-mula daftar pengundi itu jika rayuan atau bantahan itu di-benarkan.

Bagaimana di-jalankan pilehanraya.

Untuk memulakan pilehanraya, Surohanjaya Pilehanraya akan mengeluarkan satu writ (perentah) kapada Pegawai Pengurus bagi tiap2 kawasan pilehanraya yang mana ahli Dewan Ra'ayat atau Dewan Negeri akan di-kehendaki di-pileh.¹⁶ Apabila Pegawai Pengurus menerima writ itu, hendak-lah ia mula menjalankan pilehanraya itu mengikut Peraturan2 yang tertentu.¹⁷

Mula2-nya hendak-lah Pegawai Pengurus itu mengishtiharkan satu pemberitahu dalam Warta Kerajaan dan sa-kurang2-nya dalam sa-buah akhbar yang bersiar dalam Persekutuan ini menyatakan:—

- (a) tarikh penamaan chalun2 bagi pilehanraya itu, dan
- (b) tarikh mengundi, jika pilehanraya itu akan bertanding dengan sebab bilangan chalun2 lebih daripada satu orang.

Tarikh penamaan chalun itu tidak-lah kurang daripada 10 hari sa-lepas daripada pemberitahu itu di-starkan, dan tarikh mengundi itu tidak-lah kurang daripada 3 minggu dan tidak pula lebih daripada 8 minggu sa-lepas daripada tarikh penamaan itu. Sa-lain daripada mengishtiharkan pem-

(16) S. 12, Ordinance Pilehanraya - No. 33 t. 1958.

(17) Peraturan Pilehanraya (Perjalanan Pilehanraya) 1959 - P.U. 69 t. 1959.

beritahu yang tersebut, Pegawai Pengurus hendak-lah juga membuat satu pemberitahu untuk menentukan waktu dan tempat penamaan chalun bagi kawasan pilehanraya itu.

Kerja penamaan chalun itu amat-lah teknikal dan hendak-lah di-buat dengan berhalus2 supaya penamaan itu menjadi sah pada sisi undang2. Penamaan chalun hendak-lah di-buat dengan di-serahkan kepada Pegawai Pengurus tiga salinan kertas penamaan. Tiap2 kertas penamaan itu hendak-lah di-tandatangani oleh sa-orang penchadang dan sa-orang penyokong dan sa-kurang2-nya oleh empat orang lain lagi. Kesemua mereka ini hendak-lah terdaftar nama-nya dalam kawasan pilehanraya di-mana chalun itu akan bertanding. Tiap2 chalun yang di-namai dalam kertas penamaan itu hendak-lah bersetuju dengan penamaan-nya.¹⁸ Persetujuan itu hendak-lah tertulis di atas tiap2 kertas penamaan itu. Apabila di-serahkan kapada Pegawai Pengurus ketigaz salinan kertas penamaan itu hendak-lah di-iringi oleh satu surat sumpah mengenai kelayakan orang yang di-namai menjadi chalun dan juga wang deposit sa-banyak \$500 untuk pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat atau \$250 untuk pilehanraya bagi Dewan Negeri. Kertas penamaan dan surat2 sumpah itu hendak-lah di-buat mengikut bentuk yang tertentu yang mana borang2-nya boleh-lah di-dapati daripada Pegawai Pengurus mulai daripada tarikh di-ishtiharkan wrt pilehanraya itu hingga pukul 12 tengah hari pada tarikh penamaan itu.

Ketigaz salinan kertas penamaan, surat sumpah dan wang deposit yang tersebut itu hendak-lah di-serahkan kapada Pegawai Pengurus pada hari penamaan sa-awal2-nya pada pukul 10.00 pagi dan sa-lewat2-nya pada pukul 12.00 tengah hari. Penyerahan itu hendak-lah di-buat oleh chalun itu sendiri atau oleh penchadang-nya atau penyokong-nya. Apabila di-terima, maka Pegawai Pengurus itu akan menampalkan semua kertas2 penamaan yang di-terima dan tidak di-tarek balek.¹⁹ Penampalan itu ada-lah di-buat di-tempat yang terang di-luar tempat penamaan itu supaya dapat di-pereksa oleh orang2 yang di-benarkan hadir di-situ oleh Pegawai Pengurus. Orang2 yang di-benarkan hadir pada waktu itu, ia-itu di-antara 12.00 dan pukul 1.30 tengah hari, ia-lah orang2 yang

(18) Per. 50(4) Perlumbagaan Malaysia dan Peraturan 4(2), Peraturan Pilehanraya (Perjalanan Pilehanraya), 1959.

(19) Penamaan itu boleh-lah di-tarek balek oleh chalun sa-belum daripada pukul 12.00 tengah hari pada tarikh penamaan itu dengan di-beri satu notis kepada Pegawai Pengurus yang mana notis itu hendak-lah di-tanda-tangani oleh chalun itu sendiri.

di-namai chalun, penchadang² dan penyokong² mereka dan sa-orang lain lagi yang di-lantek oleh tiap² orang chalun itu.

Apabila kertas² penamaan itu telah di-pereksa dan di-dapat tidak memuaskan dengan sebab yang tertentu, maka bolehlah di-buat satu bantahan ka-atas-nya dan tiap² bantahan itu hendak-lah di-buat sa-awal²-nya pada pukul 12.00 dan sa-lewat² nya pada pukul 1.30 tengah hari pada tarikh penamaan itu. Bantahan² itu hendak-lah ditandatangani oleh orang yang membuat bantahan itu²⁰ dan mengandongi salah satu daripada alasan² yang tersebut di-bawah ini, ia-itu alasan² itu ia-lah:—

- (a) kerana keterangan mengenai chalun itu tidak chukup untuk di-chalunkan chalun itu;
- (b) kerana kertas penamaan-nya di-buat atau di-serahkan dengan tidak mengikut peraturan;
- (c) kerana ada-lah nyata daripada kertas penamaan itu sendiri bahawa chalun itu tidak boleh di-pileh menjadi ahli Dewan Ra'ayat atau Dewan Negeri;
- (d) kerana kertas penamaan itu tidak di-sertakan dengan wang deposit sa-bagaimana yang di-kehendaki; dan
- (e) kerana mengikut Perlembagaan, chalun itu telah hilang ke-layakan menjadi ahli Dewan Ra'ayat atau Dewan Negeri.

Bantahan² itu hendak-lah di-selesaikan pada hari itu juga oleh Pegawai Pengurus dengan sa-berapa chepat yang boleh. Chalun² yang berkenaan atau penchadang atau penyokong² mereka hendak-lah di-beritahu tentang keputusan mengenai bantahan itu dan jika bantahan itu di-luluskan, maka alasan² bagi keputusan itu pun hendak-lah juga di-beritahu. Keputusan yang di-buat oleh Pegawai Pengurus mengenai bantahan itu ada-lah mu'tamad untuk pilehanraya itu dan tidak-lah boleh di-so'al lagi dalam manaz Mahkamah. Tetapi barang siapa yang tidak puas hati mengenai keputusan ini boleh-lah ia membuat rayuan kapada Mahkamah pilehanraya mengikut sekshen 32(b) Ordinance Kesalahan Pilehanraya dengan alasan ia-itu pilehanraya itu di-jalankan dengan tidak mengikut undang².

(20) Orang yang membuat bantahan itu hendak-lah terdaftar nama-nya dalam daftar pengundi bagi kawasan pilehanraya dan Pegawai Pengurus sendiri pun boleh juga membuat bantahan.

Pada hari penamaan itu apabila di-selesaikan segala bantahan²¹ yang di-buat, jika hanya-lah ada sa-orang chalun sahaja yang mempunyai penamaan yang sah, maka chalun itu akan di-ishtiharkan oleh Pegawai Pengurus pada waktu itu juga sa-bagai terpilih²¹ dalam pilehanraya itu dan nama-nya akan di-siarkan dalam Warta Kerajaan. Tetapi jika bilangan chalun²² yang mempunyai penamaan yang sah itu lebih daripada sa-orang, maka pilehanraya itu akan bertanding dan pengundian akan di-adakan mengikut peratoran yang tertentu.

Jika pilehanraya itu akan bertanding, maka pada hari penamaan itu juga hendak-lah Pegawai Pengurus itu menjalankan tugas-nya seperti berikut, ia-itu:—

- (a) menentukan dengan jalan undi susunan namaz chalun yang akan di-terakan ka atas kertas undi kelak;
- (b) menentukan dengan jalan undi satu tanda bagi tiap² orang chalun;²² dan
- (c) menghantarkan kapada Penyelia Pilehanraya (i) satu laporan menyatakan bahawa pilehanraya akan bertanding; (ii) satu salinan kertas penamaan bagi tiap² orang chalun; (iii) satu penyata yang menunjukkan susunan namaz chalun yang akan di-terakan ka atas kertas undi dan juga tanda yang telah di-tetapkan bagi tiap² orang chalun itu.

Apabila Penyelia Pilehanraya itu menerima suratan yang tersebut, maka hendak-lah ia menyiarkan satu notis dalam Warta Kerajaan dan juga dengan apa2 jalan yang di-fikirkan patut, dan notis itu menyatakan:—

- (i) namaz kawasan pilehanraya yang mana pilehanraya bagi-nya akan bertanding;
- (ii) tarikh mengundi;

-
- (21) Sharat (a) kepada S. 13(1), Ordinance Pilehanraya - No. 33 t. 1958 Lihat juga Peratoran 10, Peratoran Pilehanraya (Perjalanan Pilehanraya) 1959 - P.U. 69 t. 1959.
 - (22) Tanda ini hendak-lah di-luluskan oleh Surohanjaya Pilehanraya. Tetapi sa-orang chalun yang menjadi ahli bagi su-sabuah parti politik boleh-lah menggunakan tanda parti-nya dengan sharat:—
 - (i) tanda itu hendak-lah terlebih dahulu telah di-lulus dan di-daftarkan oleh Surohanjaya Pilehanraya; dan
 - (ii) chalun yang hendak menggunakan tanda itu hendak-lah mengeluarkan satu surat tauliah yang di-tandatangani oleh sa-orang Pegawai yang bertanggong-jawab dalam parti itu. Surat tauliah itu hendak-lah membenarkan penggunaan tanda parti itu oleh chalun itu - Peratoran 11(2) (c) dan (d).

- (iii) nama2 chalun yang akan bertanding mengikut susunan yang akan di-terakan ka-atas kertas undi, tanda yang telah ditetapkan bagi tiap2 orang chalun dan juga nama2 penchadang dan penyokong chalun2 itu; dan
- (iv) tempat2 mengundi bagi tiap2 daerah mengundi dalam sa-sabuah kawasan pilehanraya dan juga waktu mengundi.²³

Jika sa-lepas daripada di-laporkan pilehanraya itu kapada Penyelia Pilehanraya tetapi sa-belum di-mulakan pengundian tiba2 sa-saorang chalun itu telah mati atau telah hilang kelayakan-nya menjadi ahli Dewan Ra'ayat atau Dewan Negeri, maka Surohanjaya Pilehanraya akan memberhentikan pilehanraya itu dan akan menetapkan dengan sa-chara di-beri notis dalam Warta Kerajaan dan dalam akhbar satu tarikh baharu bagi pilehanraya itu. Yang demikian, segala perjalanan mengenai-nya hendak-lah di-ulangi sa-mula, melainkan tidak-lah mustahak di-ulangi sa-mula penamaan chalun yang mana pada ketika di-berhentikan pilehanraya itu ia ada mempunyai penamaan yang sah.

Tempat2 mengundi hendak-lah di-siapkan. Di-sini tiap2 satu kawasan pilehanraya ada-lah di-bahagikan kapada beberapa daerah mengundi dan bagi tiap2 daerah ini ada-lah di-tetapkan dengan huruf dan nombor yang terang atau kedua2-nya sa-kali. Dalam tiap2 daerah mengundi akan di-adakan sa-kurang2-nya satu tempat mengundi.²⁴ Untuk ini, bangunan2 sekolah atau sa-bahagian daripada bangunan2 itu yang mana sekolah itu menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan boleh-lah di-gunakan dengan perchuma oleh Surohanjaya Pilehanraya sa-bagai tempat mengundi. Tetapi jika ada apa2 kerosakan telah berlaku pada bangunan itu dengan sebab pilehanraya, maka hendak-lah Surohanjaya Pilehanraya membayar ganti-rugi kapada orang yang menguasai sekolah itu.²⁵

Di-luar tempat mengundi itu hendak-lah di-tampalkan dua notis; satu notis yang menunjukkan nama tiap2 orang chalun mengikut susunan nama yang di-terap di-atas kertas undi dan tanda2 yang telah di-tetapkan bagi chalun itu; dan satu notis lagi untuk memberi arahan sa-bagai penunjuk kepada pengundi2. Kedua2 notis itu hendak-lah di-buat

(23) Waktu mengundi itu tidak boleh lebuh daripada dua belas jam (Peraturan 15(2)).

(24) S. 7 Ordinance Pilehanraya, 1958.

(25) S. 14 Ordinance Pilehanraya, 1958.

dalam bahasa Inggeris dan Melayu berhuruf Jawi, dan juga dalam bahasa Tamil dan China. Tetapi jika di-fikirkan oleh Surohanjaya Pilehanraya bahawa notis itu tidak-lah mustahak di-buat dalam bahasa Tamil dan China maka tidak-lah payah di-buat dalam bahasa itu. Dan juga pada tiap2 tempat mengundi itu hendak-lah di-sediakan kemudahan2 untuk membolehkan pengundi menandakan kertas undi mereka dalam keadaan yang terdinding daripada pandangan orang lain. Sa-lain daripada itu, tempat mengundi itu hendak-lah di-hadkan oleh Pegawai Tugas yang menguruskan tempat itu.

Tiap2 tempat mengundi itu ada-lah di-uruskan oleh beberapa orang Pegawai Tugas yang di-lantek oleh Pegawai Pengurus. Tiap2 orang Pegawai Tugas itu akan mengatorkan bagaimana orang yang hendak mengundi akan masuk ka-tempat itu dan berkewajipan menguruskan tempat mengundi dan menjaga keamanan dan ketenteraman di-tempat itu. Dengan sebab ini ia di-beri kuasa untuk menghalau keluar daripada tempat itu dengan mendapat pertolongan pegawai polis sa-siapa juga yang membuat kelakuan tidak senonoh atau melanggar perentah Pegawai Tugas. Dan lagi, tiap2 orang Pegawai Tugas itu akan di-beri satu salinan chabutan daftar pengundi yang mengandungi namaz orang yang akan mengundi di-tempat itu. Dari itu, pengundi yang hanya-lah terdaftar untuk mengundi di-tempat itu sahaja boleh di-benarkan masuk mengundi. Orangz lain yang tidak berkenaan²⁶ ada-lah di-tegah daripada masuk ka-tempat mengundi itu.

Tiap2 orang pengundi itu hanya-lah boleh mengundi dalam satu kawasan pilehanraya sahaja.²⁷ Dengan sebab ini-lah sa-saorang itu tidak boleh di-daftarkan sa-bagi pengundi lebuh daripada satu kawasan pilehanraya²⁸ dan dia hanya-lah boleh mengundi di-tempat mengundi yang nama-nya terdaftar di-sana sahaja, dan berhak mengundi satu kali

(26) Tetapi orang yang boleh masuk ka-tempat mengundi itu ia-lah -

- (i) chalun, wakil pilehanraya dan wakil mengundi-nya;
 - (ii) pegawai pengurus;
 - (iii) Pegawai polis yang bertugas;
 - (iv) ahli2 dan pegawai2 Surohanjaya Pilehanraya; dan
 - (v) orang yang bertugas dengan rasmi-nya di-tempat mengundi itu.
- Nama tiap2 wakil mengundi hendak-lah di-beritahu terlebih dahulu kepada Pegawai Tugas kerana jika lau tidak, ia tidak akan di-benarkan masuk ka-tempat mengundi.

(27) Per. 116(1) Perlembagaan Malaysia.

(28) S. 10 Ordinance Pilehanraya, 1958.

sahaja.²⁹ Tiap2 orang pengundi itu ada-lah di-beri³⁰ sa-helai kertas undi dan dia akan mengundi dengan menandakan ka-atas kertas itu satu tanda yang menunjukkan pilehan-nya. Kertas itu akan di-lipat oleh-nya dan di-masukkan ka-dalam peti undi yang di-sediakan mengikut peratoran.³¹ Perbuatan menanda, melipat dan memasukkan kertas undi ka-dalam peti undi itu ada-lah kesemua-nya di-buat oleh pengundi itu dengan sulit dan tidak boleh di-lihat oleh orang lain.³² Tetapi jika pengundi itu ia-lah orang buta atau tidak boleh membacha, maka boleh-lah ia meminta pertolongan kapada Pegawai Tugas supaya pegawai ini boleh menanda kertas undi itu dengan mengikut perentah orang itu dan tolong memasukkan kertas undi itu ka-dalam peti undi. Tiap2 orang pengundi hendak-lah menandakan undi-nya dengan tidak berlengah lagi dan sa-lepas mengundi hendak-lah keluar daripada kawasan tempat mengundi itu dengan segera.

Dan lagi Pegawai Tugas itu boleh bertanya kapada sa-orang pengundi itu ia-itu sama ada ia mengerti atau tidak charaz menanda undi. Jikalau pengundi itu meminta pegawai itu memberi penerangan kapadanya, maka penerangan itu boleh-lah di-beri, tetapi sharat-nya penerangan itu di-beri dalam pendengaran wakil pengundi bagi chalun yang hadir di-tempat mengundi itu, dan penerangan itu mesti-lah betul2 penerangan

(29) Peratoran 19, Peratoran Pilehanraya (Perjalanan Pilehanraya) 1959 - P.U. 69 t. 1959.

(30) Sa-be lum di-beri kertas undi, Pegawai Tugas ada-lah berkuasa meminta sa-saorang pengundi itu memberi kererangan mengenai pengenalan dirinya dan membuat surat sumpah mengenai hal ini - Peratoran 20, Peratoran (Perjalanan Pilehanraya) 1959. Dan lagi tiap2 helai kertas undi itu akan mengandungi namaz chalun dalam tulisan rumi dan mempunyai hal ahwal mengenai-nya sa-bagaimana yang tertulis dalam kertas penamaan dan di-susun dan di-beri tanda sa-bagaimana yang telah di-tetapkan oleh Pegawai Tugas. Kertas itu hendak-lah boleh di-lipat; pada belakangnya hendak-lah di-chapkan dengan nombor dan pada tunggol-nya hendak-lah di-chapkan dengan nombor itu. (Peratoran 17). Apabila tiap2 orang pengundi itu meminta kertas undi, maka nombor, nama dan hal ahwal-nya akan di-laungkan, dan nombor-nya akan di-tanda menunjukkan ia-itu dia sudah meminta undi; tetapi tanda itu tidak akan menunjukkan kertas yang telah di-berikan kepada-nya. Mengenai kertas undi yang di-beri itu pula, pada tunggol-nya hendak-lah di-tulis nombor pengundi itu dan pada belakangnya hendak-lah di-chap atau di-lubangkan dengan tanda rasmi atau di-persahikan oleh pegawai tugas (Peratoran 19(2)).

(31) Tiap2 buah peti undi itu hendak-lah di-buat supaya undi yang di-masukkan ka-dalam-nya tidak boleh di-keluarkan melainkan dengan jalan dibuka kunci peti itu. Sa-be lum di-jalankan pengundian, peti itu hendak-lah di-tunjukkan kapada mereka yang di-benar hadir di-tempat mengundi itu supaya dapat mereka melihat bahawa peti itu kosong. Sa-lepas itu peti itu pun di-kunci dan di-meterai supaya tidak boleh di-buka lagi.

(32) S. 13(2) Ordinance Pilehanraya, 1958.

dan bukan-nya di-anggap sa-bagai nasihat atau arahan mengundi untuk sa-saorang chalun.

Jika di-dapati sa-saorang yang terdaftar nama-nya dalam daftar pengundi telah di-chatetkan sa-bagai sudah mengundi, dan kemudian-nya sa-orang lagi datang hendak mengundi di atas nama itu juga dan mengaku bahawa dia-lah orang yang sa-benar2-nya terdaftar dengan nama itu, maka orang itu boleh-lah di-beri kertas undi yang lain dengan sharat-nya hendak-lah ia membuat surat sumpah mengenai pengenalan diri-nya. Kertas undi yang di-beri kepada orang itu di-namakan kertas undi ganti.

Apabila waktu mengundi telah tamat, pengundian itu pun di-tutup dan semua kertas2 undi yang tidak habis di-pakai atau yang rosak atau yang di-beri kapada pengundi sa-bagai kertas undi ganti, masing2-nya hendak-lah di-berkas kapada beberapa berkas yang asing. Bagitu-lah juga salinan chabutan daftar pengundi bersama2 dengan tunggol kertas undi itu akan di-berkaskan kapada satu berkas yang lain. Semua berkas2 ini dan petiz undi sama ada berisi atau kosong, hendak-lah di-metraikan dengan metrai Pegawai Tugas itu dan juga dengan metrai chalun2 dan wakil2 mereka. Kemudian kesemua-nya akan di-serahkan kepada Pegawai Pengurus.

Kemudian daripada itu, kertas2 undi yang di-gunakan itu pun akan di-bilang pada ketika chalun2 dan wakil2 pilehanraya dan wakil pembilang³³ mereka itu hadhir. Mereka yang boleh turut hadir pada masa membilang kertas undi ia-lah :—

- (1) ahli dan pegawai Surohanjaya Pilehanraya;
- (2) Pegawai Pengurus dan penolong2-nya, serta keraniz2-nya;
- (3) orang2 lain yang di-benarkan hadir oleh Pegawai Pengurus.

Dalam membilang kertas2 undi itu, kertas undi ganti tidak-lah di-bilang bahkan di-bungkus, di-metrai dan di-simpan sahaja. Kertas2 undi yang tersebut di-bawah ini ada-lah di-anggap tidak sah dan hendak-lah ditolak. Kertas2 undi ini ia-lah :—

- (i) kertas undi yang tidak di-stamp atau tidak di-lubangkan dengan tanda rasmi, atau di-persahkan oleh Pegawai Pengurus;³⁴

(33) Nama wakil pembilang itu hendak-lah terlebih dahulu di-beri kapada Pegawai Pengurus. Jikalau tidak, ia tidak di-benarkan hadir.

(34) Tetapi jika kertas undi yang seperti ini telah di-beri kapada pengundi dengan sebab perbuatan Pegawai Tugas sendiri atau oleh orang yang di-tauliahkan oleh-nya, dan jika tidak dengan sebab ini kertas undi itu sa-patutnya sah, maka tidak-lah termesti di-tolak kertas undi itu.

- (ii) kertas undi yang mana pengundi-nya telah menanda undi-nya kapada lebuh daripada sa-orang chalun;
- (iii) kertas undi yang mana tulisan atau tanda yang ada di atasnya boleh mengenalkan pengundi-nya;
- (iv) kertas undi yang tidak bertanda langsung atau pun di-tanda di-tempat atau dengan chara yang lain daripada apa yang di-kehendaki oleh peratoran;³⁵
- (v) kertas undi yang tidak menunjukkan tujuan pengundi-nya dengan terang.

Apabila kertas2 undi itu tamat di-bilang, di atas permintaan chalun atau wakil pilehanraya-nya kertas2 undi itu boleh-lah di-bilang sa-mula, tetapi bagi tiap2 sa-orang chalun permintaan ini hanya-lah boleh di-buat sa-kali sahaja, dan permintaan ini boleh-lah di-tolak oleh Pegawai Pengurus; dan Pegawai Pengurus sendiri boleh memerentah supaya kertas2 undi itu di-bilang beberapa kali jika di-fikirkan mustahak untok mendapat keputusan yang sa-benar2-nya.

Apabila kerjaz membilang kertas undi itu telah selesai, Pegawai Pengurus akan terus membuat pengumuman, ia-itu chalun yang mendapat undi yang lebuh banyak menjadi terpileh dalam pilehanraya itu.³⁶ Tetapi jika undi bagi sa-saorang chalun itu sama banyak dengan undi yang di-dapati oleh chalun lawan-nya, maka persamaan undi ini akan di-selesaikan dengan di-beri satu undi tambahan kapada salah sa-orang daripada chalunz itu. Tentang kapada chalun yang mana undi tambahan akan di-beri, ini ada-lah di-tentukan dengan chara di-chabut undi pada ketika Pegawai Pengurus dan chalunz dan wakilz mereka ada hadhir di-tempat itu. Chalun yang bernasib baik mendapat undi tambahan ini-lah akan di-ishtiharkan terpileh dalam pilehanraya itu.³⁷

Sa-telah di-buat pengumuman mengenai chalun yang terpileh dalam pilehanraya itu, maka kertas2 undi dan segala suratazn yang lain yang berkaitan dengan pilehanraya itu hendak-lah di-metraikan oleh Pegawai Pengurus dan di-simpan baik2 di-tempat yang selamat sa-lama enam bulan; dan jika kemudian-nya tidak ada apa2 arahan daripada

(35) Tetapi jika kertas undi itu betul2 dan dengan terang-nya menunjukkan tujuan pengundi-nya dan chalun-nya di-pileh oleh-nya, maka kertas itu tidak-lah boleh di-tolak dengan sebab ini sa-mata2.

(36) S. 13, Ordinance Pilehanraya, 1958 dan Peratoran 25(8) - P.U. 69 t. 1959.

(37) Sharat (b) kapada s. 13(t) Ordinance Pilehanraya 1959, dan Regulation 25(9) - P.U. 69 t. 1959.

Surohanjaya Pilehanraya, kertas2 undi dan suratanz itu akan di-binasakan kesemua-nya. Sa-lepas di-metraikan, kertas2 undi itu dan suratanz yang berkaitan itu tidak-lah boleh di-pereksa, di-buat salinan atau di-da'awakan melainkan di atas perentah Mahkamah Tinggi yang mana Mahkamah ini tidak akan membuat perentah itu melainkan kertas2 undi atau suratanz itu ada-lah mustahak untuk menjalankan sa-suatu penda'awaan atau mengemukakan sa-suatu rayuan pilehanraya. Sa-lain daripada kerja memetrai dan menyimpan kertas2 undi dan suratanz itu, Pegawai Pengurus hendak-lah pula membuat satu penyata dan laporan untuk di-serahkan kapada Pegawai Penyelia Pilehanraya. Sa-lepas ini, nama chalun yang terpileh itu bersamaz dengan laporan pilehanraya itu akan di-siarkan oleh Penyelia Pilehanraya dalam Warta Kerajaan.

Jika pada kemudian hari ada berbangkit pertelingkahan sama ada pilehanraya itu tidak sah dengan sebab tidak di-jalankan mengikut peratoranz yang tersebut di atas,³⁸ dan jika itu-lah sahaja alasan-nya, maka pilehanraya itu tidak akan di-batalkan sa-kira-nya di-dapati bahawa prinsip2 atau ka'edah2 yang terkandong dalam peratoran itu ada-lah di-patohi dan kegagalan mengikut peratoran itu tidak akan menyentoh atau memberi bedza kepada keputusan pilehanraya itu.

Pilehanraya Kerajaan Tempatan.

Kuasa Surohanjaya Pilehanraya menjalankan pilehanraya Kerajaan Tempatan ia-lah berasalkan kapada Perkara 113(4)³⁹ Perlembagaan Malaysia dan kapada Act Pilehanraya Kerajaan Tempatan 1960.⁴⁰ Untuk ini Kerajaanz Negeri hendak-lah memberi perlumbagaan baharu kapada badanz Kerajaan Tempatan di-dalam masingz Negeri. Perlumbagaan baharu ini hendak-lah di-beri kapada Perbandaran Majlis atau Lembaga Luar Bandar, Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan dan perlumbagaan baharu ini sudah pun di-beri kapada badanz yang tersebut mengikut Act Pilehanraya Kerajaan Tempatan 1960 itu.

Peratoranz menyiap dan menyemak daftar pengundiz dan peratoranz menjalankan pilehanraya⁴¹ sama-lah saperti peratoranz yang

(38) Peratoran Pilehanraya (Perjalanan Pilehanraya) 1959 - P.U. 69 t. 1959.

(39) "Undangz Persekutuan atau Negeri boleh memberi kuasa kapada Surohanjaya Pilehanraya supaya menjalankan pilehanraya yang lain daripada pilehanraya yang di-sebutkan dalam Fasal 1"-ia-itu lain daripada pilehanraya kapada Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri.

(40) Act No. 11 t. 1960.

(41) Peratoran (Pendaftaran Pengundi) Kerajaan Tempatan, 1960 - P.U. 112 t. 1960.

terdapat mengenai pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri.⁴² Yang berlainan ia-lah tentang kelayakan sa-saorang menjadi chalun dan pengundi sahaja. Dan juga kawasan pilehanraya bagi Kerajaan Tempatan tentu-lah kecil dan tidak sa-bagitu luas seperti yang di-dapati dalam pilehanraya kepada Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri. Dengan sebab ini kawasan pilehanraya bagi Kerajaan Tempatan ada-lah dinamakan dengan perkatan Wad.

Chalunz bagi pilehanraya Kerajaan Tempatan ia-lah terdiri daripada orang² yang boleh menjadi ahli meshuarat kapada badan Kerajaan Tempatan itu.⁴³ Mereka ini ia-lah warga negara yang berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan bukan-nya daripada orang² yang tersebut di-bawah ini, ia-itu :—

- (a) orang yang di-dapati atau di-akui tidak sempurna akal;
- (b) orang maflis yang belum lagi di-selesai atau di-bebaskan;
- (c) orang yang telah di-thabit salah melakukan suatu kesalahan di-bawah Ordinance Kesalahan Pilehanraya 1954,⁴⁴ atau yang telah di-buktikan salah dalam suatu perbicharaan mengenai pilehanraya dalam Persekutuan kerana melakukan perbuatan yang di-anggap sa-bagai kesalahan itu;
- (d) orang yang mungkir menghantarkan penyata perbelanjaan pilehanraya bagi Parlimen atau Dewan Negeri atau bagi Kerajaan Tempatan, dalam tempoh yang di-tetapkan, sa-telah ia-nya mengambil bahagian dalam pilehanraya itu sa-bagai chalun atau wakil pilehanraya. Tempoh ini ia-lah 33 hari sa-lepas di-siarkan keputusan pilehanraya;
- (e) orang yang telah di-thabit salah melakukan suatu kesalahan jenayah oleh manaz Mahkamah dalam Persekutuan dan telah di-hukum dengan penjara tidak kurang daripada satu tahun lama-nya atau dengan denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat ampuan;
- (f) orang yang telah mendapat dengan sa-kehendak hati-nya sendiri kewarganegaraan negara asing atau telah menerima faedah² kewarganegaraan itu atau pun telah membuat pengakuan ta'at setia-nya kapada negara asing itu;

(42) Peraturan (Perjalanan Pilehanraya) Kerajaan Tempatan 1960 - P.U. 111 t. 1960.

(43) S. 5 Act Pilehanraya (Kerajaan Tempatan) 1960 dan Jadual Pertama kapada Act itu.

(44) Ordinance No. 9 t. 1954.

- (g) orang yang memegang jawatan sa-penoh masa dalam perkhidmatan awam dalam Persekutuan;
- (h) orang yang dengan tidak mendapat kebenaran bertulis dari-pada Raja atau Gabenor Negeri telah menchampori dan mempunyai kepentingan dalam suatu contrak dengan pehak yang berkuasa tempatan atau dalam suatu kerja yang di-buat untuk pehak yang berkuasa;⁴⁵
- (i) orang yang terta'alok kapada kehilangan kelayakan yang ditentukan oleh Perlembagaan bagi badan Kerajaan Tempatan itu.

Berkenaan dengan orang yang telah di-hilangkan kelayakan-nya dengan sebab dia di-thabit atau di-buktikan salah di-bawah Ordinance Kesalahan Pilchanraya, 1954, atau dengan sebab di-thabit salah kerana melakukan satu kesalahan jenayah yang dia telah di-penjara tidak kurang daripada dua belas bulan atau di-denda tidak kurang daripada \$2,000, atau dengan sebab dia mungkir menghantarkan penyata pilehanraya, maka kehilangan kelayakan itu ia-lah sa-lama lima tahun. Tempoh lima tahun ini ada-lah di-hitung mulai daripada tarikh yang dia telah di-thabit atau di-buktikan salah atau daripada tarikh yang dia telah di-bebaskan daripada penjara atau daripada tarikh yang dia di-kenakan denda atau daripada tarikh yang dia mesti hantarkan penyata pilehanraya itu. Tetapi tempoh lima tahun ini boleh di-singkatkan jika kehilangan kelayakan itu di-hapuskan oleh Raja atau Gabenor bagi Negeri yang berkenaan pada bilaz masa sa-kali pun sa-belum habis tempoh lima tahun yang tersebut itu.⁴⁶

(45) Tetapi -

- (i) sa-saorang itu tidak-lah di-anggap sa-bagai menchampori atau mempunyai kepentingan di-dalam Konterek atau kerja yang tersebut dengan hanya sebab menjadi pemegang saham atau pengarah (sa-lain daripada Pengerusi atau Pengarah yang mengurus) di-dalam suatu kompeni yang membuat konterek atau menjalankan kerja yang tersebut;
- (ii) konterek yang di-buat dengan pehak yang berkuasa tempatan untuk perbekalan ayer, gas, letrik dan lain2 perkhidmatan kapada sa-orang ahli meshuarat tidak-lah di-anggap sa-bagai menghilangkan kelayakan sa-saorang itu daripada menjadi chalun;
- (iii) konterek yang mana harga-nya tidak lebuh daripada \$150 tidak-lah juga termasuk di-dalam konterek yang menghilangkan kelayakan yang tersebut.

(46) Cheraian 3 Jadual Yang Pertama Act Pilehanraya Kerajaan Tempatan.

Orang yang akan menjadi pengundi bagi pilehanraya Kerajaan Tempatan ia-lah orang yang mempunyai sharatz seperti berikut,⁴⁷ ia-itu :—

- (1) menjadi warga negara Malaysia;
- (2) berumur 21 tahun pada tarikh kelayakan;
- (3) nama-nya terdaftar dalam daftar pengundi bagi pilehanraya yang tersebut;
- (4) pada tarikh kelayakan dia ada-lah bermastautin dalam wad pilehanraya Kerajaan Tempatan.

Jika sa-kira-nya dia tidak bermastautin dalam wad pilehanraya itu, dia hanya-lah boleh menjadi pengundi dalam wad itu sa-kira-nya dia memenuhi sharatz yang berikut:—

- (a) dia mempunyai harta tidak bergerak (tanah) dalam wad itu yang mana nilai tahunan yang bersih bagi harta itu tidak-lah kurang daripada enam puluh ringgit akan nilai sa-penoh-nya tidak kurang daripada lima ratus ringgit; dan
- (b) dia telah membayar kadar yang telah di-kenakan ka-atas harta itu untuk tahun atau separoh tahun yang berakhir pada 31hb. Disember yang terdahulu daripada tarikh kelayakan; dan
- (c) dia telah memberi satu notis kapada Surohanjaya Pilehanraya dalam tempoh membuat dan menyemak daftar pengundi yang mana notis itu menyatakan yang dia mahu nama-nya di-masukkan atau di-kekalkan dalam daftar pengundiz bagi wad pilehanraya itu, dan bersama2 dengan notis itu hendak-lah juga dia menghantarkan satu perakuan mengenai harta tidak bergerak yang di-punyai oleh-nya dalam wad itu dan juga mengenai bayaran kadar yang di-kenakan ka-atas harta itu.⁴⁸

Jika sa-saorang yang tidak bermastautin itu mempunyai harta tidak bergerak dalam lebuh daripada satu wad, sa-bagi sa-orang pengundi yang tidak bermastautin dia hanya-lah berhak mempunyai satu undi sahaja dalam kawasan tempatan itu dan dia hanya-lah boleh mengundi

(47) S. 17 Act Pilehanraya (Kerajaan Tempatan) - 1960 dan Jadual kedua kepada Act itu.

(48) S. 17 dan Jadual Yang Kedua Act Pilehanraya Kerajaan Tempatan, No. 11 t. 1960.

dalam wad yang dia tetapkan dalam notis yang di-hantarkan kepada Surohanjaya Pilehanraya.

Dan lagi, Pehak Yang Berkuasa Negeri boleh membuat perentah menegahkan pengundi yang tidak bermastautin daripada mengundi dalam pilehanraya bagi sa-suatu atau beberapa buah pehak yang berkuasa tempatan, dan perentah itu hendak-lah di-siarkan dalam Warta Kerajaan.

Sa-saorang warga-negara yang mempunyai sifatz yang di-bawah ini ada-lah di-anggapkan sa-bagai hilang kelayakan-nya dan tidak-lah boleh mengundi dalam pilehanraya kerajaan tempatan. Sifatz ini ia-lah:—

- (a) pada tarikh kelayakan dia telah di-tahan sa-bagai sa-orang yang tidak sempurna akal-nya atau di-tahan kerana menjalankan hukuman penjara yang di-kenakan ka-atas-nya;
- (b) sa-belum daripada tarikh kelayakan dia telah di-thabit salah dalam mana2 negeri Komanwel kerana melakukan keslahan dan dengan sebab itu telah di-hukumkan mati atau penjara yang lama-nya lebih daripada dua belas bulan dan pada tarikh kelayakan dia maseh lagi menanggong kewajipan menjalankan hukuman itu;
- (c) dia telah hilang kelayakan-nya di-bawah undang2 mengenai kesalahan yang berkaitan dengan pilehanraya.

Kebebasan dan Kesuchian pilehanraya.

Pilehanraya itu sama-lah seperti perlawanannya bola sepak. Jikalau tiap2 pemain bola itu di-biarkan menggunakan segala taktik2 dan helah2 yang apa sahaja ia boleh buat dengan tidak sadikit pun ada peratoran yang mengharlamkan taktik2 dan helah2 itu, maka sudah tentu tiap2 pemain itu akan meninggalkan perlawanannya bola itu dan akan menukar permianan-nya kapada permianan tinju yang akan juarai di-sertai oleh peminat2 bagi kedua2 pehak. Demikian-lah juga pilehanraya. Sa-kiranya sa-saorang chalun itu boleh menggunakan segala taktik2 dan helah2 yang kotor dan yang tidak langsung mempunyai sekatan undang2 untuk menewaskan chalun lawan-nya maka tidak-lah berma'ana pilehanraya yang di-jalankan seperti ini. Kerana sa-siapa yang kuat, gagah, kaya dan mempunyai banyak wang ringgit sudah tentu akan menang. Tetapi undiz yang di-perolehi oleh chalun2 yang menggunakan tektik2 dan helah2 ini bukan-nya datang daripada hati yang ikhlas daripada pengundiz itu, bahkan ia-lah datang-nya daripada hati yang sudah di-penohi oleh wang ringgit yang telah di-beri atau di-janjikan kapada pengundiz itu,

atau daripada hati yang sudah di-ikat oleh budi yang telah di-buat oleh chalun, atau daripada hati yang sudah kechut dengan ketakutan oleh sebab ugutan² yang di-buat oleh pehak chalun itu. Pilehanraya yang sa-macham ini sudah tentu tidak bebas dan tidak suchi dan keputusanan²-nya tidak boleh di-terima dan di-hormati oleh sa-siapa pun, dan harus akan membawa kapada kachau bilau yang akhir-nya akan hanya-lah menubohkan sa-buah kerajaan diktator untuk mengawal ketenteraman dalam negeri.

Pilehanraya yang bebas dan suchi itu ia-lah satu pilehanraya yang mana tiap2 orang pengundi dapat memberikan undi-nya kapada sa-saorang chalun atau parti politik chalun itu dengan suka hati-nya sendiri, oleh sebab dia bersetuju dan menyokong dasar² yang telah di-jalan atau yang akan di-laksanakan oleh chalun itu atau oleh parti chalun itu. Di-sini berma'ana-lah segala tektik² dan helah² yang berdasarkan kapada wang ringgit, ikatan budi dan ugutan mesti-lah di-haram dan di-tegah oleh undang² supaya wujud-lah di-dalam undang² itu satu batasan yang mana sa-takat itu-lah sahaja kempenz pilehanraya itu boleh di-laksanakan. Dalam negeri kita undang² yang mengharamkan segala taktik² dan helah² yang keji itu ia-lah Ordinance Kesalahan Pilehanraya, 1954.⁴⁹

Mengikut Ordinance ini kesalahan mengenai pilehanraya itu ada-lah terbahagi kapada tiga jenis, ia-itu:—

- (1) kesalahan yang di-namakan kesalahan pilehanraya;
- (2) kesalahan dengan sebab melakukan perbuatan yang di-namakan amalan yang tidak jujor; dan
- (3) kesalahan dengan sebab melakukan perbuatan² yang di-namakan amalan salah.

Kesalahan pilehanraya.

Tiap2 sa-orang yang melakukan kesalahan pilehanraya itu boleh-lah di-tangkap dengan tidak berwaran,⁵⁰ tetapi penda'awaan ka-atas-nya tidak-lah boleh di-jalankan melainkan sa-telah mendapat kebenaran daripada Penda'awa Raya.⁵¹

Barang siapa yang melakukan kesalahan pilehanraya, jika thabit salah-nya, boleh-lah di-hukumkan penjara yang lama-nya tidak lebuh

(49) Ordinance No. 9 t. 1954.

(50) S. 6(2).

(51) S. 6(4).

daripada tiga tahun atau denda yang tidak lebuh daripada dua ribu ringgit atau pun keduaz sa-kali, ia-itu penjara dan denda. Sa-lain daripada hukumanz ini, orang yang thabit salah-nya tidak boleh menjadi pengundi atau chalun sa-lama lima tahun mulai daripada tarikh di-thabitkan kesalahan-nya atau daripada tarikh yang dia telah di-bebaskan daripada penjara, yang mana satu tarikh yang kemudian; dan jika pada tarikh thabitkan kesalahan-nya ia telah terpileh di-dalam manaz pilehanraya, maka tempat-nya akan menjadi kosong mulai daripada tarikh itu. Perbuatanz yang di-anggapkan menjadi kesalahan pilehanraya ia-lah saperti berikut:—

- (1) dengan sa-ketahui-nya telah membuat kenyataan palsu menganai permohonan pendaftaran pengundi;
- (2) telah memalsukan kertas penamaan atau dengan niat hendak menipu, telah merosak atau membinasakan kertas penamaan atau telah menyerahkan kertas penamaan yang dia tahu pada hal-nya telah di-palsukan;
- (3) telah memalsukan atau meniru atau dengan niat hendak menipu telah merosakkan atau membinasakan kertas undi atau tanda rasmi yang ada pada kertas undi itu;
- (4) dengan tidak mempunyai kuasa telah memberi kertas undi kapada sa-saorang;
- (5) telah menjual atau menjaja atau membeli atau bersedia hendak membeli kertas undi;
- (6) ada dalam milek-nya kertas undi yang sudah di-tandakan dengan tanda rasmi, pada hal-nya dia tidak berhak memileki kertas undi yang tersebut;
- (7) telah menarohkan ka-dalam peti undi bendaz atau kertas undi yang lain daripada kertas undi yang hanya di-benarkan oleh undangz kapada-nya sahaja;
- (8) dengan tidak mempunyai kuasa telah membawa keluar kertas undi daripada tempat mengundi, atau telah di-dapati kertas undi ada dalam milek-nya di-luar tempat itu;
- (9) dengan tidak mempunyai kuasa telah membinasakan, mengambil, membuka atau dengan apaz jalan sa-kali pun telah mengusekkan peti undi, atau bungkusanz kertas undi yang sedang di-guna atau hendak di-gunakan untuk manaz pilehanraya;

- (10) dengan tidak mempunyai kuasa telah mengechap kertas undi atau kertas yang boleh di-jadikan atau di-gunakan sa-bagai kertas undi dalam sa-suatu pilehanraya;
- (11) untuk pilehanraya, telah membuat atau membawa masok ka-dalam Persekutuan apaz perkakas, alat atau rekaan yang boleh di-gunakan untuk mengeluarkan atau mengusekkan kertas undi yang telah di-masukkan ka-dalam peti undi pada ketika mengundi dalam sa-suatu pilehanraya; atau ada dalam milek-nya perkakas, alat atau rekaan itu; atau telah mengada, menggunakan atau menyuroh supaya perkakas, alat atau rekaan itu di-buat, di-bawa masok dalam Persekutuan di-adakan atau di-gunakan;
- (12) telah mengundi dalam sa-suatu pilehanraya, pada hal-nya ia tidak berhak mengundi dalam-nya;
- (13) telah mengechap apaz kertas, apaz i'lan, kertas tangan, kertas tampal atau postal mengenai pilehanraya yang mana i'lanz atau kertasz yang tersebut ada mengandungi salinan kertas undi atau mengandungi bentokanz yang boleh di-jadikan atau di-gunakan sa-bagai kertas undi, tetapi tidak-lah menjadi kesalahan jika sa-suatu i'lan kertas tangan, kertas tampal, atau postal itu hanya mengandungi nama atau tanda bagi sa-saorang chalun sahaja dan juga mengandungi tanda angka atau lain tanda yang menunjukkan persetujuan kapada chalun itu.

Segala kesalahanz yang tersebut di atas ada-lah di-kenakan kapada sa-siapa juu pun pada umum-nya yang melakukan kesalahanz itu; tetapi kesalahanz yang di-atorkan di-bawah ini pula ada-lah di-khaskan kapada sa-saorang pegawai, kerani, jurubahasa, dan kapada sa-saorang yang lain yang mempunyai tugas di-bawah undangz mengenai pilehanraya, jika sa-saorang itu melakukan salah satu daripada perbuatanz yang beriku:—

- (1) membuat chatetan yang dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah ia perchaya bahawa chatetan itu ia-lah chatetan palsu atau tidak benar, kira-nya chatetan itu di-buat dalam mana2 rekod, penyata, atau suratan yang di-hendaki oleh undangz;
- (2) membenarkan sa-saorang pengundi mengikut chara yang di-untokkan kapada orang buta atau orang tidak berupaya,

- manakala dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah dia perchaya bahawa pengundi itu bukan-nya orang buta atau bukan-nya orang yang tidak berupaya;
- (3) enggan membenarkan sa-saorang pengundi mengikut chara yang di-untokkan kapada orang buta atau orang yang tidak berupaya, manakala dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah dia perchaya bahawa pengundi itu ia-lah orang buta atau orang yang tidak berupaya;
 - (4) dengan sengaja telah menahankan sa-saorang daripada mengundi di-tempat mengundi yang dia berhak mengundi, manakala dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah dia perchaya bahawa pengundi itu berhak mengundi di-tempat itu;
 - (5) dengan sengaja telah menolak atau enggan membilang kertas undi yang mana dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah dia perchaya bahawa kertas undi itu ada-lah dengan sah-nya telah di-tandakan untuk sa-saorang chalun;
 - (6) dengan sengaja telah membilang kertas undi sa-bagai di-tandakan kapada sa-saorang chalun, pada hal-nya dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah dia perchaya bahawa kertas undi itu tidak sah di-tandakan kapada sa-saorang chalun itu;
 - (7) dengan tidak ada alasan yang menasabah telah melakukan perbuatan2 yang menyalahi kewajipan rasmi-nya, atau meninggalkan perbuatan2 yang dia mesti buat.

Hukuman2 yang akan di-kenakan kerana melakukan kesalahan2 itu ia-lah penjara yang lama-nya tidak lebuh daripada dua tahun atau denda yang tidak lebuh daripada dua ribu ringgit atau kedua2-nya sa-kali, ia-itu penjara dan denda. Dan lagi, orang yang thabit salah-nya itu tidak boleh di-daftarkan menjadi pengundi atau di-namakan sa-bagai chalun sa-lama lima tahun mulai daripada tarikh di-thabitkan kesalahan-nya itu atau daripada tarikh dia telah di-bebaskan daripada penjara, yang mana satu tarikh yang kemudian. Dan jika pada tarikh di-thabitkan kesalahan-nya ia telah terpileh di-dalam manaz pilchanraya, maka tempatnya itu akan menjadi kosong mulai daripada tarikh itu.

Tiapz undi itu ada-lah sulit. Tidak ada sa-saorang pengundi pun yang boleh di-minta di-dalam manaz perbicharaan mengenai pile-

hanraya supaya mendzahirkan kapada siapa dia telah mengundi.⁵² Kesulitan undi tidak boleh di-pelihara sa-kira-nya pegawai dan orang2 yang mengambil bahagian dalam pilehanraya tidak di-wajibkan mematohi betul2 akan keadaan sulit yang di-maksudkan itu. Yang demikian, tiap2 orang pegawai, kerani, jurubahasa, chalun, wakil2 chalun dan orang yang bertaullah⁵³ hendak-lah mengangkat sumpah menyimpan kesulitan itu sa-belum daripada mereka menjalankan tugas-nya masing2. Dan lagi tiap2 orang pegawai, kerani, jurubahasa, chalun, wakil chalun dan orang yang bertaullah itu ada-lah di-kehendaki membuat perbuatan2 dan mematohi larangan2 yang di-atorkan di-bawah ini:—

- (1) mereka yang hadhir di-tempat mengundi hendak-lah mematohi akan keadaan sulit mengenai pengundian di-tempat itu, dan sa-belum daripada tamat pengundian itu jangan-lah mereka itu menyampaikan apaz perkhabaran melainkan untuk maksud yang di-benarkan oleh undang2 sahaja kapada sa-siapa pun mengenai nama dan nombor pengundi yang sudah atau belum lagi meminta kertas undi-nya, atau pun mengenai tanda rasmi; tetapi Pegawai Tugas ada mempunyai budi bichara untuk mendzahirkan kapada chalun atau wakil-nya mengenai jumlah pengundi2 yang sudah mengundi di-tempat itu pada bilaz masa sa-kali pun sa-belum pengundian itu tamat;
- (2) jangan-lah mereka itu dan sa-siapa sa-kali pun chuba mendapat di-tempat mengundi itu apaz perkhabaran mengenai chalun yang akan di-undi atau sudah di-undi oleh sa-saorang pengundi di-tempat mengundi itu; dan pada bilaz masa sa-kali pun jangan-lah mereka itu chuba menyampaikan kapada sa-siapa pun mengenai perkhabaran yang di-dapati di-tempat mengundi itu tentang chalun yang akan di-undi atau sudah di-undi oleh sa-saorang pengundi di-tempat itu, atau tentang nombor kertas undi yang di-beri kepada pengundi itu;
- (3) mereka2 ini yang hadhir pada ketika membilang kertas2 undi hendak-lah menyimpan kesulitan pengundian, dan jangan-lah chuba hendak menyampaikan apaz perkhabaran yang

(52) S. 39. Ordinance Kesalahan Pilehanraya, 1954.

(53) Orang yang bertaullah itu ia-lah orang yang di-beri kuasa hadhir di-dalam perbincaraan mengenai pengeluaran dan penerimaan kertas undi atau di-beri kuasa hadhir di-tempat mengundi atau pada ketika membilang undi. Sumpah itu hendak-lah di-buat mengikut Borang A dalam Jadual Pertama dalam Ordinance Kesalahan Pilehanraya 1954.

- telah di-dapati oleh-nya mengenai chalun yang telah di-undikan oleh manaz kertas undi.
- (4) tidak ada sa-siapa pun yang boleh berhubong atau chuba berhubong dengan sa-saorang pengundi sa-lepas pengundi itu menerima kertas undi dan sa-belum dia memasukkan kertas undi itu ka-dalam peti undi, melainkan hanya-lah Pegawai Tugas yang melaksanakan sa-suatu maksud yang di-benarkan oleh undang2 atau sa-saorang yang di-pilehkan oleh Pegawai Tugas untuk melaksanakan maksud yang tersebut.
- (5) tiap2 orang yang hadhir di-manaz perbicharaan mengenai pengeluaran dan penerimaan kertas2 undi untuk pengundian dengan jalan pos hendak-lah menyimpan kesulitan pengundian itu; dan jika tidak adaasebab yang di-benarkan oleh undang2:—
- jangan-lah menyampaikan kapada sa-siapa pun, sa-belum pengundian itu tamat, apaz perkhabaran yang di-dapati oleh-nya dalam perbicharaan itu tentang tanda rasmi yang akan di-gunakan mengenai manaz kertas undi;
 - jangan-lah menyampaikan kapada sa-siapa pun pada bilaz masa sa-kali pun apaz perkhabaran yang di-dapati dalam perbicharaan itu tentang nombor kertas undi yang di-hantarkan kapada sa-saorang pengundi;
 - dalam perbicharaan menerima kertas undi itu, jangan-lah chuba mengambil atau memberi nombor yang ada di atas manaz kertas undi itu; dan
 - dalam perbicharaan menerima kertas undi itu, jangan-lah chuba mengambil nama chalun yang telah di-undikan oleh manaz kertas undi dan jangan-lah chuba menyampaikan perkhabaran yang di-dapati dalam perbicharaan itu mengenai hal ini.

Hukuman kerana melanggar sa-suatu perbuatan atau larangan yang tersebut di-atas ia-lah penjara sa-lama enam bulan atau denda sa-banyak lima ratus ringgit atau kedua2nya sa-kali ia-itu penjara dan denda.

Amalan tidak jujor.

Perbuatan2 yang di-anggupkan menjadi sa-bagai amalan tidak jujor itu ia-lah terbahagi kepada lima jenis, ia-itu:—

- (1) penyamaran diri;
- (2) memberi layanan makan minum;
- (3) pengaroh yang tidak jujor;
- (4) rasuah; dan
- (5) perbuatan mengenai i'lan.

Orang yang boleh di-thabit salah kerana melakukan penyamaran diri ia-lah orang yang meminta kertas undi dalam sa-suatu pilehanraya dengan menggunakan:—

- (a) nama orang lain, sama ada nama orang yang masih hidup atau sudah mati;
- (b) nama orang rekaan;
- (c) nama-nya sendiri, jika dia sudah mengundi dalam pilehan-rayanya itu.

Orang yang boleh di-thabitkan salah kerana memberi layanan makan dan minum ia-lah orang yang memberi dan menyediakan makanan, minuman, jamuan atau wang ringgit atau sa-orang benda untuk mendapatkan makanan dan minuman itu; dan makanan, minuman dan jamuan itu di-beri atau di-sediakan untuk mempengarohi sa-saorang supaya pergi mengundi atau menahankan diri-nya daripada mengundi atau pun perbuatan yang tersebut di-buat kerana sa-saorang itu telah mengundi atau telah menahankan diri-nya daripada mengundi atau kerana sa-saorang itu akan mengundi atau akan menahankan diri-nya daripada mengundi. Orang yang melakukan perbuatan ini dan juga orang yang menerima faedah daripada perbuatan ini dan orang yang berthabit dengan perbuatan ini semua-nya boleh di-thabitkan salah, walau pun perbuatan ini di-buat sa-belum atau pada ketika atau lepas daripada pilehanraya itu, atau walau pun perbuatan ini di-lakukan melalui sa-saorang yang lain atau di-lakukan dengan chara yang tidak langsung.

Orang yang akan di-thabitkan salah kerana melakukan pengaroh yang tidak jujor ia-lah:—

- (a) Orang yang menggunakan kekerasan atau ugutan hendak merosak, merugi, atau membuat apaz bala supaya orang yang di-kenakan kekerasan atau ugutan itu mengundi atau mena-

hankan diri-nya daripada mengundi atau di-lakukan segala perbuatan ini kerana sa-saorang itu sudah mengundi atau sudah menahan diri-nya daripada mengundi dalam sa-suatu pilehanraya;

- (b) orang yang menghalang atau menahan sa-saorang pengundi daripada menggunakan pilehan-nya yang bebas atau memaksa atau memujok sa-saorang pengundi itu supaya mengundi atau menahan diri-nya daripada mengundi dalam sa-suatu pilehanraya;
- (c) orang yang mengganggu sa-saorang pengundi supaya ta'dapat ia menggunakan dengan bebas-nya hak pilehanraya-nya, umpama-nya sa-saorang pengundi itu di-suroh perchaya bahawa dia atau sa-orang yang berkaitan dengan-nya akan di-murkai oleh Tuhan akan berdosa pada segi ugama-nya.

Orang yang boleh di-thabitkan salah kerana melakukan rasuah ia-lah orang yang:—

- (a) memberi pinjam atau berjanji hendak memberi wang atau barang2 yang berharga kapada pengundi supaya pengundi itu akan mengundi atau menahan diri-nya daripada mengundi atau telah menahan diri-nya daripada mengundi;
- (b) memberi atau berikhtiar memberi kerja atau jawatan kapada sa-saorang pengundi supaya pengundi itu mengundi atau menahan diri-nya daripada mengundi atau di-lakukan perbuatan itu kerana sa-saorang pengundi itu telah mengundi atau menahan diri-nya daripada mengundi;
- (c) memberi hadiah wang atau pinjaman wang kapada sa-saorang supaya orang itu berikhtiar menjayakan pilehanraya sa-saorang chalun atau mendapat undi daripada sa-saorang pengundi;
- (d) berikhtiar dan berusaha menjayakan pilehan sa-saorang atau mendapatkan undi daripada sa-saorang pengundi sa-telah di-terima-nya hadiah wang atau pinjamarn wang yang tersebut;
- (e) membayar wang atau memberi pinjaman wang untuk di-belanjakan wang itu sa-bagai rasuah atau untuk membayar hutang yang mana hutang itu ia-lah terjadi dengan sebab di-belanjakan wang sabagai rasuah;

- (f) menerima atau bersetuju menerima hadiah, pinjaman atau barang² yang berharga, jawatan atau kerja dengan sebab ia telah mengundi atau telah bersetuju mengundi atau pun dengan sebab dia telah menahan diri-nya daripada mengundi atau telah bersetuju berbuat demikian;
- (g) sa-lepas daripada pilehanraya, menerima wang atau barang² yang berharga dengan sebab sa-saorang telah mengundi atau menahan diri-nya daripada mengundi atau pun dengan sebab sa-saorang itu telah menyuroh sa-saorang yang lain supaya mengundi atau menahan diri-nya daripada mengundi;
- (h) meminta daripada chalun atau wakil² chalun apaz pemberian dan pinjaman wang atau barang² yang berharga atau jawatan atau kerja yang mana permintaan itu ada-lah di-buat sebagai bayaran atau balasan kapada-nya dengan sebab ia telah mengundi atau bersetuju memberi undi-nya kapada chalun itu atau kerana dia telah menolong atau bersetuju menolong chalun itu dalam sa-suatu pilehanraya;
- (i) memberi wang, atau pinjaman wang, barang² yang berharga, jawatan atau kerja atau berikhtiar memberi perkara² ini kepada sa-saorang supaya orang itu bersetuju menjadi atau tidak menjadi chalun atau bersetuju menarek diri-nya daripada menjadi chalun.

Berkenaan dengan perbuatan² mengenai i'lan, sa-saorang itu boleh-lah di-thabitkan salah jika ia melakukan perbuatan yang tersebut di-bawah ini -

- (a) jika ia menchetak, menyiar, membahagi merata² atau menampalkan apaz i'lan, surat tangan, kertas pelakat atau poster yang berhabit dengan sa-suatu pilehanraya yang mana i'lan dan kertas² yang tersebut tidak ada tertera di-atas-nya nama dan alamat orang yang menchetak dan menerbit-nya;
- (b) jika dia membuat atau menyiarkan sa-suatu kenyataan salah mengenai diri atau kelakuan chalun dengan tujuan hendak memberi kemenangan atau kekalahan kapada sa-saorang chalun itu;
- (c) jika dia membuat atau menyiar satu kenyataan palsu mengenai penarekan diri sa-saorang daripada menjadi chalun dalam satu pilehanraya dengan tujuan hendak memberi kemenangan kapada sa-saorang chalun yang lain;

- (d) jika sa-saorang yang menjadi chalun atau wakil pilehanraya bagi sa-saorang chalun telah membuat satu pengakuan palsu mengenai perbelanjaan pilehanraya, pada hal dia tahu bahawa pengakuan itu palsu.

Sa-saorang yang di-thabitkan salah melakukan amalan tidak jujor yang lain daripada penyamaran diri akan di-hukumkan dengan penjara sa-lama enam bulan dan denda sa-banyak lima ratus ringgit. Berkenaan dengan orang yang di-thabit salah kerana melakukan penyamaran diri, orang itu akan di-hukumkan dengan penjara sa-lama dua belas bulan dan denda sa-banyak lima ratus ringgit.

Orang yang melakukan amalan tidak jujor yang lain daripada perbuatan mengena i'lan ada-lah di-anggapkan sa-bagai melakukan satu kesalahan yang boleh di-tangkap dengan tidak berwaran.

Penda'awaan ka-atas sa-saorang yang melakukan amalan tidak jujor sa-lain daripada perbuatan mengena i'lan hendak-lah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Penda'awa Raya.

Dan lagi, orang yang di-thabit salah melakukan kesahan amalan tidak jujor itu akan hilang kelayakan-nya daripada menjadi pengundi atau chalun dalam manaz pilehanraya dan jika telah terpileh, maka tempatnya akan menjadi kosong mulai daripada tarikh yang dia di-thabitkan salah. Kehilangan kelayakan-nya itu akan berpanjangan sa-lama lima tahun mulai daripada tarikh dia di-thabitkan salah atau daripada tarikh dia di-bebaskan daripada penjara, yang mana satu tarikh yang kemudian sa-kali.

Wakil Pilehanraya.

Untuk melaksanakan pilehanraya dengan jujor, undang2 telah memaksakan supaya tiap2 sa-orang chalun yang mengambil bahagian dalam sa-suatu pilehanraya hendak-lah mempunyai sa-orang wakil yang akan mewakili-nya mengenai serba jenis perkara dalam pilehanraya itu. Sa-kira-nya ia tidak mempunyai wakil yang tersebut, maka hendak-lah ia sendiri menjadi wakil pilehanraya-nya. Dan lagi, jika sa-saorang wakil pilehanraya itu mati atau perlantekan-nya telah di-tarek balek, maka hendak-lah chalun itu melantek sa-orang lain menjadi wakil pilehanraya-nya. Di-sini berma'ana-lah undang2 memaksa supaya sa-orang chalun itu mempunyai pada sa-tiap masa mengenai suatu pilehanraya sa-orang wakil pilehanraya-nya dan jikalau tidak, hendak-lah ia sendiri menjadi wakil pilehanraya-nya itu.

Perlantekan wakil pilehanraya itu hendak-lah di-buat tidak lewat daripada hari penamaan chalun, dan nama serta alamat-nya hendak-lah di-beritahu kapada Pegawai Pengurus tidak lewat daripada hari penamaan itu juga, yang mana nama dan alamat itu akan di-beritahu kapada awam oleh Pengawai Pengurus dengan di-tampalkan satu notis di-tempat yang terang di-luar pejabat. Jika nama dan alamat wakil pilehanraya itu tidak di-beritahu seperti yang tersebut, undangz akan menganggapkan ia-itu perlantekan wakil pilehanraya telah di-tarek balek oleh chalun itu dan ia telah melantek diri-nya sendiri menjadi wakil pilehanraya-nya.

Supaya wakil pilehanraya itu dapat di-temui dan di-chari untuk menyampaikan segala notis surat dan saman, undangz telah memaksakan kepada-nya supaya mempunyai satu pejabat dalam kawasan pilehanraya yang mana dia telah menjadi wakil dan juga alamat pejabat-nya itu hendak-lah di-beritahu kapada Pegawai Pengurus pada ketika perlantekan-nya itu. Dan alamat pejabat-nya itu pun hendak-lah juga di-beritahu kapada awam oleh Pegawai Pengurus itu dengan di-tampalkan satu notis di-tempat yang terang di-luar pejabat-nya.

Orangz yang mempunyai sharat seperti berikut di-bawah ini tidak di-benarkan oleh undangz menjadi wakil pilehanraya atau sa-barang wakil kepada sa-saorang chalun yang mengambil bahagian dalam sa-suatu pilehanraya. Orangz ini ia-lah orang yang:—

- (a) tidak menjadi warga-negara Persekutuan;
- (b) kurang umur-nya daripada 21 tahun;
- (c) dalam tempoh lima tahun terdahulu daripada hari penamaan chalun dalam sa-suatu pilehanraya, ia telah di-thabitkan salah oleh Mahkamah dalam Persekutuan kerana melakukan satu kesalahan jenayah mengenai pukul memukul atau tidak amanah dan maseh lagi tidak menerima ampunan;
- (d) dalam tempoh lima tahun terdahulu daripada hari penamaan chalun dalam sa-suatu pilehanraya, ia telah di-thabitkan salah atau di-bebaskan daripada penjara kerana menjalankan hukuman yang di-kenakan ka-atas-nya, sebab melakukan satu kesalahan jenayah di-bawah Ordinance Pilehanraya Pehak Yang Berkuasa Tempatan, 1950;⁵⁴
- (e) nama-nya terdaftar di-bawah Ordinance Penchegah Jenayah, 1955;⁵⁵

(54) Ordinance No. 52 t. 1950.

(55) Ordinance No. 13. t. 1959.

- (f) dalam tempoh lima tahun terdahulu daripada hari penamaan chalun dalam sa-suatu pilehanraya, ia telah di-thabitkan salah kerana melakukan kesalahan jenayah di-bawah sekshen 16(2) Ordinance Pertubohan bagi Singapura;⁵⁶
- (g) ada mengenai diri-nya satu perentah yang di-buat di-bawah sekshen 22(4) Ordinance Pertubohan bagi Singapura;
- (h) menjadi pegawai, kerani, jurubahasa atau mempunyai sa-barang kewajiban di-bawah undang2 mengenai pilehanraya.

Sa-saorang wakil pilehanraya itu ada-lah mempunyai tugas sa-periti berikut:—

- (a) melantek wakil mengundi, wakil membilang, kerani dan orang yang boleh di-suroh sama ada dengan perchuma atau dengan bayaran
- (b) sewa bilek meshuarat;
- (c) memberitahu nama dan alamat wakil2 yang di-lantek itu kepada Pegawai Tugas dan Pegawai Pengurus sa-belum dari-pada hari mengundi;
- (d) membelanjakan wang dan membuat kontrek mengenai pilehanraya dan menerima sa-barang wang, hadiah dan bayaran untok di-belanjakan dalam pilehanraya itu.

Amalan salah.

Amalan salah itu ia-lah terdiri daripada perbelanjaan2 dan wang2 yang di-untokkan bagi pilehanraya dan juga beberapa perbuatan yang di-anggap tidak merupakan ke'adilan di-dalam perjalanan pilehanraya itu. Yang demikian, Ordinance Kesalahan Pilehanraya telah mengatorkan beberapa perbuatan dan larangan yang mesti di-patohi oleh chalun, wakil pilehanraya-nya dan oleh sa-siapa juu pun.

Kegagalan mematohi perbuatan dan larangan ini ada-lah di-anggap sa-bagai melakukan satu amalan salah dan sa-saorang yang di-thabitkan kesalahan-nya boleh-lah di-hukum dengan denda sa-banyak lima ratus ringgit, dan di-dalam tempoh lima tahun mulai daripada tarikh di-thabitkan kesalahan-nya dia tidak boleh di-daftarkan sa-bagai pengundi dan juga tidak boleh mengundi di-manap2 pilehanraya sa-kali pun. Jika dia telah menjadi chalun dan telah berjaya di-dalam sa-suatu pilehanraya, maka tempat-nya ada-lah di-anggap menjadi kosong dari semenjak trikh yang ia di-thabitkan kesalahan-nya.

(56) Ordinance Singapura Bab - 228.

Penda'awaan mengenai amalan salah hendak-lah mendapat kenearan daripada Penda'awa Raya terlebeh dahulu. Perbuatan2 dan blaangan2 yang menimbulkan amalan salah itu ia-lah saperti berikut:—

- (1) tiap2 wang untuk perbelanjaan pilehanraya mesti-lah di-serahkan dan berada di-dalam jagaan wakil pilehanraya, dan segala perbelanjaan mesti-lah di-buat oleh-nya atau orang yang di-kuasai-nya. Tetapi chalun itu sendiri boleh membelanjakan wang sa-takat \$1,000/- untuk perbelanjaan diri-nya;
- (2) Wang untuk perbelanjaan itu mesti-lah tidak lebuh daripada yang di-hadkan ia-itu \$10,000/- untuk pilehanraya Dewan Ra'ayat, \$7,500/- untuk pilehanraya Dewan Negeri, \$5,000/- untuk pilehanraya Pehak Yang Berkuasa Tempatan, dan \$1,500/- untuk pilehanraya Majlis Tempatan. Tetapi angka ini tidak termasuk bayaran kapada wakil pilehanraya itu, dan wang untuk perbelanjaan diri chalun. Wakil chalun itu boleh bekerja dengan perchuma sahaja; tetapi jika dengan bayaran dia boleh menerima \$1,000/- bagi pilehanraya Dewan Ra'ayat, \$750/- bagi pilehanraya Dewan Negeri, \$500 bagi pilehanraya Pehak Yang Berkuasa Tempatan dan \$250/- bagi pilehanraya Majlis Tempatan;
- (3) segala bayaran2 dan belanja2 yang di-buat mesti-lah di-sokongi oleh surat hutang dan surat bayaran, melainkan bayaran itu kurang daripada \$10/- atau sa-memang-nya tidak memakai surat bayaran saperti tiket keretapi dan setem;
- (4) di-dalam tempoh 14 hari daripada tarikh di-siarkan keputusan pilehanraya, segala tuntutan2 berkenaan dengan perbelanjaan pilehanraya mesti-lah di-sampaikan kapada wakil pilehanraya itu, dan di-dalam tempoh 28 hari daripada tarikh yang tersebut, segala tuntutan2 ini mesti-lah di-bayarkan, melainkan wakil chalun itu tidak bersetuju dengan tuntutan itu. Dan sa-lepas tiga puloh satu hari daripada tarikh di-siarkan keputusan pilehanraya, satu penyata perbelanjaan pilehanraya mesti-lah di-buat dan di-hantarkan kapada pegawai berkenaan, ia-itu Penyelia Pilehanraya. Penyata ini mesti-lah di-buat mengikut borang yang di-tentukan oleh Undang2;
- (5) orang2 yang akan bekerja menolong sa-saorang chalun itu di-hadkan oleh undang2 supaya tiap2 sa-saorang chalun boleh memakai sa-orang wakil pilehanraya sahaja, sa-orang wakil

pengundi bagi tiap2 satu tempat mengundi dan beberapa orang kerani, dan penyuroh yang di-kirakan patut dengan memandang kapada luas-nya kawasan pilehanraya atau bahagian pemilehan itu dan ramai-nya pengundiz di-dalam-nya.

- (6) kereta dan apaz kenderaan yang sa-memang-nya di-gunakan untuk sewa itu tidak boleh di-sediakan untuk membawa pengundi berulang alek ka-tempat mengundi, dan wang tidak-lah boleh di-belanjaan oleh chalun atau wakil pilehanraya-nya menyewa kereta atau apaz kenderaan sa-kali pun. Tetapi sa-orang pengundi itu atau beberapa orang pengundi lagi boleh berkongsi menyewa kereta untuk membawa mereka sendiri ka-tempat mengundi itu. Membayar sewa untuk sa-saorang pengundi yang lain ada-lah di-anggap salah sa-bagai satu amalan yang salah. Dan lagi sa-kira-nya pengundiz itu terpaksa menyeberang laut atau sungai sa-belum sampai ka-tempat mengundi, undang2 membenarkan wang di-belanjakan untuk menyewa perahu atau kenderaan yang lain untuk menyeberang laut atau sungai itu;
- (7) bayaran tidak boleh di-buat kapada sa-saorang pengundi kerana menggunakan rumah-nya atau tanah-nya untuk menampal-kan apaz i'lan pilehanraya, melainkan bayaran itu di-buat di-dalam keadaan yang biasa dan pengundi itu sa-memang-nya bekerja berkenaan dengan i'lan;
- (8) Di-antara hari penamaan chalun dengan hari mengundi, tidak-lah boleh sa-siapa beruchap kapada orang ramai bagi pehak sa-saorang chalun, atau merisek2 orang ramai supaya mengundi kapada sa-orang chalun, melainkan orang ini mempunyai kuasa yang bertulis daripada wakil pilehanraya chalun itu. Dan sa-kira-nya hendak di-adakan pejabat di-dalam kawasan pilehanraya untuk menolong pengundiz menchari bilangan nama-nya di-dalam daftar pengundi, maka tiap2 chalun itu di-benarkan membuka tidak lebeh daripada empat buah pejabat bagi tiap2 satu tempat mengundi, tetapi sharat-nya :—
 - (a) tiap2 pejabat itu mesti-lah di-jagai pada ketika masa tidak lebeh daripada empat orang;
 - (b) tiap2 satu-nya tidak memakai lebeh daripada 50 kaki persegi; dan
 - (c) letak-nya di-tempat yang di-benarkan oleh Pegawai Pilehan-rayaya;

- (9) pada hari mengundi pula, tiap2 orang majikan mesti memberi peluang dan kebebasan kapada pekerja2-nya pergi mengundi dengan tidak memotong gajiz mereka;
- (10) pada hari mengundi juga, perkakasz, bunyianz dan pembesar suara tidak-lah boleh di-gunakan untuk menghebahkan da'ayahz politik, dan pada hari itu juga tidak-lah di-benarkan dipakai, di-guna atau di-bawa benderaz, tanda2 chogan, poster dan lebel yang membedzakan fikiran2 yang di-akui oleh sa-orang chalun dengan sa-orang chalun yang lain. Tetapi chogan yang besar-nya tidak lebeh daripada tujoh inchi persegi dan lebeh yang tidak lebeh daripada 50 inchi persegi besar-nya yang menunjukkan tanda pilehanraya sa-saorang chalun itu boleh-lah di-tampalkan di atas kereta atau kenderaan yang lain atau di-manaz tempat, dan boleh-lah juga dibawa. Pada hari itu juga bendara dan sa-bagai-nya tidak boleh di-gunakan di-tempat yang letak-nya sa-jauh lima puloh ela daripada had tempat mengundi itu. Dan di-dalam had lima puloh ela ini tidak-lah di-benarkan sa-saorang itu melakukan apa2 perbuatan yang berikut:—
 - (a) chuba mengecham atau mengenalkan orang yang masok ka-dalam tempat mengundi;
 - (b) menyemak daftar pengundi berkenaan dengan orang yang keluar masok ka-dalam tempat mengundi itu;
 - (c) meletakkan kerusi, meja atau membuka pejabat untuk pilehanraya;
 - (d) merisek2 supaya meminta sa-saorang pengundi itu mengundi atau menahankan diri-nya daripada mengundi kapada manaz chalun;
 - (e) menanti atau berlekaz melainkan untuk masok ka-dalam tempat mengundi kerana mengundi sahaja.

Mahkamah Tinggi dan Rayuan Pilehanraya.

Oleh kerana sa-memang-nya sukar hendak mengadakan satu pilehanraya yang suchi daripada segala chachat dan chedera, maka segala pertelingkahan dan kesalahanz yang di-lakukan dengan tidak sengaja mengenai sa-suatu pilehanraya itu hendak-lah di-putuskan oleh sa-suatu badan yang mu'tamad. Lebih kurang satu ratus tahun dahulu kuasa untuk memutuskan hal ini ada-lah di-tangan Parlimen sendiri. Tetapi

pada zaman moden ini oleh kerana di-fikirkan susah dan lambat mendapat keputusan daripada Parlimen, maka tugas ini ada-lah di-serahkan kepada Mahkamah Tinggi. Perkara 118 Perlumbagaan Malaysia telah menguntokkan ia-itu pilehanraya bagi Dewan Ra'ayat atau bagi Dewan Negeri bagi sa-sabuah negeri tidak-lah boleh di-so'al melainkan hendak-lah di-kemukakan satu rayuan pilehanraya kapada Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa di-tempat pilehanraya itu di-adakan. Untuk mengambil simpati ini-lah maka Ordinance Kesalahan Pilehan-rayaya telah memperuntokkan ia-itu tiap2 rayuan pilehanraya itu hendak-lah di-bicharakan oleh Hakim Besar atau oleh sa-orang Hakim Mahkamah Tinggi yang di-tentukan oleh Hakim Besar itu untuk membicharakan rayuan itu.⁵⁷

Tugas Mahkamah Tinggi mengenai sa-suatu pilehanraya boleh-lah terbahagi kepada tiga bahagian, ia-itu:—

- (1) membicharakan rayuan pilehanraya yang mengadukan kapada Mahkamah supaya di-batalkan pilehan sa-saorang chalun, atau lain2-nya;
- (2) membuat perentah melepaskan chalun atau wakil pilehanrayanya daripada akibat kemugkiran menghantar penyata perbelanjaan pilehanraya, atau kerana menghantarkan satu penyata yang mengandungi kesilapan dan mengelirukan orang; dan
- (3) membuat perentah melepaskan chalun dan wakil pilehanrayanya daripada amalan tidak jujar atau amalan yang salah, yang telah di-lakukan oleh orang lain dengan tidak sa-tahu dan persetujuan mereka.

Peratoranz yang akan di-gunakan oleh Mahkamah Tinggi untuk membicharakan rayuan pilehanraya itu sama-lah saperti peratoranz mengenai pembicharaan halz yang lain. Ia-itu Mahkamah Tinggi boleh memanggil saksiz supaya hadhir dan saksiz itu boleh pula di-pereksa dan di-so'al untuk memberi keterangan di-dalam pembicharaan itu. Barang siapa yang enggan menunaikan perentah Mahkamah ini boleh-lah di-hukum sa-bagai melakukan kesalahan menchercha kehormatan Mahkamah.

(57) S. 33(1).

Rayuan pilehanraya.

Rayuan pilehanraya boleh di-kemukakan kapada Hakim Pilehanraya supaya mendapat keputusan bahawa pilehanraya itu tidak sah, atau pemilihan sa-orang chalun itu tidak sah, dan chalun yang lain sa-patutnya di-pileh menang. Rayuan ini boleh di-buat oleh sa-orang pengundi di-dalam pilehanraya itu atau orang yang mempunyai hak mengundi, atau pun oleh chalun sendiri dengan alasan2:—

- (1) amalan tidak jujor, seperti memberi upah, memberi layanan, mengugut dan sa-bagai-nya telah berlaku di-dalam pilehanraya itu, dan amalan ini telah menyebabkan dapat-nya keputusan yang di-mushkilkan itu;
- (2) pilehanraya itu di-jalankan dengan tidak mengikut undang2 berkenaan pilehanraya, dan dengan sebab ini-lah keputusan pilehanraya itu telah di-dapati saperti itu;
- (3) satu kesalahan amalan tidak jujor atau amalan yang salah telah di-lakukan oleh chalun sendiri, atau oleh orang lain tetapi dengan sa-tahu dan peresetujuan chalun itu atau wakil pilehanraya-nya;
- (4) orang yang di-pakai oleh chalun menjadi wakil pilehanrayanya atau wakil2 yang lain lagi ia-lah orang yang sa-memangnya di-dalam tempoh tujuh tahun dahulu daripada perlantekan-nya telah di-thabit salah melakukan kesalahan amalan tidak jujor, atau pun telah di-laporkan melakukan kesalahan itu oleh Hakim Pilehanraya;
- (5) chalun itu pada ketika pilehanraya sa-memang-nya orang yang tidak mempunyai kelayakan.

Rayuan ini mesti-lah di-kemukakan ka-Mahkamah di-dalam tempoh dua puluh satu hari sa-lepas daripada tarikh di-siarkan keputusan pilehanraya. Tetapi sa-kira-nya rayuan itu beralaskan kapada kesalahan amalan tidak jujor atau amalan yang salah yang telah di-lakukan sa-lepas daripada pilehanraya, maka rayuan itu hendak-lah di-buat dalam tempoh dua puluh lapan hari sa-lepas daripada tarikh berlaku-nya kesalahan itu atau perbuatan itu. Tetapi sa-kira-nya rayuan itu beralaskan kapada kemushkilan ka-atas penyata perbelanjaan pilehanraya, maka boleh-lah rayuan itu di-kemukakan di-dalam tempoh empat belas hari sa-lepas daripada tarikh di-siarkan penerimaan penyata itu.

Di-dalam perbicharaan rayuan pilehanraya itu, mesti-lah Hakim Pilchanraya itu memberi peluang kapada chalunz yang lain, manaz pengundi di-dalam kawasan atau bahagian pilehanraya itu atau kapada Peguam Negara supaya membuat apa2 pandangan kapada Mahkamah berkenaan dengan hal rayuan itu. Dan orang yang membuat rayuan itu pula mesti-lah membuktikan segala alasan2-nya dengan keterangan2 yang memuaskan hati Hakim Pilehanraya itu.

Sa-telah tamat perbicharaan itu, Hakim Pilehanraya mesti-lah membuat keputusan dan menghantarkan kapada Surohanjaya Pilehanraya satu pengakuan dan laporan yang mengandungi keputusan itu. Apabila pengakuan itu di-buat, maka baharu-lah keputusan itu jadi mu'tamad dan penyata pilehanraya pun mesti-lah di-ubah mengikut keputusan ini. Jikalau laporan yang di-buat oleh Hakim itu menyatakan bahawa sa-sorang itu telah melakukan sa-suatu kesalahan amalan tidak jujor atau amalan yang salah, maka akibat-nya sama-lah saperti dia telah di-thabit salah melakukan kesalahan ini oleh Mahkamah, dan jikalau orang yang di-laporkan itu chalun yang terpileh, maka terbatal-lah pilehan-nya. Satu salinan laporan itu mesti-lah di-siarkan oleh Surohanjaya di-dalam Warta Kerajaan.

Melepaskan daripada akibat kesalahan amalan tidak jujor dan amalan salah.

Sa-orang chalun itu boleh melepaskan diri-nya daripada akibat kesalahan amalan tidak jujor atau amalan yang salah yang di-lakukan oleh wakil2-nya dengan membuktikan dengan kenyataan2 yang chukup kepada Hakim Pilehanraya, ia-itu:—

- (a) kesalahan ini di-lakukan dengan sebab melanggar perentah dan dengan tidak peresetujuan dan sa-tahu chalun itu, atau wakil pilehanraya-nya;
- (b) chalun itu dan wakil pilehanraya-nya telah mengambil segala langkah yang menasabah supaya menahan daripada berlaku-nya kesalahan ini;
- (c) kesalahan ini tidak bagitu mustahak; dan

sa-kira-nya bukti ini memuaskan hati Hakim, dan sa-lepas dia memberi peluang kapada Peguam Negara membuat apa2 pandangan, maka baharu-lah dia membuat satu laporan mengenai hal ini kapada Surohanjaya Pi-

lehanraya. Dan dengan sebab laporan ini-lah maka terlepas chalun itu daripada bahaya atau akibat kesalahan ini. Di-sini elok-lah di-ingatkan ia-itu sa-saorang chalun itu boleh di-lepaskan daripada akibat ini sa-kiranya dia tidak terlibat langsung di-dalam hal ini.

Sa-lain daripada kelepasan chalun itu dengan jalan laporan yang di-buat oleh Hakim Pilehanraya, sa-saorang chalun atau wakil pilehanrayanya atau wakil yang lain boleh-lah membuat satu permohonan supaya tidak di-kenakan kapada mereka akibat kesalahan amalan yang salah. Dari itu jikalau di-buktikan kepada Hakim Pilehanraya dengan keteraugan yang memuaskan hati bahawa satu kesalahan amalan yang salah telah berlaku, dan kesalahan ini di-lakukan dengan tidak sengaja, atau dengan sebab silap hitongan, dan bukan-nya dengan kerana niat jahat, maka boleh-lah Hakim itu membuat perentah melepaskan sa-saorang itu daripada akibat kesalahan itu.

Tetapi sa-belum di-buat perentah ini, mesti-lah Hakim itu memberi peluang kepada chalunz, pegawai pilehanraya dan manaz pengundi di-dalam kawasan pilehanraya itu membuat pandangan kapada Hakim. Sa-kira-nya sa-lepas daripada mendengar keteranganz orang yang memohon dan pandanganz yang tersebut, Mahkamah itu berpendapat ia-itu patut dan adil sa-saorang itu tidak di-kenakan akibat ini, maka baharu-lah Hakim itu membuat satu perentah menepati pendapat itu.

Melepaskan diri daripada kemungkirian menghantar penyata pilehanraya.

Undangz memadang berat kapada chara membelanjakan wang di-dalam pilehanraya supaya chalunz yang kaya tidak dapat mempengarohi pengundiz dengan sebab wang. Dari itu penyata perbelanjaan pilehanraya mesti-lah di-buat di-dalam tempoh tiga puluh satu hari sa-lepas daripada tarikh di-siarkan keputusan pilehanraya itu. Jikalau penyata ini tidak di-buat, atau pun di-buat, tetapi mengandungi kesilapan dan perkaraZ yang mengelirukan, maka akibat-nya sama-lah seperti chalun itu atau wakil pilehanraya-nya melakukan satu kesalahan amalan yang salah, dan pilehan chalun itu tidak sah. Untuk melepaskan daripada akibat itu, maka undangz telah membenarkan chalun atau wakil pilehanraya-nya membuat satu permohonan kapada Mahkamah Pilehanraya supaya tidak di-kenakan kapada-nya akibatz ini; tetapi sharat-nya hendak-lah di-buktikan kapada Mahkamah itu dengan kenyataanz yang memuaskan hati bahawa kemungkirian dan kesilapan tentang penyata itu di-

sebabkan oleh perkara2 yang tidak boleh di-elakkan, seperti sakit, mati dan lain2-nya yang menasabah, dan berlaku-nya kemungkiran dan kesilapan itu dengan kerana kesalahan orang lain, dan bukan dengan sengaja dan niat tidak baik chalun itu atau wakil pilehanraya-nya.

Sa-telah di-beri peluang kepada chalun2 yang lain, pegawai pilehanraya dan manaz pengundi di-dalam kawasan pilehanraya itu, jikalau Mahkamah berfikir patut dan adil di-lepaskan chalun itu atau wakil pilehanraya daripada akibat ini, maka boleh-lah Hakim itu membuat satu perentah melepaskan mereka daripada akibat itu. Perentah ini boleh di-buat dengan bersharatkan supaya chalun itu atau wakil pilehanraya-nya membuat satu penyata yang tidak sa-bagitu penoh dan di-hantarkan penyata ini di-dalam tempoh yang di-tentukan.

Dan lagi manakala Hakim membicharakan permohonan itu, Hakim berkuasa memanggil hadhir orang yang tidak membuat apaz penyata kapada wakil pilehanraya. Dan orang ini boleh-lah di-perentah oleh Mahkamah membuat apaz penyata itu di-dalam satu tempoh yang di-tentukan. Melanggar perentah ini di-anggapkan sa-bagai melakukan satu kesalahan amalan yang salah. Jikalau di-dalam perbicharaan itu telah di-buktikan bahawa kemungkiran dan kesilapan berkenaan dengan penyata itu di-sebabkan oleh kechuaian sa-saorang wakil pilehanraya dengan tidak sa-tahu dan persetujuan chalun-nya, dan chalun itu mengambil segala langkah2 yang berpatutan supaya menahan perkara ini daripada berlaku, maka akibat2 ini tidak-lah terkena kepada chalun itu.

Pilehanraya di-Malaysia.

Dari semenjak ada-nya Surohanjaya Pilchanraya, pilehanraya bagi Parlimen dan Dewan Negeri di-Negeri2 di-Tanah Melayu telah di-anjorkan oleh Surohanjaya itu. Sa-lain daripada itu Surohanjaya ini juga telah mengambil tanggongan mengenai pilehanraya Kerajaan Tempatan. Oleh kerana dharurat yang di-sebabkan oleh polisi penentangan (confrontation) oleh Peresiden Sukarno terhadap Malaysia dalam tahun 1963 - 1965, pilehanraya bagi Kerajaan Tempatan telah di-berhentikan buat sementara. Tempat2 yang mesti di-isikan oleh ahli2 yang dipilih dalam manaz badan Kerajaan Tempatan ada-lah sekarang di-penohi oleh ahli2 yang di-lantek.⁵⁸

Sa-takat mana yang di-alami oleh Surohanjaya Pilehanraya dalam Malaysia ini, pilehanraya di-negeri ini boleh-lah di-katakan adil dan

(58) Emergency (Suspension of Local Government Elections) Regulations - L.N.75/65 dan L.N.312/65.

bebas walau pun ada da'awaan oleh keritik² yang mengatakan pilehan-ray^a itu tidak elok dan tidak adil. Surohanjaya Pilehanraya mengaku tentang ada-nya kekhilapan, tetapi berpendapat ia-itu "Pada keselurohan-nya Surohanjaya Pilehanraya berpuas hati bahawa pegawai² pilehanraya itu telah menjalankan tugas mereka dengan jujor dan penoh kesaksama-an."⁵⁹

(59) Penyata Pilehanraya² Umum Parlimen dan Dewan² Negeri, 1964 - che-raian 73, m.s. 29.

BAB XIII

KEHAKIMAN

Kuasa kehakiman di-Malaysia ada-lah terletak di-tangan dua buah Mahkamah Tinggi dan beberapa buah mahkamah rendah yang ditubohkan oleh undang². Kedua2 buah Mahkamah Tinggi ini ia-lah Mahkamah Tinggi Negeriz di-Tanah Melayu dan Mahkamah Tinggi Negeriz Borneo. Kedua2 buah Mahkamah Tinggi ini mempunyai bidang kuasa yang sama dan taraf yang sama. Tiap2 satu Mahkamah Tinggi itu ada mempunyai jabatan pendaftaran-nya masing². Bagi Mahkamah Tinggi Negeriz di-Tanah Melayu, jabatan pendaftaran-nya ia-lah di-Kuala Lumpur dan bagi Mahkamah Tinggi Negeriz Borneo jabatan pendaftaran-nya ia-lah di-Kuching.

Tiap2 buah Mahkamah Tinggi ada mempunyai sa-orang Hakim Besar dan beberapa Hakim yang lain yang tidak kurang daripada empat orang; tetapi sa-belum daripada di-tetapkan oleh Parlimen ramai-nya Hakim² bagi Mahkamah Tinggi Negeriz di-Tanah Melayu tidak-lah boleh lebuh daripada dua belas orang dan ramai-nya Hakim Mahkamah Tinggi Negeriz Borneo tidak-lah boleh lebuh daripada lapan orang.¹

Di-negeri Sabah dan Sarawak, ada peruntukan di-buat dalam Perlembagaan supaya sa-orang Hakim sementara boleh di-lantek. Hakim sementara ini di-namakan Pesurohjaya Hakiman (Judicial Commissioner)² Kuasa Pesurohjaya Hakiman ini sama-lah seperti kuasa Hakim biasa, melainkan kawasan yang di-lantek di-bawah bidang kuasa-nya ada-lah

(1) Per. 122A.

(2) Per. 122A(3).

terhad kapada sa-suatu kawasan yang tertentu dan perlantekan-nya hanya-lah untuk sa-suatu tempoh yang di-tentukan.³ Pesurohjaya Hakiman ada-lah di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Yang di-Pertua Hakim Mahkamah Persekutuan, jika Pesurohjaya itu di-kehendaki membuat kerjaz Hakim biasa dalam sa-suatu kawasan yang mana Hakim biasa itu tidak dapat hadhir. Tetapi, jika perlantekan itu hanya-lah untuk sa-suatu kawasan yang tertentu di-Negeri Sabah atau Sarawak, maka perlantekan itu ada-lah di-buat oleh Gabenor negeri itu atas nasihat Hakim Besar Mahkamah Tinggi bagi Negeriz Borneo.

Untuk mendengar rayuanz daripada Mahkamah Tinggi dan mendengar kes mengenai Perlembagaan, sa-buah Mahkamah lagi telah ditubohkan dan Mahkamah ini di-beri nama Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan ada-lah mengandungi sa-orang Yang di-Pertua Mahkamah itu yang di-gelarkan dengan nama Ketua Hakim Negara, dua orang Hakim ~~besar~~⁽⁴⁾ itu sa-orang Hakim Besar bagi Mahkamah Tinggi Negeriz di-Tanah Melayu dan sa-orang Hakim Besar bagi Mahkamah Tinggi di-Negeriz Borneo), empat orang Hakim untuk Mahkamah Persekutuan itu dan beberapa orang Hakim tambahan. Hakim tambahan ini ia-lah terdiri daripada Hakimz Mahkamah Tinggi yang di-tentukan oleh Ketua Hakim Negara supaya mendengar perbicharaan dalam Mahkamah Persekutuan untuk sementara sahaja, jika ia fikir patut dengan memandangkan kapada kepentingan keadilan. Tetapi Yang Di-Pertuan Agong ada kuasa melantek sa-saorang Hakim tambahan ini untuk sa-suatu masa yang tertentu. Perlantekan ini di-buat sa-telah mendapat nasihat daripada Ketua Hakim Negara, dan orang yang layak di-lantek ia-lah orang yang sudah menjadi Hakim walau pun sudah sampai umur enam puluh lima tahun atau lebuh.

Perlantekan Hakim.

Ketua Hakim Negara, Hakimz Besar, Hakimz Mahkamah Persekutuan dan Hakimz Mahkamah Tinggi ada-lah kesemua-nya di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan perlantekan itu di-buat sa-lepas daripada di-rundingkan dalam Majlisz Raja.⁴ Sa-belum daripada Perdana Menteri memberi nasihat kepada Yang Di-Pertuan Agong, maka hendak-lah ia rundingkan perkara perlantekan itu dengan Ketua Hakim Negara, melainkan perlantekan itu ia-lah perlantekan Ketua Hakim Negara itu sendiri. Jika hendak di-lantek sa-saorang

(3) Per. 122A(4).

(4) Per. 122B.

Hakim Besar, maka sa-belum daripada Perdana Menteri memberi nasi-hat kapada Yang Di-Pertuan Agong hendak-lah ia berunding dengan Hakim Besar yang sudah ada terlantek, dan jika perlantekan itu ia-lah kepada Mahkamah Tinggi Negeriz Borneo, maka hendak-lah juga di-adakan perundingan dengan Ketua Menteri Negeri itu. Dan jika hendak di-lantek sa-orang Hakim Mahkamah Persekutuan pula, maka hendak-lah juga Perdana Menteri berunding dengan kedua2 Hakim Besar itu dan jika hendak di-lantek sa-orang Hakim Mahkamah Tinggi, sudah-lah memadai di-rundingkan perkara perlantekan ini dengan Hakim Besar Mahkamah Tinggi itu.

KELAYAKAN MENJADI HAKIM

Untuk di-lantek menjadi Hakim, sa-saorang itu mesti-lah mempunyai kewarganegaraan Malaysia dan dalam tempoh 10 tahun sa-belum dilantek ia telah menjadi Peguam Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi, atau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan kehakiman dan Undang2 bagi Persekutuan atau bagi Negeri. Tetapi sa-saorang itu boleh juga di-lantek kira-nya sa-bahagian daripada tempoh 10 tahun itu dia telah menjadi peguam dan sa-bahagian lagi dia telah berkhidmat dalam Perkhidmatan itu.⁵

KEBEBAKAN KEHAKIMAN

Kehakiman ada-lah badan yang ketiga dalam prinsip perasingan kuasa yang di-buat oleh Montesquieu. Kita telah dapat bahawa untuk menubohkan satu Kerajaan yang bertanggong-jawab kepada Parlimen, dan juga terletak di-bawah undang2, maka amat-lah mustahaknya di-wujudkan satu sistem kehakiman yang bebas daripada gangguan politik. Hakim2 itu mesti menumpukan tenaga mereka untuk menchari keadilan, walau pun keputusan yang di-buat oleh mereka akan memberi satu perasaan yang pahit kapada pihak pemerintah. Sistem yang seperti ini tentu-lah tidak tercapai jikalau Hakim2 itu senantiasa di-dalam takut dan bimbang atas kedudukan mereka.

Untuk menubohkan satu sistem kehakiman yang bebas, maka Perlembagaan Malaysia telah membuat peruntukan mengenai jawatan dan gaji2 Hakim.⁶

(5) Per. 123.

(6) Per. 125.

Sa-saorang Hakim itu boleh memegang jawatan-nya hingga dia chukup umor 65 tahun. Sa-belum daripada sampai umor-nya 65 tahun, dia boleh meletakkan jawatan-nya, tetapi sa-belum daripada itu, dia tidak-lah boleh di-luchutkan daripada jawatan-nya melainkan dengan mengikut peratoranz yang di-kanunkan dalam Perlembagaan.

Sa-saorang Hakim itu boleh di-luchutkan daripada jawatan-nya oleh Yang Di-Pertuan Agong jika dia telah berkelakuan tidak baik, atau dengan kerana keudzoran badan atau akal-nya atau lain² sebab dia tidak lagi boleh menjalankan kerja²-nya. Jika dengan sebab yang tersebut ada-lah di-fikirkan mustahak supaya di-luchutkan sa-saorang Hakim itu daripada jawatan, maka hendak-lah Perdana Menteri atau Ketua Hakim Negara sa-lepas berunding dengan Perdana Menteri menyembahkan hal ini kapada Yang Di-Pertuan Agong. Kemudian Yang Di-Pertuan Agong pun akan melantek satu jema'ah yang akan menyiasat dan membuat laporan dan shor mengenai perluchutan ini kapada Yang Di-Pertuan Agong. Maka atas pendapat dan shor jema'ah ini-lah bahawa sa-saorang Hakim itu boleh di-luchutkan daripada jawatan-nya.⁷ Tetapi sementara menanti rojokan dan laporan daripada jema'ah itu, Yang Di-Pertuan Agong ada hak menggantong sa-saorang Hakim itu daripada menjalankan tugas²-nya.⁸ Jika Hakim yang akan di-gantong tugas-nya itu ia-lah Hakim Mahkamah Persekutuan, penggantongan itu di-buat atas Shor daripada Perdana Menteri, tetapi jika Hakim itu Hakim Mahkamah tinggi penggantongan itu di-buat atas shor daripada Ketua Hakim Negara.

Jema'ah yang di-lantek untuk menyiasat dan melapor⁹ kapada Yang Di-Pertuan Agong mengenai hal perluchutan sa-saorang Hakim itu ada-lah terdiri tidak kurang daripada lima orang yang sedang atau sudah memegang jawatan sa-bagai Hakim Mahkamah Persekutuan atau Hakim Mahkamah Tinggi. Jika di-fikirkan perlu oleh Yang Di-Pertuan Agong, Hakim² atau orang² yang sudah menjadi Hakim di-negeri² dalam Komawel pun boleh juga di-lantek menjadi ahli jema'ah ini. Jema'ah ini akan di-pengerusi oleh sa-orang daripada ahli²-nya dengan mengikut susunan ini, ia-itu oleh Ketua Hakim Negara, Hakim Besar yang kanan dan ahli² yang lain mengikut tarikh perlantekan-nya sa-bagai sa-orang Hakim. Jika tarikh perlantekan itu sama, Hakim yang tua di-anggapkan kanan daripada Hakim yang muda.

(7) Per. 125(3).

(8) Per. 125(5).

(9) Per. 125(4).

Dengan sebab perluchutan jawatan sa-saorang Hakim itu bergantung kapada pendapat dan shor satu jema'ah yang kesemua-nya terdiri daripada Hakimz, sudah tentu sukar benar hendak meluchutkan sa-saorang Hakim itu daripada jawatan-nya.

GAJI HAKIM

Gaji Hakim¹⁰ ada-lah di-tetapkan oleh Parlimen dengan diluluskan satu undangz dan gajiz ini ada-lah di-kenakan sa-bagai hutang ka-atas Kumpulan-Wang yang di-Satukan. Gaji sa-saorang Hakim itu tidak boleh di-kurangkan sa-lagi dia memegang jawatan-nya.

Sa-lain daripada tempoh jawatan dan gaji-nya, sa-saorang Hakim itu tidak boleh di-da'awa dengan sebab apa yang dia kata dan buat pada ketika ia menjalankan tugas-nya¹¹ dan tidak boleh di-paksa menjawab sa-barang so'alan mengenai Mahkamah-nya.¹² Dan juga Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa menjatohkan hukum ka-atas sa-siapa pun kerana telah melakukan penghinaan-nya (Contempt of Court), ia-itu kerana telah mengingkar perentah Mahkamah atau membuat perkara^z yang keji terhadap Mahkamah itu.¹³

Untuk menjauhkan kehakiman daripada politik, Perlembagaan telah menegah supaya kelakuan sa-saorang Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi itu di-binchangkan dalam manaz Majlis Parlimen melainkan di-atas satu usul yang mana notis-nya telah di-beri terlebih dahulu oleh sa-kurangz-nya & daripada jumlah ahli Majlis Parlimen itu. Walau macham mana pun kelakuan sa-saorang Hakim itu tidak langsung boleh di-binchangkan dalam Dewan Negeri.¹⁴

MAHKAMAH RENDAH

Apa yang di-terangkan di-atas tidak mengenai hakimz mahkamah rendah, kerana semua Yang di-Pertua Mahkamah Seshen dan Majisteret ia-lah pegawai dalam Perkhidmatan Awam bagi Persekutuan dan Negeri. Yang demikian mereka ini boleh di-luchutkan daripada jawatan-

(10) Per. 125(6) dan Act Gaji Hakim 1963 (No. 36 t. 1963).

(11) S. 6(3) Ordinance Penda'awaan Kerajaan 1956 (No. 58 t. 1956).

(12) S. 121 Ordinance Kenyataan 1950 (No. 11 t. 1950).

(13) Per. 126. dan S. 13 Act Penghakiman, 1964 (No. 7 t. 1964).

(14) Per. 127.

nya sama seperti hendak di-luchutkan pegawai2 lain. Gaji2 mereka pun tidak di-tetapkan oleh Parlimen, tetapi hanya-lah di-luluskan oleh Parlimen pada tiap2 tahun. Walau pun demikian, keputusan2 yang didapati di-Mahkamah rendah ada-lah jua merupakan keadilan dan kebebasan. Ini ia-lah kerana Yang di-Pertua Mahkamah Seshen dan Majisteret ada-lah terdiri daripada orang2 yang mempunyai kelulusan, dan juga keputusan2-nya dapat di-pinda oleh Mahkamah Tinggi atas rayuan yang di-buat ka-Mahkamah itu.

Dalam Negeri2 di-Tanah Melayu,¹⁵ mahkamah rendah ada-lah terbahagi kepada dua jenis:-

- (1) Mahkamah Seshen, dan
- (b) Mahkamah Majisteret.

Mahkamah Seshen ada-lah di-pengerusi oleh sa-orang pegawai bernama Yang di-Pertua Mahkamah Seshen. Pegawai ini ada-lah dilantek oleh Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Hakim Besar,¹⁶ dan hendak-lah ia sa-orang yang mempunyai kelulusan sa-bagai sa-orang peguam.

Dalam hal mal, Yang di-Pertua Mahkamah Seshen mempunyai kuasa membicharkan kes yang mana nilai harta dalam perbicharaan itu tidak lebuh daripada \$2000. Jika nilai harta itu lebuh daripada \$2000, boleh juga di-bawa kes itu di-hadapan Mahkamah Seshen tetapi sharatnya hendak-lah kedua2 pehak bersetuju berbichara di-hadapan mahkamah itu.¹⁷ Dalam hal jenayah pula, Mahkamah Seshen mempunyai kuasa membicharkan semua kes yang mana hukuman bagi kesalahan itu tidak lebuh daripada 7 tahun penjara.¹⁸ Mengenai dengan kes yang mana hukuman-nya lebuh daripada 7 tahun penjara Mahkamah Seshen ada kuasa membicharkan-nya jika atas permintaan Penda'awa Raya orang yang di-tudoh bersetuju supaya di-bicharkan dalam Mahkamah itu, tetapi sharatnya hendak-lah kes itu bukan kes yang boleh di-hukum mati atau penjara sa-umur hidup. Walau pun kuasa Mahkamah Seshen dapat membicharkan kes yang boleh di-hukum 7 tahun penjara atau lebuh,

(15) Ordinance Mahkamah, 1948 (No. 43 t. 1948). Dalam Ordinance ini ada di-buat peruntukan mengenai Mahkamah Penghulu, tetapi dalam buku ini kita tinggalkan Mahkamah Penghulu sebab tidak lagi di-pakai.

(16) S. 59(3) Ordinance Mahkamah.

(17) S. 65 Ordinance Mahkamah.

(18) S. 63 Ordinance Mahkamah.

tetapi Kuasa Mahkamah ini menjatohkan hukum ada-lah terhad kapada penjara yang tidak lebeh daripada 3 tahun atau denda tidak lebeh dari-pada \$4,000/- atau sebat 12 rotan.¹⁹ Kira-nya di-fikirkan perlu oleh Mahkamah Sesben bahawa sa-saorang yang di-thabitkan salah itu mesti di-hukum lebeh daripada had ini, maka boleh-lah di-jatohkan hukuman saperti itu, tetapi hendak-lah di-chatetkan sebab2 kenapa hukuman telah itu di-jatohkan.²⁰ Hadz yang tersebut itu tidak di-kenakan jika undang2 telah membenarkan Mahkamah Sesben menjatohkan hukuman, yang lebeh daripada had itu.

Mahkamah Majisteret ada-lah terbahagi kepada dua peringkat: Majisteret Darjah Yang Pertama dan Majisteret Darjah Yang Kedua. Kedua2 Majisteret ini ada-lah di-lantek oleh Raja atau Gabenor bagi negeri tempat Majisteret itu berkhidmat. Jika Majisteret yang akan di-lantek itu ia-lah Majisteret Darjah Yang Pertama, maka perlantekan itu hendak-lah di-buat atas nasihat Hakim Besar.²¹ Biasa-nya Majisteret Darjah yang Pertama itu di-lantek daripada ahli2 Perkhidmatan Awam bagi Persekutuan atau bagi Negeri. Dalam hal mal Mahkamah Majisteret Darjah Yang Pertama hanya boleh membicharakan kes yang mana nilaiann harta dalam perbicharaan itu tidak lebeh daripada \$1,000.²² Dalam hal jenayah pula, Mahkamah ini berhak membicharakan semua kes yang mana hukuman bagi kesalahan itu tidak lebeh daripada 3 tahun penjara.²³ Tetapi kuasa menjatohkan hukum ada-lah terhad kapada menjatohkan hukuman penjara sa-lama 12 bulan, atau denda sa-banyak \$2,000 atau pukol 6 rotan.²⁴ Kira-nya sa-suatu undang2 itu membenarkan Mahkamah Majisteret menjatohkan hukuman yang lebeh daripada ini, maka boleh Mahkamah ini menjatohkan hukuman itu. Jua, jika di-fikirkan perlu bahawa sa-saorang itu mesti di-hukumkan lebeh tinggi lagi daripada apa yang di-hadkan, maka boleh-lah juga Mahkamah itu menjatohkan hukuman saperti itu, tetapi hendak-lah di-chatetkan sebab2 yang hukuman itu telah di-jatohkan.²⁵

Majisteret Darjah Yang Kedua di-lantek untuk menolong Majisteret Darjah Yang Pertama. Biasa-nya mereka ini ia-lah terdiri dari-pada Pegawai Daerah dan Pendaftar Mahkamah Sesben. Walau bagai-

(19) S. 64 Ordinance Mahkamah.

(20) S. 64(2) Ordinance Mahkamah.

(21) S. 78 Ordinance Mahkamah.

(22) S. 90 Ordinance Mahkamah.

(23) S. 85 Ordinance Mahkamah.

(24) S. 87 Ordinance Mahkamah.

(25) S. 87(2) Ordinance Mahkamah.

mana pun, Majisteret Darjah Yang Kedua ini tidak-lah sangat memainkan peranan yang penting dalam pentadbiran keadilan pada masa sekarang.

Kuasa Majisteret Darjah Yang Kedua dalam hal mal ia-lah terhad kepada kes hutang yang tidak lebuh daripada \$250.²⁶ Berkenaan dengan kuasa-nya dalam hal jenayah pula, Majisteret Darjah Yang Kedua boleh membicharakan kes yang mana hukuman bagi kesalahan itu tidak lebuh daripada 12 bulan penjara atau hanya dengan denda sahaja.²⁷ Kuasanya untuk menjatohkan hukuman²⁸ pun ada-lah juga terhad. Ia-itu dia boleh menjatohkan hukum penjara yang tidak lebuh daripada 3 bulan lama-nya, dan denda yang tidak lebuh daripada \$250/- banyak-nya.

Di-Sabah²⁹ dan Sarawak.³⁰ Mahkamah Rendah ada-lah terdiri daripada 3 jenis mahkamah Majisteret, ia-itu:-

- (1) Mahkamah Majisteret Darjah Yang Pertama.³¹
- (2) Mahkamah Majisteret Darjah Yang Kedua,³² dan
- (3) Mahkamah Majisteret Darjah Yang Ketiga.³³

semua Majisteret ia-lah di-lantek oleh Gabenor. Bidang kuasa mahkamah dalam hal mal ada-lah di-ator saperti berikut:—

- (1) Mahkamah Majisteret Darjah Yang Pertama boleh mendengar kes yang mana nilai-an harta dalam perbicharaan itu tidak lebuh daripada \$1000/-. Tetapi Hakim Besar boleh memberi kuasa untuk Majisteret Darjah Yang Pertama mendengar kes yang mana nilai-an harta dalam kes itu lebuh daripada \$1000/- tetapi tidak lebuh daripada \$3000/-.
- (2) Mahkamah Magisteret Darjah Yang Kedua boleh membicharakan kes yang mana nilai-an harta dalam perbicharaan itu tidak lebuh daripada \$500.

(26) S. 92 Ordinance Mahkamah.

(27) S. 98 Ordinance Mahkamah.

(28) S. 89 Ordinance Mahkamah.

(29) Ordinance Mahkamah, 1951 Bab 29. (Sabah)

(30) Ordinance Mahkamah 1952 Bab 42. (Sarawak) Dalam dua buah negeri ini, ada Mahkamah Bumiputera (National Court).

(31) Di-Sarawak, Mahkamah ini di-panggil juga dengan nama Mahkamah Daerah.

(32) Di-Sarawak, Mahkamah ini di-panggil juga dengan nama Mahkamah Polis.

(33) Di-Sarawak, Mahkamah ini di-panggil juga dengan nama Mahkamah kes kecil.

- (3) Mahkamah Majisteret Darjah Yang Ketiga pula boleh membicarakan kes yang mana nilai harta dalam perbincaraan itu tidak lebih daripada \$100/-.

Rayuan daripada Mahkamah Majisteret Darjah Yang Pertama dan Darjah Yang Kedua ada-lah di-buat kepada Mahkamah Tinggi, tetapi rayuan daripada Mahkamah Darjah Yang Ketiga ada-lah di-hadapkan kepada Mahkamah Majisteret Darjah Yang Pertama sahaja.

Berkenaan dengan bidang kuasa jenayah bagi mahkamah2 ini adalah di-atorkan dan di-tetapkan oleh undang2 peratoran jenayah bagi tiap2 buah negeri itu.³⁴ Mengikut undang2 ini sa-bahagian daripada kesalahan2 ada-lah di-bicarakan oleh Mahkamah Tinggi dan sa-bahagian lagi oleh Mahkamah Majisteret. Boleh-lah di-katakan ia-itu 'Mahkamah Majisteret hanya-lah berkuasa membicarakan kesalahan2 yang mana hukuman bagi kesalahan itu tidak sangat berat, kerana kuasa-nya pun kurang.'

Berkenaan dengan kuasa Mahkamah Majisteret menjatohkan hukum ada-lah saperti berikut:—

- (a) Mahkamah Majisteret Darjah Yang Pertama boleh menjatohkan hukum penjara yang tidak lebih lama-nya daripada 12 bulan atau denda yang tidak lebih daripada \$2000. Satengah2 Mahkamah Majisteret ada-lah di-gelarkan oleh Gabenor dengan nama Mahkamah Majisteret Stipendiary. Jika di-gelar demikian, Mahkamah ini berkuasa menjatohkan hukum penjara sa-lama 3 tahun atau denda sa-banyak \$5000/-.
- (b) Mahkamah Majisteret Darjah Yang Kedua berkuasa menjatohkan hukum penjara yang tidak lebih daripada 6 bulan lama-nya atau denda yang tidak lebih daripada \$1000 banyak-nya.
- (c) Mahkamah Majisteret Darjah Yang Ketiga berkuasa menjatohkan hukum penjara yang tidak lebih daripada 3 bulan lama-nya atau denda yang tidak lebih daripada \$500/- banyak-nya.

(34) Ordinance No. 4 t. 1959 bagi Sabah, dan Ordinance Bab 58 bagi Sarawak.

MAHKAMAH PERSEKUTUAN

Kuasa² yang di-punyai oleh Mahkamah Tinggi tidak-lah ada hadanya. Semua kes boleh di-bichara di-hadapan-nya, asalkan kes itu tidak mengenai Perlembagaan. Dan jua kapada Mahkamah Tinggi-lah segala rayuan³ daripada Mahkamah Rendah mesti di-bicharakan.³⁵

Mahkamah Persekutuan mempunyai dua tugas.³⁶ Yang pertama ia-lah menjadi sa-bagai Mahkamah yang mendengar rayuan³ atas keputusan yang di-buat oleh Mahkamah Tinggi. Dan Yang Kedua-nya ia-lah menjadi sa-bagai sa-buah Mahkamah Perlembagaan, ia-itu tugas-nya untuk mentafsirkan perlembagaan. Penubohan sa-sabuah Mahkamah Perlembagaan itu amat-lah mustahak kapada negeri yang mempunyai Perlembagaan bertulis, terutama sa-kali Perlembagaan itu berchorak kapada persekutuan.

Perlembagaan Malaysia telah membuat peruntukan ia-itu Mahkamah Persekutuan ada-lah mempunyai bidang kuasa:—

- (a) untuk menentukan sama ada undang² yang di-buat oleh Parlimen atau oleh Dewan Negeri tidak sah, kerana undang² itu di-buat di-luar kuasa Parlimen atau di-luar kuasa Dewan Negeri;³⁷ dan
- (b) untuk memutuskan apaz so'alan yang berbangkit di-antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri atau di-antara sa-buah Kerajaan Negeri dengan sa-buah Kerajaan Negeri yang lain;³⁸
- (c) untuk menjawab sa-suatu so'alan mengenai Perlembagaan yang telah timbul dalam sa-suatu perbicharaan di-hadapan manaz Mahkamah, dan apabila so'alan itu telah di-selesaikan oleh Mahkamah Persekutuan baharu-lah perbicharaan itu boleh di-langsungkan oleh Mahkamah itu;³⁹
- (d) untuk mengeluar fikiran mengenai Perlembagaan, jika fikiran itu di-minta oleh Yang Di-Pertuan Agong.⁴⁰ Bidang kuasa yang saperti ini boleh di-dapati di-Kanada yang mana Gabenor General Kanada boleh meminta fikiran daripada Mahkamah

(35) S. 26 Act Penghakiman 1964 (No. 7 t. 1964).

(36) Per. 128 dan 130.

(37) Per. 128(1)(a).

(38) Per. 128(1)(b).

(39) Per. 128(2).

(40) Per. 130.

Tinggi Kanada dan Mahkamah itu di-kehendaki memberi fikiran itu.⁴¹

Undang² yang di-buat oleh Parlimen dan undang² yang di-buat oleh Dewan Negeri boleh di-chabar oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan dalam sa-suatu perbicharaan di-antara kedua² Kerajaan ini. Tetapi jika chabaran itu hendak di-buat dalam perbicharaan yang lain: ia-itu bukan perbicharaan di-antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, maka hendak-lah terlebih dahulu di-dapatkan kebenaran daripada sa-orang Hakim Mahkamah Persekutuan dan jika chabaran itu di-buat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berhak menjadi pehak dalam perbicharaan itu.⁴²

Rayuan kapada Privy Council.

Perlembagaan Malaysia⁴³ maseh lagi membenarkan segala keputusan² yang di-buat oleh Mahkamah Persekutuan Malaysia supaya di-rayuan kapada Privy Council di-London. Pada segi undang² untuk men-sesuaikan dengan kedudukan Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang merdeka, rayuan kapada Privy Council ini ada-lah berasaskan kapada satu perjanjian yang di-tandatangani di-antara Yang Di-Pertuan Agong dengan Queen England pada 4hb. Mach, 1958.⁴⁴

Perjanjian ini telah membolchkan keputusan² yang di-buat oleh Mahkamah Persekutuan supaya di-rayukan kapada Privy Council.

Dengan ada-nya peruntukan yang saperti ini tentu-lah tidak sesuai dengan konsep kemerdekaan Malaysia. Ini bererti sa-olah² kita mengaku bahawa Hakim² kita belum lagi chukup pandai dan tidak lagi dapat memberi keadilan yang boleh memuaskan hati orang yang berguan di-hadapan-nya. Jika di-selidek dengan halus, tugas kehakiman itu ia-lah mentafsirkan undang². Tiap² tafsiran tentu-lah ada bermacham² fikiran. Tidak ada satu fikiran dan tafsiran pun yang boleh tetap pergi ka-satu jalan. Yang demikian jikalau Mahkamah Persekutuan telah membuat satu keputusan, kenapa-kah kita mesti memberi keputusan yang mu'tamad kapada Privy Council? Boleh-kah kita jamin bahawa keputusan Privy Council itu merupakan satu keputusan yang sa-adil²-nya? Jikalau tidak, kenapa-kah kita hendak memberi atau menyerahkan perkataan yang akhir kapada-nya? Tidak-kah kita memadai dengan Hakim² kita walau pun

(41) A.G. Ontario v. A.G. Canada (1912) A.G. 571.

(42) Per. 4(3) dan (4).

(43) Per. 131.

(44) P.U. No.1254 t. 1958 - tarikh 10hb April, 1958.

mereka ini berlainan dan tidak sa-rupa dengan ahli2 Privy Council. Akhirnya perkara ini hanya-lah sa-mataz perkara rasa sedap sahaja, dengan tidak beralaskan kapada satu asas yang berdalil. Lagi pun kebanyakannya keputusan yang di-buat oleh Privy Council itu sama dengan keputusan yang di-buat oleh Mahkamah Persekutuan; dan jika berlainan, ini hanya-lah sadikit sahaja bilangan-nya.

Barangkali dengan sebab ini-lah pada tahun 1965 Kerajaan telah berchadang hendak menghapuskan rayuan kapada Privy Council, tetapi malang-nya chadangan itu telah di-bantah oleh peguam2 bela. Pada akhirnya chadangan itu pun tidak-lah di-langsangkan tetapi dalam persidangan tahun 1968 Kerajaan sa-kali lagi mengemukakan satu rang undang2 untuk memberhentikan rayuan kapada Privy Council sa-chara beransor. Rang undang2 ini berchadang supaya di-berhentikan rayuan kapada Privy Council, jika kes yang hendak di-rayukan itu ia-lah kes jenayah, atau kes yang melibatkan Perlembagaan, atau kes mal yang mana nilaiannya harta-nya tidak kurang daripada \$5,000/-. Oleh kerana rang undang2 ini telah di-tentang; oleh pehak2 peguam dan cherdek pandai dalam undang2, maka rang undang2 ini belum-lah lagi di-luluskan oleh Parlimen, bahkan telah di-serahkan untuk di-buat siasatan kapada Jawatan-kuasa Terpilih Khas.

Sekiranya hasil siasatan tersebut
diketahui Parlimen seterusnya akan membentuk undang2
yang dikehendaki. Dengan sebaliknya
jika hasil siasatan tersebut menunjukkan perlu
dilakukan tindakan lain, maka Undang-undang
tersebut akan dibatalkan.

BAB XIV

PERLEMBAGAAN NEGERI

Tiap2 persekutuan mesti-lah ada dalam-nya beberapa buah Kerajaan Negeri dan sa-sabuah Kerajaan Pusat yang di-tubohkan oleh persekutuan itu. Dalam bab ini kita akan bicharakan dengan serba ringkas sahaja sifat perlembagaan negeri dalam Malaysia ini.

Sa-sabuah persekutuan tidak akan wujud jika tidak ada perasa-an dan kechenderongan di-kalangan ra'ayat untuk menubohkan persekutuan itu. Di-antara perasa-an dan kechenderongan itu ia-lah chita2 hendak hidup di-bawah satu sistem pemerentahan yang sa-rupa baik pun untuk Kerajaan Pusat atau pun Kerajaan Negeri. Ra'ayat Malaysia telah memilih sistem pemerentahan chara demokrasi berparlimen sa-bagai asas perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeriz. Dari itu amat-lah mustahak-nya bahawa tiap2 perlembagaan sa-sabuah negeri itu mempunyai konsep yang sama dengan konsep Perlembagaan Malaysia. Yang demikian ada-lah di-kehendaki ia-itu perlembagaan tiap2 buah negeri hendak-lah mempunyai peruntokan yang di-kandongi dalam Bahagian I Jadual Kedelapan Perlembagaan Malaysia. Peruntokan ini di-namakan "peruntukan mustahak"¹ dan ada-lah di-anggap sa-bagai alat yang penting untuk mewujudkan sa-buah Kerajaan dan pemerentahan yang berdemokrasi Parlimen.

(1) Per. 71(4) telah memperuntokkan ia-itu jika sa-sabuah negeri itu tidak mempunyai peruntukan mustahak ini atau peruntukan yang sa-akanz-nya, maka berkuasa-lah Parlimen membuat undang2 supaya peruntukan mustahak itu berjalan kuac-kuasa-nya di-negeri itu dan membatalkan segala peruntokan yang bertentangan dengan peruntukan mustahak itu.

Tiap2 perlembagaan negeri ada mengandungi peruntukan mustahak ini, dan dalam cheraian yang berikut kita akan pereksa hanya empat perkara sahaja, ia-itu :—

- (1) Raja dan Gabenor,
- (2) Pemerentahan,
- (3) Badan perundangan, dan
- (4) Hal ahwal Kewangan.

Raja dan Gabenor.

Sa-bagai Ketua Negeri, tiap2 buah Negeri mempunyai sa-orang Raja (Sultan) atau Gabenor. Negeriz yang mempunyai Raja ia-lah Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak. Negeriz yang mempunyai Gabenor pula ia-lah Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak. Bagi Sabah, Gabenor-nya di-panggil dengan nama Yang di-Pertua Negara.

Berkenaan dengan pertabalan Raja, ini ada-lah terpulang kepada perlembagaan Negeri itu masing2, dan ini ia-lah mengikut adat isti'adat Negeri itu. Kerajaan Persekutuan tidak akan menchampori tangan dalam manaz pertelengkahan mengenai pertabalan itu, tetapi ada-lah bertanggong-jawab memberi jaminan kapada sa-orang Raja supaya dapat ia menjadi Raja Negeri itu serta memegang dan meni'mati hak2-nya sa-bagai sa-orang Raja Negeri itu, sa-bagaimana yang di-tulis dalam Perlembagaan Negeri itu.² Jaminan ini ada-lah jua di-beri kapada Orang Besar Pemerentah³ (Ruling Chiefs) Negeri Sembilan, ia-itu Undang Luak Sungai Ujong,⁴ Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol, Undang Luak Rembau dan Tengku Besar Tampin.

Tiap2 orang Gabenor ada-lah di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong atas budi bichara-nya, tetapi perlantekan itu hendak-lah di-buat sa-lepas berunding dengan Ketua Menteri Negeri masing2. Perlantekan ini ada-lah untuk empat tahun, tetapi sa-belum chukup tempoh ini boleh-lah sa-saorang Gabenor itu meletak jawatan-nya atau di-luchutkan dari-pada jawatan-nya. Untuk meluchutkan dia daripada jawatan-nya, mestilah terlebeh dahulu mendapat keputusan daripada Dewan Negeri, yang mana keputusan itu telah di-sokongi oleh suara banyak yang tidak kurang daripada 2/3 jumlah ahli2 Dewan Negeri itu.

(2) Per. 71(1),
(3) Per. 71(2).

(4) Perlembagaan Negeri Sembilan, Bahagian II, Per. XXXIV.

Raja ada-lah menjadi sa-bagai Ketua Ugama Islam bagi Negerinya masing2, tetapi bagi Negeri Pulau Pinang dan Melaka, Ketua Ugama Islam-nya ia-lah Yang Di-Pertuan Agong.⁵ Oleh kerana ugama Islam tidak menjadi ugama rasmi di-Sabah dan Sarawak, maka Yang di-Pertua Negara, Sabah, dan Gabenor, Sarawak, tidak-lah menjadi Ketua Ugama Islam bagi Negeriz itu.

Sa-lain daripada Yang Di-Pertuan Agong dan Permaisuri-nya,⁶ Raja dan Gabenor mempunyai keutamaan (precedence) atas semua orang, dan dalam Negeri-nya masing2 tiap2 Raja atau Gabenor mempunyai keutamaan (precedence) atas Raja dan Gabenor yang lain.⁷ Tetapi jika di-luar negeri-nya masing2, Raja mempunyai keutamaan atas Gabenor, dan keutamaan sa-orang Raja atas sa-orang Raja ada-lah di-tentukan dengan tarikh siapa dahulu menjadi Raja, bagitu-lah jua chara-nya untuk menentukan keutamaan sa-orang Gabenor atas sa-orang Gabenor.⁸

Gaji Raja dan Gabenor ada-lah di-kandongi dalam Peruntukan Diraja (Civil List) bagi negeri masing2 dan perbelanjaan dalam Peruntukan ini ada-lah di-kenakan sa-bagai bayaran tetap ka-atas Kumpulan-Wang Negeri yang di-satukan.

Semua Raja dan Gabenor menjadi ahli Majlis Rajaz, tetapi apabila Majlis itu membinchangkan hal ahwal pemilihan dan perluchutan jawatan Yang Di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang Di-Pertuan Agong dan jua hal ahwal kedudukan Rajaz Melayu, Gabenor tidak-lah di-anggapkan menjadi ahli Majlis itu.⁹

Raja dan Gabenor mempunyai kuasa membuat pengampunan dan memberi kekurangan hukum yang di-jatohkan ka-atas sa-saorang yang melakukan kesalahan jenayah dalam negeri-nya masing2.¹⁰ Kuasa ini ada-lah di-jalankan atas nasihat Lembaga Pengampunan yang mengandungi Peguam Negara, Menteri Besar atau Ketua Menteri dan tidak lebuh daripada 3 orang ahli yang lain yang di-lantek oleh Raja atau Gabenor Negeri itu. Lembaga Pengampunan ini bersidang bersama2 dengan Raja atau Gabenor Negeri itu sendiri, dan di-penguruskan oleh-nya. Biasa-nya Peguam Negara tidak dapat hadhir dalam persidangan Lembaga Pengampunan. Yang demikian dia boleh mewakilkan tugas-nya itu kapada sa-orang Pegawai; biasa-nya perwakilan itu di-beri kapada

(5) Per. 3(3).

(6) Per. 32(2).

(7) Per. 70(1).

(8) Per. 70(2).

(9) S. 7, Jadual V, Perlembagaan Persekutuan.

(10) Per. 42(1).

Penasihat Undang² Negeri itu. Sa-bbelum Lemba³ga Pengampunan ini memberi apa² nasihat kapada Raja dan Gabenor maka hendak-lah Lemba³ga ini menimbangkan apa² fikiran yang bertulis daripada Peguam Negara yang mana fikiran itu telah di-serahkan terlebih dahulu kepada Lemba³ga itu.

Dalam tiap² perlembagaan Negeri yang beraja, Raja ada-lah menjadi sa-bagai puncha kemuliaan dan keutamaan dalam negeri ini dan berhak memberi bintang² kehormatan dan gelaran.

Pemerentahan.

Dalam semua Perlembagaan Negeri, kuasa pemerentahan ada-lah terletak di-tangan Raja² atau Gabenor, tetapi kuasa ini ada-lah di-jalankan oleh Raja atau Gabenor itu atas nasihat yang di-beri kapada-nya oleh Majlis Meshuarat Kerajaan atau oleh sa-orang ahli-nya yang di-tauliahkan oleh Majlis Meshuarat Kerajaan itu. Pentadbiran negeri ada-lah di-jalankan atas nama Raja atau Gabenor tetapi walau macam mana sa-kali pun, Raja dan Gabenor berhak mendapat perkhabaran mengenai pemerentahan negeri.

Di-Sabah Majlis Meshuarat Kerajaan ada-lah di-namakan Jema'ah Menteri dan di-Sarawak di-namakan Majlis Tertinggi (Supreme Council). Tetapi untok kita, memadai-lah kita panggilkan dalam buku ini sa-bagai Majlis Meshuarat Kerajaan.

Tiap² buah Majlis Meshuarat Kerajaan Negeri ada-lah mengandongi Menteri Besar atau Ketua Menteri, tiga orang pegawai Kerajaan dan tidak kurang daripada empat orang tetapi tidak lebuh daripada lapan orang ahli Dewan Negeri. Ketigaz pegawai Kerajaan itu ia-lah Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang¹¹ Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. Mereka ini tidak payah lagi di-lantek menjadi ahli Majlis Meshuarat Kerajaan, kerana mereka menjadi ahli dengan sebab jawatan mereka. Pada mulaz-nya Raja atau Gabenor akan melantek sa-orang Menteri Besar atau Ketua Menteri. Menteri ini mesti-lah sa-orang ahli Dewan Negeri dan beroleh keperchayaan lebuh daripada separoh ahli² Dewan itu. Lepas itu baharu-lah pula Raja atau Gabenor melantek ahli² yang lain, yang mana perlantekan itu di-buat atas nasihat Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Majlis Meshuarat Kerajaan ada-lah bertanggong-jawab bersama² kapada Dewan Negeri. Jika Menteri Besar atau Ketua Menteri tidak lagi

(11) Di-Sabah dan Sarawak, penasihat undang²-nya di-namakan Peguam Negara Negeri.

beroleh keperchayaan lebuh daripada separoh ahli Dewan Negeri, maka hendak-lah ia dan ahli Majlis Meshuarat Kerajaan yang lain daripada ketigaz orang pegawai Kerajaan itu meletakkan jawatan mereka, melainkan atas permintaan Menteri Besar atau Ketua Menteri, Dewan Negeri telah di-bubarkan oleh Raja atau Gabenor supaya di-adakan satu pilehan-rama.

Ahli Majlis Meshuarat Kerajaan yang lain daripada ketigaz orang pegawai yang tersebut ada-lah memang jawatan atas kesukaan Raja atau Gabenor, yang demikian mereka boleh di-luchutkan daripada jawatan oleh Raja atau Gabenor jika di-nasihatkan demikian oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri. Dan lagi mereka tidak boleh menchampori sa-barang pekerjaan atau perniagaan dan perusahaan yang berkaitan dengan kerja mereka sa-bagai ahli Majlis Meshuarat Kerajaan.

Menteri Besar atau Ketua Menteri tidak-lah boleh memegang sa-barang jawatan yang berpendapatan dan tidak jua boleh masuk champor dalam perniagaan.

Satengahz Perlembagaan Negeri ada membuat peruntukan supaya membolehkan Menteri Besar atau Ketua Menteri melantek Setia-usaha Politik.

Negeri Johor ada memakai sistem berjawatan-kuasa (committee system) ia-itu tiap2 orang ahli Majlis Meshuarat Kerajaan yang bukan pegawai Kerajaan di-beri tugas dalam beberapa perkara pentadbiran.

Chara pemerentahan Negeri Sabah dan Sarawak pula ia-lah dengan sistem bermenteri, ia-itu tiap2 orang ahli Jema'ah Menteri atau Majlis Tertinggi di-beri tugas untuk menjalankan dan menjaga beberapa buah jabatan Kerajaan, dan ahli ini di-beri gelaran sa-bagai Menteri.

Di-negeriz lain semua tugas Kerajaan ada-lah di-tangan Menteri Besar atau Ketua Menteri. Dan Jabatanz Kerajaan ada-lah di-bawah jagaan-nya.

Walau apa sistem pemerentahan pun di-pileh, Setia-usaha Kerajaan ada-lah menjadi sa-bagai pegawai turus dalam pentadbiran, dan dia berkuasa memberi perentah kapada pegawaiz yang lain. Oleh sebab ini, maka ia ada-lah bertanggong-jawab kapada Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Majlis Meshuarat Kerajaan pada melaksanakan polisiz yang di-buat oleh Majlis Meshuarat Kerajaan.

Tiap2 buah Negeri ada mempunyai perkhidmatan awam-nya masingz, dan ahli perkhidmatan awam ini ada-lah memegang jawatan atas kesukaan Raja dan Gabenor. Dengan ini mereka boleh di-luchutkan daripada jawatan, tetapi sa-belum daripada itu hendak-lah di-beri peluang

kapada pegawai itu mempertahankan diri mereka dan peluchutan itu di-buat oleh pehak yang berkuasa yang tidak rendah daripada pehak yang berkuasa yang boleh melantek dia. Dengan sebab ada-nya perkhidmatan awam Negeri, tiap2 buah negeri mempunyai Surohanjaya Perkhidmatan Awam untuk menyelenggarakan hal ahwal perkhidmatan awam Negeri.

Badan Perundangan.

Kuasa membuat undang2 dalam tiap2 buah Negeri ada-lah terletak kapada Raja atau Gabenor dan satu badan perundangan yang dinamakan Dewan Negeri. Di-Negeriz di-Tanah Melayu semua ahli2 Dewan Negeri ada-lah di-pileh, melainkan tiga orang Pegawai Kerajaan sahaja, ia-itu Setia-usaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang2 dan Pegawai Kewangan Negeri. Bilangan ahli2 yang di-pileh bagi tiap2 buah Dewan Negeri itu tertinggal-lah kapada perlembagaan Negeri masing2.

Bilangan-nya ada-lah saperti berikut :-

Johor	32	Penang	24
Kedah	24	Perak	40
Kelantan	30	Perlis	12
Melaka	20	Selangor	28
Negeri Sembilan	24	Terengganu	24
Pahang	25		

Di-Sabah dan Sawarak, ahli2 Dewan Negeri ada-lah terdiri dari-pada tiga orang pegawai Kerajaan yang tersebut ahli2, yang di-pileh dan ahli2 yang di-lantek.

Kelayakan bagi ahli2 Dewan Negeri sama-lah saperti kelayakan bagi ahli2 Parlimen.

Tiap2 buah Dewan Negeri ada-lah mempunyai sa-orang Yang di-Pertua Dewan untuk menguruskan kerja2 Dewan Negeri dan menjadi sa-bagai pengerusi dalam persidangan Dewan Negeri itu.

Tiap2 buah Dewan Negeri boleh dengan chara di-luluskan satu undang2 menetapkan gaji ahli2 dan gaji Yang di-Pertua Dewan Negeri itu. Gaji Yang di-Pertua Negara ada-lah di-tetap dan di-bayar daripada Kumpulan-Wang Negeri yang di-satukan.

Undang2 yang di-buat oleh Negeri ada-lah di-buat dengan di-luluskan satu rang undang2 oleh Dewan Negeri. Rang undang2 itu di-bacha tiga kali dan di-luluskan pada tiap2 kali bachaan. Sa-lepas itu

di-hantarkan kepada Raja atau Gabenor untuk mendapat persetujuannya. Kemudian baharu-lah di-siarkan rang undangz itu sa-bagai undangz, dan akan berjalan kuat-kuasa-nya pada hari ia tersiar atau pada satu tarikh yang akan di-tetapkan, sama ada tarikh itu sudah lepas atau akan datang. Undangz yang di-buat oleh Dewan Negeri di-namakan Enactment.

Tiap2 buah Dewan Negeri ada-lah mempunyai hak keutamaannya,¹² ia-itu sah atau tidak sah-nya segala perbicharaan dalam Dewan itu tidak boleh di-so' al dalam manaz Mahkamah. Tidak ada sa-saorang pun yang boleh di-da'awa dengan sebab perkataan-nya atau undi-nya atau pun dengan kerana dia mengambil bahagian dalam sa-suatu perbicharaan dalam Dewan Negeri itu. Demikian-lah juga, sa-saorang itu tidak boleh di-da'awa dengan kerana dia telah menyiaran sa-šuatu perkara jika siaran itu di-buat di-bawah tauliah Dewan Negeri.

Hal Ahwal Kewangan.

Sistem pentadbiran wang negeri sama-lah seperti perotoranz yang di-tetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan mengenai pentadbiran wang negara.

Tidak ada chukai pun yang boleh di-kenakan dan di-pungut untuk faedah Negeri melainkan ada undangz negeri yang menguasai hal itu. Semua chukai dan hasilz yang di-pungut hendak-lah bayar ka-dalam satu kumpulan-wang yang di-namakan Kumpulan-wang Negeri Yang Di-satukan. Perbelanjaanz yang akan di-bayar daripada Kumpulan-wang Negeri ini mesti-lah di-luluskan oleh undangz. Perbelanjaanz ini terbahagi kepada dua jenis: ia-itu perbelanjaan yang di-tetapkan sa-bagai hutang; ini ada-lah satengahz-nya di-tetapkan oleh Perlembagaan dan juga undangz lain: mithal-nya Peruntukan Diraja bagi gaji Raja atau Gabenor, gaji Yang di-Pertua Dewan Negeri, wangz pembayaran hutang Negeri dan wangz yang di-kehendaki untuk menjelaskan keputusanz Mahkamah. Satu jenis perbelanjaan lagi ia-lah segala perbelanjaan yang di-chadang akan di-bayar daripada Kumpulan-wang Negeri dan akan di-luluskan oleh peranggaraan dan Enactment Perbekalan. Charaz mengeluarkan wang daripada Kumpulan-wang Negeri ada-lah di-buat mengikut undangz ia-itu Ordinance Peratoran Kewanganz.

(12) Per. 72.

Pegawai Kewangan Negeri ada-lah bertanggong-jawab untuk mengawalkan perbelanjaan ini. Kiraz wang Kerajaan akan di-perekxa oleh Juru Odit Negara, dan dia akan menghantarkan satu laporan kapada Raja atau Gabenor untuk di-bentangkan ka-dalam Dewan Negeri.

Sa-belum daripada ini, satu jawatan-kuasa Dewan Negeri bernama Jawatan-kuasa Kiraz Wang Kerajaan Negeri akan jua memerekxa kiraz ini.

BAB XV

PERHUBONGAN DI-ANTARA PERSEKUTUAN DENGAN NEGERI

Orleh kerana dalam tiap2 persekutuan, di-samping kerajaan pusat ada pula beberapa buah kerajaan negeri yang menjadi anggota persekutuan itu, maka amat-lah mustahak di-buat beberapa peruntukan bagi menentukan perhubongan di-antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Peruntukan ini ada-lah penting untuk mengelakkan beberapa pertelingkahan yang mungkin berlaku di-antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat, dan juga untuk menyelesaikan pertelingkahan itu, jika sudah berlaku.

Chara perhubongan itu tertinggal-lah kapada hakikat perlumbagan persekutuan itu. Mengikut pendapat Professor K.C. Wheare¹ persekutuan itu ada-lah terbahagai kapada tiga jenis. Yang pertama ia-lah sa-buah persekutuan yang mana kerajaan pusat-nya lemah daripada kerajaan negeri, kerana kebanyakannya kuasa2 yang mustahak di-tinggalkan kapada negeri. Jenis yang kedua ia-lah merupakan wujud-nya sa-buah kerajaan pusat yang kuat daripada kerajaan negeri, dan jenis yang ketiganya pula ia-lah wujud-nya sa-buah kerajaan pusat yang sama kuat dan sama taraf dengan kerajaan negeri. Mengikut pendapat-nya, yang sa-benar2 erti persekutuan itu ia-lah jenis yang ketiga, ia-itu apabila kerajaan pusat mempunyai kuasa yang sama banyak dan sama mustahak dengan kerajaan negeri. Persekutuan yang saperti ini hanya di-dapati

(1) K.C. Wheare: "Federalism" (1956) Oxford University Press

dalam satu buah negara sahaja, ia itu Amerika Sharikat. Jenis yang pertama dan yang kedua, dalam fikiran-nya, tidak-lah bererti persekutuan yang sa-benar. Ini hanya-lah merupakan sa-bagai sa-akan2 persekutuan (quasi federalism). Tetapi walau bagaimana pun, tawarikh dunia telah menunjukkan ia itu jika persekutuan itu mempunyai satu kerajaan pusat yang lemah, susah benar bagi sa-sabuah negara persekutuan itu hendak hidup, kerana kerajaan pusat-nya tidak mempunyai kuasa chukup untuk mengatasi segala kerumitan politik dan sa-bagai-nya. Bagi negara persekutuan yang mempunyai kerajaan pusat-nya sama kuat dengan kerajaan negeri, seperti Amerika Sharikat pula, tawarikh dunia terutama sa-kali kedua2 perperangan dunia yang lepas telah membuktikan bahawa dengan sa-chara beransor kerajaan pusat itu menjadi bertambah kuat dan bertambah mustahak. Jikalau tidak demikian, anchaman dari dalam dan luar negeri tentu-lah tidak dapat di-atasi. Yang demikian, amat-lah mustahak-nya bahawa kerajaan pusat dalam sa-sabuah persekutuan itu mempunyai kuasa yang kuat dan lebih daripada kerajaan negeri. Dengan berasaskan kapada konsep ini-lah maka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian-nya Perlembagaan Malaysia telah di-reka dan di-rangkakan.^{2]}

Dari itu chara perhubungan di-antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri dalam Perlembagaan Malaysia boleh-lah di-kaji dalam bab ini dengan berpandukan kapada asas yang tersebut di-atas; ia itu mempunyai kerajaan pusat yang kuat dan lebih kuasa. Mengenai hal ini elok-lah kita bahagikan penyelidikan kita kepada beberapa tajok seperti berikut:—

- (1) pembahagian kuasa membuat undang2;
- (2) pembahagian kuasa pemerentahan;
- (3) hal ahwal tanah;
- (4) hal ahwal kewangan;
- (5) hal ahwal kerjasama di-antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri.

(1) Pembahagian kuasa membuat undang2.

Kita telah dapati bahawa Parlimen boleh membuat undang2 yang berjalan kuat-kuasa bagi seluruh persekutuan atau sa-bahagian

(2) Malayan Constitutional Reports (1957) t. 77. Jawatan-kuasa Reid ada-lah berkewajipan untuk membuat shor bagi menubohkan satu kerajaan pusat yang kuat dan kerajaan negeri yang mempunyai kemerdekaan (a measure of autonomy).

daripada-nya dan juga di-luar negeri. Tetapi Dewan Negeri hanya-lah dapat membuat undang² yang berjalan kuat-kuasa-nya dalam Negeri itu sahaja.

Walau pun kuasa Parlimen itu terhad kapada perkara² yang di-atorkan dalam Senarai I Jadual Yang Kesembilan, dan pada lazim-nya Parlimen tidak boleh membuat undang² mengenai perkara yang di-atorkan dalam senerai II, kerana senarai ini ia-lah kuasa negeri, tetapi Perlembagaan telah membolehkan Parlimen membuat undang² mengenai perkara dalam senarai II ini untuk menchapaikan tiga tujuan yang tersebut di-bawah, ia-itu:³

- (1) untuk melaksanakan treaty atau perjanjian yang di-tanda-tangani dengan negeri luar, atau untuk menyempurnakan keputusan perbadanan antarabangsa (international organisation) yang mana Malaysia telah menjadi sa-bagai satu anggota atau ahli perbadanan itu;
- (2) untuk menggalakkan supaya undang² bagi dua atau beberapa buah negeri itu di-sarupakan;
- (3) untuk menyempurnakan permintaan Dewan Negeri, jika Dewan ini telah meminta supaya Parlimen membuat undang² bagi negeri itu.

Untuk melindongkan negeri daripada di-salah-gunakan kuasa ini oleh Parlimen (abuse of powers), Perlembagaan telah membuat peruntukan mempertahankan kedudukan Dewan Negeri. Jika Rang Undang² kerana menunaikan treaty dengan negeri² luar atau kerana menyempurnakan keputusan perbadanan antarabangsa itu mengenai perkara ugama Islam, adat isti'adat orang Melayu dan orang bumiputera di-Sabah dan Sarawak, maka rang undang² itu tidak boleh di-bawa masok ke dalam salah satu Majlis Parlimen, melainkan hendak-lah terlebih dahulu di-rundingkan hal ahwal rang undang² ini dengan kerajaan negeri yang berkenaan.⁴ Dan juga undang² yang di-juluskan oleh Parlimen untuk menyerupakan undang² bagi beberapa buah negeri tidak-lah boleh berjalan kuat-kuasa-nya, melainkan hendak-lah terlebih dahulu undang² ini di-angkatkan (adopted) oleh Dewan Negeri sa-bagai undang² yang di-buat oleh-nya dan sa-lepas itu boleh-lah undang² itu di-pinda dan di-batalkan oleh-nya. Chara mengangkatkan undang² ini ia-lah dengan jalan di-luluskan satu undang² oleh Dewan Negeri itu.⁵ Tetapi jika

(3) Per. 76(1)

(4) Per. 76(2).

(5) Per. 76(3).

undang² itu ia-lah untuk menyerupakan undang² mengenai hal ahwal tanah dan kerajaan tempatan, maka tidak-lah payah bahawa undang² itu di-angkatkan oleh Dewan Negeri. Undang² mengenai perkara ini (ia-itu perkara tanah dan kerajaan tempatan) jika di-buat atas dasar menyerupakan undang² bagi beberapa buah negeri boleh berjalan kuat kuasa-nya dengan tidak bergantong kepada di-angkat oleh Dewan Negeri.⁶ Tetapi jika undang² ini memberi kuasa pemerintahan kepada kerajaan persekutuan, maka undang² ini tidak akan berjalan kuat-kuasa-nya dalam sa-sabuah Negeri, melainkan hendak-lah terlebih dahulu di-luluskan oleh satu ketetapan yang di-buat oleh Dewan Negeri⁷ yang berkenaan.

Demikian juga, jika undang² yang di-buat oleh Parlimen atau perotoranz yang di-buat di-bawah kuasa undang² itu ada-lah menyekat dan menghadkan hak negeri dan pendudok² dalam negeri itu daripada menggunakan sungai dalam negeri itu untuk keperluan lalu-lintas perahu (navigation) atau untuk pengaliran ayer (irrigation), maka undang² itu tidak juga boleh berjalan kuat-kuasa-nya dalam negeri itu melainkan hendak-lah terlebih dahulu undang² itu di-luluskan oleh satu ketetapan yang di-buat oleh Dewan Negeri itu dan ketetapan itu hendak-lah disokongi oleh suara banyak jumlah semua ahli² Dewan Negeri itu.⁸

Dan lagi untuk membuktikan tinggi-nya undang² yang di-buat oleh Parlimen daripada undang² yang di-buat oleh Dewan Negeri, Perlembagaan telah membuat peruntukan ia-itu jika sa-suatu undang² negeri itu bertentangan dengan undang² persekutuan, maka undang² persekutuan-lah yang menjadi sah dan terpakai, dan sa-takat mana undang² negeri itu bertentangan sa-takat itu-lah undang² negeri itu akan menjadi terbatal.⁹

Oleh sebab kuasa Parlimen itu lebuh banyak, luas dan tinggi, maka boleh Parlimen membuat satu undang² memberi kuasa kapada sa-sabuah atau beberapa buah Dewan Negeri supaya membolehkan Dewan itu membuat undang² mengenai perkara dalam bidang kuasa Parlimen (ia-itu dalam Senarai I Jadual Kesembilan).¹⁰ Dan undang yang di-buat oleh Dewan Negeri di-bawah kuasa yang di-beri kapada-nya oleh Parlimen boleh meminda dan membatalkan undang² persekutuan

(6) Per. 76(4).

(7) Per. 80(3).

(8) Per. 78.

(9) Per. 75.

(10) Per. 76A(1).

yang sedang ada, jika kuasa Parlimen itu membenarkan demikian,¹¹ dan undang² itu ada-lah di-anggapkan sa-bagai satu undang² yang dibuat mengenai perkara dalam Senarai Bersama.¹² Dan lagi sa-bagai memelihara kedudukan negeri dalam persekutuan ini, tiap² rang undang² yang akan mengubahkan undang² yang ada mengenai perkara² dalam Senarai Bersama atau Senarai Negeri atau rang undang² yang akan menyentoh kuasa² dan tugas kerajaan persekutuan mengenai penyelidikan dan perchubaan hendak-lah mendapat satu perakuan daripada Yang Di-Pertua Majlis Parlimen atau Dewan Negeri yang berkenaan, jika rang undang² itu di-bawa masuk ka-dalam Parlimen atau Dewan Negeri. Dan lagi walau pun perakuan itu telah di-dapati, sa-barang pembicharaan ka-atas rang undang² itu tidak boleh di-jalankan, melainkan sa-telah senggong atau lat tempoh empat minggu daripada tarikh di-siarkan rang undang² itu, atau melainkan Yang Di-Pertua itu telah membenarkan pembicharaan ka-atas rang undang² itu di-atas alasan mustahak di-chepatrick (ground of urgency). Kebenaran ini hanya-lah di-beri apabila Yang di-Pertua itu puas hati bahawa kerajaan negeri atau kerajaan Persekutuan telah di-rundingkan mengenai hal ini.¹³

(ii) **Pembahagian kuasa Pemerentahan.**

Kita telah ketahui ia-itu kuasa pemerentahan itu hendak-lah di-benarkan oleh undang². Yang demikian kuasa pemerentahan yang di-bahagikan kapada Kerajaan Persekutuan ada-lah meliputi segala perkara yang mana parlimen boleh membuat undang² mengenai-nya: ia-itu semua perkara dalam Senarai I. Kuasa pemerentahan yang di-punyai oleh kerajaan negeri pula ia-lah meliputi semua perkara yang ada terkandong dalam Senarai II: ia-itu perkara² yang mana Dewan Negeri berkuasa membuat undang² mengenai-nya.

Biasa-nya Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa pemerentahan mengenai perkara² dalam Senarai II. Tetapi jika perkara² itu berkaitan dengan tinjauan persekutuan, nasihat dan bantuan kapada negeri dan pemereksaan kerja² negeri, maka Kerajaan Persekutuan ber-hak mempunyai kuasa pemerentahan dalam perkara² itu, walau pun perkara² itu terkandong dalam Senarai II. Kerajaan Persekutuan boleh menjalankan penyiasatan, membenarkan tinjauan², memungut dan menyiaran perangkaan² yang di-fikirkan mustahak, walau pun

(11) Per. 76A(2).

(12) Per. 76A(3).

(13) Per. 79.

halz ini ada-lah berkaitan dengan perkara yang mana hak-nya di-punyai oleh Kerajaan Negeri.¹⁴ Untuk menjalankan tugas ini Kerajaan Persekutuan hendak-lah mengeluarkan arahanz yang di-fikirkan patut, dan juga berhak mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri, pegawaiz-nya dan pehakz yang berkuasa yang ada di-bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri itu, dan hendak-lah sakalian-nya menolong Kerajaan Persekutuan.¹⁵

Bagitu-lah juga, jika di-fikirkan mustahak, Kerajaan Persekutuan boleh menjalankan penyelidekan mengada dan menyelenggarakan tempat perchubaan dan pertunjukan, memberi nasihat dan bantuan teknik kepada manaz Kerajaan Negeri, memberi pelajaran, membuat penyiaran dan pertunjukan untuk pendudok manaz negeri, walau pun halz ini ada-lah berkaitan dengan perkara dalam Senarai Negeri.¹⁶ Dan pegawaiz tanaman dan hutan bagi negeri itu hendak-lah menerima nasihatz keahlian yang di-beri kapada Kerajaan Negeri itu. Kuasaz Kerajaan Persekutuan mengenai hal ini termasok-lah kuasa menubohkan kementerian dan jabatanz untuk menyelenggarakan tugasz yang tersebut dan juga hal ahwal pemeliharaan tanah, kerajaan tempatan dan peran-changan bandar dan desa.

Untuk menjalankan kuasa pemerentahan yang di-punyai oleh Kerajaan Persekutuan, pegawaiz Kerajaan Persekutuan yang di-tauliah-kan oleh kerajaan itu berkuasa menjalankan pemerekasaan ka-atas jabatan dan kerjaz Kerajaan Negeri dengan maksud hendak membuat satu laporan kapada Kerajaan Persekutuan.¹⁷ Tetapi pemerekasaan ini tidak-lah boleh di-buat ka-atas jabatan dan kerja yang hanya-lah berkait dengan perkaraZ yang mana kuasa membuat undangz mengenai-nya ada-lah di-khaskan kapada Dewan Negeri sahaja.¹⁸ Dari itu pemerekasaan itu hanya-lah boleh di-buat ka-atas jabatan dan kerjaz negeri yang berkaitan dengan penyiasatan, penyelidekan, bantuan teknik, penubohan tempat perchubaan dan pertunjukan dan sa-bagai-nya. Laporan yang di-buat itu, jika di-arahkan oleh Kerajaan Persekutuan, hendak-lah diserahkan kapada Kerajaan Negeri dan sa-lepas itu di-bentangkan dalam Dewan Negeri.¹⁹

(14) Per. 93(1).

(15) Per. 93(2).

(16) Per. 94. Pegawaiz bagi Sabah dan Sarawak tidak di-ikat demikian: Per. 95E

(17) Per. 95(1).

(18) Per. 95(3).

(19) Per. 95(2).

Mengenai perkara dalam Senarai Bersama, kuasa pemerentahan yang di-punyai oleh Kerajaan Persekutuan ada-lah terhad kapada apa yang di-beri oleh undang²⁰ persekutuan dan undang²¹ negeri. Tetapi undang²² ini boleh memberi kuasa pemerentahan kapada Kerajaan Persekutuan mengenai perkara dalam Senarai Bersama supaya kuasa itu hanya-lah menjadi kuasa mutlak kapada-nya sahaja.²³

Kuasa pemerentahan yang di-punyai oleh Kerajaan Persekutuan ada-lah datang-nya daripada undang²², mahu pun undang²² ini undang²² persekutuan atau pun undang²² negeri. Biasa-nya kuasa pemerentahan yang di-beri oleh undang²² parlimen ada-lah terhad kapada perkara yang terkandong dalam Senarai Persekutuan sahaja. Tetapi jika kuasa pemerentahan itu di-beri kapada Kerajaan Persekutuan oleh undang²² persekutuan yang mana undang²² itu di-buat untuk menyerupakkan undang²² bagi beberapa buah negeri mengenai hal ahwal tanah dan pentadbiran kerajaan tempatan, maka undang²² itu tidak akan berjalan kuat-kuasa-nya melainkan terlebih dahulu daripada itu undang²² itu telah di-luluskan oleh satu ketetapan Dewan Negeri.²⁴

Sa-bagaimana kuasa pemerentahan yang di-punyai oleh Kerajaan Persekutuan, kuasa pemerentahan yang di-punyai oleh Kerajaan Negeri mesti-lah juga di-beri kapada-nya oleh undang²², baik pun undang²² negeri atau undang²² Persekutuan. Undang²² Persekutuan boleh memberi kuasa pemerentahan kapada kerajaan Negeri untuk mentadbirkan beberapa perkara yang tertentu dan juga boleh memberi kuasa dan ke-wajipan kapada manaz pehak yang berkuasa dalam negeri itu.²⁵ Apabila kuasa ini telah di-beri oleh undang²² persekutuan kapada manaz pehak yang berkuasa dalam negeri, maka hendak-lah kerajaan Persekutuan membuat bayaran wang kapada negeri satu jumlah wang yang telah di-persetujui di-antara kedua²⁶ kerajaan itu. Jika tidak ada apapun perjanjian di-antara kedua-nya jumlah bayaran ini akan di-tetapkan oleh satu mahkamah khas (tribunal) yang di-lantekkan oleh Ketua Hakim Negara.²⁷

Untuk melichinkan pentadbiran negeri ini, sa-takat mana yang di-luluskan oleh undang²² maka persetujuan boleh-lah di-buat di-antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri supaya kuasa pemerentahan yang di-punyai oleh Kerajaan Persekutuan boleh di-jalankan oleh

(20) Per. 80(2).

(21) Per. 80(3).

(22) Per. 80(4).

(23) Per. 80(6).

Kerajaan Negeri, dan kuasa pemerentahan yang di-punyai oleh Kerajaan Negeri boleh di-jalankan oleh Kerajaan Persekutuan, dan persetujuan ini boleh-lah jua menetapkan bayaran²⁴ mengenai belanja²⁵ yang akan timbul daripada chara perjalanan kuasa pemerentahan ini.²⁶

Apabila sa-suatu tindakan itu telah di-ambil mengenai perkara dalam Senarai Bersama, perbelanjaan yang akan timbul daripada tindakan ini ada-lah di-tanggong oleh kerajaan yang mengambil tindakan itu. Ia-itu perbelanjaan itu akan di-tanggong oleh Kerajaan Persekutuan, jika perbelanjaan itu datang-nya daripada tindakan yang di-ambil oleh Kerajaan Persekutuan, dan perbelanjaan itu akan di-tanggong oleh Kerajaan Negeri jika tindakan itu di-ambil oleh Kerajaan Negeri itu sendiri.²⁷ Berkenaan dengan tindakan yang di-ambil oleh Kerajaan Negeri kerana mengikut dasar Kerajaan Persekutuan, perbelanjaan yang akan timbul daripada tindakan ini akan di-tanggong oleh Kerajaan Persekutuan, jika Kerajaan Persekutuan telah memberi persetujuan kapada tindakan itu.²⁸

Untuk menjaminkan wujud-nya sa-buah kerajaan pusat yang kuat, maka ada-lah di-peruntokkan dalam perlembagaan bahawa kuasa pemerentahan yang di-punyai oleh Kerajaan Negeri hendak-lah di-jalankan supaya boleh di-patohi manaz undang²⁹ persekutuan yang berjalan kuat-kuasa-nya dalam negeri itu, dan juga supaya jangan menghalang atau menahankan perjalanan kuasa pemerentahan oleh Kerajaan Persekutuan.³⁰

Yang demikian apabila di-kaji semua-nya tentang pembahagian kuasa pemerentahan, maka nyata-lah kepada kita ia-itu Kerajaan Persekutuan ada-lah sa-buah kerajaan yang kuat dan lebuh berkuasa lagi daripada Kerajaan³¹ Negeri.

(iii) Hal Ahwal Tanah.

Hal ahwal tanah ada-lah perkara yang di-punyai oleh Kerajaan Negeri. Baik pun tentang kuasa membuat undang³² dan kuasa pemerentahan, sa-kadarkan Parlimen boleh membuat undang³³ mengenai hal ini untuk menyerupakkan undang³⁴ bagi beberapa buah negeri sahaja. Dan jika undang³⁵ itu memberi kuasa pemerentahan kapada Kerajaan Persekutuan, maka hendak-lah undang³⁶ itu di-luluskan dengan satu

(24) Per. 80(5).

(25) Per. 82.

(26) Per. 82(b).

(27) Per. 81.

ketetapan oleh Dewan Negeri. Sa-lain daripada ini, hal ahwal tanah ada-lah kuasa negeri. Tetapi tanah ada-lah mustahak untuk menjalankan pentadbiran kuasa pemerentahan Kerajaan Persekutuan. Dengan sebab ini perlembagaan telah membuat beberapa peruntukan mengenai hal tanah. Peruntukan ini elok-lah di-kaji mengikut tiga tajok perkara di-bawah ini, ia-itu:—

- (a) tanah yang di-kehendaki untuk maksud persekutuan;
- (b) tanah simpanan orang Melayu; dan
- (c) tanah yang di-kehendaki untuk kemajuan negara.

(a) Tanah yang di-kehendaki untuk maksud Persekutuan:

Maksud persekutuan ia-lah meliputi segala perkara2 yang mana parlimen boleh membuat undang2 mengenai-nya. Jika sa-keping tanah dalam sa-sabuah negeri itu di-kehendaki untuk maksud ini oleh Kerajaan Persekutuan, maka tanah itu boleh-lah di-mileki oleh Kerajaan Persekutuan atau pun di-simpan untuk maksud persekutuan sahaja dengan tidak di-perolehi hak milek tanah itu.

Chara hendak mendapat hak milek tanah itu bergantong-lah kepada jenis tanah itu, ia-itu sama ada tanah itu tanah kerajaan dan belum lagi di-beri hakmilek-nya atau tanah itu ia-lah tanah yang sudah di-mileki orang.

Jika tanah yang di-kehendaki oleh Kerajaan Persekutuan itu ia-lah tanah kerajaan, sa-lepas di-rundingkan dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan, maka hendak-lah kerajaan ini memberi hak milek tanah ini kapada Kerajaan Persekutuan atau kapada sa-sabuah pehak yang berkuasa awam yang di-arahkan oleh Kerajaan Persekutuan.²⁸ Tiap2, pemberian hak milek tanah itu biasa-nya bersharat kapada pembayaran hasil atau chukai tanah yang berpatutan pada tiap2 tahun dan premium bagi tanah itu. Jika hakmilek tanah itu ia-lah hak milek untuk sa-lama2-nya, hasil tanah yang berpatutan mesti-lah di-bayar tiap2 tahun, dan premium bagi tanah itu ia-lah satu jumlah yang bersamaan dengan nilaians pasaran tanah itu dan lagi tidak-lah ada apa2 sekatan tentang penggunaan tanah itu.²⁹ Tetapi jika hakmilek tanah itu bukan hakmilek untuk sa-lama2-nya, hanya-lah chukai tahunan sahaja yang mesti di-bayar tiap2 tahun, dan jumlah chukai ini ia-lah apa yang di-fikirkan adil. Demikian-lah juga premium bagi tanah itu, jika di-kehendaki bayar

(28) Per. 83(1).

(29) Per. 83(2).

oleh Kerajaan Negeri, ia-lah apa yang di-fikirkan adil sahaja.³⁰ Jika sa-belum di-beri hakmilek itu, tanah yang di-kehendaki itu ia-lah tanah yang sudah di-simpan untuk maksud persekutuan,³¹ atau pun hakmilek tanah itu memang-nya sudah di-punyai oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi kemudian-nya hakmilek yang terlebih besar³² daripada yang ada telah di-beri oleh Kerajaan Negeri kapada Kerajaan Persekutuan, maka premium yang mesti di-bayar mengenai pemberian hakmilek ini hendak-lah di-kurangkan sa-takat masa nilai-an kemajuan (improvements) yang di-buat oleh Kerajaan Persekutuan ka-atas tanah itu, jika ada.

Jika tanah yang di-kehendaki itu ia-lah tanah simpanan untuk maksud negeri, sa-patut-nya kerajaan persekutuan tidak boleh meminta tanah ini, melainkan kerajaan itu telah berpuas hati bahawa tanah itu di-kehendaki dengan sebab kepentingan negara.³³ Dan lagi jika dengan sebab tanah ini di-beri kapada kerajaan persekutuan, kerajaan negeri terpaksa menchari tanah lain untuk mengganti tanah simpanan itu, dan jika harga tanah yang di-chari ganti itu lebh tinggi daripada premium yang di-bayar oleh kerajaan persekutuan mengenai tanah simpanan itu, maka hendak-lah kerajaan persekutuan membayar jumlah yang lebh itu³⁴ kapada kerajaan negeri.

Jika tanah yang di-kehendaki oleh kerajaan persekutuan itu adalah tanah yang di-mileki orang, kerajaan persekutuan berhak meminta supaya kerajaan negeri memperolehi tanah itu sama ada dengan chara persetujuan tuan tanah itu atau dengan chara paksa; dan kerajaan negeri hendak-lah mematohi permintaan itu.³⁵ Segala perbelanjaan berkaitan dengan memperolehi tanah itu hendak-lah di-bayar oleh kerajaan persekutuan kapada kerajaan negeri. Tetapi jika tanah itu di-perolehi dengan chara persetujuan tuan tanah itu, i.e. dengan chara beli, kerajaan persekutuan tidak-lah di-kehendaki membayar harga yang lebh daripada pampasan yang ia mesti bayar jika tanah itu di-perolehi dengan chara paksa: ia-itu dengan chara pengambilan balek tanah itu.³⁶

Apabila tanah itu sudah di-perolehi oleh Kerajaan Negeri, baru-lah hakmilek tanah itu di-beri kapada Kerajaan Persekutuan atau kapada sa-sabuah pehak yang berkuasa awam yang di-arahkan

(30) Per. 83(2).

(31) Sharat bagi Per. 83(2).

(32) Per. 83(4).

(33) Sharat bagi Per. 83(1).

(34) Per. 83(3).

(35) Per. 83(5)(b).

(36) Per. 83(5)(c).

olehnya. Dan segala perbelanjaan yang di-bayar oleh Kerajaan Persekutuan mengenai perolehan tanah itu hendak-lah di-kira untuk menentukan nilai pasaran dan chukai tahunan yang adil dan menasabah bagi tanah itu, dan perbelanjaan ini hendak-lah di-tolak daripada premium yang akan di-bayar oleh Kerajaan Persekutuan kapada Kerajaan Negeri apabila hakmilek tanah itu akan di-beri kepada nya.³⁷

Jika tanah yang mana hakmilek-nya di-punyai oleh Kerajaan Persekutuan atau pehak yang berkuasa awam tidak lagi di-kehendaki langsung untuk maksud persekutuan, maka tanah itu akan kembali menjadi tanah Kerajaan Negeri yang berkenaan, sa-kira-nya Kerajaan Negeri itu bersetuju membuat satu bayaran kapada Kerajaan Persekutuan.³⁸ Jumlah bayaran ini ia-lah bersamaan dengan nilai pasaran tanah itu, jika tanah itu telah menjadi hakmilek Kerajaan Persekutuan atau pehak yang berkuasa awam dengan sebab tanah itu di-perolehi daripada tuan yang empunya asal-nya.³⁹ Tetapi jika tanah itu bukan-nya tanah yang di-perolehi daripada tuan yang empunya-nya, ia-itu mithal-nya tanah kerajaan, bayaran itu boleh-lah di-pileh oleh Kerajaan Negeri, ia-itu sama ada dia hendak membayar satu jumlah wang yang bersamaan dengan nilai pasaran tanah itu, atau satu jumlah wang yang bersamaan dengan premium tanah itu bersama2 dengan nilai pasaran bagi kemajuanz yang di-buat ka-atas tanah itu sa-lepas daripada hakmilek-nya di-beri kapada Kerajaan Persekutuan.⁴⁰

Apabila Kerajaan Negeri itu membuat bayaranz yang tersebut, baharu-lah tanah itu kembali menjadi tanah Kerajaan Negeri itu. Jikalau tidak, tanah itu boleh-lah di-jual oleh Kerajaan Persekutuan atau pehak yang berkuasa awam mengikut sharatz yang di-fikirkan patut.⁴¹

Jika tanah yang hanya di-simpan untuk maksud persekutuan itu tidak lagi di-kehendaki langsung untuk itu, maka tanah ini hendak-lah di-serahkan kapada Kerajaan Negeri dan simpanan itu akan terhenti jikalau Kerajaan Negeri itu bersetuju membayar nilai pasaran bagi kemajuanz pengelokan yang di-buat ka-atas tanah itu dalam tempoh tanah itu di-gunakan untuk maksud persekutuan, atau pun bersetuju membayar harga yang telah di-bayar oleh Kerajaan Persekutuan, sama ada belum atau lepas Hari Merdeka, mengenai tanah itu.⁴² Jikalau

(37) Per. 83(5)(d).

(38) Per. 84.

(39) Per. 84(1)(a).

(40) Per. 84(1)(b).

(41) Per. 84(2).

(42) Per. 85(1).

Kerajaan Negeri tidak bersetuju membuat pembayaranz ini, maka berhak-lah Kerajaan Persekutuan meminta Kerajaan Negeri memberi hak-milek tanah itu kepada-nya, melainkan keduaz kerajaan itu telah bersetuju bahawa tanah itu di-simpan untuk suatu maksud persekutuan yang lain. Hakmilek ini ia-lah hakmilek untuk sa-lama2-nya dengan tidak mempunyai apaz sekatan tentang penggunaan-nya, tetapi hendak-lah Kerajaan Persekutuan membayar chukai tanah itu tiap2 tahun dan juga premium tanah itu. Jumlah bayaran premium itu ia-lah bersamaan dengan nilaiang pasaran tanah itu, tetapi hendak-lah di-tolak daripada bayaran premium ini nilaiang pasaran bagi kemajuan tanah itu dan harga yang sudah di-bayar oleh Kerajaan Persekutuan mengenai tanah itu.⁴³ Apabila tanah ini sudah menjadi hakmilek Kerajaan Persekutuan, ba-haru-nya pula Kerajaan Persekutuan boleh menjual, memindah milek atau memberi pajak tanah itu dengan sharatz yang di-fikirkan patut.⁴⁴

Ini-lah sahaja chara-nya yang utama bagi tanah dalam negeri yang di-simpan untuk maksud persekutuan boleh berhenti menjadi tanah simpanan untuk itu. Ini berma'ana-lah tanah itu tidak boleh berhenti daripada menjadi simpanan untuk maksud persekutuan jikalau Kerajaan Persekutuan tidak mahu memberhentikan simpanan itu.⁴⁵

Dalam cheraiyan yang lepas kita telah binchangkan mengenai penyelesaian tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan, apabila tanah itu tidak lagi di-kehendaki untuk maksud persekutuan. Ia-itu tanah itu akan kembali kepada Kerajaan Negeri dengan sharat di-bayar satu bayaran kapada Kerajaan Persekutuan, dan jika tidak di-buat bayaran itu Kerajaan Persekutuan berkuasa menjual tanah itu. Dalam cheraiyan yang berikut, kita akan binchangkan pula mengenai penyelesaian tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan, apabila tanah itu maseh lagi di-kehendaki untuk maksud persekutuan.

Jika tanah yang mana hakmilek-nya itu ada pada Kerajaan Persekutuan maseh lagi di-kehendaki untuk maksud persekutuan, tanah ini tidak boleh di-jual, di-pindah milek, di-gadai, di-pajak atau di-buat apaz urusan mengenai-nya, melainkan urusan itu di-buat dengan sharat hendak di-gunakan tanah itu untuk maksud persekutuan, dan urusanz ini hanya lah boleh di-buat kapada pehak berkuasa awam.⁴⁶ Tetapi jika hendak di-buatkan sa-suatu urusan mengenai tanah ini kapada sa-saorang2 yang

(43) Per. 85(2).

(44) Per. 85(2).

(45) Per. 85(3).

(46) Per. 86(2).

bukan pehak berkuasa awam, maka urusan itu hendak-lah di-buat mengikut undang2 persekutuan atau perentah Yang Di-Pertuan Agong,⁴⁷ yang mana perentah itu hendak-lah di-bentangkan di-hadapan keduaz Majlis Parlimen dan hendak-lah di-luluskan oleh ketetapan keduaz Majlis itu.⁴⁸ Apabila hakmilek tanah itu telah menjadi kepunyaan pehak yang berkuasa awam atau sa-saorang yang bukan pehak berkuasa awam sa-bagaimana yang di-benarkan oleh undang2 persekutuan atau perentah Yang Di-Pertuan Agong, maka tidak-lah boleh di-buat apaz urusan lagi ka-atas tanah itu kepada sa-siapa pun mclainkan hanya-lah kepada Kerajaan Persekutuan sahaja.⁴⁹

Sa-lain daripada ini, Kerajaan Persekutuan boleh membuat urusan ka-atas tanah hak kepunyaan-nya kepada sa-saorang untuk melaksanakan treaty dengan sa-sabuah negeri luar atau kapada sa-orang consul atau diplomat asing.⁵⁰

Segala urusan yang di-buat oleh Kerajaan Persekutuan atau pehak berkuasa awam mengenai tanah, yang mana hak milek tanah itu ada pada-nya, hendak-lah di-daftarkan oleh Kerajaan Negeri.⁵¹

Kita telah dapatti bahawa segala pemberian hakmilek tanah kapada Kerajaan Persekutuan dan perkembalian tanah kapada Kerajaan Negeri dan juga tamat-nya simpanan tanah untuk maksud persekutuan hendak-lah di-buat dengan ada-nya bayaranz yang menyertai hal ini. Yang demikian, jika timbul apaz pertelingkahan di-antara keduaz kerajaan ini mengenai jumlah bayaran hal ini, maka pertelingkahan itu hendak-lah di-rujokkan oleh manaz pehak kapada Badan Pengadilan Tanah (Lands Tribunal)⁵² yang terdiri daripada:—

- (a) sa-orang pegawai yang di-lantek oleh Ketua Hakim Negara dan pengurus ini hendak-lah orang yang mempunyai kelayakan menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi;
- (b) sa-orang ahli yang di-lantek oleh Kerajaan Persekutuan, dan
- (c) sa-orang ahli lagi yang di-lantek oleh Kerajaan Negeri.

(47) Per. 86(2).

(48) Per. 86(3).

(49) Per. 86(5).

(50) Sharat bagi Per. 86(1).

(51) Per. 86(5).

(52) Per. 87(1).

Perbicharaan dalam Badan Pengadilan Tanah ini hendak-lah di-buat mengikut atoranz Mahkamah,⁵³ dan rayuan mengenai so'alan undang² boleh-lah di-buat pada Mahkamah Persekutuan.⁵⁴

(b) Tanah Simpanan Orang Melayu:

Tanah simpanan orang Melayu ada-lah merupakan satu hak ke-istimewaan orang Melayu. Sa-belum merdeka dahulu tidak ada apaz sekatan ka-atas kuasa Kerajaan Negeri hendak mewujudkan sa-suatu kawasan tanah untuk simpanan orang Melayu. Tetapi sa-lepas merdeka, kuasa ini ada-lah tersekat oleh perlombagaan kerana mengambil simpati atau untuk mensesuaikan dengan hak asasi yang menegahkan bedza membeda di-antara sa-orang ra'ayat dengan sa-orang ra'ayat dengan sebab bangsa dan ugama-nya.⁵⁵

Tiapz tanah simpanan orang Melayu itu hendak-lah di-luluskan oleh undang². Jika manaz tanah dalam sa-sabuah negeri sudah menjadi tanah simpanan orang Melayu sa-belum daripada Hari Merdeka mengikut undang² yang ada, maka tanah itu boleh-lah dengan sa-terus-nya menjadi tanah simpanan orang Melayu mengikut undang² itu, melainkan tanah simpanan itu di-ubah oleh satu undang² negeri itu. Undang² itu hendak-lah di-luluskan oleh Dewan Negeri dengan di-sokongi oleh suara banyak jumlah ahli² Dewan Negeri itu dan oleh undi yang tidak kurang daripada 2/3 daripada jumlah ahli² yang hadhir dan mengundi. Dan juga undang² ini hendak-lah di-sahkan oleh ketetapan yang di-buat oleh Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara,⁵⁶ dan ketetapan ini hendak-lah di-luluskan oleh suara banyak jumlah ahli² dewan itu dan oleh undi yang tidak kurang daripada 2/3 daripada jumlah ahli² yang hadhir dan mengundi. Dengan ini nyata-lah kepada kita betapa sukar-nya hendak di-buat undang² baharu mengenai tanah simpanan orang Melayu.

Jika manaz tanah dalam sa-sabuah negeri itu belum lagi menjadi tanah simpanan orang Melayu mengikut undang² yang ada, dan tanah ini belum lagi di-buka atau di-usahakan,⁵⁷ maka tanah ini boleh-lah di-ishtiharkan menjadi tanah simpanan orang Melayu mengikut undang² itu: Tetapi sharat-nya hendak-lah di-adakan untuk di-beri milek kepada umum satu kawasan tanah yang belum di-buka atau belum di-usahakan yang

(53) Per. 87(2).

(54) Per. 87(3).

(55) Per. 8.

(56) Per. 89(1). Undang² yang ada mengenai tanah simpanan orang Melayu ia-lah

(57) Tanah Kerajaan.

mana luas-nya sama dengan kawasan yang di-ishtiharkan itu. Dan juga sharat-nya jumlah kawasan tanah yang di-simpan untuk orang Melayu dalam negeri itu jangan-lah lebih daripada jumlah kawasan tanah yang ada untuk di-beri milek kapada umum.⁵⁸ Dengan keduaz sharat yang bagitu ketat nampak-nya langsung tidak dapat hendak di-wujudkan kawasan tanah simpanan orang Melayu yang baharu.

Dengan mengikut undang2 yang ada, kerajaan bagi sa-sabuah negeri boleh mengishtiharkan tanah yang sudah di-buka dan di-usahakan sa-bagi jadi kawasan tanah simpanan orang Melayu dalam tiga hal yang berikut,⁵⁹ ia-itu :—

- (1) jika tanah itu ia-lah tanah yang di-perolehi untuk ini oleh kerajaan itu dengan persetujuan dengan tuan tanah itu;
- (2) jika tuan tanah itu telah membuat permohonan supaya di-buat perishtiharan itu dan permohonan itu telah di-persetujui oleh semua orang2 yang mempunyai kepentingan ka atas tanah itu; dan
- (3) jika tanah itu ia-lah untuk menggantikan tanah yang sudah tamat menjadi tanah simpanan orang Melayu, tetapi sharat-nya hendak-lah tanah yang akan di-ishtiharkan itu sama luas-nya dan jenis-nya dengan tanah yang hendak di-gantikan itu.

Sunggoh pun perlombagaan membenarkan Kerajaan Negeri mengishtiharkan tanah untuk menjadi simpanan orang Melayu, tetapi perishtiharan itu tidak-lah boleh di-buat jika hak milek tanah itu atau kepentingan katanya di-punyai oleh orang yang bukan orang Melayu.⁶⁰

Di-negeri Terengganu undang2 tanah simpanan orang Melayu⁶¹ ada-lah berlainan sadikit dengan undang2 yang ada di-negeri2 Melayu yang lain. Walau pun ada peruntukan dalam undang2 ini, seperti yang terkandong dalam undang2 di-negeri lain supaya membolehkan kerajaan negeri Terengganu mewujudkan sa-sabuah kawasan untuk simpanan orang Melayu,⁶² tetapi tidak ada satu kawasan pun yang telah di-ishtiharkan untuk ini di-bawah undang2 itu. Yang demikian hak dan kepentingan orang2 Melayu di-negeri Terengganu ada-lah terlindong di-bawah peruntukan sekshen 2 undang2 itu. Mengikut peruntukan ini, semua tanah bandar yang di-punyai oleh orang Melayu dan semua tanah desa

(58) Per. 89(2).

(59) Per. 89(3).

(60) Per. 89(4).

(61) Enactment Tanah Simpanan Orang Melayu (Terengganu No. 17 t. 1360)
(62) S. 3.

kepunyaan orang Melayu yang mana luasnya tidak lebih daripada 10 ekar ada-lah menjadi sa-bagai tanah pegangan orang Melayu dan tanah ini tidak-lah boleh di-jual, di-pajak, di-gadai dan di-buat apa2 urusan ka-atas-nya melainkan kepada orang Melayu sahaja. Mengikut perlembagaan⁶³ undang2 tanah simpanan orang Melayu bagi negeri Terengganu itu boleh-lah di-kekalkan sa-hingga pada satu masa yang akan datang kelak satu undang2 baharu akan di-luluskan oleh Dewan Negeri Terengganu mengikut chara yang di-sebutkan dalam cheraian yang lepas.⁶⁴ Undang2 baharu ini, jika hendak di-luluskan, boleh membuat peruntokan2 yang sa-laras dengan peruntokan2 yang ada dalam undang2 simpanan tanah orang2 Melayu yang ada di-negeri lain.⁶⁵

Dan lagi Perlembagaan tidak membuat apa2 peruntukan yang menyentoh atau mengusek undang2 di-Negeri Sembilan dan Melaka mengenai tanah adat di-kedua2 buah negeri itu. Tanah adat di-kedua2 negeri itu ada-lah di-pegang mengikut sa-bagaimana undang2 yang ada sekarang.⁶⁶

(c) Kemajuan Negara.

Kuasa untuk kemajuan negara ia-lah merupakan satu kuasa yang kuat dan penting di-punyai oleh kerajaan persekutuan. Di-sini kera-

-
- (63) Per. 90(2).
 - (64) Ia-itu dengan mendapat suara banyak jumlah ahli2 Dewan Negeri dan undi yang tidak kurang daripada 2/3 daripada ahli2 yang hadir dan mengundi dan undang2 itu di-luluskan oleh ketetapan yang di-buat oleh kedua2 Majlis Parlimen. Ketetapan itu mesti-lah di-sokongi oleh suara dan undi seperti Dewan Negeri juga.
 - (65) Per. 90(3).
 - (66) Di-Melaka tanah adat ini ada-lah di-ta'lok oleh Ordinance Hak Tanah Adat Melaka (N.S. Bab. 125). Tanah ini ia-lah tanah adat yang di-buka dan di-dudokki sa-bbelum daripada 24.11.1876. Tanah ini boleh di-pegang oleh orang Melayu yang berdomisil di-Melaka, dan orang yang memegang perakuan daripada Gabenor menyatakan yang ia layak memegang tanah itu. Apabila sa-orang pemegang tanah adat itu mati, jika ia orang Islam, tanah-nya itu akan turun kapada warith yang layak mengikut adat; tetapi jika ia bukan orang Islam, tanah itu akan di-bahagikan kapada warith2-nya yang berhak. Di-Negeri Sembilan undang2 mengenai hal ini ia-lah Enactment Pegangan Tanah Adat (M.N.B. Bab.215). Tanah adat itu akan di-pegang hanya oleh orang perempuan yang menjadi warith mengikut adat di-Negeri Sembilan. Tanah ini tidak boleh di-jual, di-gadai dan sa-bagai-nya kepada siapaz pun melainkan kepada sa-orang perempuan warith adat. Apabila pemegang tanah adat itu mati, tanah itu akan turun kapada sa-orang perempuan warith adat yang lain pula. Jika pemegang tanah itu tidak ada mempunyai anak yang boleh mewaristi tanah itu, tetapi ada anak2 yang lain, anak2 ini hanya-lah berhak menggunakan tanah itu sa-lagi mereka hidup. Apabila mereka mati hak itu akan terhapus dan tanah itu akan jatuh kepada warith adat. Lihat. Per. 90(1).

jaan persekutuan berkuasa merangkakan satu ranchangan kemajuan dan menentukan kawasan dalam manaz negeri untuk di-jadikan sa-bagai kawasan kemajuan. Yang di-maksudkan ranchangan kemajuan itu ia-lah satu perojek atau plan untuk memaju, mengelok dan memeliharkan bahanz asli dan hasil2 bumi (natural resources) yang ada dalam sa-suatu kawasan kemajuan, atau untuk mengambil guna (exploitation) bahanz yang tersebut atau untuk menambahkan kerjaz dalam kawasan kemajuan itu.⁶⁷

Mengikut Perkara 92(1) Perlembagaan Malaysia, sa-suatu ranchangan kemajuan itu hendak-lah di-timbang dan di-shorkan oleh satu jawatan-kuasa pakar, dan lagi Majlis Kewangan Negara, Majlis Tanah Negara dan Kerajaan Negeri yang berkenaan hendak-lah di-rundingkan mengenai hal ahwal ranchangan kemajuan ini. Jika sa-telah langkah2 ini di-ambil Yang Di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ranchangan kemajuan itu ada-lah menjadi faedah kepada kepentingan negara maka boleh-lah baginda menyiarakan ranchangan itu dan mengishtiharkan satu kawasan tanah untuk menjadi kawasan kemajuan itu. Dengan sebab perishtiharan ini baharu-lah parlimen berkuasa membuat undang2 untuk melaksanakan ranchangan itu pada keselurohan-nya atau sa-bahagian daripada-nya, walau pun perkara mengenai ranchangan ini ia-lah perkara yang mana kuasa membuat undang2 mengenai-nya ada-lah di-punyai oleh Dewan Negeri itu.⁶⁸ Undang2 yang di-buat oleh parlimen untuk melaksanakan ranchangan ini hendak-lah dengan terang-nya menyebut bahawa ia telah di-luluskan untuk ranchangan itu dan segala langkah2 yang tersebut di atas sudah di-patohi.⁶⁹ Undang2 ini boleh di-batal atau di-pinda oleh parlimen dan juga boleh di-tambah beberapa pertukaran yang berikutan dan berkaitan dengan ranchangan itu.⁷⁰

Apabila wujud-nya kawasan kemajuan dengan pengishtiharan yang di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong, maka tanah2 dalam kawasan itu hendak-lah, di atas permintaan Kerajaan Persekutuan, di-simpankan oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan ranchangan kemajuan itu, tetapi sharat-nya tanah itu bukan tanah yang di-duduki oleh orang. Jika dengan sebab tanah ini di-simpan Kerajaan Negeri telah mendapat hasil yang berkurangan, maka hendak-lah Kerajaan Persekutuan membayar ganti kapada Kerajaan Negeri sa-takat mana hasil itu kurang.⁷¹

(67) Per. 92(3).

(68) Per. 92(1).

(69) Per. 92(2).

(70) Per. 92(7).

(71) Per. 92(4).

Berkenaan dengan hasilz yang di-terima oleh Kerajaan Persekutuan daripada ranchangan kemajuan itu, maka hasilz itu hendak-lah di-gunakan saperti berikut:—⁷²

- (1) yang pertama-nya, hendak-lah di-gunakan untuk mewujudkan modal dan membayar perbelanjaanz bagi melaksanakan ranchangan itu;
- (2) yang kedua-nya, hendak-lah di-gunakan untuk di-bayar balek kapada Kerajaan Persekutuan segala perbelanjaan yang di-tanggong oleh-nya untuk melaksanakan ranchangan itu;
- (3) dan yang akhir-nya, baki daripada hasilz itu hendak-lah dibayarkan kapada Kerajaan Negeri yang berkenaan. Jika ranchangan itu bertempat lebih daripada sa-buah negeri, wang baki itu hendak-lah di-bahagi mengikut jumlah yang di-tetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Jika Kerajaan Persekutuan telah bersetuju bahawa perbelanjaan untuk melaksanakan ranchangan itu di-tanggong oleh Kerajaan Negeri, maka perbelanjaan yang telah di-tanggong itu hendak-lah di-bayar balek kapada Kerajaan Negeri daripada hasil yang di-dapati daripada ranchangan itu; dan bayaran ini ada-lah mempunyai tingkatan yang samaz berhak (pari pasu) dengan bayaran balek yang akan di-buat kapada Kerajaan Persekutuan.⁷³

Untuk menjalankan ranchangan kemajuan ini, Parlimen dan Dewan Negeri boleh mengenakan chukai atau kadar yang di-benarkan oleh Perlembagaan dan juga boleh meluluskan pemberian wang daripada kumpulan wang yang di-satukan untuk ranchangan itu. Tetapi jika sa-suatu kadar yang lazim-nya di-kenakan oleh undangz negeri telah di-kenakan ka atas manaz harta dalam kawasan kemajuan itu oleh undangz persekutuan, maka kadar lain yang saperti ini tidak-lah lagi boleh di-kenakan oleh undangz negeri sa-lagi kadar yang di-kenakan oleh undangz persekutuan itu mesti di-bayar.⁷⁴

(IV) Hal Ahwal Kewangan:

Hal ahwal kewangan ada-lah merupakan kelemahan Kerajaan Negeri, kerana hasilz yang di-punyai oleh Kerajaan Negeri hanya-lah daripada beberapa perkara yang tidak bagitu mustahak.

(72) Per. 92(5).

(73) Per. 92(6).

(74) Per. 92(8).

Segala wang yang di-kehendaki oleh Kerajaan Negeri untuk pentadbiran-nya ia-lah datang-nya daripada tiga puncha: ia-itu (1) hasil kepunyaan negeri itu sendiri, (2) pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, dan (3) pinjaman.

Hasil Kerajaan Negeri.

Memandangkan kapada puncha (sources) hasilz Kerajaan Negeri kita dapat i bahawa Kerajaan Negeri ada-lah bergantong benar kapada Kerajaan Persekutuan dalam hal ahwal kewangan, kerana hasilz ini ada-lah terhad kapada beberapa puncha yang mungkin-nya tidak boleh mem-beri pendapatan yang banyak. Sa-tengah daripada punchaz hasil ini ia-lah saperti berikut,⁷⁵ ia-itu:—

- (1) hasil daripada kedai tuak,
- (2) hasil tanah, galian dan hutan,
- (3) hasil daripada bayaranz yang di-pungut oleh Mahkamah Shari'ah,
- (4) hasil yang datang daripada sewa dan jualan harta Kerajaan,
- (5) hasil daripada bayaran perbekalan ayer,
- (6) hasil daripada zakat fitrah, dan harta karun.

Sunggoh pun hasil galian itu di-punyaai oleh negeri, tetapi par-limen di-beri kuasa oleh perlembagaan untuk menegah dan menghadkan Kerajaan Negeri daripada menggunakan sa-barang bayaran ketuanan (royalties) ka-atas galianz yang di-keluarkan dalam negeri itu. Kuasa ini hendak-lah di-jalankan dengan di-luluskan satu undang2. Dengan sebab ini-lah maka Kerajaan Negeri di-beri hak menerima sa-bahagian daripada jumlah chukai eksepot galian yang di-keluarkan daripada negeri itu. Jika galian itu bijeh timah, bahagian yang di-terima oleh negeri itu ia-lah 10% atau lebeh daripada 10% daripada jumlah chukai eksepot itu.⁷⁶ Dan jika galian itu lain daripada bijeh timah, bahagian yang akan di-bayar kapada negeri ada-lah di-tetapkan oleh undang2 persekutuan. Bahagian chukai eksepot yang mesti di-terima oleh negeri hendak-lah di-kenakan sa-bagi bayaran daripada Kumpulan Wang Persekutuan yang di-satukan.

Sampai sekarang tidak ada lagi satu undang2 persekutuan yang menghadkan bayaran ketuanan mengenai bijeh timah. Tetapi me-njenai bijeh lain ada dua undang2 persekutuan. Yang pertama ia-lah

(75) Per. 110(1) dan Bahagian III Jadual yang Kesepuloh.

(76) Per. 110(3).

Act Penyerahan Hasil (Chukai Eksepot Bijeh Besi) 1962.⁷⁷ Mengikut Act ini Kerajaan Negeri ada-lah di-tegah mengenakan bayaran ketuanan ka-atas bijeh besi dan Kerajaan Negeri di-beri hak menerima 10% daripada jumlah chukai eksepot yang di-kenakan ka-atas bijeh besi yang di-keluarkan dari negeri itu. Yang kedua ia-lah Act Penyerahan Chukai Eksepot (Galian - Bijeh) 1964.⁷⁸ Act ini telah menegahkan Kerajaan Negeri daripada mengenakan bayaran ketuanan ka-atas bijeh yang lain daripada bijeh timah, melainkan hendak-lah terdahulu mendapat persetujuan Menteri Kewangan. Act ini juga telah memberi hak kepada Kerajaan Negeri supaya menerima $\frac{1}{2}$ daripada jumlah chukai eksepot yang di-kenakan ka-atas bijeh yang di-keluarkan dari negeri itu.

Sa-lain daripada itu, punchaz hasil yang di-punyai oleh Kerajaan Negeri boleh di-ubah oleh Parlimen dan bagitu-lah juga Parlimen boleh menyerahkan kapada negeri kesemua atau sa-bahagian daripada jumlah chukai atau bayaran yang di-kenakan oleh undang² persekutuan. Dan juga Parlimen boleh menyerahkan kapada negeri kuasa memungut chukai dan bayaran yang di-benarkan oleh undang² persekutuan.⁷⁹ Wang² yang di-pungut oleh Kerajaan Negeri mengenai perkara ini tidak-lah di-masukkan ka-dalam Kumpulan Wang Persekutuan yang di-satukan bahkan hendak-lah di-bayar masok ka-dalam Kumpulan Wang Negeri yang di-satukan.

Pemberian Wang daripada Kerajaan Persekutuan.

Pemberian wang daripada Kerajaan Persekutuan ada-lah merupakan satu jumlah hasil yang besar bagi Kerajaan Negeri. Pemberian wang ini ada-lah sa-bahagian kapada empat jenis, ia-itu :—

- (a) pemberian wang mengikut bilangan orang,⁸⁰
- (b) pemberian wang untuk memelihara jalan Negeri,⁸¹
- (c) pemberian wang untuk sa-suatu maksud yang tertentu,⁸² dan
- (d) pemberian wang untuk pembangunan dan menambah hasil negeri pada am-nya.⁸³

Pemberian wang yang termasuk dalam jenis (a), (b), dan (c) adalah menjadi tanggongan kapada Kumpulan wang yang di-satukan dan

(77) Act No. 27 t. 1962.

(78) Act No. 27 t. 1964.

(79) Per. 110(2) dan (4).

(80) Per. 109(1)(a).

(81) Per. 109(1)(b).

(82) Per. 109(3).

(83) Per. 109(6).

hendak-lah di-bayar kepada negeriz dengan tidak berkehendak kapada manaz undang2 lagi.

(a) **Pemberian wang mengikut bilangan orang.**

Pemberian ini ada-lah di-beri tiap2 tahun oleh Kerajaan Persekutuan dengan mengikut satu hitongan:⁸⁴ ia-itu bagi 50,000 orang yang mulaz-nya, hitongan itu ia-lah \$15 bagi tiap2 sa-orang, dan bagi 200,000 orang yang kemudian-nya hitongan itu ia-lah \$10 bagi tiap2 sa-orang dan bagi beberapa orang penghabisan-nya hitongan itu ia-lah \$4 bagi tiap2 sa-orang. Yang demikian, jika dalam negeri itu ada banyak penduduk, maka banyak-lah jumlah pemberian wang kapada negeri itu. Jumlah penduduk dalam sa-sabuah negeri itu ada-lah ditetapkan mengikut banchi. Pemberian wang ini dalam manaz tahun tidak boleh di-kurangkan daripada 90% daripada pemberian tahun yang terdahulu.

(b) **Pemberian untok memeliharkan jalan negeri.**

Dalam tiap2 buah negeri ada dua jenis jalan, ia-itu jalan persekutuan dan jalan negeri. Jalan persekutuan ia-lah jalan yang di-bawah undang⁸⁵ persekutuan menjadi sa-bagai jalan persekutuan. Lain dari-pada ini ia-lah jalan negeri, dan untok memeliharkan jalan ini ada-lah tanggongan Kerajaan negeri. Yang demikian Kerajaan Negeri di-beri hak mendapat pemberian wang daripada Kerajaan Persekutuan pada tiap2 tahun. Pemberian ini ada-lah di-hitong saperti berikut.⁸⁶ Ia-itu perbelanjaan pukul rata yang di-tanggong oleh Kerajaan Negeri bagi memeliharkan satu batu jalan⁸⁷ mengikut darjah sa-rendah-nya hendak-lah di-dharabkan dengan jumlah batu jalan2 negeri yang layak mendapat pemberian wang itu. Darjah sa-rendah2 untok memelihara jalan itu ada-lah di-tetapkan oleh Kerajaan Persekutuan sa-telah berunding dengan Majlis Kewangan Negara. Dan jalan negeri yang layak mendapat pem-berian wang ini ia-lah jalan yang sa-benar-nya di-pelihara oleh Jabatan Kerja Raya mengikut darjah sa-rendah2 itu atau lebeh tinggi daripada darjah itu. Tetapi manaz jalan yang tidak layak mendapat pemberian wang dalam sa-suatu tahun boleh-lah di-anggapkan layak oleh Kerajaan

(84) Jadual Yang Kesapuloh Bahagian I.

(85) Ordinance Jalan Persekutuan No. 42 t. 1959 s. 3 dan
Ordinance Jalan Pengangkutan No. 49 t. 1958 s. 58

(86) Jadual yang Kesapuloh Bahagian II.

(87) Belanja memelihara jalan termasok-lah belanja membaiki dan memeli-hara jambatan, biadak dan pembetong yang berkaitan dengan jalan itu.

Persekutuan, jika ia bersetuju. Dari itu layak atau tidak layak bagi sambang jalan negeri menerima pemberian wang ada-lah di-sisi budi bicha Kerajaan Persekutuan, dan ini ada-lah merupakan satu ketinggian dan kelebihan Kerajaan Persekutuan.

(c) Pemberian wang untuk maksud yang tertentu.

Pemberian ini ada-lah di-beri oleh Kerajaan Persekutuan mengikut undang2 persekutuan dan sharatz yang di-tetapkan oleh undang2 itu.

(d) Pemberian wang untuk pembangunan dan menambahkan hasil negeri pada am-nya.

Mengikut perlembagaan, Kerajaan Persekutuan berkuasa memberi pemberian-wang kepada negeri dari satu masa ka-satu masa untuk pembangunan dan menambahkan hasil negeri pada am-nya. Pemberian ini ada-lah di-beri sa-telah di-rundingkan-nya dengan Majlis Kewangan Negara. Wang untuk pemberian ini ia-lah datang-nya daripada satu kumpulan wang yang di-namakan Kumpulan wang Simpanan Negeri.

Pinjaman Wang.

Dalam hal pinjaman wang, Kerajaan Negeri tidak juga mempunyai kebebasan. Mengikut Perlembagaan, tiap2 pinjaman wang hendak-lah di-kuasai oleh undang2, dan Kerajaan Negeri hanya-lah boleh meminjam wang daripada Kerajaan Persekutuan. Tetapi jika pinjaman wang itu hanya-lah untuk masa yang tidak lebuh daripada dua belas bulan, Kerajaan Negeri boleh-lah meminjam wang daripada manaz bank yang di-persejui oleh Kerajaan Persekutuan.⁸⁸ Yang demikian, tiap2 pinjaman wang oleh Kerajaan Negeri, baik pun untuk tempoh yang panjang atau sengkat, ada-lah sa-mataz-nya bergantong kepada Kerajaan Persekutuan.

(88) Per. 111(2). Dalam kes Kerajaan Persekutuan v. Kerajaan Kelantan (Straits Times 2.12.67) Kerajaan Kelantan telah membuat satu perjanjian dengan satu sharikat perniagaan Singapura. Mengikut perjanjian itu Kerajaan Kelantan telah memberi kapada sharikat itu beberapa hak untuk mengeluarkan kayu kayuan dan hasil hutan dan untuk melombong bijih di-satu kawasan yang luas di-Ulu Kelantan. Sa-bagai balasan pemberian hak ini, Kerajaan Kelantan telah menerima daripada sharikat itu satu jumlah wang yang besar yang di-namakan pre-payment of royalty (bayaran pendahuluan kapada hak ketuanan). Apabila Kerajaan Kelantan pada suatu masa kelak akan menerima hak ketuanan yang sa-benar daripada kayuz dan bijeh yang akan di-keluarkan oleh sharikat itu, Kerajaan Kelantan akan membayar balek wang pre-payment of royalty itu. Apabila kes ini di-rojokkan ka-Mahkamah Persekutuan untuk mendapat firman-nya, Mahkamah itu berpendapat bahawa pre-payment of royalty itu bukan-lah pinjaman wang.

Perbelanjaan wang.

Segala wang yang di-perolehi oleh Kerajaan Negeri sama ada dengan jalan pemberian wang daripada Kerajaan Persekutuan, pinjaman wang atau daripada pungutan hasil-nya sendiri hendak-lah di-masukkan ka-dalam Kumpulan wang Negeri yang di-satukan. Wang ini akan di-belanjakan mengikut peranggaran dan undangz perbekalan. Sunggoh pun Kerajaan Negeri itu bebas membelanjakan wang itu, tetapi pada mengada dan menubohkan jawatan dalam perkhidmatan awam-nya atau menaikkan gaji bagi jawatanz itu, mengikut Perkara 112 tidak-lah Kerajaan Negeri berhak membuat demikian, melainkan hendak-lah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan, jika akibat perbuatan itu akan menambahkan penchen dan hadiah bersara yang sa-memang-nya di-tanggong dan akan di-bayar oleh Kerajaan Persekutuan.

(v) Hal Ahwal Kerjasama di-antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Oleh kerana perlombagaan persekutuan itu ada-lah berdasarkan kepada perasingan bidang kuasa di-antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat, tentu-lah dalam pentadbiran bidang kuasa masingz akan berlaku beberapa kerumitan dan so'alz yang kusut yang hanya-lah mengkechewakan ra'ayat sahaja. Yang demikian, untuk mengelakkan daripada berlaku-nya peristiwaZ yang seperti ini, Perlombagaan Malaysia ada mengandungi peruntokanz yang bukan sahaja merupakan kedudukan Kerajaan Negeri itu rendah daripada Kerajaan Persekutuan, tetapi juga kuasa-nya dalam hal ahwal tanah, kerajaan tempatan dan kewangan hendak-lah di-jalankan mengikut polisi yang di-buat oleh tiga buah Majlis Negara yang di-tubohkan oleh perlombagaan. Ketigaz buah Majlis Negara ini ia-lah Majlis Tanah Negara, Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dan Majlis Kewangan Negara.

(a) Majlis Tanah Negara.

Majlis Tanah Negara⁸⁹ ini ada-lah di-beri tugas untuk memberitokkan satu polisi negara yang meliputi seluruh persekutuan bagi menaja dan mengawal penggunaan tanah untuk galian, pertanian, perhutanan dan lainz maksud lagi dan juga untuk menjalankan undangz mengenai hal ini. Polisi negara ini ada-lah di-buat dari satu masa ka-satu masa

(89) Per. 91.

dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara, dan polisi yang telah di-buat itu hendak-lah di-patohi oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Sa-lain daripada membuat polisi negara, Majlis Tanah Negara ini ada-lah menjadi satu badan yang mana Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri boleh bertanya mengenai penggunaan tanah, atau mengenai undang² yang di-chadang akan di-buat berkaitan dengan hal ini atau mengenai pentadbiran undang² berkaitan dengan hal ini. Dan Majlis Tanah Negara hendak-lah memberi nasihat mengenai pertanyaan itu.

Majlis Tanah Negara ini ada-lah terdiri daripada sa-orang menteri yang menjadi Pengurus Majlis itu, 10 orang wakil Kerajaan Persekutuan dan sa-orang wakil bagi tiap2 buah negeri. Wakil negeri itu ada-lah di-lantek oleh Raja atau Gabenor Negeri itu masing2.

Majlis Tanah Negara ada-lah bersidang apabila di-panggil oleh pengurusinya, tetapi dalam tiap2 tahun sa-kurang2nya hendak-lah di-adakan satu meshuarat. Dalam manaz meshuarat majlis ini, pengurus boleh mengundi, tetapi undi-nya bukan-lah undi pemutus. Jika pengurus atau wakil Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri tidak boleh hadhir dalam manaz meshuarat, tempat-nya bolch-lah di-ambil oleh orang lain yang di-lantek oleh pehak yang berkuasa melantek-nya.

(b) Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.

Majlis ini⁹⁰ mempunyai kewajipan untuk membentuk satu polisi negara bagi memaju, mengelok dan mengawal kerajaan tempatan dalam seluoh persekutuan dan juga bagi mentadbirkan undang² mengenai hal yang tersebut. Polisi negara ini ada-lah di-buat dari satu masa ka-satu masa sa-telah berunding dengan Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan polisi yang di-buat oleh majlis ini hendak-lah di-patohi oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Dan lagi, Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri boleh bertanya kepada Majlis ini mengenai hal ahwal kerajaan tempatan dan majlis ini hendak-lah memberi nasihat di atas pertanyaan itu. Tetapi jika Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berchadang hendak membuat undang² mengenai kerajaan tempatan, maka hendak-lah Kerajaan yang berkenaan itu berunding dengan Majlis ini terlebih dahulu. Dan Majlis ini ada-lah di-kehendaki memberi nasihat-nya.

(90) Per. 95A.

Susunan Majlis ini ada-lah sama seperti Majlis Tanah Negara, ia-itu terdiri daripada sa-orang menteri yang menjadi Pengurus Majlis itu, 10 orang wakil Kerajaan Persekutuan dan sa-orang wakil bagi tiap2 buah negeri. Wakilz negeri itu ada-lah di-lantek oleh Raja dan Gabenor Negeri itu masing2.

Majlis ini ada-lah bersidang apabila di-panggil oleh Pengerusinya, tetapi dalam tiap2 tahun sa-kurang2-nya hendak-lah di-adakan satu meshuarat. Dalam manaz meshuarat majlis ini, pengurus boleh mengundi, tetapi undi-nya bukan-lah undi pemutus. Dan jika pengurus atau wakil Kerajaan Persekutuan atau negeri tidak boleh hadir dalam manaz meshuarat, tempat-nya boleh-lah di-ambil oleh orang lain yang di-lantek oleh pehak yang berkuasa melantek-nya.

(c) Majlis Kewangan Negara.

Di-antara ketiga2 Majlis Negara, Majlis Kewangan Negara⁹¹ ada-lah terlebeh mustahak sa-kali. Majlis ini ada-lah mengandungi Perdana Menteri, sa-orang menteri yang di-tetapkan oleh Perdana Menteri dan sa-orang wakil bagi tiap2 buah negeri. Wakil negeri ada-lah di-lantek oleh Raja atau Gabenor Negeri itu masing2.

Majlis Kewangan Negara ada-lah bersidang apakala di-panggil oleh Perdana Menteri atau sa-kurang2-nya oleh wakil bagi tiga buah negeri. Dalam manaz persidangan majlis itu, Perdana Menteri boleh-lah di-wakili oleh sa-orang menteri yang lain. Tetapi jika dia sendiri hadhir, majlis itu hendak-lah di-pengerusi oleh-nya; jikalau tidak, Majlis itu hendak-lah di-pengerusi oleh sa-orang menteri yang mewakili-nya.

Kewajipan Majlis Kewangan Negara itu ia-lah mengenai perkara2 seperti berikut :—

- (1) pemberian wang Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri,
- (2) penyerahan kepada Kerajaan Negeri kesemua, atau sa-bahagian daripada jumlah chukai atau bayaran persekutuan,
- (3) pinjaman wang yang di-kehendaki oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada tiap2 tahun dan perjalanan kuasa meminjam wang oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri,
- (4) memberi pinjaman wang kepada Negeri,

- (5) membuat ranjangan kemajuan
- (6) peroperan mengenai kiraz dan kewangan dan pemereksaan kiraz Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan lain2 pehak yang berkuasa awam,
- (7) mengubahkan kadar pemberian wang mengikut bilangan orang kepada Kerajaan Negeri,
- (8) membuat undang2 untuk menegah dan menghadkan Kerajaan Negeri daripada mengenakan bayaran ketuanan ka-atas bijeh timah atau bijeh dan galian yang lain daripada bijeh timah yang di-keluarkan dari negeri itu,
- (9) lain2 perkara yang di-tentukan oleh perlumbagaan atau undang2 persekutuan supaya perundingan dengan Majlis Kewangan Negara hendak-lah di-adakan.

Sa-lain daripada ini Kerajaan Persekutuan boleh berunding dengan Majlis ini sama ada perkara yang hendak di-rundingkan itu mengenai atau tidak mengenai perkara kewangan, dan juga Kerajaan Negeri berkuasa berunding dengan majlis ini mengenai sa-suatu perkara yang berkaitan dengan kedudukan wang negeri itu.

14
13 29
10
14
~~210~~

BAB XVI

KEDUDOKAN NEGERIZ BORNEO DALAM MALAYSIA

Malaysia itu ia-lah satu pergabongan di-antara negeriz di-Tanah Melayu dengan negeriz Borneo. Walau pun banyak kritikz menegaskan ia-itu Malaysia itu pada hakikat-nya maseh lagi merupakan satu persekutuan yang lama yang di-dirikan pada 31hb. Ogos, 1957, dahulu, te-gasan ini nampak-nya ia-lah helah dan mas'alah politik sahaja,¹ dan ini tidak-lah menyentoh keadaan bentuk Malaysia pada segi undangz.

Perlembagaan Malaysia ia-lah pada asas-nya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (1957) sa-telah di-pinda dengan beberapa pin-daan dan Act Malaysia (1963). Act Malaysia ini ada-lah memindakan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (1957) supaya kemasukan negeriz Borneo ka-dalam Persekutuan dapat di-sempurnakan. Tetapi oleh kerana sharatz kemasukan negeriz ini ada-lah berlainan dengan kedudukan negeriz di-Tanah Melayu, boleh-lah di-anggap bahawa Malaysia itu ada-lah merupakan dua persekutuan. Yang pertama Persekutuan negeriz di-Tanah Melayu, dan yang kedua persekutuan negeriz ini dengan negeriz Borneo.² Kenapa sharatz kemasukan negeriz Borneo ka-dalam

(1) President Sukarno menentang penubuhan Malaysia kerana pada fikirannya Malaysia itu ia-lah satu persekutuan yang baharu dan bukan-nya persekutuan yang lama yang di-tubuhkan pada 31hb. Ogos, 1957.

(2) Per. 1(2):

"Negeriz dalam Persekutuan ia-lah :—

(a) Negeriz di-Tanah Melayu ia-itu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, P. Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu, dan

(b) Negeriz Borneo, ia-itu Sabah dan Sarawak."

Malaysia itu berlainan dengan shartaz yang di-kenakan kepada negeriz di-Tanah Melayu, ini ia-lah kajian politik yang mana saya tidak berchadang hendak binchangkan dalam buku ini. Tetapi tiap2 penubohan sa-sabuah persekutuan itu ada-lah bergantong kapada perjanjian, dan kenapa persetujuan itu tercapai dengan shartaz yang berlainan, ini adalah so'alan siasah dan politik.

Perbedaan shartaz ini ia-lah kebanyakannya mengenai kuasa yang di-punyai oleh negeriz Borneo. Kedua2 negeri ini mempunyai kuasa yang lebih luas daripada negeriz lain, dan lagi satengah2 daripada kuasa2 yang di-punyai oleh Kerajaan Persekutuan itu tidak boleh di-jalankan mengenai negeri itu melainkan sa-telah di-persetujui oleh undang2 negeri itu atau Gabenor Negeri itu, pada hal-nya shart yang sa-macham ini tidak di-kenakan jika kuasa kerajaan Persekutuan itu di-jalankan kapada negeriz di-Tanah Melayu. Dari sini nampak-lah kapada kita ia-itu Malaysia itu merupakan dua darjah (standard). Satu darjah bagi negeriz di-Tanah Melayu dan satu darjah lagi bagi negeriz Borneo. Dalam Bab ini kita akan binchangkan beberapa perkara yang mana peruntukan perlombagaan ada-lah berlainan di-antara negeriz Borneo dengan negeriz di-Tanah Melayu.

(a) Parliment.

Ahli2 Dewan Ra'ayat ada-lah di-susun mengikut chantuman (component) dalam Malaysia, ia-itu 104 orang bagi negeriz di-Tanah Melayu sa-bagai chantuman yang pertama, 16 orang bagi Sabah sa-bagai chantuman yang kedua dan 24 orang bagi Sarawak sa-bagai chantuman yang ketiga. Peruntukan ini ada-lah sa-laras dengan peruntukan Perkara 1(2) yang berbunyi:—

"Negeriz dalam Persekutuan itu ia-lah:—

- (a) Negeriz di-Tanah Melayu, ia-itu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu, dan
- (b) Negeriz Borneo, ia-itu Sabah dan Sarawak."

Bagitu-lah juga peruntukan Perkara 113(b) mengenai dengan bilangan unit of review bagi pilehanraya ka-Dewan Ra'ayat. Di-sini negeriz di-Tanah Melayu ada-lah di-anggapkan sa-bagai satu unit, Sabah dan Sarawak tiap2 satu-nya sa-bagai satu unit. Dengan ini nyata-lah kapada kita ia-itu semua kesabelas buah negeriz di-Tanah Melayu

itu di-anggap sa-bagai satu chantuman, pada hal Sabah dan Sarawak di-anggap sa-bagai satu chantuman pula.

Dan lagi jika hendak di-ubahkan bilangan ahli2 Dewan Ra'ayat bagi sa-sabuah negeri Borneo untuk Parlimen yang bersidang sa-belum daripada akhir bulan Ogos 1970, pindaan yang akan di-buat kapada Perlembagaan mengenai hal ini hendak di-persetujui terlebih dahulu oleh Gabenor negeri itu.³ Dan jika persetujuan itu telah di-dapati rang undang2 yang menchadangkan pindaan itu hendak-lah pula di-sokongi oleh suara banyak 2/3.⁴

Perkara2 yang termasuk dalam bidang kuasa negeri2 Borneo sama ada di-bawah bidangkuasa mutlak-nya (exclusive) atau bersama (concurrent) ada-lah lebih banyak lagi daripada perkara2 yang terjatoh di-bawah bidangkuasa negeri2 di-Tanah Melayu. Untuk melaksanakan hal ini negeri2 Borneo ini mempunyai senarai tambahan kapada senarai negeri dan senarai bersama untuk-nya.⁵

Di-antara perkara2 yang termasuk di-bawah bidang kuasa negeri Borneo ia-lah kuasa Dewan negeri itu mengenakan chukai jualan,⁶ pada hal-nya negeri2 di-Tanah Melayu tidak mempunyai kuasa ini, kerana ini ia-lah kuasa yang di-punyai oleh Parlimen. Chukai jualan yang boleh di-kenakan oleh sa-buah negeri Borneo itu ada-lah di-hadkan kapada dua sharat,⁷ ia-itu :—

- (1) pada mengena dan mentadbirkan chukai jualan itu tidak-lah boleh di-bedzakan di-antara barang2 yang sama hanya sa-mata2 dengan sebab barang2 itu berasal dari sa-suatu tempat permulaan (place of origin), dan
- (2) pungutan dan bayaran chukai ini ada-lah di-buat sa-lepas daripada di-selesaikan chukai jualan yang di-kenakan oleh Persekutuan. Di-sini berma'ana-lah bahawa sa-saorang itu harus akan membayar dua jenis chukai jualan; chukai jualan negeri dan chukai jualan persekutuan. Pada membayar-nya, chukai jualan persekutuan ada-lah di-kehendaki jelas dahulu.

Bagi negeri2 di-Tanah Melayu, Parlimen boleh membuat undang2 mengenai perkara di-bawah bidangkuasa negeri, jika undang2

(3) Per. 161E(2)(e).

(4) Per. 161E(1) dan (3) dan 159(4)(bb).

(5) Per. 95B(1).

(6) Per. 95B(3).

(7) Cheraian (a) dan (b) Per. 95B(3).

itu di-buat bagi maksud menyatukan undang² beberapa buah negeri,⁸ atau untuk menyatukan undang² dan polisi mengenai undang² tanah, kadar dan nilai tanah dan kerajaan tempatan.⁹ Tetapi bagi negeriz Borneo Parlimen tidak mempunyai kuasa¹⁰ membuat undang² ini, di atas asas hendak menyatu dan menyerupakan undang² dan polisi dalam perkara yang tersebut.

Mengikut Perkara 76A, Parlimen berkuasa mewakil kapada manaz negeri supaya membuat undang² di atas perkara yang jatoh dalam bidang kuasa Parlimen. Perwakilan kuasa ini boleh di-buat dengan perentah Yang Di-Pertuan Agong sahaja.¹¹ Dan perwakilan kuasa membuat undang² telah pun di-beri kapada negeriz Borneo dengan berjalan kuat-kuasa-nya pada Hari Malaysia.¹² Di-antara perkara yang di-wakillkan ia-lah pengangkutan jalan raya, lalu-lintas, kuasa letrik, pembahagian gas, getah, Badan Persuratan Borneo dan survey Labuk dan perkara yang berkaitan dengan-nya. Kuasa membuat undang² mengenai pengangkutan jalan raya dan lalu-lintas ada-lah di-wakillkan hingga akhir tahun 1973, dan kuasa membuat undang² mengenai getah ada-lah di-wakillkan dengan sharat bayaran cess getah tidak boleh diubah melainkan sa-telah mendapat persetujuan Menteri Kerajaan Persekutuan yang bertanggong-jawab dalam hal ini.

(b) Imigresen.

Hal ahwal imigresen ada-lah jatoh di-bawah bidang kuasa Persekutuan, tetapi sunggoh pun demikian negeriz Borneo ada mempunyai hak dan kuasa yang tertentu dalam perkara ini. Perkara 9(3) Perlembagaan Malaysia ada-lah berbunyi demikian:—

“Sa-lagi di-bawah Perlembagaan ini manaz negeri (negeriz Borneo) berada di-dalam keadaan yang khas, jika di-bandangkan dengan negeriz di-Tanah Melayu, maka Parlimen berhak membuat undang² mengenakan sekatan di-antara negeri Borneo dengan negeriz di-Tanah Melayu mengenai dengan kebebasan ra'ayat pergi mari di-antara negeriz itu dan bermastautin di-negeri Borneo itu.”

(8) Per. 76(1)(b).

(9) Per. 76(4).

(10) Per. 95D.

(11) Per. 95C.

(12) Perentah (Kuasa Undang²) Negeri Borneo P.U. 171. 1964. Sarawak telah mendapat dua perwakilan lagi P.U. 22 dan 106 t. 1965.

Untuk melaksanakan Perkara 9(3) ini Parlimen telah meluluskan undang² pada 16hb. September, 1963, bernama Act Imigresen, 1963.¹³ Act ini telah memperluaskan lagi kuat-kuasa Ordinance Imigresen 1959¹⁴ kana-negeriz Borneo dan juga telah memberi beberapa kuasa yang mustahak kepada Kerajaan negeriz itu. Kuasa² yang di-beri di-anggapkan sebagai tertulis dalam Perlembagaan¹⁵ dan tidak-lah boleh di-pinda oleh Parlimen melainkan hendak-lah mendapat persetujuan Gabenor² negeri itu, dan pindaan-nya pun hendak-lah di-buat dengan mendapat sokongan suara banyak 2/3.

Sa-patut-nya sa-saorang warga negara berhak pergi mari dari sa-buah negeri ka-sabuah negeri dalam Malaysia ini, dan juga berhak tinggal di-mana² negeri pun. Tetapi oleh kerana di-anggap oleh pembentok² Malaysia, negeriz Borneo itu ada-lah di-dalam keadaan yang khas, maka Perlembagaan telah memberi kuasa kapada Parlimen supaya dapat menganakan sekatan² ka-atas kebebasan warga negara mengenai hal itu.

Mengikut Act Imigresen 1963, sa-saorang warga negara Persekutuan yang hendak pergi ka-Sabah dan Sarawak hendak-lah terlebih dahulu mendapat Permit atau Pass, di-kechualikan mereka² yang tersebut di-bawah ini,¹⁶ ia-itu :—

- (a) warga negara itu ia-lah orang negeri itu;
- (b) ahli Kerajaan Persekutuan, mithal-nya Menteri, dan lain²;
- (c) Hakim Mahkamah Persekutuan, atau Mahkamah Tinggi bagi negeriz Borneo, atau orang yang di-tetapkan menjalankan tugas² Hakim bagi Mahkamah tersebut, ahli Surohanjaya atau Majlis yang di-lantek oleh Perlembagaan Malaysia atau Perlembagaan negeriz Borneo;
- (d) ahli perkhidmatan awam Persekutuan atau Negeriz Borneo atau ahli² perkhidmatan awam yang bersama;
- (e) orang yang hendak pergi ka-negeri Borneo untuk menjalankan tugas politik yang halal (legitimate political activity);¹⁷ dan
- (f) orang yang di-kehendaki pergi ka-negeri itu oleh Kerajaan Persekutuan buat sementara sahaja untuk menjalankan tanggong-jawab Kerajaan pada segi perlembagaan dan pemerintahan.¹⁸

(13) Act No. 27 t. 1963.

(14) Ordinance No. 12 t. 1959.

(15) Per. 161E (4).

(16) S. 6, Act Imigresen No. 27 t. 1963.

(17) S. 7, Act Imigresen No. 27 t. 1963.

(18) S. 8.

Sa-lain daripada mereka² yang tersebut di atas, sa-saorang warga negara yang hendak pergi ka-Sabah atau Sarawak hendak-lah mendapat Permit atau Pass, dan pada mengeluarkan Permit atau Pass ini, Pengawal Imigresen ada-lah di-kehendaki oleh undang²⁰ mematohi apa2 arahan yang di-beri kapada-nya oleh Kerajaan Negeri yang tersebut supaya jangan mengeluarkan Permit atau Pass itu kapada orang2 yang tertentu atau di-keluarkan-nya untuk masa atau atas sharat yang tertentu sahaja. Jika dengan sebab mematohi arahan ini Permit telah tidak di-keluarkan oleh Pengawal Imigresen, rayuan mengenai hal ini akan di-halusikan oleh sa-orang Menteri Kerajaan Persekutuan, tetapi rayuan itu tidak-lah dapat di-hasikan melainkan dengan mendapat persetujuan Kerajaan Negeri itu.

Yang demikian mengikut undang² dan Perlembagaan, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak ada-lah berhak menyekatkan kemasukan warga negara dari negeriz di-Tanah Melayu ka-negeriz itu. Di-sini nampaknya tidak ada Persekutuan.

Berkenaan dengan kemasukan orang2 luar dari Malaysia ka-negeriz itu ini ada-lah kuasa Kerajaan Persekutuan, tetapi sunggoh pun demikian, Kerajaan Negeri itu ada hak memberi arahan kapada Pengawal Imigresen supaya di-benarkan masuk sa-saorang luar yang di-kehendaki oleh Kerajaan untuk maksud negeri itu. Tetapi sa-belum arahan itu di-beri hendak-lah Kerajaan Negeri binchangkan perkara ini dahulu dengan Menteri Kerajaan Persekutuan, dan Kerajaan Persekutuan pada akhir-nya ada berhak menahan kemasukan orang itu jika di-fikirkan patut atas kepentingan negara.²⁰

(c) Hal Ahwal Tanah.

Bagi Negeriz di-Tanah Melayu, Kerajaan Persekutuan berhak mendapatkan tanah dalam sa-sabuah negeri untuk maksud persekutuan. Jika tanah itu tanah Kerajaan, maka rundingan hendak-lah di-adakan di-antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Tetapi jika tanah itu ia-lah tanah yang di-mileki (alienated land) maka tidak-lah payah di-binchangkan hal ini dengan Kerajaan Negeri.²¹ Tetapi bagi Kerajaan Negeriz Borneo, Kerajaan Negeri itu hendak-lah di-rundingkan terlebih dahulu, sama ada tanah yang di-kehendaki oleh Kerajaan Persekutuan itu tanah yang di-mileki atau tanah Kerajaan.²²

(19) S. 5.

(20) S. 9.

(21) Per. 83(5)(a).

(22) Per. 88(b).

Sa-lain daripada itu bagi negeriz di-Tanah Melayu, Parlimen ada hak membuat undangz untuk menyatukan undangz dan polisi dalam hal ahwal tanah,²³ tetapi bagi negeriz Borneo, kuasa Parlimen mengenai hal ini tidak sampai ka-negeriz itu.²⁴

Negeriz di-Tanah Melayu tidak mempunyai kuasa penoh untuk mewujudkan tanahz simpanan kapada orangz Melayu. Perkara 89 Perlembagaan Malaysia ada-lah membenarkan perlanjutan tanah simpanan yang ada sekarang dan menahan dan mengawalkan pengadaan tanahz simpanan yang baharu. Tetapi bagi negeriz Borneo, negeri itu berkuasa penoh tentang hendak mewujudkan tanahz simpanan kapada bumiputera-nya.²⁵

Bagi negeriz di-Tanah Melayu, segala keputusan yang di-buat oleh Lembaga Tanah Negara hendak-lah di-patohi oleh Kerajaan Negeri.²⁶ Tetapi bagi negeriz Borneo keputusan ini tidak sa-mesti-nya di-patohi oleh Kerajaan negeri itu;²⁷ dan dengan sebab ini-lah ahli yang mewakili Negeri itu tidak berhak memberi sa-barang undi dalam apaz so'al yang akan di-putuskan oleh Lembaga itu. Perbedaan akan terhapus jika Parlimen dengan mendapat persetujuan Gabenor negeri itu membuat undangz supaya keputusan Lembaga Tanah negara itu mesti di-patohi oleh Kerajaanz Negeri itu dan ahliz yang mewakili negeri itu berhak memberi undi dalam Lembaga itu. Tetapi jika ahli itu berhak memberi undi, maka Kerajaan Persekutuan berhak melantekan sa-orang ahli tambahan ka-dalam Lembaga itu untuk mewakili-nya.²⁸

Peruntukan yang saperti ini ada-lah juga di-kenakan kapada Lem-baga Kerajaan Tempatan Negara, yang mana ahliz yang mewakili negeri Borneo tidak berhak mengundi dan keputusan Lembaga itu tidak terikat ka atas negeri itu. Hal yang saperti ini akan terhapus jika Parlimen dengan persetujuan Dewan Negeri bagi negeri itu membuat undangz untuk menghapuskan perbedaan ini. Ini pun berma ana-lah sa-orang ahli tambahan akan di-lantek untuk mewakili Kerajaan Persekutuan.

(d) **Ugama Rasmi.**

Penerimaan ugama Islam sa-bagai ugama rasmi ada-lah terhad kapada negeriz di-Tanah Melayu. Kuasa Majlis Raja mengenai dengan adat isti'adat ugama Islam tidak meliputi ka-negeriz Borneo.²⁹

(23) Per. 76(4).

(24) Per. 95D.

(25) Per. 161A(6).

(26) Per. 91(5).

(27) Per. 95E(2).

(28) Per. 95E(5).

(29) Per. 38(7).

Walau pun di-negeriz di-Tanah Melayu sa-sabuah Dewan Negeri berhak meluluskan undang2 untuk mengawal siaran ugama kepada orang2 Islam, bagi negeriz di-Borneo Dewan Negeri tidak-lah berkuasa membuat undang2 ini melainkan kuasa ini ada tertulis dalam Perlembagaan negeri itu.³⁰

Salah satu daripada natijah ugama rasmi itu ia-lah Parlimen berkuasa membuat undang2 memberi bantuan wang untuk penubohan dan penyelenggaraan yayasan Islam dan pengajaran ugama Islam kepada orang2 berugama Islam.³¹ Tetapi jikaundang2 itu akan meliputi ka-sasabuah negeri Borneo, sa-belum di-luluskan undang2 itu hendak-lah di-dapati persetujuan Gabenor negeri itu dahulu. Dan jika undang2 itu hanya-lah berkuat-kuasa di-Tanah Melayu sahaja, hendak-lah Kerajaan Persekutuan memberi satu jumlah bantuan wang kepada Kerajaan negeri itu untuk maksud kebajikan.³²

Jika ugama Islam ini pada satu masa kelak akan di-lanjutkan ka-negeriz itu menjadi sa-bagai ugama rasmi, Perlembagaan tidak-lah dapat di-ubah melainkan sa-telah mendapat persetujuan Gabenor negeri itu dahulu.³³ Di-bawah Perkara 92 Yang Di-Pertuan Agong berhak mengishtiharkan sa-suatu kawasan dalam sa-sabuah negeri di-Tanah Melayu itu sa-bagai kawasan kemajuan (development area) jika ia telah memenuhi sharatz yang tersebut dalam Perkara itu ia-itu:—

- (a) sa-lepas mendapat shor daripada jawatan-kuasa pakar,
- (b) sa-lepas di-rundingkan dengan Lembaga Kewangan Negara, Lembaga Tanah Negara dan Kerajaan Negeri yang berkenaan, dan
- (c) Yang Di-Pertuan Agong puas hati bahawa ada-lah menjadi elok kapada kepentingan negara jika kawasan itu di-jadikan kawasan kemajuan.

Kuasa Yang Di-Pertuan Agong mengenai hal ini bagi negeriz Borneo ada-lah terhad sadikit: ia-itu sa-suatu kawasan dalam negeri itu tidak boleh di-ishtiharkan melainkan sa-telah mendapat persetujuan Gabenor negeri itu dahulu.³⁴

(30) Per. 161D.

(31) Per. 161C(1).

(32) Per. 161C(2).

(33) Per. 161E(2)(a).

(34) Per. 95E(3).

(e) Penyelidekan dan Nasihat.

Di-bawah Perkara 94, Kerajaan Persekutuan boleh menjalankan penyelidekan dan mengadakan tempatz perchubaan dan pertunjukan dan juga segala nasihat2 professional yang di-beri oleh Kerajaan Persekutuan kapada Kerajaan Negeri hendak-lah di-patohi atau di-terima oleh pegawai2 tanaman dan hutan negeriz itu. Tetapi bagi negeriz Borneo, pegawai2 tanaman dan hutan negeri itu tidak-lah di-kehendaki menerima nasihat itu.³⁵ Mereka hanya-lah di-kehendaki menimbang nasihat itu sahaja.

(f) Kewangan.

Kuasa meminjam wang yang ada pada Kerajaan negeriz di-Tanah Melayu ada terhad kapada meminjam daripada Kerajaan Persekutuan, atau daripada mana2 Bank yang di-benarkan oleh Kerajaan itu. Tetapi bagi negeriz Borneo, Kerajaan negeri itu ada kuasa meminjam wang daripada siapa juu pun dalam negeri itu asalkan pinjaman itu diluluskan oleh Bank Negara.³⁶ Sa-bagaimana negeriz di-Tanah Melayu, tiap2 pinjaman itu hendak-lah di-kuasai oleh undang2 negeri itu.

Mengenai hal kewangan, negeriz Borneo ada-lah berhak mendapat wang daripada Kerajaan Persekutuan dengan jumlah yang terbesar daripada negeriz di-Tanah Melayu. Negeriz di-Tanah Melayu menerima pemberian per capita, pemberian jalan negeri, punchaz hasil yang diserahkan kapada negeri. Tetapi bagi negeriz Borneo, walau pun mereka berhak menerima pemberian2 dan punchaz hasil yang tersebut, mereka berhak pula mendapat pemberian2 dan punchaz hasil tambahan. Sarawak berhak mendapat pemberian tetap sa-banyak \$5,800,000 tiap2 tahun, dan juga pemberian khas sa-banyak \$3.5 million bagi tahun 1964, \$7 million bagi tahun 1965, \$11½ million bagi tahun 1966, \$16 million bagi tahun 1967 dan \$21 million bagi tahun 1968. Sa-lepas daripada itu pemberian khas ini akan di-tetapkan pula dengan jalan persetujuan di-antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak.³⁷

Sabah³⁸ pula tiap2 tahun berhak menerima pemberian wang sa-peri berikut :—

- (i) pemberian tambahan hasil yang berjumlah sa-banyak 2/5 daripada jumlah wang yang mana hasil yang di-terima chuchi

(35) Per. 95E(4).

(36) Per. 111(2) dan Per. 112B.

(37) S. 1, Bahagian IV Jadual Yang Kesepuluh,

(38) S. 2, Bahagian IV Jadual Yang Kesepuluh.

oleh Kerajaan Persekutuan daripada Sabah pada tiap2 tahun itu ada-lah berlebehian daripada hasil yang patut di-terima chuchi oleh-nya dalam tahun 1963;

- (2) pemberian tambahan untok jalanz2 negeri, jika sa-belum dari-pada tahun 1968 pemberian untok ini ada-lah kurang daripada \$5,179,500.

Sa-lagi Sabah dan Sarawak berhak membuat undang³⁹ mengenai dengan pengangkutan jalan raya dan lalu-lintas.⁴⁰ Kedua2 buah negeri ini berhak menerima satu pemberian untok menyelenggarakan jabatan lalu-lintas di-negeriz itu.⁴¹

Berkenaan dengan puncha tambahan bagi hasilz yang di-serahkan kapada Negeriz Borneo boleh-lah di-dapati dalam Bahagian V Jadual Yang Kesapuloh. Ini ia-lah :—

- (1) chukai impot dan excise bagi barangz petroleum;
 - (2) chukai eksepot bagi kayu dan barangz hutan;
 - (3) chukai eksepot bagi galian yang lain daripada bijeh timah, yang mana jumlah chukai itu dengan royalty-nya tidak-lah lebih daripada 10%;⁴²
 - (4) untok Sabah sahaja, 30% daripada hasilz kastam yang lain daripada chukaiz yang tersebut di atas, sa-lagi perbelanjaan mengenai hal ahwal perubatan dan kesihatan ada-lah di-tanggong oleh Sabah dengan sebab hal ini termasuk di-bawah kuasa bersama;
 - (5) bayaran daripada lesen2 mengenai pengangkutan jalan raya dan lalu-lintas dan bayaran pendaftaran kereta sa-lagi kedua2 buah negeri Borneo ini berkuasa membuat undangz ka-atas perkara itu;
- (39) Sa-kurangz-nya dalam masa 10 tahun, kuasa ini hendak-lah di-wakilkan oleh Persekutuan kapada Negeriz Borneo, dan sa-lepas itu perwakilan ini akan di-rundingkan pula - Report Jawatan-kuasa Antara-Kerajaan 1962 dan surat 36 dan P.U. 19 t. 1964: Perwakilan kuasa Undangz Kapada Negeriz Borneo.
- (40) Lihat P.U. 17 t. 1964.
- (41) S. 3 Bahagian IV Jadual Yang Kesapuloh.
- (42) Dengan sebab Negeriz Borneo berhak mendapat royalty dan chukai ex-pot bagi galian yang lain daripada bijeh timah, maka Parlimen tidak-lah berkuasa membuat undangz untok menentu banyak mana-kah Kerajaanz Negeri ini patut menerima chukai eksepot ka-atas galian itu Per 112c(3).

Segala pemberian² dan punchaz tambahan hasil² yang tersebut di atas itu ada-lah di-tetapkan untuk 5 tahun dari semenjak penuhohan Malaysia. Sa-lepas daripada itu pemberian² ini dan punchaz tambahan hasil itu akan di-kajikan⁴³ sa-mula dengan sa-chara mendapat persetujuan di-antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan negeri² Borneo. Jika persetujuan itu tidak dapat di-chapai, maka perkara ini akan di-serah dan di-selesaikan oleh sa-orang pentaksir bebas, yang mana pendapatnya akan di-patohi oleh keduaz pehak.

Tiap² kajian dan usahaz pentaksir bebas untuk menchari penyelesaian dalam hal ini, hendak-lah di-buat dengan menimbangkan keadaan kewangan Kerajaan Persekutuan dan kehendak² Kerajaan Negeri Borneo supaya hasil Kerajaan negeri ini boleh menchukupi perbelanjaan perkhidmatan negeri dan tambahan yang berpatut untuk perbelanjaan Kerajaan Negeri itu.

Senggang atau lat-nya di-antara satu kajian dengan satu kajian yang lain itu ada-lah sa-kurang²-nya dalam tempoh 5 tahun, tetapi kajian itu boleh-lah di-tetapkan kapada tempoh yang lebuh panjang lagi dari pada itu jika di-fikirkan patut.

(g) Kehakiman.

Dalam hal ini sa-bagaimana negeri² di-Tanah Melayu, negeri² Borneo ada-lah di-chantumkan supaya mempunyai satu Mahkamah Tinggi yang terasing yang mana Jabatan Pendaftaran-nya ada-lah berpusat di-suatu tempat yang di-tentukan oleh Yang Di-Pertuan Agong. Tempat ini ia-lah di-Kuching, Sarawak.

Walau pun negeri² Borneo hanya-lah dua buah sahaja dan pendudok²-nya tidak bagitu ramai, bilangan Hakim Mahkamah Tinggi bagi negeri² ini ia-lah 8 orang.⁴⁴ Tetapi bilangan Hakim Mahkamah Tinggi di-negeri² di-Tanah Melayu ia-lah 12 orang.

Sa-lain daripada itu Perlembagaan Malaysia ada membuat peruntukan untuk melantek Pesurohjaya kehakiman (Judicial Commissioner) di-tempat yang tidak mempunyai Hakim untuk sa-suatu tempoh yang tertentu. Kuasa Pesurohjaya ini sama-lah saperti kuasa Hakim biasa, sa-kadarkan kuasa-nya itu ada-lah terhad kapada kawasan yang untuk-nya-lah dia di-lantek. Perlantekan-nya itu akan di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat ketua Hakim Negara bagi Mahkamah Persekutuan, tetapi jika perlantekan itu di-hadkan untuk kawasan dalam sa-

(43) Per. 112D.

(44) Per. 122A(1)(b).

sabuah negeri sahaja, maka memadai-lah jika perlantekan itu di-buat oleh Gabenor negeri itu atas nasihat Hakim Besar Mahkamah Tinggi Negeriz Borneo. Orang yang layak di-lantek menjadi pesurohjaya ke-hakiman itu ia-lah orang yang layak menjadi peguam dalam Mahkamah itu.

Jika peruntokanz perlembagaan berkenaan dengan Mahkamah Tinggi negeriz Borneo itu hendak di-pinda, maka hendak-lah terlebih dahulu di-dapatkan persetujuan daripada Gabenor negeriz itu.⁴⁵

Di-sini patut juga di-sebut tentang kuasa Parlimen memberi hak kapada sa-orang peguam untuk bertugas dalam Mahkamah Tinggi negeri Borneo atau dalam kes yang berasal dari negeri itu. Tiap2 peguam yang hendak mendapat hak bertugas dalam Mahkamah Tinggi negeri Borneo atau dalam kes yang berasal dari negeri itu hendak-lah tinggal di-negeri itu sa-kurangznya 6 bulan.⁴⁶ Jika Parlimen membuat undangz mengubah atau menghapuskan sharat tinggal dalam negeri itu yang mana sa-orang peguam yang dahulu-nya tidak berhak, tetapi sebab undangz ini ia akan mendapat hak itu, maka undangz itu tidak-lah boleh berjalan kuat-kuasa-nya melainkan sa-telah di-terima oleh negeriz yang tersebut dengan chara di-luluskan satu undang.⁴⁷

(h) Bahasa Kebangsaan.

Ini akan di-binchangkan dengan lanjut-nya dalam Bab xix. Tetapi sudah-lah memadai jika buat sementara di-sebutkan ia-itu negeriz Borneo ini menerima bahasa kebangsaan dengan beberapa sharat. Salah satu daripada sharatz ini ia-lah penggunaan bahasa Inggeris untuk maksud rasmi di-negeriz itu ada-lah terjamin dalam masa 10 tahun lepas Hari Malaysia.⁴⁸ Lepas daripada itu penggunaan bahasa itu boleh-lah dikurangkan atau di-berhentikan oleh undangz yang akan di-buat oleh Parlimen, tetapi undangz ini tidak boleh berjalan kuat-kuasa-nya sa-hingga di-benarkan oleh satu undangz yang di-buat oleh Dewan negeri itu.

Peruntukan perlembagaan mengenai hal ini tidak boleh di-pinda melainkan sa-telah mendapat persetujuan daripada Gabenor negeri itu.⁴⁹

(i) Kedudukan Orang Bumiputera.

Hal ini pun akan di-binchangkan lebuh lanjut lagi dalam Bab xix.

(45) Per. 161E(2)(b).

(46) Advocates Ordinance of Sabah Cap. 2, s.4(2)(c) dan Advocates Ordinance of Sarawak, Cap. 10, s.4(2)(C)(ii).

(47) Per. 161B.

(48) Per. 161.

(49) Per. 161E(2)(d).

Orang bumiputera bagi Sarawak⁵⁰ itu ia-lah sa-orang warga negara yang berketurun penoh daripada, atau berchampor darah dengan, salah satu daripada bangsaz asal yang mendiami Sawarak, ia-itu Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk-lah Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk-lah Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Lugat, Lism, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

Orang bumiputera bagi Sabah⁵¹ ia-lah sa-orang warga negara, sama ada anak atau chuchu kapada sa-orang yang berbangsa asli mendiami Sabah, dan warga negara itu di-peranakkan di-Sabah, atau pada ketika kelahiran-nya bapa-nya ada berdomisil (domicil) di-Sabah.

Jikalau di-negeriz di-Tanah Melayu, Kerajaan Persekutuan bertanggong-jawab untuk memeliharaan kedudukan orangz Melayu, maka di-negeriz Borneo pun Kerajaan Persekutuan ada mempunyai tanggongan terhadap orang bumiputera. Di-sini orangz bumiputera berhak mendapat simpanan khas dalam perkhidmatan awam dan pemberian scholarship, derma pelajaran dan bantuan latehan. Sa-bbelum daripada Kerajaan Persekutuan menjalankan kuasa-nya mengenai hal ini hendak-lah ia berunding dengan Ketua Menteri Negeri itu.

Nampak-nya dalam hal ahwal lesen dan permit bagi perniagaan dan perusahaan, Kerajaan Persekutuan tidak berhak mewujudkan simpanan khas, dan Perlembagaan Malaysia pun tidak pula menyekatkan undangz negeri itu daripada mewujudkan tanahz simpanan bagi orang bumiputera.

Perlembagaan bagi tiap2 buah negeri itu boleh membuat peruntokan yang sa-laras dengan Perkara 153 Perlembagaan Malaysia mengenai dengan kedudukan orangz Melayu. Perkara 41 Perlembagaan Sabah memberi kuasa kapada Yang di-Pertua Negara Sabah mewujudkan simpananz khas kapada orang bumiputera dalam perkhidmatan awam, pemberian scholarship dan derma pelajaran, dan lesen2 dan permit untuk perniagaan dan perusahaan. Manakala Perkara 39 Perlembagaan Sarawak pula memberi kuasa kapada Gabenor negeri itu untuk mewujudkan simpananz khas kapada orang bumiputera dalam perkhidmatan awam dan pemberian scholarship sahaja. Simpanan khas untuk lesen dan permit perniagaan tidak di-benarkan oleh Perlembagaan Sarawak.

(50) Per. 161A(6)(a) dan (7).

(51) Per. 161A(6)(b).

(j) **Pindaan Perlembagaan.**⁵²

Walau pun Perlembagaan mengandungi beberapa peruntukan yang mana kuasa membuat undang2 yang di-punyai oleh Parlimen dan kuasa memerentah yang di-punyai oleh Yang Di-Pertuan Agong dalam beberapa hal dan perkara tidak dapat di-jalankan melainkan sama ada sa-telah mendapat persetujuan dengan negeriz Borneo atau di-lulus oleh undang2 negeri itu atau pun di-roundingkan sahaja dengan Kerajaan negeri itu. Peruntukanz yang saperti ini bukan sahaja ganjil dan lansong tidak di-dapati mengenai negeriz di-Tanah Melayu, tetapi juga telah di-perkuatkan lagi yang mana peruntukanz perlembagaan mengenai beberapa hal yang tertentu tidak-lah dapat di-ubah melainkan sa-telah di-persetujui terlebih dahulu oleh Gabenor2 negeriz Borneo. Perkaraz⁵³ ini ada-lah di-atorkan saperti berikut :—

- (a) hak sa-saorang yang di-lahirkan sa-belum Hari Malaysia mendapat kewarganegaraan dengan sebab kaitan-nya dengan sa-sabuah negeri Borneo dan penyamaan layanan di-antara warga negara yang di-lahir atau bermastautin di-sabuah negeri Borneo dengan warga negara yang di-lahir atau bermastautin di-negeriz di-Tanah Melayu;
- (b) perlembagaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi negeri Borneo, perlantekan pembuangan dan penggantongan kerja Hakimz Mahkamah itu;
- (c) perkara2 yang jatoh di-bawah bidangkuasa Dewan Negeri bagi negeriz Borneo untuk membuat undang2 mengenai-nya, kuasa Kerajaan Negeri itu mengenai perkara2 itu dan persetujuan mengenai kewangan di-antara Persekutuan dengan negeriz itu;
- (d) ugama dalam negeriz itu, penggunaan bahasa dalam negeriz itu atau dalam Parlimen dan layanan khas kapada orang2 bumiputera;
- (e) mengubahkan sa-belum daripada tahun 1970 quota ahli Dewan Ra'ayat daripada negeriz Borneo supaya menjadi kurang daripada quota yang ada pada Hari Malaysia.

Sa-lain daripada itu kuasa Kerajaan negeriz Borneo tentang mengawal kemasukan warga negara dari negeri di-Tanah Melayu ka-negeri

(52) Per. 161E.

(53) Per. 161E(2).

itu dan kemasukan orang2 asing ka-negeri itu ada-lah di-anggapkan sa-bagi tertulis dalam perlumbagaan, dan yang demikian tidak-lah boleh di-ubahkan melainkan sa-telah mendapat persetujuan Gabenor negeri itu dahulu.⁵⁴

(k) Perkhidmatan Awam.

Negeriz Borneo mempunyai perkhidmatan awam-nya sendiri. Oleh itu tiap2 buah negeri itu ada-lah mempunyai Surohanjaya Perkhidmatan Awam-nya sendiri⁵⁵ untuk menjalankan tugas2-nya ka-atas orang2 yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam negeri.

Mengenai orang2 yang masuk ka-dalam perkhidmatan awam persekutuan, Perlumbagaan Malaysia telah menubohkan di-tiap2 buah negeri Borneo untuk tempoh sa-hingga akhir Ogos tahun 1968 satu Chawangan Surohanjaya Perkhidmatan Awam⁵⁶ dan satu Chawangan Perkhidmatan Kehakiman dan Undang⁵⁷ untuk menjalankan tugas2 dan kuasa yang di-punyai oleh Surohanjaya2 yang tersebut.

Pada ketika penubohan Malaysia sa-tengah daripada jabatan2 di-negeriz Borneo telah menjadi jabatan persekutuan dengan sebab perkara2 yang di-selenggara dan di-jalankan oleh jabatan2 itu bertukar jatoh di-bawah bidangkuasa Persekutuan. Yang demikian taraf dan kedudukan pegawai2 dan kakitangan yang berkhidmat dalam jabatan itu hendak-lah di-selesaikan. Di-sini ada-lah di-tetapkan ia-itu pegawai2 itu maseh lagi di-anggapkan sa-bagai pegawai2 negeri itu, tetapi telah di-beri pinjam (seconded) untuk berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan.⁵⁸

Dari semenjak tarikh Hari Malaysia hingga akhir Ogos tahun 1968, pegawai2 negeri yang di-pinjam berkhidmat dalam perkhidmatan awam persekutuan ini ada-lah terletak di-bawah kuasa dan tugas Surohanjaya Perkhidmatan Persekutuan, yang mana kuasa dan tugas itu ada-lah di-jalankan oleh chawangan-nya yang berkenaan. Tetapi bagi pegawai2 negeri yang tertentu⁵⁹ yang di-pinjamkan berkhidmat dalam perkhidmatan awam persekutuan yang am, kuasa tata-tertib ka-atas pegawai2 ini

(54) Per. 161E(4).

(55) Per. 36 Perlumbagaan Sabah dan Per. 35, Perlumbagaan Sarawak,

(56) Per. 146B.

(57) Per. 146A.

(58) Report Jawatan-kuasa Antara-Kerajaan (1962) Lampiran B, cheraian 2.

(59) Ia-itu pegawai2 Negeri yang kanan dan tidak termasuk dalam tingkat yang di-tetapkan oleh Yang Di-Pertuan Agong dengan persetujuan Gabenor Negeri itu - Per. 146B(7).

ada-lah di-punyai oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.⁶⁰ Berkenaan dengan pegawai² negeri Borneo yang di-pinjamkan berkhidmat dalam perkhidmatan kehakiman dan undang² persekutuan, mereka ini dengan sa-penoh²-nya terjatoh di-bawah kuasa Surohanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang², yang mana kuasa-nya itu ada-lah di-jalankan oleh chawangan Surohanjaya itu.⁶¹

Jika satu perkhidmatan awam bersama akan di-tubohkan oleh undang² persekutuan di-antara Persekutuan dan negeri² Borneo atau di-antara negeri² itu dengan tidak termasuk Persekutuan, maka boleh-lah juga undang² itu menenutkan ia-itu orang² yang berkhidmat dalam perkhidmatan bersama ini jatoh di-bawah bidangkuasa Surohanjaya Perkhidmatan Awam atau Surohanjaya Perkhidmatan kehakiman dan Undang²; dan kuasaz ini boleh-lah juga di-untokkan supaya di-jalankan oleh chawangan Surohanjaya yang berkenaan.⁶²

Berkenaan dengan pegawai² negeri yang di-pinjamkan berkhidmat dalam perkhidmatan polis,⁶³ mereka ini ada-lah terjatoh di-hawah bidangkuasa Surohanjaya Perkhidmatan Polis. Bidangkuasa ini tidak termasuk kuasa tata-tertib ka-atas mereka² ini jika ada di-tiap² buah negeri itu satu lembaga untuk hal ini dan mempunyai ahli² yang tertentu.⁶⁴ Sunggoh pun mereka ini pegawai² negeri, tetapi untuk menegohkan perjalanan polis, undang² tidak boleh di-buat oleh negeri² itu untuk memberi bidangkuasa ka-atas mereka ini kapada Surohanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

Sa-telah di-kaji segala perkara² yang telah lalu itu, maka nyata-lah kepada kita bahawa penubohan Malaysia itu bukan-lah satu perkara yang mudah, lebeh² lagi tentang politik untuk menyelenggara dan menjayakan penubohan itu. Perlembagaan Malaysia ada-lah mengandungi beberapa perkara yang khas dan kechualian untuk menjaga kedudukan negeri² Sabah dan Sarawak yang mana peruntokan² ini ada-lah menggambarkan dua darjah yang terasing dalam Persekutuan Malaysia.

(60) Per. 146B(7).

(61) Per. 146A.

(62) Per. 146C(1).

(63) Per. 146D.

(64) Ahli² ini ia-lah —

(a) Yang di-Pertua Surohanjaya Perkhidmatan Awam Negeri;

(b) Penasihat Undang² Negeri;

(c) sa-orang pegawai kanan Polis dalam Negeri itu; dan

(d) sa-orang wakil pegawai polis yang mempunyai kuasa ka-seluroh polis dalam Malaysia:— Per. 146D(2).

BAB XVII

KERAJAAN TEMPATAN

Mengikut Perlembagaan Malaysia, hal ahwal kerajaan tempatan adalah kepunyaan Kerajaan Negeri,¹ melainkan pentadbiran Ibu Kota Persekutuan sahaja yang terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.² Oleh kerana Kuala Lumpur telah di-tetapkan oleh Perlembagaan menjadi Ibu Kota Persekutuan, maka perbandaran Kuala Lumpur adalah termasuk dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, walau pun terdahulu daripada berjalan kuat-kuasa Perlembagaan itu, perbandaran ini ada-lah termasuk di-bawah bidang kuasa Kerajaan Selangor.³

Prinsip mengenai pentadbiran kerajaan tempatan itu ia-lah satu chara untuk merapatkan kerajaan dengan ra'ayat. Tetapi prinsip yang utama sa-kali ia-lah mengena dan memungutkan kadar (rates) yang telah di-kenakan ka atas orang yang mempunyai harta2 yang terletak-nya dalam kawasan kerajaan tempatan, dan membelanjakan wang yang di-pungut itu untuk faedah orang2 yang diam di-dalam kawasan itu.

-
- (1) Jadual Kesembilan, Senarai II butiran 4.
 - (2) Per. 154 Perlembagaan Malaysia - "(1) Sa-bbelum Parlimen membuat keputusan yang berlainan, Perbandaran Kuala Lumpur ada-lah menjadi Ibu Kota Persekutuan. (2) Walau pun ada apaz peruntukan dalam Bahagian VI, Parlimen ada-lah mempunyai kuasa yang tunggal untuk membuat undang2 mengenai sempadan Ibu Kota Persekutuan".
 - (3) Untuk menyempurnakan hal ini Parlimen telah meluluskan Act Ibu Kota Persekutuan 1960 (No. 35 t. 1960) yang telah berjalan kuat-kuasa-nya pada 1hb. April 1961.

Untuk merapatkan ra'ayat dengan kerajaan, dasar pentadbiran yang di-bawa oleh Kerajaan British ka-dalam negeri ini ia-lah dengan chara di-bahagikan sa-sabuah negeri itu kapada beberapa daerah dan tiap2 daerah itu pula di-pecah2kan kapada beberapa mukim, dan mukim kapada beberapa buah kampong. Tiap2 daerah ada-lah di-letakkan di-bawah pentadbiran sa-orang pegawai daerah, dan tiap2 mukim di-bawah sa-orang penghulu⁴ dan kampong di-bawah sa-orang ketua kampong.⁵ Dengan menerusi pegawai daerah, penghulu dan ketua2 kampong, maka segala polisi dan tindakan2 yang di-buat oleh kerajaan telah di-sampaikan kepada ra'ayat.

Pegawai Daerah bukan sahaja sa-orang pegawai yang bertugas untuk merapatkan perhubungan di-antara ra'ayat dengan kerajaan, tetapi dia juga telah di-lantek menjadi Pemungut Hasil Tanah dan Mejisteret. Dari itu, sa-bagai Pemungut Hasil Tanah, dia berkuasa menjalankan kuasa2 di-bawah undang2 tanah saperti meluluskan permohonan tanah, membicharakan hal ahwal pesaka kecil, menyelidek pertelingkahan hal ahwal tanah, memungut hasil2 tanah dan membuat beberapa pekerjaan yang lain lagi. Sa-bagai Mejisteret, sa-orang Pegawai Daerah itu membicharakan beberapa kesalahan jenayah2 yang kecil dan juga menolong menjagakan keamanan di-dalam daerah-nya.

Berkenaan dengan penghulu pula, dia ada-lah sa-orang pegawai yang amat mustahak pada masa yang lepas dan pada masa sekarang pun, kerana dia ada-lah sa-orang yang di-hormati dan di-perchayai oleh penduduk2 dalam mukim-nya, dan dalam mukim-nya dia ada-lah menjadi sa-bagai wakil kapada Kerajaan Negeri dan dia ada-lah di-kehendaki berkhidmat menolong Pegawai Daerah dan mengambil tahu segala hal ahwal anak2 mukim-nya. Mengikut Ordinance Mahkamah 1948,⁶ penghulu mempunyai kuasa untuk membicharakan kes mal mengenai tuntutan hutang yang tidak lebeh daripada lima puloh ringgit dan kedua2 pehak penda'awa dan yang di-da'awa ada-lah orang Asia yang berchakap dan faham bahasa Melayu. Dan juga penghulu berkuasa membicharakan kes jenayah yang mana dia dapat menghukum denda sa-banyak dua puloh lima ringgit sahaja. Kuasa ini hanya-lah boleh di-jalankan jika orang yang di-tuduh itu orang Asia. Rayuan daripada keputusan yang di-buat oleh penghulu mengenai kes jenayah itu boleh-lah di-bicharakan oleh Mejisteret Tingkat Yang Pertama. Kes2 yang di-punyai oleh

(4) Di-Kelantan penghulu di-panggil penggawa.

(5) Di-Kelantan di-panggil -nya penghulu dan di-Melaka di-panggil -nya sidang.

(6) (No. 43 t. 1948) S. 94 95 96 97 dan 86

penghulu untuk membicharakan kes mal dan kes jenayah ini pada masa sekarang tidak-lah lagi di-jalankan oleh-nya dan boleh-lah di-katakan sudah menjadi satu kuasa yang luar guna (obsolete).

Ketua kampung ada-lah menjadi sa-bagai penolong penghulu dan dia di-lantek oleh Kerajaan daripada golongan orang2 yang boleh di-hormati oleh pendudok2 kampung-nya. Dia tidak menerima apa2 gaji daripada Kerajaan melainkan hadiah tahunan sahaja. Oleh kerana kedudukan-nya di-dalam kampung tu, dia boleh di-katakan sa-bagai sa-orang yang mengetahui hal ahwal kampung-nya, bukan sahaja tentang pendudok2 kampung-nya dan juga tanah dan harta yang di-punyai oleh pendudok2 itu.

Pada masa pentadbiran kerajaan belum lagi terator seperti sekarang, ketua2 kampung dan penghulu2 ada-lah di-beri kuasa oleh undang2 untuk mendaftarkan hal ahwal beranak dan mati dalam kampung dan mukim-nya dan juga mendaftarkan beberapa perkara yang dikehendaki oleh undang2.

Demikian-lah chara pentadbiran yang di-bawa oleh Kerajaan British untuk merapatkan kerajaan dengan ra'ayat, ia-itu, dengan merusuri Pegawai Daerah, penghulu2 dan ketua2 kampung. Apabila pehak yang berkuasa tempatan seperti lembaga bandaran, telah ditubohkan di-dalam beberapa negeri, maka Pegawai Daerah-lah yang di-lantek oleh Kerajaan menjadi pengurus lembaga itu. Dan kemudian-nya apabila beberapa buah majlis tempatan telah ditubohkan di-dalam daerah-nya, maka Pegawai Daerah juga yang di-beri kuasa untuk menyeliakan majlis tempatan itu. Yang demikian, Pegawai Daerah ia-lah sa-orang pegawai yang amat berguna di-sisi pemerentahan baik pun pada masa dahulu dan masa sekarang kerana dia bukan sahaja sa-orang pegawai untuk menjalankan tugas2 kerajaan dan memberi fahaman kapada ra'ayat, tetapi dia sendiri di-hormati dan di-perchayai oleh ra'ayat.

Mulai daripada tahun 1950,⁷ chara pentadbiran kerajaan tempatan di-negeri ini ada-lah berubah, ia-itu tiap2 kawasan kerajaan tempatan

(7) Pada tahun itu satu undang2 bertajuk "Ordinance Pilehanraya Kerajaan Tempatan, 1950 (No.52 t. 1950) telah di-luluskan supaya membolehkan Kerajaan Negeri mengadakan pilehanraya kapada pehak yang berkuasa tempatan: ia-itu perbandaran, majlis daerah luar bandar dan lembaga dan majlis bandaran. Pada masa rang undang2 itu sedang di-bahathikan dalam Majlis Perundangan Persekutuan, Peguam Negara yang pada masa itu menjadi ahli Majlis itu berkata bahawa rang undang2 ini ada-lah sebagai satu langkah yang pertama menjelang ka-arah demokrasi dalam negeri ini". Ahli2 yang lain pula berkata bahawa rang undang2 ini adalah "satu batu jalan yang penting dalam sejarah politik di-Malaya". (Proceeding F.L.C. Feb. 1950 - Jan. 1951, m.394 - 400).

ada-lah di-kuasai oleh majlis yang mengandungi orang2 yang di-pilih dengan chara pilihanraya. Untuk menchapaikan chara pentadbiran saperti ini, maka tiap2 buah daerah di-dalam sa-sabuah negeri ada-lah di-bahagikan kepada beberapa buah kawasan dan tiap2 buah kawasan ini ada-lah di-letakkan di-bawah pentadbiran satu pehak yang berkuasa tempatan. Pehak yang berkuasa tempatan ini ada bermacam2 jenis dan tiap2 satu-nya ada-lah di-serahkan di-bawah undang2 yang tertentu. Jenis2 pehak yang berkuasa tempatan itu ia-lah:—

- (a) perbandaran;
- (b) majlis bandaran;
- (c) majlis daerah luar bandar;
- (d) lembaga bandaran;
- (e) majlis tempatan.

Tiap2 sa-buah negeri bukan-nya mempunyai kesemua lima2 jenis pehak yang berkuasa tempatan ini; umpama-nya perbandaran hanya-lah ada empat buah sahaja di-Malaya ini, ia-itu Perbandaran Pulau Pinang, Perbandaran Ipoh, Perbandaran Kuala Lumpur dan Perbandaran Melaka. Majlis daerah luar bandar hanya-lah ada di-negeri Pulau Pinang dan Melaka sahaja dan di-dalam kedua2 buah negeri ini majlis bandaran, lembaga bandaran dan majlis tempatan tidak-lah ada tetapi ketigaz jenis pehak yang berkuasa tempatan ini ada-lah terdapat di-dalam negeri di-Tanah Melayu. Yang demikian, gambaran yang ada pada masa ini ia-lah seperti di-bawah ini:—

- (a) dalam negeri Pulau Pinang dan Melaka, pehak yang berkuasa tempatan dalam tiap2 buah negeri itu ia-lah satu perbandaran dan beberapa buah majlis daerah luar bandar;
- (b) dalam negeri Perak dan Selangor, pehak yang berkuasa tempatan dalam tiap2 buah negeri itu ia-lah satu perbandaran, beberapa buah majlis bandaran, lembaga bandaran dan majlis tempatan;
- (c) dalam negeriz yang lain daripada yang tersebut di atas, pehak yang berkuasa tempatan dalam tiap2 buah negeri itu ia-lah beberapa buah majlis bandaran, lembaga bandaran dan majlis tempatan.

Sunggoh pun dalam tiap2 buah negeri ada beberapa buah pehak yang berkuasa tempatan, tetapi bukan-lah seluroh negeri itu semua-nya di-

liputi oleh pehak yang berkuasa tempatan. Ada juga tempat2 dan kawasan2 yang tidak di-liputi oleh-nya. Yang demikian, tempat2 ini ada-lah menjadi tanggong-jawab yang utama kepada pegawai2 daerah, penghulu2 mukim dan ketua2 kampong yang berkenaan untuk merapatkan ra'ayat yang tinggal di-situ dengan kerajaan dan juga memberi apa2 bantuan yang perlu di-beri kepada mereka.

Perbandaran

Di-Malaya ini ada empat buah perbandaran, ia-itu Majlis Bandar Raya Georgetown di-Pulau Pinang, Perbandaran Bandar dan Kubu Melaka, Perbandaran Kuala Lumpur sa-bagai Ibu Kota Persekutuan dan Perbandaran Ipoh.

Perbandaran Georgetown dan Perbandaran Bandar dan Kubu Melaka ada-lah di-wujudkan oleh Kerajaan British sa-belum daripada tahun 1913.⁸

Perbandaran Kuala Lumpur ada-lah di-wujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 15hb. Mach, tahun 1948,⁹ dan Perbandaran Ipoh di-wujudkan oleh Kerajaan Negeri Perak pada 31hb. Mach, 1962.¹⁰

Sa-suatu perbandaran itu ia-lah sa-buah pehak yang berkuasa tempatan yang mempunyai kewajiban, tugas dan kuasa yang tertentu dalam kawasan yang terletak di-bawah bidang kuasa-nya. Di-antara kewajipan dan tugas2 itu ia-lah menjaga kebersehan bandar, mengator dan mengawalkan bangunan2 di-dalam bandar itu dan beberapa perkara lagi. Untuk membolehkan perbandaran menjalankan tugas2 ini, ia ada-lah di-beri kuasa oleh undang2 untuk memungut kadar daripada orang2 yang mempunyai harta di-dalam kawasan perbandaran itu dan membelanjakan wang itu untuk tugas2 yang tersebut di-dalam-nya. Juga perbandaran itu di-beri kuasa membuat undang2 kecil dan menggaji beberapa orang pegawai dan orang2 gaji untuk menyempurnakan kewajipan-nya. Dan lagi, untuk menyenangkan pentadbiran-nya, pehak yang berkuasa perbandaran ada-lah di-jadikan oleh undang2 sa-bagai badan yang berkanun supaya dapat perbandaran itu memegang harta sendiri, membuat kontrek, da'awa menda'awa dan lain2 lagi, sama-lah seperti sa-orang manusia biasa menyelenggarakan hal ahwal-nya sendiri.

(8) Ordinance Perbandaran Negeri Selat (Chapter 133) s. 4 dan 6.

(9) P.W. Selangor No. 63 64 65 66 67 68 dan 69 t. 1948.

(10) P.U.Pk. 119 t. 1962. Sa-belum daripada ini Ipoh ada-lah di-letakkan di-bawah Kuasa Majlis Bandaran Ipoh—P.U.R. 10 t. 1961.

Undang² mengenai perbandaran ia-lah Ordinance Perbandaran.¹¹ Ordinance itu berjalan kuat-kuasa-nya dalam Pulau Pinang dan Melaka sahaja, manakala negeriz Melayu tidak sama sa-kali mempunyai undang² yang membolehkan Kerajaan² Negeri ini mewujudkan sa-sabuah perbandaran. Yang demikian, pada tahun 1948¹² Ordinance ini telah di-perluaskan kuat-kuasa-nya kapada negeriz Melayu. Maka dengan ini Kerajaan Selangor telah mewujudkan Perbandaran Kuala Lumpur pada 15hb. Mach, tahun 1948, dan Kerajaan Perak menubohkan perbandaran Ipoh pada 31hb. Mach, 1962.

Perbandaran yang di-wujudkan sa-belum daripada tahun 1951¹³ ada-lah pada masa itu mempunyai perlumbagaan di-bawah Ordinance Perbandaran itu. Mengikut Ordinance ini, segala hal ahwal perbandaran ada-lah di-tadbirkan oleh sa-kurang²-nya lima orang Pesurohjaya yang mana sa-orang daripada-nya ada-lah di-lantek menjadi Yang di-Pertua. Kesemua Pesurohjaya ini ia-lah di-lantek oleh Raja dan Gabenor negeri yang berkenaan.

Tetapi apabila Kerajaan British telah mengadakan pilehanraya buat kali yang pertama kapada perbandaran pada tahun 1951, maka perlumbagaan perbandaran terpaksa-lah di-ubah untuk membolehkan chalunz yang berjaya dalam pilehanraya itu mengambil bahagian dalam pentadbiran perbandaran itu. Yang demikian, dua Ordinance telah di-luluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Satu Ordinance¹⁴ telah meminda Ordinance Perbandaran supaya hal ahwal perbandaran itu tidak lagi di-tadbirkan oleh beberapa orang Pesurohjaya, bahkan oleh satu Majlis, dan satu Ordinance¹⁵ lagi telah memberi kuasa kapada Kerajaan Negeri supaya membuat perlumbagaan baharu untuk perbandaran yang ada dalam negeri-nya. Majlis yang berkuasa dan bertanggong-jawab mengenai perbandaran itu ia-lah terdiri daripada sa-orang Yang di-Pertua dan Naib Yang di-Pertua (jika ada) dan beberapa orang ahli yang di-pileh dengan pilehanraya atau beberapa orang ahli yang berchampor, ia-itu sa-bahagian-nya di-pileh dan sa-bahagian-nya lagi di-lantek oleh Raja atau Gabenor negeri itu.¹⁶

(11) Ordinance Perbandaran Negeri Selat (Chapter 133).

(12) Ordinance (Perluasan Kuasa) Perbandaran, 1948. (No. 3 t. 1948).

(13) Perbandaran George Town, Perbandaran Bandar dan Kubu Melaka dan Perbandaran Kuala Lumpur mempunyai perlumbagaan saperti ini sa-belum tahun 1956.

(14) Ordinance (Pindaan) Perbandaran, 1952, No. 53 t. 1950.

(15) Ordinance (Pilehanraya Pehak Yang Berkuasa Tempatan, 1950. (No. 52 t. 1950).

(16) S. 3 dan 4 Ordinance No. 52 t. 1950.

Pilehanraya yang di-adakan kapada perbandaran dan kapada pehak yang berkuasa tempatan yang lain dalam tempoh tahun 1951 — 1961 ada-lah di-jalankan oleh negeri masing2, manakala Surohanjaya Pilehanraya pada masa itu hanya-lah berkuasa menjalankan pilehanraya kapada Dewan Ra'ayat dan Dewan Negeri sahaja. Tetapi pada tahun 1960, Act Pilehanraya Kerajaan Tempatan¹⁷ telah di-luluskan oleh Parlimen untuk di-beri kuasa kapada Surohanjaya Pilehanraya supaya bertanggong-jawab juga kapada pilehanraya kerajaan tempatan. Mengikut undang2 ini sa-kali lagi perbandaran2 yang ada terwujud (sa-lain daripada Perbandaran Kuala Lumpur)¹⁸ akan menerima satu perlombagaan baharu daripada Raja atau Gebenor negeri-nya. Perlombagaan baharu ini lebuh kurang-nya sama-lah juga seperti perlombagaan yang di-beri pada tahun 1951, ia-itu segala hal ahwal perbandaran ada-lah di-tadbirkan oleh sa-buah Majlis yang mengandungi sa-orang Yang di-Pertua dan sa-orang Naib Yang di-Pertua (jika ada) dan beberapa orang ahli yang berchampor, ia-itu sa-bahagian-nya di-pileh dan sa-bahagian-nya di-lantek. Ramai-nya ahli2 bagi sa-sabuah Majlis itu ia-lah tidak kurang daripada enam orang dan tidak lebuh daripada dua puluh empat orang dan kebanyakan ahli2 itu hendak-lah ahli2 yang di-pileh.¹⁹

Oleh kerana perbandaran Ipoh di-wujudkan kemudian daripada tahun 1960, maka perlombagaan-nya yang pertama dan yang ada pada masa Act Pilehan raya Kerajaan Tempatan berjalan kuat kuasa-nya ada-lah terus menurut undang2 itu.²⁰

Perlombagaan baharu ini sa-lagi berjalan kuat-kuasa-nya tidak boleh di-pinda melainkan dengan di-luluskan satu undang2 oleh Dewan Negeri yang berkenaan.²¹

Baharuz ini oleh kerana memandangkan kapada apa yang berlaku di-satengah2 perbandaran, Parlimen telah memindakn²² undang2 mengenai perbandaran untuk memberi kuasa kapada Dewan Negeri yang berkenaan memindahkan pentadbiran perbandaran daripada Majlis

(17) Act No. 11 t. 1960.

(18) Perbandaran Kuala Lumpur di-keluarkan daripada kuat-kuasa Act ini s. 24.

(19) S.4, Act No. 11 t. 1960. Perlombagaan Majlis Bandar Raya George Town P.U. P.P. 2 t. 1961.

(20) P.W.K. Perak dan Perlombagaan Perbandaran Bandar dan Kubu Melaka. P.U.MK. 4 t. 1961.

(21) S. 4(6), Act No. 11 t. 1960. Ini ia-lah kerana Perlombagaan baharu itu di-buat dengan persetujuan Dewan Negeri - s.4(3) Act No. 11 t. 1960.

(22) Act (Pindaan)(No.2) Pilehanraya Kerajaan Tempatan, No. 67 t. 1966.

yang tersebut kepada sa-orang pegawai atau sa-buah pehak yang berkuasa awam atau kepada sa-orang yang lain. Jika pindah kuasa ini telah dibuat, maka perlembagaan perbandaran itu atau sa-takat mana yang telah di-tentukan dalam perentah pemindahan kuasa itu ada-lah di-anggapkan sa-bagai di-gantong dan langsung tidak berjalan apaz kuat-kuasa-nya. Dengan ini kedua2 Dewan Negeri Pulau Pinang²³ dan Melaka²⁴ telah meluluskan undang2 untuk di-beri kuasa kepada Ketua Menteri Negeriz ini memindahkan kuasa yang tersebut, dan sekarang kuasaz yang dipunyai oleh Majlis Bandar Raya Georgetown buat sementara waktu²⁵ telah pun di-pindahkan kapada Ketua Menteri Pulau Pinang²⁶ dan kuasa yang di-punyai oleh Perbandaran Bandar dan Kubu Melaka kapada Ketua Menteri, Melaka.²⁷ Yang demikian, ada masa ini ada satu perbandaran sahaja, ia-itu Perbandaran Ipoh, yang maseh lagi di-tadbirkan oleh Majlis Perbandaran itu sendiri.

Perbandaran Kuala Lumpur.

Perbandaran Kuala Lumpur ada-lah menjadi Ibu Kota Persekutuan dan telah di-wujudkan oleh Kerajaan Selangor pada 15hb Mach tahun 1948,²⁸ ia-itu sa-telah Ordinance Perbandaran berjalan kuat-kuasanya di-negeri itu. Sa-belum daripada ini, Kuala Lumpur ia-lah hanya satu lembaga perbandaran sahaja. Untuk mewujudkan perbandaran ini, Kerajaan Selangor telah mengambil tindakan2 saperti berikut, ia-itu:—

- (a) menentukan sempadan2 perbandaran Kuala Lumpur;
- (b) meletakkan perbandaran ini di-bawah Ordinance Perbandaran dan memberi kapada-nya kuasaz di-bawah Ordinance itu;
- (c) melanjutkan kuat-kuasa segala undang2 kecil dan peratoranz yang di-buat oleh lembaga bandaran yang terdahulu daripada perbandaran ini;

(23) Enactment (Pindaan) Perbandaran, 1966 - Pulau Pinang.

(24) Enactment (Pindaan) Perbandaran, 1966 - Melaka.

(25) Sementara mendapat laporan daripada Surohanjaya Penyiasat yang dilantek untuk menyiasat hal ahwal pentadbiran Majlis Bandar Raya George Town.

(26) Perentah (Pemindahan Tugas) Majlis Bandar Raya George Town 1966 - P.U. P.P. 46 t. 1966; Perlantikan Surohanjaya Penyiasat - P.U. P.P. 45 t. 1966.

(27) Perentah (Pemindahan Tugas) Majlis Perbandaran Melaka, 1966, dan Perentah (Penggantongan) Perlembagaan Perbandaran Bandar dan Kubu Melaka 1966 - P.U. Mk. 26 dan 27 t. 1966.

(28) P.W.SI. No. 63 - 69 t. 1948.

- (d) melantek enam-belas orang Pesurohjaya untuk mentadbirkan hal ahwal Perbandaran Kuala Lumpur, yang mana sa-orang daripada-nya, Mr. H.T.W. Oswell, pegawai M.C.S., dilantek menjadi Yang di-Pertua kepada perbandaran itu.

Pada tahun 1951, apabila pilehanraya telah di-adakan kapada Perbandaran ini sa-bagaimana yang telah di-adakan kapada Perbandaran Georgetown dan Perbandaran Bandar dan Kubu Melaka, maka Perbandaran Kuala Lumpur telah juga mendapat satu perlombagaan baharu. Mengikut perlombagaan ini, Perbandaran Kuala Lumpur telah ditadbirkan oleh satu Majlis yang mengandungi sa-orang Yang di-Pertua, sa-orang Naib Yang di-Pertua (jika ada) dan lapan-belas orang ahli meshuarat, yang mana dua-belas orang daripada-nya ada-lah di-pileh dengan jalan pilehanraya dan enam orang lagi ada-lah di-lantek oleh Kerajaan Negeri.²⁹

Pada tahun 1960, apabila Act Pilehanraya Kerajaan Tempatan telah di-luluskan oleh Parlimen untuk di-beri kuasa kapada Surohanjaya Pilehanraya menjalankan pilehanraya kapada perbandaran,³⁰ Perbandaran Kuala Lumpur tidak langsung di-sentoh oleh Act ini bahkan dengan terang2-nya di-keluarkan daripada kuatkuasa Act ini.³¹ Yang demikian, perlombagaan yang di-buat pada tahun 1951 itu di-kekalkan sa-hingga sampai 1hb April, 1961. Pada tarikh itu, perlombagaan Perbandaran Kuala Lumpur telah di-mansokhkan oleh Act Ibu Kota Persekutuan, 1960³².

Perlombagaan Perbandaran Kuala Lumpur sekarang ada-lah di-dapati dalam Act Ibu Kota Persekutuan. Mengikut Act ini pentadbiran Perbandaran Kuala Lumpur ada-lah di-serahkan kapada sa-orang Pesurohjaya yang di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong. Pesurohjaya ini di-jadikan oleh undang2 sa-bagai satu badan yang berkanun dengan gelaran Pesurohjaya Ibu Kota Persekutuan — Kuala Lumpur. Segala kuasaz dan kewajipan mengenai Perbandaran ini ada-lah terletak ditangan-nya dan di-jalankan oleh-nya. Untuk menyenangkan Pesurohjaya Ibu Kota menjalankan tugas2-nya, Act ini telah mewujudkan satu Lembaga Penasihat³³ yang terdiri daripada beberapa orang yang mana semua-nya di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong. Meshuarat Lembaga

(29) P.W.SI. No. 351 t. 1951.

(30) S. 24 Act No. 11 t. 1960.

(31) S. 21 Act No. 11 t. 1960.

(32) S. 6 Act No. 35 t. 1960 dan

Penasihat ini ada-lah di-pengerusi oleh Pesurohjaya. Walau pun Lembaga Penasihat ini kerja-nya ia-lah memberi nasihat kepada Pesurohjaya, tetapi tidak termesti-nya nasihat itu di-turut oleh Pesurohjaya. Dia di-beri kebebasan menjalankan kuasa-nya dan menyempurnakan kewajipan walau pun bertentang dengan keputusan lembaga ini. Dan lagi, supaya membolehkan Menteri yang bertanggong-jawab mengenai hal ahwal Ibu Kota mengetahui apa yang berlaku dan mengawal polisiz Perbandaran Kuala Lumpur, Menteri itu berhak menerima tiap2 tahun satu laporan daripada Pesurohjaya dan laporan ini akan di-bentangkan ka-dalam Dewan Ra'ayat. Sa-lain daripada ini, Menteri yang berkenaan itu juga berhak memberi apaz arahan mengenai perkara yang mesti di-ikuti oleh Pesurohjaya itu.

Majlis Daerah Luar Bandar.

Majlis Daerah Luar Bandar hanya-lah boleh di-dapati dalam negeri Pulau Pinang dan Melaka sahaja. Sa-sabuah Majlis ini ia-lah satu pehak yang berkuasa tempatan yang di-wujudkan oleh Kerajaan yang berkenaan di-bawah sekshen 399 Ordinance Perbandaran, dan Majlis ini ada-lah di-sifatkan oleh undangz sa-bagai sa-buah badan yang berkanun dan mempunyai tugasz, kuasa dan kewajipan sa-bagaimana yang di-tentukan oleh Kerajaan yang berkenaan di-dalam siaran Warta Kerajaan mengenai pertubuhan-nya.

Di-Pulau Pinang ada empat buah Majlis Daerah Luar Bandar. Keempatz buah Majlis ini ada-lah mempunyai perlembagaan yang di-beri pada tahun 1961 di-bawah Act Pilehanraya Kerajaan Tempatan. Tiap2 buah Majlis ini semua-nya mempunyai ahli2 meshuarat yang di-pileh dengan jalan pilehanraya. Tidak ada sa-orang pun ahli yang di-lantek. Keempatz Majlis ini ia-lah saperti berikut:—

- (a) Majlis Daerah Luar Bandar Pulau Pinang;³³
- (b) Majlis Daerah Utara Seberang Prai;³⁴

- (33) Mempunyai 15 orang ahli yang di-pileh, termasok-lah sa-orang pengurus - P.U. P.P. 17 t. 1961. Majlis ini telah di-wujudkan pada tahun 1940 - P.W. 4436 t. 1940.
- (34) Mempunyai 18 orang ahli yang di-pileh, termasok-lah sa-orang pengurus - P.U.P.P. 15t. 1961. Terdahulu daripada ini ada 2 Majlis, ia-itu Majlis Bandaran Butterworth yang di-wujudkan dalam tahun 1952 dan Majlis Daerah Luar Bandar Utara yang di-wujudkan pada tahun 1953 (P.W.P.P. 371 t. 1952 dan P.W. 34 t. 1953). Kedua2 Majlis ini telah di-satukan oleh P.U. P. P. 15 t. 1961 dan di-kenali dengan nama Majlis Daerah Utara Seberang Perai.

- (c) Majlis Daerah Tengah Seberang Prai;³⁵
- (d) Majlis Daerah Selatan Seberang Prai.³⁶

Di-Melaka ada tiga buah Majlis ini, tetapi pengerusi bagi tiap2 buah Majlis Daerah Luar Bandar di-Melaka bukan-nya terdiri daripada ahli yang di-pileh bahkan ia-lah Pegawai Daerah bagi kawasan itu. Dan lagi kesemua ahli2 bagi tiap2 buah Majlis Daerah Luar Bandar di-Melaka bukan-lah terdiri daripada ahli yang di-pileh bahkan ada mempunyai tidak lebuh daripada tiga orang ahli yang di-lantek oleh Kerajaan Negeri. Majlis2 Daerah Luar Bandar di-Melaka ia-lah seperti berikut:—

- (a) Majlis Daerah Luar Bandar Melaka Tengah;³⁷
- (b) Majlis Daerah Luar Bandar Alor Gajah;³⁸
- (c) Majlis Daerah Luar Bandar Jasin.³⁹

Lembaga Bandaran dan Majlis Bandaran.

Dalam Negeriz Melayu Majlis Daerah Luar Bandar tidak-lah ada. Pehak yang berkuasa tempatan dalam negeriz ini yang sama sa-taraf dengan Majlis Daerah Luar Bandar ia-lah Lembaga Bandaran dan Majlis Bandaran.

Perkataan Lembaga Bandaran dan Majlis Bandaran tidak-lah ada banyak bedza-nya. Kedua2-nya ia-lah pehak yang berkuasa tempatan yang di-wujudkan di-bawah Enactment Lembaga Bandaran yang ada berjalan kuat-kuasa-nya dalam negeriz itu.⁴⁰ Yang berbedza-nya ia-lah tentang nama-nya sahaja, ia-itu apabila sa-sabuah pehak yang ber-

-
- (35) Mempunyai 15 orang ahli yang di-pileh termasuk-lah sa-orang pengerusi - P.U. P.P. 18 t. 1961. Terdahulu daripada ini ada dua Majlis, ia-itu Majlis Bandaran Bukit Mertajam yang di-wujudkan pada tahun 1952 dan Majlis Daerah Luar Bandar Tengah yang di-wujudkan dalam tahun 1953 (P.W. P.P. 372 t. 1952 dan P.W. 35 t. 1953). Mulai pada 1.4.61 kedua2 Majlis ini telah di-satukan dan di-kenali dengan nama Majlis Daerah Tengah oleh P.U. P.P. 18 t. 1961.
 - (36) Mempunyai 19 orang ahli yang di-pileh termasok sa-orang pengerusi - P.U. P.P. 16 t. 1961. Majlis ini telah di-wujudkan pada tahun 1954 tetapi pada masa itu nama-nya ia-lah Majlis Daerah Luar Bandar Selatan (P.W. P.P. 33 t. 1954)
 - (37) Mempunyai sa-orang pengerusi (Pegawai Daerah), 19 orang ahli yang di-pileh dan 3 orang ahli yang di-lantek - P.U. Mk. 12 t. 1961.
 - (38) Mempunyai pengerusi (Pegawai Daerah) 19 orang ahli yang di-pileh dan 3 orang ahli yang di-lantek - P.U. Mk. 13 t. 1961.
 - (39) Mempunyai pengerusi (Pegawai Daerah), 15 orang ahli yang di-pileh dan 3 orang ahli yang di-lantek - P.U. Mk. 14 t. 1961.
 - (40) Enactment Lembaga Bandaran N.M.B. (Chapter 137); Enactment Johor No. 118; Enactment Terengganu No. 12 t. 1355 atau chapter 64 dan Enactment Kesihatan dan Perbandaran Kelantan No. 20 t. 1938.

kuasa tempatan yang di-wujudkan di-bawah Enactment Lembaga Bandaran itu mempunyai ahli2 yang di-pileh dengan chara pilehanraya, maka nama yang di-beri kapada pehak yang berkuasa tempatan itu ia-lah Majlis Bandaran dan ahli2-nya di-kenali dengan nama Ahli Mashuarat Majlis Bandaran. Tetapi jika tidak di-adakan pilehanraya kapada pehak yang berkuasa tempatan itu, maka pehak yang berkuasa ini ada-lah masch di-kenali dengan nama Lembaga Bandaran seperti biasa ju.

Pada mulaz-nya pehak yang berkuasa tempatan ini di-namakan Lembaga Kebersihan. Tetapi pada tahun 1939, nama-nya telah di-ubahkan kapada Lembaga Bandaran. Lembaga ini ada-lah terdiri dari-pada beberapa orang pegawai kerajaan dan orang2 yang bukan pegawai, yang mana kesemua-nya ada-lah di-lantek oleh Raja Negeri yang berkenaan. Sa-orang daripada mereka ini ada-lah di-lantek menjadi Yang di-Pertua bagi Lembaga Bandaran itu. Biasa-nya Yang di-Pertua Lembaga Bandaran ia-lah Pegawai Daerah di-tempat Lembaga Bandaran itu. Untuk menjalankan kerjaz-nya Lembaga Bandaran itu mempunyai sa-orang Setia-usaha dan beberapa orang pegawai dan juga beberapa buah jawatan-kuasa yang di-lantek oleh-nya.

Apabila pilehanraya telah di-adakan kapada pehak yang berkuasa tempatan bagi kali yang pertama pada tahun 1951, di-bawah Ordinance Pilehanraya Pehak Yang Berkuasa Tempatan, Lembaga Bandaran yang di-kenakan pilehanraya itu telah mendapat satu perlombagaan baharu dan nama-nya di-ubah kapada Majlis Bandaran dan ahli-nya di-gelarkan dengan nama Ahli Mashuarat Majlis Bandaran.

Pada tahun 1961, apabila tanggong-jawab mengenai pilehanraya kapada pehak yang berkuasa tempatan telah di-serahkan kapada Surohania Pilehanraya, Majlis Bandaran dan Lembaga Bandaran yang di-kenakan pilehanraya ini telah pula mendapat perlombagaan yang baharu. Perlombagaanz ini semua-nya berjalan kuat-kuasa-nya pada 1hb. April, tahun 1961.

Mengikut perlombagaan ini, tiap2 buah Majlis Bandaran ada-lah mempunyai dua jenis ahli: ia-itu ahli yang di-pileh dan ahli yang di-lantek. Ahli yang di-pileh ada-lah terlebih banyak bilangan-nya dari-pada ahli yang di-lantek, yang mana kebanyakan-nya ada-lah terdiri dari-pada tiga orang sahaja bagi tiap2 sa-buah Majlis itu.⁴¹ Tetapi sa-

(41) Majlis Bandaran Johor Bahru (P.U.J. 19 t. 1961);
 Majlis Bandaran Kota Bahru (P.U.Kn. 18 t. 1961) Majlis Bandaran Kuantan (P.U.Ph. 14 t. 1961); Majlis Bandaran Kuala Terengganu (P.U. Tr. 13 t. 1961).

tengah2 Majlis Bandaran ada mempunyai ahli yang di-lantek lebih ramai daripada tiga orang.⁴² Ahli2 yang di-lantek ini kebanyakannya ia-lah pegawai kerajaan, tetapi ada juga orang yang bukan pegawai kerajaan.

Tiap2 buah Majlis Bandaran mempunyai sa-orang Yang di-Pertua dan sa-orang Naib Yang di-Pertua. Naib Yang di-Pertua ini boleh di-katakan kesemua-nya ia-lah sa-orang ahli yang di-pileh. Tetapi berkenaan dengan Yang di-Pertua, boleh jadi dia ia-lah sa-orang ahli yang di-pileh atau ahli yang di-lantek atau pegawai kerajaan yang menjadi ahli yang di-lantek atau pun orang yang bukan menjadi ahli Majlis itu sama sa-kali. Chara perlantekan Yang di-Pertua nampaknya ada tiga jenis. Yang pertama, Yang di-Pertua itu di-lantek oleh kerajaan negeri yang berkenaan sa-telah berunding dengan ahli2 yang di-pileh.⁴³ Yang kedua, Yang di-Pertua itu di-lantek oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan di atas penamaan yang di-buat oleh Majlis Bandaran itu.⁴⁴ Yang ketiga, Yang di-Pertua itu di-lantek oleh Kerajaan Negeri dengan tidak berunding langsung.⁴⁵

Lembaga Bandaran dan Majlis Bandaran pada biasa-nya bukan badan yang berkanun melainkan apabila Kerajaan Negeri yang berkenaan telah memberi kuasa penoh kapada Lembaga dan Majlis itu untuk menyelenggarakan hal ahwal kewangan-nya sendiri. Kebebasan mengenai kewangan itu telah di-beri kapada sa-tengah Lembaga Bandaran dan Majlis Bandaran pada tahun 1954.⁴⁶ Yang demikian, Lembaga dan Majlis ini boleh-lah pula di-bahagikan kapada dua jenis: ia-itu Lembaga dan Majlis yang berkewangan sendiri dan Lembaga dan Majlis yang tidak berkewangan sendiri.⁴⁷

Lembaga Bandaran dan Majlis Bandaran yang tidak berkewangan sendiri pada sisi undang2 bukan badan yang berkanun dan tidak mempunyai kumpulan-wang-nya sendiri. Segala wang2 dan hasil2 yang di-pungut oleh-nya hendak-lah di-masukkan ka-dalam Kumpulan-wang

-
- (42) Majlis Bandaran Alor Setar mempunyai 8 orang ahli yang di-lantek: 5 orang pegawai kerajaan dan 3 orang bukan pegawai (P.U.K. 8 t. 1961); Majlis Bandaran Kuala Pilah ada 6 orang ahli yang di-lantek: 3 orang pegawai Kerajaan dan 3 orang bukan pegawai (P.U.N.S. 13 t. 1961).
 - (43) Majlis2 Bandaran Kuala Pilah, Johor Baharu, Alor Setar, Kangar, Kota Baharu, Kuala Terengganu dan lain2.
 - (44) Majlis Bandaran Seremban, Kuantan, Kangar, Kelang dan lain2.
 - (45) Majlis Bandaran Taiping, Kelang dan lain2.
 - (46) Lihat s. 12A Enactment Lembaga Bandaran Chapter 137 NMB - Seksyen ini telah di-tambahkan oleh Ordinance (Pindaan) Lembaga Bandaran No. 40 t. 1954.
 - (47) Di-antara Majlis Bandaran yang berkewangan sendiri ia-lah Majlis Bandaran Kelang, Seremban, Kuala Pilah, Johor Baharu.

Negeri.⁴⁸ Dan lagi, segala kuasaz yang di-punyai oleh Yang di-Pertua Lembaga Bandaran dan Majlis Bandaran itu hendak-lah di-jalankan oleh-nya dengan mengikut nasihat Lembaga dan Majlis itu.⁴⁹ Jika dia tidak bersetuju dengan nasihat^z yang di-berikan kepada-nya, maka hendak-lah dia mendapat keputusan daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan dahulu sa-bbelum daripada menjalankan kuasaz itu, dan lagi kuasanya itu hendak-lah di-jalankan oleh-nya sa-bagai sa-orang wakil kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan.⁵⁰

Lembaga Bandaran dan Majlis Bandaran yang berkewangan sendiri itu ada-lah di-sifatkan oleh undang^z sa-bagai badan yang berkanun dan mempunyai kumpulan-wang-nya sendiri. Segala wang^z dan hasil^z yang di-pungut oleh Lembaga dan Majlis ini hendak-lah dimasukkan ka-dalam kumpulan-wang ini, dan kumpulan-wang ini ada-lah terletak di-bawah kuasa dan arahan Lembaga dan Majlis itu. Pada tiap^z tahun Lembaga dan Majlis Bandaran ini ada-lah di-kehendaki oleh undang^z supaya menyiapkan satu peranggaran perbelanjaan dan hasil dan peranggaran ini hendak-lah di-serahkan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapat kebenaran-nya. Segala perbelanjaan^z yang di-buat oleh Lembaga dan Majlis ini hendak-lah di-buat untuk maksud^z yang di-benarkan oleh undang^z dan juga mengikut peranggaran yang telah di-benarkan oleh Kerajaan Negeri itu. Tiap^z Lembaga dan Majlis Bandaran ini hendak-lah membuat dan menyimpan kiraz mengenai kumpulan-wang-nya, dan kiraz ini hendak-lah di-pereksa oleh Juru Odit Negara atau sa-orang odit yang lain yang di-lantek oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan. Lembaga dan Majlis Bandaran yang berkewangan sendiri itu bukan sahaja mempunyai kuasa penoh tentang menyelenggarakan wang-nya, tetapi juga kuasaz yang di-punyai oleh Yang di-Pertua-nya tidak di-hadkan supaya di-jalankan mengikut nasihat Lembaga dan Majlis-nya. Dia ada-lah di-harap dan di-amanahkan oleh undang^z supaya menjalankan kuasaz itu dengan perasaan yang bertanggong-jawab dan segala perjalanan^z kuasa-nya itu ada-lah merupakan sa-bagai satu per-setujuan yang tercapai dalam meshuarat Lembaga dan Majlis Bandaran itu. Tetapi pada segi praktik-nya, Majlis Bandaran yang berkewangan sendiri itu nampak-nya sukar hendak menjalankan kuasaz dengan perasaan yang bebas sa-bagaimana yang di-harap dan di-amanahkan oleh undang^z. Yang demikian, pentadbiran^z menjadi bertambah burok dan

(48) Lihat s. 12 NMB Chapter 137.

(49) Lihat s. 14(3) NMB Chapter 137.

(50) Lihat s. 14(2) NMB Chapter 137.

tidak memuaskan. Untuk memperbaiki hal ahwal ini, maka undang2 telah di-ubah supaya kuasa2 yang di-punyai oleh Yang di-Pertua Majlis Bandaran yang berkewangan sendiri itu hendak-lah di-jalankan oleh Setia-usaha Majlis itu⁵¹; dan Yang di-Pertua hanya-lah di-hadkan untuk menjalankan kuasa-nya mengenai meshuarat Majlis itu sahaja.

Sa-lain daripada itu, Enactment Lembaga Bandaran bagi tiap2 buah Negeri ada mempunyai peruntukan yang membolehkan Menteri Besar bagi Negeri itu mengambil alih kuasa dan tugas sa-sabuah Majlis Bandaran atau Lembaga Bandaran kepada-nya sendiri.^{51A} Baharuz ini oleh kerana berlaku peristiwa2 yang memburokkan pentadbiran Majlis Bandaran dan untuk mengelakkan daripada terjadi-nya keburokan itu kepada Majlis Bandaran Seremban, maka Menteri Besar, Negeri Sembilan, pada 22hb. Julai tahun 1965 buat sementara waktu telah mengambil alih tugas2 Majlis Bandaran Seremban itu kepada-nya.⁵² Sementara itu, Menteri Besar Johor pula telah mengambil alih kepada-nya sendiri pentadbiran Majlis Bandaran Johor Baharu⁵³ pada 17hb. April 1966 dan Majlis Bandaran Bandar Penggaram⁵⁴ pada 4hb. Mei, 1966.

Majlis Tempatan.

Majlis Tempatan ia-lah sa-buah pehak yang berkuasa tempatan yang di-wujudkan di-bawah Ordinance Majlis Tempatan, 1952.⁵⁵ Majlis tempatan ini tidak-lah ada di-Negeri Pulau Pinang dan Melaka, kerana keduaz buah Negeri ini sudah memadai di-liputi oleh Perbandaran dan beberapa buah Majlis Daerah Luar Bandar yang di-wujudkan di-bawah Ordinance Perbandaran.⁵⁶ Yang demikian Majlis Tempatan itu hanya-lah boleh di-dapati dalam Negeriz Melayu sahaja. Banyak-nya Majlis2 ini ia-lah —

-
- (51) Seksyen 11A Act Pilihanraya Kerajaan Tempatan 1960 dan Act (Pindaan) Pilihanraya Tempatan No. 55 t. 1966.
 - (51A) Mithal-nya Enactment dan NMB Chapter 137 - s. 14(v) dan Enactment Johor No. 118 - s. 15(iii).
 - (52) P.U.N.S. 11 t. 1965 dan 21 t. 1965 - P.U.N.S. 9 t. 1965 - 24.6.1965
 - (53) P.U.J. 26 t. 1966.
 - (54) P.U.J. 31 t. 1966.
 - (55) Ordinance No. 36 t. 1952.
 - (56) Pada 30.4.1954 Ordinance Perbandaran telah di-pinda supaya di-beri kuasa kapada Gabenor negeriz ini mewujudkan beberapa buah majlis yang mana taraf-nya ada-lah terendah daripada majlis Daerah Luar Bandar - seksyen 400 Ordinance Perbandaran (di-tambah oleh Ordinance (Pindaan) Perbandaran No. 20 t. 1954). Majlis2 ini telah di-tubohkan, tetapi kemudian-nya telah di-hubarkan pula.

dalam Negeri Kelantan ⁵⁷	21 buah
dalam Negeri Kedah ⁵⁸	28 buah
dalam Negeri Johor ⁵⁹	91 buah
dalam Negeri Pahang ⁶⁰	27 buah
dalam Negeri Sembilan ⁶¹	13 buah
dalam Negeri Trengganu ⁶²	7 buah
dalam Negeri Perak ⁶³	81 buah
dalam Negeri Perlis ⁶⁴	2 buah
dalam Negeri Selangor ⁶⁵	24 buah

Penubohan Majlis Tempatan di-bawah Ordinance tahun 1952 itu merupakan sa-bagai satu hasil yang tercapai daripada usaha2 Kerajaan menchegah pemberontakan komunis dalam negeri ini. Dalam masa Dharurat tahun 1948-1960,⁶⁶ Kerajaan telah melantek satu jawatan-kuasa yang bernama Jawatan-kuasa Pendudok2 (Squatters). Jawatan-kuasa ini telah berpendapat⁶⁷ ia-itu orang2 yang diam di-tiap2 hutan dan di-pinggir2 desa atau di-tempat2 yang sukar hendak di-sampai orang ada-lah merupakan satu anchaman besar kapada keselamatan negeri ini, kerana mereka2 ini boleh di-pengarohi dan di-paksa oleh penjahat2 komunis supaya menolong mereka. Yang demikian, Jawatan-kuasa ini telah membuat shor supaya di-pindahkan mereka2 ini daripada tempat kediangan mereka ka-tempat2 senang yang di-kawal oleh Kerajaan. Shor ini telah yang di-terima oleh Kerajaan dan mereka2 ini pun di-pindahkan ka-tempat2 yang tersebut dan tempat2 itu di-namakan kampong baharu. Yang demikian, banyak-lah wujud-nya kampong2 baharu itu.

Menempatkan mereka2 ini di-kampong2 baharu tidak akan menjaminkan kemenangan kapada Kerajaan dalam usaha-nya hendak memadamkan pemberontakan komunis itu, jika sa-kira-nya mereka2 ini tidak di-beri tanggong-jawab dan di-rapatkan perasaan mereka terhadap Kera-

(57) P.U.Kn. 24 t. 1962 - 44 t. 1962.

(58) P.U.K. 15-41 t. 1962 dan 54 t. 1962.

(59) P.U.J. 5 t. 1962-95 t. 1962.

(60) P.U.Ph. 14 t. 1962 - 40 t. 1962.

(61) P.U.N.S. 12 t. 1962 - 24 t. 1962.

(62) P.U.Tr. 18 t. 1968 - 24 t. 1963.

(63) P.U.Pk. 38 t. 1962 - 118 t. 1962.

(64) P.U. Pr. 9 t. 1962 - 10 t. 1962.

(65) P.U. Sl. 20 t. 1962 - 43 t. 1962.

(66) Dharurat di-ishtiharkan beranak pada 13.7.1948 (WKP 1921 t. 1948) dan tamat pada 31hb Julai 1960 - P.U. 185 t. 1960.

(67) Laporan Jawatan-kuasa Pendudok (Proceeding F.L.C. No.40 - Feb. 1950 -Jan. 1951 dan No. 33 Mach 1952 - Feb. 1953).

jaan. Walau pun beberapa buah Jawatan-kuasa Kampong dan beberapa pasukan Penjaga2 Kampong telah di-tubohkan, mas'alah ini belum lagi selesai. Pada akhir-nya dalam bulan Mei tahun 1952, satu rang undang2 bertajok rang undang2 Majlis Kampong Baharu telah di-kemukakan oleh Kerajaan ka-dalam Majlis Perundangan Persekutuan.⁶⁸ Tujuan rang undang2 ini ia-lah untuk memberi peluang kapada penduduk2 kampong baharu mengambil bahagian dalam pentadbiran kampong mereka. Pada ketika membahathkan rang undang2 itu, Allah Yarham Dato' Onn bin Ja'afar yang pada masa itu menjadi Ahli bagi Hal Ahwal Dalam Negeri telah menyebutkan harapan-nya ia-itu oleh kerana Dharurat penubuhan kerajaan tempatan yang bertanggong-jawab pada peringkat kampong tidak-lah boleh di-tanggoh2 lagi.⁶⁹

Tiap2 buah Majlis Tempatan itu ada-lah di-sifatkan oleh undang2 sa-bagai satu badan yang berkanun mempunyai segala kuasaz dalam kawasan yang di-tentukan termasok di-bawah bidangkuasa-nya. Sa-bagai satu badan yang berkanun, sa-sabuah Majlis Tempatan itu dapat memegang harta-nya sendiri dan membuat sa-barang konterek. Tiap2 buah Majlis Tempatan boleh melantek sa-orang setia-usaha atau bendahari dan beberapa orang kaki-tangan lagi. Perlantekan ini hendak-lah di-buat dengan persetujuan Pegawai Daerah. Tiap2 buah Majlis Tempatan ada mempunyai Kumpulan wang-nya sendiri, yang mana segala hasil2 yang di-pungut oleh-nya di-masukkan ka-dalam-nya.⁷⁰

Mengikut Ordinance Majlis Tempatan tiap2 buah Majlis ini mempunyai ahli2-nya yang tidak lebih daripada 15 orang dan tidak kurang daripada 7 orang. Ahli2 ini ada-lah di-pileh, tetapi Kerajaan Negeri yang berkenaan ada kuasa melantek tidak lebih daripada $\frac{1}{3}$ daripada jumlah ahli2 itu.⁷¹

Sa-belum daripada Surohanjaya Pilehanraya bertanggong-jawab mengenai pilehanraya Kerajaan tempatan, pilehanraya kapada Majlis Tempatan ada-lah di-jalankan di-bawah peratoran yang di-buat oleh Pegawai Daerah. Tetapi pada tahun 1961 tanggong jawab mengenai hal ini telah

(68) Tujuan dan maksud rang undang2 itu berbunyi demikian, ia-itu menyerahkan kapada orang awam satu chara pemerentahan yang menasabah di-bawah pertunjok Pegawai Daerah dan juga meletakkan satu asas Kerajaan demokrasi pada tingkat yang penting. (Lihat W.K.P. 1473 tarikh 1.5.1952).

(69) Proceeding F.L.C. No. 40 1952 - Feb. 1953 m. 186 dan berikut.

(70) S. 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 12 Ordinance No. 36 t. 1952.

(71) S. 5, Ordinance No. 36 t. 1952.

di-serahkan kepada Surohanjaya Pilehanraya. Dengan ini, tiap2 buah Majlis Tempatan telah di-beri satu perlembagaan baharu.⁷²

Mengikut perlembagaan baharu ini, sa-sabuah Majlis Tempatan itu mempunyai sa-orang Yang di-Pertua, sa-orang Naib Yang di-Pertua dan beberapa orang ahli yang lain. Ahli2 ini kebanyakannya ia-lah di-pileh dan sa-bahagiaan kecil daripada-nya ada-lah di-lantek oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan. Chara melantek Yang di-Pertua itu nampak-nya ada tiga jenis. Yang pertama,⁷³ ia ada-lah di-lantek oleh Kerajaan Negeri apabila ia telah di-namakan oleh Majlis Tempatan itu. Yang kedua,⁷⁴ ia ada-lah di-lantek oleh Kerajaan Negeri dengan tidak payah di-rundingkan lagi perlantekan itu; dan yang ketiga,⁷⁵ dia ada-lah di-lantek oleh satu ketetapan Majlis Tempatan itu sendiri dan perlantekan itu di-sahkan oleh Kerajaan Negeri. Naib Yang di-Pertua adalah di-lantek oleh Majlis itu sendiri untuk mangganti Yang di-Pertua apabila dia tidak dapat bertugas kerana udzor dan sa-bagai-nya.

Dari semenjak tarikh Mereka perkembangan dalam lapangan Kerajaan Tempatan ada-lah dengan chara besar2an, sa-hingga jarang hendak di-dapati sa-buah kampong yang tidak masok dalam lengkongan Majlis Tempatan. Dengan sebab ahli2 yang menduduki kerusi dalam sa-sabuah badan Kerajaan Tempatan pun tidak-lah di-pileh, maka politik dalam lapangan Kerajaan Tempatan pun tidak-lah jua berketinggalan. Tetapi malang-nya segala tugas2 dan kewajipan mengenai Kerajaan Tempatan tidak dapat di-selenggarakan oleh partiz yang berkuasa dalam lapangan kerajaan tempatan itu, Kadar2 dan chukaiz tempatan tidak di-pungut, kebersehan dan keelokan bandar di-biaakan sahaya, sa-hingga menjadi kotor dan berchukah chemakin. Dengan sebab berlaku-nya pendadbiran yang burok ini, Kerajaan Persekutuan telah melantek satu Surohanjaya bebas bagi mengkaji hal kedudukan badan2 Kerajaan Tempatan dengan tujuan hendak mengubal sistem itu. Surohanjaya bebas ini di-minta supaya menyiasat dan menimbangkan ia itu sama ada atau tidak ada faedah-nya jika di-kekalkan wujud sa-tengah daripada badan2 kerajaan tempatan itu, terutama sa-kali badan kerajaan tempatan yang berada dalam Kepala Negeri.⁷⁶

(72) S. 5A Act Pilehanraya Kerajaan Tempatan No. 11 t. 1960.

(73) Majlis2 Tempatan di-Perlis, Selangor, Johor, Kedah dan Pahang.

(74) Majlis2 Tempatan di-Negeri Sembilan.

(75) Majlis2 Tempatan di-Terengganu, Kelantan dan Perak.

(76) P.U. 291 t. 1965.

BAB XVIII

KEWARGANEGARAAN

I. Permulaan.

Konsep Nationality atau kewarganegaraan ia-lah satu konsep yang baharu,⁽¹⁾ yang hanya timbul daripada semenjak Pemberontakan Perancis dan Amerika di-dalam abad yang kedelapan belas. Konsep ini ada-lah di-fikirkan mustahak untuk menubohkan sa-sabuah negara kebangsaan yang baharu, sama ada berdasarkan kapada kedaulatan Raja atau republik ya'ani tidak beraja.

Sa-belum daripada Pemberontakan ini, perhubungan ra'ayat dengan negeri ia-lah perhubungan ta'at setia mereka kapada Raja yang memerentah negeri itu; dan ta'at setia ini bukan-nya di-tanggong kapada negeri, bahkan kapada tuboh badan Raja itu sendiri. Yang demikian jikalau sa-saorang Raja itu telah di-jatohkan daripada takhta kerajaan-nya oleh seteru-nya, maka sa-bagaimana yang di-cheterakan di-dalam hikayat Shakespeare, ra'ayat yang menjunjong ta'at setia di-Raja itu mesti-lah menurut samaz menderita nasib Raja yang malang itu. Jikalau ta'at setia ini tidak di-junjongkan kapada Raja, maka ra'ayat yang berdosa itu telah di-anggap menderhaka dan boleh-lah di-bunoh.

Tetapi daripada semenjak Pemberontakan Perancis dan Amerika satu fikiran baharu telah timbul: ia-itu manusia yang mempunyai keturunan, adat resam dan kebudayaan yang sama boleh di-chantumkan menjadi satu bangsa untuk menubohkan satu negara kebangsaan (Nation State) yang merdeka dan berdaulat. Ta'at yang dahulu-nya di-jun-

(1) Mervyn Jones: British Nationality (1956) Clarendon Press.

jong kapada Raja, maka sekarang telah beraleh dan di-tumpukan kapada negeri, dan ra'ayat pun di-gelar dengan nama national atau anak negeri. Dengan tidak mengambil masa yang panjang lagi, fikiran yang baharu ini pun telah merebak keseluroh negeri di-Benua Eropah, di-kechualikan England sahaja. Negeriz di-Benua Amerika Selatan yang berontak melawan penjajah Sepanyol dan Portugis tidak-lah jua ketinggalan. Yang demikian lebih kurang di-dalam pertengahan abad yang kesembilan belas, konsep kewarganegaraan ini sudah tersemat dengan tegoh di-sanubari ahli siasah pada zaman itu dan konsep ini-lah menjadi sa-bagai satu asas kapada pendirian sa-buah negara kebangsaan.

II. Guna-nya.

Apa-kah faedah-nya di-adakan undang² kewarganegaraan? Ti-dak-kah boleh sa-sabuah negara itu ujud dengan tidak mempunyai undang² kewarganegaraan? Sa-orang pendita Inggeris bernama Professor Clive² Parry berpendapat bahawa undang² kewarganegaraan itu bukan-lah bagitu mustahak-nya untuk perdirian sa-sabuah negara kerana kata-nya: ada negaraz pada zaman dahulu dan sekarang yang tidak mempunyai undang² ini. Umpama-nya Negara Israel hanya baharu sahaja mengadakan undang² kewarganegaraan-nya, dan bagitu jua negeri India baharu sahaja meluas dan mendalamkan undang² kewarganegaraan-nya. Sung-goh pun benar pendapat Professor ini, tetapi pada segi pemerentahan dan pentadbiran negeri amat-lah mustahak di-ketahui dan di-tentukan siapa-kah warganegara dan siapa-kah orang asing. Ini ia-lah kerana undang² Negeri pada lazim-nya lebih mengutamakan warganegara daripada orang asing. Umpama-nya :—

- (1) warganegara sahaja yang berhak masuk ka-dalam negeri walau pun dia tidak mempunyai passport;
- (2) warga negara tidak boleh di-buangkan keluar negeri;
- (3) warga negara mempunyai kebebasan bergerak ka-sana ka-mari di-seluroh negeri-nya;
- (4) sa-tengahz jawatan dan pekerjaan hanya-lah di-khaskan kapada warga negara sahaja;
- (5) warga negara berhak menerima segala faedahz dan kesenangan di-dalam negeri-nya seperti memegang jawatan, membuat pekerjaan, menerima kebajikan kemasyarakatan, kesihatan, pelajaran dan sa-bagai-nya;

(2) Clive Parry: Nationality and Citizenship Laws (1960) Stevens and Sons.

- (6) warga negara berkewajipan masuk berkhidmat di-dalam perkhidmatan tentera, jikalau di-kehendaki oleh Kerajaan;
- (7) warga negara sahaja yang boleh menjadi Ahli badan perundangan, menjadi Menteri, Hakim, Penasihat Kerajaan dan beberapa jawatan lagi.

III. Kewarganegaraan di-sisi Undang2 Antarabangsa.

Mengikut Undang2 Antarabangsa sa-sabuah negeri itu boleh membedzaikan di-antara warga negara-nya dengan orang asing. Tetapi perbedaan layanan itu di-tegah oleh Undang2 Antarabangsa sa-kiranya layanan yang di-beri kapada orang asing itu tidak sesuai benar dengan darjah peri kemanusiaan dan jatoh ka-bawah tingkat kemanusiaan yang sa-habis2 rendah. Tingkat ini di-namakan di-dalam Undang2 Antarabangsa sa-bagai Minimum Standard in International Law. Bagitulah jua layanan yang membedzaikan di-antara orang2 asing dengan sebab atau alasan negeri mereka tidak-lah jua di-benarkan oleh Undang2 Antarabangsa. Mereka sakalian mesti-lah di-beri layanan yang sama. Perbedaan yang di-luluskan hanya-lah perbedaan di-antara warga negara dan orang asing sahaja; dan bukan-nya di-antara sa-saorang orang asing dengan sa-saorang orang asing yang lain.

Sa-kira-nya Minimum Standard in International Law atau layanan yang sa-habis2 rendah sa-kali di-dalam Undang2 Antarabangsa tidak di-berikan kapada orang asing, maka berkuasa-laah negeri-nya membuat tuntutan kapada negeri yang bersalah itu. Tetapi sa-belum membuat tuntutan ini, negeri yang menuntut itu mesti-lah berpuashati bahawa orang yang kena anjaya itu ia-lah warga negara-nya. Jikalau tidak, tunutan-nya itu tidak boleh di-terima dan tidak sah pada sisi Undang2 Antarabangsa. Dari sini arnat-lah mustahak-nya orang asing yang terkena anjaya itu mempunyai kewarganegaraan bagi sa-sabuah negeri kerana jikalau ada apaz kesusahan, dia berhak mendapat perlindungan dan pertolongan daripada negeri-nya. Sa-balek-nya pula orang yang tidak mempunyai kewarganegaraan itu tidak mempunyai negeri, dan tidak-lah pula berhak mendapat perlindungan daripada manaz negeri pun. Nasib-nya terpulang-lah kapada kasehan belas sa-suatu negeri terhadap-nya. Mithal-nya, Ahmad sa-orang yang tidak mempunyai kewarganegaraan negeri telah di-tangkap dan di-aniayai oleh negeri Ruratania. Walau pun Kerajaan Malaysia chintakan kepada demokrasi, dan hak asasi kemanusiaan, maka tidak-lah dapat Kerajaan kita membuat apaz bantahan kapada Kerajaan Ruratania, sebab-nya Ahmad bukan

warga negara Malaysia. Tetapi sa-kira-nya Ruratania itu menjadi ahli di-dalam Perkumpulan Bangsaz Bersatu, hal ini boleh-lah di-kemukakan oleh Malaysia kepada Majlis Perkumpulan itu.

Dengan ini nyata-lah kapada kita bahawa undang2 kewarganegaraan itu amat-lah berguna, kerana kesemua negeri di-dalam dunia ini menjalankan pentadbiran mereka dengan berdasarkan kapada perbedaan di-antara warga negara dengan orang asing. Undang2 kewarganegaraan mesti-lah menentukan siapa-kah yang menjadi warga negara dan siapa-kah yang tidak. Mengikut Undang2 Antarabangsa pula, sa-bagaimana yang di-chatitkan di-dalam Perkara yang Pertama Perjanjian Hague pada tahun 1930, maka terpulang-lah kapada tiap2 negeri masing2 untuk menentukan warga negara-nya, sa-kadarkan Undang2 kewarganegaraannya mesti-lah jangan berlawan dengan Undang2 Antarabangsa, dan juga jangan-lah di-buat dengan sa-kehendak hati sahaja dengan tidak menghiraukan apa yang benar. Kira-nya Undang2 itu berlawanan dengan Undang2 Antarabangsa, atau pun di-buat dengan tidak menghiraukan apa yang benar, maka tidak-lah wajib bagi sa-sabuah negeri lain mengaku dan mengiktiraf undang2 itu. Kerajaan sa-sabuah negeri yang merdeka dan berdaulat ada mempunyai hak untuk menepikan undang2 yang di-buat oleh negeri lain. Di-dalam Undang2 Antarabangsa kesemua negeri yang merdeka dan berdaulat itu di-pandang sa-bagai sama rata dan sama tinggi dan tidak sa-suatu negeri pun yang di-sifatkan sa-bagai mengatasi negeriz yang lain. Di-dalam bahasa Latin, kaedah ini di-sebut par ini parem non habit imperium (di-antara yang sama sa-taraf, tidak ada sa-siapa pun yang lebih tinggi dan mempunyai kuasa tertinggi).

Batasan dan sekatan.

Sunggoh pun Undang2 Antarabangsa menyerahkan kapada negeri masing2 supaya menentukan warga negara mereka, terkadang2 ada berbangkit pertelingkahan di-antara sa-sabuah negeri dengan sa-sabuah negeri yang lain, di-sebabkan oleh dasar yang berlainan mengenai undang2 kewargegaraan. Di-dalam dunia ini tidak ada sa-buah negeri pun yang tidak mempunyai orang asing di-dalam-nya, bahkan di-dalam sa-tengah2 negeri orang asing lebuh ramai lagi daripada warga negara-nya yang asal. Oleh kerana di-fikiran mustahak untuk keamanan negeri supaya orang2 asing ini mesti di-kawal, maka kebanyakan negeriz di-Amerika Selatan telah membuat undang2: ia-itu barang suapa yang mempunyai tanah di-dalam negeri itu, walau pun dia orang asing asal-nya, maka ia ada-lah di-nasbahkan oleh undang2 negeri itu sa-bagai warga negara. Perkara

ini telah membangkit satu pertikaian di-antara negeriz Amerika Selatan dengan negeriz di-Benua Eropah. Kerana kebanyakkan orang asing yang mempunyai tanah di-Negeri Amerika Selatan ia-lah asal-nya warga negara negeriz di-Benua Eropah. Demikian juga, Amerika Sharikat telah membuat undang2 dari semenjak kemerdekaan-nya: ia-itu barang siapa tinggal di-Amerika Sharikat sa-lama lima tahun, walau pun dia tidak di-peranakan di-situ, maka dia ada-lah di-sifatkan sa-bagai juga warga negara Amerika Sharikat. Hal ini telah menjadi satu perselisihan di-antara England dan Amerika Sharikat, kerana England mensifatkan orang yang di-peranakkan di-dalam negeri-nya sa-bagai warga negara-nya, walau pun dia telah meninggalkan England dan berumah tangga di-negeri lain, dan di-dalam masa Amerika berperang sama sendiri, sa-bahagian besar daripada orang2 yang berasal daripada Ireland telah turut champor melawan Kerajaan British. Pada sisi Undang2 England orang ini maseh lagi menjadi warga negara England. Dari sini maka nyata-lah kapada kita bahawa kebebasan sa-buah negeri membuat undang2 kewarganegaraan-nya itu ada mempunyai had dan batasan-nya. Mengikut Undang2 Antarabangsa, had dan batasan itu ia-lah seperti beri-kut :-

- (1) sa-sabuah negeri itu jangan-lah membuat undang2 yang me-nyalahi Undang2 Antarabangsa;
- (2) sa-sabuah negeri itu jangan-lah berharap yang undang2-nya itu akan di-akui oleh negeri yang lain; kerana tiap2 negeri yang merdeka dan berdaulat ada berhak menolak undang2 itu jika di-dapati menyalahi adat resam dan undang2 negeri-nya sendiri;
- (3) sa-sabuah negeri itu hendak-lah membuat undang2 kewar-ganegaraan dengan berdasarkan kapada perhubungan yang sa-benar (genuine connection): ia-itu tiap2 orang yang men-jadi warga negara bagi negeri-nya mesti-lah mempunyai per-hubungan dan sharatz yang sa-benar dan patut.

Menyalahi Undang2 Antarabangsa.

Undang2 kewarganegaraan bagi sa-sabuah negeri itu jangan-lah menyalahi Undang2 Antarabangsa, kerana jikalau undang2 itu menya-lahi, negeri yang lain boleh membuat bangkangan ka-atas-nya dan tidak mengakui undang2 itu. Di-dalam satu kes yang bernama Nationality Decree in Tunis and Morocco (1923),³ pada 8 haribulan November

(3) P.C.I.J. Series B. No. 4.

tahun 1921, Kerajaan Perancis telah membuat satu undang² ia-itu ke semua orang² yang di-peranakkan di-dalam negeri Tunis dan Morocco menjadi warga negara Perancis, jika la bapa atau ibu mereka di-lahirkan di-dalam negeri itu. Dari sebab sa-bahagian besar daripada warga negara British terlibat di-dalam undang² ini, maka Kerajaan British telah membuat satu bantahan yang keras. Di-dalam bantahan ini Kerajaan British menegaskan ia-itu undang² kewarganegaraan ini menyalahi dengan satu Perjanjian yang di-tanda tangani oleh Kerajaan Perancis pada tahun 1856, yang mana Kerajaan Perancis telah berikrar bahawa warga negara British tidak boleh di-jadikan warga negara Perancis atau warga negara lain² negeri. Pada akhir-nya kes ini di-bawa kahadapan Mahkamah Tetap bagi Keadilan Antarabangsa (Permanent Court of International Justice). Di-sini Kerajaan Perancis menegaskan bahawa hal ahwal kewarganegaraan tidak-lah termasuk di-dalam bahagian perhubungan luar negeri atau (external relation) dan hanya-lah sa-mata² jatoh di-bawah kuasa dalam negeri atau (domestic jurisdiction). Tetapi Mahkamah Dunia tidak bersetuju dengan pendirian Kerajaan Perancis, dan Mahkamah ini telah membuat satu keputusan ia-itu oleh kerana perkara ini berkait dengan Perjanjian tahun 1856, perkara ini tidak-lah hanya sa-mata² jatoh di-bawah kuasa dalam negeri. Yang demikian England berhak membuat bantahan ini.

Dengan kes ini, maka nyata-lah kapada kita ia-itu walau pun hal ahwal undang² kewarganegaraan itu hak kepunyaan sa-sabuah negeri yang merdeka dan berdaulat, maka hak ini tidak boleh di-gunakan dengan menyalahi Undang² Antarabangsa.

Mengakui undang² kewarganegaraan yang lain.

Demikian-lah jua sa-balek-nya, oleh kerana undang² kewarganegaraan itu hak bagi sa-sabuah negeri maka tidak-lah menjadi kewajipan bagi sa-sabuah negeri yang lain menghormati dan mengakui undang² itu. Negeri yang lain itu berhak menolak undang² itu sa-kira-nya difikirkan berlawanan dengan dasar negeri dan undang²-nya. Mahkamah di-England dan di-Amerika, umpama-nya, tidak terima dan tidak akan memberi kesan kepada undang² negeri asing yang berdasarkan kapada jenayah.

Di-dalam satu kes yang bernama Schwarzkopf⁴ (1943), Mahkamah di-Amerika Sharikat tidak terima undang² yang di-buat oleh Hitler. Cherita-nya ia-lah berikut :—

(4) Mervyn Jones: British Nationality

Schwarzkopf ia-lah sa-orang peranakan Jerman. Pada tahun 1933 dia bertukar menjadi warga negara Austria. Pada tahun 1938 Hitler telah melanggar negeri Austria dan mena'aloki-nya. Pada masa itu Schwarzkopf sudah berada di-Amerika Sharikat hampir2 sa-lama dua tahun. Pada 6 haribulan Julai tahun 1938 Hitler membuat satu undang2 ia-itu kesemua warga negara Austria bertukar menjadi warga negara Jerman. Di-dalam bulan September tahun itu juga Schwarzkopf membuat permohonan kapada kerajaan Amerika Sharikat supaya di-masukkan menjadi warga negara Amerika Sharikat. Tetapi sa-belum daripada kewarganegaraan Amerika Sharikat di-berikan kepada-nya, dia telah di-tangkap dan di-tahan oleh kerajaan Amerika, dengan sebab dia ia-lah sa-orang warga negara Jerman, ia-itu negeri yang berseteru dan berperang dengan Amerika Sharikat pada ketika itu. Manakala kes ini sampai di-hadapan Mahkamah, satu keputusan telah di-buat oleh Mahkamah ia-itu Schwarzkopf bukan-nya menjadi warga negara Jerman. Undang2 Hitler yang bertarikh 6 haribulan Julai tahun 1938 dan memberi kewarganegaraan Jerman kepada-nya tidak boleh di-akui dan tidak pula boleh memberi bekas kapada orang2 yang berada di-luar negeri Austria dan Jerman.

Tetapi di-dalam satu kes yang lain mengenai kewarganegaraan Austria yang tinggal di-England, Mahkamah Tinggi England telah memberi keputusan ia-itu warga negara Austria yang tinggal di-England dari semenjak tahun 1937 telah bertukar menjadi warga negara Jerman. Ini berma'ana-lah Mahkamah Tinggi England⁵ memberi bekas kapada undang2 Hitler bertarikh 6 haribulan Julai tahun 1938. Yang sa-benarnya sebab2 Mahkamah membuat keputusan seperti ini ia-lah kerana pada ketika Hitler membuat undang2 itu negeri Austria telah di-kalahi dan di-ta'aloki oleh Jerman. Yang demikian, mengikut Undang2 England, manakala sa-sabuah negeri itu di-kalahkan di-dalam peperangan, maka pendudok2-nya pun jatoh-lah di-bawah kuasa kerajaan negeri yang menang itu. Kira-nya negeri yang menang itu membuat undang2 maka undang2 itu boleh-lah di-akui.

Di-dalam satu kes lagi⁶ sa-saorang Yahudi peranakan Jerman datang ka-England pada tahun 1933. Pada 25 haribulan November tahun 1941 negeri Jerman telah membuat satu undang2 meluchutkan kewarganegaraan Jerman daripada orang2 Yahudi Jerman yang tinggal di-luar

(5) In the matter of Mangold Patent (1951) 68 R.P.C.1; di-sebut oleh Mervyn Jones (di atas) m. 20.
 (6) Lowenthal v. A.G. 1948 1 All E.R. 295.

negeri Jerman. Hal ini telah sampai di-hadapan Mahkamah Tinggi England yang mana satu keputusan telah di-buat; ia-itu orang Yahudi ini tidak hilang kewarganegaraan Jerman-nya; kerana undang2 England tidak mengakui dan memberi bekas kapada undang2 yang di-buat oleh negara seterusnya di-dalam masa perang. Tetapi kira-nya undang2 itu di-perbuat di-dalam masa aman, undang2 itu boleh di-akui. Umpamanya di-dalam satu kes yang lain pula, sa-orang warga negara Jerman bernama Stoeck telah keluar daripada negeri Jerman dan pergi tinggal di-negeri Belgium di-dalam bulan October tahun 1895. Di-dalam satu tahun kemudian, dia telah mendapat satu sijil menyatakan yang ia-nya telah berhenti daripada menjadi warga negara Jerman. Walau pun demikian, dia tidak pun mendapat warga negara Belgium atau manaz negeri. Hal ini telah di-bicharakan oleh Mahkamah Tinggi England yang mana Mahkamah telah berpendapat bahawa Stoeck tidak-lah lagi mempunyai apa2 kewarganegaraan kerana sa-telah hilang kewarganegaraan Jerman, dia tidak mendapat kewarganegaraan manaz negeri. Yang demikian, dia telah menjadi sa-orang yang tidak bernegeri (*stateless person*).⁷

Perhubungan yang sa-benar.

Perhubungan di-antara sa-sabuah negeri dengan orang yang dikatakan warga negara-nya hendak-lah beralaskan kapada faktor2 yang sa-benar. Norm (peratoran) ini telah di-buat oleh Mahkamah Dunia (International Court of Justice) di-dalam satu kes yang di-bicharakan di-hadapan-nya.⁸ Di-dalam kes ini sa-orang peranakan Jerman bernama Nottobohm telah tinggal diam di-negeri Guatamala, Amerika Selatan pada tahun 1905. Pada tahun 1939 dia melawat saudara maranya di-negeri Leichestien dan langsung terus dia di-jadikan warga negara Leichestien. Di-dalam masa perang, segala harta2 kepunyaan Nottobohm yang berada di-Guatamala telah di-rampas oleh kerajaan Guatamala kerana di-anggapkan Nottobohm itu maseh lagi menjadi warga negara Jerman, ia-itu negeri musoh yang berperang dengan Guatamala. Dengan sebab rampasan harta Nottobohm ini, Kerajaan Leichestian telah membuat satu bantahan yang keras dan pada akhir-nya pertikaian ini di-bawa ka-hadapan Mahkamah Dunia. Mahkamah ini membuat keputusan ia-itu undang2 kewarganegaraan yang di-buat oleh sa-sabuah negeri itu mesti-lah beralaskan kapada faktor2 yang sa-benar; kerana kalau tidak demikian, negeri2 yang lain boleh menolak undang2 itu. Pada fikiran Mahkamah, pergi melawat atau melanchong ka-sabuah ne-

(7) Stoeck v. Public Trustee (1921) 2 Ch. 67.

(8) Nottobohm case (merits) 1955 1 C.J. Reports m 4.

geri kerana hendak berjumpa saudara mara atau sahabat handai tidaklah boleh di-sifatkan sa-bagai satu perhubongan yang sa-benar di-antara negeri lawatan dengan pelawatz atau pelanchongz-nya. Perhubongan yang sa-macham ini hanya-lah (casual) atau sambilan sahaja. Dengan sebab ini Guatamala tidak berkewajipan mengakui dan mengiktiraf bahawa Nottobohm itu ia-lah sa-orang warga negara Liechestien. Guatamala ada hak mensifatkan yang Nottobohm maseh lagi tinggal menjadi warga negara Jerman, dan rampasan harta Nottobohm dengan sebab dia sa-orang warga negara bagi negeri yang bermusoh dan berperang dengan Guatamala tidak-lah menjadi apa2 kesalahan di-dalam Undangz Antarabangsa, kerana pada sisi Undangz ini, tiap2 buah negeri yang merdeka dan berdaulat mempunyai kuasa penoh ka-atas orang dan barang yang ada di-dalam negeri-nya dan tanah jajahan ta'alok-nya.

Jikalau hanya melawat dan melanchong ka-sabuah negeri itu tidak boleh di-anggapkan sa-bagai satu perhubongan yang sa-benar, maka apa-kah faktor2 yang di-katakan perhubongan yang sa-benar, yang mana orang yang mempunyai faktor2 ini boleh di-jadikan warga negara? Undangz Antarabangsa tidak pula menentu dan menyebut factor2 ini, tetapi pada lazim-nya faktor2 yang berikut boleh-lah di-nasbahkan sa-bagai perhubongan yang sa-benar :—

- (1) kerana sa-saorang itu lahir di-negeri yang memberi kewarganegaraan kapada-nya. Ini di-namakan Jus Soli atau Undangz Tempat Peranakan;
- (2) kerana bapa-nya ia-lah sa-orang warga negara bagi negeri itu. Di-sini orang itu mesti menjadi warga negara, walau pun dia di-peranakkan di-luar negeri, tetapi sharat-nya hendak-lah bapa-nya mempunyai kewarganegaraan negeri itu. Faktor ini di-namakan Jus Sanguinis ia-itu Undangz Darah Keturunan;
- (3) jikalau sa-saorang itu orang perempuan asing dan dia telah berkahwin dengan sa-orang warga negara, dengan sebab perkahwinan ini, maka orang perempuan asing itu boleh turut menjadi warga negara, sama saperti kewarganegaraan suaminya;
- (4) kewarganegaraan itu biasa-nya di-beri kepada orangz yang lama tinggal di-dalam negeri itu, dan kechenderongan mereka ini tidak-lah lagi terhadap negeri yang lain.

IV. Kewarganegaraan Malaysia.

Di-Malaya sa-belum daripada tahun 1948, kita tidak mempunya

undang² kewarganegaraan langsung. Yang ada hanya-lah undang² mengawal keluar masuk orang² asing ka-dalam negeri ini sahaja. Keadaan yang seperti ini berlaku ia-lah kerana dasar pemerintahan British sa-mataz-nya membuka pintu negeri ini dengan sa-luas²-nya supaya dapat orang² asing masuk ka-negeri ini beramaiz dan dengan senang. Dasar yang seperti ini di-namakan "Open Door Policy" atau "Dasar Pintu Terbuka". Pemerintahan British membedzakanz di-antara warga negara British dengan ra'ayat asing hanya-lah untuk menutupkan pintu masuk ka-negeri ini kepada orang² asing yang di-fikiran boleh membawa kerosakan kapada pemerintahan mereka dan juga kapada hak² orang Inggeris. Umpama-nya undang² tahun 1922 menegah orang² asing daripada menjadi pilot kapal dan bahtera, atau jurutera kapal.⁹ Orang² asing ada-lah di-tentukan oleh undang² ini sa-bagai orang yang bukan ra'ayat British atau ra'ayat negeri naungan-nya. Dan lagi kemasukan orang² asing ka-negeri ini boleh di-tegah kira-nya mereka itu di-anggap merbahaya kapada keamanan negeri ini.¹⁰ Dan juga manaz orang asing yang masok ka-negeri ini hendak-lah mendaftarkan nama-nya dengan Pegawai Polis supaya mudah di-kawal. Undang² yang sa-macham ini ia-lah samataz untuk senang mengawalkan mereka. Tetapi tidak ada satu undang² pun yang boleh menentukan siapa-kah ra'ayat Raja Melayu di-Negeri ini. Ada ta' ada, hanya-lah satu undang² tahun 1904 yang bertajok Naturalisation Enactment atau Enactment Masokan.¹¹ Undang² ini mempunyai peruntukan supaya membolehkan orang² asing mengangkat permohonan di-masukkan menjadi ra'ayat Raja Melayu. Tetapi siapa-kah ra'ayat Raja Melayu yang asal dan sa-benar tidak disebutkan oleh undang² ini. Undang² ini pada masa sekarang telah dibatalkan dan di-gantikan dengan Undang² Ker'aayatan yang di-buat oleh tiap² buah negeri pada tahun 1952.¹²

Undang² Kewarganegaraan yang mulaz sa-kali di-buat di-Malaya ini ia-lah pada tahun 1948. Undang² ini terkandong di-dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun itu. Fasal 125 hingga Fasal 133 telah menetapkan ia-itu siapa-kah yang di-katakan warga negara

(9) Restrictions of Alien Enactment (1922) F.M.S. Cap. 116 dan S.S. Cap. 92. Ordinance Advocates and Solicitors (1947) menegah orang asing daripada menjadi peguam bela dan peguam chara di-dalam negeri ini. Orang ini mesti-lah ra'ayat British atau warga negara Komanwel.

(10) Aliens Immigration Enactment (1943) F.M.S. Cap. 115; Passenger Restriction Enactment (1922) F.M.S. Cap. 119; Aliens Ordinance S.S. Cap. 90; Passenger Restriction Ordinance S.S. Cap. 93; Enactment F.M.S. Cap. 113.

(11) Naturalisation Enactment 1904 F.M.S. Cap. 117.

(12) State Nationality Enactment 1952.

Persekutuan. Dan Fasalz ini juga telah menentukan jalan dan charaz yang hendak mendapat kewarganegaraan Persekutuan: ia-itu dengan jalan daftaran dan masukan. Undangz telah di-baiki sedikit pada tahun 1952 kerana hendak menyesuaikan dengan Undangz Warga Negara British yang telah di-pindakan pada tahun 1949. Dan juga pada tahun 1952 semua Negeriz Melayu meluluskan undangz menentukan siapa-kah ra'ayat Rajaz Melayu bagi masingz negeri. Dan barang siapa menjadi ra'ayat Raja Melayu, maka orang itu berhak menjadi warga negara Persekutuan Tanah Melayu. Ini-lah dia hal ahwal undangz kewarganegaraan di-Malaya sa-belum merdeka. Manakala merdeka, Perlembagaan Persekutuan daripada Perkara 14 hingga Perkara 31 mengandungi butirz dan peratoranz mengenai kewarganegaraan. Sunggoh pun undangz Kewarganegaraan tahun 1948 telah di-batalkan oleh Perlembagaan Persekutuan, tetapi undangz ini maseh lagi berguna dan di-pakai, kerana di-antara warga negara Persekutuan yang merdeka itu ada orang menjadi warga negara di-bawah Perjanjian Persekutuan tahun 1948. Dari itu kita mesti tahu ia-itu siapa-kah yang menjadi warga negara di-bawah Perjanjian ini. Dan juga Perjanjian ini pula berkata ia-itu ra'ayat British atau warga negara United Kingdom dan tanah jajahan-nya terus menjadi warga negara Persekutuan, kira-nya mereka itu di-lahirkan di-dalam negeri ini. Yang demikian, jikalau kita hendak mengetahui siapa-kah mereka ini, kita mesti pula membacha Undangz Inggeris terutama sa-kali undangz tahun 1949 yang bertajok British Nationality Act.

Dengan sebab ini-lah undangz kewarganegaraan di-negeri ini amat sukar hendak di-faham. Kerana ia-nya berakar dan berumbi di-dalam Undangz England, dan hanya-lah menjadi sa-bagai pokok kayu yang di-anggor pada tahun 1948 dan menjadi subor pada tahun 1957, manakala Malaya mendapat kemerdekaan.

Pada masa Singapura ada bersama2 dalam Malaysia, kewarganegaraan Malaysia ada terbahagi kepada dua jenis, ia-itu —

- (1) warga negara Malaysia yang bukan ra'ayat Singapura; dan
- (2) warga negara Malaysia yang juga ra'ayat Singapura.

Timbul-nya perdedaan ini kerana Singapura ada mempunyai undangz kewarganegaraan-nya sendiri. Tetapi apabila Singapura telah keluar daripada Malaysia, terbedaan ini pun telah tidak bererti lagi; dan sekarang kewarganegaraan Malaysia hanya-lah satu sahaja.

Faktor dan Charaz Mendapat Kewarganegaraan Malaysia.

Dalam Perlembagaan Malaysia perhubungan yang sa-benar di-antara sa-saorang dengan Malaysia yang membolehkan dia berhak men-

jadi warga negara Persekutuan itu ia-lah beralaskan kapada faktor2 sa-perti Jus Soli, Jus Sanguinis, perkahwinan dan kemastautinan. Di-bawah ini kita binchangkan faktor2 yang tersebut :—

Jus Soli. (undang2 tempat lahir)

Dalam Perlembagaan Malaysia, orang yang di-lahirkan di-antara Hari Merdeka dan bulan Oktober tahun 1962¹³ terus menjadi warga negara dengan tidak menghiraukan kewarganegaraan bapa-nya atau ibu-nya. Tetapi jika la sa-saorang itu di-lahirkan sa-lepas daripada bulan September tahun 1962, maka orang itu hanya-lah menjadi warga negara kira-nya salah satu daripada sharatz yang di-bawah ini boleh di-sem-purnakan, ia-itu:—¹⁴

- (1) pada ketika kelahiran-nya salah sa-orang daripada ibu bapa-nya ia-lah warga negara;
- (2) pada ketika kelahiran-nya salah sa-orang daripada ibu bapa-nya ialah orang yang tinggal kekal bermastautin di-negeri ini; atau
- (3) pada ketika kelahiran-nya dia tidak mempunyai kewarga negaraan manaz negeri.

Dan lagi walau pun sa-saorang itu di-lahirkan di-Malaysia, maka tidak-lah juga ia mesti menjadi warga negara Malaysia, jika bapa-nya itu bukan warga negara Malaysia, serta mempunyai kebebasan daripada guaman dan perjalanan undang2 sa-bagai-mana yang di-beri kapada wakil sa-sabuah negara yang berdaulat yang di-persembahkan dengan tauliah-nya kapada Yang Di-Pertuan Agong, ataun a bapa-nya pada masa kelahiran-nya ia-lah sa-orang musoh asing dan kelahiran-nya berlaku dalam suatu tempat yang di-duduki oleh musoh.¹⁵

Di-sini boleh-lah di-pastikan ia-itu Jus Soli di-dalam Perlembagaan Malaysia tidak di-terima dengan sa-penoh-nya; bahkan hanya-lah di-terima dengan bersharat dan sharat-nya ia-lah taraf ibu bapa-nya pada ketika di-lahirkan dia. Ia tidak menjadi warga negara, kira-nya :—

- (1) salah sa-orang daripada ibu bapa-nya bukan warga negara Persekutuan;
- (2) salah sa-orang daripada ibu bapa-nya bukan orang yang tinggal kekal bermastautin di-negeri ini;
- (3) bapa-nya sa-orang yang bukan warga negara Malaysia, dan

(13) Act (Pindaan) Perlembagaan, 1962 - No. 14 t. 1952.

(14) Bahagian I, Jadual Yang Kedua.

(15) S. 1(2) Bahagian I dan s. 2(1) Bahagian II, Jadual Yang Kedua.

mempunyai kebebasan daripada guaman dan perjalanan undang²;

- (4) bapa-nya sa-orang yang bukan warga negara Malaysia, dan ia-lah sa-orang musoh asing dan tempat di-peranakan-nya itu ia-lah di-bawah kedudukan musoh itu.

Di-sini berma'ana-lah yang Jus Soli di-negeri kita ini di-sharatkan dengan Jus Sanguinis atau undang² keturunan darah.

Jus Sanguinis atau undang² keturuna darah.

Jus Sanguinis ada juga di-pakai di-dalam Perlembagaan Malaysia sa-bagai satu faktor yang mustahak untuk menghubungkan sa-saorang dengan Malaysia. Mengikut kehendak undang² Jus Sanguinis, sa-saorang yang berketurunan warga negara itu akan tetap menjadi warga negara, walau pun dia di-peranakan di-luar negeri;¹⁶ kerana kewarganegaraan bapa-nya ada di-pesakai oleh anak-nya. Tetapi mas'alah-nya sa-takat mana-kah kewarganegaraan itu boleh di-beri kapada sa-saorang yang di-peranakan di-luar negeri. Mengikut Perlembagaan Malaysia, sa-saorang yang di-lahirkan di-luar Malaysia hanya-lah boleh menjadi warga negara, jika bapa-nya itu sa-orang warga negara dan salah satu daripada sharatz yang berikut ini di-sempurnakan ia-itu:—

- (1) bapa-nya itu sendiri di-peranakkan di-Malaysia;¹⁷ atau
- (2) bapa-nya itu sa-orang yang memegang jawatan di-dalam perkhidmatan awam Persekutuan atau Negeri;¹⁸ atau
- (3) kelahiran-nya itu di-daftarkan di-Pejabat Konsul Malaysia atau pun dengan Kerajaan Malaysia dalam tempoh satu tahun sa-lepas daripada tarikh peranakan itu, atau pun dalam tempoh yang lebih lanjut lagi kira-nya mendapat kebenaran Kerajaan.¹⁹

Di-sini nyata-lah kapada kita ia-itu kewarganegaraan sa-saorang bapa itu hanya-lah dapat di-pesakai oleh sa-orang anak yang di-lahirkan di-luar negeri, jika bapa-nya itu sendiri di-peranakkan di-Malaysia; atau berkhidmat di-bawah Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau

(16) S. 1(1)(d) dan (e) Bahagian I dan s. 1(b), (c) dan (d) Bahagian II Jadual Yang Kedua.

(17) S. 1(1)(d) Bahagian I dan s. 1(b) Bahagian II Jadual Yang Kedua. Yang demikian jika sa-orang warga negara itu tidak di-lahirkan di-Malaysia, e.g. di-lahirkan di-India atau Hong Kong atau tempat lain, anak-nya yang di-lahirkan di-luar Malaysia tidak akan menjadi warga negara.

(18) Saperti di atas.

(19) S. 1(1)(e) Bahagian I dan s. 1(c) Bahagian II Jadual Yang Kedua.

peranakan anak-nya itu di-daftarkan dengan Kerajaan Malaysia. Sharat²⁰ ini ada-lah di-kenakan kepada tiap² orang yang di-lahirkan sa-belum atau lepas Hari Malaysia.

Perkahwinan.

Perkahwinan ia-lah satu faktor yang mustahak dalam undang² kewarganegaraan. Di-satengah² negeri, manakala sa-orang perempuan asing berkahwin dengan sa-orang warga negara, maka isteri-nya pun terus menjadi warga negara atau pun terus mempunyai kewarganegaraan suami-nya. Tetapi dalam satengah² negeri, oleh kerana memandangkan kapada kebebasan wanita dan taraf persamaan-nya dengan orang laki² maka undang² kewarganegaraan bagi negeri ini tidak memberi taraf kewarganegaraan dengan terus-nya kapada perempuan² asing yang berkahwin dengan warga negara-nya; sama ada isteri asing itu menjadi warga negara atau tidak terpulang-lah kapada kehendak isteri itu sendiri. Jika dia hendak menjadi warga negara hendak-lah ia membuat permohonan dan kewarganegaraan akan di-beri kepada-nya dengan jalan daftaran. Dalam Perlembagaan Malaysia, sa-saorang isteri asing itu boleh membuat permohonan supaya di-daftarkan menjadi warga negara jika suami-nya itu telah menjadi warga negara pada awal bulan Oktober 1962 dan perkahwinan-nya itu maseh lagi kekal.²¹ Jikalau sharat ini tidak boleh di-penohi, isteri asing itu boleh juga di-daftarkan menjadi warga negara jika dia boleh memuaskan hati Kerajaan Persekutuan ia-itu:—

- (1) dia telah berkediaman dalam Persekutuan sa-lama dua tahun sa-belum di-buat permohonan itu, dan niat-nya hendak kekal bermastautin dalam Persekutuan; dan
- (2) dia ia-lah sa-orang yang berkelakuan baik.

Isteri asing hanya-lah boleh meminta di-daftarkan sa-bagai menjadi warga negara jika perkahwinan-nya itu telah di-daftarkan menurut undang² yang berjalan kuat-kuasa-nya dalam Persekutuan,²¹ tetapi sharat ini tidak di-kenakan kapada sa-orang isteri yang telah membuat permohonan kewarganegaraan sa-belum awal bulan September, 1965.

Bermastautin.

Dalam sa-tengah negeri permastautinan boleh menjadi satu faktor bagi orang² asing mendapat kewarganegaraan dengan sa-chara masukan.

(20) Per. 15(1).

(21) Per. 15(2).

Mengikut Perlembagaan Malaysia, charaz pemberian kewarganegaraan kepada orang asing yang bermastautin di-negeri ini dan berniat hendak kekal tinggal di-Malaysia ia-lah terbahagi kapada dua:—

- (1) dengan jalan daftaran; dan
- (2) dengan jalan masukan.

Sa-lain daripada isteri asing, sa-bagaimana yang di-terangkan di atas tadi, orang2 yang boleh menjadi warga negara Persekutuan dengan jalan daftaran itu ia-lah saperti berikut:—

- (1) orang yang kurang umor-nya daripada 21 tahun dan salah sa-orang daripada ibubapa-nya ia-lah warga negara Malaysia;²²
- (2) orang yang kurang umor-nya daripada 21 tahun dan di-peranakkan sa-belum daripada awal bulan Oktober tahun 1962, dan bapa-nya ia-lah warga negara Malaysia pada awal bulan Oktober tahun 1962 itu, dan juga pada ketika permohonan itu di-buat;²³
- (3) orang yang kurang umor-nya 21 tahun dengan alasan keadaan khas yang di-fikirkan patut;²⁴
- (4) orang yang berumur 18 tahun dan ka-atas, jika dia di-lahirkan²⁵ dalam Persekutuan sa-belum Hari Merdeka, dan dapat memenuhi sharatz yang tersebut di-bawah, ia-itu:—
 - (a) dia telah bermastautin dalam Persekutuan sa-lama 5 tahun dalam tempoh tujuh tahun terdahulu daripada dan hingga tarikh dia membuat permohonan; dan
 - (b) berniat hendak kekal bermastautin di-Persekutuan; dan
 - (c) berkelakuan baik; dan
 - (d) berpengetahuan bahasa Melayu yang mudah; dan
- (1) Orang yang berumur 18 tahun dan ka-atas, jika pada Hari Malaysia dia bermastautin di-Sabah atau Sarawak dan telah membuat permohonan kewarganegaraan sa-belum daripada bulan September 1971, dan jika ia dapat memenuhi sharatz yang berikut:—²⁶

(22) Per. 15(2).

(23) Per. 15(3).

(24) Per. 15A.

(25) Per. 16.

(26) Per. 16A.

- (a) dia bermastautin sa-belum Hari Malaysia di-Sabah atau Sarawak dan kemudian-nya di-manaz Negeri dalam Malaysia dan jumlah permastautinannya itu ia-lah tujuh tahun dalam tempoh sa-puloh tahun terdahulu daripada dan hingga tarikh permohonan-nya, dan jumlah ini termasuk-lah tempoh 12 bulan terdahulu daripada dan hingga tarikh itu;
- (b) dia berniat hendak kekal bermastautin di-Malaysia;
- (c) berkelakuan baik; dan
- (d) dia berpengetahuan bahasa Melayu atau Inggeris atau bahasa bumiputera Sarawak, jika ia bermastautin di-Sarawak. Sharat ini tidak di-kenakan kapada orang2 yang membuat permohonan sa-belum bulan September, 1965, dan kepada orang yang berumur 45 tahun atau lebih pada tarikh permohonan itu.

Tiap2 orang yang hendak menjadi warga negara dengan jalan daftaran hendak-lah mengangkat ta'at setia kepada Malaysia.²⁷

Kewarganegaraan Dengan Sebab Perchentuman Negeri.

Perkara 22 Perlembagaan Malaysia ada menyebutkan ia-itu jika sa-sabuah negeri lain telah masuk bersekutu dengan Malaysia sa-lepas daripada Hari Malaysia, Parlimen berhak membuat undang2 untuk menetapkan kewarganegaraan bagi orang2 yang berkaitan dengan negeri itu dan juga menetapkan tarikh orang2 itu menjadi warga negara. Oleh kerana tidak ada lagi manaz Negeri pun yang masok bersekutu dengan Malaysia sa-lepas Hari Malaysia, maka kuasa di-bawah Perkara ini belum-lah lagi di-gunakan oleh Parlimen.

Dalam kebanyakan sistem undang2, orang yang di-peranangkan sa-lepas daripada hari pertubuhan sa-sabuah negara itu di-namakan Postnati, dan orang ini di-kurniakan terus kewarganegaraan dengan tidak mengikut apaz upachara, tetapi orang yang di-peranangkan sa-belum daripada tarikh ini tidak-lah sa-terus-nya menjadi warga negara. Mereka ini di-kenali dengan nama Antenati, dan hanya-lah boleh menjadi warga negara dengan jalan masukan, kira-nya sharatz mengenai perkara ini boleh di-sempurnakan. Mengikut undang2 negeri kita, Antenati boleh menjadi warga negara dengan jalan daftaran, dan bukan-nya dengan

(27) Per. 18.

jalan masukan. Prinsip yang saperti ini telah di-buat dalam kes Calvin (1608). Nyataan kes ini ia-lah demikian: Pada 26 haribulan Mach tahun 1603, England dan Scotland telah di-chantumkan yang mana King James IV bagi negeri Scotland telah menjadi Raja di-England dengan gelaran King James I. Pada tahun 1608 satu perbicharaan telah berlaku di-hadapan Mahkamah England mengenai kewarganegaraan sa-orang budak bernama Calvin. Budak ini di-lahirkan di-Scotland sa-lepas daripada tarikh perchantuman keduaz buah negeri itu. Yang demikian Calvin ia-lah sa-orang Postani. Mahkamah di-minta memberi keputusan sama ada Calvin itu warga negara British atau tidak. Di-sini Mahkamah telah memberi keputusan bahawa Calvin telah menjadi warga negara kerana dia telah di-peranakkan sa-lepas daripada tarikh perchantuman; tetapi orang2 yang di-peranakan sa-belum daripada tarikh itu tidak-lah dengan sa-terus-nya menjadi warga negara. Mereka ini hanya-lah boleh menjadi warga negara dengan jalan masukan (naturalisation).

Maka di atas alasan prinsip ini-lah yang Jus Soli hanya di-beri kapada orang yang di-peranakkan sa-lepas daripada hari merdeka. Oleh kerana ini, maka ramai-lah orang yang di-peranakan di-negeri ini tidak boleh menjadi warga negara, sebab mereka di-lahirkan sa-belum tarikh merdeka. Yang demikian untuk menyenangkan mereka ini menjadi warga negara, maka undang2 telah membenarkan mereka ini mendapat kewarganegara dengan jalan daftaran, yang mana orang yang berumur 18 tahun atau lebih boleh-lah meminta di-daftarkan sa-bagai warga negara kira-nya dia di-lahirkan di-Persekutuan, jumlah mastautin-nya sa-lama 5 tahun dalam tempoh 7 tahun terdahulu daripada dan hingga tarikh permintaan itu, berniat hendak kekal di-sini, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang mudah.

Juga oleh kerana kewarganegara sa-orang anak itu mesti-lah sama dengan kewarganegaraan bapa-nya, maka sebab itu-lah di-benarkan di-daftar orang2 yang kurang umor-nya daripada 21 tahun menjadi warga negara.

Masokan (Naturalisation).

Di-sini patut juga di-perhatikan ia-itu untuk mendapatkan kewarganegaraan dengan jalan daftaran itu beralaskan kapada kelahiran dan permastautinan sa-saorang itu dalam Persekutuan. Tetapi bagi orang yang tidak di-lahirkan di-Malaysia, jika ia ada bermastautin di-sini, boleh-lah ia mendapat kewarganegaraan Persekutuan dengan jalan masukkan (naturalisation). Mengikut Perkara 19 Perlembagaan Perse-

kutuan, orang asing yang berumur 21 tahun atau lebih boleh-lah membuat permohonan untuk di-masukkan menjadi warga negara, kira-nya dia dapat memenuhi sharatz yang tersebut di-bawah ini:—

- (1) dia telah bermastautin di-dalam Persekutuan dalam tempoh 12 tahun terdahulu daripada dan hingga tarikh permintaan itu tidak kurang daripada 10 tahun; dan
- (2) berniat hendak kekal bermastautin di-negeri ini; dan
- (3) berkelakuan baik; dan
- (4) mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang chukup.

Tiapz orang yang akan di-masukkan menjadi warga negara hendak-lah mengangkat sumpah ta'at setia kepada Persekutuan sa-belum daripada di-berikan sijil masukan-nya itu.

Perbedzaan di-antara masukan dan daftaran sa-bagai chara orang asing bertukar menjadi warga negara ia-lah demikian. Masokkan itu di-khaskan kapada orang yang tidak di-lahirkan dalam Persekutuan, manakala daftaran itu ia-lah suatu jalan yang khas untuk orang yang di-lahirkan di-negeri ini menjadi warga negara. Tetapi dari semenjak pertubuhan Malaysia, orang yang bermastautin di-negeri Sabah dan Sarawak yang boleh memenuhi segala sharatz yang tertentu boleh-lah di-daftarkan menjadi warga negara. Satu lagi perbedaan di-antara masukan dan daftaran ia-lah tentang luchutan kewarganegaraan. Orang yang menjadi warga negara dengan jalan daftaran oleh kerana di-peranakkan dalam Persekutuan tidak boleh di-luchutkan kewarganegaraan dengan sharatz yang di-sebutkan dalam Perkara 25 Perlembagaan²⁸ Malaysia.

Ini berma'ana-laH orang itu tidak boleh di-luchutkan kewarganegaraan-nya, walau pun²⁹:—

- (1) dia telah menunjukan dengan chara gerak-geri-nya yang dia tidak ta'at setia kepada Persekutuan, atau
- (2) dia bermiaga dan berhubong dengan ra'ayat negeri asing yang berperang dengan Persekutuan; atau
- (3) dia telah di-dapati salah oleh Mahkamah mana2 negeri dan di-hukum penjara yang tidak kurang daripada 12 bulan atau denda tidak kurang daripada \$5,000/-, dan tidak pula mendapat ampun mengenai kesalahan ini.

(28) Lihat Per. 16A dan Per. 17.

(29) Per. 25(1).

Pengeluaran Sijil Kewarganegaraan.

Perlembagaan Malaysia mengandungi shartz yang boleh dikatakan senang untuk mendapat kewarganegaraan. Dari itu sa-lain daripada chara daftaran dan masukan, sa-saorang itu boleh juga di-anggap menjadi warga negara Malaysi jika kapada-nya di-keluarkan satu sijil kewarganegaraan di-bawah Perkara 30 Perlembagaan Malaysia. Sijil ini akan di-keluarkan di atas permohon yang di-buat oleh sa-saorang, yang mana hal ahwal kewarganegaraan-nya ada-lah di-dalam keadaan yang tidak terang sama ada tentang nyataan-nya atau undang2-nya.

Kehilangan Kewarganegaraan Malaysia.

Dalam Perlembagaan Persekutuan, ada dua jalan yang boleh menyebabkan sa-saorang itu hilang kewarganegaraan-nya: yang pertama dengan perbuatan-nya sendiri³⁰ menolak kewarganegaraan-nya dengan sebab dia tidak mahu lagi menjadi warga negara Persekutuan; dan yang kedua dengan perbuatan Kerajaan meluchutkan kewarganegaraan-nya dengan sebab dia telah melakukan perbuatan2 yang di-anggap tidak sesuai dengan taraf-nya sa-bagai warga negara Malaysia. Perbuatan2 yang membolehkan Kerajaan meluchutkan kewarganegaraan sa-saorang itu ia-lah seperti berikut, ia-itu:—

- (1) apabila sa-saorang warga negara itu telah menjadi warga negara asing³¹ dengan apa2 chara sa-kali pun;
- (2) apabila sa-saorang warga negara itu dengan sendiri-nya telah menggunakan dalam sa-suatu buah negeri asing segala hak2 yang hanya-lah di-beri oleh undang2 negeri asing itu kapada warga negara-nya sahaja, seperti mengundi di-dalam pilehan-rayu negeri asing itu, atau meminta passport negeri asing itu, atau meminta membaharui passport atau menggunakan passport yang di-keluarkan oleh negeri asing itu;³²
- (3) apabila sa-saorang perempuan yang menjadi warga negara Persekutuan dengan chara daftaran telah mendapat kewarganegaraan asing kerana ia telah berkahwin dengan sa-orang laki2 warga negara asing;³³
- (4) apabila sa-saorang warga negara itu menunjuk diri-nya dengan perbuatan-nya atau perchakapan-nya yang dia tidak lagi ta'at dan setia kapada Malaysia;³⁴

(30) Per. 23

(31) Per. 24(1)

(32) Per. 24(2)

(33) Per. 24(4).

(34) Per. 25(1)(a).

- (5) apabila sa-saorang warga negara itu bermiaga dan berhubung dengan warga negara bagi sa-sabuah negeri yang berperang dengan Persekutuan;³⁵
- (6) apabila sa-saorang warga negara itu dalam tempoh lima tahun daripada tarikh ia menjadi warga negara telah di-hukumkan dalam manaz negeri dengan penjara yang tidak kurang dari-pada 12 bulan atau denda yang tidak kurang daripada \$5,000 wang Malaysia dan dia tidak menerima ampun mengenai kesalahan ini;³⁶
- (7) apabila sa-saorang warga negara itu dengan tidak mendapat persetujuan Kerajaan Malaysia telah berkhidmat atau memegang jawatan dengan Kerajaan atau pehak yang berkuasa dalam negeri asing, jika untuk berkhidmat atau memegang jawatan itu dia di-kehendaki membuat sumpah ta'tat setia kepada negeri asing itu;³⁷
- (8) apabila sa-saorang warga negara itu tinggal bermastautin dalam negeri asing sa-lama tempoh lima tahun berturut2 melainkan permastautinan-nya itu di-sebabkan oleh perkhidmatan-nya dengan Kerajaan Persekutuan atau dengan pertubuhan antarabangsa yang mana Kerajaan Persekutuan menjadi ahli, atau melainkan pada tiap2 tahun dia mendaftarkan nama-nya dengan pejabat Consul Malaysia ia-itu dia maseh berhajat lagi hendak menyambong kewarganegaraannya;³⁸
- (9) apabila sa-saorang warga negara dengan jalan daftaran atau masukan telah mendapat kewarganegaraan-nya dengan jalan tipu, chakap bohong, menyembunyikan hal yang sa-benarnya atau dengan kerana kekhilapan.³⁹
- (10) apabila sa-saorang perempuan asing yang menjadi warga negara dengan sebab berkahwin dengan warga negara Malaysia itu telah bercherai dengan suami-nya dalam tempoh dua tahun daripada tarikh perkahwinan itu, melainkan percherai itu di-sebabkan oleh kematian suami-nya;⁴⁰

(35) Per. 25(1)(b).

(36) Per. 25(1)(c).

(37) Per. 25(1A)

(38) Per. 25(2).

(39) Per. 26(1).

(40) Per. 26(2).

- * (11) apabila kewarganegaraan sa-saorang itu telah hilang dengan sebab dia sendiri menolak-nya atau di-luchutkan kerana dia telah mendapat kewarganegaraan asing atau menggunakan hak2 bagi warga negara asing itu atau kerana dia mendapat kewarganegaraan Malaysia dengan jalan tipu dsb., maka bolehlah juga di-luchutkan kewarganegaraan anak-nya yang kawah bawah daripada 21 tahun jika kewarganegaraan anak-nya itu di-dapatkan dengan chara daftaran sa-bagai anak-nya.⁴¹

Sebabz yang terkandong dalam cheraian kecil (4), (5), (6), (7) dan (8) hanya-lah dapat di-kenakan kepada orang yang menjadi warga negara dengan jalan masokan dan daftaran, jika orang itu tidak di-lahirkan dalam Malaysia. Dan lagi walau macham mana sa-kali pun, orang yang di-lahirkan dalam Persekutuan tidak boleh di-luchutkan kewarganegaraan-nya dengan sebabz yang terkandong dalam cheraian kecil (4) hingga (8).⁴² Sebab yang terkandong di-dalam cheraian kecil (9) hanya-lah boleh di-kenakan kepada orang yang menjadi warga negara dengan jalan daftaran dan masokan.⁴³

Sunggoh pun Kerajaan Malaysia mempunyai kuasa meluchutkan kewarganegaraan dan keputusan Kerajaan dalam hal ini tidak boleh di-ta'wilkan lagi dalam Mahkamah,⁴⁴ tetapi kuasa ini ada had dan batasan-nya. Kerajaan Malaysia tidak boleh meluchutkan kewarganegaraan sa-saorang itu dengan alasan2 yang terkandong di-dalam cheraian kecil (4) hingga (11) melainkan sa-telah Kerajaan berpuas hati ia-itu tidak mendatangkan faedah am kira-nya di-biarkan lagi orang itu menjadi warga negara; dan perluchutan kewarganegaraan-nya tidak-lah pula berakibat yang ia tidak langsung mempunyai kewarganegaraan manaz negeri.⁴⁵

Sa-belum daripada Kerajaan meluchutkan kewarganegaraan sa-saorang itu, maka hendak-lah Kerajaan memberi satu notis kepada-nya. Notis itu hendak-lah mengandungi sebabz yang Kerajaan berchadang hendak meluchutkan kewarganegaraan-nya, dan juga memberitahu kepada-nya bahawa ia berhak meminta supaya chadangan Kerajaan hendak meluchutkan kewarganegaraan-nya di-selidiki oleh satu jawatan-kuasa siasatan. Walau pun sa-saorang warga negara itu meminta atau tidak meminta supaya di-selidiki chadangan perluchutan kewargane-

(41) Per. 26A.

(42) Per. 28(2).

(43) Per. 26.

(44) S. 2 Bahagian III Jadual Yang Kedua.

(45) Per. 26B(2).

garaan-nya, maka terpaksa-lah Kerajaan mengedarkan hal ini kapada jawatan-kuasa itu. Jawatan-kuasa itu mempunyai dua orang ahli dan sa-orang pengurus yang berpengalaman dalam hal kehakiman dan ketigaznya ada-lah di-lantekkan oleh Kerajaan. Tugas jawatan-kuasa ini semataz untuk menyiasat ; dan membuat laporan yang akan di-bentangkan kepada Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Malaysia hendak-lah menimbangkan laporan ini apabila hendak membuat keputusan sama ada ke-warganegaraan sa-saorang itu akan di-luchutkan⁴⁶ atau tidak.

V. Warga Negara Komanwel.

Sa-bagaimana yang saya nyatakan di atas tadi bahawa konsep kewarganegaraan itu ia-lah satu konsep moden yang hanya-lah timbul dari semenjak pemberontakan Perancis dan Amerika. Oleh kerana England ia-lah sa-buah negeri yang terasing dengan tanah besar Benua Eropah, maka segala peristiwa yang berlaku di-tanah besar ini tidak-lah membawa kesan yang bagitu besar di-negeri England. Yang demikian boleh-lah di-katakan undangz kewarganegaraan di-England tidak mempunyai apa2 perubahan yang besar sa-belum daripada abad yang kesembilan belas. Sa-belum daripada tarikh ini, orangz yang bukan orang Inggeris tidak boleh dengan sa-terus-nya menjadi ra'ayat British. Charaz mereka hendak menjadi ra'ayat British ia-lah dengan jalan Parlimen meluluskan satu undangz mengurniakan taraf ini kapada-nya, atau pun dengan jalan surat tauliah (charter) yang di-beri kapada-nya oleh Raja Inggeris. Pada zaman itu orangz asing tidak boleh memiliki atau mempunyai tanah, dan juga mereka tidak boleh datang membuat apa2 da'awaan di-hadapan Mahkamah biasa. Oleh kerana sa-memang-nya sukar hendak di-masukkan orangz asing menjadi ra'ayat British dengan jalan undangz Parlimen, maka ramai-lah orangz asing daripada golongan tukang, saudagar, tabib dan padri menjadi ra'ayat British dengan jalan tauliah Raja Inggeris. Dan juga oleh sebab Mahkamah biasa tidak terbuka kapada orang asing, yang kebanyakannya datang ka-England kerana bermula, maka Raja Inggeris telah membuat Mahkamah khas untuk saudagar asing ini. Mahkamah ini di-namakan "Mahkamah Saudagar."

Dalam abad yang kesembilan belas baharu-lah Parlimen serahkan kapada kerajaan kuasz memberi kewarganegaraan kapada orang asing. Dan dari semenjak ini kerajaan telah memberi taraf kera'ayatan British kapada orangz asing dengan chara meluluskan permintaan mereka sahaja.

(46) Per. 27 dan Peraturan Kewarganegaraan, 1964 - P.U. 82 t. 1964.

Charaz yang sa-umpama ini mudah dan chepat, lagi pun tidak memakan belanja yang banyak.

England ia-lah sa-buah negara yang mempunyai beberapa buah tanah jajahan (colonies) dan beberapa buah negeri naungan-nya (Protected States). Sa-orang pendita undang² Inggeris bernama Sir Francis Bacon yang amat terkenal di-dalam abad yang keenam belas berpendapat bahawa orang² yang mendiami dalam tanah jajahan dan negeri naungan British tidak-lah dengan sa-terus-nya menjadi ra'ayat British (British subject). Orang ini hanya-lah boleh di-jadikan ra'ayat British manakala mereka di-masukkan (naturalised) menjadi ra'ayat British. Yang demikian sa-belum daripada masukkan (naturalisation) mereka ini ia-lah di-anggap oleh undang² Common Law (undang² England) sa-bagai orang asing, walau pun pada sisi undang² antarabangsa mereka di-nisbahkan sa-bagai mempunyai kewarganegaraan British (British Nationality). Manakala mereka keluar daripada negeri mereka, mithalnya, mereka terpaksa memakai passport British dan berhak meminta bantuan dan pertolongan daripada Kerajaan British. Ini ia-lah kerana negeri mereka tidak merdeka dan berdaulat dan pada sisi undang² antarabangsa negeri mereka termasuk-lah di-dalam bahagian negeri dan Empayar British.

Berkenaan dengan orang yang di-peranakkan dalam tanah jajahan British pada hari atau sa-lepas daripada di-tubohkan pemerentahan British di-sana, orang ini menurut undang² England tetap menjadi ra'ayat British. Prinsip ini telah di-buat oleh Mahkamah di-dalam kes Calvin (1608) Postnati (ma'ana-nya orang yang di-peranakkan kemudian dari-pada King James yang Pertama menjadi Raja England telah di-anggap menjadi warga negara British). Berkenaan dengan orang yang di-peranakkan sa-belum daripada tarikh pertubuhan pemerentahan British di-tanah jajahan itu pula, maka bumiputera negeri itu (natives) dan orang² asing yang mendiami di-situ kesemua-nya tetap tinggal menjadi orang asing. Mereka tidak menjadi ra'ayat British melainkan dengan jalan masukan.

Berkenaan dengan orang² yang di-perankkan di-dalam negeri naungan British pula, tidak-lah menjadi apa² hal, walau pun mereka itu di-peranakkan sa-belum atau sa-lepas naungan British di-tubohkan di-negeri itu; kerana semua bumiputera-nya dan orang asing yang tinggal bertempat di-sana sa-memang-nya tetap tinggal menjadi sa-bagai orang asing pada sisi undang² England.

Sistem yang membedzakan warga negara di-antara pendudok2 di-tanah jajahan dan negeri lindongan dengan ra'ayat negeri ibuan (mother country) boleh juga di-dapati di-dalam undang2 kewarganegaraan Peranchis. Mengikut undang2 ini warga negara Peranchis yang di-namakan Ressortisants itu terbahagi kepada tiga jenis:—

- (1) Citoyens Francais atau warga negara Peranchis yang mempunyai segala hak2 yang penoh baik pun di-negeri ibuan atau di-tanah jajahan atau di-negeri lindongan;
- (2) Sajets francais atau orang di-bawah ta'alok Peranchis. Orang ini ia-lah mereka yang mendiami di-tanah jajahan Peranchis dan mereka hanya-lah mempunyai hak2 yang di-beri di-dalam tanah jajahan sahaja. Mereka tidak berhak menerima faedah2 yang ada di-negeri ibuan Peranchis sendiri;
- (3) Protege's atau orang yang dudok di-dalam negeri naungan Peranchis. Orang ini sama-lah saperti orang naungan British. Mereka tidak berhak menerima faedah2 yang ada di-dalam negeri ibuan.

Oleh kerana pendudok2 di-tanah jajahan dan negeri naungan British tidak di-anggap oleh undang2 England sa-bagai ra'ayat British, maka Majlis Meshuarat Undangan dalam tanah jajahan itu sendiri telah membuat undang2 supaya meluluskan mereka ini di-masukkan menjadi ra'ayat British. Tetapi malang-nya, kerana taraf kera'ayatan yang di-beri di-bawah undang2 itu hanya-lah di-akui dalam tanah jajahan itu sahaja dan tidak pun di-itiraf oleh tanah jajahan yang lain pun oleh England sendiri, yang demikian pada tahun 1870 Parlimen England telah meluluskan satu undang2 untuk memberi kuasa kepada kerajaan British di-London dan kerajaan tempatan di-tanah jajahan atau negeri naungan British mengurniakan taraf kera'ayatan British kapada orang2 yang kekal tinggal dalam tanah jajahan atau negeri itu. Akhirnya pada tahun 1914 Parlimen England telah meluluskan satu undang2 yang bertajok "Warga Negara British dan Taraf Orang Asing" (British Nationality and Status of Aliens Act). Undang2 ini menetapkan samula bahawa kewarganegaraan British yang asal (natural born British subject) ia-lah orang yang di-pernakan di-dalam negeriz kepunyaan Raja British. Negeriz ini termasuk-lah semua tanah jajahan British, baik pun yang sudah berkerajaan sendiri atau tidak. Berkenaan dengan orang yang di-pernakan di-dalam negeriz naungan British, oleh kerana negeri ini di-sifatkan sa-bagai negeri asing, maka mereka ini pun masch juga lagi di-anggap sa-bagai orang asing, walau

pun di-sisi Undang² Antarabangsa mereka ini di-sifatkan sa-bagai warga negara British. Mereka ini di-beri kewarganegaraan oleh undang² England pada tahun 1949 manakala undang² yang bertajok "Kewarganegaraan British" (British Nationality Act) yang di-luluskan oleh Parlimen British pada tahun 1948 telah mulai berjalan kuat-kuasa-nya. Sa-lain daripada menetapkan kewarganegaraan British, undang² tahun 1949 ini telah juga membentangkan chara² masakan orang asing menjadi warga negara British.

Daripada tahun 1914 hingga tahun 1948 beberapa buah tanah jajahan British dan negeri² di-bawah naungan-nya telah mencapai kemerdekaan. Negeri² ini ia-lah Australia, New Zealand, South Africa, India, Paksit dan Ceylon. Dengan sebab ini timbul-lah satu mas'alah ia-itu apa-kah jadi kapada penduduk² di-negara yang merdeka ini? Negera² ini telah di-akui oleh Parlimen British di-dalam undang² yang bertajok "Statute of Westminster" 1931 sa-bagai negara yang sama sa-taraf dengan England dan mempunyai kuasa seperti England juga.⁴⁷ Mengikut undang² England kewarganegaraan British itu bergantong kapada ta'at setia yang di-junjongkan kapada Raja Inggeris, dan tali perhubung ini tidak-lah putus sama sa-kali, walau pun negeri² tanah jajahan-nya sudah menjadi negara yang berdaulat dan merdeka. Prinsip yang sa-perti ini telah membangkitkan satu kegentingan manakala tanah jajahan British di-Amerika telah menjadi sa-buah negara yang merdeka dengan sa-chara berontak melawan Kerajaan British pada tahun 1776. Pada sisi undang² England orang yang mendiami di-tanah jajahan itu ia-lah warga negara British, tetapi pada sisi undang² Amerika Sharikat orang² ini ia-lah warga negara Amerika Sharikat yang baharu sahaja di-tuboh-kan itu. Empat puluh tahun kemudian perkara ini timbul di-hadapan Mahkamah Scotland, yang mana Mahkamah ini berpendapat ia-itu tidak-lah menasabah jika lau di-sifatkan sa-bahagian besar daripada penduduk²

(47) "Mereka itu ia-lah kaum yang merdeka di-dalam Empayar British, sama tinggi taraf-nya, tidak sadikit pun rendah di-antara satu dengan lain mengenai hal ahwal dalam dan luar negeri, meski pun mereka ini di-satukan dengan ta'at setia yang sama kapada Raja Inggeris, dan berchampor dengan bersendirian sa-bagai ahli bagi bangsaz Komunwel British."

("They are autonomous Communities within the British Empire, equal in status, in no way subordinate one to another in any respect of their domestic or external affairs, though united by a common allegiance to the Crown, and freely associated as members of the British Commonwealth of Nations") - Balfour Declaration (1962) - Hood Philips: Constitutional Law, 2nd Edn. p. 659.

sa-buah negara yang merdeka itu menjadi warga negara bagi sa-buah negara yang lain.⁴⁸

Di-sini terang-lah kapada kita ia-itu pendudok² tanah jajahan British tetap tinggal menjadi warga negara British, walau pun tanah jajahan itu sudah merdeka. Dengan chara apa sa-kali pun — dengan berontak atau dengan undang². Prinsip ini beralaskan kapada fahaman disisi undang² England ia-itu tiap² orang warga negara British mesti menjunjong ta'at setia-nya kapada Raja Inggeris sendiri, dan bukan-nya kapada negeri Inggeris. Oleh yang demikian tali perhubongan ta'at setia itu tidak-lah boleh menjadi putus. Oleh kerana pendudok² Negara Komanwel itu mempunyai taraf kewarganegaraan British, maka tiap² buah Parlimen di-negara itu terpaksa-lah membuat undang² kewarganegaraan yang sama dan mempunyai satu dasar dan tujuan.

Kemerdekaan India, Pakistan dan Ceylon, ia-itu Negeri Komanwel di-Benua Asia, sudah membawa satu perubahan yang besar di-dalam so'alan undang² kewarganegaraan British. Orang² India, Pakistan dan Ceylon yang sudah lama di-jajahi oleh British tidak-lah lagi suka di-kenali sa-bagai warga negara British, kerana yang sa-benar-nya mereka bukan-lah orang Eropah yang berkulit puteh dan bermata biru. Demikian-lah juga negaraz Komanwel yang lain yang mempunyai pendudok²-nya orang yang berkulit puteh tidak suka kira-nya orang² Asia itu di-kenali sa-bagai warga negara British, kerana orang² ini kelak ada mempunyai hak yang sama memasuki ka-dalam negara mereka. Umpama-nya Kerajaan Australia sa-berapa lama-nya membuat dasar pemerentahan negeri-nya menahan orang² yang bukan daripada bangsa Eropah datang mendiami di-negeri itu. Dasar ini di-namakan dasar puteh.⁴⁹ Dengan sebab segala² ini, maka Parlimen Kanada telah meluluskan satu undang² pada tahun 1947 memberi taraf kewarganegaraan Kanada kapada orang² yang mendiami Kanada, meski pun orang² yang datang daripada Negeriz Komanwel yang lain maseh juga lagi di-kenali sa-bagai warga negara British. Undang² ini di-buat kerana hendak membedzakan di-antara hak ra'ayat Kanada dengan hak ra'ayat negeri

(48) Clive Perry Nationality and Citizenship Laws m. 73.

(49) Afrika Selatan mempunyai polisi memuliakan orang puteh dan menghinakan orang hitam dan berwarna, dan di-namakan polisi ini apartheid. Bahkan England sendiri pun di-dalam tahun 1961 telah meluluskan undang² menahan dan mengawal masuk orang² yang datang daripada negeri Komanwel yang lain. Undang² ini di-buat kerana hendak memeliharkan kerjaz di-England supaya dapat di-untokkan kapada anak² negeri itu. Jikalau tidak, harus kebanyakan kerja buroh akan jatoh kangan orang Hindia Barat.

lain. Undang² yang sa-macham ini sudah berupakan satu konsep baharu, yang mana kewarganegaraan British yang biasa-nya satu atau tunggal sudah pula di-pechah²kan. Dengan hal yang demikian pada tahun 1948 satu persidangan Negeri² Komanwel telah di-adakan di-London untuk membicharakan konsep baharu yang di-timbulkan oleh Parlimen Kanada. Akhir-nya persidangan itu bersetuju bahawa tiap² negeri Komanwel yang merdeka boleh membuat undang² kewarganegaraan untuk ra'-ayat mereka. Tetapi warga negara dari manaz negeri Komanwel mesti-lah di-kenali sa-bagai warga negara Komanwel atau warga negara British. Dan mereka ini tidak-lah terjumblah di-dalam bahagian orang asing. Untuk melaksanakan persetujuan ini, maka Parlimen England telah meluluskan satu undang² yang bernama British Nationality Act (Act Kewarganegaraan British) pada tahun 1948. Undang² ini berjalan kuat-kuasa-nya pada satu haribulan Januari tahun 1949. Undang² ini menetapkan taraf kewarganegaraan United Kingdom dan tanah jajahan kapada orang yang di-peranakkan di-England, Scotland, Wales, Ireland Utara dan manaz tanah jajahan British yang belum merdeka. Orang yang dilahirkan di-dalam negeri Komanwel yang merdeka, orang ini dinamakan warga negara Komanwel atau warga negara British. Di-dalam tiap² buah negeri Komanwel pula, undang² kewarganegaraan di-luluskan oleh Parlimen masing² untuk menentukan kewarganegaraan mereka dan kewarganegaraan Komanwel. Di-Malaysia Perkara 29 Perlumbagaan Persekutuan menguntokkan ia-itu oleh kerana kedudukan Malaysia dalam Komanwel, tiap² orang warga negara Malaysia ada mempunyai taraf sa-bagai warga negara Komanwel sama dengan warga negara negeri² Komanwel yang lain. Dan lagi jika undang² di-manaz negeri Komanwel telah memberi hak dan keutamaan kapada warga negara Malaysia, maka boleh-lah juga Malaysia dengan sa-chara undang² memberi hak² dan kemudahan² saperti itu kepada warga negara bagi negeri Komanwel itu.⁵⁰

BAB XIX

BERBAGAI2 PERUNTOKAN PERLEMBAGAAN

1. Bahasa Kebangsaan.

Tiap2 buah Negara yang merdeka ada mempunyai bahasa rasmi-nya sendiri, walau pun tidak di-sebutkan dalam perlembagaan-nya apakah dia bahasa rasmi-nya itu. Dengan jalan mempunyai bahasa rasmi-nya-lah maka sa-sabuah Negara itu terkenal di-dunia ini, bahkan kekuatan dan kebesaran-nya pun memang tergantong kepada kemashhoran dan keluasan guna bahasa kebangsaan-nya. Oleh kerana Empayar British dan Perancis telah berkembangan pada masa dua abad yang lepas, maka bahasa2 mereka pun telah menjadi mashhor dan di-gunakan oleh orang2 yang di-bawah ta'lok mereka.

Di-negara2 yang mempunyai penduduk2-nya yang mana kebanyakannya terdiri daripada satu jenis kumpulan manusia yang berchakap satu bahasa sahaja, so'alan bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan tidak-lah timbul, kerana hal ini ada-lah di-terima sa-bagai suatu perkara yang biasa sahaja. Dengan sebab itu-lah di-dalam perlembagaan mereka tidak ada terchatet apa-kah bahasa rasmi bagi mereka. Tetapi bagi sa-sabuah negara yang mempunyai penduduk dan ra'ayat-nya terdiri daripada beberapa kaum dan bangsa, wujud-nya bahasa kebangsaan ada-lah merupakan sa-bagai satu perkara untok menghubung dan menyatu-padukan ra'ayat2 yang berbilang kaum itu. Ini-lah apa yang di-tegaskan oleh ahli2 politik yang terkemuka di-Malaysia ini.

Jawatan-kuasa Reid telah berpendapat ia-itu sa-telah di-timbangkan segala fikiranz mengenai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu ada-lah di-chadangkan menjadi satu bahasa rasmi yang tunggal yang mana dengan sa-chara beransor2 akan menggantikan bahasa Inggeris. Jawatan-kuasa ini tidak bersetuju supaya bahasa lain di-jadikan bahasa rasmi, kerana ini akan membawa kapada kekusutan dan kesusahan. Tetapi notis2 yang mustahak boleh-lah di-terjemahkan ka-dalam bahasaz2 lain sama seperti masa yang sudahz.¹

Shor2 Jawatan-kuasa Reid ini telah di-tuliskan dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, yang mana bahasa Melayu ada-lah di-sebut dengan terang2-nya menjadi bahasa kebangsaan dan tulisan-nya boleh-lah di-pakai manaz2 huruf yang di-tetapkan oleh Parlimen. Mengenai hal ini Act Bahasa Kebangsaan, 1963² telah menetapkan huruf rumi menjadi tulisan bagi bahasa kebangsaan, tetapi huruf jawi pun boleh juga di-pakai dengan tidak ada apa2 tegahan.

Walau pun bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, Perlembagaan tidak melarang sa-siapa pun mengajar dan mempelajari bahasaz2 lain. Dan juga Parlimen tidak melarang bahasaz2 ini di-gunakan untuk maksudz yang bukan rasmi. Di-sini terang-lah kapada kita ia-itu bahasaz2 lain daripada bahasa kebangsaan tidak boleh di-gunakan dalam perkara rasmi. Sa-lain daripada itu Perlembagaan juga tidak menyentoh apa2 hak yang di-punyaai oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk mengekal dan mengamalkan pergunaan dan mempelajari bahasaz2 kaum yang lain dalam Persekutuan ini.

Pada masa Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada tahun 1957, bahasa Inggeris ada-lah di-gunakan dengan sa-chara rasmi dalam serba serbi lapangan. Oleh kerana memandangkan kapada kesusahan yang harus akan berlaku jika bahasa Inggeris itu terus di-berhentikan guna-nya pada tahun itu, maka Perlembagaan telah membuat peruntukan ia-itu dalam tempoh 10 tahun sa-lepas Merdeka dan kemudiannya sa-hingga Parlimen membuat peruntukan yang lain, bahasa Inggeris ada-lah terjamin dan boleh di-gunakan saperti berikut, ia-itu :—

- (a) boleh di-gunakan dalam keduaz Majlis Parlimen, Dewan Negeri dan juga untuk perkara rasmi yang lain;

(1) Malayan Constitutional Reports 1957, paras. 170 -171.
 (2) Act No. 10 t. 1963.

- (b) boleh di-gunakan sa-bagai naskhah yang sah bagi rang undang2 dan pindaan-nya yang akan di-kemukakan ka-dalam Parlimen dan juga bagi semua undang2 yang di-buat oleh Parlimen dan undang2 kecil yang di-keluarkan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (c) boleh di-gunakan dalam perbicharaan di-hadapan Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi. Tetapi dengan persetujuan Mahkamah dan peguam bagi kedua2 pehak keterangan yang di-tutorkan oleh saksi dalam bahasa Melayu boleh-lah di-rakamkan dalam bahasa itu dan tidak-lah payah di-terjemah dan di-rakamkan dalam bahasa Inggeris;
- (d) boleh di-gunakan dalam semua perbicharaan di-hadapan Mahkamah Rendah, sa-lain daripada perkara merakam keterangan sahaja.³

Dalam masa 10 tahun sa-lepas Merdeka banyak kemajuan telah tercapai mengenai perkembangan bahasa kebangsaan, tetapi oleh kerana bahasa Inggeris ada-lah di-gunakan hariz dalam lapangan rasmi tentu-lah sukar hendak menggantikan bahasa ini dengan bahasa kebangsaan melainkan ada-nya azam dan chitaz yang kuat. Jikalau tidak, tentu-lah masa 10 tahun yang di-beri oleh Perlembagaan itu habis dengan sia-sahaja dan tempoh ini harus di-lanjutkan. Jika demikian, harus bahasa kebangsaan tidak berjaya menggantikan bahasa Inggeris.

Dalam kalangan politik pula orang2 Melayu berazam benar supaya bahasa kebangsaan di-gunakan dalam sa-genap lapangan rasmi Kerajaan tidak lewat daripada 1hb. September, 1967; manakala orang2 yang bukan Melayu bertegas ia-itu penggantian bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris dalam hal ahwal rasmi ada-lah merupakan satu perkara yang sukar hendak di-chapai; yang demikian hendak-lah di-jalankan dengan beransor. Kerajaan mengerti bahawa so'al politik mengenai bahasa kebangsaan ada-lah merupakan satu so'al yang merbahaya dan jika tidak di-selesaikan dengan rapi-nya harus akan menimbulkan satu perkara yang tidak di-ingini. Di-sini dengan sa-chara bertolak ansor Kerajaan telah berjaya mengemuka dan Parlimen meluluskan dua Act Bahasa Kebangsaan dalam tahun 1963 dan tahun 1967.

(3) Mengikut Per. 152(5) kegunaan bahasa Inggeris dalam perbicharaan di-hadapan Mahkamah Rendah tidak di-tentukan 10 tahun lepas Merdeka, tetapi terpulang-lah kapada Parlimen.

Act Bahasa Kebangsaan 1963⁴ telah menetapkan ia-itu bahasa kebangsaan itu hendak-lah di-tulis dengan huruf rumi, tetapi huruf jawi pun boleh jua di-gunakan dengan tidak ada apaz tegahan. Act ini juga telah memperuntokkan ia-itu jika sa-suatu borang dalam bahasa Inggeris itu ada-lah satu borang yang di-tetapkan oleh undang2, maka terjemahan borang itu boleh-lah di-gunakan dengan sah-nya sama saperti borang yang asal yang ada dalam bahasa Inggeris itu, tetapi sharat-nya terjernahan itu di-buat oleh sa-saorang atau satu pehak yang berkuasa yang dilantek oleh Perdana Menteri. Mengenai hal ini Perdana Menteri telah melantek Peguam Negara⁵ sa-bagai sa-orang yang bertanggong-jawab menterjemahkan ka-dalam bahasa kebangsaan borang2 dalam bahasa Inggeris yang mana borang2 itu ada-lah borang yang di-tetapkan oleh undang2.

Pada menjalankan tugas-nya di-bawah Act 1963, banyak-lah borang2 yang telah di-terjemahkan oleh Jabatan Peguam Negara.

Act Bahasa Kebangsaan 1967⁶ pula ada-lah merupakan satu penyelesaian politik mengenai bahasa kebangsaan, walau pun ada kritik2 yang menentang-nya. Act 1967 ini mempunyai peruntukan saperti berikut :—

- (1) bahasa kebangsaan hendak-lah di-gunakan untuk maksud2 rasmi;
- (2) hak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak-lah tersentoh untuk menggunakan terjemahan ka-dalam bahasa kaum yang lain yang ada dalam Persekutuan ini apaz suratan dan perutusan rasmi untuk apaz maksud yang di-fikiran perlu demi kepentingan awam;
- (3) Yang Di-Pertuan Agong boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di-lanjutkan untuk apaz maksud rasmi yang di-firkan patut;
- (4) bahasa Inggeris boleh di-gunakan dalam keduaz Majlis Parlimen dan manaz Dewan Negeri, jika di-benarkan oleh Yang di-Pertua Majlis atau Dewan Negeri, tetapi sa-saorang ahli Parlimen dari sa-sabuah negeri Borneo ada-lah bebas dan boleh menggunakan bahasa Inggeris dalam keduaz Majlis Parlimen dengan tidak payah mendapat kebenaran lagi dari-pada Yang di-Pertua Majlis itu;

(4) Act No. 10 t. 1963.

(5) P.U. 12 t. 1964.

(6) Act No. 7 t. 1967.

- (5) naskhah² bagi rang undang² dan semua undang² dengan apa nama di-sebut sa-kali pun hendak-lah berada dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris. Naskhah dalam bahasa Kebangsaan itu ada-lah sahih melainkan jika pada sa-baleknya Yang Di-Pertuan Agong menetapkan bagi am-nya atau bagi mana² undang² atau jenis undang² yang tertentu.
- (6) berkenaan dengan undang² yang di-buat dahulu daripada ihb. September, 1967, pindaan kapada undang² ini tidak-lah payah di-adakan dalam bahasa kebangsaan melainkan undang² itu sendiri telah di-terjemahkan kapada bahasa Kebangsaan. Dan lagi apabila undang² itu telah di-terjemahkan ka-dalam bahasa Kebangsaan, maka boleh-lah Yang Di-Pertuan Agong menetapkan terjemahan undang² itu sa-bagai sahih;
- (7) segala perbicharaan dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah (melainkan keterangan yang di-beri oleh sa-saorang saksi) hendak-lah di-jalankan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, atau sa-bahagian-nya dalam bahasa Inggeris. Tetapi Mahkamah berkuasa memerentahkan bahawa perbicharaan itu hendak-lah sama ada kesemua-nya di-jalankan dalam bahasa kebangsaan atau kesemu-nya dalam bahasa Inggeris, jika Mahkamah itu atas kehendak-nya sendiri atau atas permintaan mana² pehak dalam perbicharaan itu dan sa-lepas menimbangkan kepentingan keadilan bagi perbicharaan itu berfikir patut membuat perentah itu.

Memandangkan kepada kedua² Act Bahasa Kebangsaan ini, maka nyata-lah kepada kita ia-itu so'alan yang utama sa-kali yang di-untokkan oleh Act ini bukan-nya bagaimana-kah chara-nya hendak melaksanakan bahasa kebangsaan, bahkan ia-lah bagaimana-kah hendak memberhentikan atau mengurangkan penggunaan bahasa Inggeris. Selain daripada itu Act Bahasa Kebangsaan 1967 telah menunjukkan beberapa jalan dan memberi kuasa kepada beberapa pehak yang berkuasa untuk memaju dan melaksanakan-nya sa-bagai pengganti bahasa Inggeris. Mithal-nya dalam hal ahwal pentadbiran, Yang Di-Pertuan Agong telah di-beri kuasa oleh Parlimen. Dalam hal ahwal Parlimen dan Dewan Negeri kuasa ini di-beri kepada Yang di-Pertua Majlis Parlimen dan Dewan Negeri. Dalam hal ahwal undang² Yang Di-Pertuan Agong di-beri kuasa menetapkan naskhah yang mana-kah menjadi sahih. Dan

dalam hal ahwal perbicharaan di-hadapan Mahkamah, Mahkamah pula telah di-beri kuasa supaya menentukan sama ada perbicharaan itu pada kesemua-nya atau sa-bahagian daripada akan di-jalankan dalam bahasa kebangsaan.

Berkenaan dengan kuasa Yang Di-Pertuan Agong untuk menentukan perkara2 dalam hal ahwal pentadbiran supaya boleh di-jalankan dalam bahasa Inggeris, Yang Di-Pertuan Agong telah menetapkan ia-itu perkara2 di-bawah ini boleh-lah di-jalankan dalam bahasa Inggeris.⁷ Perkara2 ini ia-lah :—

- (a) nasihat atau pendapat undang2 dan juga surat-menjurut berkennaan dengan nasihat atau pendapat undang2 berhubung dengan manaz undang2 yang naskhah-nya sahih ia-lah bahasa Inggeris;
- (b) perutusan dengan Kerajaan2 luar negeri atau badan2 antarabangsa jika penggunaan bahasa Inggeris tidak dapat di-elakkan;
- (c) perutusan dengan pakar2 atau perunding2 yang berkhidmat atau yang bekerja dengan manaz Kerajaan atau badan berkanun dalam Malaysia;
- (d) latehan atau peperekson jika kursus yang di-luluskan atau naskhah yang di-luluskan bagi sa-suatu mata-pelajaran ia-lah bahasa Inggeris;
- (e) latehan yang di-jalankan oleh pakar2 luar negeri;
- (f) perutusan dengan kakitangan Kedutaan2 Malaysia yang diambil bekerja di-tempat itu;
- (g) dalam Kementerian Kesihatan, laporan atau arahan berkennaan dengan orang2 sakit, penentuan ubatan dan arahan lepas pembedahan;
- (h) panduan atau arahan dasar kepada wakil2 Malaysia manakala di-luar negeri jika penggunaan bahasa Inggeris tidak dapat di-elakkan;
- (i) Dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri, kerjaz berkennaan dengan penaksiran, komputer dan kira2 pemungutan dan penyiasatan.

Berkenaan dengan perkara2 yang tidak tersebut di atas, Yang Di-Pertuan Agong telah mewakilkan kuasa-nya supaya di-jalankan oleh Perdana Menteri.⁸

(7) P.U. 410 t. 1967.
 (8) P.U. 411 t. 1967.

Yang demikian walau pun Act Bahasa Kebangsaan 1967 itu adalah merupakan satu penyelesaian politik dan mendiamkan so'alan bahasa kebangsaan pada masa ini, penyelesaian ini tidak akan kekal dan so'alan ini akan berbangkit pula jika kuasaz yang di-beri oleh Parlimen kapada pehakz yang berkuasa itu tidak di-jalankan dengan sa-wajarz-nya mengikut kehendak Perlembagaan; terutama sa-kali ada di-kalangan politik negeri ini pehakz yang tidak boleh menerima bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal.

Sa-bagaimana yang telah di-sebutkan itu so'alan bahasa kebangsaan di-Malaysia ini ia-lah so'alan bagaimana hendak menghapuskan penggunaan bahasa Inggeris dalam perkara rasmi, maka di-Sabah dan Sarawak pelaksanaan bahasa kebangsaan ada-lah berkaitan dengan so'alan ini juga. Di-kedua2 buah negeri ini penggunaan bahasa Inggeris adalah terjamin hingga 1hb. September tahun 1973 (ia-itu sapuloh tahun sa-lepas Malaysia di-tubohkan). Sa-belum daripada tarikh ini tidak ada satu undang2 un yang boleh di-luluskan oleh Parlimen mengenai penggunaan bahasa Inggeris; yang demikian bahasa ini boleh di-gunakan:—

- (1) dalam keduaz Majlis Parlimen oleh ahli2 dari Sabah atau Sarawak.
- (2) dalam perbicharaan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah negeriz itu dan juga dalam perbicharaan Mahkamah Persekutuan yang mendengar rayuan atau rujukan daripada Mahkamah Tinggi negeriz itu; dan
- (3) dalam Dewan Negara dan untuk maksud rasmi, termasuklah maksud rasmi Kerajaan Persekutuan.

Sa-lepas daripada tarikh 1hb. September, 1973 baharu-lah boleh Parlimen membuat undang2 mengenai penggunaan bahasa Inggeris di-Sabah dan Sarawak. Tetapi undang2 itu tidak akan berjalan kuat-kuasa-nya melainkan hendak-lah terlebih dahulu undang2 itu di-luluskan oleh undang2 yang di-buat oleh Dewan Negeri bagi Negeriz itu.

II. Hak Orang2 Melayu.

Hak keistimewaan orang2 Melayu ada-lah di-kenali dan di-akui dalam beberapa perjanjian di-antara Kerajaan British dengan Raja2 Melayu. Umpama-nya dalam Fasal 191(d) Perjanjian Persekutuan, 1948, ada-lah di-nyatakan ia-itu Pesurohjaya Tinggi bagi Persekutuan

Tanah Melayu ada-lah bertanggong-jawab untok menjaga hak keistimewaan orang2 Melayu dan hak2 yang berpatutan bagi kaum2 yang lain.

Jawatan-kuasa Reid berpendapat ia-itu jika di-kekalkan hak2 keistimewaan orang2 Melayu, ini ada-lah bertentang dengan konsep demokrasi yang mengharamkan perbedaan dengan sebab ugama dan bangsa. Tetapi jika hak2 ini di-tarek dengan serta-merta ini akan merupakan satu kerugian besar kapada orang2 Melayu. Dari itu Jawatan kuasa Reid telah membuat shor ia-itu hak2 ke-istimewaan yang baharu tidak-lah boleh di-wujud, dan hak2 yang sudah ada itu hanya-lah akan di-lanjutkan hingga ka-suatu tempoh yang panjang jua (substantial period). Dan apabila berbagaiz kaum dalam negeri telah berchantum dan bersatu padu menjadi satu warga negara yang satu, hak2 keistimewaan ini dengan sendiri-nya akan hilang.

Pendapat Jawatan-kuasa Reid ini boleh di-anggapkan benar dan membetuli, jika keadaan orang2 Melayu itu sama dengan orang2 kaum lain pada segi ekonomi dan pelajaran. Tiap2 perbedaan itu akan wujud jika salah satu daripada dua pehak yang sama itu di-beri layanan yang lebuh.⁽⁹⁾ Dari itu jika kedudukan sa-suatu pehak itu tidak sama dengan pehak yang lain, maka pemberian layanan yang lebuh kepada pehak yang lemah dan kurang itu supaya ia menjadi sama kuat dan sama taraf tidak-lah merupakan satu perbedaan. Apabila Jawatan-kuasa Reid membuat shor supaya hak keistimewaan orang2 Melayu di-lanjutkan kapada suatu tempoh yang panjang, di-sini Jawatan-kuasa itu dengan sa-chara tidak langsung mengaku bahawa kedudukan orang2 Melayu baik pada segi ekonomi dan pelajaran ada-lah kurang dan rendah dari pada orang2 kaum lain. Dari itu walau pun pada segi undang2 hak keistimewaan ini ada-lah merupakan satu kechualian kapada hak asasi yang mengharamkan bedza membeda tetapi pada segi moral dan hakikat ini bukan-lah merupakan satu kechualian, bahkan ia-lah merupakan satukesamaan (equality) di-antara orang2 Melayu dengan orang2 kaum lain.

Dan lagi Jawatan-kuasa Reid itu berpendapat bahawa mustahaknya hak keistimewaan itu akan hilang dengan sendiri apabila ra'ayat2 yang berbilang bangsa di-negeri ini akan bersatu padu menjadi warga negara yang satu. Pendapat ini pun ada-lah benar, tetapi bergantong kepada perpaduan ra'ayat yang berbilang2 bangsa. Dari itu sa-lagi

(9) Patanjali Sastri C.J. dalam kes State of West Bengal v. Annuer Ali: A.I.R. (1952) S.C.75.

puak² politik di-negeri ini berdasarkan kapada perkauman dan hak² orang² Melayu di-chabarkan dengan tidak beralasan, tidak boleh hendak di-salahkan kapada orang Melayu jika mereka berpegang tegoh kapada hak² keistimewaan mereka, yang mana mereka pandang sa-bagi satu harapan yang boleh menahankan mereka daripada terkaram dalam laut politik moden, yang mana kebanyakan daripada mereka tidak bersiap dan tidak mengerti akan perjalanan dunia moden.

Perpaduan kaum tidak akan timbul sa-lagi ugama, perkahwinan dan bahasa, ketigaz faktor yang emotional ini, maseh lagi mendindingkan pergaulan di-antara orang² Melayu dengan orang² kaum lain, walau pun mereka berpakaian sama dan makan sa-meja.

Shor^z Jawatan-kuasa Reid mengenai hak keistimewaan orang² Melayu ada-lah di-tulis dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia.

Mengikut Perkara 153 Yang Di-Pertuan Agong ada-lah di-beri satu kewajipan oleh Perlembagaan untuk memelihara kedudukan keistimewaan orang² Melayu dan kepentingan yang sah bagi orang² kaum lain. Pada menjalankan tugas dan kuasa-nya di-bawah Perlembagaan dan undang² persekutuan maka hendak-lah Yang Di-Pertuan Agong menjalankan tugas dan kuasa ini dengan chara yang di-anggap mustahak untuk memelihara kedudukan keistimewaan orang² Melayu dan untuk mewujudkan simpanan khas (reservation) kapada orang Melayu dalam beberapa lapangan yang berikut:—

- (1) jawatan dalam perkhidmatan awam Persekutuan;
- (2) pemberian scholarship, derma dan bantuan pelajaran dan latehan yang di-beri oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (3) pengeluaran permit dan lesen yang di-kehendaki oleh undang² untuk sa-suatu perniagaan atau perusahaan.

Untuk mewujudkan simpanan khas kapada orang² Melayu dalam perkhidmatan awam dan pemberian scholarship derma dan bantuan pelajaran dan latehan, Yang Di-Pertuan Agong berkuasa mengeluarkan arahan kapada Surohanjaya² Perkhidmatan dan juga kapada pehak yang berkuasa yang bertanggong-jawab mengenai scholarship, derma dan bantuan pelajaran dan latehan. Arahan² yang di-keluarkan itu hendak-lah di-patohi oleh Surohanjaya dan pehak² yang berkuasa itu. Dan pada menjalankan tugas ini, maka tidak-lah pula boleh Yang Di-Pertuan Agong memberhentikan sa-saorang daripada jawatan yang di-pegang

oleh-nya dan memberhentikan sa-saorang daripada menerima scholarship, derma dan bantuan pelajaran dan latehan yang sedang di-nimati oleh orang itu.

Demikian-lah juga mengenai hal ahwal pemberian permit dan lesen bagi sa-suatu perniagaan atau perusahaan. Di-sini pada menjalankan tugas-nya di-bawah undang² yang mana lesen dan permit itu mesti di-dapati untuk sa-suatu perniagaan atau perusahaan, Yang Di-Pertuan Agong telah di-beri kuasa oleh Perlembagaan untuk mewujudkan simpanan khas kepada orang² Melayu dan mengeluarkan arahan kapada pehak yang berkuasa mengenai hal ini. Tiap2 arahan yang di-keluarkan itu hendak-lah di-patohi. Dalam pada itu, Perlembagaan telah juga membolehkan undang² yang berkenaan mengadakan peruntokan untuk mewujudkan simpanan khas ini. Tetapi kuasa yang di-punyai oleh Yang Di-Pertuan Agong dan undang² itu bukan-lah luas pada hakikatnya, kerana kuasa Yang Di-Pertuan Agong itu tidak-lah boleh di-jalankan dan undang² itu tidak boleh membuat peruntokan sa-hingga:—

- (i) hak² yang di-punyai dan di-ni'mati oleh sa-saorang itu akan terhapus;
- (ii) tidak di-baharui permit dan lesen yang di-punyai oleh sa-saorang atau tidak di-beri permit dan lesen itu kapada warith dan pemgganti-nya, apabila tiba masa membaharui-nya, atau di-tahankan pemindahan lesen perniagaan walau pun perniagaan itu sendiri telah di-pindahkan.

Sekatan yang tersebut di atas bukan-lah di-kenakan kapada permit dan lesen yang ada sekarang ini, bahkan juga kapada permit dan lesen yang akan di-wujud oleh sa-suatu undang² pada masa yang akan datang.

Perkara 153 berjalan kuat-kuasa-nya di-Sabah dan Sarawak¹⁰ untuk mewujudkan simpanan khas kepada orang² bumiputera¹¹ di-

(10) Per. 161A.

(11) Bumiputera bagi Sabah ia-lah sa-orang warga negara, anak atau chuhu kapada sa-orang yang berbangsa asal di-Sabah, dan sama ada warga negara itu di-peranakkan di-Sabah atau pada ketika ia di-peranakkan bapa-nya ia-lah sa-orang yang berdomisil di-Sabah. Bumiputera bagi Sarawak pula ia-lah sa-orang warga negara yang berbangsa asal di-Sarawak atau yang berketurunan champor darah dengan bangsa asal itu. Bangsa² asal di-Sarawak ia-lah: Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kelabit, Kayan, Kenyah, Sabup, Sipeng, Kajang, Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong, Kanowit, Lugat, Lisum, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit — Per. 161A(6) dan (7).

negeri itu dalam perkhidmatan awam dan pemberian scholarship dan derma dan bantuan pelajaran dan latehan sahaja; tetapi tidak-lah dikehendaki di-adakan kadar yang tertentu bagi simpanan khas dalam hal pemberian scholarship, derma dan bantuan pelajaran dan latehan. Dan lagi sa-belum daripada Kerajaan Persekutuan menjalankan kuasanya mengenai hal ini kapada negeriz Sabah dan Sarawak, maka hendak-lah terlebih dahulu di-rundingkan hal ini dengan Gabenor negeri itu.

Tiap2 buah Perlembagaan Negeri ada mempunyai peruntukan yang sa-laras dengan peruntukan Perkara 153, melainkan Perlembagaan Pulau Pinang dan Melaka sahaja yang tidak mempunyai peruntukan ini. Dalam Perlembagaan Sabah,¹² peruntukan yang sa-laras ini ada-lah memberi perlindongan kapada semua orang bumiputera, yang mana termasok-lah orangz Melayu. Manakala peruntukan sa-laras dalam Perlembagaan Sarawak¹³ pula, walau pun memberi perlindongan kapada semua orang bumiputera, hanya-lah terhad kapada mewujudkan simpanan khas dalam jawatan perkhidmatan awam dan pemberian scholarship, derma dan bantuan pelajaran dan latehan.

✓ Sa-lain daripada simpanan khas dalam perkhidmatan awam, pemberian scholarship dan pengeluaran lesen dan permit berniaga ada lagi satu hak keistimewaan orangz Melayu. Ini ia-lah tanah simpanan untok orangz Melayu. Di-sini Jawatan-kuasa Reid¹⁴ berpendapat ia-itu tanah simpanan yang ada itu boleh-lah di-lanjutkan, tetapi tidak lagi boleh di-wujudkan tanah simpanan baharu, di-kechualikan untok mengganti tanah yang tidak lagi menjadi tanah simpanan, atau jika satu kawasan yang sama luas-nya ada di-simpan juga kapada orangz kaum lain.

Pendapat dan shor Jawatan-kuasa Reid ini telah di-terima oleh Perkara 89 Perlembagaan Malaysia. Mengikut Perkara ini tanah simpanan bagi orang Melayu yang ada sekarang dalam sa-sabuah negeri boleh-lah di-lanjutkan sa-hingga di-ubah atau di-berhentikan oleh satu undangz negeri itu. Undangz ini hendak-lah di-luluskan oleh bilangan banyak jumlah ahliz Dewan Negeri itu dan undi-nya tidak kurang dari-pada 2/3 ahliz yang hadir dan mengundi. Juga undangz ini pun hendak-lah pula di-luluskan oleh satu usul yang di-buat oleh tiap2 buah Majlis Parlimen, yang mana usul itu mesti mendapat sokong bilangan banyak jumlah ahliz Majlis itu dan undi-nya tidak kurang daripada 2/3 ahliz yang mengundi.

(12) Per. 41.

(13) Per. 39.

(14) Malayan Constitutional Reports 1957 para 166.

Berkenaan dengan mewujudkan tanah simpanan baharu bagi orang Melayu, kuasa yang di-punyai oleh Kerajaan negeri ada-lah terhad. Ia-itu tanah simpanan baharu itu boleh di-wujudkan:—

- (i) jika tanah itu tanah yang belum terbuka dan di-usahi, tetapi satu kawasan yang sama luas dengan-nya hendak-lah juga di-untokkan bagi pemberian hak kapada awam;
- (ii) jika tanah itu tanah yang di-ambil balek oleh Kerajaan dengan sa-chara persetujuan untuk maksud itu;
- (iii) jika tuan tanah itu telah membuat permohonan untuk maksud itu sa-lepas mendapat persetujuan daripada tiap2 orang yang mempunyai kepentingan dan hak mengenai tanah itu; dan
- (iv) untuk menggantikan tanah yang sudah tidak lagi menjadi tanah simpanan, jika tanah simpanan yang di-chadangkan itu sama keadaan-nya dan luas-nya dengan tanah yang hendak di-gantikan itu.

Kuasa yang di-punyai oleh Kerajaan negeri untuk mewujudkan tanah simpanan bagi orang Melayu itu tidak-lah boleh, walau macham mana sa-kali pun, di-jalankan untuk di-jadikan tanah yang di-punyai oleh orang kaum lain sa-bagai tanah simpanan bagi orang Melayu.¹⁵

Perkara 89 ini tidak berjalan kuat-kuasa-nya di-Sabah dan Sarawak.¹⁶ Yang demikian di-dalam keduaz buah negeri ini tidak-lah ada apaz tegahan pada sisi perlembagaan jika negeri itu hendak mengekalkan tanah simpanan yang ada sekarang atau hendak mewujud tanah simpanan yang baharu. Ini di-sebut dengan terang2-nya dalam Persekutuan,¹⁷ ia-itu undang2 untuk mengekal dan mewujudkan tanah simpanan bagi orang2 bumiputera di-negeri itu tidak-lah di-anggapkan sa-bagai bedza-membedza di-antara kaum yang di-tegahkan oleh Perkara 8. Dari itu keduaz buah negeri ini ada-lah bebas dalam perkara menyimpan tanah untuk bumiputera-nya, walau pun negeriz di-Tanah Melayu tidak sa-bagitu bebas.

Jikalau di-teliti dengan halus peruntukan Perkara 153 dan 89, neschaya kita dapat hak2 keistimewaan orang Melayu itu tidak-lah luas dan yang ada sekarang pun ada-lah di-sekat dan perketatkan oleh Perlembagaan supaya tidak lagi di-wujudkan hak2 baharu dan di-hapuskan

(15) Per. 89(4).

(16) Per. 161A(5).

(17) Per. 161A(5).

hakz yang ada. Tetapi oleh kerana hal ini ada-lah suatu perkara yang menaik darah "emotional", maka ta' dapat tiada banyak-lah keritikz yang menentang-nya dan yang menyokong-nya.

Walau macham mana pun, maka dalam empat sudut Perkara 153 dan 89 ini-lah kemajuan orangz Melayu dalam kalangan perniagaan, ekonomi, pelajaran dan sa-bagai-nya mesti di-chapai. Tetapi oleh kerana pada tiap2 tahun bilangan orang Melayu yang maju ada-lah sadikit benar, maka tidak-lah dapat di-salahkan jika ada di-antara orangz Melayu yang berpandangan kapada burok (pessimistic). Tambahan pula kesempitan Perkara 153¹⁸ itu ada-lah ternyata apabila di-pandangkan kepada Fasal 9-nya yang berbunyi demikian:—

"Tidak ada sa-suatu pun dalam Perkara ini yang membolehkan Parlimen menyempitkan perniagaan atau perusahaan kerana sa-mata2 untuk mewujudkan simpanan khas kepada orang Melayu."

III. Ugama Islam sa-bagai Ugama Rasmi.

Pembuahan sa-sabuah negara yang moden hari ini ia-lah berpandukan kapada philosophy Eropah, yang berasaskan kapada pencherian di-antara negara dengan ugama. Di-sini ma'ana-nya ia-lah pemerentahan dan pentadbiran Kerajaan dan hakz ra'ayat dalam sa-sabuah negeri itu jangan-lah sa-mata2-nya bergantong kapada ugama. Walau pun asas negara moden sekarang ia-lah mencherikan ugama dengan politik, tetapi dalam kebanyakan Perlembagaan Raja yang memerentah mesti-lah sa-orang yang berugama yang tertentu.

Di-United Kingdom, raja-nya mesti berugama Keristian, di-Thailand raja-nya mesti berugama Buddha. Yang demikian, ugama itu ada hubungan-nya dengan politik, sa-kadarkan undang2 ugama tidak boleh di-gunakan untuk memerentah negeri dan tidak boleh di-kenakan kapada orangz yang tidak berugama itu.

Mengenai dengan ugama Islam dalam Perlembagaan Malaysia, sa-bagai ugama rasmi, Tuan Hakim¹⁹ Abdul Malek berpendapat ia-itu peruntukan yang saperti ini tidak-lah akan menjadi mudharat jika peruntukan itu ada mempunyai beberapa penahanan (safeguards). Lagi pun Tuan Hakim itu berpendapat ia-itu beberapa buah negara dalam dunia

(18) Per. 153 tidak boleh di-pinda melainkan sa-lepas mendapat persetujuan Majlis Rajaz.

(19) Sa-orang ahli Jawatan-kuasa Reid - Lihat Malayan Constitutional Reports (1957) Per.100.

ini ada mempunyai peruntukan seperti itu, dan jika peruntukan itu tidak menjadi apa2 mudharat, maka tidak-lah ada apa2 halangan jika ugama Islam itu di-ishtiharkan dalam Perlembagaan sa-bagai ugama rasmi. Dengan ini-lah maka Perkara 3 telah di-tuliskan demikian:—

“Islam ada-lah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama2 lain boleh jua di-amalkan dalam aman dan damai di-manapun bahagian dalam Persekutuan”.

Ugama Islam dan Negeri.

Walau pun ugama Islam di-jadikan ugama bagi Persekutuan, ini bukan-lah bermama'ana yang hal ahwal ugama Islam itu ada-lah menjadi tanggongan Kerajaan Persekutuan walau pun undang2 persekutuan boleh membenarkan pemberian bantuan wang untuk di-tuboh dan di-selenggarakan yayasan Islam dan di-beri ajaran Islam kepada orang2 Islam.²⁰ Ugama Islam maseh lagi menjadi tanggongan Kerajaan Negeri.²¹ Kuasa raja sa-bagai ketua ugama dalam negeri masing2 tidak langsung tersentuh; tetapi jika amalan dan isti'adat ugama Islam itu telah di-persetujui oleh Majlis Raja2 akan meliputi ka-seluroh negeri2 di-Tanah Melayu,²² maka boleh-lah raja2 itu memberi kuasa kepada Yang Di-Pertuan Agong supaya mewakili mereka dalam amalan dan isti'adat itu.

Dalam tiap2 buah negeri Melayu yang beraja, maka raja negeri itu-lah yang menjadi ketua ugama dan mempunyai segala kuasa mengenai ugama Islam. Tetapi oleh kerana Pulau Pinang dan Melaka tidak mempunyai Raja, Perlembagaan²³ telah melanek Yang Di-Pertuan Agong menjadi sa-bagai ketua ugama di-negeri itu.

Sa-lain daripada itu, undang2 boleh di-buat oleh sa-suatu Dewan Negeri untuk mengawasi dan menyekat siaran ugama dan keperchayaan, walau apa ugama dan keperchayaan sa-kalipun, kepada orang2 Islam.²⁴ Dan lagi undang2 negeri boleh membuat peruntukan supaya di-beri pertolongan wang untuk penubohan dan penyelenggaraan yayasan Islam dan pengajaran ugama Islam kepada orang yang berugama Islam. Disini undang2 persekutuan pun berhak dan berkuasa jua membuat perun-

(20) Per. 12(2).

(21) Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan.

(22) Per. 3(2) dan Per. 38(7).

(23) Per. 3(3).

(24) Per. 11(4).

tokan saperti ini,²⁵ walau pun hal ahwal ugama Islam itu ada-lah tanggungan Kerajaan Negeri.

Walau pun Parlimen berkuasa membuat undang² atas apa2 perkara pun untuk melaksanakan sa-suatu perjanjian dengan negeriz asing atau badan antarabangsa, tetapi jika undang² itu mengenai ugama Islam, maka tidak-lah boleh Parlimen membuatnya melainkan Kerajaan Negeri itu hendak-lah terlebeh dahulu di-rundingkan.²⁶

Ugama Islam dan Kebebasan Ugamaz lain.

Walau pun ugama Islam menjadi ugama rasmi bagi Persekutuan, ugamaz lain pun boleh juga di-amal dengan keadaan yang aman dan damai di-dalam manaz bahagian dalam Persekutuan ini. Tiap2 orang ada berhak mengamal dan menyiarkan ugama-nya,²⁷ tetapi penyiaran ugama kepada orang² Islam boleh-lah di-kawal dan di-skat oleh undang² negeri:²⁸

Tiap2 kumpulan²⁹ ugama dengan tidak di-kechualikan kepada manaz ugama ada-lah berhak mentadbirkan hal ahwal ugama-nya sendiri, menuboh dan menyelenggarakan yayasan² untuk maksud ugama dan kebajikan atau untuk mengajar ugama kepada anak² mereka, dan juga berhak memperolehi dan memegang harta-nya sendiri untuk ugama-nya.

Kebebasan ugamaz lain di-samping ugama Islam di-Malaysia ini ada-lah di-pertegohkan lagi oleh beberapa peruntukan saperti berikut:—

- (a) Tiap2 sa-orang itu tidak-lah boleh di-paksa supaya membayar chukai, yang mana pendapatan chukai itu akan di-guna pada semua-nya atau sa-bahagian daripada-nya untuk maksud ugama yang lain daripada ugama.³⁰ Di-sini erti-nya orang² Hindu, Buddha dan Keristian dan lain2-nya tidak-lah boleh di-paksa membayar zakat dan fitrah.
- (b) Perlembagaan telah mengharamkan bedza-membedza³¹ di-antara warga negara dengan sebab ugama, tetapi mengenai

(25) Per. 12(2).

(26) Per. 76(2).

(27) Per. 11(1).

(28) Per. 11(4).

(29) Per. 11(3) dan 12(2).

(30) Per. 11(2).

(31) Per. 8(2).

bedza-membedza yang timbul dengan kerana jawatan yang berkaitan dengan sa-suatu ugama itu atau jawatan dalam yayasan yang di-uruskan oleh kumpulan ugama itu di-beri kapada orang yang berugama itu, maka bedza-membedza dengan sebab ini tidak-lah di-haramkan.³²

- (c) Dalam hal pelajaran pula tidak-lah boleh di-bedazkan diantara sa-orang warga negara dengan sa-orang warga negara yang lain dengan sebab ugama. Bedza-membedza di atas asas ini ada-lah di-tegah dalam:—
 - (i) pentadbiran sa-suatu yayasan pelajaran yang diselenggarakan oleh pehak yang berkuasa awam;³³
 - (ii) kemasukan penuntut ka-dalam yayasan itu dan bayaran fees-nya;³⁴
 - (iii) pemberian bantuan wang yang datang-nya daripada tabong wang pehak yang berkuasa awam supaya membolehkan penuntut belajar dalam manaz yayasan pelajaran³⁵ (baik pun yayasan itu di-luar atau dalam Malaysia, atau di-selenggarakan oleh pehak yang berkuasa awam atau tidak); dan
 - (iv) manaz undang2 mengenai yayasan pelajaran dan pentadbiran undang2 itu.³⁶ Sunggoh pun demikian, tetapi Perlembagaan telah membuat satu kechualian: ia-itu undang2 Persekutuan dan undang2 Negeri boleh membuat peruntukan bagi bantuan wang kapada yayasan Islam untuk menuboh, menyelenggarakan-nya atau memberi pelajaran Islam kapada orang2 yang berugama Islam.
- (d) Tiap2 sa-orang itu tidak-lah boleh di-paksa supaya menerima ajaran atau mengambil bahagian dalam adat istiadat atau upachara ugama yang lain daripada ugama-nya.³⁷ Ugama bagi orang yang kurang umur-nya daripada 18 tahun ia-lah ugama yang di-tetapkan oleh ibu bapa atau penjaga-nya.³⁸

(32) Per. 8(5)(b).

(33) Per. 12(1).

(34) Per. 12(1).

(35) Per. 12(1).

(36) Per. 12(2).

(37) Per. 12(3).

(38) Per. 12(4).

Walau pun di-Malaysia ini ada kebebasan ugama, maka kebebasan itu ada-lah terhad kapada undang2 awam mengenai keamanan awam, kesihatan dan akhlak awam.³⁹

Ugama Islam dengan Negeriz Borneo.

Kemasukan negeriz Borneo ka-dalam Malaysia ada-lah berdasarkan dengan prinsip yang mana Islam sa-bagai ugama rasmi ada-lah terhad di-negeriz di-Tanah Melayu sahaja. Perkara 38(7) berbunyi demikian:—

“Tugas Majlis Raja2 pada mempersetujui atau tidak mempersetujui dengan perlanjutan amalan dan adat isti-adat ugama ka-seluroh Persekutuan tidak-lah meliputi Sabah atau Sarawak dan dengan ini kedua2 buah negeri ini hendak-lah di-anggap terkeluar daripada Persekutuan,”

Walau pun ugama Islam tidak di-terima sa-bagai ugama rasmi di-kedua2 buah negeriz ini, Perlembagaan Malaysia ada membuat beberapa peruntukan mengenai ugama Islam:—

- (a) Kita ingat ia-itu di-negeriz di-Tanah Melayu, undang2 negeri boleh mengawal dan menyekatkan penyiaran ugama di-kalangan orang2 Islam. Tetapi di-negeriz Borneo, undang2 saperti ini tidak boleh di-luluskan oleh Dewan Negeri melainkan Perlembagaan negeri itu ada mempunyai peruntukan yang mana undang2 untuk mengawal dan menyekatkan penyiaran ugama di-kalangan orang Islam hendak-lah di-luluskan dalam bahaan yang kedua atau ketiga atau kedua2nya sa-kali oleh suara banyak yang tertentu, tetapi suara itu tidak-lah lebih daripada 2/3 jumlah ahli2 Dewan Negeri itu.⁴⁰
- (b) Jika sa-suatu Act Parlimen yang berjalan kuat-kuasa di-negeriz Borneo akan memberi bantuan wang untuk menuboh atau menyelenggarakan yayasan Islam dan pengajaran ugama Islam kepada orang2 Islam, maka Act ini tidak boleh di-luluskan oleh Parlimen, melainkan hendak-lah terlebih dahulu di-dapati persetujuan Gabenor negeri itu.⁴¹
- (c) Jika sa-suatu undang2 persekutuan yang bukan-nya berjalan kuat-kuasa di-negeri Borneo membenarkan bantuan wang

(39) Per. 11(5).

(40) Per. 161D. Peruntukan ini belum ada lagi di-buat dalam Perlembagaan Sabah dan Sarawak.

(41) Per. 161C(1).

saperti yang tersebut itu di-keluarkan dari kumpulan wang awam pada manaz tahun, negeriz ini berhak menerima dari-pada Kerajaan Persekutuan satu kadar daripada wang2 hasil yang di-dapati oleh Kerajaan Persekutuan di-negeri itu. Kadar ini ada-lah sama dengan kadar wang bantuan yang di-beri daripada hasil yang di-pungut di-Malaya. Wang2 yang di-terima oleh negeri Borneo mengenai hal ini akan di-gunakan oleh Kerajaan negeri itu sa-bagai kebajikan masharakat2 dan wang ini ada-lah terasing daripada wang2 pemberian yang lain yang di-beri oleh Kerajaan Persekutuan kapada Kerajaan negeri Borneo.

IV. Pindaan Perlembagaan.

Tiap2 perlembagaan bertulis ada-lah mempunyai tiga sifat. Salah satu daripada-nya ia-lah perlembagaan itu keras (rigid). Ini erti-nya perlembagaan itu susah hendak di-pinda melainkan dengan mengikut peratoranz dan charaz yang tertentu yang di-untokkan di-dalam perlembagaan itu. Sa-tengah perlembagaan saperti Switzerland, Australia dan Kanada tidak boleh di-pinda melainkan dengan jalan pungutan suara (referendance), manakala sa-tengah-nya pula mempunyai peruntukan ia-itu perlembagaan itu tidak boleh di-pinda melainkan dengan mendapat sa-kian banyak undi; biasa-nya $2/3$ atau $3/4$ daripada undiz semua ahli badan perundangan. Peruntukan yang saperti ini di-nama-kan fasal terjamin (retrenched clause). Manakala sa-tengah peruntukan perlembagaan boleh di-pinda dengan mendapat banyak undi biasa sahaja. Tetapi walau macham mana di-tegohkan sa-kali pun peruntukan perlembagaan itu, dapat jua di-ubahkan jikalau parti politik yang memerentah mempunyai banyak suara yang hampir2 mutlak.⁴² Yang susah hendak di-pinda sa-suatu perlembagaan itu hanya-lah pindaan dengan jalan pungutan suara. Tetapi jikalau kebanyakan pengundiz dalam pungutan suara itu berkehendakkan supaya di-ubahkan Perlembagaan itu, maka dapat-lah juga di-ubah perlembagaan itu walau pun hal ini jarang berlaku.

Meski pun sa-suatu perlembagaan bertulis itu susah hendak di-pinda oleh Parlimen dan harus jarang di-pinda, tetapi perubahan perlembagaan itu sa-memang-nya berlaku dari satu masa ka-suatu masa dengan

(42) Hal ini telah berlaku di-negeri Ghana. Perlembagaan Ghana pada awal kemerdekaan-nya daripada tangan British mempunyai fasal terjamin. Tetapi oleh kerana Dr. Nikrumah mempunyai kuasa yang sa-hampir2 penoh fasal terjamin ini telah dan dapat jua di-ubah oleh Parlimen Ghana.

chara sunyi. Perubahan sa-macham ini berlaku oleh sebab keputusan yang di-buat oleh Mahkamah mengenai sa-suatu guaman yang ada di-hadapan-nya, atau pun berlaku dengan sebab sikap dan fahaman ra'ayat dengan sendiri-nya telah berubah. Di-sini boleh-lah kita pandang kepada Perlembagaan Amerika Sharikat yang di-buat dalam tempoh 200 tahun dahulu. Pada asal-nya mengikut Perlembagaan itu Kerajaan pusat tidak mempunyai kuasa yang kuat, tetapi oleh kerana dalam abad yang kedua puluh ini dua perang dunia telah berlaku dan huru-hara dunia tidak berhenti2 yang mana Amerika Sharikat terpaksa terlibat, maka dengan sendiri-nya Kerajaan Pusat Amerika Sharikat telah mempunyai kuasa2 yang mustahak dan boleh mengatasi Kerajaan Negeri.

Mengikut Perlembagaan Malaysia, Perlembagaan itu boleh dipinda dengan chara di-luluskan satu rang undang2 mengenai pindaan itu oleh Parlimen. Rang undang2 itu hendak-lah di-luluskan oleh keduaz buah Majlis Parlimen dengan mendapat sokongan suara yang tidak kurang daripada $\frac{2}{3}$ daripada jumlah ahli2 bagi tiap2 buah Majlis itu. Tetapi jika pindaan Perlembagaan itu mengenai perkara2 yang tersebut di-bawah ini, suara banyak yang biasa pun sudah-lah memadai, dan tidak-lah payah di-dapat suara banyak $\frac{2}{3}$ daripada jumlah ahli. Pindaan2 ini ia-lah:—

- (a) memindakan Bahagian III Jadual yang Kedua (warga negara), Jadual VI (bentuk sumpah) dan Jadual VII (pilehan dan perlantekan ahli Dewan Negara);
- (b) pindaan yang berikutan dengan perjalanan kuasa membuat undang2 yang di-punyai oleh Parlimen di-bawah Perkara 74 dan Perkara 76;
- (c) pindaan yang di-sebabkan oleh kemasukan sa-sabuah negeri ka-dalam Persekutuan atau oleh kerana perhubungan sa-sabuah negeri itu dengan Negeri2 Persekutuan; atau pindaan yang di-buat mengenai kuat-kuasa Perlembagaan ini kapada sa-buah negeri yang dahulu-nya sudah termasuk atau berhubung dengan Persekutuan;
- (d) pindaan yang berikutan dengan pembatalan fasal (2) Perarah 159 atau berikutan dengan pindaan yang di-buat di-bawah cheraian (a) di atas.

*

Sunggoh pun Perlembagaan Malaysia boleh di-ubah dengan mendapat suara sa-banyak $\frac{2}{3}$ atau suara banyak biasa, tetapi jika pindaan

itu mengenai perkara2 yang tersebut di-bawah, maka persetujuan Majlis Rajaz hendak-lah terlebih dahulu di-dapati:

- | | |
|-------------------|--|
| (a) Perkara 38 | — Majlis Rajaz; |
| (b) Perkara 70 | — Keutamaan Rajaz dan Gabenor; |
| (c) Perkara 71(1) | — Jaminan oleh Persekutuan mengenai kedudukan Raja di-bawah Perlembagaan Negeri; |
| (d) Perkara 153 | — Kedudukan orang2 Melayu. |

Walau pun Perlembagaan Malaysia ini bertulis dan sa-patutnya "rigid", tetapi jika di-pandang pada segi peruntukan mengenai pindaan maka Perlembagaan itu ada-lah lembut (flexible). Perlembagaan Malaysia boleh di-pinda dengan jalan undang2 yang di-luluskan dengan suara banyak 2/3 atau suara banyak biasa sahaja, dan hendak-lah mendapat persetujuan Majlis Rajaz jika pindaan itu bersangkut dengan kedudukan mereka dan orang2 Melayu. Juga jika kita pandang kapada pindaan2 yang di-buat dari semenjak tahun 1957, sudah tentu ternyata kapada kita Perlembagaan Malaysia ada-lah flexible. Pindaan2 yang di-buat dari semenjak tahun itu ia-lah:—

- (1) The Constitution (Temporary Amendment) Ordinance — No. 42 tahun 1958.
- (2) Constitution (Amendment) Act, 1960 — No. 10 tahun 1960.
- (3) Constitution (Amendment) Act, 1962 — No. 14 tahun 1962
- (4) Constitution (Amendment) Act, 1963 — No. 25 tahun 1963
- (5) Malaysia Act, 1963 — No. 26 tahun 1963.
- (6) Constitution (Amendment) Act, 1964 — No. 19 tahun 1964.
- (7) Constitution and Malaysia (Singapore Amendment) Act, 1965 — No. 53 tahun 1965.
- (8) Constitution and Malaysia (Amendment) Act, 1965 — No. 31 tahun 1965.
- (9) Constitution (Amendment) Act, 1966 — No. 59 tahun 1966
- (10) Constitution (Amendment) Act, 1968 — No. 27 tahun 1968.

Pindaan Perlembagaan dan Negeriz Borneo.

Pindaan kapada Perlembagaan mengenai dengan kemasukan negeriz Borneo ka-dalam Malaysia tidak-lah boleh di-buat dengan mendapat suara banyak biasa, melainkan pindaan itu di-anggap untuk

menyamai kedudukan negeriz itu dengan negeriz di-Tanah Melayu.⁴³ Walau macam mana sa-kali pun, pindaan yang akan menyentoh bilangan ahli Dewan Ra'ayat dari sa-sabuah negeri Borneo itu tidak-lah di-anggap sa-bagai satu pindaan untok menyamai dan mempersatupadukan negeriz Borneo dengan negeriz di-Tanah Melayu.⁴⁴ Jika pindaan ini akan di-buat sa-belum daripada akhir bulan Ogos, tahun 1970, pindaan itu hendak-lah mendapat persetujuan Gabenor negeri itu.⁴⁵

Pindaan kapada Perlembagaan yang akan menyentoh beberapa perkara tidak-lah boleh di-buat melainkan sa-telah mendapat persetujuan Gabenor2 negeri itu dahulu.⁴⁶ Perkaraz itu ada-lah saperti berikut:—

- (a) hak sa-saorang yang di-lahirkan sa-belum Hari Malaysia untuk mendapat kewarganegaraan dengan sebab kaitan-nya dengan sa-sabuah negeri Borneo dan penyamaan layanan di-antara warga negara yang di-lahir atau bermastautin di-sa-sabuah negeri Borneo dengan warga negara yang di-lahir atau bermastautin di-negeri dalam Tanah Melayu;
- (b) perlembagaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi negeri Borneo perlantekan, pembuangan dan penggantongan kerja Hakimz Mahkamah itu;
- (c) perkara2 yang jatoh di-bawah bidangkuasa Dewan Negeri bagi negeriz Borneo untuk membuat undang2 mengenai-nya, kuasa Kerajaan negeri mengenai perkara2 itu dan persetujuan mengenai kewangan di-antara Persekutuan dengan negeri itu;
- (d) ugama dalam negeri itu, pergunaan apaz bahasa dalam negeri itu atau dalam Parlimen dan layanan khas kapada orangz bumiputera negeri itu; dan
- (e) mengubahkan sa-belum daripada tahun 1970 quota ahli Dewan Ra'ayat daripada negeri Borneo supaya menjadi kurang daripada quota yang ada pada Hari Malaysia.

(43) Per. 161E(1).

(44) Per. 161E(3).

(45) Per. 161E(2)(e).

(46) Per. 161E.

Dengan sebab ada-nya penahanan2 (safeguards) yang mana pin-
daan Perlembagaan Malaysia yang akan menyentoh hal ahwal sa-buah
negeri Borneo hendak-lah mendapat undi banyak 2/3 daripada jumlah
ahliz Majlis Parlimen, dan pindaan2 yang akan menyentoh beberapa
perkara yang tertentu hendak-lah mendapat persetujuan Gabenor negeri
itu dahulu, maka kedudukan negeri ini dalam Persekutuan ada-lah
lebeh kuat daripada negeriz di-Tanah Melayu, dan lebeh terjamin lagi.

BAB XX

HAK ASASI

(1) Permulaan.

Tiap2 sa-buah masharakat moden mesti-lah mempunyai Kerajaan, yang mana tugas-nya bukan sahaja untuk menjaga dan memelihara keamanan, tetapi juga untuk menjalankan beberapa pentadbiran untuk kesenangan dan kebahagiaan ra'ayat. Pada menjalankan tugas atau kewajipan ini, sudah tentu kerajaan akan di-beri kuasa, dan kuasa ini pula akan menyentoh dan mengurangkan kebebasan ra'ayat. Mithalnya sa-saorang ra'ayat itu bebas mempunyai harta. Tetapi jika harta itu terkumpul di-tangan beberapa orang sahaja, sa-hinggaikan ra'ayat2 lain mengalami kesusahan, keadaan yang seperti ini tentu-lah tidak elok. Yang demikian jika undang2 telah memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengambil atau menchukai hartaz itu, sudah tentu kebebasan ra'ayat mempunyai harta ada-lah tersentoh dan berkurangan.

Dari itu nyata-lah kapada kita ia-itu tiap2 kuasa yang di-beri oleh undang2 kapada Kerajaan itu akan menyempitkan kebebasan ra'ayat. Ini bukan-lah maksud-nya Kerajaan itu jangan di-beri kuasa langsung, tetapi sa-balek-nya kuasa2 untuk kepentingan awam itu mustahak di-beri, dan dalam chara pemerentahan zaman moden kuasaz ini ia-lah satu perkara yang tidak dapat di-elakkan lagi. Apa yang mesti di-ingatkan ia-lah kuasaz yang di-beri kapada kerajaan untuk kepentingan awam itu hendak-lah di-sempadankan dengan beberapa sekatanz yang tertentu dan terang supaya kebebasan sa-saorang ra'ayat itu terpelihara. Ia-itu

jika semua kuasa dan kebebasan itu berjumlah satu ratus, berapa peratuskah yang mesti di-beri kapada Kerajaan dan berapa peratus pula yang mesti di-tinggalkan kapada ra'ayat. Jika banyak sangat di-beri kapada Kerajaan, kebebasan ra'ayat akan menjadi terlampaui sempit dan ini akan membawa kapada penubohan sa-buah kerajaan yang zalim. Tetapi sa-balek-nya jika kuasa yang di-beri kapada Kerajaan itu terlampaui sadikit, sudah tentu Kerajaan tidak berupaya menjalankan tugas2-nya untuk menchapaikan kesenangan dan kebahagiaan ra'ayat jelata. Boleh jadi Kerajaan tidak berupaya menchegah puak2 penjenayah dan musoh2 yang hendak menggulingkan sistem Kerajaan demokrasi.

(2) **Mas'alah dari segi Tiori.**

Yang demikian menyatukan kuasa Kerajaan dengan kebebasan ra'ayat, atau dengan erti-kata yang lain membahagikan kuasa di-antara Kerajaan dengan ra'ayat itu ia-lah satu mas'alah yang penting. Ini ia-lah satu mas'alah undang2 dan penubohan sa-sabuah Kerajaan. Mas'alah ini bukan-nya baharu, tetapi ia-lah sudah lama di-binchang dan di-bahathkan oleh tiap2 orang ahli fikir dalam sa-tiap zaman dan sa-tiap kurun dalam tawarikh manusia. Ahli2 falsafah Greek tua telah mengkaji so'al ini dengan sa-dalam2-nya. Kachau bilau dalam masyarakat Greek tua, peperangan sama sendiri, kejatohan dan kenaikan kerajaan yang berulang2 kali, kezaliman dan keaniayaan kuasa pemerentah, ini kesemua-nya menyebab mereka berfikir untuk menchari penyelesaian. Dengan sebab kegiatan otak mereka dan pengalaman mereka menempoh berbagai peristiwa duka dan malang, maka dapat-lah ahli falsafah Greek membinchangkan ia-itu kerajaan yang adil dan yang akan kekal itu ia-lah sa-buah kerajaan yang beralaskan kapada undang2 tuhan dan bukan undang2 yang di-chiptakan oleh manusia. Undang2 tuhan itu ia-lah undang2 tertinggi dan di-dalam-nya-lah tumboh bencuh keadilan yang kekal. Aristotle sa-orang ahli fikir Greek telah berpendapat bahawa hukum undang2 (rule of law) itu ada-lah lebeh elok lagi daripada hukum manusia.

Pengaroh ajaran ahli2 falsafah Greek telah pula mengalir ka-Zaman Pertengahan (Middle Ages) dan akhir-nya ka-Zaman Moden. Desakan daripada ahli2 fikir yang menegaskan bahawa tiap2 kerajaan itu hendak-lah berpegang kapada undang2 sa-mula jadi (natural law) ia-lah merupakan sa-bagai sumbangan kapada pendapat2 dan ajaran orang2 Greek. Bracton, sa-orang peguam Inggeris dalam abad yang kedua belas berkata bahawa sa-orang Raja itu tidak patut dudok di-bawah

ta'alok manusia, tetapi dia ada-lah hidup di-bawah Tuhan dan undang², kerana undang²-lah yang mewujudkan Raja. Dalam abad yang kelima belas, Fortesque, sa-orang Inggeris juga telah menggunakan hujjah Bracton itu untuk melawan kuasa Raja yang hendak mengenakan chukai. Coke dalam kurun yang ketujuh belas telah menggunakan hujjah ini pula untuk meletakkan Raja dan Kerajaan di-bawah Parlimen dan undang². Yang demikian konsep undang² tertinggi itu ada-lah menjadi satu alat dalam sa-tiap zaman untuk menolak sa-barang perbuatan kerajaan yang di-buat dengan sa-kehendak hati-nya sahaja, atau dengan tidak mengikut undang² dan peratoran.

Segala kesenangan, kemudahan, kebebasan dan hak yang didapati oleh ra'ayat dengan kerana hujjah undang² tertinggi itu ada-lah di-kenali di-zaman moden ini sa-bagai hak atau kebebasan asasi, tetapi di-Amerika Sharikat hak atau kebebasan asasi ini di-namakan Bill of Right (undang² hak). Sebab-nya hak atau kebebasan itu di-sifatkan sa-bagai asasi ia-lah kerana hak atau kebebasan itu di-tuliskan ka-dalam perlembagaan¹ moden, yang mana peruntokanz mengenai hal ini di-anggap mungkin menjamin dan memelihara kebebasan ra'ayat. Peruntokanz ini tidak dapat di-pinda melainkan hendak-lah di-pinda perlembagaan itu sendiri, dan undang² yang di-buat oleh Parlimen atau manaz pehak yang berkuasa yang menyalahi peruntukan ini ada-lah di-nisbahkan sa-bagai terbatal dan tidak berhayat, melainkan undang² itu di-buat dengan mengikut chara yang di-tentukan oleh Perlembagaan.²

Bukan sahaja peruntokanz hak atau kebebasan asasi ini menjadi satu so'alan penting dalam politik sa-sabuah negeri, tetapi juga merebak kapada politik antarabangsa. League of Nations (Kumpulan Bangsa) sa-belum Perang Dunia II telah berusaha supaya tiap² perlembagaan negeri mempunyai peruntukan bagi melindungi pehak yang sadikit (minority), manakala Bangsaz Bersatu (United Nations) pula telah membuat perishtiharan umum mengenai hak kemanusiaan (Universal Declaration of Human Rights) dalam tahun 1948.

(3) Kebebasan Ra'ayat di-England.

Di-England kebebasan ra'ayat tidak di-tulis ka-dalam perlembagaan, kerana yang pertama-nya England tidak mempunyai perlembagaan

-
- (1) Basu's Commentary on the Constitution of India: 5th Edition Volume I p.126.
 - (2) Undang² dharurat telah di-benarkan oleh perlembagaan menyalahi peruntokanz hak asasi.

yang bertulis saperti negeriz lain; dan yang kedua-nya kebebasan ra'ayat di-England ada-lah terjamin dengan sebab Parlimen dan Mahkamah. Parlimen berhak menjatoh dan menukar manaz parti politik daripada menjadi kerajaan dan Mahkamah berkuasa membuat keputusan yang bertentangan dengan kepentingan kerajaan. Tiapz parti politik yang menjadi kerajaan berawas2 daripada mengemukakan ka-dalam Parlimen rang undangz yang menentang dengan kebebasan ra'ayat, kerana rang undangz itu akan menimbulkan pertentangan yang harus boleh menjatohkan kerajaan pada masa itu juga atau pada masa pilehanraya kelak apabila tiba masa-nya.³

Bukan sahaja England tidak mempunyai perlumbagaan bertulis, tetapi juga tidak mempunyai satu undangz⁴ berkanun (statute law) yang mana di-dalam-nya ada tersurat hak dan kebebasan ra'ayat Inggeris. England tidak pernah merasai betapa mustahak-nya undangz berkanun itu mesti di-luluskan oleh Parlimen. Ini ia-lah kerana undangz common law di-England berpegang tegoh kapada prinsipz yang menjaminkan hak dan kebebasan ra'ayat, mithal-nya:—

- (1) sa-saorang itu tidak boleh di-luchutkan kebebasan-nya melainkan dengan sebab ia telah melakukan kesalahan;
- (2) tiapz orang yang di-tangkap berhak mendapat tahu kenapa ia di-tangkap;
- (3) tiapz sa-orang itu tidak boleh di-paksa mengaku salah dan tidak pula boleh di-paksa memberi keterangan yang menzahirkan bahawa dia telah melakukan kesalahan;
- (4) harta sa-saorang itu tidak boleh di-rampas melainkan hendaklah di-bayar pampasan-nya;
- (5) sa-saorang itu hendak-lah di-beri notis dan peluang membela diri dan harta-nya sa-belum apaz tindakan di-jalankan katash-nya;
- (6) sa-saorang itu tidak boleh membuat hukuman dalam hal yang ia-nya sendiri ada kepentingan.

(3) Lord Wright berkata:—
 'The safeguard of British liberty is in the good sense of the British people and in the system of representative and responsible government which has been evolved.' Liversidge v. Anderson (1942) A.C.257 at page 260.

(4) 'The liberties of England do not, in fact, depend upon statutory definition, but on the vigilance of Parliament in preventing their unnecessary abridgment by legislation and in the evolution of legal procedure to protect them.' - Alan Gledhill Fundamental Rights in India (1956) Stevens & Son p.3.

Prinsip2 ini dan beberapa yang lain lagi ada-lah menjadi pegangan tegoh kepada undang2 common law di-England, dan tiap2 Hakim di-negeri itu dengan sebab kebebasan-nya daripada politik bersunggoh2 berpegang kepada-nya. Dari itu England tidak pernah merasa peri mustahak-nya di-tuliskan kebebasan ra'ayat ka-dalam satu undang2 berkanun.

Dan lagi walau pun Hakim tidak berhak membuat undang2, dan hanya bertugas untuk memberi erti kapada undang2 yang di-buat oleh Parlimen, tetapi undang2 Parlimen yang chuba menyentoh hak dan kebebasan ra'ayat tidak akan berjaya, melainkan pada pendapat Hakim undang2 itu mengandungi perkataan2 yang jelas, terang dan nyata. Undang2 common law tidak akan terubah melainkan oleh satu undang2 Parlimen yang terang, jelas dan nyata, dan Parlimen tidak akan membuat undang2 yang saperti itu kerana pehak kerajaan harus tidak berani kalau2 kerajaan-nya akan tewas dan jatoh.

Ketinggian common law ka-atas undang2 berkanun ada-lah tercapai di-England dengan sebab Mahkamah dan peguam2-nya ada-lah termasok dalam satu perjuangan. Tiap2 sa-orang Hakim itu asal-nya peguam, dan tiap2 peguam itu menerima latehan dan ajaran yang sama. Mereka mempunyai ta'tat setia yang sama, ia-itu kapada undang2 dan keadilan.

Dan lagi konsep kebebasan Hakim ada-lah menjadi satu batu asas yang tegoh dalam masharifik British. Dari itu sa-saorang Hakim itu tidak berasa bimbang dan takut ka-atas diri-nya jika keputusan yang di-buat oleh-nya akan bertentangan dengan kepentingan dan kehendak kerajaan.

Yang demikian, kapada Mahkamah-lah⁵ dengan kerana berani membuat keputusan yang harus melawan kerajaan dan kapada Parlimen-lah yang sentiasa berhatiz berjaga2 dan menentang rang undang2 yang akan menyentoh hak dan kebebasan ra'ayat, maka sa-saorang ra'ayat itu berharap yang kebebasan-nya itu akan di-bela dan di-jamin. Bukan-

(5) "In this country and amid the clash of arms, the laws are not silent. They may be charged, but they speak the same language in war as in peace. It has always been the pillars of freedom, one of the principles of liberty for which on recent authority we are now fighting, that the judges are no respecters of persons and stand between the subject and any attempted encroachments on his liberty by the executive, alert to see that any coercive action is justified in law. In this case, I have listened to arguments which might have been addressed acceptably to the Court of King's Bench in time of Charles I.". - Lord Atkin in *Liversidge v. Anderson* (1942) A.C.257 at p.244.

nya kapada sa-keping undang2 berkanun yang mempunyai peri bahasa yang tinggi tetapi langsung tidak bererti.

(4) Hak Asasi dan Rule of Law (Hukum Undang2).

Oleh kerana England tidak mempunyai perlumbagaan bertulis dan tidak pula mempunyai undang2 berkanun yang menyuratkan hak dan kebebasan ra'ayat, Professor A.V. Dicey dalam buku-nya "Introduction to the Study of the Law of the Constitution" yang di-terbitkan dalam tahun 1885 telah berpendapat ia-itu kebebasan ra'ayat England ada-lah terjamin dalam rule of law (hukum undang2). Pada fikiran-nya rule of law itu ia-lah sa-benar2 perlumbagaan England dan ini ada-lah mengandungi tiga prinsip,⁶ ia-itu:—

- (1) ketinggian undang2 dan ketiadaan kuasa leluasa (arbitrary power) dan kuasa budibichara (discretionary power). Tiap2 sa-orang itu hanya-lah boleh di-seksakan dengan sebab kesalahan di-bawah undang2, dan bukan kerana lain;
- (2) persamaan di-hadapan undang2 yang mana sa-saorang itu ada-lah bersama2 tertakal di-bawah undang2 dengan tidak di-kirakan apa jua pangkat-nya dan derjat-nya; dan
- (3) perlumbagaan itu bukan-nya asas kapada undang2 yang lain, bahkan ia-lah sa-bagai natijah atau akibat yang datang daripada undang2 biasa yang mengandungi kebebasan ra'ayat. Kebebasan ini telah di-lanjutkan oleh Parlimen untuk menentukan kedudukan kerajaan dan pehak berkuasa awam.

Oleh sebab Dicey telah membesar2kan hak kebebasan ra'ayat sa-hingga langsung menafikan ada-nya perlumbagaan, maka pendapat-nya telah di-chabar oleh beberapa pendita, di-antara-nya ia-lah Professor Jenings.⁷ Dalam penchiptaan-nya Dicey telah menyebutkan rule of law sa-bagai satu hukum yang mutlak bagi ra'ayat. Ini sudah tentu tidak tepat dengan keadaan zaman sekarang, kerana hak2 ra'ayat yang di-dapati dalam perlumbagaan ada-lah di-sempadankan oleh kuasa kerajaan untuk kepentingan awam.

Pada ketika Professor Dicey menchiptakan rule of law, tugas sa-sabuah kerajaan ada-lah terhad kapada memelihara keamanan awam. Kebebasan ra'ayat dalam lapangan ekonomi, politik dan sa-bagai-nya

(6) Wade & Phillips. 17th Ed. pp.60 - 76.

(7) The Law and the Constitution, 5th Ed. p.314.

tidak lagi terkawal oleh undangz kerana keadaan pada masa itu senang dan tidak menimbulkan kemustahakan mengenai hal ini. Tetapi pada zaman moden ini yang mana tugas tiapz kerajaan yang berdemokrasi itu di-lanjutkan kepada menjalankan tugasz pentadbiran untuk kepentingan awam, maka gambaran yang di-buat oleh Professor Dicey itu tidak-lah lagi menepati. Kerajaan sekarang ada-lah menitik-beratkan kepentingan dan kebijakan ra'ayat, sa-hingga membawa kapada salah-guna kuasa itu dan terkadangz susah hendak di-bedzakan di-antara kepentingan awam dengan kepentingan beberapa orang yang berkuasa sahaja, namun ra'ayat maseh juga tertindas.

Dicey menegaskan ketiadaan kuasa budibichara, tetapi undangz yang di-buat oleh Parlimen hari ini telah memberi beberapa kuasa yang luas kepada kerajaan, sa-hingga kuasa membuat undangz pun di-wakilkan kepada kerajaan. Sudah-lah bagitu, kuasa mewujudkan sa-suatu kesalahan jenayah pun telah juga di-wakilkan oleh Parlimen. Berkenaan dengan konsep bahawa tiapz sa-orang itu ada-lah sama tert-a'lok kepada undangz, ini pun sudah tidak menepati lagi, kerana banyak-nya undangz yang di-buat oleh Parlimen untuk mereka yang tertentu. Mithal-nya undangz askar. Undangz ini ada-lah mena'a'lokii askar sahaja dan tidak-lah kena-mengena dengan orang lain. Yang demikian konsep persamaan undangz ini ada-lah berubah. Yang sa-benar ia-lah ma'ana-nya tidak sa-saorang pun yang tidak di-ta'a'lokii oleh undangz, walau pun undangz itu berlainan.

Dan lagi pada hari ini oleh kerana kepentingan pentadbiran, beberapa perkara dalam pentadbiran telah di-keluarkan daripada bidang-kuasa Mahkamah biasa, kerana di-tetapkan perkara itu di-bawah Mahkamah Khas yang di-tubohkan untuk itu sahaja, atau pun di-bawah keputusan sa-saorang Menteri. Ada-lah menjadi lazim bagi Actz Parlimen sekarang mengandungi peruntukan ia-itu sa-suatu perkara itu hendak-lah di-selesaikan oleh Menteri, dan keputusan Menteri itu tidak lagi boleh di-so'al dalam Mahkamah. Keadaan yang saperti ini tidak akan membahayakan rule of law jika ada jalan boleh di-rujuk dan di-rayukan sa-suatu perkara itu kapada Mahkamah biasa.

Yang demikian, kuasa budibichara yang di-beri kepada kerajaan, kuasa membuat undangz sa-chara perwakilan, dan ada-nya mahkamahz khas untuk membicharakan perkara2 pentadbiran, ini kesemua-nya akan membawa bahaya kapada rule of law dan akan mengakibatkan kapada

kehilangan kebebasan ra'ayat, jika ra'ayat menerusi Parlimen dan peguam melalui Mahkamah tidak berjagaz dan berhemat.⁸

(5) Hak Asasi dalam Perlembagaan Bertulis.

Di-bawah pengaroh falsafah liberalism (pandangan luas) yang mengalir dalam abad yang kedua puloh ini, ada-lah menjadi satu fashion atau perkara biasa sahaja bagi manaz negeri, walau pun demokrasi atau Komunis, untuk mengadakan peruntokanz hak asasi dalam perlembagaannya. Perlembagaan Rusia mengandongi peruntokanz yang menjamin hak bekerja, berehat, hak masa tua dan sakit, hak pelajaran, hak persamaan laki2 dan perempuan dengan tidak di-kirakan apa bangsa, kebebasan berugama dan berchakap, kebebasan surat khabar, perjumpaan, menunjok perasaan, membuat persatuan dan kebebasan diri sa-sorang, serta kebebasan rumah dan persuratan-nya daripada di-ganggu.⁹

Peruntokanz hak asasi ini ada di-dapati dalam perlembagaan Amerika Sharikat, France, Ireland, India, Malaysia dan lain2 lagi. Peruntokanz itu di-tulis ia-lah kerana di-sebabkan oleh pengalaman politik di-negeri itu sendiri, yang mana ra'ayat dalam negeri itu berasa bimbang kalau2 kuasa membuat undang2 dan kuasa kerajaan di-salah gunakan sa-hingga menjadi zalim. Amerika Sharikat tatkala maseh berada sa-bagai tanah British telah mengalami kekerasan pemerentahan King George III dalam abad yang kedelapan belas. Dari itu apabila perlembagaan-nya sedang di-karang, ra'ayat Amerika Sharikat berasa bimbang kalau2 kemerdekaan yang mereka capai daripada George III itu akan memperhambakan mereka ka-bawah satu kerajaan yang zalim. Pada mulaz-nya perlembagaan itu tidak mengandongi peruntukan hak asasi, tetapi dengan sebab kehendakz negeri dalam Persekutuan Amerika Sharikat dua belas pindaan telah di-shorkan oleh satu Congress yang di-adakan dalam tahun 1787. Sa-puloh daripada 12 pindaan ini telah di-terima dan di-namakan Bill of Rights (Undang2 Hak). Bill of Rights ini telah di-pinda oleh pindaan yang ketiga belas, yang keempat belas dan yang kelima belas untuk menghapuskan taraf perabdian atau perhambaan (slavery) di-Amerika Sharikat. Bill of Rights dan pindaanz-

-
- (8) Hakim Besar England, Lord Hewart telah mensifatkan kuasa yang diberi kapada kerajaan sa-bagai "New Despotism" (Kezaliman Baharu) - Lord Hewart: New Despotism (1929) Benn.
- (9) Peaslee: Constitution of Nations - Volume III.

nya itu ada-lah merupakan sabagai srtu sekatan ka atas kuasa kerajaan pusat Amerika Sharikat.¹⁰

Di-India dan Ireland, peruntokanz hak asasi telah juga di-tuliskan ka-dalam perlembagaan, bahkan dalam perlembagaan India peruntokanz ini di-sebut dengan panjang dan lebar-nya. Sa-bagaimana pengalaman orangz Amerika Sharikat, orangz Ireland ada-lah juga menentang pemerintahan Kerajaan Inggeris dalam negeri mereka yang mereka anggapkan sa-bagai zalim. Di-India yang sa-belum merdeka, kuasa kerajaan Inggeris sa-memang-nya menjadi satu so'al politik yang penting, tetapi mas'alah perkauman di-antara orang Hindu dengan orang Islam ada-lah mengusutkan lagi keadaan politik di-negeri itu. Yang demikian tidak-lah hairan bahawa peruntokanz hak asasi ini di-tulis dalam perlembagaan India dengan bagitu panjang dan lebar-nya.

Dalam Perlembagaan Malaysia, peruntokanz hak asasi telah dituliskan oleh kerana permintaan ra'ayat¹¹ negeri ini yang mahu kapada peruntokanz itu. Negeri ini telah mengalami dan sekarang maseh lagi mengalami bahaya pemberontakan Komunis yang bermula dalam tahun 1948. Charaz Kerajaan British yang bertanggong-jawab masa itu untuk menchegah bahaya Komunis itu dan mas'alah perkauman di-negeri ini ada-lah membimbangkan ra'ayat. Dari itu beberapa permintaan telah di-kemukakan kapada Jawatan-kuasa Reid¹² supaya perlembagaan persekutuan mengandungi peruntokanz hak asasi. Jawatan-kuasa ini berpendapat ia-itu hakz asasi ini memang-nya sudah ada terkandong dalam undangz di-Persekutuan Tanah Melayu, dan tidak-lah menjadi apaz bahaya jika hak asasi itu di-tulis ka-dalam perlembagaan, asalkan peruntokanz mengenai-nya di-tulis dalam bahasa yang tepat supaya boleh di-kuat-kuasakan oleh Mahkamah.

(6) Guna atau Bahaya Hak Asasi.

Sama ada elok-nya atau tidak di-tuliskan peruntokanz hak asasi ini ka-dalam perlembagaan ada-lah menjadi satu bahathan yang tidak berputusan. Ada orang yang berkata ia-itu oleh kerana perlembagaan itu bertulis, elok-lah di-tuliskan peruntokan hak asasi itu ka-dalam-nya. Sementara itu ada pula orang yang mengatakan jika di-tuliskan peruntokan itu ka-dalam perlembagaan, bahaya-nya ada-lah lebih banyak lagi daripada guna.¹³

(10) Jennings: *The Approach to Self-Government* (1958) Cambridge University Press p.98.

(11) Malayan Constitutional Reports (1957) p.70.

(12) Jennings: *Approach to Self-Government* p.100.

Sa-bagaimana yang di-tunjukkan oleh pengalaman politik di-England ia-itu kebebasan ra'ayat bukanlah di-chapai dengan sebab ada-nya peruntokan itu, bahkan yang sa-benar-nya kerana ketertinggian Parlimen, pilehanraya bebas dan kebebasan Mahkamah. Dari itu walau pun sa-sabuah perlombagaan itu bertulis, jika perlombagaan itu mengandungi konsep ketertinggian Parlimen, pilehanraya bebas dan kebebasan Mahkamah ta' usah-lah lagi di-tuliskan hak asasi ka-dalam perlombagaan itu: kerana kebebasan ra'ayat ada-lah terjamin dengan konsep2 yang tersebut. Fikiran yang saperti ini tentu sukar hendak di-terima oleh pembela2 kebebasan ra'ayat yang mensifatkan hak asasi itu sa-bagai satu sekatan ka-atas kuasa kerajaan, dan jika hak asasi itu tidak ada, walau pun kuasa kerajaan itu di-beri dengan chara yang berdemokrasi, kebebasan ra'ayat tidak juga terjamin. Ini ada-lah di-sebutkan oleh Mahkamah Tinggi Amerika Sharikat dalam Fletcher v. Peck¹³:-

"A government which holds the lives, the liberty and property of its citizens, subject at all times to the absolute despotism and unlimited control of even the most democratic depository of power, is often all but a despotism."

Sunggoh-lah benar hak asasi itu menyekat kuasa kerajaan dan kuasa Parlimen, tetapi sa-bagaimana yang kita telah dapati kerajaan mesti di-beri kuasa oleh Parlimen untuk menjalankan tugas-nya. Dari itu jika hak asasi itu hendak di-tuliskan dalam perlombagaan, mas'alah yang sa-benar-nya ia-lah kesukaran menchari satu formula yang betul2 boleh mempersesuaikan hak asasi dengan kuasa Kerajaan. Jika di-tulis dengan bahasa yang terlampaui tinggi, ini langsung tidak memberi ma'ana, kerana tidak dapat di-kuat-kuasakan oleh Mahkamah. Tiap2 hak asasi yang tidak dapat di-hukumkan oleh Mahkamah ada-lah bergantong kepada kesedapan pemerentah dan ini akhir-nya bukan kebebasan ra'ayat. Sa-balek-nya amat-lah senang jika hendak di-tulis hak asasi itu dengan perkataan yang tepat, jelas dan terang, tetapi ini akan membawa kepada satu keadaan yang mana hak asasi itu akan menjadi mutlak yang akhir-nya menafikan sama sa-kali kuasa kerajaan. Ini pun akan membahayakan juga, kerana kerajaan akan menjadi lemah dan tidak berkuasa dan akhir-nya tidak akan mendapat apa2 keuntungan.

Akhir-nya formula yang akan di-gunakan untuk menulis hak asasi itu biasa-nya demikian:-

(13) (1810) 6 Cranch (U.S.) 87.

"Tiap2 sa-orang itu bebas berchakap, membuat perjumpaan dan menuboh persatuan, tetapi kebebasan ini boleh di-sekatkan oleh Parlimen, jika di-fikirkan mustahak untuk keselamatan negeri atau keamanan dan keelokan akhlak awam."

Peruntukan yang saperti ini ada-lah saperti gergaji mata dua. Sa-lagi keadaan politik di-negeri itu tenang dan tidak berkeloh-kesah, peruntukan yang saperti ini ada mempunyai ma'ana. Tetapi apabila ada krisis dan ketegangan politik, lebeh2 lagi dharurat, ini ta' ada ma'ana langsung, kerana undang2 yang akan di-luluskan oleh Parlimen untuk menjaga keselamatan negeri akan mengatasi hak2 asasi itu. Dari itu hak asasi itu nampaknya tera'alok kepada pasang dan surut, memberi dan berkerut saperti getah, bergantong-lah kepada kedaan dan suasana politik dalam negeri itu. Lebeh2 lagi so'al sama ada patut atau tidak di-ishtiharkan dharurat dan sama ada sa-suatu tindakan itu di-anggap mustahak atau tidak untuk keselamatan negeri dan kepentingan awam, semua so'alz ini sa-mataz tanggongan kerajaan dan Parlimen. Yang demikian Mahkamah langsung tidak mempunyai kuasa untuk menentukan-nya. Akhirnya peruntukan hak asasi itu ada-lah juga bergantong kapada budibichara kerajaan dan dengan ini sa-benarz jaminan bagi kebebasan ra'ayat ia-lah dalam perjuangan politik supaya ra'ayat memileh sa-buah kerajaan yang bukan pada kata-nya sahaja bahkan pada bukti dan perbuatan-nya juga betulz demokrasi; ia-itu sa-buah kerajaan yang tidak chenderong mengubah peruntukanz mengenai kebebasan ini yang sudah ada dalam undang2 biasa; dan jika hendak di-ubah peruntukanz itu pun, sifatz rule of law hendak-lah di-simpan dan charaz pengubahan itu pun hendak-lah berupa kapada keadilan.

Sa-lain daripada kesukaran hendak mendapat satu formula yang sesuai, peruntukan hak asasi ini mungkin di-salah gunakan. Di-Amerika Sharikat Bill of Rights telah di-gunakan oleh Mahkamah untuk memelihiara kaum yang berharta yang tidak mahu melihat perubahan dalam masharakat. Beberapa rancangan untuk mengelokkan masharakat di-namakan "New Deal" telah di-buat oleh President F.D. Roosevelt, tetapi rancanganz ini telah di-tolak oleh Mahkamah Tinggi Amerika Sharikat sa-bagai menentang Bill of Rights dan yang demikian tidak sah. Kegagalan President Roosevelt melaksanakan New Deal-nya itu ia-lah kerana Hakimz Amerika pada masa itu ada-lah puak tua (conservative). Tetapi apabila Mahkamah Tinggi itu di-penohi oleh Hakimz yang berpandangan kapada kemajuan, baharu-lah New Deal itu boleh di-laksana-

kan. Pengalaman ini ada-lah merupakan satu ajaran yang mana peruntukan hak asasi itu mungkin di-salah gunakan untuk menyekat perubahan. Ini ada-lah di-sebutkan oleh Jawatan-kuasa Reid seperti berikut¹⁴ :—

"Moreover we do not think that it is either right or practicable to attempt to limit developments of public opinion on political, social and economic policy."

Tiap2 orang yang berfikir waras tentu-lah bersetuju ia-itu hak asasi itu ia-lah hasil sistem demokrasi, dan tidak-lah patut di-gunakan untuk melindungi puak2 yang tidak perchaya kepada sistem itu dan puak2 yang berusaha menggulingkan-nya. Tetapi jika di-tuliskan peruntukan hak asasi ini ka-dalam perlembagaan, ini akan memberi perlindungan kapada semua orang, walau pun orang itu bersumpah akan menghapuskan hak2 itu. Dari itu hak asasi itu akan hanya-lah membelenggukan kuasa kerajaan dan Parlimen untuk menchegah puak2 yang hendak menghapuskan sistem demokrasi itu. Di-sini di-mana-kah guna-nya di-tuliskan peruntukan hak asasi ka-dalam perlembagaan?

(7) **Hak Asasi dalam Perlembagaan Malaysia.**

Perlembagaan Malaysia telah menuliskan hak asasi ka-dalam-nya dengan menggunakan perkataan kebebasan asasi. Kebebasan atau hak asasi ini ada-lah terbahagi kapada tiga bahagi: ia-itu kebebasan ugama, kebebasan diri dan kebebasan ekonomi.¹⁵

(A) **Kebebasan Ugama.**

Ini ada di-tuliskan dalam Perkara 11 dan 12, ia-itu :—

- (a) tiap2 sa-saorang itu ada hak memelok dan mengamalkan uga-ma-nya;
- (b) tiap2 sa-saorang yang kurang umor-nya daripada 18¹⁶ tahun tidak-lah boleh di-kehendaki menerima ajaran atau mengambil bahagian dalam adat istiadat ugama yang lain daripada ugama-nya;

(14) Malayan Constitutional Reports (1957) p.70.

(15) R.H. Hickling: Fundamental Liberties under the Constitution of the Federation of Malaya (1963) MLJ.xliv

(16) Ugama bagi tiap2 orang yang kurang daripada 18 tahun umor-nya adalah ugama yang di-tentukan oleh ibu bapa atau penjaga-nya. Per.12(4).

- (c) tiap2 sa-orang itu tidak-lah boleh di-paksa supaya membayar chukai yang mana pendapatan chukai itu akan di-gunakan semua-nya atau sa-bahagian daripada-nya untuk maksud ugama yang lain daripada ugama-nya;
- (d) tiap2 puak ugama itu berhak :—
 - (i) menguruskan hal ahwal ugama-nya;
 - (ii) menuboh dan menyelenggarakan yayasan untuk ugama-nya dan
 - (iii) memileki harta dan mentadbirkan harta itu.

Segala hak2 ini tidak terganggu atau tersekat walau pun Ugama Islam telah menjadi ugama rasmi,¹⁷ melainkan mengenai penyiaran ugama kepada orang2 Islam sahaja. Di-sini Badan Perundangan bagi tiap2 buah Negeri di-Tanah Melayu berhak membuat undang2 untuk menyekat penyiaran ugama kepada orang Islam.¹⁸ Undang2 ini boleh di-kenakan kepada orang Islam dan juga kepada orang2 yang bukan Islam yang chuba hendak menyiaran ugama kepada orang Islam. Tetapi boleh di-katakan kesemua Enactment Pentadbiran Undang2 Islam dalam tiap2 buah Negeri di-Tanah Melayu membuat tegahan ini ka-atas orang2 Islam sahaja.¹⁹

(Kebebasan ugama ini tidak-lah pula boleh melanggar undang2 am mengenai keamanan awam, kesihatan atau kecelakan akhlak awam.²⁰ Di-sini-lah letak-nya had kebebasan ugama. Perlembagaan tidak memberi apa2 ta'rif kapada perkataan "ugama". Dari itu perkataan ini akan di-beri ma'ana biasa sahaja. Ia-itu ugama itu ia-lah keperchayaan kapada kuasa yang lebuh tinggi daripada manusia. Jika ada satu kumpulan yang perchayakan bahawa ugama-nya memaksa mereka membunuh orang dan membuat beberapa perbuatan keji, ugama yang saperti ini sudah tentu tidak dapat di-bebaskan kerana ini akan merosakkan keselamatan awam. Sa-lain daripada itu dalam hal undang2, pekerjaan jawatan, perniagaan, pemilekhan harta, dan perniagaan tidak-lah boleh di-bedazz-

-
- (17) Per. 3. "Islam itu ia-lah ugama Persekutuan; tetapi ugama lain boleh-lah jua di-amalkan dalam keadaan yang aman dan damai di-manaz tempat dalam Persekutuan."
 - (18) Per. 11(4): "Sabah dan Sarawak boleh membuat undang2 ini jika Perlembagaan Negeri itu ada mempunyai peruntukan membenarkan undang2 itu di-buat." - Per. 161D.
 - (19) Kedah Enactment No.9/1962 s. 142. Selangor Enactment No. 3/1952 s. 149 dan lain2.
 - (20) Per. 11(5)

kan di-antara sa-orang warga negara dengan sa-orang warga negara yang lain dengan sebab ugama-nya.²¹ Dan lagi Perkara 12 telah mengharamkan perbedaan beralaskan ugama dalam hal kemasukan penuntut²² ke tempat² pelajaran yang di-selenggarakan oleh pehak berkuasa awam atau dalam hal pemberian derma pelajaran dari wang² yang datang daripada pehak berkuasa awam.

Tiap² puak ugama berhak menubohkan yayasan untuk mengajar ugama-nya dan undang² tidak boleh membuat perbedaan di atas ugama mengenai yayasan itu. Tetapi ada satu kechualan ia itu undang² Persekutuan dan undang² Negeri boleh membuat peruntukan memberi bantuan wang untuk menubohkan yayasan Islam atau untuk mengajar ugama Islam kepada orang² Islam.²³

(B) Kebebasan Diri.

Ini ada-lah di-sebutkan seperti berikut :—

- (a) Sa-saorang itu tidak boleh di-luchutkan nyawa dan kebebasan-nya melainkan mengikut undang². Mahkamah berhak melepaskan dia, jika di-dapati bahawa dia di-tahan kerana menyalahi undang². Apabila sa-saorang itu di-tangkap hendak-lah ia di-beri tahu sebab² dia di-tangkap dan hendak-lah dibenarkan dia berunding dan di-bela oleh sa-orang penasihat undang² yang dia sendiri pileh. Tiap² sa-orang yang di-tangkap hendak-lah di-bawa ka-hadapan Majisteret sa-lewat²nya dalam tempoh 24 jam dari mula tangkapan itu, melainkan dia telah di-lepaskan sa-belum habis tempoh.²⁴
- (b) Sa-saorang itu tidak boleh di-seksakan kerana telah melakukan satu perbuatan yang memang-nya tidak menjadi kesalahan pada ketika ia melakukan perbuatan itu. Dan tidak-lah pula boleh di-hukumkan dia dengan hukuman yang ditetapkan oleh undang² pada ketika ia melakukan kesalahan itu.²⁴ Sa-saorang yang telah di-bebaskan daripada kesalahan atau di-thabitkan kesalahan-nya tidak boleh di-bichara

(21) Per. 8.

(22) Oleh kerana Sabah dan Sarawak tidak menerima ugama Islam sa-bagai rasmi apabila bantuan telah di-beri oleh Kerajaan Persekutuan untuk ugama Islam di-Tanah Melayu, hendak-lah Kerajaan Persekutuan memberi satu bantuan kapada Sabah dan Sarawak untuk maksud kebijakan masyarakat - Per. 161C.

(23) Per. 5.

(24) Per. 7.

lagi di atas kesalahan itu, melainkan kebebasan atau kethabit-an-nya itu telah di-hapuskan oleh Mahkamah Tinggi dan bichara sa-mula telah di-perentahkan oleh Mahkamah itu.

- (c) Sa-saorang warga negara itu tidak boleh di-buang negeri daripada Persekutuan. Dan terta'lok kapada undang2 mengenai keselamatan Persekutuan, keamanan awam, kesihatan awam, atau hukuman ka-atas penjenayah, tiap2 sa-orang warga negara itu berhak bergerak di-seluroh Persekutuan dan tinggal dimana2 tempat dalam Persekutuan ini.²⁵
- (d) Sa-saorang warga negara itu ada hak untuk kebebasan ber-chakap dan menyebutkan fikiran-nya, berhak berkumpul dengan keadaan yang aman dan tidak bersenjata, dan berhak menubahkan persatuan. Tetapi semua kebebasan2 ini boleh di-hadkan oleh undang2 jika di-fikirkan mustahak dan perlu untuk kepentingan keselamatan Persekutuan, tali persahabatan dengan negeriz lain, ketenteraman awam dan keelokan akhlak awam.

Berkenaan dengan kebebasan dalam cheraihan (a) dan (b) di atas, ini sudah-lah menjadi batu asas kepada undang2 jenayah di-negeri ini. Semua peruntokan2 ini boleh di-dapati dalam Kanun Peratoran Jenayah (Criminal Procedure Code).²⁶ Sa-lain daripada itu peruntokan2 ini disokongi pula oleh peruntukan yang di-dapati dalam Ordinance Kenya-taan.²⁷ Ada-lah menjadi sa-bagai tiang undang2 jenayah negeri ini ia-itu tiap2 orang itu di-anggap tidak salah, melainkan sa-telah di-buktikan ia-nya bersalah. Dan lagi tiap2 sa-orang itu tidak boleh di-paksa mengaku salah atau memberi keterangan yang menzahirkan yang ia telah melakukan kesalahan. Jika dengan jalan paksa pengakuan salah atau kenyataan itu telah di-dapati, maka pengakuan dan kenyataan itu tidak-lah boleh di-terima oleh Mahkamah. Untuk membuktikan kesalahan, pehak yang menda'awa hendak-lah menchari keterangan2 yang lain.

Kebebasan ini sekarang telah di-hadkan oleh kuasa2 yang ada pada tangan kerajaan untuk menahan sa-saorang dengan tidak di-bicharakan apabila perbuatan, kelakuan dan gerak-geri sa-saorang itu di-fikir-

(25) Per. 9. Sa-lagi Sabah dan Sarawak berada dalam keadaan khas, Parlimen boleh membuat undang2 menyekat kemasukan ka-Negeriz itu warga negara2 dari Tanah Melayu - Per. 9(3).

(26) N.M.B. Bab 6.

(27) F.M. Ordinance No. 11 t. 1950.

kan menjadi bahaya kapada keselamatan negeri dan ketenteraman awam. Perkara 149 Perlembagaan Malaysia telah membenarkan Parlimen meluluskan undang²⁸ untuk menegah perbuatan²⁹ yang menimbulkan huru-hara dalam negeri, atau perbuatan yang hendak menggulingkan kerajaan dengan tidak mengikut undang²⁹. Undang²⁹ ini boleh di-buat oleh Parlimen walau pun akan bertentangan dengan hak asasi atau kuasa Negeri. Undang²⁹ ini akan terhenti kuat-kuasa-nya jika kedua² Majlis Parlimen meluluskan usul untuk membatalkan undang²⁹ itu. Maka dibawah kuasa Perkara 149 ini-lah Act Keselamatan Dalam Negeri 1960,³⁰ telah di-luluskan oleh Parlimen. Di-antara kuasaz yang di-beri kapada Kerajaan oleh Act Keselamatan Dalam Negeri ia-lah kuasa menahan sa-saorang dengan tidak di-bicharakan, jika di-fikirkan mustahak untuk menjaga keselamatan Malaysia atau keamanan awam atau perkhidmatan yang penting (essential services) dalam Malaysia.³¹

Oleh kerana kuasa menahan dengan tidak di-bichara itu mungkin boleh di-salah gunakan, Perkara 151 Perlembagaan Malaysia telah mene-tapkan beberapa² sharat untuk mengesahkan undang²⁹ mengenai penahanan ini. Sharatz ini ia-lah saperti berikut:

- (1) tiap² sa-orang yang di-tahan itu hendak-lah di-beritahu sebab dia di-tahan dan berhak mengemukakan hujah² menentang penahanan-nya itu,³⁰ dan kenyataan mengenai penahanannya, melainkan kenyataan yang di-anggap membahayakan kepentingan negara;
- (2) tiap² sa-orang warga negara itu tidak boleh di-tahan lebih daripada tiga bulan, melainkan penahanan-nya itu telah di-shorkan kapada Yang Di-Pertuan Agong oleh satu badan penasihat mengenai hal ini, dan sa-belum di-buatkan shor itu badan penasihat itu telah menimbangkan hujah² yang dikemukakan oleh warga negara yang di-tahan itu;³¹
- (3) badan penasihat itu hendak-lah mengandungi sa-orang pengerusi dan dua orang ahli biasa. Pengerusi itu hendak-lah sa-orang yang layak menjadi Hakim atau sudah menjadi Hakim, dan perlantekan-nya itu di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong.

(28) Act 18 t. 1960.

(29) S. 8.

(30) S. 9 dan 11.

(31) S. 12 hingga s. 21.

Lihat juga Peraturan (Orang Tahanan) Keselamatan Dalam Negeri - P.U. 189 t. 1966.

Kedua2 ahli biasa itu ia-lah orang yang di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong sa-lepas berunding dengan Yang di-Pertua Hakim Mahkamah Persekutuan.

Sharatz ini di-kenakan ia-lah bermaksud supaya kuasa penahanan dengan tidak di-bichara itu di-gunakan sa-hampir2 dengan peratoran mahkamah. Yang berlainan-nya ia-lah perbicharaan itu tidak di-bukaikan kepada orang awam, dan kesalahan orang tahanan itu bukan-nya salah jenayah, bahkan salah politik. Tetapi pengerusi badan penasihat itu ia-lah bagi orang yang layak menjadi Hakim. Yang demikian adalah juga peruntukan bagi memelihara kebebasan ra'ayat.

Act Keselamatan Dalam Negeri juga telah memberi kuasa kepada kerajaan untuk meletakkan beberapa sharat mengenai kebebasan sa-saorang yang mana perbuatan dan kelakuan-nya di-anggap merosakkan Persekutuan. Sharatz³² ini ia-lah seperti memaksa orang itu berkurons dalam rumah di-antara satu waktu dengan satu waktu; tidak di-benarkan ia membuat apaz sharahan politik dan mengambil bahagian politik; di-paksa dia supaya tinggal di-satu tempat, dan tiap2 kali ia hendak keluar daripada tempat itu hendak-lah ia memberitahu pehak polis; dan beberapa sharat lagi.

Act Keselamatan Dalam Negeri ia-lah untuk mengawasi keadaan politik di-Malaysia,³³ manakala Ordinance Menchegah Jenayah, 1959³⁴ ia-lah bermaksud untuk menchegah jenayah dalam Persekutuan dengan chara berkesan dan untuk mengawasi puak2 penjenayah, ahli2 kongsi gelap dan orang2 yang tidak di-ingini. Ordinance ini telah memberi kuasa kepada sa-orang pegawai Polis menangkap sa-saorang yang di-perchayai termasok dalam puak2 yang tersebut di atas untuk di-adakan satu penyiasatan. Penyiasatan ini ada-lah di-buat oleh sa-orang pegawai yang di-lantek oleh Menteri Hal Ahwal Dalam Negeri, biasa-nya pegawai ini ia-lah orang yang berpengalaman dalam kerja dan tugas Majisteret. Dalam penyiasatan itu pehak Polis akan mengemukakan keterangan2 yang membuktikan bahawa orang yang di-tahan itu ia-lah termasok dalam puak2 penjenayah. Biasa-nya siasatan itu di-adakan dengan tidak kehadiran orang yang di-tahan, tetapi dengan kehadiran

(32) S. 10.

(33) Lihat nama panjang Act itu. "Satu Act mengadakan keselamatan dalam Persekutuan penahanan tidak di-bichara, menchegah penyeludupan memberhentikan kekerasan (Organised violence) ka-atas orang dan harta di-tempatz yang tertentu dalam Persekutuan dan perkara2 yang berkaitan dengan perkau yang tersebut."

(34) Ordinance 13 t. 1959.

peguam-nya. Ini ia-lah kerana kebanyakan saksi2 tidak hendak memberi keterangan apabila orang itu ada hadhir bersama2 sebab mereka takut kalau2 bahaya dan pesona akan terkena ka atas mereka oleh rakan2 yang bertali dengan orang yang di-tahan itu.

Apabila penyiasatan itu tamat, pegawai penyiasatan akan membuat keputusan. Jika di-fikirkan orang yang di-tahan itu tidak termasuk dalam golongan penjenayah, ia akan memerentahkan supaya orang itu di-bawa kahadapan Majisteret untuk di-bebasan. Tetapi jika ia berpendapat bahawa orang itu termasuk dalam golongan penjenayah ia akan membuat satu laporan kepada Menteri. Tiap2 orang yang di-tahan itu akan di-beri tahu pendapat pegawai penyiasat itu dan berhak membuat rayuan kepada Menteri. Orang itu akan di-bebasan jika rayuan-nya itu di-terima oleh Menteri. Tetapi jika rayuan di-tolak ia akan diaftarkan sa-bagai orang jahat.

Dengan pendaftaran ini, orang itu di-kenakan di-bawah kawalan polis dan beberapa sharat akan di-kenakan oleh Menteri mengenai kebebasan-nya. Mithal-nya ia di-kehendaki tinggal di-sasuuu tempat sahaja. Jika hendak meninggalkan tempat itu hendak-lah ia memberi tahu Polis, dan beberapa sharat yang lain. Jika ia melanggar sharat ini ia akan di-hukum dan jika sa-siapa yang bershubhat supaya membolehkan orang itu melanggar sharat2 itu, maka orang yang bershubhat itu pun di-hukum juga.

Ordinance Menchegah Jenayah itu ada-lah merupakan satu sekatan yang besar ka atas kebebasan ra'ayat. Tetapi undang2 ini sa-benar-nya di-buat kerana menchegah orang2 jahat untuk memelihara kan kebebasan orang2 baik. Langkah yang saperti ini terpaksa di-ambil kerana kebanyakan ra'ayat di-negeri ini enggan pergi ka-Mahkamah untuk memberi keterangan menghadapai sa-saorang, kerana takut kalau2 mereka terkena bahaya.

Ada lagi satu undang2 yang luar biasa yang di-buat dalam masa pemerentahan Negeriz Melayu Bersekutu (F.M.S.). Undang2 ini ia-lah bernama Enactment Sekatan Tempat Tinggal.³⁵ Enactment ini telah memberi kuasa kepada Menteri supaya menetapkan kediaman sa-saorang kapada sa-suatu daerah atau mukim dan menegah ia daripada pergi ka-dalam sa-suatu daerah atau mukim. Kuasa ini nampak-nya luas kerana boleh di-jalankan oleh Menteri jika ia perchaya ada sebab2 untuk membuat perentah itu. Ini berma'ana-lah Enactment ini boleh

(35) N.M.B. Bab 39.

di-gunakan untuk menchegah politik dan juga jenayah. Kuasa ini kebanyakannya telah di-wakilkan kapada Menteri Besar dalam sa-sabuah Negeri.³⁶ Akibat perentah tinggal dalam sa-suatu daerah atau mukim itu sama-lah saperti akibat pendaftaran di-bawah Ordinance Menchegah Jenayah.

Ordinance Pembuangan Negeri, 1959,³⁷ memberi kuasa kapada Menteri Hal Ahwal Dalam Negeri untuk membuang dan menghalau keluar negeri orang yang mana ada-nya orang itu tidak membawa kepada kebaikan Persekutuan. Tetapi sharat-nya hendak-lah orang itu bukan warga negara Malaysia. Sharat ini tidak menjadi apa2 sekatan kapada Kerajaan kerana kewarga negaraan sa-saorang itu boleh di-luchutkan, melainkan orang yang menjadi warga negara dengan kuat-kuasa undang2 di-bawah Perjanjian Persekutuan tahun 1948.³⁸ Apabila kewarga-negaraan itu di-luchutkan maka baharu-lah kuasa membuang atau menghalau keluar negeri itu boleh di-jalankan.

Dengan apa yang di-terangkan di-atas maka nyata-lah pada kita ia-itu kebebasan diri ra'ayat itu telah di-kawal oleh undang2 mengenai tahan tidak di-bichara, undang2 menchegah jenayah, undang2 mene-tapkan tempat tinggal dan undang2 membuang dan menghalau keluar negeri. Walau pun undang2 ini mempunyai peruntokan2 yang keras, ini ada-lah di-bela dengan sebab keadaan yang ada di-Malaysia ini.

Perkara 9(2) Perlembagaan berkata tiap2 sa-orang warga negara itu bebas bergerak ka-manaz dalam Persekutuan, melainkan ia di-tegah dan di-kawal oleh undang2 mengenai keamanan dan kesihatan awam. Kekebasan ini boleh juga di-hadkan oleh undang2 untuk keselamatan dan kepentingan negeri. Di-bawah Act Keselamatan Dalam Negeri, Menteri Hal Ahwal Dalam Negeri telah di-beri kuasa supaya mengisitihiarkan sa-suatu tempat dalam Malaysia ini, jika di-anggapkan penting untuk keselamatan negeri sa-bagai kawasan keselamatan (security area), dan manaz tempat dalam kawasan keselamatan ini boleh pula di-isitihiarkan sa-bagai kawasan merbahaya (danger area) atau kawasan kawalan (controlled area). Dengan pengisitiharan ini kuasa2 penoh ada-lah di-beri

(36) Hamid Tuah telah di-tahan di-bawah Enactment ini oleh M.B. Selangor kerana perwakilan kuasa kapada M.B. itu - P.U. 279 t. 1959.

(37) Ordinance 11 t. 1959.

(38) Kerajaan berkuasa meluchutkan kewarga-negaraan yang di-perolehi dengan jalan daftaran dan kemasukan. Ini ada-lah di-ta'rifkan di-bawah Perkara 28 Perlembagaan Malaysia ia-itu termasok kewarganegaraan yang di-dapati dengan jalan itu di-bawah Perjanjian Persekutuan tahun 1948.

kapada Polis dan Pasukan Keselamatan untuk mengambil apa2 tindakan walau pun menjadi bahaya kapada nyawa dan harta.³⁹

Berkenaan dengan kebebasan berchakap dan menyebutkan fikiran, kebebasan berkumpul dan kebebasan menuhokan persatuan, ini kesemua-nya ada di-kawal oleh beberapa undang2.

(i) Kebebasan Berchakap. */persuade*.

Kebebasan ini ada-lah di-hadkan kapada kata2 yang tidak menjadi fitnah (defamation), kata2 yang tidak menjadi seditious (menghuru-haraskan keadaan politik), dan kata2 yang tidak menchercha Mahkamah (contempt of court) atau kata2 yang melanggar hak keutamaan Parlimen dan Dewan Negeri. Kata fitnah ada-lah menjadi kesalahan mal dan kesalahan jenayah.⁴⁰ Kata2 yang menchercha Mahkamah boleh di-adukan kapada Mahkamah oleh pihak yang terlibat dalam kata2 itu atau oleh Peguam Negara. Tiap2 orang yang melafazkan kata yang melanggar hak keutamaan Parlimen dan Dewan Negeri boleh-lah di-anggap sa-bagai menchercha Parlimen dan Dewan Negeri dan boleh-lah di-hukumkan oleh-nya.

Barang siapa yang menyebut, menulis, menchetak, menjual dan menyiarkan perkataan2 yang mempunyai ma'ana seditious ada-lah di-anggap oleh undang2⁴¹ sa-bagai melakukan kesalahan yang boleh di-hukumkan sampai 5 tahun penjara atau \$5,000 denda. Di-bawah seksyen 28 Act Keselamatan Dalam Negeri barang siapa menyiarkan perkhabaran falsu yang menakutkan orang awam, sama ada penyiaran itu di-buat dengan kata mulut atau bertulis ada-lah di-anggap telah melakukan suatu kesalahan. Dan seksyen 14 Ordinance Kesalahan Kechil, 1955⁴² telah menjadikan kesalahan bagi sa-saorang yang mengeluarkan kata2 yang menchachi dan memberi malu kapada sa-saorang yang mana dengan kata2 itu mungkin akan berlaku pergaduhan.

Kata2 yang bertulis ada-lah di-kawali oleh beberapa undang2. Jika sa-saorang hendak membuka dan menggunakan jentera penchetak⁴³

(39) Bahagian II Act Keselamatan Dalam Negeri. Lihat juga Ordinance Menjaga Keamanan Awam 1958 (Public Order (Preservation) Ordinance 1958 - No.46/1958). Pada ketika menulis Bab ini (Nov. 28, 1967) tidak kurang daripada 10 orang telah di-beritakan mati akibat tunjuk perasaan yang di-anjorkan oleh Parti Buruh Malaya menentang Kejatohan nilai mata wang £ oleh British. Beberapa buah kawasan merbahaya telah di-ishtiharkan di-bawah Ordinance Menjaga Keamanan Awam 1958.

(40) S. 500 Kanun Keseksaaan.

(41) Ordinance Seditious 14 of 1948 s. 4.

(42) Ordinance No. 3 t. 1955.

(43) 5.3, Ordinance Penchetak Surat khabar, 1948 - No. 12 t. 1948.

hendak-lah ia terlebih dahulu mendapat satu lesen daripada Menteri Hal Ahwal Dalam Negeri, dan jika ia hendak mengeluarkan atau menchetak sa-sabuah surat khabar,⁴⁴ hendak-lah ia mendapatkan satu permit dahulu daripada Menteri itu. Dan surat khabar yang di-chetak itu tidak boleh di-jual dan di-siarkan kepada orang awam⁴⁵ jika tidak ada satu permit untuk penyiaran itu yang di-keluarkan oleh Menteri itu. Tiap2 naskhah surat khabar atau manaz suratan hendak-lah mempunyai nama dan alamat penchetak-nya dalam bahasa Inggeris atau Melayu di-muka satu atau muka akhir.⁴⁶ Dan lagi jika surat khabar itu mengandungi berita2 yang tidak betul, Menteri berhak meminta surat khabar itu membetalukan berita yang salah itu.⁴⁷ Tiap2 lesen atau permit yang di-keluarkan itu akan mati pada 31hb Disember tiap2 tahun, melainkan sudah di-batalkan oleh Menteri sa-belum daripada tarikh itu. Yang demikian tiap2 tahun lesen dan permit itu mestilah di-minta dan di-baharui. Peruntukan ini menunjukkan ia-itu kerajaan mempunyai kuasa untuk menutup manaz surat khabar dan pengeluaran manaz buku dan kebebasan surat khabar ada-lah bergatong kapada tanggong-jawab kerajaan supaya tidak di-gunakan kuasa2 yang ada pada-nya. Akhir-nya desakan fikiran awam (public opinion) sahaja-lah yang akan menjadi sa-benar2 sekatan ka-atas kuasa kerajaan. Di-sini bukan-lah saya menegaskan ia-itu kuasa2 ini tidak mestilah di-adakan, bahkan mustahak supaya dapat kerajaan mengawal penerbitan2 surat khabar sa-chara haram yang mungkin akan menjaharnamkan suasana politik di-negeri ini.

Sementara itu, Ordinance Mengawal Penerbitan Luar Negeri, 1958⁴⁸ (The Control of Imported Publications Ordinance, 1958) telah memberi kuasa kapada kerajaan untuk menegah kemasukan dalam Persekutuan penerbitan2 dari luar negeri yang di-anggap menjadi mudharat kapada keamanan awam, akhlak dan keselamatan Persekutuan. Maka dengan menggunakan kuasa ini-lah beberapa buah buku majallah dan surat khabar yang di-karang di-negeri asing telah di-tegah masuk ka-Malaya. Sa-lain daripada itu, seksen 292 Kanun Keseksaan ada membuat peruntukan ia-itu ada-lah menjadi kesalahan kapada sa-saorang jika ia menjual, membawa masuk, menyiar dan membahagikan apa2 buku,

(44) S. 7 Ordinance itu.

(45) S. 7A Ordinance itu.

(46) S. 5 Ordinance itu.

(47) S. 15 Ordinance itu.

(48) Ordinance No. 44 t. 1958. Sabah dan Sarawak tidak mempunyai Ordinance saperti ini. Tetapi penerbitan2 dari luar negeri telah di-tegah masuk ka-negeri itu di-bawah kuasa Preservation of Public Security Ordinance Negeri itu.

gambar, risalah dan apa2 suratan yang luchah. Peruntukan ini ada-lah sempit jika di-bandingkan dengan kuasaz yang di-beri kepada kerajaan di-bawah undang2 yang di-sebut di-atas.

Act Keselamatan Dalam Negeri, 1960, tidak juga sunyi daripada memberi kuasa kapada kerajaan supaya menegah sama sa-kali atau dengan bersharat penchetaikan, penyiaran, perjualan dan memilik apa2 penerbitan atau surat yang di-anggap sa-bagai menyeludup (subversive).⁴⁹ Barang siapa yang menyimpan, menjual, menchetak, menyiar dan membahagi2kan penerbitan atau suratan itu ada-lah melakukan kesalahan di-bawah undang2 itu.

Kebebasan berchakap bukan sahaja di-kawal dalam sharahan2 uchapan2 mulut dan dalam surat menyurat dan tulisan, bahkan juga dalam apa permainan pertunjukan dan kera'ian atau hiboran (entertainment). Menteri Hal Ahwal Dalam Negeri boleh membuat perentah supaya ditutup atau di-tegah manaz kera'ian jika di-fikirkan kera'ian itu akan menjadi mudharat kapada kepentingan negara,⁵⁰ dan sa-saorang pegawai Polis yang berkuasa menyiasat ka-atas sa-suatu kera'ian itu boleh mengambil tindakan untuk menutup kera'ian itu.⁵¹

Untuk menjamin bahawa sekolah2 dan tempat2 atau yayasan pelajaran itu di-gunakan sa-mataz untuk pelajaran dan bukan-nya untuk menyiar dan mengajarkan politik2 komunis dan ajaranz yang memberi bahaya kapada keselamatan negeri, kerajaan ada berkuasa :—

- (a) membuat perentah supaya jangan di-lantek menjadi guru atau pensharah manaz orang yang mana perlantekan-nya akan memudharatkan kepentingan negeri;⁵²
- (b) membuat perentah supaya di-tutup manaz sekolah atau tempat2 pelajaran, jika sekolah atau tempat2 itu di-gunakan untuk maksud yang memudharatkan kepentingan negeri;⁵³
- (c) membuat perentah supaya murid2 dan guru tidak boleh masok dalam Persekutuan atau bergerak dalam Persekutuan dengan chara berkumpulan yang mengandungi lima orang atau lebih, melainkan sa-telah mendapat kebenaran daripada Polis.⁵⁴

Dan lagi Act Keselamatan Dalam Negeri telah membuat peruntukan ia-itu tiap2 murid dan penuntut yang hendak masok belajar ka-dalam yaya-

(49) S. 22 hingga s. 31.

(50) S. 35.

(51) S. 39.

(52) S. 41A.

(53) S. 41B.

(54) S. 42.

san pelajaran tinggi hendak-lah mempunyai akuan baik (certificate of suitability).⁵⁵

(i) Kebebasan Berkumpul.

Tiap2 satu perkumpulan itu hendak-lah dengan keadaan aman dan dengan tidak bersenjata.⁵⁶ Tetapi sunggoh pun demikian, Parlimen boleh membuat undang2 untuk menjaga kepentingan dan keselamatan negeri. Di-bawah seksen 27 Act Polis, 1967,⁵⁷ tiap2 perarakan, perkumpulan dan perjumpaan hendak-lah di-adakan dengan mendapat lesen daripada Polis terlebih dahulu dan Polis berkuasa supaya tidak di-keluarkan lesen itu jika di-fikirkan bahawa perarakan, perkumpulan atau perjumpaan itu akan menjadi mudharat kapada keselamatan negeri. Jika perarakan, perkumpulan dan perjumpaan itu di-adakan dengan tidak berlesen, Polis berhak memberhentikan-nya dan tiap2 orang yang bertanggong-jawab boleh-lah di-hukum kerana melakukan kesalahan itu.

Sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam perenggan2 yang lepas, Menteri Hal Ahwal Dalam Negeri ada-lah herhak membuat perentah di-bawah Act Keselamatan Dalam Negeri supaya menegah penuntut bergerak dalam Persekutuan dengan sa-chara berkumpul2 yang mengandungi lima orang atau lebuh.⁵⁸

Di-bawah Kanun Kesejahteraan, sa-suatu perkumpulan yang mengandungi 5 orang atau lebuh ada-lah menjadi satu perkumpulan yang haram jika maksud-nya ia-lah menggunakan kekerasan jenayah untuk menakutkan kerajaan, pihak yang berkuasa, menahan perjalanan undang2, melakukan khianat dan memaksa sa-saorang melakukan perbuatan yang dia tidak di-kehendaki oleh undang2 supaya membuat-nya.⁵⁹ Tiap2 orang yang menjadi ahli atau masok champor dalam perkumpulan haram ini boleh di-hukum sa-lama enam bulan, atau di-denda, atau keduanya sa-kali. Jika kekerasan telah di-gunakan ia-itu pukul memukul atau tembak menembak telah berlaku, perkumpulan haram itu di-namakan rusuhan, dan tiap2 orang yang salah kerana terlibat di-dalam rusuhan itu boleh di-seksa dengan dua tahun penjara atau di-denda, atau keduanya sa-kali.⁶⁰ Sa-kira-nya senjata api, peluru, letupan, barang2 yang

(55) S. 41C.

(56) Per. 10(1)(b).

(57) Act No. 41 t. 1967.

(58) S. 42 Act Keselamatan Dalam Negeri.

(59) S. 141 Kanun Kesejahteraan.

(60) S. 146.

kesat dan merosakkan, seperti kayu, batu dan lain-lain telah di-gunakan hakuman-nya ia-lah lima tahun penjara.⁶¹

Untuk menyuraikan perkumpulan yang haram ini, Magistrate dan pegawai kanan Polis di-beri kuasa supaya menyuroh perkumpulan itu bersurai. Jika mereka tidak endahkan surohan itu, perkumpulan itu boleh di-suraikan dengan menggunakan apa2 kekerasan, sa-hingga menggunakan pertulungan tentera.⁶²

(iii) Kebebasan Menuboh Persatuan.

Undang2 yang mengawal penubohan persatuan ia-lah Act Pertubuhan, 1966.⁶³ Di-bawah seksen 5 Act ini, Menteri Hal Ahwal Dalam Negeri berhak membuat perishtiharan ia-itu sa-suatu jenis pertubuhan itu ada-lah haram jika di-fikirkan bahawa pertubuhan itu di-gunakan untuk maksud yang memudharatkan kepentingan keselamatan Persekutuan dan keamanan awam dan akhlak awam. Sa-suatu pertubuhan yang termasok dalam jenis ini tidak boleh di-daftarkan, dan jika telah di-daf-tarkan maka akan di-batalkan pendaftaran-nya.

Undang2 mengenai penubohan persatuan2 pekerja,⁶⁴ sharikat kerjasama⁶⁵ dan sharikat2 perniagaan⁶⁶ tidak memberi kuasa kepada kerajaan untuk membatalkan pertubuhan itu di atas alasan menjadi mu-dharat kapada keselamatan Negeri. Pembatalan persatuan atau sharikat2 itu ia-lah dengan sebab2 yang lain, seperti wang2 persatuan atau sharikat itu tidak di-gunakan betul2 untuk kebajikan-nya. Undang2 ini me-ngandungi beberapa peruntukan supaya penubohan dan perjalanan sa-suatu persatuan dan sharikat itu di-jaga dengan rapi-nya mudah2an ahli2nya terlindung daripada orang2 yang memegang kuasa dalam persatuan atau sharikat itu.

(C) Kebebasan Ekonomi.

Perabdian atau perhambaan ada-lah di-haramkan oleh Perlembagaan Malaysia.⁶⁷ Segala jenis kerja paksa ada-lah di-tegahkan, tetapi Parlimen boleh membuat undang2 untuk memaksa ra'ayat bekerja bagi maksud negara.⁶⁸ Dan juga tidak-lah di-anggap salah pada segi

(61) S. 148 dan 144.

(62) S. 83 hingga 88 Kanun Perotoran Jenayah (Criminal Procedure Code).

(63) Act 13 t. 1966.

(64) Ordinance 23 t. 1959.

(65) Ordinance 33 t. 1948.

(66) Act 79 t. 1965.

(67) Per. 6.

(68) Ordinance Perkhidmatan Negara, 1952 (National Service Ordinance, 1952) - No. 37 t. 1952.

perlembagaan jika kerja yang di-paksa ka atas sa-saorang itu ia-lah berthabit dengan melaksanakan hukum penjara yang di-kenakan ka atasnya oleh sa-sabuah Mahkamah.⁶⁹

Tiapz sa-saorang itu berhak memileki harta, dan jika harta-nya di-ambil oleh Kerajaan dengan sebab kepentingan awam, pampasan yang memadai hendak-lah di-beri kepada-nya.⁷⁰ Tiapz undangz yang membuat peruntukan bagi mengambil balek harta tidak-lah sah jika tidak mempunyai peruntukan untuk membayar pampasan yang memadai. Boleh di-katakan undangz yang ada ia-lah mematohi peruntokanz ini.⁷¹

Undangz memberi kebebasan kapada pekerjaz untuk menubohkan persatuanz pekerja untuk menjaga kepentingan mereka, sa-hingga kan boleh mereka mogok. Dan jika mereka mogok boleh pula mereka berkumpulz (picket) dekat dengan tempat kerja mereka supaya memaksa majikan menyelesaikan pertelingkahan di-antara mereka dengan-nya.⁷² Jika pertelingkahan ini tidak selesai, ini akan di-selesaikan dengan sa-chara pujokan (conciliation) dan akhir-nya dengan chara keputusan oleh Mahkamah Perusahaan.

Tiapz warga negara boleh bekerja untuk menchari nafkah-nya, asalkan kerja-nya itu tidak di-larang oleh undangz. Sa-tengah daripada kerjaz di-negeri ini ada-lah di-hadkan kapada orang yang mempunyai kelayakan sahaja, saperti peguam, jurukira, engineer, juru senibina, juru ukur, doktor dan lainz. Tiapz orang daripada mereka ini ada-lah ter-kawal dan terta'lok kapada undangz mengenai profession-nya. Orangz yang tidak ada kelayakan dan jika ada kelayakan tetapi tidak menjadi ahli ka-dalam pertubohan profession itu tidak-lah boleh membuat kerjaz yang tersebut. Dengan sebab ada-nya undangz khas untuk profession ini; banyak orang mengatakan ini ada-lah menafikan kerja kapada ra'ayat. Tetapi polisi di-sabalek undangz ini ia-lah supaya ra'ayat itu tidak di-anayakan oleh orangz yang mengaku diri-nya ahli, pada hal-nya ia tidak pandai. Polisi ini akan berjaya jika ahli2 dalam profession itu berasa bertanggong-jawab kapada orang awam dengan mengambil tindakan ta-ta-tertib yang keras ka atas ahli2-nya yang telah melakukan kesalahan kapata profession-nya. Jika tindakan itu tidak di-ambil ini akan merupa-

(69) Seksyen 52, Ordinance Penjara, 1952 - No. 8 t. 1952; tiapz hukum penjara itu termasok-lah hukum bekerja yang di-perentahkan oleh pegawai penjara.

(70) Per. 13.

(71) Act Mengambil Balek Tanah 1960 - No. 34 t. 1960. memaksakan kerajaan membayar "harga pasaran" apabila tanah yang di-mileki telah di-ambil balek untuk maksud awam.

(72) Bahagian VIII Act Perusahaan 1967 - No. 35 t. 1967.

kan sa-bagai perlindungan kapada mereka, manakala orang2 lain yang ada juga kelulusan-nya tidak dapat membuat kerja itu.

Sa-lain daripada itu, satengah2 pekerjaan ada-lah menjadi monopoli (pajakan) kapada kerajaan atau pihak berkuasa awam. Mithalnya perkhidmatan radio, talikom, talivishen, elektrik, ayer, jalan raya, keretapi, pelabuhan, pelajaran, talipon, ada-lah menjadi monopoli. Memang-nya mustahak bahawa perkhidmatan2 ini menjadi monopoli kerajaan, kerana perkhidmatan2 ini akan membawa hasil kepada kerajaan dan juga mustahak untuk pemerentahan kerajaan. Sa-lain daripada ini, segala jenis perniagaan dan perusahaan ada-lah dipegang oleh orang awam.

Perniagaan dan perusahaan ini akan di-tinggalkan bebas dengan tidak terkawal, jika ia di-jalankan dengan rapi-nya. Tetapi jika perniagaan atau perusahaan itu di-jalankan untuk menganiayakan ra'ayat, kerajaan dan Parlimen akan bertindak, sa-bagaimana yang di-tunjukkan baharuz ini dalam usaha kerajaan mengawal perusahaan, mendiri rumah⁷³ dan menjaga kejatahan harga getah. Dan juga untuk menolong bumiputera yang di-sifatkan sa-bagai puak yang lemah dan belum maju, Act Mara, 1966⁷⁴ telah menubohkan satu perbadanan, yang di-namakan MARA (Majlis Amanah Ra'ayat). Di-sini, kerajaarn terpaksa menchebor dalam lapangan perusahaan untuk menolong puak2 yang lemah ini. Jika tidak, sa-lama2-nya puak itu akan lemah dan bertambah2 mundur lagi. Usaha kerajaan dalam lapangan ini ada-lah penoh dengan kepujian.

(8) Perbedzaan.

Satu daripada peruntukan yang penting mengenai hak asasi dalam Perlembagaan Malaysia ia-lah peruntukan yang mengharangkan perbedaan dengan sebab ugama, bangsa, keturunan dan tempat beranak. Perbedaan dengan sebab laki2 dan perempuan tidak-lah di-tegah. Peruntukan ada mempunyai kechualan:⁷⁵ ia-itu tidak-lah di-anggapkan sa-bagai perbedaan, jika ada perbedaan :—

- (a) dalam undang2 diri (personal law) mengenai sa-suatu ugama;

(73) Act (Mengawal dan Melesenkan) Pembangunz Rumah 1966 - No. 38 t. 1966. Act ini di-luluskan untuk memelihara kepentingan pembeli2 rumah supaya terjauh mereka ini daripada pendiriz dan penjualz rumah yang bertujuan hendak menipu ra'ayat.

(74) Act 20 t. 1966.

(75) 9(5) Pet.

- (b) mengenai dengan perlantekan jawatan bagi sa-suatu ugama atau yayasan ugama itu;
- (c) mengenai undang2 yang bermaksud untuk membaiki taraf hidup orang asli;
- (d) mengenai kediaman dalam sa-sabuah negeri sa-bagai sharat untuk pilchanraya bagi negeri itu atau bagi perlantekan kepada sa-suatu jawatan dalam negeri itu;
- (e) mengenai undang2 askar Melayu.

Dan lagi Perlembagaan Malaysia mempunyai peruntukan2 untuk memelihara hak keistimewaan orang2 Melayu dan orang bumiputera, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Perkara 153 dan Perkara 161A dan dalam beberapa Perlembagaan Negeri. Hak2 keistimewaan ini ia-lah mewujudkan simpanan khas bagi orang2 Melayu dan bumiputera, beberapa kadar (quota) dalam scholarship, jawatan dalam perkhidmatan awam, lesen berniaga dan berusaha dan tanah2 simpanan. Simpanan khas ini walau pun pada rupa-nya nampak sa-bagai perbedaan di-antara orang Melayu, dan bumiputera dengan orang2 bangsa lain, tetapi pada hakikat-nya ia-lah satu timbalan yang akan menyamakan taraf kedudukan orang2 Melayu dan bumiputera dengan orang2 bangsa lain pada segi ekonomi, pelajaran dan sosial. Dengan ada-nya persamaan ini, perkekalan keadaan politik dengan sa-chara aman dan damai akan terjamin.

(9) Penyudah.

Sa-telah di-kaji dengan panjang lebar, peruntukan hak asasi dalam Perlembagaan dan undang2 Malaysia ta' dapat tiada kita dapati ia-itu undang2 ada-lah memberati kapada sa-belah kerajaan. Undang2 ini ada-lah merupakan sa-bagai senjata kapada kerajaan yang akan di-gunakan untuk menjaga dan memelihara kepentingan dan keselamatan negara. Bagaimana mustahak-nya keselamatan negara pada sisi Perlembagaan boleh di-dapati dalam Perkara 4(2). Jika undang2 yang di-buat oleh Parlimen telah menyekat kebebasan ra'ayat bergerak di-seluroh Malaysia atau menyekatkan kebebasan berchakap, berkumpul dan bersatu, dan sekatan2 itu di-buat untuk menjaga keselamatan negeri dan ketenteraman dan akhlak awam, maka undang2 ini tidak-lah boleh di-chabar sa-bagai tidak sah. Yang demikian, mas'alah yang sa-benar-nya ia-lah: sama ada kerajaan telah menyalah-gunakan senjataz ini? Jawapan ini tinggal-lah kapada puak2 politik dan tidak patut di-jawab oleh penga-

rang buku ini. Tentang mustahak-nya senjataz itu di-beri kepada kerajaan tidak-lah boleh di-nafikan apabila kita ingat kapada pengalaman dharurat yang di-sebabkan oleh pemberontakan Komunis di-Negeri ini.⁷⁶

Walau macham mana sa-kali pun, kebebasan ra'ayat dalam ekonomi di-Negeri ini maseh lagi belum di-ganggu, melainkan untuk memelihara ra'ayat daripada perasaan tama' dan haloba oleh satengahz pehak dan juga untuk mengelokkan taraf ekonomi orangz Melayu dan bumiputera.

(76) Dalam minggu akhir bulan November 1967, surat^z khabar di-Malaysia telah memberitakan dengan tajuk besar (headline) kematian, kemalangan dan kerosakan harta benda yang di-akibatkan oleh tunjok perasaan anjoran Parti Buruh Malaya ka atas kejatohan nilai wang £ British dalam-bulan itu. Ini ada-lah sa-bagui bukti bahawa ketenteraman dan keamanan itu ia-lah satu perkara yang susah hendak di-pelihara.

BAB XXI

DHARURAT

I. Dharurat pada segi Perlembagaan.

Segala kebebasan ra'ayat dan kuasaz negeri yang kita binchangkan dalam bab2 yang lepas akan hanya tercapai dalam masa aman dan ketenteraman. Jika keadaan di-dalam sa-sabuah masharakat itu merusut dan menjadi chemas yang mana wujud masharakat itu sendiri ada-lah terancham, maka tidak-lah bererti sama sa-kali jika Kerajaan tidak di-beri kuasaz untuk mengegah bahaya dan anchaman itu supaya memelihara masharakat itu daripada-nya, meski pun kuasaz itu akan bertentangan dengan hak asasi. Kuasaz yang saperti itu sudah tentu hanya-lah di-beri untuk sementara.

Di-satengah2 negeri, apabila negeri itu berada di-dalam keadaan yang chemas, pemerintahan itu di-letakkan di-bawah undang2 tentera (martial law),¹ yang mana kuasa Kerajaan untuk memerintah negeri itu di-serahkan kapada, atau di-bantui oleh, pehak yang berkuasa tentera supaya memerintah negeri itu dengan chara kuasa budibichara. Perletakan pemerintahan negeri di-bawah undang2 tentera ada-lah dimulai dengan jalan di-keluarkan satu perishtiharan mengenai-nya, dan

(1) "The term, martial law, is also used to describe the action of the military when, in order to deal with an emergency amounting to a state of war, they impose restrictions and regulations upon civilians in their own country" - Wade & Phillips: Constitutional Law 7th Ed. p.402. "Martial law in strict sense is the suspension of the ordinary law, and the substitution therefor of discretionary government by the executive endorsed through the military." - Hood Phillips "The Constitutional Law" 2nd Ed. p.545.

dengan sebab perishtiharan ini-lah maka pehak yang berkuasa tentera menjalankan perentahan negeri untuk menchegah bahayaz dan anchaman itu. Satu daripada charaz pemerentahan undang2 tentara ahli-mewujudkan Mahkamah Tentera untuk mengadilkan orang2 awam, dan dengan ini Mahkamah Biasa tidak-lah bertugas buat sementara dalam tempoh negeri itu berada di-bawah undang2 tentera.

Mengikut undang2 England, Mahkamah Tentera itu bukan-lah sa-benar2 Mahkamah, bahkan ia-lah sa-bagai satu badan untuk menasihatkan pehak yang berkuasa tentera tentang menjalankan tugas2-nya. Tetapi walau macam mana pun, keputusan yang di-buat oleh Mahkamah itu ada-lah sah, jika negeri itu sa-betul2-nya berada dalam keadaan undang2 tentera. Ini bererti-lah bahawa tiap2 perishtiharan meletakkan pemerentahan negeri itu di-bawah kuasa undang2 tentera boleh diso'al dan di-timbangkan oleh Mahkamah Biasa.² England tidak pernah berada di-bawa perentahan undang2 tentera, tetapi pemerentahan tentera telah di-kenakan kepada Ireland dan beberapa buah negeri dibawah ta'lok-nya.

Di-negeri Peranchis, apabila negeri itu menghadapi bahaya perang musoh dari luar negeri atau perang sama sendiri, Peresiden negeri itu berhak mengishtiharkan wujud-nya keadaan bahaya ('etat de siège'). Ini bererti-lah ia-itu satengah2 daripada kuasa memerintah itu diserahkan kepada pehak yang berkuasa tentera untuk memelihara keamanan awam.³

II. Dharurat dalam Perlembagaan Malaysia.

Perlembagaan Malaysia ada-lah di-bentok mengikut Perlembagaan India sa-bagai chontoh-nya. Sa-bagaimana perlembagaan India,⁴ Perkara 150 Perlembagaan Malaysia memberi kuasa kapada Yang Dipertuan Agong membuat Perishtiharan Dharurat, jika ia puas hati bahawa ada berlaku keadaan dharurat yang chemas, yang mana keselamatan

(2) "Before the establishment of military tribunals, there will usually be a proclamation of a state of martial law, but it is not the proclamation which makes martial law, but the events which have created the emergency. Subjects have the right to question any act of the Executive or military in the Courts which must decide whether or not a state of martial law exists. A proclamation may be evidence of such a state being already in existence, but it cannot change existing conditions from a peace-time footing to one of war within the realm " - Wade & Phillips p.404.

(3) Hood Phillips "Constitutional Law" - 2nd Ed. P.545; Basu's Commentary on the Constitution of India - 4th Ed. Vol.5 p.168.

(4) Basu: 4th Ed. Vol.5 p.166 - 196.

dan kehidupan ekonomi Persekutuan atau sa-bahagian-nya ada-lah terancham. Ketika membincangkan kuasa dharurat Jawatan-kuasa Reid⁵ berpendapat ia-itu kebebasan ra'ayat dan pembahagian kuasa di-antara Negeri dengan Persekutuan tidak-lah boleh di-biarkan sa-hingga mengancham keselamatan negeri dan chara hidup demokrasi. Dari itu Persekutuan mesti-lah di-beri kuasa yang chukup untuk memelihara kepentingan⁶ negara walau pun bertentang dengan hak asasi dan kuasa negeri.

Kuasa Yang Di-Pertuan Agong membuat Perishtiharan Dharurat itu ada-lah luas dan tidak di-tentukan kapada apa2 sebab atau jenis dharurat, asalkan keselamatan dan kehidupan ekonomi negara berada dalam keadaan yang terancham. Sama ada Perishtiharan Dharurat itu boleh di-so'al ka-dalam Mahkamah ada-lah menjadi satu so'alan yang penting dalam kes *Kalong Ningkan v. Kerajaan Persekutuan*. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan ia-itu Perishtiharan Dharurat dalam kes ini tidak boleh di-so'al dan di-chabarkan lagi. Ketua Hakim Negara bagi Mahkamah Persekutuan dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya telah berpendapat ia-itu perishtiharan dharurat itu ia-lah satu perkara yang tidak dapat di-adilkan (non-justiciable matter). Ini ia-lah satu perkara politik. Keputusan ini di-buat dengan beralaskan kepada dua kes yang di-keratkan oleh Privy Council dalam tahun 1931 dan 1945. Manakala Hakim Persekutuan, H.T. Ong, berpendapat ia-itu Mahkamah boleh memereksa sama ada Perishtiharan Dharurat itu di-buat dengan niat yang betul (*bona fide*) atau niat salah (*mala fide*), dan ini bukan-lah satu perkara yang tidak boleh di-adilkan. Tetapi memandangkan pada nyataan yang ada dalam kes ini, Hakim itu berpendapat ia tidak puas hati dan tidak boleh kata bahawa Perishtiharan Dharurat itu di-buat dengan niat jahat.⁷ Pendapat Hakim Ong telah di-persetujui oleh Privy Council.

Mengikut fikiran Basu,⁸ oleh kerana perkataan "satisfied" (puas-hati) di-gunakan dalam Perkara 150, maka nyata-lah perishtiharan itu tidak boleh di-chabar dalam Mahkamah.

Dalam kes *Emperor v. Benoari Lal AIR (1945) P. C. 48*, mengenai tafsiran seksen 102 dalam Government of India Act, 1935, yang mengandungi peruntukan saperti ini, Privy Council telah berkata demikian:—⁹

(5) Malayan Constitutional Reports (1957) pp.74 - 75.
 (6) Straits Times 2.12.1967. Lihat (1968) M.L.J. p. 119.
 (7) Basu - 4th Ed. Vol.5 p.169.
 (8) m.s. 50.

"Their Lordships entirely agree with Rowland J.'s view that such circumstances might, if necessary, properly be considered in determining whether an emergency had arisen; but, as that learned Judge goes on to point, and, as had already been emphasised in the High Court, the question whether an emergency existed at the time when an Ordinance is made and promulgated is a matter of which the Governor-General is the sole judge....."

Bagitu-lah jua fikiran yang di-sebutkan oleh Viscount Dunedin, ketika melafazkan keputusan Privy Council dalam Kes Bhagat Singh v. Emperor 58 Indian Appeals (1930 — 31) m.s 169 pada m.s. 171 — 172. Kata-nya demikian:—

"The petitioners ask this Board to find that a state of emergency did not exist. That raises directly the question who is to be the judge of whether a state of emergency exists. A state of emergency is something that does not permit of any exact definition. It connotes a state of matters calling for drastic action, which is to be judged as such by some one. It is more than obvious that that someone must be the Governor-General and he alone. Any other view would render utterly inapt the whole provision. Emergency demands immediate action, and that action is prescribed to be taken by the Governor-General. It is he alone who can promulgate the Ordinance."

Sunggoh pun sa-suatu perishtiharan dharurat itu tidak boleh di-so' al dalam Mahkamah, melainkan ada-nya bukti niat tidak baik, ini boleh di-so' al dalam Parlimen, yang mana pehak Kerajaan mesti memberi alasan mengenai perishtiharan itu dan memberi jawab kapada chabaran itu.

Perishtiharan Dharurat boleh di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong pada ketika Parlimen sedang bersidang, atau pada ketika Parlimen tidak bersidang. Jika di-buat pada ketika Parlimen tidak bersidang, persidangan itu hendak-lah di-adakan sa-berapa chepat yang mungkin, dan buat sementara sa-belum daripada persidangan itu Yang Di-Pertuan Agong ada-lah berkuasa membuat undangz (Ordinance) untuk menchegah dharurat itu jika dia puas-hati bahawa tindakan segera mesti di-jalankan.

Perishtiharan Dharurat dan undangz yang di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong sa-belum persidangan Parlimen itu hendak-lah dibentangkan di-hadapan keduaz Majlis Parlimen. Perishtiharan dan undangz ini akan tamat kuat-kuasa-nya jika satu usul untuk membatalkannya telah di-luluskan oleh keduaz Majlis Parlimen itu, atau pun di-

batalkan oleh Yang Di-Pertuan Agong sa-bbelum daripada usul itu di-luluskan.

Sa-lagi Perishtiharan Dharurat itu berkuat-kuasa, kuasa2 Kerajaan Persekutuan ada-lah di-perluaskan walau pun bertentangan dengan perlembagaan. Mithal-nya:—

- (a) Kerajaan Persekutuan boleh berkuasa dalam beberapa perkara yang sa-memang-nya jatoh di-bawah kuasa Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Persekutuan boleh juga memberi apaz arahan kepada Kerajaan Negeri dan pegawai2-nya;
- (b) Parlimen berkuasa membuat undang2 mengenai perkara2 yang sa-memang-nya jatoh di-bawah kuasa Dewan Negeri,⁹ jika Parlimen fikir patut undang2 itu di-buat oleh kerana dharurat. Kuasa Parlimen mengenai ini boleh di-jalankan dengan tidak mendapat apaz persetujuan atau perundingan dengan Negeri;
- (c) Undang2 yang di-buat oleh Parlimen mengenai dharurat tidak boleh di-putuskan oleh Mahkamah sa-bagai tidak sah dengan sebab menyalahi peruntukan Perlembagaan. Tetapi sungguh pun demikian, Parlimen tidak berkuasa membuat undang2 mengenai ugama Islam, adat resam orang Melayu, atau hal ahwal orang bumiputera. Parlimen tidak juga boleh membuat undang2 mengenai apa2 ugama, kewarganegaraan atau bahasa, jika menyalahi kehendak Perlembagaan.

Tiap2 keadaan dharurat itu ada-lah di-anggap sa-bagai suatu keadaan yang luar biasa, dan tidak-lah di-hajati untok kekalsalama2-nya. Keadaan ini hanya-lah di-jangka buat sementara sahaja. Dari itu Perishtiharan Dharurat dan undang2 yang di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong di-bawah kuasa dharurat akan habis kuat-kuasa-nya dengan chara satu usul membatalkan-nya di-luluskan oleh kedua2 Majlis Parlimen atau oleh Yang Di-Pertuan Agong sendiri membatalkan-nya dengan tidak menggunakan usul itu. Apabila Perishtiharan Dharurat itu telah tamat kuat-kuasa-nya, maka undang2 yang di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong (Ordinances) dan undang2 yang di-buat dalam masa dharurat akan tamat juga kuat-kuasa-nya sa-lepas enam (6) bulan daripada tarikh tamat kuat-kuasa perishtiharan itu.

(9) Mengikut kes Kalong Ningkan v. Kerajaan Persekutuan, Parlimen boleh meminda Perlembagaan Negeri, jika dharurat di-ishtiharkan.

III. Dharurat di-Malaysia.

Malaysia telah mengalami dharurat dua kali, ia-itu dalam tahun 1948¹⁰ hingga tahun ¹¹ 1960 yang mana negeri ini telah di-ancham oleh bahaya pemberontakan komunis. Dharurat yang kedua telah di-ishtiharkan pada 3 haribulan September, 1964¹² oleh sebab polisi penentangan yang di-lancharkan oleh Peresiden Sukarno terhadap Malaysia. Perishtiharan ini maseh lagi berjalan dan belum lagi di-batalkan.

Walau pun keadaan luar biasa dan huru-hara yang di-sebabkan oleh pemberontakan komunis itu telah menyusahkan ra'ayat dan pemerintah, tetapi boleh di-katakan ia-itu dengan sebab dharurat-lah maka Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan. Dalam masa dharurat tahun 1948 — 1960-lah bahawa kuasaz pemerentahan British dengan beransor2 terserah kepada ra'ayat negeri ini. Penubuhan Majlis Tempatan, kelulusan undang2 pilehanraya, dan beberapa perubahan lagi mengenai chara pemerentahan negeri ini, semua-nya berlaku dalam masa dharurat itu.

Dharurat tahun 1948 — 1960 ada-lah di-ishtiharkan oleh Pesuroh-jaya Tinggi bagi Persekutuan Tanah Melayu di-bawah seksen 3 Ordinance Peratoran Dharurat, 1948,¹³ dan dengan kerana perishtiharan ini Pesurohjaya Tinggi itu telah membuat beberapa peratoran2 dharurat (emergency regulations) yang di-fikirkan mustahak untuk menchegah dharurat itu.¹⁴

Peratoran2 ini ia-lah terdiri daripada satu peratoran am yang meliputi semua perkara dan beberapa peratoran khas yang di-tentukan untuk tiap2 satu perkara; seperti peratoran bichara jenayah, peratoran orang tahanan, peratoran membayar pampasan dan lain2 lagi. Oleh kerana Peratoran2 Dharurat ini amat berguna untuk memelihara keselamatan negeri ini daripada bahaya komunis, yang senentiasa ada, walau pun dharurat telah di-ishtiharkan tamat, sa-bahagian daripada peratoran ini telah di-kekalkan ka-dalam Act Keselamatan Dalam Negeri, 1960.

Pada mula-nya, anchaman dari Peresiden Sukarno menentang Malaysia hanya-lah di-chezagkan di-bawah Act Keselamatan Dalam Negeri yang mana keselurohan kawasan pantai dan perayeran bagi negeriz di-Tanah Melayu telah di-ishtiharkan sa-bagai kawasan kese-

(10) Perishtiharan Dharurat di-buat pada 13.7.1948- P.W. 1921 t. 1948.

(11) Perishtiharan Tamat Dharurat di-buat pada 31.7.1960 - P.U. 185 t. 1960.

(12) P.U. 271 t. 1964.

(13) Ordinance No. 10 t. 1948. Ordinance ini telah di-batalkan oleh P.U 185 t. 1960.

(14) Emergency Regulations 1948 - 1950: Government Printer (1950).

lamatan.¹⁵ Apabila askar² Indonesia telah mendarat di-Pontian dan Labis di-Negeri Johor dan juga di-Melaka dan Negeri Sembilan, ketigaz buah negeri ini telah di-ishtiharkan menjadi sa-bagai kawasan keselamatan,¹⁶ supaya pasukan keselamatan Malaysia boleh bertindak dengan sa-bebas²-nya. Kedua² perishtiharan ini nampaknya tidak juga menchukupi, kerana askar² Indonesia dengan pertolongan orang² yang berhati belot yang tinggal di-negeri ini dapat juga masuk ke negeri ini dengan chara bersembunyi. Akhirnya Perishtiharan Dharurat tidak juga dapat di-elakkan dan ini telah di-buat oleh Yang Di-Pertuan Agong di-bawah Perkara 150 Perlembagaan Malaysia pada 3hb September, 1964.¹⁷ Dan pada 7hb September, 1964, keselurohan Malaysia telah di-ishtiharkan menjadi kawasan keselamatan.¹⁸ Pada 18hb September, 1964, Parlimen telah bersidang untuk membinchangkan Perishtiharan Dharurat dan pada hari itu juga Act (Kuasa Penting) Dharurat, 1964, telah di-luluskan.¹⁹

Act ini telah memberi kuasa kapada Yang Di-Pertuan Agong untuk membuat undang² dan peraturan bagi menchegah dharurat itu. Peraturan yang di-buat di-bawah Act (Kuasa Penting) Dharurat, 1964, ini tidak-lah lagi banyak bilangan-nya²⁰ jika di-banding dengan Peraturan Dharurat yang di-buat bagi Dharurat 1948 — 1960. Ini ia-lah kerana tindakan² terhadap dharurat itu boleh di-jalankan di-bawah Act Keselamatan Dalam Negeri dan beberapa undang² yang lain lagi.

Sekarang Indonesia telah berhenti daripada menentang Malaysia bahkan kedua² buah Negeri ini telah membuat perhubungan perniagaan, dan diplomat yang rapat. Tetapi sunggoh pun demikian, Perishtiharan Dharurat yang di-buat pada 3hb September, 1964, itu maseh belum lagi di-batalkan. Bahaya dan anchaman dari komunis maseh ada lagi dan harus tidak akan berhenti. Yang demikian, undang² seperti Act Kese-

(15) P.U. 243/1964 - 13.8.1964.

(16) P.U. 245/64 - 17.8.1964.

(17) P.U. 271/64 - 7.9.1964.

(18) P.U. 273/64 - 7.9.1964.

(19) Act No. 30 t. 1964.

(20) Lihat P.U. 286/64, 335/64, 420/64, 421/64, 75/65, 121/65, 122/65, 251/65, 355/65, 443/65, 451/65, 33/66, 35/66, 187/66 dan 242/66.

lamatan Dalam Negeri dan beberapa buah undang2 yang lain yang di-England dan di-Amerika di-anggap menyekat kebebasan ra'ayat akan menjadi berkekalan dalam negeri ini, kerana undang2 ini di flirkkan mustahak undok memelihara keselamatan dan keamanan negeri daripada musoh2 yang senentiasa ada.²¹

(21) Bagaimana susahnya hendak menjaga keselamatan dan keamanan bolehlah di-buktikan dengan peristiwa yang berlaku pada akhir bulan November 1967 di-sebabkan oleh tunjok perasaan Parti Buruh tentang kejatohan nilai mata wang British.

BAB XXII

PENUTUP

I. Malaysia dan Komanwel.

Sa-belum merdeka Malaysia ia-lah terdiri dari negeriz tanah jajahan British dan negeriz di-bawah naungan-nya. Apabila merdeka telah tercapai dalam tahun 1957 dan kemudian-nya dalam tahun 1963 Malaysia pula telah di-tubohkan, Malaysia telah membuat keputusan untuk tinggal bersama2 dalam lingkongan Komanwel. Keputusna ini di-buat ia-lah kerana sistem undang2 dan pentadbiran negeri ini ada-lah berasaskan kapada sistem undang2 dan pentadbiran British. Sudah tentu tidak-lah menjadi apa2 keuntungan bahkan mungkin akan membawa beberapa kesusahan jika perhubungan dengan England yang hampir2 satu ratus tahun itu di-buang terus. Lagi pun Malaysia, sa-bagai sa-buah negara yang kecil, di-lahirkan dalam masa pertentangan politik di-antara demokrasi dan komunis, tentu-lah tidak sunyi daripada kekurangan dan mesti-lah berkehendak kapada beberapa pertolongan dan memanjangkan tali persahabatan-nya kapada beberapa buah negara. Dengan berpandukan kapada dasar ini-lah maka Perjanjian Pertahanan Luar dan Pertolongan Bersama (Agreement on External Defence and Mutual Assistance) telah di-meterikan oleh negeri ini dengan England.

Untuk mengambil kesempatan ini, Perlembagaan Malaysia¹ telah membuat peruntukan ia-itu tiap2 orang warga negara Malaysia

(1) Per. 29

ia-lah juga mempunyai taraf sa-bagai warga negara Komanwel sama-lah seperti warga-negara² negeriz Komanwel yang lain. Dan lagi undang² yang ada sekarang ada-lah berjalan kuat-kuasa-nya kapada warga negara negeri Komanwel yang lain, melainkan di-untokkan atas-nya oleh Parlimen. Dan lagi² jika undang² dalam sa-sabuah negeri Komanwel yang lain telah membuat peruntukan memberi sa-suatu hak atau keutamaan kapada warga negara Malaysia, Parlimen Malaysia ada-lah berhak membuat undang² untok di-beri kapada warga negara bagi negeri itu hak² dan keutamaan yang seperti hak² dan keutamaan yang di-beri oleh negeri itu kapada warga negara Malaysia. Sa-lain daripada itu mengikut undang² negeri ini³ sa-sabuah negeri Komanwel itu tidak-lah di-anggap sa-bagai negeri asing.

Tetapi Komanwel pada hari ini ada-lah merupakan satu konsep yang hampir² kosong ma'ana-nya. Pada asal-nya Komanwel itu ia-lah satu konsep yang di-reka untuk menggambarkan tali perhubungan di-antara England dengan negeriz dalam Empayar British, apabila negeriz itu mendapat kemerdekaan dan kebebasan daripada kerajaan British. Komanwel, sa-bagai satu konsep, ada-lah bertujuan supaya negeriz ini mempunyai satu pedoman dan satu asas. Pada tahun 1926 Perishtiharan Balfour (Balfour Declaration) telah menarikkan negeriz Komanwel sa-bagai "negeriz yang merdeka dalam Empayar British, mempunyai taraf yang sama tinggi, tidak sa-dikit pun rendah di-antara satu dengan lain mengenai hal ahwal dalam dan luar negeri meski pun mereka itu di-satukan dengan ta'at setia yang sama kepada Raja Inggeris, dan dengan suka rela-nya sendiri telah berchampor sa-bagai ahli bagi bangsa Komanwel British".⁴

Satu daripada unsur² Komanwel itu ia-lah baginda Queen England di-terima oleh tiap² negeri Komanwel sa-bagai ketua Komanwel. Ini bererti-lah bahawa Kerajaan bagi negeri itu ia-lah di-jalankan di-atas nama baginda. Tetapi konsep ini telah tidak terpakai lagi, apabila India dalam tahun 1949 telah menjadi sa-buah negara repablik dengan mempunyai Peresiden-nya sendiri. Chontoh yang di-buat oleh India ini telah di-turut oleh beberapa negeri yang lain, sa-hinggaan Malaysia mempunyai raja-nya sendiri.

(2) Per. 155.

(3) Interpretation and General Clauses Ordinance No. 7 t. 1948 Seksyen 2(1) (30A) "Foreign Country" does not include any party the Commonwealth or the Republic of Ireland."

(4) Hood Phillips: Constitutional Law, 2nd. Edn. p. 659.

Komanwel ada-lah juga menjaminkan ia-itu sa-saorang warga negara bagi manaz negeri dalam Komanwel ada-lah mempunyai taraf yang sama dengan warga negara bagi sa-sabuah negeri Komanwel yang lain. Kerana mereka semua menumpukan ta'at setia mereka kepada baginda Queen England, dan mereka ada-lah di-kenali sa-bagai ra'ayat British. Tetapi konsep satu kewarganegaraan ini telah juga di-buangkan, yang mana sekarang tiap2 buah negeri mempunyai kewarganegaraan-nya sendiri, dan untuk menunjukkan perhubungan negeri itu dalam Komanwel, tiap2 warga negara-nya ada-lah juga menjadi warga negara Komanwel. Tetapi apa-kah dia faedah-nya sukar hendak di-lihat; kerana semua negeri telah membuat polisi imigresen yang hanya-lah untuk memeliharkan warga negara-nya sahaja.

Dalam lapangan politik antara bangsa pula, ada-lah menjadi kebiasaan bagi negeriz Komanwel membuat polisi yang bertentangan di-antara satu dengan lain, sa-hingga membawa peperangan. Lihat-lah peperangan di-antara India dan Pakistan, walau pun kedua2 negeri ini ia-lah negeri Komanwel.

Dari itu nyata-lah bahawa Komanwel itu ada-lah satu konsep yang beralaskan kapada sentimen, dan ini tidak-lah dapat di-terangkan dengan sa-chara akal. Sudah tentu tiap2 negeri yang merdeka dan bebas akan menjalankan polisi baik pun hal ahwal dalam dan luar negerinya kapada apa yang di-anggapkan memberi faedah kapada negeri itu atau mustahak kapada kepentingan-nya. Keadaan yang saperti ini tentu-lah akan menimbulkan pertentangan dan kesusahan kapada negeriz lain. Tetapi jika ada perhubungan, seperti Komanwel, walau pun tidak bererti lagi, segala kesusahan itu dapat di-selesaikan, dan jika tidak dapat di-selesaikan pun sa-kurang2-nya boleh juga di-faham oleh negeriz lain.

Dalam bahagian ekonomi, kechualи Kanada sahaja, mata wang bagi tiap2 buah negeri Komanwel ada-lah terikat kapada mata wang British. Tetapi apabila mata wang British telah turun baharu2 ini,⁵ banyak negeriz Komanwel yang lain yang menanggong rugi dan terpaksa menurunkan mata wang mereka. Di-Malaysia, bukan sahaja ra'ayat dan Kerajaan menanggong rugi, tetapi juga telah mengalami kekachauan yang di-sebabkan oleh puak2 yang menentang kejatohan mata wang itu. Peristiwa ini bukan-nya akan membawa kapada perpaduan negeriz Komanwel, bahkan akan melonggarkan lagi perpaduan itu.

(5) Straits Times 20.11.1967.

II. Malaysia dan Dunia.

Sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka dan berdaulat Malaysia mesti-lah mengambil peranan dalam hal ahwal antara bangsa dan mesti-lah menunaikan kewajipan^z-nya mengenai hal ini. Perlembagaan Malaysia⁶ telah membuat peruntukan ia-itu mana^z treaty dan perjanjian yang di-buat oleh Kerajaan British mengenai Persekutuan Tanah Malaya sa-belum Merdeka atau mengenai Sabah dan Sarawak sa-belum Malaysia ada-lah menjadi sa-bagai tanggongan Kerajaan Malaysia. Tetapi sunggoh pun demikian, Malaysia tidak sa-mesti-nya menerima bebanan^z treaty atau perjanjian itu dengan buta tuli. Sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat Malaysia berhak menolak treaty^z dan perjanjian^z yang di-anggapkan merosak kepentingan-nya. Treaty^z dan perjanjian^z ini hendak-lah di-kaji sa-mula dan sa-harus-nya treaty yang baharu hendak-lah di-tandatangani oleh Malaysia dengan negeriz yang berkenaan.

Dalam abad yang kedua puluh ini sistem politik antarabangsa ada-lah mustahak, kerana segala kesenangan bagi sa-sabuah negeri itu tidak akan terjamin jika tidak ada keamanan dan sa-fahaman di-antara kuasaz besar dalam lapangan politik antara bangsa. Hari ini dunia ini telah terbahagi kepada dua: sa-bahagi kapada negeriz demokrasi dan sa-bahagi lagi kapada negeriz komunis. Tugas Bangsa^z Bersatu ia-lah untuk merapatkan dan bukan-nya untuk menjauhkan lagi tali perhubungan di-antara keduaz belah pehak ini. Dari itu keselamatan dunia ada-lah tergantong kapada bekerjasama negeriz ini. Malaysia telah bersamaz champor dalam lapangan politik antarabangsa dan ada-lah di-harap mudah^zan polisi-nya akan membawa kebijakan kapada-nya dan juga kapada negeriz lain dengan chara membuat sahabat dengan semua negeri dan dengan ini ada-lah jua di-harap supaya sistem demokrasi yang terchatet dalam Perlembagaan Malaysia akan terpelihara.